

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**KEBAJIKAN DAN PENGURUSAN ANAK LUAR NIKAH ISLAM:  
SUATU KAJIAN KES DI DAERAH KOTA SETAR  
DAN KUBANG PASU, KEDAH**



**ABD GHANI BIN AHMAD**

**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

**DOKTOR PENGURUSAN  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
2018**

**KEBAJIKAN DAN PENGURUSAN ANAK LUAR NIKAH ISLAM  
: SUATU KAJIAN KES DI DAERAH KOTA SETAR  
DAN KUBANG PASU, KEDAH**



**ABD GHANI BIN AHMAD (95677)**

**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

**Tesis ini dikemukakan ke Ghazali Syafie Graduate School of  
Government bagi memenuhi syarat penganugerahan  
Ijazah Doktor Pengurusan  
Universiti Utara Malaysia**



Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa  
(College of Law, Government and International Studies)  
Universiti Utara Malaysia

**PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI**  
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa  
(We, the undersigned, certify that)

**ABD GHANI BIN AHMAD (95677)**

Ph.D

calon untuk Ijazah  
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:  
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

**ISU KEBAJIKAN DAN PENGURUSAN ANAK LUAR NIKAH ISLAM : KAJIAN KES DI DAERAH KOTA SETAR DAN KUBANG PASU, KEDAH**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.  
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada 5 APRIL 2018

*That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on: APRIL 5, 2018*

Pengerusi Viva  
(Chairman for Viva)

: PROF. MADYA DR. ZAINAL AMIN AYUB

Tandatangan  
(Signature)

Pemeriksa Luar  
(External Examiner)

: PROF. MADYA DR. AZIZAH MOHD

Tandatangan  
(Signature)

Pemeriksa Dalam  
(Internal Examiner)

: DR. FAUZIAH MOHD NOOR

Tandatangan  
(Signature)

Tarikh: 5 APRIL 2018  
Date


Nama Pelajar  
(Name of Student) : **ABD GHANI BIN AHMAD (95677)**

Tajuk Tesis  
(Title of the Thesis) : **ISU KEBAJIKAN DAN PENGURUSAN ANAK LUAR NIKAH  
ISLAM : KAJIAN KES DI DAERAH KOTA SETAR DAN KUBANG  
PASU, KEDAH**

Program Pengajian : **Ph.D**

(Programme of Study)

Penyelia  
(Supervisor) : **PROF. MADYA DR. NUARRUAL HILAL MD  
DAHLAN**



Tandatangan  
(Signature)



**UUM**

Universiti Utara Malaysia

## **KEBENARAN MENGGUNA**

Dalam membentangkan tesis ini bagi memenuhi syarat sepenuhnya untuk ijazah Doktor Pengurusan Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa Perpustakaan Universiti boleh secara bebas membenarkan sesiapa saja untuk memeriksa. Saya juga bersetuju bahawa penyelia saya atau jika ketiadaannya, Dekan Ghazali Syafie Graduate School of Government (GSGSG) diberi kebenaran untuk membuat salinan tesis ini dalam sebarang bentuk, sama ada keseluruhannya ataupun sebahagiannya, bagi tujuan kesarjanaan. Adalah dimaklumkan bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau kegunaan tesis ini sama ada sepenuhnya atau sebahagian daripadanya bagi tujuan keuntungan kewangan, tidak dibenarkan kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis dari saya. Juga dimaklumkan bahawa pengiktirafan harus diberikan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia dalam sebarang kegunaan kesarjanaan terhadap sebarang petikan daripada tesis saya.

Sebarang permohonan untuk menyalin atau menggunakan mana-mana bahan dalam tesis ini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, hendaklah dialamatkan kepada:

Dekan (Ghazali Syafie Graduate School of Government)

UUM College of Law, Government and International Studies (UUM COLGIS)

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Kedah Darul Aman



## PENGHARGAAN

Alhamdulillah dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya, saya dapat menyempurnakan tesis ini. Sesungguhnya dengan bantuan dan rahmat daripada Allah SWT, maka saya mampu mengharungi segala cabaran dan rintangan dalam perjalanan menimba ilmu ini dengan jayanya. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Prof. Madya Dr Nuarrual Hilal Bin Md Dahlan selaku penyelia tesis yang telah banyak memberikan tunjuk ajar kepada saya dalam menyempurnakan tugas ini.

Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Universiti Utara Malaysia yang telah memberikan peluang kepada saya untuk melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Pengurusan. Terima kasih juga diucapkan kepada pihak College of Law, Government and International Studies (COLGIS), Ghazali Syafie Graduate School of Government (GSGSG), Yayasan Bank Rakyat sebagai penaja kewangan, perpustakaan, institusi seperti JKM, RPNH dan individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya melakukan penyelidikan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan buat ayahanda, Hj Ahmad Bin Lebai Yusof yang memberikan suntikan semangat sehingga saya berjaya berada pada tahap ini. Tidak lupa juga kepada arwah bonda Hjh Halimah Binti Hj Saad yang tidak berpeluang merasai kejayaan saya. Penghargaan juga buat bonda, Sabariah Binti Abdul Hamid yang menyokong perjuangan saya. Buat isteri tercinta, Hjh Faridah Akma Binti Hj Wahid dan anak-anak tersayang Qurratul ‘Ain Amirah, Amir Qayyum Baihaqi, Qurratul ‘Ain Nabilah, Qurratul ‘Ain Syakirah, Amir Firdaus Ishraqi, Amir Faez Sidqi dan Amir Fawwaz Najhi yang sangat memahami keutamaan masa saya menyiapkan penyelidikan ini berbanding masa bersama mereka. Tidak lupa juga kepada adik-beradik yang memberikan sokongan moral terutamanya Hjh Faridah, Dr Mahyudin dan Dr Nisar Mohammad yang turut membantu mencari idea dan bahan-bahan rujukan kepada saya. Tidak ketinggalan juga buat sanak saudara iaitu Hjh Zauyah/Hj Taib, Husna/Zakaria, Hj Abd Halim/Hjh Sahata, Mohd Asri/Fatimah, Hj Othman Ali, Norasmin, Dr Nooraini, Najwa/Mohd Khairul Shahizan, Safuan Zuhdi/Siti Nor Hanis, Mohammad/Noraihan, Suhimi/Najwa, Mohd Najib Fahmi/Wan Farah Hanani, Azzam Tamimi, Siti Fitriah, Mohd Fauzan Afifi, Siti Hajar dan Siti Munirah yang sentiasa mendoakan kejayaan ini.

Akhir sekali, saya berdoa kepada Allah SWT agar mengurniakan keberkatan ilmu untuk diri saya, keluarga dan masyarakat demi kebahagiaan di dunia dan akhirat.

## ABSTRACT

The unhealthy social life among teenagers in the country has resulted in out-of-wedlock pregnancy and accordingly, increases the birth rates of illegitimate children. This research focuses on the issues of wellbeing and management of illegitimate children according to Syariah and legal perspectives. There are five key issues relating to illegitimate children which include guardianship, wellbeing and management, education, emotion and feeling as well as ethics and the behavioral change of the illegitimate children and their mothers. The biological mothers and their next of kin, adoptive families, government agencies and non-governmental organizations (NGOs) are the parties responsible for the wellbeing and management of the illegitimate children. The objectives of this research are: to identify issues relating to the wellbeing and management of illegitimate children in the State of Kedah, to assess the existing and relevant laws particularly in the State of Kedah, and to suggest solution mechanisms to address the issue. This research is qualitative in nature where library-based and field research methods are used for data collection. References were made to various relevant sources such as classical books, current books, acts and enactments, journals, government's official reports, court cases, etc. The field research employs the methods of face-to-face interviews using semi-structured questions and telephone interviews using structured questions based on purposive sampling. The data are analyzed using inductive and deductive approaches. The research outcome shows that there are biological mothers who have no choices but to give up their illegitimate children to adoptive families due to pressure from their parents in order to uphold the family's honor and dignity. There are also biological mothers who, with support from their families, willingly want to take care of the children despite the difficulties they have to face. This research suggests that the biological mothers and their next of kin, adoptive families and relevant government agencies should play effective roles within their respective capacities to uphold the wellbeing and good management of the illegitimate children. There is a need for the existing laws to be amended, enhanced and given a new breath to assure improvement for the best interest of all parties.

**Keywords:** Out-Of-Wedlock Teenage Pregnancies, Illegitimate Child, Syariah Laws, Conventional Laws, Kedah.



## ABSTRAK

Pergaulan bebas di kalangan remaja sehingga hamil luar nikah menjadi isu besar dalam negara kita. Kesannya, berlaku peningkatan jumlah anak luar nikah dari tahun ke tahun. Isu ini sudah tentu membimbangkan masyarakat. Penyelidikan ini memfokuskan isu-isu kebajikan dan pengurusan anak luar nikah menurut hukum Syarak dan undang-undang. Terdapat lima (5) isu dan masalah yang berbangkit daripada kelahiran anak luar nikah antaranya: penjagaan, kebajikan dan pengurusan, pendidikan, emosi dan perasaan serta akhlak dan perubahan sikap kepada ibu kandung dan anak tersebut. Ibu kandung dan waris-warisnya, keluarga angkat, agensi kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) merupakan pihak yang bertanggungjawab bagi memastikan kebajikan dan pengurusan anak luar nikah. Objektif penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti isu dan masalah mengenai kebajikan dan pengurusan anak luar nikah di Negeri Kedah, menilai peruntukan undang-undang bagi menangani isu kebajikan dan pengurusan anak luar nikah dalam kerangka undang-undang masa kini khususnya di Negeri Kedah seterusnya mencadangkan langkah penyelesaian masalah dan penambahbaikan peruntukan undang-undang sedia ada kepada pihak berkuasa untuk mengatasi isu kebajikan dan pengurusan anak luar nikah di Malaysia. Penyelidikan ini berbentuk kualitatif dengan kaedah penyelidikan perpustakaan dan lapangan digunakan untuk mengumpul data. Penyelidikan perpustakaan adalah asas utama untuk mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber seperti kitab *turath*, buku, akta dan enakmen, jurnal, laporan rasmi kerajaan, kes mahkamah dan sebagainya yang membincangkan kebajikan dan pengurusan anak luar nikah. Penyelidikan lapangan pula menggunakan kaedah temu bual bersemuka dengan soalan tidak berstruktur manakala temu bual secara telefon dengan soalan berstruktur berdasarkan sampel bertujuan (*purposive sampling*). Data dianalisis menggunakan pendekatan induktif dan deduktif. Hasil penyelidikan menunjukkan terdapat ibu kandung yang terpaksa menyerahkan anak luar nikah kepada keluarga angkat dengan pengaruh ibu bapa demi menutup aib dan menjaga maruah keluarga. Terdapat juga ibu kandung, dengan sokongan keluarga, sanggup menjaga anak tersebut walaupun berhadapan dengan kesusahan. Penyelidikan ini mencadangkan ibu kandung dan warisnyanya, keluarga angkat dan agensi kerajaan perlu melaksanakan tanggungjawab masing-masing demi menjaga kebajikan dan pengurusan anak luar nikah. Terdapat keperluan undang-undang sedia ada dipinda, ditambah dan digubal semula untuk penambahbaikan demi kepentingan semua pihak.

**Kata kunci** : Remaja Hamil Luar Nikah, Anak Luar Nikah, Hukum Syarak, Undang-Undang Konvensional, Kedah.

## SENARAI KANDUNGAN

KEBENARAN MENGGUNA.....	i
PENGHARGAAN.....	ii
ABSTRAK.....	iii
ABSTRACT.....	iv
ISI KANDUNGAN.....	v
SENARAI RAJAH.....	xii
SENARAI AKTA/STATUT.....	xiii
SENARAI KES.....	xv
SENARAI SINGKATAN.....	xvii

### **BAB SATU : PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan.....	1
1.2	Permasalahan Penyelidikan.....	3
1.3	Persoalan Penyelidikan.....	16
1.4	Objektif Penyelidikan.....	16
1.5	Hipotesis Penyelidikan.....	17
1.6	Kepentingan Penyelidikan.....	17
1.7	Limitasi Penyelidikan.....	19
1.8	Definisi Tajuk Penyelidikan.....	23
1.9	Sorotan Karya.....	26
1.9.1	Kesahtarafan Anak.....	27
1.9.2	Hak-hak Anak Luar Nikah Di Sisi Undang-undang.....	31
1.9.3	Kebajikan dan Pengurusan Anak Luar Nikah.....	37
1.10	Metodologi penyelidikan.....	43
1.10.1	Reka Bentuk Penyelidikan.....	43
1.10.1.1	Penyelidikan Undang-undang.....	45
1.10.1.2	Kajian Kes.....	48
1.10.2	Metodologi Pengumpulan Data.....	49
1.10.2.1	Penyelidikan Perpustakaan.....	49

1.10.2.2 Penyelidikan Lapangan.....	50
1.10.3 Metodologi Analisis Data.....	54
1.10.3.1 Pendekatan Induktif.....	54
1.10.3.2 Pendekatan Deduktif.....	55
1.11 Kerangka Teori.....	58
1.12 Ringkasan Bab.....	60

## **BAB DUA : ANAK LUAR NIKAH DI MALAYSIA : REALITI DAN FAKTA**

2.1 Pengenalan.....	62
2.2 Gejala Anak Luar Nikah Di Malaysia.....	63
2.2.1 Fakta-fakta.....	74
2.2.2 Faktor-faktor.....	79
2.2.2.1 Diri sendiri.....	80
2.2.2.2 Keluarga.....	82
2.2.2.3 Pengaruh rakan sebaya.....	85
2.2.2.4 Persekitaran.....	86
2.2.3 Hak-hak sosial dan implikasi.....	88
2.2.3.1 Penamaan dan <i>nasab</i> .....	89
2.2.3.2 Perwarisan harta pusaka.....	90
2.2.3.3 Penentuan status agama.....	90
2.2.3.4 Pembuangan bayi.....	91
2.2.3.5 Penderaan.....	92
2.2.4 Pengurusan.....	93
2.2.5 Prospek dan rancangan.....	96
2.3 Agensi Pengurusan.....	100
2.3.1 Agensi Kerajaan.....	100
2.3.1.1 Kuasa.....	108
2.3.1.2 Limitasi.....	109
2.3.1.3 Kejayaan.....	113
2.3.1.4 Isu dan cabaran.....	116
2.3.1.5 Prospek.....	118

2.3.2	Agensi Swasta.....	122
2.3.2.1	Kuasa.....	124
2.3.2.2	Limitasi.....	127
2.3.2.3	Kejayaan.....	131
2.3.2.4	Isu dan cabaran.....	133
2.3.2.5	Prospek.....	135
2.4	Rumusan.....	138

### **BAB TIGA : ISU-ISU MELIBATKAN ANAK LUAR NIKAH**

3.1	Pengenalan.....	140
3.2	Kedudukan Sabitan <i>Nasab</i> Anak Luar Nikah Kepada Bapa Biologi Mengikut Hukum Syarak.....	141
3.3	Isu-isu Anak Luar Nikah Menurut Islam.....	148
3.3.1	Nafkah.....	148
3.3.2	Pendidikan.....	156
3.3.3	Penjagaan ( <i>Hadanah</i> ).....	160
3.3.4	Institusi Kebajikan.....	163
3.3.5	Perkhidmatan penjagaan.....	167
3.4	Kedudukan Sabitan <i>Nasab</i> Anak Luar Nikah Kepada Bapa Biologi Mengikut Undang-undang Keluarga Islam.....	174
3.5	Isu-isu Anak Luar Nikah Menurut Undang-undang.....	178
3.5.1	Nafkah.....	179
3.5.2	Pendidikan.....	189
3.5.3	Penjagaan ( <i>Hadanah</i> ).....	197
3.5.4	Institusi Kebajikan.....	206
3.5.5	Perkhidmatan penjagaan.....	210
3.6	Rumusan.....	214

## **BAB EMPAT : KAJIAN KES DI DAERAH KOTA SETAR DAN KUBANG PASU**

4.1	Pengenalan.....	216
4.2	Latar belakang Subjek.....	221
4.2.1	Subjek 1.....	221
4.2.2	Subjek 2.....	222
4.2.3	Subjek 3.....	222
4.2.4	Subjek 4.....	222
4.2.5	Subjek 5.....	223
4.2.6	Subjek 6.....	223
4.2.7	Subjek 7.....	223
4.3	Isu-isu dalam penyelidikan kes.....	223
4.3.1	Penjagaan.....	224
4.3.2	Kebajikan dan Pengurusan.....	231
4.3.3	Pendidikan.....	241
4.3.4	Emosi dan Perasaan.....	251
4.3.5	Akhlak dan Perubahan Sikap.....	257
4.4	Analisis Undang-undang.....	263
4.4.1	Penjagaan.....	263
4.4.2	Kebajikan dan Pengurusan.....	277
4.4.3	Pendidikan.....	296
4.4.4	Emosi dan Perasaan.....	303
4.4.5	Akhlak dan Perubahan Sikap.....	314
4.5	Rumusan.....	322

## **BAB LIMA : DAPATAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan.....	327
5.2	Dapatan Penyelidikan.....	328
5.2.1	Penjagaan.....	328
5.2.1.1	Tiada peruntukan mengenai tanggungjawab bapa biologi.....	328
5.2.1.2	Tiada peruntukan undang-undang mengenai maklumat	

	bapa biologi.....	332
5.2.1.3	Tiada pusat jagaan khas untuk anak luar nikah.....	336
5.2.1.4	Penempatan anak luar nikah di institusi JKM mengundang masalah.....	338
5.2.2	Cadangan.....	340
5.2.2.1	Pindaan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 (Enakmen 7).....	340
5.2.2.2	Penambahan Peruntukan baharu dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah) 2014 (Enakmen 18).....	342
5.2.2.3	Penubuhan pusat jagaan khas anak luar nikah.....	344
5.2.2.4	Kelayakan seorang penyelia di pusat jagaan khas anak luar nikah mestilah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh undang-undang.....	345
5.2.3	Kebajikan dan Pengurusan.....	345
5.2.3.1	Bapa biologi terlepas daripada tanggungjawab menyara nafkah anak luar nikah.....	345
5.2.3.2	Tiada peruntukan mengenai kebajikan dan pengurusan anak luar nikah dalam undang-undang keluarga Islam.....	352
5.2.3.3	Penyerahan dan pendaftaran nama anak luar nikah kepada keluarga angkat tidak mematuhi hukum syarak dan <i>prosedur</i> undang-undang.....	357
5.2.3.4	LZNK dan Baitulmal Negeri Kedah tidak mempunyai peruntukan khas kepada ibu dan anak luar nikah.....	361
5.2.4	Cadangan.....	366
5.2.4.1	Pindaan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 (Enakmen 7).....	366
5.2.4.2	Penyusunan semula bab-bab dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 (Enakmen 7).....	368
5.2.4.3	Pindaan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299).....	370
5.2.4.4	Penguatkuasaan terhadap kad pranatal (kad merah) untuk	

	sijil kelahiran dan kad pengenalan serta surat akuan berkanun ibu kandung untuk proses pengangkatan .....	372
5.2.4.5	Pelbagaikan kategori bantuan terhadap ibu kandung dan anak luar nikah serta penguatkuasaan perintah mahkamah oleh LZNK dan Baitulmal.....	373
5.2.5	Pendidikan.....	375
5.2.5.1	Tiada ilmu pengetahuan tentang pendidikan anak luar nikah.....	375
5.2.5.2	Tiada penguatkuasaan undang-undang mewajibkan anak luar nikah bersekolah.....	379
5.2.5.3	Tiada peruntukan denda kepada bapa biologi.....	381
5.2.5.4	Kemiskinan keluarga tidak menjamin anak luar nikah bersekolah.....	383
5.2.6	Cadangan.....	385
5.2.6.1	Penubuhan pusat latihan pengurusan anak luar.....	385
5.2.6.2	Tindakan dan Penguatkuasaan Akta Pendidikan (Pindaan) 2002(Akta A1152).....	386
5.2.6.3	Penambahan peruntukan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 (Enakmen 7).....	387
5.2.6.4	Tabung kemiskinan murid di peringkat KPM perlu diaktifkan.....	389
5.2.7	Emosi dan Perasaan.....	389
5.2.7.1	Tiada hukuman setimpal atas kesalahan penderaan, pembuangan dan pembunuhan anak luar nikah.....	389
5.2.7.2	Tiada perasaan hormat dan wujud pengabaian kasih sayang.....	395
5.2.8	Cadangan.....	398
5.2.8.1	Memperkasa dan memperluaskan bidang kuasa Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) dan Seksyen Syariah, Jabatan Peguam Negara.....	398
5.2.8.2	Memupuk budaya kasih sayang dan belas kasihan.....	400
5.2.9	Akhlak dan Perubahan Sikap.....	401



5.2.9.1	Pengabaian perintah agama punca remaja terlibat seks bebas...	401
5.2.9.2	Sikap negatif keluarga dan masyarakat terhadap anak luar nikah.....	406
5.2.10	Cadangan.....	410
5.2.10.1	Memantapkan pendidikan agama kepada anak remaja.....	410
5.2.10.2	Mewujudkan budaya masyarakat penyayang dan budaya <i>Ikram</i> .....	410
5.3	Rumusan.....	411
<b>BAB ENAM : RUMUSAN.....</b>		<b>415</b>
<b>RUJUKAN : .....</b>		<b>420</b>



**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

## SENARAI RAJAH

<i>Rajah 1.11</i>	Kerangka Teori Penyelidikan .....	59
<i>Rajah 4.1</i>	Kajian Kes 1 Daerah Kota Setar.....	218
<i>Rajah 4.2</i>	Kajian Kes 2 Daerah Kota Setar.....	219
<i>Rajah 4.3</i>	Kajian Kes 3 Daerah Kubang Pasu .....	220
<i>Rajah 4.4</i>	Kajian Kes 4 Daerah Kubang Pasu .....	221
<i>Rajah 5.1</i>	Hasil Baitulmal (2012 – 2016).....	363
<i>Rajah 5.2</i>	Kutipan Zakat (2012 – 2016).....	364



**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

## SENARAI AKTA/STATUT

1. Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98)
2. Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) dan (Pindaan) 2016 (Akta A 1511)
3. Akta Keganasan Rumahtangga 1994 (Akta 521)
4. Akta Kesahtarafan 1961 (Akta 60)
5. Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan), 1997 (Akta 559)
6. Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355)
7. Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian), 1976 (Akta 164)
8. Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan (Pindaan) 2002 (Akta A 1152)
9. Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299)
10. Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253)
11. Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257)
12. Akta Perempuan Bersuami dan Anak-anak (Nafkah) 1950 (Akta 263)
13. Akta Perempuan Bersuami & Anak (Penguatkuasaan Nafkah) 1968 (Akta 794)
14. Akta Perlembagaan (Pindaan) 1988 (Akta A704)
15. Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Akta 97)
16. Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506)
17. Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88)
18. Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 560)
19. Akta Umur Dewasa 1971 (Akta 21)
20. Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan), 1984 (Akta 303)
21. Enakmen Jenayah Syariah (Selangor), 1995
22. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (*Takzir*) (Terengganu), 2001
23. Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan), 2004
24. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah), 2014
25. Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah), 2008
26. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah), 2008

27. Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003
28. Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Perlis) 2006
29. Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah), 2014
30. Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor), 2003
31. Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan), 2003
32. Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis), 2006
33. Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah), 2008
34. Kanun Keseksan (Akta 574)
35. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593)
36. Perlembagaan Persekutuan



## SENARAI KES

1. A Child & Others lwn Jabatan Pendaftaran Negara & Others, Fail Kes Mahkamah Rayuan Kuala Lumpur 2016
2. Dalip Kaur lwn Pegawai Polis Daerah Bukit Mertajam, JH (2) 1993
3. Ervin Ahbabovic lwn Amalya Evelyn Abdullah, LNS (3) 2012
4. Fatimah Abdullah dan Zainal Abidin Mat Zin lwn Mat Zin Kassim, Fail Kes MTS Terengganu 1999
5. Ibrahim Mat Isa, Fail Kes MTS Kedah 2014
6. Ismail Ishak lwn Kalam Mamat, JH (1) 1995
7. Jamuri Ishak dan Azira Aziz, Fail Kes MTS Kedah 2013
8. Jumadi Patomdang lwn Ketua Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan, CLJ (Sya) (1) 2013
9. Ketua Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan lwn Junaizulhisham Juhari & Anor, CLJ (Sya) (1) 2012
10. Kulasingam lwn Rasammah, MLJ (2) 1981
11. Maryam Nurisa Othman lwn Huzairin Basir, JH (2) 2011
12. Mohd. Habibullah Mahmood lwn Faridah Dato Talib, MLJ (2) 1992
13. Mohd Hanif Farikullah lwn Bushra Chaudri, MLJ (5) 2001
14. Muhamad Ezaac Iskandar Abdullah & 2 yang lain lwn Jabatan Pendaftaran Negara & 2 yang lain, LNS (1) 2016
15. Nor Rohayu Lat, Fail Kes MTS Kedah, 2013.
16. Pendakwa Raya lwn Abd Rahman Md Kassim, LNS (1) 1995
17. Pendakwa Syarie lwn Muhammad Fauzullah Ahmad Basheer, LNS (3) 2012
18. Ramah lwn Laton, FMSLR (CA) 1927
19. Rokiah Abdul Jalil lwn Mohd Idris Shamsuddin, JH (2) 1989
20. Roslan Abdul Ghani lwn Zulkifli Mohd Nasir, JH (1) 1989
21. Shah Ruzan Hamdan lwn Ketua Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan, CLJ (Sya) (1) 2013

22. Sistem Televisyen Malaysia Bhd & Ors lwn Nurullah Zawawi & Anor, CLJ (9) 2015
23. Siti Nur Azira Hj Abdul Ghani, Fail Kes MTS Kedah 2012
24. Wan Hashim Wan Ahmad lwn Juatee Jantan, CLJ (Sya) (1) 2013
25. Zafrin Zulhilmi Pauzi lwn Noor Aini Nasron, Fail Kes MTS Terengganu 2012
26. Zakaria Othman lwn Pendakwa Raya, Fail Kes MT Terengganu 2000
27. Zubaidah Othman & Anor lwn Sofiah Elam & Anor, CLJ (Sya) 2004



## SENARAI SINGKATAN

<b>AA</b>	Asrama Akhlak
<b>AIM</b>	Amanah Ikhtiar Malaysia
<b>AJK</b>	Ahli Jawatankuasa
<b>BAKA</b>	Bahagian Kaunseling dan Agama
<b>BKK</b>	Bantuan Kanak-Kanak
<b>BKP</b>	Biasiswa Kecil Persekutuan
<b>BPN</b>	Badan Perundangan Negeri
<b>BRIM</b>	Batuan Rakyat 1 Malaysia
<b>CRC</b>	Clinical Research Centre
<b>CSR</b>	Corporate Social Responsibility
<b>DNA</b>	Deoxyribonucleic Acid
<b>DUN</b>	Dewan Undangan Negeri
<b>GLC</b>	Government Link Company
<b>GTP</b>	Government Transformation Programme
<b>HIV</b>	Human Immunodeficiency Virus
<b>HRPZ II</b>	Hospital Raja Perempuan Zainab II
<b>HSB</b>	Hospital Sultanah Bahiyah
<b>I-KeuNITA</b>	Jejari Bistari dan Inkubator Keusahawanan Wanita
<b>I-KIT</b>	Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal
<b>IKSIM</b>	Institut Kajian Strategik Islam Malaysia
<b>ILIM</b>	Institut Latihan Islam Malaysia
<b>IPO</b>	Interim Protection Order
<b>IVF</b>	In Vitro Fertilisation
<b>JAİK</b>	Jabatan Agama Islam Kedah
<b>JAIM</b>	Jabatan Agama Islam Melaka
<b>JAIN</b>	Jabatan Agama Islam Negeri
<b>JAKIM</b>	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
<b>JAWI</b>	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan



<b>JBG</b>	Jabatan Bantuan Guaman
<b>JHEAIK</b>	Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam Kelantan
<b>JKKK</b>	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
<b>JKM</b>	Jabatan Kebajikan Masyarakat
<b>JKN</b>	Jabatan Kesihatan Negeri
<b>JKPTG</b>	Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian
<b>JKS</b>	Jabatan Kebajikan Sosial
<b>JPMC</b>	Jawatankuasa Penyiasatan Murid Cicir
<b>JPN</b>	Jabatan Pendaftaran Negara
<b>JPN</b>	Jabatan Pendidikan Negeri
<b>JPW</b>	Jabatan Pembangunan Wanita
<b>JZNK</b>	Jabatan Zakat Negeri Kedah
<b>KAFA</b>	Kelas Agama dan Fardhu Ain
<b>KDYMM</b>	Kebawah Duli Yang Maha Mulia
<b>KHEW</b>	Kementerian Hal-Ehwal Wanita
<b>KHKK</b>	Konvensyen Hak Kanak-Kanak
<b>KIR</b>	Ketua Isi Rumah
<b>KKM</b>	Kementerian Kesihatan Malaysia
<b>KMC</b>	Kedah Medical Centre
<b>KPI</b>	Key Performance Indicator
<b>KPJ</b>	Kumpulan Perubatan Johor
<b>KPWK</b>	Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga
<b>KPWKM</b>	Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat
<b>KWAPM</b>	Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin
<b>KWSP</b>	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
<b>LKPI</b>	Lembaga Kebajikan Perempuan Islam
<b>LZCKP</b>	Lembaga Zakat Cawangan Kubang Pasu
<b>LZNK</b>	Lembaga Zakat Negeri Kedah
<b>MAIJ</b>	Majlis Agama Islam Johor
<b>MAIK</b>	Majlis Agama Islam Kedah
<b>MAIN</b>	Majlis Agama Islam Negeri

<b>MAIP</b>	Majlis Agama Islam Perak
<b>MAIS</b>	Majlis Agama Islam Selangor
<b>MEB</b>	Model Ekonomi Baru
<b>MKI</b>	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia
<b>MKK</b>	Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-Kanak
<b>MKRA</b>	Ministerial Key Result Area
<b>NGO</b>	Non Government Organisation
<b>NKEA</b>	National Key Economic Area
<b>NKRA</b>	National Key Result Area
<b>PAKK</b>	Pusat Aktiviti Kanak-Kanak
<b>PAS</b>	Parti Islam Se-Malaysia
<b>PDK</b>	Pusat Dalam Komuniti
<b>PDRM</b>	Polis DiRaja Malaysia
<b>PGSM</b>	Persatuan Peguam Syarie Malaysia
<b>PPK</b>	Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak
<b>PPKK</b>	Pusat Pelindungan Khas Kanak-Kanak
<b>PKMD</b>	Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah
<b>PKS</b>	Program Khidmat Saksi
<b>PKWR</b>	Pusat Khidmat Wakil Rakyat
<b>PO</b>	Protection Order
<b>PSS</b>	Program Susu Sekolah
<b>RBL</b>	Rumah Budak Laki-Laki
<b>RKK</b>	Rumah Kanak-Kanak
<b>RKM</b>	Rumah Kanak-Kanak Mini
<b>RM</b>	Rancangan Malaysia
<b>RMK 10</b>	Rancangan Malaysia Kesepuluh
<b>RMK 11</b>	Rancangan Malaysia Kesebelas
<b>RMT</b>	Rancangan Makanan Tambahan
<b>RPNH</b>	Rumah Pelindungan Nurul Hana
<b>RTH</b>	Rumah Tunas Harapan

<b>RUU</b>	Rang Undang-Undang
<b>SHKH</b>	Sekolah Harapan Rumah Harapan
<b>SITKB</b>	Skim Insurans Takaful Kemalangan Berkelompok
<b>SPBT</b>	Skim Pinjaman Buku Teks
<b>SPM</b>	Sijil Pelajaran Malaysia
<b>SRI</b>	Strategic Reform Initiative
<b>SSI</b>	Social Services Inspectorate
<b>STB</b>	Sekolah Tunas Bakti
<b>TASKA</b>	Taman Asuhan Kanak-Kanak
<b>TSH</b>	Taman Sinar Harapan
<b>TSP</b>	Taman Seri Puteri
<b>UKM</b>	Universiti Kebangsaan Malaysia
<b>UM</b>	Universiti Malaya
<b>UMS</b>	Universiti Malaysia Sabah
<b>UNFPA</b>	The United Nations Population Fund
<b>UniSZA</b>	Universiti Sultan Zainal Abidin
<b>UPM</b>	Universiti Putra Malaysia
<b>USIM</b>	Universiti Sains Islam Malaysia
<b>WHO</b>	World Health Organisation
<b>YAB</b>	Yang Amat Berhormat
<b>YB</b>	Yang Berhormat

# **BAB SATU**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Anak-anak diibaratkan seperti perhiasan kepada kedua-dua ibu bapa mereka. Kelahiran seorang anak merupakan suatu kebanggaan dalam keluarga yang dizahirkan melalui sifat kasih sayang, kegembiraan dan penuh pengharapan. Kehadiran mereka merupakan generasi pewaris keluarga pada masa hadapan yang terbina dalam sebuah keluarga bahagia dan harmoni pasangan kedua-dua ibu bapa melalui proses perkahwinan yang halal. Walau bagaimanapun, terdapat anak-anak yang dilahirkan tanpa melalui perkahwinan yang sah sama ada melalui perbuatan zina ataupun rogol dan status mereka dikenali sebagai anak luar nikah. Namun begitu, kelahiran mereka tidak boleh dipersalahkan kerana mereka tidak berdosa, tidak menanggung dosa kedua-dua ibu bapanya, sebaliknya mempunyai hak-hak tertentu untuk menikmati kesempurnaan hidup sama seperti kanak-kanak yang lain.

Di negara kita, kelahiran anak luar nikah sudah menjadi isu besar yang sangat membimbangkan masyarakat. Peruntukan undang-undang sedia ada gagal menangani isu-isu kelahiran anak luar nikah. Kisah-kisah tentang pembuangan bayi, pembunuhan dan peningkatan jumlah remaja hamil luar nikah yang ditempatkan di pusat-pusat perlindungan didedahkan oleh media arus perdana seperti media cetak, media elektronik,

media maya, wacana ilmiah, pembentangan kertas kerja, laporan penyelidikan dan sebagainya. Pelbagai pendekatan dan penguatkuasaan undang-undang diperkenalkan oleh pihak berkuasa untuk menangani isu kelahiran anak luar nikah tetapi dilihat kurang berkesan bahkan semakin menjadi-jadi tanpa menunjukkan sebarang perubahan.

Kelahiran anak luar nikah juga telah menimbulkan masalah tertentu dalam keluarga dan masyarakat seperti isu penamaan, pergaulan, *nasab*, *hadanah*, nafkah, perwarisan, perwalian, pengurusan jenazah yang melibatkan agama jika ibu kandung bukan Islam, amal kebajikan dan sebagainya. Sungguhpun begitu, kebajikan mereka seperti makan-minum, pakaian, pendidikan dan belaian kasih sayang sama seperti kanak-kanak lain, perlu diberikan perhatian yang sempurna sejak bayi sehinggalah meningkat remaja. Begitu juga dengan pengurusan kehidupan mereka seperti tempat tinggal yang selamat, penjagaan yang sempurna dan mendapat perlindungan daripada segala perkara berbahaya tidak boleh diabaikan semasa sekali. Tidak seperti kanak-kanak yang lain, kebajikan dan pengurusan anak luar nikah terletak di bawah tanggungjawab ibu atau waris ibu sahaja tanpa melibatkan bapa biologi. Sekiranya, ibu atau waris ibu tidak mampu melaksanakan kewajiban tersebut, maka pihak berkuasa hendaklah mengambil tanggungjawab tersebut demi memastikan kedua-dua aspek tersebut tidak terabai.

Oleh itu, kewajiban ibu, waris ibu atau pihak berkuasa telah dinyatakan dengan jelas oleh hukum Syarak dan peruntukan undang-undang agar memberikan perlindungan dan menjaga kebajikan anak luar nikah dengan sempurna. Masyarakat hendaklah menerima keadilan hukum Syarak dan kesaksamaan undang-undang dengan bersikap positif dalam melaksanakan tanggungjawab sosial terhadap hak-hak mereka. Begitu juga, pihak

berkuasa harus prihatin dengan permasalahan ibu dan anak luar nikah dengan menyediakan bantuan kewangan demi meringankan beban mereka. Anak luar nikah adalah manusia biasa yang bermaruah dan mempunyai harga diri di sisi keluarga ibunya dan masyarakat. Kedudukan mereka sama seperti kanak-kanak lain yang berhak menikmati keistimewaan, perlindungan, kebajikan, pendidikan, manfaat dan bebas melakukan aktiviti-aktiviti harian tanpa pilih kasih. Dengan itu, mereka mampu menjadi insan *soleh* yang berguna dan dapat berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

Justeru, penyelidikan ini akan memfokuskan isu kebajikan dan pengurusan anak luar nikah di Negeri Kedah berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada dengan menumpukan kepada peranan ibu, waris ibu, keluarga angkat dan institusi kebajikan serta melihat keberkesanan penguatkuasaan undang-undang dan dasar-dasar pentadbiran agensi-agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tertentu.

## 1.2 Permasalahan Penyelidikan

Islam mewajibkan setiap ibu bapa bertanggungjawab terhadap anak-anak dengan menyediakan segala keperluan hidup mereka terutamanya nafkah<sup>1</sup> dan *hadanah*<sup>2</sup>. Bagi anak luar nikah, kewajipan tersebut hanya dipertanggungjawabkan kepada ibu dan waris ibu sahaja<sup>3</sup> tetapi tidak melibatkan bapa biologi kerana kedua-duanya tidak mempunyai pertalian *nasab*. Daripada aspek nafkah, hukum Syarak telah meletakkan kewajipan tersebut kepada ibunya. Ini adalah berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud ;

---

<sup>1</sup>Nafkah ialah makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan penyusunan jika anak masih kecil dan menyusu". Lihat Wahbah al-Zuhaili, *Fiqh dan Perundangan Islam*, Terj. Ahmad Shahbari Salamon et. al., Jil.7, Cet. 1, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001), 1019-1020.

<sup>2</sup>Hadanah ialah mendidik, memimpin, mengawasi dan mengatur segala hal ehwal kanak-kanak sehingga umur tertentu". Lihat Al-Sharbini, Shams al-Din Muhammad ibn al-Khatib, *Mughni al-Muhtaj*, Jil. 3, (Beirut: Dar al-Fikr, 1421H/2001M), 452.

<sup>3</sup>Abd Ghani Ahmad dan Nuarrual Hilal Md Dahlan, "Kewajipan Menanggung Nafkah Anak Tak Sah Taraf : Satu Kajian Kes di Negeri Kedah", *Kanun*, Jil. 28. Bil. 2, (2016) : 219.

“Janganlah menjadikan seseorang ibu menderita kerana anaknya”<sup>4</sup>

Daripada aspek *hadanah* pula, hukum Syarak meletakkan kewajipan tersebut kepada ibu dan waris ibu. Merujuk hadis Rasulullah SAW yang bermaksud ;

“Anak adalah hak pemilik hamparan (al-firash) sedangkan orang yang berzina (al-‘ahir) haknya adalah batu”<sup>5</sup>

Menurut Ibnu Manzur, kalimah *al-firash* bermaksud hamparan atau katil.<sup>6</sup> Menurut Wahbah al-Zuhaili, kalimah *al-firash* digunakan secara *kinayah* bagi menerangkan maksud wanita yang dinikmati oleh seseorang lelaki.<sup>7</sup> Menurut Al-Hasan pula, wanita yang ditentukan untuk melahirkan anak bagi seseorang tertentu.<sup>8</sup> Maksud sebenar *al-firash* dalam hadis ini bukan merujuk kepada semua wanita tetapi terhad kepada wanita yang diharuskan oleh hukum Syarak untuk digauli atau disetubuhi oleh seseorang lelaki.<sup>9</sup> Umumnya, *fuqaha* berpandangan terdapat dua prinsip penting yang digariskan oleh Rasulullah SAW dalam penentuan kesahtarafan anak. Prinsip pertama iaitu *al-walad li al-firash* menerangkan syarat atau kelayakan sebagai anak yang sah yang dilahirkan oleh *al-firash* sama ada melalui pernikahan yang sah atau pemilikan hamba manakala prinsip kedua iaitu *li al-‘ahir al-hajr* pula menerangkan definisi anak luar nikah yang lahir melalui perzinaan.<sup>10</sup>

---

<sup>4</sup>Al-Quran, *al-Baqarah*, 2 : 233

<sup>5</sup>Al-Imam al-Hafiz Muslim bin Hujjaj al-Naisaburi, *Sahih Muslim*, Cet.2, Kitab Al-Radha’, Bab al-Waladu Lil Firash, Hadis No. 3598, (Beirut: Dar al-Makrifah, 1428H/2007M), 663.

<sup>6</sup>Ibnu Manzur, *Lisan al-‘Arab*, Jil. 8, (Kaherah : Dar al-Ma’rifah, 1960), 368.

<sup>7</sup>Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*, Jil. 10, Cet. 4, (Damsyik : Dar al-Fikr, 1997), 7249.

<sup>8</sup>Ali bin Muhammad ibn ‘Ali al-Sayyid al-Zayn Abi al-Hasan, *al-Ta’rifat*, (Kaherah : Syarikat wa Maktabat wa Matba’at Mustafa al-Babiy al-Halabiy wa Auladuhu, 1938), 145.

<sup>9</sup>Ibnu Manzur, *Lisan al-‘Arab*, 368.

<sup>10</sup>Ibid.



Dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan), 1984 (Akta 303) dan enakmen undang-undang keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia telah memperuntukkan kewajiban ibu atau waris ibu menyara nafkah<sup>11</sup> dan *hadanah*<sup>12</sup> anak luar nikah. Walaupun peruntukan undang-undang tersebut bertujuan untuk menjamin hak-hak anak luar nikah, namun masih berlaku pengabaian tanggungjawab tersebut di kalangan ibu dan waris ibu. Oleh itu, penyelidikan ini akan membincangkan segala permasalahan anak luar nikah agar isu kebajikan dan pengurusan mereka dapat ditangani dengan baik oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab.

Menyentuh tentang nafkah, Najibah Mohd Zin berpendapat tanggungjawab menyara nafkah anak termasuk anak luar nikah adalah berterusan sehingga anak tersebut mencapai umur tertentu dan boleh berdikari mencari rezekinya sendiri. Bagi anak perempuan, tanggungjawab nafkah berterusan sehingga anak tersebut berkahwin. Jika bapa meninggal dunia atau berhalangan menyara nafkah, kewajiban tersebut hendaklah dipikul oleh waris bapa untuk memastikan kebajikan anak tersebut sentiasa terpelihara.<sup>13</sup>

---

<sup>11</sup>Seksyen 80 (1) dan (2), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 81 (1) dan (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Seksyen 81 (1) dan (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 81 (1) dan (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 81 (1) dan (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 yang memperuntukkan (1) “Jika seseorang perempuan cuai atau enggan menanggung nafkah seseorang anaknya yang tak sah taraf yang tidak berupaya menanggung nafkah dirinya, melainkan seorang anak yang dilahirkan akibat rogol, Mahkamah boleh, apabila hal itu dibuktikan dengan sewajarnya, memerintahkan perempuan itu memberi apa-apa elaun bulanan yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah, (2) Elaun bulanan di bawah seksyen ini hendaklah kena dibayar dari tarikh bermulanya kecuai atau keengganan menanggung nafkah itu atau dari sesuatu tarikh yang kemudian mengikut sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu”.

<sup>12</sup>Seksyen 85, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 86, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Seksyen 86, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 86, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 86, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 yang memperuntukkan “Penjagaan anak tak sah taraf hanya pada ibu dan saudara mara ibu”.

<sup>13</sup>Najibah Mohd Zin, “Keperluan Memberi Nafkah”, (11/04/2014), [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=0411&pub=Kosmo&sec=Varia&pg=va\\_01.htm](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=0411&pub=Kosmo&sec=Varia&pg=va_01.htm). (Capaian pada 03 Oktober 2014).

Bagi Mohd Isa Abd Ralip, seseorang bapa tetap berkewajiban memberi nafkah kepada anaknya walau dalam keadaan apa sekalipun. Sekiranya bapa tidak memberi nafkah, maka ibu boleh mengambil harta bapa sekadar yang mencukupi bagi menampung perbelanjaan anak tersebut. Jika anak tersebut tiada bapa, maka datuk sebelah bapa wajib mengambil tanggungjawab berkenaan berdasarkan hubungan *usul* dengan *furu'*.<sup>14</sup>

Menyentuh tentang *hadanah*, Penasihat Majlis Agama Islam Johor (MAIJ)<sup>15</sup>, Datuk Nooh Gadot menyarankan agar satu peraturan khas diwujudkan untuk menjaga kebajikan anak luar nikah di negara ini atas dasar tanggungjawab sosial dan bukan atas dasar hukum Syarak. Peraturan tersebut bertujuan untuk memastikan tanggungjawab menjaga anak luar nikah tidak hanya terletak kepada ibu, tetapi turut melibatkan bapa biologi demi mengelakkan pengabaian ke atasnya. Pandangan beliau adalah merujuk keputusan Mahkamah Perlembagaan Indonesia yang memberikan hak hubungan darah dan hubungan sivil anak luar nikah kepada bapa biologi dan keluarga bapa biologi.<sup>16</sup>

Merujuk suatu kes anak luar nikah di Indonesia, Aisyah Mochtar @ Machica Mochtar telah berkahwin dengan Moerdiono pada 20 Desember 1993 dan bercerai pada tahun 1998. Perkahwinan mereka dilakukan secara sah tetapi tidak didaftarkan secara rasmi. Hasil perkahwinan tersebut, mereka dikurniakan seorang anak lelaki bernama M Iqbal

---

<sup>14</sup>Mohamad Isa Abd Ralip, "Bapa wajib beri nafkah walaupun sudah bercerai", (15/10/2013), <http://kes2syariah.blogspot.my/2013/10/bapa-wajib-beri-nafkah-walaupun-sudah.html>. (Capaian pada 03 Oktober 2014).

<sup>15</sup>Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) ditubuhkan pada tahun 1925 di bawah kuat kuasa Bahagian IV, Bab XV, Lembaga Aturan Bagi Pemerintahan Raja yang berfungsi sebagai penggubal dasar agama Islam Negeri Johor. Selepas pindaan undang-undang tahun 2003, fungsi MAIJ bertukar kepada mengurus dan mentadbir Kumpulan Wang Zakat dan Fitrah, Kumpulan Wang/Harta Baitulmal dan Kumpulan Wang Wakaf sebagai Pemegang Amanah Wakaf berdasarkan Seksyen 4 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri (Johor), 2003. Lihat [http://www.maij.gov.my/?page\\_id=22](http://www.maij.gov.my/?page_id=22). (Capaian pada 18 Julai 2014).

<sup>16</sup>Zanariah Abd Mutalib, "Anak Tidak Sah Taraf Hak Ibu", (22/02/2012), [http://www.malaysianbar.org.my/berita/komen\\_undang\\_undang/anak\\_tidak\\_sah\\_taraf\\_hak\\_ibu.html](http://www.malaysianbar.org.my/berita/komen_undang_undang/anak_tidak_sah_taraf_hak_ibu.html). (Capaian pada 18 Julai 2014).

Ramadhan. Selepas perceraianya, Machica membiayai nafkah anaknya secara bersendirian dan Moerdiono pula menafikan anak tersebut sebagai zuriatnya. Demi memperjuangkan hak anaknya, Machica memfailkan semakan kehakiman agar Mahkamah Konstitusi (MK) mengkaji semula fasal 2, ayat 2 dan fasal 43, ayat 1 dalam Undang-Undang 1/1974 tentang status anak luar nikah hanya memiliki hubungan *nasab* dengan ibu dan waris ibu sahaja. Pada 17 Februari 2012, Ketua Majelis Hakim Mahfud MD menerima permohonan Machica dan memutuskan bahawa seseorang anak yang lahir di luar pernikahan yang sah boleh *dinasabkan* kepada bapa biologi dan hendaklah bertanggungjawab menyara nafkah anak tersebut.<sup>17</sup>

Bagi Najibah Mohd Zin, isu hubungan antara anak luar nikah dengan bapa biologi yang disarankan oleh Datuk Nooh Gadot tersebut pernah dibincangkan pada tahun 2005. Namun begitu, ia memerlukan penyelidikan yang mendalam kerana berdasarkan mazhab Shafii, cadangan tersebut bertentangan dengan hukum Syarak. Bagi bekas Mufti Perlis, Dr Juanda Jaya, isu di atas boleh dibincangkan pada masa hadapan dengan mengambil kira kemaslahatan anak luar nikah dan impak sosial dalam jangka masa panjang.<sup>18</sup>

Yusuf al-Qaradhawi meletakkan kewajipan pemerintah untuk memastikan kebajikan anak luar nikah khususnya dalam memelihara aqidah Islam jika ibunya beragama Islam. Begitu juga, kebajikan mereka untuk mendapat nafkah dan perlindungan di samping

---

<sup>17</sup>Didi Syafirdi, “Kisah Machica Mochtar perjuangkan anak hasil nikah siri ke MK”, 08/12/2012), <https://www.merdeka.com/peristiwa/kisah-machica-mochtar-perjuangkan-anak-hasil-nikah-siri-ke-mk.html>. (Capaian pada 21 Mei 2018).

<sup>18</sup>Zanariah Abd Mutalib, “Anak Tidak Sah Taraf Hak Ibu”, (22/02/2012), [http://www.malaysianbar.org.my/berita/komen\\_undang\\_undang/anak\\_tidak\\_sah\\_taraf\\_hak\\_ibu.html](http://www.malaysianbar.org.my/berita/komen_undang_undang/anak_tidak_sah_taraf_hak_ibu.html). (Capaian pada 18 Julai 2014).

menguruskan kehidupan mereka sama seperti kanak-kanak yang lain. Pandangan beliau bersandarkan kepada hadis Rasulullah SAW<sup>19</sup> dan merujuk fatwanya<sup>20</sup> iaitu ;

“Adalah suatu yang ditetapkan oleh Syarak bahawa seseorang anak apabila kedua ibu bapanya menganut agama yang berbeza, maka dia akan mengikut agama ibu bapanya yang terbaik. Ini bagi mereka yang ayahnya diketahui. Maka apatah lagi dengan yang tidak diketahui ayahnya? Dia adalah seorang muslim tanpa ragu-ragu lagi. Masyarakat muslim bertanggungjawab menjaga dan menanggung nafkah kehidupannya serta mengelakkan tarbiahnya. Janganlah mengharap semata-mata kepada ibu malang yang ditimpa bala. Di dalam Islam, kerajaan bertanggungjawab terhadap penjagaan anak ini dengan perantaraan kementerian atau institusi tertentu”

Menyentuh tentang penjagaan oleh institusi kebajikan, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertanggungjawab memberikan perlindungan kepada anak-anak luar nikah yang tidak dingini oleh ibu sendiri. Terdapat tiga (3) buah pusat jagaan kanak-kanak di bawah JKM iaitu Rumah Kanak-Kanak (RKK)<sup>21</sup>, Rumah Tunas Harapan (RTH)<sup>22</sup> dan Taman Seri Puteri (TSP)<sup>23</sup>. Di seluruh Malaysia, sebanyak 4,453 kes kanak-kanak termasuk anak luar nikah memerlukan pemeliharaan dan perlindungan daripada JKM. Daripada

---

<sup>19</sup>Al-Bukhari, Al-Imam Abi Abdullah Muhammad bin Ismail, *Sahih Bukhari*, Cet.2, Kitab Al-‘itqu, Bab al-‘Abdu Ra’in Fi Mali Sayyidihi, Hadis No. 2558, (Beirut : Dar al-Makrifah,1428H/2007M), 656. Petikan hadis yang bermaksud “Dari Abdullah Bin Umar RA berkata : Sesungguhnya aku telah mendengar Rasuallah SAW bersabda : Setiap kamu adalah penjaga dan kamu semua bertanggungjawab terhadap apa yang kamu jaga”.

<sup>20</sup>Yusuf al-Qaradhawi, *Fatwa Masa Kini*, Jil. 7 dan 8, Cet. 1, Terj. Zaidi Jalil, Munawwar Muhammad dan Norman Mohd Nor, (Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd, 1995), 510.

<sup>21</sup>Rumah Kanak-Kanak (RKK) adalah institusi tempat selamat bagi pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak yang ditubuhkan atau ditetapkan di bawah Seksyen 54, Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611). Lihat Perkhidmatan Rumah Kanak-kanak, <http://www.jkm.gov.my/>. (Capaian pada 1 Oktober, 2015).

<sup>22</sup>Rumah Tunas Harapan (RTH) adalah rumah kanak-kanak sistem berkeluarga yang berperanan memberi jagaan, perlindungan dan kasih sayang dalam suasana sebuah keluarga kepada kanak-kanak yang tidak dapat hidup bersama ibu bapa atau keluarga kandung. Lihat Perkhidmatan Rumah Tunas Harapan, <http://www.jkm.gov.my/>. (Capaian pada 1 Oktober, 2015).

<sup>23</sup>Taman Seri Puteri adalah institusi tempat perlindungan bagi pemeliharaan dan pemulihan kanak-kanak yang ditubuhkan atau ditetapkan di bawah Seksyen 55, Akta Kanak-Kanak 2001. Lihat Perkhidmatan Taman Seri Puteri, <http://www.jkm.gov.my/>. (Capaian pada 1 Oktober, 2015).

jumlah tersebut, seramai 1,683 orang kanak-kanak lelaki dan 2,770 orang kanak-kanak perempuan memerlukan pemeliharaan dan perlindungan daripada JKM. Di Kedah, seramai 434 orang iaitu 117 kanak-kanak lelaki dan 317 orang kanak-kanak perempuan yang memohon pemeliharaan dan perlindungan kepada JKM.<sup>24</sup>

Selain itu, terdapat sebuah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) iaitu Pertubuhan Kebajikan dan Pengurusan Anak Yatim (OrphanCare)<sup>25</sup> telah menubuhkan *baby hatch* iaitu pusat perlindungan anak-anak terbuang termasuk anak luar nikah. *Baby hatch* telah beroperasi di tiga (3) buah tempat iaitu Petaling Jaya, Johor Bahru dan Sungai Petani. Perkhidmatan *baby hatch* dilengkapi sistem penghawa dingin, selamat dan mempunyai kawalan pemantauan 24 jam CCTV untuk melaporkan maklumat bayi yang telah diletakkan dalam *baby hatch*.<sup>26</sup>

Penyelidikan Mohd Mahyeddin Mohd Salleh dan Nisar Mohammad Ahmad menjelaskan bahawa penubuhan *baby hatch* adalah suatu usaha untuk menyelamatkan nyawa anak-anak yang tidak berdosa. Kini, ibu yang melahirkan anak luar nikah atau pasangan suami isteri yang tidak mampu menanggung bayi boleh meninggalkannya di *baby hatch* agar bayi tersebut boleh diambil sebagai anak angkat. Walau bagaimanapun, penubuhan *baby hatch* mengundang perbincangan tentang kewajaran pelaksanaannya sama ada daripada sudut *Maqasid Syariah*<sup>27</sup> ataupun pandangan sosial. Golongan pakar

---

<sup>24</sup>*Laporan Statistik 2013-2015*, (Putrajaya: JKM, 2015), 117-119.

<sup>25</sup>Sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menyediakan perkhidmatan kaunseling dan khidmat nasihat kepada wanita yang bermasalah atau yang enggan memelihara anaknya. Ia berkolaborasi bersama lapan buah hospital Kumpulan Perubatan Johor (KPJ), sebuah kumpulan perubatan yang beroperasi di seluruh Malaysia. <http://orphancare.org.my/ms/>. (Capaian pada 1 Oktober, 2015).

<sup>26</sup>"Pusat Baby Hatch", [portal rasmi], <http://orphancare.org.my/ms/>. (Capaian pada 13 Julai 2017).

<sup>27</sup>Maqasid Syariah bermaksud "Objektif-objektif yang menjadi matlamat ke atasnya tentang pelaksanaan perintah dan larangan berkaitan hukum hakam yang bersifat juz'iyah dalam kehidupan orang-orang

agama seperti Tan Sri Harussani Zakaria, Datuk Abu Hassan Din Al-Hafiz dan Datuk Nooh Gadut menyokong penubuhannya manakala golongan yang menentang pula menganggap *baby hatch* menggalakkan lagi gejala perzinaan dan buang bayi.<sup>28</sup> Oleh itu, penggunaan istilah *baby hatch* perlu dikaji semula dengan nama yang lebih sesuai misalnya “pusat perlindungan anak emas” bagi mengelakkan tanggapan negatif dan stigma masyarakat terhadap anak-anak terbuang dan anak-anak luar nikah.

Selain memelihara anak luar nikah, JKM juga memberikan perlindungan kepada remaja yang terlibat dengan gejala sosial sehingga hamil luar nikah. Menurut Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Dr. Rose Lena Lazemi menyatakan bahawa statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada tahun 2015 mendedahkan sebanyak 3,980 atau 28.8 peratus daripada 13,831 remaja berusia 10 hingga 19 tahun mengandung anak luar nikah. Menurut statistik tersebut, lima (5) negeri mencatatkan kes kehamilan remaja tertinggi iaitu Sabah (3,084), Sarawak (2,910), Selangor (1,461), Johor (1,319) dan Pahang (940) kes. Statisitik Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula melaporkan 93.5 peratus mangsa remaja hamil luar nikah daripada 12,473 kes sejak 2011 hingga Jun 2015 terdiri di kalangan remaja berumur 13 hingga 18 tahun.<sup>29</sup>

Begitu juga, Kerajaan Negeri Melaka telah menubuhkan pusat perlindungan remaja hamil luar nikah iaitu Sekolah Harapan Rumah Harapan (SHKH) pada 17 September 2010.

---

mukallaf di kalangan individu sebagai hamba Allah, masyarakat dan ummah seluruhnya”. Lihat Yusuf al-Qaradhawi, *Dirasah Fi Fiqh Maqasid al-Syariah*, Cet. 2, (Kaherah : Dar al-Syuruq, 1428H/2007M), 20.

<sup>28</sup>Mohd Mahyeddin Mohd Salleh dan Nisar Mohamad Ahmad, “Pengurusan dan Pelindungan Anak Tak Sah Taraf Melalui ‘Baby Hatch’ : Satu Penilaian daripada Perspektif Maqasid Syariah dan Undang-Undang Malaysia”, Kertas kerja, (ISLAC, UNiSZA, Terengganu, 18-19 Nov, 2011), 2-3.

<sup>29</sup>“3,980 remaja hamil anak luar nikah”, (10/09/2016), <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/3-980-remaja-hamil-anak-luar-nikah-1.380841>. (Capaian pada 11 April 2018).

Menurut bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Mohd Ali Rustam, penubuhan SHKH bertujuan untuk memberikan peluang kepada remaja hamil luar nikah meneruskan persekolahan, menyediakan tempat perlindungan dan mengurangkan kadar pembuangan bayi. Segala kos perbelanjaan mereka ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan dan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dipertanggungjawabkan untuk menguruskan segala urusan berkaitan permasalahan mereka.<sup>30</sup>

Menurut Pengarah JAIM, Ismail Hamad, seramai 238 orang remaja hamil dari pelbagai negeri ditempatkan di SHKH dengan mencatatkan empat belas (14) penghuni pada 2010, 2011 (84), 2012 (51), 2013 (61), 2014 (34), dan enam belas (16) penghuni bagi empat bulan pertama tahun 2015. Selain itu, seramai 241 bayi telah dilahirkan oleh pelajar SHKH tersebut yang mana 135 adalah bayi lelaki dan 106 pula bayi perempuan. Hanya seorang bayi sahaja yang dilaporkan meninggal dunia manakala 22 bayi telah diambil oleh keluarga angkat dan bakinya dipelihara oleh ibu kandung.<sup>31</sup>

Selain rumah perlindungan di bawah seliaan JKM, terdapat juga NGO yang mengambil inisiatif menubuhkan rumah perlindungan untuk remaja hamil luar nikah. Di Kedah, terdapat sebuah NGO iaitu Lembaga Kebajikan Perempuan Islam (LKPI)<sup>32</sup> telah menubuhkan rumah perlindungan tersebut dikenali sebagai Rumah Pelindungan Nurul

---

<sup>30</sup>Mohd Anuar Ramli dan Nik Rasyidah Mohamad, "Penubuhan *Sekolah Harapan Rumah Harapan* Di Melaka : Penilaian Dari Perspektif Islam", *Jurnal Al-Basirah*, Vol. 6, No.1, (Disember 2016) : 19.

<sup>31</sup>Tivya Mariappan, "Selepas lima tahun, Sekolah Harapan tercapai matlamatnya - Pengarah JAIM", (12/05/2015), <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/selepas-lima-tahun-sekolah-harapan-tercapai-matlamatnya-pengarah-jaim-59697>. (Capaian pada 10 April 2018).

<sup>32</sup>Lembaga Kebajikan Perempuan Islam (LKPI) Kedah ditubuhkan hasil cetusan idea oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Almarhumah Tuanku Sultanah Bahiyah Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman. LKPI dirasmikan oleh Yang Amat Mulia Tunku Puan Besar Kurshiah pada 9 Oktober 1968 yang dihadiri oleh kira-kira 270 orang wanita seluruh negeri Kedah. Kini, LKPI wujud di 11 buah daerah di Kedah dengan keanggotaan seramai 5300 orang iaitu ahli seumur hidup seramai 500 orang dan ahli biasa seramai 4800 orang. Lihat Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Kedah, "Terbitan Khas 40 Tahun (1968-2008)", Cet.1, (Sintok : Penerbit UUM, 2008),19 - 20.

Hana (RPNH). RPNH yang mula beroperasi pada tahun 1994 telah dirasmikan oleh KDYMM Tuanku Sultan Kedah pada 29 Oktober 2000. Bangunan RPNH terletak di Lot 1889, Jalan Stadium, Off Jalan Kompleks Pendidikan, 05100 Alor Setar, Kedah diuruskan oleh Dato' Hjh Daharah Hj Ismail, Pengerusi LKPI Negeri Kedah. RPNH berdaftar dengan JKM dan telah menerima geran tahunan mengikut statistik kemasukan remaja hamil luar nikah pada setiap tahun.<sup>33</sup>

Menyentuh tentang pendidikan, Zakiyah Jamaluddin menyatakan kemiskinan boleh menyekat kemahuan dan keupayaan seseorang untuk berjaya dalam pendidikan. Situasi ini diburukkan lagi apabila tiada motivasi daripada pelbagai pihak antaranya ibu bapa, keluarga, sekolah dan rakan sebaya. Jika anak-anak mereka termasuk anak luar nikah tidak berminat belajar, ibu bapa boleh mengubah hala tuju kehidupan anak-anak tersebut dengan mempelajari ilmu-ilmu kemahiran. Berbekalkan ilmu kemahiran, mereka keluar daripada alam kemiskinan dengan menceburi bidang kerjaya berkaitan kemahiran.<sup>34</sup>

Penyelidikan Aishah@Eshah Haji Mohamed et. al., pula menyatakan kanak-kanak termasuk anak luar nikah yang *Human Immunodeficiency Virus* (HIV) positif, terbiar di hospital atau di jalanan dan tiada ahli keluarga yang mahu menjaga selalunya diserahkan kepada JKM untuk ditempatkan di rumah perlindungan. Di rumah perlindungan, mereka mendapat sokongan sosial, kerohanian, ekonomi dan emosi. Segala keperluan peribadi mereka seperti makan-minum, pakaian, tempat tinggal, pendidikan agama disediakan oleh rumah perlindungan. Mereka yang cukup umur diajar ilmu keagamaan dan diberi

---

<sup>33</sup>Ibid,15.

<sup>34</sup>Zakiyah Jamaluddin, "Kemiskinan dan Keciciran dalam Pendidikan", *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, Vol. 37 (2011) : 15.



pendidikan formal. Yuran pengajian, kos pengangkutan dan penjagaan ditanggung sepenuhnya oleh rumah perlindungan dengan bantuan orang ramai dan kerajaan.<sup>35</sup>

Menyentuh tentang bantuan kewangan, Mustafa Dakian menyatakan bahawa kemiskinan adalah sesuatu yang paling tidak disukai oleh masyarakat. Pembasmian kemiskinan dapat ditangani dengan baik jika pengagihan ekonomi negara dapat disalurkan kepada golongan sasaran seperti ibu dan keluarga yang memelihara anak luar nikah. Sumber kekayaan negara menghasilkan perolehan melalui sistem zakat, sedekah dan subsidi negara yang dapat diagihkan kepada golongan miskin, daif dan tidak bernasib baik. Keberkesanan dalam mengurus sumber kekayaan negara dapat membantu meningkatkan lagi kemakmuran, taraf hidup dan kesejahteraan dalam masyarakat.<sup>36</sup>

Penyelidikan Aza Shahnaz Azman dan Fadilah Mat Nor tentang kemiskinan di Hulu Langat, Selangor menjelaskan kadar kemiskinan di kalangan wanita sebagai Ketua Isi Rumah (KIR) mencecah ke tahap 94.8 peratus manakala 5.2 peratus sahaja yang keluar daripada kategori miskin. Daripada 94.8 peratus, statistik menunjukkan 70 peratus adalah miskin tegar berbanding 29 peratus miskin sahaja. Ini menggambarkan KIR golongan wanita miskin termasuk ibu dan keluarga yang memelihara anak luar nikah perlu dibantu untuk meneruskan kehidupan mereka. Oleh itu, institusi zakat harus meneliti pendekatan terbaik agar dasar-dasar yang dibentuk dapat menyelesaikan masalah kemiskinan melalui pengagihan bantuan-bantuan tertentu.<sup>37</sup>

---

<sup>35</sup>Aishah @ Eshah Haji Mohamed et. al., "Emosi dan Punca Anak Wanita HIV/AIDS Berada di Rumah Pelindungan", *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, Vol. 7, No. 1 (2012) : 323.

<sup>36</sup>Mustafa Dakian, *Sistem Kewangan Islam : Instrumen, Mekanisme dan Pelaksananya di Malaysia*, Terbitan Pertama, (Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn.Bhd., 2005),19-20.

<sup>37</sup>Aza Shahnaz Azman dan Fadilah Mat Nor, "Bantuan Zakat Ke Arah Pembangunan Kualiti Hidup Asnaf Wanita di Hulu Langat, Selangor", Kertas kerja, (KUIS, Selangor, t.th), 6.

Menyentuh tentang penjagaan anak luar nikah oleh keluarga angkat, Pengarah Bahagian Kanak-kanak, JKM, Arfan Sulaiman menjelaskan proses biasa yang dilakukan oleh JKM ialah mendaftarkan kelahiran seseorang bayi termasuk anak luar nikah yang diserahkan kepada JKM. Selepas dikeluarkan sijil kelahiran, ibu kandung dan bakal keluarga angkat perlu membuat surat akuan berkanun di hadapan Pesuruhjaya Sumpah sebelum penyerahan bayi dilakukan. Jika ibu kandung berusia di bawah 18 tahun, surat akuan berkanun tersebut perlu dibuat bersama dengan waris.<sup>38</sup>

Menyentuh tentang penderaan dan pembuangan bayi, YB Senator Datuk Saripah Aminah Syed Mohamed menegaskan bahawa kerajaan perlu mempercepatkan pindaan Kanun Keseksaan untuk membolehkan tindakan diambil terhadap lelaki yang menjadi pasangan kepada wanita yang dihukum kerana kesalahan membuang bayi termasuk anak luar nikah. Undang-undang sedia ada tidak memperuntukkan hukuman kepada lelaki yang menjadi penyebab, sebaliknya peruntukan hukuman penjara dua puluh (20) tahun bagi kesalahan itu hanya dikenakan terhadap wanita sahaja.<sup>39</sup>

Menteri Kebajikan Wanita dan Pembangunan Keluarga Sarawak, Datuk Fatimah Abdullah pula menyatakan isu pembuangan bayi bukanlah perkara baharu tetapi sudah menjadi “mimpi buruk yang bermusim” bagi masyarakat termasuk di Sarawak. Faktor desakan hidup, hilang pertimbangan diri atau takut dicemuh oleh ahli keluarga yang lain adalah antara punca berlaku kejadian kes tersebut. Ibu bapa atau remaja hamil luar nikah

---

<sup>38</sup>Rozainah Abdul Rahim, “Dilema Lisa Mahu Anak Jadi Anak Angkat”, <http://www.bernama.com/bernama/v8/bm/ge/newsperspectives.php?id=1287429>. (Capaian pada 14 Julai 2017).

<sup>39</sup>“Pindaan Undang-undang Buang Bayi Perlu Dipercepat”, (27/04/2010), <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2010/04/27/pindaan-undangundang-buang-bayi-perlu-dipercepat/>. (Capaian pada 18 Julai 2014).

disarankan agar tidak mengambil jalan pintas dengan membuang bayi yang dilahirkan bagi menutup malu, sebaliknya menyerahkan anak tersebut ke tempat khas yang disediakan oleh kerajaan seperti di JKM, rumah perlindungan, hospital dan sebagainya.<sup>40</sup>

Penyelidikan Adibah Bahori dan Siti Zubaidah Ismail menyatakan usaha pencegahan perbuatan buang bayi memerlukan kepada perubahan sosial. Gejala pembuangan bayi berpunca daripada faktor persekitaran dalam masyarakat dan negara iaitu pergaulan bebas dan pengabaian pendidikan agama telah mencetuskan salah laku seksual di kalangan remaja. Kesedaran tentang dosa dan pahala hanya akan timbul setelah perbuatan tersebut dilakukan. Aspek *amar makruf nahi mungkar* juga kurang diberi perhatian dalam masyarakat. Kekurangan sosialisasi undang-undang syariah di kalangan masyarakat menyebabkan usaha *nahi mungkar* tidak disebarkan kepada umum dan mereka mudah terpengaruh dengan budaya seks bebas.<sup>41</sup>

Berdasarkan isu-isu anak luar nikah yang telah dibincangkan di atas, penyelidik mendapati suatu penyelidikan terkini perlu dilakukan untuk mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci tentang kebajikan dan pengurusan anak luar nikah dalam negara kita. Penjelasan ini perlu supaya masyarakat lebih memahami tentang hukum Syarak dan peruntukan undang-undang berkaitan dengan fenomena tersebut. Di samping itu, penyelidikan ini juga berupaya mencari *mekanisme* terbaik dalam usaha penambahbaikan kepada peruntukan undang-undang sedia ada dan membantu pihak

---

<sup>40</sup>“Jangan buang bayi luar nikah”, (11/07/2014), [http://www.utusan.com.my/utusan/Sabah\\_%26\\_Sarawak/20140711/wb\\_03/Jangan-buang-bayi-luar-nikah#ixzz37mFmuajT](http://www.utusan.com.my/utusan/Sabah_%26_Sarawak/20140711/wb_03/Jangan-buang-bayi-luar-nikah#ixzz37mFmuajT) . (Capaian pada 18 Julai 2014).

<sup>41</sup>Adibah Bahori dan Siti Zubaidah Ismail, “Pencegahan dan Hukuman Perbuatan Buang Bayi Menurut Kerangka Perundangan Syariah dan Sivil di Malaysia: Cukupkah Undang-Undang Yang Ada?”, Kertas kerja, (Akademi Pengajian Islam, UM, Kuala Lumpur, t.th), 134.

berkuasa mengambil inisiatif yang lebih efisien dan bersistematik terhadap isu-isu anak luar nikah khususnya, di Negeri Kedah dan amnya, di Malaysia.

### **1.3 Persoalan Penyelidikan**

- 1.3.1 Apakah undang-undang Islam yang mengawal kebajikan dan pengurusan anak luar nikah di Negeri Kedah?
- 1.3.2 Apakah kelemahan-kelemahan dan isu-isu undang-undang Islam tersebut dalam mengawal kebajikan dan pengurusan anak luar nikah di Negeri Kedah?
- 1.3.3 Sejauh manakah isu kebajikan dan pengurusan anak luar nikah di Negeri Kedah ditangani dengan baik?
- 1.3.4 Bagaimanakah membentuk kaedah-kaedah baharu untuk menangani dan menyelesaikan isu-isu berkaitan kebajikan dan pengurusan anak luar nikah di Malaysia?

### **1.4 Objektif Penyelidikan**

- 1.4.1 Memeriksa undang-undang Islam yang mengawal kebajikan dan pengurusan anak luar nikah di Negeri Kedah.
- 1.4.2 Menilai kelemahan-kelemahan dan mengenal pasti isu-isu undang-undang Islam tersebut dalam mengawal kebajikan dan pengurusan anak luar nikah serta membandingkannya antara daerah Kota Setar dan Kubang Pasu, Kedah.
- 1.4.3 Mengenal pasti isu dan masalah mengenai kebajikan dan pengurusan anak luar nikah di Negeri Kedah.

1.4.4 Mencadangkan langkah-langkah penyelesaian masalah dan penambahbaikan peruntukan undang-undang sedia ada kepada pihak berkuasa dalam menangani isu-isu kebajikan dan pengurusan anak luar nikah di Malaysia.

## **1.5 Hipotesis Penyelidikan**

Peruntukan undang-undang sedia tidak memadai dan perlu dikaji semula untuk memastikan kebajikan dan pengurusan anak luar nikah sentiasa terjamin.

## **1.6 Kepentingan Penyelidikan**

Berdasarkan pengamatan penyelidik, penyelidikan-penyelidikan terdahulu hanya memfokuskan kepada hak-hak anak luar nikah menurut perspektif Islam sahaja dan perbandingan hak-hak anak luar nikah di kalangan orang Islam dan bukan Islam menurut undang-undang Islam dan undang-undang sivil. Sebenarnya, matlamat penggubalan undang-undang di negara kita sama ada di peringkat Persekutuan ataupun Negeri adalah untuk menjamin hak dan kepentingan semua golongan termasuklah anak luar nikah. Oleh itu, penyelidikan tentang kebajikan dan pengurusan anak luar nikah di kalangan orang Islam adalah penting dan perlu dilakukan.

Penyelidikan ini akan memfokuskan isu kebajikan dan pengurusan anak luar nikah orang Islam di Negeri Kedah berdasarkan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah), 2008 (Enakmen 7) dan disokong juga oleh undang-undang lain jika berkaitan dengannya agar masyarakat lebih memahami tentang hak-hak mereka dalam erti kata yang sebenarnya. Pada peringkat negara pula, anak luar nikah adalah sebahagian daripada rakyat yang sepatutnya mendapat hak yang sama rata, layanan yang adil dan saksama

menurut Perlembagaan Persekutuan. Dalam Perlembagaan Persekutuan mengandungi Jadual Kesembilan yang membahagikan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dalam Senarai Pertama (Senarai Persekutuan), bidang kuasa Kerajaan Negeri dalam Senarai Kedua (Senarai Negeri) dan kolaborasi antara bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan bidang kuasa Kerajaan Negeri dalam Senarai Ketiga (Senarai Bersama). Oleh itu, peranan agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), JKM, Mahkamah Syariah Negeri Kedah, Jabatan Agama Islam Kedah (JAIK) dan NGO dapat membantu mengatasi isu-isu berkaitan anak luar nikah, ibu kandung, waris ibu dan keluarga angkat.

Penyelidikan ini membantu menyedarkan anak luar nikah orang Islam tentang hak-hak mereka yang sebenarnya wujud di sisi undang-undang yang mana sebelum ini mereka menganggap diri mereka terlalu hina, tiada nilai di sisi masyarakat dan tidak mempunyai apa-apa hak seperti kanak-kanak lain. Bagi remaja hamil luar nikah, mereka harus sedar bahawa terdapat banyak agensi kerajaan seperti KPWKM, JKM dan NGO yang menyediakan pusat perlindungan untuk memelihara ibu dan anak luar nikah. Bagi ibu dan keluarga anak luar nikah pula, terdapat agensi kerajaan seperti Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), baitulmal dan sebagainya yang dapat menyalurkan bantuan kewangan demi meringankan bebanan mereka memelihara dan membesarkan anak luar nikah. Bagi keluarga angkat yang memelihara anak luar nikah orang Islam diharap dapat meningkatkan “celik undang-undang” dan “celik hak” sebagai penjaga. Informasi daripada hasil penyelidikan ini boleh diperluaskan kepada masyarakat melalui penerbitan seperti buku, makalah, artikel, jurnal dan sebagainya.

Hasil penyelidikan ini diharap dapat memberi sumbangan yang bermanfaat kepada institusi-institusi kerajaan seperti Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), JKM, JAIK, Jabatan Mufti, universiti dan NGO seperti Majlis Peguam, Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM), OrphanCare, RPNH dan sebagainya. Selanjutnya, institusi-institusi tersebut dapat menganjurkan diskusi-diskusi ilmiah untuk memperincikan lagi cadangan-cadangan yang telah dikemukakan bagi penambahbaikan segala kelemahan dalam peruntukan undang-undang sedia ada ke arah mewujudkan undang-undang yang bersifat *massa* dan melindungi hak-hak anak luar nikah dalam negara kita.

### **1.7 Limitasi Penyelidikan**

Menurut Ahmad Sunawari Long, limitasi penyelidikan ditentukan oleh penyelidik itu sendiri. Tujuannya adalah untuk memfokuskan sesuatu bidang penyelidikan agar tidak menyimpang daripada isu-isu yang hendak diselidiki. Ini dapat mengelakkan pembaca agar tidak mempersoalkan isu-isu yang pada sisi mereka dianggap relevan tetapi tidak dimasukkan dalam penyelidikan. Dalam memulakan penyelidikan, tiga aspek penting perlu diberikan perhatian iaitu limitasi masa, bidang dan lokasi kejadian.<sup>42</sup> Menurut Othman Talib pula, setiap penyelidikan mempunyai limitasi yang tersendiri dan perlu dilaporkan walaupun ringkas. Limitasi penyelidikan merujuk kepada kemungkinan terdapat kelemahan di luar kawalan yang memberi kesan kepada penyelidikan. Dengan adanya limitasi penyelidikan dapat menghadkan skop dapatan penyelidikan di bawah kawalan penyelidik.<sup>43</sup>

---

<sup>42</sup>Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, Edisi Keenam, (Bangi : Fakulti Pengajian Islam, UKM, 2011), 41.

<sup>43</sup>Othman Talib, *Asas Penulisan : Tesis Penyelidikan dan Statistik*, Cet. 1, (Serdang : Penerbit UPM), 51.

Oleh itu, penyelidikan ini hanya menumpukan dua aspek limitasi penyelidikan iaitu bidang dan lokasi sahaja. Kedua-dua aspek tersebut dapat memberikan gambaran sebenar tentang bentuk penyelidikan dan secara tidak langsung, pembaca mudah memahaminya. Pada aspek bidang penyelidikan, isu kebajikan dan pengurusan anak luar nikah orang Islam menjadi fokus penyelidikan berdasarkan perundangan masa kini. Pada aspek lokasi penyelidikan, daerah Kota Setar dan Kubang Pasu diberikan tumpuan khusus disebabkan kedudukannya yang terletak di pusat bandar yang mempunyai pusat-pusat hiburan dan hotel-hotel bajet. Ini menjadi tarikan kepada sebahagian besar golongan remaja untuk menghabiskan masa bersama pasangan masing-masing.

Penyelidik telah mengenal pasti sumber utama maklumat berkaitan kelahiran anak luar nikah orang Islam boleh didapati dari Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) dan JPN di Alor Setar, Kedah. Penyelidik telah mengutus surat rasmi kepada Dr Noor Zaini Hj Morad, Timbalan Pengarah 1, HSB (Perubatan) menyatakan hasrat untuk mendapatkan data kelahiran anak luar nikah peringkat Negeri Kedah dan Malaysia<sup>44</sup> dan dibenarkan untuk mendapatkan data tersebut melalui Unit Penyelidikan Klinikal (CRC), HSB.<sup>45</sup>

Hasil perbincangan dengan Ibtisam Ismail, penyelidik menghadapi kesukaran untuk mendapatkan data kelahiran anak luar nikah disebabkan dokumen tersebut diklasifikasikan sebagai “sulit” dan jika didapati pihaknya membocorkan maklumat, boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Seksyen 7A, Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88).<sup>46</sup> Sekiranya masih berminat, penyelidik perlu mengisi borang untuk

---

<sup>44</sup>Surat rasmi UUM kepada HSB, 30 Disember, 2014.

<sup>45</sup>Surat rasmi HSB kepada penyelidik, 5 Januari, 2015.

<sup>46</sup>Ibtisam Ismail, Pegawai CRC HSB, temu bual oleh penyelidik, Bilik Tetamu CRC, HSB, Alor Setar, 14 Januari, 2015.



dipanjangkan kepada Ketua Pengarah, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan kelulusan boleh diberikan tertakluk kepada syarat-syarat tertentu dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh permohonan. Namun begitu, kelulusan tersebut perlu mematuhi *prosedur* tertentu di mana CRC HSB tidak akan berhadapan dengan tindakan mahkamah jika keluarga anak luar nikah mengambil tindakan undang-undang kerana memberikan maklumat mereka kepada penyelidik. Oleh kerana terpaksa menghadapi *birokrasi* pentadbiran dan menyulitkan, penyelidik membatalkan niat untuk mendapatkan maklumat tersebut daripada CRC HSB.

Selanjutnya, penyelidik menghubungi Encik Mohd Riddual Ahmad, Penolong Pengarah Bahagian Kelahiran dan Kematian, JPN Negeri Kedah lalu menyerahkan surat rasmi untuk mendapatkan statistik terkini kelahiran anak luar nikah peringkat Negeri Kedah dan Malaysia.<sup>47</sup> Dalam perbincangan tersebut, Encik Mohd Riddual memaklumkan bahawa permohonan penyelidik untuk mendapatkan kedua-dua data tersebut ditolak kerana dokumen tersebut adalah sulit yang tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak walaupun untuk tujuan penyelidikan.<sup>48</sup> Namun begitu, atas budi bicaranya, Encik Mohd Riddual telah memberikan data peringkat Negeri Kedah kepada penyelidik yang mengandungi maklumat di daerah Kota Setar dan Kubang Pasu yang menjadi fokus utama penyelidikan ini.<sup>49</sup> Penyelidik mengakui terdapat halangan daripada kedua-dua institusi di atas yang berautoriti dalam memberikan maklumat terperinci tentang data dan statistik terkini kelahiran anak luar nikah peringkat Negeri Kedah dan Malaysia.

---

<sup>47</sup>Surat rasmi UUM kepada JPN Kedah, 30 Disember, 2014.

<sup>48</sup>Surat rasmi JPN Putrajaya kepada penyelidik, 4 Februari, 2015.

<sup>49</sup>Surat rasmi JPN Kedah kepada penyelidik, 12 Januari, 2015.

Selain itu, penyelidik dimaklumkan oleh JKM bahawa terdapat rumah perlindungan remaja hamil luar nikah yang dikelolakan oleh RPNH. Di RPNH, penyelidik telah berbincang dengan Puan Nashikin Hanafi, Penyelia Bimbingan bertujuan untuk mengadakan temu bual dengan subjek-subjek yang dicadangkan dalam penyelidikan.<sup>50</sup> Penyelidik menyerahkan surat rasmi<sup>51</sup> kepada Pengerusi LKPI, Dato Hj. Daharah Hj Ismail dan membenarkan Puan Nashikin mengatur pertemuan dengan bekas penghuni RPNH dan waris terdekat. Daripada lima subjek yang perlu ditemu bual iaitu anak luar nikah, ibu kandung, bapa biologi, waris ibu kandung dan waris bapa biologi, penyelidik hanya berjaya menemu bual dua subjek sahaja iaitu ibu kandung dan warisnya. Berdasarkan rekod, RPNH hanya mempunyai maklumat mengenai ibu kandung dan warisnya sahaja dan tidak mempunyai maklumat anak luar nikah yang meningkat dewasa, bapa biologi dan waris bapa biologi. Dalam hal ini, penyelidik menghadapi kekangan data dan maklumat untuk mendapatkan bilangan subjek yang dicadangkan.

Puan Nashikin pula dapat memberikan maklumat satu subjek sahaja kepada penyelidik untuk ditemu bual di rumahnya manakala tiga subjek yang lain mahu ditemu bual di RPNH.<sup>52</sup> Atas kebijaksanaannya, Puan Nashikin berjaya memujuk dan menyakinkan mereka untuk datang dan ditemu bual oleh penyelidik. Kesemua subjek tersebut telah memberi kerjasama yang baik dan membenarkan kenyataan mereka dirakam. Penyelidik menemu bual setiap subjek pada hari-hari yang berbeza disebabkan setiap subjek berhadapan dengan masalah tersendiri. Setiap temu bual mengambil masa dalam tempoh 20-30 minit sahaja. Ini disebabkan subjek agak keberatan untuk menceritakan semua

---

<sup>50</sup>Nashikin Hanafi, Penyelia Bimbingan RPNH yang dikelolakan oleh LKPI Negeri Kedah. Beliau bertanggungjawab menguruskan program keagamaan dan ilmu-ilmu kemahiran kepada remaja hamil luar nikah. Temu bual secara telefon oleh penyelidik, 7 Januari, 2015.

<sup>51</sup>Surat rasmi UUM kepada LKPI Kedah, 14 Januari, 2015.

<sup>52</sup>Nashikin Hanafi, temu bual oleh penyelidik, RPNH Alor Setar, 14 Januari, 2015.

perkara yang berlaku ke atas mereka dan masih bersedih dengan peristiwa hitam yang menimpa mereka.

## 1.8 Definisi Tajuk Penyelidikan

Kebajikan ialah sesuatu yang membawa kebaikan atau perbuatan baik atau kebaikan.<sup>53</sup>

Kebajikan berasal daripada perkataan bajik bererti buat baik, sesuatu yang murni. Ia melibatkan amal jariah ; niat dalam pertuturan dan perbuatan. Ia mempunyai konsep global, tentang *duniawi* dan *ukhrawi*. Kebajikan masa kini memerlukan penonjolan untuk mendidik, membimbing dan menyedarkan masyarakat dalam slogan dan hasrat : “kebajikan tanggungjawab bersama” sebagai satu hala cara bersepadu penglibatan semua, untuk kebajikan semua. Kebajikan tidak hanya tertumpu kepada kerajaan semata-mata, sebaliknya memerlukan pengembelangan tenaga semua pihak dalam membangunkan masyarakat dinamis yang berdaya maju.<sup>54</sup>

Oleh itu, kebajikan dalam konteks penyelidikan ini ialah untuk mengetahui dan melihat bentuk-bentuk kebajikan yang dilakukan oleh ibu, waris ibu atau keluarga angkat yang memelihara anak luar nikah daripada aspek nafkah, *hadanah*, pendidikan, keagamaan, pembentukan akhlak Islam dan sebagainya. Selain itu, fungsi agensi-agensi kerajaan dan NGO dalam melaksanakan program-program seperti membantu remaja hamil luar nikah sama ada ketika mengandung ataupun sesudah bersalin dan proses penyerahan anak luar nikah kepada keluarga angkat atau diletakkan di bawah institusi JKM dan NGO jika ibu atau waris ibu enggan memelihara anak tersebut. Kesemua fungsi tersebut boleh dinilai

---

<sup>53</sup>Kamus Dewan, Edisi Keempat, Cet. 2, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 110.

<sup>54</sup>Wan Azmi Ramli, “Kebajikan Masyarakat : Masalah dan Cabaran”, *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, Vol. 12, No. 2 (Disember 1990) : 22.

berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada demi membangunkan potensi dan hak-hak ibu dan anak luar nikah ke tahap yang lebih baik dan sempurna.

Pengurusan ialah perihal (kerja) mengurus sesuatu.<sup>55</sup> Pengurusan secara amnya dapat didefinisikan kepada dua aspek. Pertama ; pengurusan sebagai proses perancangan, penyusunan, pengarahan dan pengawalan usaha ahli-ahli organisasi dan menggunakan semua sumber organisasi untuk mencapai matlamat organisasi. Kedua ; pengurusan sebagai proses pengarahan, penyelarasan dan pengaruh ke atas operasi organisasi untuk mencapai matlamat yang dikehendaki dan prestasi sepenuhnya. Definisi di atas walaupun mempunyai sedikit perbezaan pada segi bilangan dan jenis fungsi pengurusan tetapi kedua-dua definisi itu mengandungi perkataan “proses” dan “matlamat”. Ini bermakna dua aspek penting dalam pengurusan ialah :

- a) Pengurusan sebagai proses : menjalankan kerja secara sistematik dan memerlukan hubungan tertentu antara satu aktiviti dengan aktiviti yang lain.
- b) Mencapai matlamat organisasi : apabila aktiviti organisasi itu berjalan dengan teratur dan berhubung atau membantu antara satu sama lain, maka matlamat organisasi itu dapat dicapai sama ada berbentuk kualitatif atau kuantitatif.<sup>56</sup>

Oleh itu, pengurusan dalam konteks penyelidikan ini ialah untuk mengetahui dan melihat *mekanisme* pengurusan yang sedang dan telah dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan dan NGO terhadap kebajikan anak luar nikah. Jika terdapat kelemahan-kelemahan tertentu, maka langkah-langkah penyelesaian perlulah dilakukan segera ke arah penambahbaikan sistem pengurusan sedia ada. Selain itu, cadangan-cadangan

---

<sup>55</sup>Kamus Dewan, 1780.

<sup>56</sup>Juhary Ali, *Asas Pengurusan*, Cet. 1, (Pulau Pinang : Penerbit USM, 1995), 3.

baharu dapat dikemukakan termasuk pindaan undang-undang sedia ada demi meningkatkan tahap kecekapan dalam pengurusan anak luar nikah agar lebih positif dan *efektif*. Dengan itu, ibu dan anak luar nikah mampu membina keyakinan diri di samping dapat mengecapi nikmat kehidupan yang lebih bermakna.

Anak luar nikah mempunyai maksud yang hampir sama dengan anak tak sah taraf. Ia boleh dibahagikan kepada beberapa kategori berikut :

- a) Anak zina<sup>57</sup>
- b) Anak *li'an*<sup>58</sup>
- c) Anak *laqit*<sup>59</sup> (pungut atau terdampar)
- d) Anak mangsa rogol<sup>60</sup>
- e) Anak tiada dokumen kelahiran<sup>61</sup>
- f) Anak sumbang *mahram*<sup>62</sup>

Anak tak sah taraf di Malaysia mempunyai dua definisi ; Pertama : dari sudut *fiqh* iaitu anak yang lahir di luar pernikahan yang syarie (anak zina), anak *li'an*, anak *laqit* (pungut atau terdampar), anak mangsa rogol dan anak sumbang *mahram*. Kedua : dari

---

<sup>57</sup>Anak yang lahir di luar pernikahan yang syarie oleh ibu bapanya. Lihat Mohd Shukri Hanapi dan Mohd Tajul Sabki Abdul Latib, *Kamus Istilah Undang-undang Jenayah Syariah*, Terbitan Pertama, (Kuala Lumpur : Zebra Editions Sdn. Bhd., 2003), 308.

<sup>58</sup>Anak yang dinafikan *nasabnya* oleh bapa kerana menuduh isterinya (ibu kepada anak dalam kandungan) berzina dengan orang lain. Lihat Mohd Shukri Hanapi dan Mohd Tajul Sabki Abdul Latib, *Kamus Istilah Undang-undang Jenayah Syariah*, 144 ; Lihat Hj Dasuki Haji Ahmad, *Kamus Pengetahuan Islam*, Edisi Baharu, Cet. 1, (Kuala Lumpur : Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd., 2012), 488.

<sup>59</sup>Anak yang dijumpai sama ada dibuang oleh ibu bapanya atau terdampar akibat sesuatu perkara seperti bencana alam. Lihat Kamus Dewan, 1249 dan Haji Dasuki Haji Ahmad, *Kamus Pengetahuan Islam*, 486.

<sup>60</sup>Anak yang dilahirkan akibat kejadian rogol. Lihat Kamus Dewan, 1339.

<sup>61</sup>Anak yang tidak mempunyai dokumen kelahiran disebabkan perkahwinan ibu bapanya tidak didaftarkan di Mahkamah Syariah. Lihat Pendaftaran Kelahiran Biasa, Jabatan Pendaftaran Negara, <http://www.jpn.gov.my/maklumat-kelahiran/pendaftaran-kelahiran-biasa/#1458271986746-b0b1e312-c399>. (Capaian pada 15 Ogos 2017).

<sup>62</sup>Anak yang dilahirkan hasil daripada kejadian sumbang mahram seperti ayah merogol anak perempuannya atau berzina dengannya. Lihat Kamus Dewan, 1540.

sudut pentadbiran JPN iaitu anak yang tidak mempunyai dokumen kelahiran akibat perkahwinan ayah dan ibunya tidak didaftarkan di Mahkamah Syariah.<sup>63</sup> Oleh itu, penyelidikan ini tidak menggunakan istilah anak tak sah taraf kerana definisinya terlalu luas sebaliknya istilah anak luar nikah lebih tepat kerana penyelidikan ini memfokuskan gejala seks bebas di kalangan remaja yang mengakibatkan persetubuhan luar nikah sehingga lahirnya anak luar nikah.

## 1.9 Sorotan Karya

Tajuk penyelidikan merupakan aspek penting yang perlu diberikan pertimbangan untuk memulakan penyelidikan. Minat yang mendalam dan pengalaman dalam sesuatu bidang mampu mencetuskan idea yang baik dan sesuai bagi memenuhi persoalan penyelidikan dan objektif penyelidikan. Oleh itu, pencarian sumber maklumat, pembacaan yang meluas, penilaian yang *detil* dan catatan penyelidikan terdahulu perlu diberi keutamaan untuk meningkatkan kefahaman kepada penyelidik dalam membuat penyelidikan.<sup>64</sup> Sorotan karya boleh menjadi panduan kepada penyelidik untuk mengetahui sesuatu yang ingin diselidiki, mencari kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data yang tepat dengan penyelidikan yang ingin dilakukan. Penyelidikan terdahulu sangat penting dijadikan sebagai bahan rujukan untuk mengetahui isu-isu yang telah dibincangkan selain menjadi panduan kepada penyelidik untuk memulakan penyelidikan.<sup>65</sup>

---

<sup>63</sup>Irwan Mohd Subri et. al., "Mem"bin/binti"kan Anak Tak Sah Taraf Menurut Perspektif Syarak, Undang-Undang dan Sosial", Laporan Eksekutif Perundingan Penyelidikan, USIM dengan kerjasama JAKIM, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Ipoh, Perak, (Mac, 2013), 9.

<sup>64</sup>Sulaiman Masri, *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan*, Edisi Kedua, (Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2005), 43.

<sup>65</sup>Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, 44.

Berdasarkan sorotan-sorotan karya terdahulu, penyelidik membahagikan tiga tema penting iaitu kesaharapan anak, hak-hak anak luar nikah di sisi undang-undang dan kebajikan dan pengurusan anak luar nikah.

### 1.9.1 Kesaharapan Anak

Menurut Siti Zalikhah Md Nor, hubungan antara anak dengan bapa yang dikaitkan secara biologi boleh disabitkan walaupun tanpa melalui pernikahan yang sah. Penyelidikan ini menunjukkan bahawa sabitan kebapaan (*thubut al-ubuwwah*) merupakan sebahagian daripada sabitan *nasab* dengan bersandarkan pandangan ulamak mazhab Hanafi, Shafi'i dan pendapat *fuqaha* al-Zuhaili.<sup>66</sup> Kaedah untuk mensabitkan bapa biologi bagi anak luar nikah hendaklah terlebih dahulu dipastikan empat perkara iaitu Pertama ; perlu ada peruntukan undang-undang yang mewajibkannya, Kedua ; perlu ada peruntukan undang-undang yang membenarkannya, Ketiga ; perlu ada kaedah yang boleh diterima pakai dan Keempat ; apakah sabitan hubungan anak dan bapa boleh menggugurkan hukuman zina?<sup>67</sup>

Apa yang menarik dalam penyelidikan ini ialah tiada keseragaman peruntukan dalam undang-undang keluarga Islam di Malaysia yang mewajibkan empat perkara di atas untuk mensabitkan bapa biologi kepada anak luar nikah. Begitu juga, dalam undang-undang kesalahan jenayah syariah, tiada peruntukan yang menetapkan kewajiban yang sama untuk mensabitkan bapa biologi dengan anak tersebut. Ketiadaan peruntukan dalam kedua-dua undang-undang tersebut menyebabkan ibu atau penjaga anak luar nikah tidak boleh membuat apa-apa tuntutan terhadap bapa biologi di mahkamah.

---

<sup>66</sup>Siti Zalikhah Md Nor, "Beberapa Aspek Mengenai Sabitan Hubungan Biologi antara Anak dan Bapa Tanpa Nikah", *Jurnal Hukum*, Jil. 25, Bhg. 2 (April 2008/1429H) : 183.

<sup>67</sup> Ibid, 184-187.

Keadaan ini menggambarkan bapa biologi akan “terlepas” daripada tindakan undang-undang dan bebas mengulangi perbuatan yang sama kerana tidak ada hukuman boleh dikenakan terhadapnya.

Hamdi Ishak pula menyatakan penentuan kesahtarafan anak adalah persoalan pokok dalam Islam kerana ia merupakan perintah Allah SWT demi menjaga kesucian zuriat dan keturunan manusia. Terdapat banyak nas Al-Quran dan Hadis yang memberi peringatan agar manusia memelihara keturunan dengan tidak sekali-kali melakukan penyelewengan dalam menentukan kesahtarafan anak.<sup>68</sup> Penyelidikannya mendapati kesahtarafan anak memberi kesan secara langsung terhadap hukum kekeluargaan antaranya pernikahan dan adab pergaulan, perwalian, pemilikan harta dan perwarisan, *hadanah* dan nafkah. Islam tidak meminggirkan hak-hak mereka walaupun wujud perbezaan *nasab* antara anak yang dilahirkan secara sah dengan anak luar nikah, sebaliknya Islam sangat menitikberatkan pembentukan sistem kekeluargaan yang teratur dan mulia.<sup>69</sup> Penyelidikan ini mendapati kaedah penentuan kesahtarafan anak berdasarkan kaedah *qiyafah* di zaman Rasulullah SAW sehingga ke zaman para *fuqaha* kini semakin berkembang melalui teori sains iaitu kaedah *In Vitro Fertilisation* (IVF) dan kaedah *Deoxyrenobucleac Asid* (DNA). Melalui kaedah tersebut, maka ia sedikit sebanyak dapat membantu pihak-pihak berwajib dalam penentuan kesahtarafan anak berasaskan pandangan *fiqh* dan sains moden.<sup>70</sup>

---

<sup>68</sup>Hamdi Ishak, “Kaedah Penentuan Kesahtarafan Anak : Analisis Fiqh Berasaskan Keilmuan Semasa”, Tesis Sarjana Syariah, UM, Kuala Lumpur, (2008), 7.

<sup>69</sup>Ibid, 13-23.

<sup>70</sup>Ibid, 26-75.



Nabilah Yusof et.al. pula membincangkan isu pernikahan sindiket yang berlaku di kalangan orang Islam sama ada dalam negara ataupun di luar negara. Pernikahan sindiket telah menimbulkan pelbagai andaian tentang kesahan acara pernikahan yang dijalankan oleh juru nikah daripada aspek hukum Syarak dan undang-undang. Ini disebabkan status pernikahan sindiket bergantung kepada cara pernikahan tersebut dilaksanakan dan sama ada rukun nikah telah dipenuhi ataupun tidak.<sup>71</sup> Penyelidikan tersebut menyatakan terdapat kaitan antara nikah sindiket dengan kesaharufan anak. Ketika proses pendaftaran kelahiran anak, sijil nikah ibu dan bapa anak tersebut dan dokumen-dokumen lain perlu dikemukakan kepada JPN. Sijil kelahiran anak tersebut tidak boleh didaftarkan atas nama bapanya jika JPN mendapati sijil nikah tidak didaftarkan dengan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), tiada perintah Mahkamah Syariah yang mengesahkan pernikahan tersebut atau sijil nikah didapati palsu. Impak nikah sindiket menjadi ketara disebabkan ia melibatkan kesahan sesuatu pernikahan. Sekiranya pernikahan itu tidak sah, maka ia dikira melahirkan anak luar nikah.<sup>72</sup>

Menurut Paizah Ismail, perkahwinan yang sah dan diiktiraf oleh undang-undang adalah teras utama untuk menentukan kesahan identiti seseorang anak. Jika perkahwinan sah menurut hukum Syarak tetapi tidak didaftarkan mengikut *prosedur* undang-undang, maka anak yang lahir daripada perkahwinan itu dikira sebagai anak luar nikah. Ini bermakna anak yang lahir daripada perkahwinan sedemikian itu, walaupun sah di sisi agama dan budaya di mana anak tersebut bukan anak zina, tetapi statusnya tetap

---

<sup>71</sup>Nabilah Yusof et.al., "Status Anak Dalam Perkahwinan Sindiket Menurut Perspektif Syarak dan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984", *Proceeding Of The International Conference On Social Science Research, (ICCSR, Penang, Malaysia, 4-5 Jun, 2013)*, 5.

<sup>72</sup>Ibid, 10.

dianggap sebagai anak luar nikah di sisi undang-undang.<sup>73</sup> Penyelidikannya telah merujuk sumber yang sahih iaitu pandangan ulamak empat mazhab. Asas perbahasan para *fuqaha* berdasarkan ayat "وَحْمَلُهُ وَفِصْلُهُ ثَلَاثُونَ شَهْرًا" yang bermaksud “tempoh mengandungnya beserta dengan tempoh menceraikan susu ialah dalam masa tiga puluh (30) bulan”<sup>74</sup> dan ayat "وَفِصْلُهُ فِي عَامَيْنِ" yang bermaksud “tempoh menceraikan susu ialah dalam masa dua (2) tahun”<sup>75</sup> serta kisah Khalifah Uthman Ibn ‘Affan yang mahu merejam wanita yang melahirkan anak selepas enam (6) bulan mengandung apabila suaminya membawa kes tersebut kepada khalifah. Ibnu ‘Abbas telah menegur sikap khalifah dengan merujuk kedua-dua ayat di atas. Khalifah bersetuju dengan pandangan Ibnu ‘Abbas lalu melepaskan wanita tersebut daripada hukuman.<sup>76</sup>

Isu kesahataran anak telah dibahaskan panjang lebar oleh para *fuqaha* berkaitan tempoh masa kelahiran seseorang anak selepas berlaku persetubuhan antara suami isteri bukan merujuk kepada tempoh akad nikah. Mengikut mazhab Hanafi, tempoh maksimum kelahiran seseorang anak ialah dua (2) tahun. Pandangan ini berasaskan pendapat Saidatina Aisyah yang menyebut :

“Anak tidak akan berada dalam rahim ibunya lebih daripada dua tahun walaupun sesaat”<sup>77</sup>

Mengikut mazhab Syafi’i dan Hanbali, tempoh maksimum kelahiran anak ialah empat (4) tahun berdasarkan realiti kaum wanita Bani ‘Ajlan yang mengandung selama empat

---

<sup>73</sup>Paizah Ismail, “Anak Tak Sah Taraf dari Perspektif Syariah dan Perundangan Islam di Malaysia”, *Jurnal Fiqh*, No. 10 (2013) : 79.

<sup>74</sup>Al-Quran, *Al-Ahqaf*, 46 :15.

<sup>75</sup>Al-Quran, *Lukman*, 31 : 14

<sup>76</sup>Al-Kasani, *Bada’i al-Sana’i*, Juz. 3, (Kaherah : Maktabah al-Jamaliah, 1328H), 211.

<sup>77</sup>Ibnu Hummam, *Fath al-Qadir*, Juz. 3, (Kaherah : Al-Halabi, tt), 310.

(4) tahun.<sup>78</sup> Mazhab Maliki pula memberi tempoh maksimum kelahiran ialah lima (5) tahun. Imam Malik sendiri mendengar ada kaum wanita yang mengandung sehingga tujuh (7) tahun.<sup>79</sup> Walau bagaimanapun, ada *fuqaha* lain antaranya Muhammad Ibn 'Abd al-Hakam dari mazhab Maliki menyatakan tempoh maksimum kelahiran seseorang anak ialah satu (1) tahun (*qamariyyah*)<sup>80</sup> manakala al-Zahiri pula berpendapat selama sembilan (9) bulan sahaja.<sup>81</sup> Al-Syaikh Muhammad Abu Zuhrah pula menyatakan tiada bukti yang boleh menyokong teori yang menyebut sama ada dua (2), empat (4) atau lima (5) tahun walaupun pelbagai penyelidikan kuantitatif telah dilakukan di zamannya. Menurutnya lagi, kelaziman perempuan mengandung ialah sembilan (9) bulan sahaja dan boleh bertolak ansur sehingga satu (1) tahun dengan berdasarkan prinsip *ihtiyat* (cermat). Al-Syaikh Muhammad Abu Zuhrah bersetuju dengan pandangan yang dibuat oleh Muhammad Ibn 'Abd al-Hakam dan al-Zahiri.<sup>82</sup>

### 1.9.2 Hak-hak Anak Luar Nikah Di Sisi Undang-undang

Merujuk buku karangan Siti Zalikah Md Nor menyatakan hak kanak-kanak terbahagi kepada dua jenis iaitu hak yang berbentuk harta dan tidak berbentuk harta. Hak yang berbentuk harta seperti makan-minum, pakaian, tempat tinggal dan perubatan manakala hak yang tidak berbentuk harta seperti memenuhi keperluan mental, fizikal dan spiritual yang bersangkutan-paut dengan sabitan kebapaan, *hadanah*, *ta'dib* dan perwalian ke atas diri dan harta kanak-kanak.<sup>83</sup> Pelindungan ke atas seorang kanak-kanak boleh dijamin keberkesannya melalui pelaksanaan undang-undang. Oleh itu, terdapat undang-

---

<sup>78</sup>Al-Sharbini, Al-Khatib, *Mughni Muhtaj*, Juz. 3, (Kaherah : Al-Halabi, 1957), 390.

<sup>79</sup>Ibnu Rushd, *Bidayah al-Mujtahid*, Juz. 2, (Kaherah : Matba'ah al-Kulliyah al-Azhariyyah, 1966), 352.

<sup>80</sup>Ibid.

<sup>81</sup>Ibnu Hazm al-Zahiri, *al-Muhalla*, Juz. 10, (Kaherah : Matba'ah al-Muniriyyah, 1972), 385.

<sup>82</sup>Muhammad Abu Zuhrah, *al-Ahwal al-Syakhsiiyyah*, (Kaherah : Dar al-Fikr al-'Arabi, 1957), 453.

<sup>83</sup>Siti Zalikah Md Nor, *Pelindungan Kanak-Kanak dalam Islam : Perlaksanannya Menurut Undang-Undang di Malaysia*, Edisi Pertama, Cet. 1 (Kuala Lumpur : Nurin Enterprise, 1989), 1.

undang yang dibuat khusus untuk memberi perlindungan fizikal, mental, spiritual, moral dan harta bagi seorang kanak-kanak. Di Malaysia, terdapat dua bentuk undang-undang yang menjaga kebajikan kanak-kanak termasuk anak luar nikah iaitu undang-undang yang diluluskan di Parlimen yang melibatkan kanak-kanak Islam dan bukan Islam serta undang-undang yang diluluskan di Dewan Undangan Negeri (DUN) seperti Enakmen Undang-undang Keluarga Islam yang terpakai untuk orang Islam sahaja.<sup>84</sup>

Azizah Mohd dalam bukunya memfokuskan isu-isu perlindungan dan penjagaan kanak-kanak terbiar di Malaysia dengan membuat perbandingan antara undang-undang sivil dan undang-undang Islam dalam konteks saraan nafkah dan *hadanah* melibatkan kanak-kanak Islam dan kanak-kanak bukan Islam. Dalam konteks nafkah, bagi anak luar nikah Islam, kewajiban tersebut dipertanggungjawabkan kepada ibunya. Jika ibu enggan atau cuai melaksanakan tanggungjawab tersebut, maka mahkamah dengan alasan-alasan munasabah memerintahkan ibu memberi nafkah secara bulanan berdasarkan Seksyen 80 (1) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303).<sup>85</sup> Bagi anak luar nikah bukan Islam, mahkamah boleh memerintahkan seseorang yang bertanggungjawab menyara nafkah anaknya sama ada anak sah nikah ataupun anak luar nikah jika enggan berbuat demikian secara bulanan di bawah Seksyen 3 (1) dan (2), Akta Perempuan Bersuami dan Anak-anak (Nafkah), 1950 (Akta 263).<sup>86</sup>

Dalam konteks *hadanah* anak luar nikah Islam, ibu merupakan orang paling berhak menjaga anak kecilnya disebabkan oleh sifat keibuan yang ada padanya seperti

---

<sup>84</sup>Ibid, 21.

<sup>85</sup>Azizah Mohd, *Protection and Adoption of Abandoned Children in Malaysia : A Comparative Overview with islamic Law*, (Petaling Jaya: ILBS, 2008), 58 – 59.

<sup>86</sup>Ibid, 52 – 53.

berakhlak mulia, penyayang dan memahami perasaan anaknya.<sup>87</sup> Bagi anak luar nikah bukan Islam, ibu mempunyai hak penjagaan ke atasnya di bawah usia tujuh (7) tahun dan boleh dilanjutkan sehingga ke suatu tempoh yang dibenarkan oleh mahkamah.<sup>88</sup> Penyelidik mendapati Azizah Mohd menggunakan analisis undang-undang perbandingan di Malaysia mengenai hak-hak anak luar nikah Islam dan bukan Islam. Terdapat beberapa perkembangan undang-undang termasuk perbincangan ilmiah menurut hukum Syarak dan sosial yang perlu dianalisis dan didiskusikan secara menyeluruh dan terkini. Oleh itu, isu kebajikan dan pengurusan anak luar nikah sangat sesuai dibuat penyelidikan bagi menyambung perbincangan terdahulu agar lebih bersifat semasa.

Menurut Nora Abdul Hak, seseorang bapa adalah berkewajipan memberi nafkah terhadap anak-anaknya. Bagi anak lelaki, kadar nafkahnya adalah sehingga dia mencapai umur *baligh* dan bagi anak perempuan pula, kadar nafkahnya adalah sehingga dia berkahwin. Kadar nafkah yang diberikan adalah berdasarkan keperluan seseorang anak dan kemampuan seseorang bapa. Walau bagaimanapun, kadar nafkah boleh berubah mengikut keperluan anak-anak tersebut dan diubah melalui perintah mahkamah jika terdapat permohonan daripada mana-mana pihak.<sup>89</sup> Bagi anak luar nikah, undang-undang memperuntukkan kewajipan ibu menyara nafkahnya.<sup>90</sup> Selain itu, seseorang

---

<sup>87</sup>Ibid, 49.

<sup>88</sup>Ibid, 47.

<sup>89</sup>Nora Abdul Hak, "Hak Kanak-Kanak dari Aspek Hadanah dan Nafkah di bawah Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia", Simposium Kebangsaan Kebajikan Kanak-kanak, (Gurney Resort Hotel and Residences, Pulau Pinang, 21 - 22 Julai, 2004), 5-6.

<sup>90</sup>Seksyen 80 (1), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 81 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Seksyen 81 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 81 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 81 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 yang memperuntukkan "Jika seseorang perempuan cuai atau enggan menanggung nafkah seseorang anaknya yang tak sah taraf yang tidak berupaya menanggung nafkah dirinya, melainkan seorang anak yang dilahirkan akibat rogol, Mahkamah boleh, apabila hal itu dibuktikan dengan sewajarnya, memerintahkan perempuan itu memberi apa-apa elaun bulanan yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah"

anak juga berhak kepada *hadanah*. Syariat Islam telah menetapkan had usia penjagaan bagi kanak-kanak lelaki sehingga mencapai umur tujuh (7) tahun manakala kanak-kanak perempuan sehingga mencapai umur sembilan (9) tahun. Undang-undang juga memberi hak kepada kanak-kanak lelaki jika berumur tujuh (7) tahun atau sembilan (9) tahun bagi kanak-kanak perempuan untuk memilih sama ada ingin tinggal dengan ibu ataupun bapa jika berlaku perceraian.<sup>91</sup> Begitu juga anak luar nikah, undang-undang memperuntukkan hak *hadanah* kepada ibu atau waris ibu.<sup>92</sup>

Siti Zalikhah Md Nor pula menyentuh aspek kesalahan yang wujud akibat perzinaan atau hamil luar nikah yang menjadi penyebab kelahiran anak luar nikah. Penyelidikannya menerangkan bahawa anak luar nikah di kalangan orang bukan Islam dikaitkan dengan keturunan ibunya. Keadaan ini menyamai kedudukan anak luar nikah di kalangan orang Islam yang hanya mensabitkan *nasab* di sebelah ibunya berdasarkan hukum Syarak.<sup>93</sup> Walau bagaimanapun, kedudukan anak luar nikah orang bukan Islam boleh berubah menjadi sah apabila kedua ibu bapanya berkahwin mengikut upacara perkahwinan yang diiktiraf oleh agama mereka.<sup>94</sup> Dapat difahami bahawa hak-hak anak luar nikah bukan Islam yang sebelumnya terhalang akan kembali kepada mereka seperti hak untuk dikaitkan dengan keturunan, nafkah, hak jagaan, harta pusaka dan sebagainya

---

<sup>91</sup>Nora Abdul Hak, "Hak Kanak-Kanak dari Aspek Hadanah dan Nafkah di bawah Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia", 3-4.

<sup>92</sup>Seksyen 85, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 86, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Seksyen 86, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 86, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 86, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 yang memperuntukkan "Penjagaan anak tak sah taraf hanya pada ibu dan saudara mara ibu".

<sup>93</sup>Siti Zalikhah Md Nor, "Beberapa Aspek mengenai Sabitan Hubungan Biologi antara Anak dan Bapa Tanpa Nikah", 181-182.

<sup>94</sup>Seksyen 75(2), Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164) yang memperuntukkan "Tertakluk kepada peruntukkan seksyen ini, anak dari sesuatu perkahwinan yang tak sah hendaklah disifatkan sebagai seorang anak tak sah taraf ibu bapanya jika, pada masa pengupacaraan perkahwinan itu, kedua-dua atau salah satu pihak itu mempercayai dengan munasabah bahawa perkahwinan itu adalah sah"

setelah status perkahwinan antara kedua-dua ibu bapanya menjadi sah. Sebaliknya, bagi anak luar nikah di kalangan orang Islam akan kekal terhalang sampai bila-bila kerana tiada peruntukan sedemikian dalam hukum Syarak atau undang-undang keluarga Islam yang membenarkannya. Perkara ini termasuklah anak di kalangan orang Islam yang lahir daripada perkahwinan yang sah tetapi tidak didaftarkan mengikut *prosedur* undang-undang kerana status mereka dikategorikan sebagai anak luar nikah.

Penyelidikan Hamidah Abdul Hamid lebih menumpukan punca-punca kelahiran anak luar nikah, mengenal pasti kedudukan dan hak-haknya mengikut undang-undang Islam dan undang-undang sivil serta menentukan peruntukan undang-undang yang lebih baik antara kedua-duanya. Penyelidikannya telah menunjukkan beberapa persamaan dan perbezaan berkaitan dengan hak-hak yang diperoleh anak luar nikah pada segi *nasab*, nafkah, *hadanah*, perwalian dan perwarisan. Hak-hak tersebut agak terbatas berbanding dengan hak anak-anak yang lahir melalui pernikahan yang sah. Segala tanggungjawab dan pengawasan terhadap anak luar nikah terletak pada ibu atau waris ibunya sahaja kerana tiada undang-undang yang memperuntukkan tanggungjawab bapa biologi menyara nafkah anak luar nikah. Penyelidikan tersebut mendapati wujud perbezaan yang ketara daripada sudut perubahan status anak luar nikah di sisi undang-undang Islam dan undang-undang sivil. Mengikut undang-undang Islam, status anak luar nikah sentiasa kekal hingga ke akhir hayatnya dan tidak boleh diubah sama sekali. Tiada suatu akta, enakmen mahupun kaedah yang diperuntukkan untuk mengubah statusnya menjadi anak sah taraf. Ini disebabkan undang-undang Islam amat mementingkan kemuliaan *nasab* dan memelihara keturunan umatnya daripada bercampur baur, malah pemeliharaan *nasab* ini juga dapat mengelakkan daripada berlakunya masalah yang lebih besar. Bagi

undang-undang sivil, status anak luar nikah boleh berubah menjadi sah taraf mengikut kaedah pengesaharafan seperti dalam Akta Kesahtarafan 1961 (Akta 60), Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611), Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257) dan Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164).<sup>95</sup>

Ahmad Sabri Ibrahim juga memfokuskan perbandingan antara kedudukan dan hak-hak anak luar nikah di kalangan orang Islam dan bukan Islam daripada aspek *nasab*, nafkah dan *hadanah* menurut undang-undang. Ini disebabkan pemakaian undang-undang kepada kedua-dua golongan ini adalah berbeza iaitu anak luar nikah orang Islam menggunakan undang-undang Islam manakala anak luar nikah bukan Islam menggunakan undang-undang sivil. Penyelidikan ini turut membincangkan kes-kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil bagi memberikan gambaran yang jelas antara kedua-dua situasi yang berlaku. Perbezaan undang-undang ini sedikit sebanyak memberi kesan terhadap keputusan mahkamah dalam menentukan hak-hak anak luar nikah orang Islam dan bukan Islam. Ketidakteraturan undang-undang telah mewujudkan jurang perbezaan antara kedua-dua anak luar nikah orang Islam dengan bukan Islam. Penyelidikan ini mencadangkan penambahbaikan bagi menjamin kesaksamaan hak-hak yang sepatutnya dinikmati bersama atas semangat kedua-duanya adalah warganegara Malaysia yang mempunyai hak-hak yang sama rata di sisi Perlembagaan Persekutuan.<sup>96</sup>

---

<sup>95</sup>Hamidah Abdul Hamid, “Anak Tak Sah Taraf : Suatu Kajian Perbandingan antara Undang-undang Islam dan Undang-undang Sivil”, Tesis Sarjana Pengajian Islam, UKM, Bangi, (2008), 10.

<sup>96</sup>Ahmad Sabri Ibrahim, “Implikasi Kesahtarafan : Kajian Menurut Undang-undang Islam dan Undang-undang Sivil di Malaysia”, Tesis Sarjana Pengajian Islam, UKM, Bangi, (2011), 15.



Paizah Ismail pula membincangkan implikasi ke atas hak-hak anak luar nikah iaitu penamaan dan harta pusaka. Daripada aspek penamaan, anak yang dilahirkan melalui perkahwinan yang bercanggah dengan hukum Syarak, maka anak tersebut tidak boleh dinasabkan kepada bapa biologi tetapi hendaklah di“bin”kan atau di“binti”kan dengan nama Abdullah atau mana-mana *Asma al-Husna* yang berpangkalkan dengan Abdul. Daripada aspek harta pusaka, anak luar nikah tidak terputus hubungan dengan keturunan ibunya. Kedua-dua anak dan ibunya berhak mempusakai harta antara satu dengan lain. Isu pusaka tidak pernah dibincangkan oleh para *fuqaha* terdahulu kerana situasi ketika itu tidak berbangkit lagi bahkan sudah difahami bahawa anak luar nikah sama sekali tidak mempunyai hubungan *nasab* dengan bapa biologi.<sup>97</sup>

### 1.9.3 Kebajikan dan Pengurusan Anak Luar Nikah

Merujuk buku karangan Azizi Yahaya dan Jaafar Sidek Latif menyatakan peranan keluarga dalam pembentukan emosi kanak-kanak sangat penting. Ibu bapa dan keluarga adalah agen yang paling hampir dalam memastikan anak-anak termasuk anak luar nikah mendapat kasih sayang dan membentuk emosi yang sihat. Pendekatan amalan keagamaan merupakan faktor terpenting dalam mengeratkan silaturrahim dan pembentukan emosi yang sihat antara sesama ahli keluarga selain memperuntukkan masa dan tenaga dalam melaksanakan aktiviti. Sekiranya ahli keluarga mengambil berat amalan dan penghayatan agama, sudah tentu kehidupan mereka tidak akan melanggar norma-norma dan batasan kehidupan. Ini disebabkan sudah terbentuk elemen spiritual dalam diri anak-anak tersebut yang membatasi tingkah laku mereka walaupun ketika berjauhan dengan ibu bapa atau penjaga. Sebaliknya, jika keluarga tidak mengamalkan penghayatan agama, mereka kerap kali melanggar batasan kehidupan yang ditetapkan

---

<sup>97</sup>Paizah Ismail, “Anak Tak Sah Taraf dari Perspektif Syariah dan Perundangan Islam di Malaysia”, 87.

dan akhirnya akan menimbulkan masalah kepada masyarakat.<sup>98</sup> Penyelidik berpendapat bahawa pendekatan murni tersebut harus diambil kira oleh ibu yang melahirkan anak luar nikah atau waris ibu untuk mengurangkan tekanan perasaan meskipun mereka berhadapan dengan emosi negatif disebabkan peristiwa hitam yang berlaku kepadanya.

Buku karangan Jas Laile Suzana Jaafar pula menjelaskan setiap bayi yang dibesarkan di institusi-institusi penjagaan bayi dan kanak-kanak akan menunjukkan perkembangan yang negatif. Ini disebabkan seseorang penjaga terpaksa menjaga lebih daripada seorang bayi, bayi juga jarang dapat bertemu dengan penjaga kecuali ketika hendak diberi makan, pakai, mandi dan sebagainya. Apabila bayi tersebut berada dalam tempoh tiga (3) tahun di institusi-institusi tersebut, mereka akan terdedah kepada risiko tahap kecerdasan yang rendah, tidak matang pada segi sosial, bersifat bergantung kepada orang dewasa, mengalami masalah pada segi bahasa dan pertuturan selain mempunyai tingkah laku yang *agresif* dan *hiperaktif*. Kanak-kanak yang berada sekurang-kurangnya empat (4) tahun di institusi-institusi tersebut akan menimbulkan perasaan diri kurang popular, resah dan tidak patuh kepada pentadbiran sekolah apabila berusia lapan (8) tahun dan bersifat antisosial dan mengalami masalah emosi apabila mencapai usia enam belas tahun (16) tahun ke atas.<sup>99</sup> Penyelidik berpandangan *mekanisme* pengurusan anak luar nikah yang ditempatkan di institusi kebajikan sama ada di bawah JKM ataupun NGO perlu dibuat penambahbaikan dari semasa ke semasa. Nisbah bilangan penjaga yang menjaga anak-anak tersebut harus ditambah, diberi latihan atau kursus keibubapaan

---

<sup>98</sup> Azizi Yahaya dan Jaafar Sidek Latif, *Membentuk Identiti Remaja*, Cet. 1, (Kuantan : PTS Publications and Distributors Sdn Bhd, 2005), 205-206.

<sup>99</sup> Jas Laile Suzana Jaafar, *Pengenalan kepada Psikologi Kanak-kanak Remaja*, Cet. 1, (Shah Alam : Arah Pendidikan Sdn Bhd, 2008), 151.

agar mereka menjiwai tugas mulia menjaga anak-anak yang tiada ibu bapa dengan memberikan tumpuan, perhatian, kasih sayang dan *responsif* kepada anak-anak tersebut.

Mohd Mahyeddin Mohd Salleh dan Nisar Mohammad Ahmad pula memfokuskan kebajikan dan pengurusan anak luar nikah melalui peranan *baby hatch* iaitu tempat yang diwujudkan untuk menempatkan bayi-bayi yang tidak diingini atau bayi-bayi terbuang sebagai alternatif untuk menyelamatkan mereka daripada dibunuh. Dengan adanya *baby hatch*, ibu yang melahirkan anak luar nikah mempunyai tempat yang selamat untuk meninggalkan bayi yang dilahirkan. Selain itu, bayi yang ditempatkan di *baby hatch* boleh diserahkan kepada mana-mana pihak yang berminat mengambilnya sebagai anak angkat setelah memenuhi prasyarat yang ditetapkan oleh pengurusan OrphanCare. Sejak dilancarkan pada 29 Mei 2010, OrphanCare telah menerima 40 kes anak tidak diingini iaitu sebanyak 32 kes bayi dan 8 kes kanak-kanak. Daripada jumlah itu, 32 orang adalah berketurunan Melayu dan selebihnya daripada keturunan Cina dan India. Terdapat dua (2) kes bayi yang diletakkan dalam *baby hatch* yang disediakan.<sup>100</sup>

Ahmad Shukri Abdul Hamid menjelaskan kebajikan kanak-kanak boleh didefinisikan sebagai satu kerangka minda atau pemikiran (fahaman) dan tindakan yang menjurus kepada penghasilan kebaikan atau kesejahteraan khusus kepada golongan kanak-kanak termasuk anak luar nikah. Kebajikan mereka boleh dianggap sebagai suatu ciri kemuliaan yang lahir daripada sifat keprihatinan dan pengiktirafan terhadap hak golongan tersebut berteraskan nilai-nilai tertentu. Kebajikan mereka juga oleh dianggap sebagai suatu elemen struktur sosial yang lahir daripada interaksi keluarga dan

---

<sup>100</sup>Mohd Mahyeddin Mohd Salleh dan Nisar Mohammad Ahmad, “Pengurusan dan Pelindungan Anak Tak Sah Taraf Melalui ‘Baby Hatch’ : Satu Penilaian daripada Perspektif Maqasid Syariah dan Undang-undang Malaysia”, 7.

berbentuk fizikal (bantuan kewangan, keperluan asas dan sebagainya) atau bukan fizikal (sokongan emosi, empati, ilmu, kemahiran dan sebagainya).<sup>101</sup> Selain itu, modal sosial adalah suatu unsur yang membentuk sebahagian daripada struktur sosial dan lahir daripada jaringan sosial yang terbentuk antara individu yang menjelmakan konsep kebajikan kanak-kanak. Peranannya mampu membentuk sebahagian daripada “modal” yang boleh dimanfaatkan oleh individu dan komuniti dalam menangani fenomena dan masalah sosial. Dalam keluarga, kebajikan terhadap kanak-kanak lahir sebagai suatu modal sosial apabila jaringan sosial antara ahlinya bersifat intim. Dalam konteks komuniti pula, keutuhan jaringan sosial dan unsur perhubungan timbal balik antara anggota komuniti menjadi sumber penting tabungan modal sosial sama ada untuk kegunaan individu ataupun kelompok.<sup>102</sup>

Salma Ishak et. al., pula membuat tinjauan khusus di pusat jagaan kanak-kanak di bawah JKM iaitu RKK, RTH dan Rumah Budak Laki-Laki (RBL). Antara kriteria seseorang kanak-kanak boleh ditempatkan di pusat jagaan tersebut ialah anak yatim, anak yang mempunyai ibu bapa yang sakit ataupun dimasukkan ke hospital, anak-anak yang terabai atau terdampar, anak-anak yang teraniaya, anak-anak luar nikah, anak-anak orang tahanan ataupun banduan dan anak-anak atas arahan mahkamah mengikut Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611). Ketiga-tiga institusi tersebut menyediakan kemudahan tempat tinggal, perkhidmatan seperti pendidikan, kesihatan dan rekreasi serta suasana *psikologi* bagi perkembangan sosial, emosi, moral dan spiritual. Terdapat program tertentu yang disediakan oleh JKM di ketiga-tiga institusi tersebut iaitu penjagaan dan perlindungan,

---

<sup>101</sup>Ahmad Shukri Abdul Hamid, “Modal Sosial dan Kebajikan Kanak-kanak”, *Penilaian Psikososial Kanak-kanak : Isu-isu Kebajikan dan Perkembangan*, pynt. Azlin Hilma Hillaluddin dan Zarina Mat Saad, Cet.2, (Sintok : UUM Press, 2012), 9-10.

<sup>102</sup>Ibid, 17.

bimbingan dan kaunseling, pelajaran, latihan vokasional, didikan agama dan moral, *riadah* dan perubatan serta kesihatan berpandukan kepada piawaian yang dikeluarkan oleh Social Services Inspectorate (SSI), Jabatan Kesihatan United Kingdom. Namun begitu, wujud masalah salah laku dan disiplin di kalangan mereka terutamanya yang sedang meningkat remaja sama ada masalah peribadi dengan kanak-kanak lain, rakan di sekolah ataupun guru. Walau bagaimanapun, masalah tersebut dapat diatasi melalui sokongan dan bimbingan daripada petugas di institusi tersebut.<sup>103</sup>

Chan Cheong Chong et.al. juga membincangkan isu kebajikan kanak-kanak termasuk anak luar nikah yang ditempatkan di rumah perlindungan di bawah JKM. Rumah perlindungan tersebut dikawal selia oleh Pegawai Kebajikan selain dibantu oleh pekerja kebajikan di setiap daerah. Penyelidikan ini menyentuh tentang pandangan Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) di sebelas (11) daerah di Kedah terhadap tiga isu penting iaitu *etnik* yang berbeza, umur kanak-kanak yang sesuai dijadikan anak angkat dan hubungan kanak-kanak dengan ibu bapa kandung. Daripada aspek *etnik* yang berbeza, isu agama dan sosio budaya di kalangan bangsa Melayu, Cina dan India boleh mengundang masalah jika anak-anak tersebut ditempatkan di rumah perlindungan yang sama. Daripada aspek umur kanak-kanak menunjukkan semakin meningkat usia anak-anak tersebut semakin sukar dijadikan anak angkat. Daripada aspek hubungan kanak-kanak dengan ibu bapa kandung menunjukkan hubungan silaturrahim tidak terputus disebabkan wujud hubungan *mahram* dan perwalian antara kedua-duanya.<sup>104</sup>

---

<sup>103</sup>Salma Ishak et. al., "Jagaan di Institusi : Apa Pengalaman dan Pandangan Kanak-kanak", *Penilaian Psikososial Kanak-kanak : Isu-isu Kebajikan dan Perkembangan*, pynt. Azlin Hilma Hillaluddin dan Zarina Mat Saad, Cet. 2, (Sintok : UUM Press, 2012), 22-24.

<sup>104</sup>Chan Cheong Chong et. al., "Isu penempatan Kanak-kanak : Pandangan Pegawai Kebajikan Masyarakat di Kedah", *Penilaian Psikososial Kanak-kanak : Isu-isu Kebajikan dan Perkembangan*, pynt. Azlin Hilma Hillaluddin dan Zarina Mat Saad, Cet.2, (Sintok : UUM Press, 2012), 42-43.

Muhammad Bakir Yaakob dan Khatijah Othman pula menyatakan anak-anak termasuk anak luar nikah merupakan amanah dan fitrah yang diciptakan oleh Allah SWT kepada pasangan ibu dan bapa. Konsep amanah dan fitrah menuntut tanggungjawab mereka memelihara dan melindungi anak-anak dengan baik dan sempurna yang akan dipersoalkan oleh Allah SWT di akhirat kelak. Tanpa konsep tersebut, sistem kekeluargaan menjadi pincang dan lahirlah status anak-anak yang pelbagai antaranya anak-anak yang terbuang dan terdicir, anak-anak tiri, anak-anak yatim dan anak-anak luar nikah yang menjadi barah kepada masyarakat. Oleh itu, kebajikan mereka seperti makan-minum, pakaian, tempat tinggal, kesihatan, pendidikan, penjagaan dan sebagainya hendaklah sentiasa terpelihara. Masa depan anak-anak tersebut boleh terjejas jika ibu atau bapa meninggal dunia dalam keadaan daif atau tidak berharta. Kebimbangan ini makin dirasai apabila sosiobudaya masyarakat dunia global pada hari ini berubah dengan pantas ekoran muncul teknologi canggih dan komunikasi di alam maya yang mampu menggugat keimanan mereka. Demikian juga, penghayatan terhadap konsep pendidikan yang sempurna dan berteraskan agama mestilah diberi keutamaan kepada anak-anak tersebut, baharulah kehidupan mereka tidak mudah terancam dengan suasana yang sentiasa berubah.<sup>105</sup>

Justeru, penyelidikan tentang isu-isu kebajikan dan pengurusan anak luar nikah sangat penting dan perlu dilakukan bagi melengkapkan lagi perbincangan berkenaan isu-isu tersebut yang tidak disentuh dalam penyelidikan lepas. Penyelidikan ini juga diharapkan dapat membantu agensi-agensi kerajaan dan NGO ke arah meningkatkan kefahaman

---

<sup>105</sup>Muhammad Bakir Yaakob dan Khatijah Othman, "Strategi Ke Arah Kebajikan Anak-anak dari Perspektif Islam", *Penilaian Psikososial Kanak-kanak : Isu-isu Kebajikan dan Perkembangan*, pynt. Azlin Hilma Hillaluddin dan Zarina Mat Saad, Cet. 2, (Sintok : UUM Press, 2012), 136-138.

tugas dan pelaksanaan program-program kebajikan kepada ibu kandung dan anak luar nikah dengan lebih berkesan lagi.

## **1.10 Metodologi Penyelidikan**

Menurut Ahmad Sunawari Long, penyelidikan berasal daripada perkataan selidik yang bermaksud menghalusi secara teliti dengan menyatakan elemen sebab dan musabab terhadap sesuatu idea, perkara atau peristiwa. Penyelidikan bukanlah sesuatu yang baharu tetapi melibatkan proses penjelasan, pentafsiran, penilaian semula atau pengubahsuaian terhadap sesuatu penemuan atau teori sedia ada.<sup>106</sup> Bagi A.S. Hornby pula, definisi penyelidikan ialah :

“A careful investigation or inquiry specially through search for new facts in any branch of knowledge”<sup>107</sup>

Oleh itu, jelaslah matlamat utama penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti masalah yang berlaku dan mencari jawapan kepada penyelesaian masalah. Sesuatu penyelidikan akan terhasil dengan natijah yang memuaskan jika menggunakan *mekanisme* penyelidikan yang bersistematik dan saintifik dengan menjadikan penyelidikan-penyelidikan terdahulu sebagai kayu ukur.

### **1.10.1 Reka bentuk Penyelidikan**

Reka bentuk penyelidikan merupakan rangka kerja yang dirancang oleh penyelidik untuk menyiapkan penyelidikan. Menurut Robert K. Yin, ia didefinisikan sebagai ;

---

<sup>106</sup>Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, 1.

<sup>107</sup>A.S.Hornby, *The Advanced Learner's Dictionary of Current English*, (London: Oxford University Press, 1952), 1069.

“research design is a logical plan for getting from here to there, where here may be defined as initial set of question to be answered, and there is some set of conclusion”<sup>108</sup>

Penyelidikan terbahagi kepada dua bentuk iaitu kualitatif dan kuantitatif. Menurut Earl Babbie, reka bentuk penyelidikan kuantitatif melibatkan data berangka manakala reka bentuk penyelidikan kualitatif pula melibatkan data tidak berangka. Ringkasnya, data kualitatif menjadi lebih “kaya” daripada sudut makna berbanding data kuantitatif.<sup>109</sup>

Menurut John W.Cresswell, penyelidikan kualitatif ialah ;

“is a means for exploring and understanding the meaning individuals or groups ascribe to a social or human problem”<sup>110</sup>

Proses penyelidikan kualitatif membabitkan pertanyaan dan *prosedur*, responden manakala data dikumpul, dianalisis dan diklasifikasikan mengikut teori-teori tertentu untuk melihat tingkah laku seterusnya. Tindakan ini membolehkan sesuatu fenomena itu dilihat secara kolektif, memberikan gambaran yang sebenar dan bersifat “mendalam” mengenai sesuatu perkara. Data-data tersebut dihuraikan oleh penyelidik dengan perkataan untuk mengenal pasti punca-punca berlakunya sesuatu tindakan.<sup>111</sup> David Silverman pula menyatakan penyelidikan kualitatif ialah :

“Qualitative research consists of many different endeavours, many of which are concerned with the "objective" study of realities which in some sense are "objective". Nonetheless, the simplistic

---

<sup>108</sup>Robert K. Yin, *Case Study Research: Design and Method*, 3rd Edition, (London: Sage Publication, 2003), 20.

<sup>109</sup>Earl Babbie, *The Practice of Social Research*, 9<sup>th</sup> Edition, (USA: Thomson Learning Inc., 2001), 36.

<sup>110</sup>John W. Creswell, *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*, 3rd Edition, (California: SAGE Publication, 2009), 4.

<sup>111</sup>Ibid.



subjective/objective polarity may inform a preference for qualitative methods”<sup>112</sup>

Oleh itu, penggunaan kaedah kualitatif dalam penyelidikan ini adalah munasabah kerana isu kebajikan dan pengurusan anak luar nikah melibatkan fenomena kehidupan manusia yang memerlukan penerokaan yang mendalam untuk mengenal pasti isu dan masalah yang berlaku serta mencari jalan penyelesaian. Antara kaedah yang digunakan ialah penyelidikan undang-undang dan kajian kes.

#### **1.10.1.1 Penyelidikan Undang-undang**

Penyelidikan undang-undang bermakna penyelidikan sistematik peraturan undang-undang, prinsip, konsep, teori, *doktrin*, keputusan kes, institusi undang-undang, masalah undang-undang, isu-isu atau persoalan atau gabungan beberapa atau semua daripada mereka.<sup>113</sup> Menerusi penyelidikan ini, dokumen undang-undang menjadi rujukan utama seperti Perlembagaan Persekutuan dan akta-akta, enakmen iaitu Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah), 2008 (Enakmen 5), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah), 2008 (Enakmen 7), Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah), 2014 (Enakmen 18) dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah), 2014 (Enakmen 21), buku undang-undang, jurnal undang-undang, kes undang-undang dan sebagainya.

Penyelidikan ini meneliti kandungan peruntukan undang-undang di atas khususnya berkaitan kebajikan dan pengurusan anak luar nikah. Jika terdapat kelemahan dalam peruntukan undang-undang, dapatan penyelidikan ini boleh mencadangkan pindaan atau

---

<sup>112</sup>David Siverman, *Doing Qualitative Research*, 4<sup>th</sup> Edition, (London: SAGE Publications Ltd, 2013), 6.

<sup>113</sup>Anwarul Yaqin, *Legal Research and Writing*, (Kelana Jaya: LexisNexis, 2007), 3.

penggubalan undang-undang baharu kepada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri Kedah bagi memenuhi keperluan semasa dan manfaat kepada pihak-pihak yang terlibat dalam menggerakkan program kebajikan dan pengurusan anak luar nikah.

Dalam kategori yang lain, penyelidikan ini juga terdiri daripada penyelidikan undang-undang deskriptif. Penyelidikan deskriptif bermaksud untuk mengetahui apakah yang berlaku? apakah masalah yang timbul? dan apakah isu-isu yang perlu ditangani? Objektif penyelidikan deskriptif adalah untuk mencari sebanyak mungkin fakta-fakta atau menerangkan realiti sebenar. Ia digunakan untuk memastikan dan menerangkan peristiwa sosial, institusi, kumpulan dan corak tingkah laku.<sup>114</sup> Oleh itu, penyelidikan ini menerangkan faktor-faktor kelahiran anak luar nikah di kalangan remaja Islam di Kedah. Antara masalah yang dikenal pasti ialah berlakunya peningkatan gejala sosial dan seks bebas, kurang pendidikan agama, tiada pemantauan ibu bapa dan kurangnya penguatkuasaan undang-undang untuk mencegah remaja Islam daripada terus terjebak dengan gejala maksiat. Permasalahan ini perlu dijelaskan kepada umum agar dapat menyedarkan remaja dan ibu bapa tentang bahaya gejala sosial dan seks bebas di sisi hukum Syarak dan undang-undang. Pendedahan isu-isu tersebut dapat diambil perhatian untuk tindakan dan penguatkuasaan oleh agensi-agensi kerajaan tertentu.

Terdapat dua jenis pendekatan yang boleh digabungkan dalam penyelidikan ini. Pertama ; penyelidikan undang-undang teori, *doktrin* atau tulen. Kedua ; penyelidikan sosio-undang-undang.<sup>115</sup> Penyelidikan *doktrin* ertinya bahan yang diperlukan oleh penyelidik mungkin tidak terdapat di perpustakaan, arkib dan pangkalan data yang lain. Sumber

---

<sup>114</sup>Ibid. 7.

<sup>115</sup>Ibid, 9.

*primer* bagi penyelidikan undang-undang ialah *doktrin* penghakiman mahkamah dan undang-undang.<sup>116</sup> Objektif utama penyelidikan *doktrin* adalah untuk mencari, menerang, mengkaji dan menganalisis fakta, prinsip, peruntukan, konsep, teori atau kerja undang-undang tertentu atau institusi undang-undang berdasarkan sumber data yang dinyatakan. Penyelidikan undang-undang *doktrin* menggunakan alat penyelidikan dan hujah undang-undang untuk menilai kaedah-kaedah undang-undang di samping mengemukakan cadangan-cadangan untuk membangunkan lagi undang-undang.<sup>117</sup> Oleh itu, penyelidikan ini meneliti kes-kes yang dibicarakan yang telah dilaporkan dalam jurnal undang-undang atau portal rasmi undang-undang. Selain itu, laporan perbahasan Parlimen berkaitan Rang Undang-undang Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) dan Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 (Akta A1511) boleh dijadikan sumber tambahan dalam penyelidikan ini.

Penyelidikan sosio-undang-undang pula ditakrifkan sebagai penyelidikan bukan *doktrin*. Ia merupakan penyelidikan lapangan. Ia merujuk kepada penyelidikan beberapa aspek “undang-undang dalam operasi”, “undang-undang dalam konteks”, “undang-undang dalam tindakan” dan “mendedahkan realiti sebenar dan fakta”. Selain itu, ia juga menjelaskan bagaimana undang-undang beroperasi dalam konteks sosial atau bagaimana tawaran undang-undang dengan masalah sosial, isu atau persoalan.<sup>118</sup> Menerusi penyelidikan sosio-undang-undang, masalah undang-undang dapat diketahui dengan sah, dikenal pasti dan bersifat asli. Masalah-masalah tersebut diperluaskan kepada isu-isu yang menyentuh kebajikan dan pengurusan anak luar nikah dengan melihat fenomena yang berlaku di Kedah.

---

<sup>116</sup>Ibid, 10.

<sup>117</sup>Ibid.

<sup>118</sup>Ibid.

### 1.10.1.2 Kajian Kes

Kajian kes adalah strategi pilihan tentang soalan “bagaimana” atau “mengapa” yang ditimbulkan, penyelidik mempunyai sedikit kawalan ke atas peristiwa dan tumpuan adalah pada fenomena kontemporari dalam beberapa konteks yang sebenar.<sup>119</sup> Menurut Robert K. Yin lagi, penyelidikan kes atau sosial ialah ;

“A case study is an empirical inquiry that investigates a contemporary phenomenon within its real-life context, especially “when”. The boundaries between phenomenon and context are not clearly evident”<sup>120</sup>

Bagi David Silverman pula, penyelidikan kes atau sosial ialah ;

“Why produce materials that are flooded by social science agendas and researcher categories, where participants work with the range of different interview-related orientations to stake and interest, and where the parties shift between complex research-related footing positions? What is the special magic the interview provides that makes the very complex analytic task of dealing with those endemic and probably inescapable interview features worthwhile? (Jonathan Potter and Amanda Hepburn : 2007, 280).”<sup>121</sup>

Oleh itu, penyelidikan ini menggunakan kaedah temu bual sebagai asas untuk mengetahui fenomena dan realiti kehidupan remaja hamil luar nikah, anak luar nikah dan keluarganya. Kaedah tersebut juga digunakan terhadap agensi-agensi kerajaan dan NGO untuk mengetahui sejauhmanakah dasar-dasar kerajaan dan program-program berkaitan kebajikan dan pengurusan anak luar nikah dilaksanakan. Bagi menyokong

---

<sup>119</sup>Robert K. Yin, *Case Study Research Design and Methods*, 2<sup>nd</sup> Edition, (London : SAGE Publications Ltd, 1994), 1.

<sup>120</sup>Ibid, 13.

<sup>121</sup>David Silverman, *Qualitative Research*, 2<sup>nd</sup> Edition, (London: SAGE Publications Ltd, 2013), 38.

penyelidikan ini, latar belakang diri seseorang penyelidik sebagai instrumen penyelidikan sangat penting dan merupakan suatu kelebihan. Penyelidik merupakan seorang Peguam Syarie sejak 1995 sehingga sekarang dan menjalankan amalan guaman di Tetuan Abd Ghani and Associates. Penyelidik pernah mengendalikan kes-kes syariah di Mahkamah Syariah di Kedah, Perlis dan Pulau Pinang. Selain itu, latar belakang penyelidik dalam bidang undang-undang syariah pada peringkat ijazah sarjana muda dan minat yang mendalam dalam bidang undang-undang banyak membantu penyelidikan ini.

### **1.10.2 Metodologi Pengumpulan Data**

Penyelidikan memerlukan sejumlah data. Jenis data yang perlu dikumpul bergantung kepada jenis permasalahan. Penyelidik perlu memahami permasalahan penyelidikan dengan sejelas-jelasnya supaya tidak menghadapi masalah besar untuk menentukan jenis dan jumlah data yang diperlukan. Banyak atau sedikit data bergantung kepada jenis permasalahan yang diselidik. Pengumpulan data boleh dilakukan dengan pelbagai cara dan alat misalnya melalui ujian, temu bual, pemerhatian, analisis peristiwa pada segi sejarah atau analisis sumber dokumentasi.<sup>122</sup> Oleh itu, penyelidikan ini menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan.

#### **1.10.2.1 Penyelidikan Perpustakaan**

Dokumen boleh didapati dalam bentuk bertulis tangan atau bercetak seperti kitab-kitab atau bahan-bahan berekod yang melapor atau mencatat sesuatu peristiwa atau perkara. Penyelidikan terhadap dokumen adalah penting untuk memperoleh maklumat secara mendalam terhadap apa yang diselidiki, dapat menyusun dan mengenal pasti masalah yang diselidiki, menajamkan perasaan untuk meneliti, membuat analisis yang lebih kritis

---

<sup>122</sup>Sulaiman Masri, *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan*, 15.

dan memperluaskan pengalaman ilmiah.<sup>123</sup> Oleh itu, penyelidik merujuk dokumen-dokumen *primer* seperti kitab-kitab *turath* iaitu *Fiqh*, *Usul Fiqh* dan *Fatawa al-Mu'asirah*, kitab-kitab Tafsir Al-Quran dan Hadis, kamus iaitu *Lisan al-'Arab*, *al-Qamus al-Fiqhi Lughatan Wa Istilahan*, *Mu'jam al-Mustalahat al-Alfaz al-Fiqhiah*, Kamus Dewan dan Kamus Dwibahasa, fatwa oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah. Selain itu, dokumen-dokumen *sekunder* turut dirujuk seperti Jurnal Kebajikan Masyarakat dan Jurnal Sains dan Kemanusiaan, kertas kerja, seminar, tesis, laporan-laporan daripada JKM, JPN, Rancangan Malaysia Ke-10 dan Ke-11, GTP, NKRA, MKRA, NKEA dan sebagainya, surat-surat rasmi jabatan kerajaan, majalah, akhbar dan laman sesawang. Antara perpustakaan yang dipilih untuk mengumpulkan maklumat tersebut ialah Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Universiti Utara Malaysia, Perpustakaan Awam Negeri Kedah, Perpustakaan Jabatan Mufti Negeri Kedah, Perpustakaan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah dan Perpustakaan Pusat Bantuan Guaman Kedah/Perlis.

#### **1.10.2.2 Penyelidikan Lapangan**

Penyelidikan lapangan dianggap sebagai pendekatan luas dalam penyelidikan atau sebagai suatu kaedah untuk mengumpulkan data kualitatif. Kaedah ini membolehkan penyelidik turun ke lapangan untuk membuat pemerhatian tentang sesuatu fenomena yang berlaku secara *in situ*. Pendekatan ini mendorong penyelidik mengamati secara *detil* diikuti dengan membuat catatan secara intensif, dibuat kodnya dan dianalisis dalam berbagai cara.<sup>124</sup> Kaedah temu bual memberi beberapa kelebihan dalam mendapatkan data antaranya penyelidik mendapat maklumat lebih cepat, secara langsung dan

---

<sup>123</sup>Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, 51.

<sup>124</sup>Lexy J. Moleong, M.A, *Metodologi Penelitian Kualitatif*, Cet. 31, (Bandung : PT Remaja Rosdakarya, 2013), 26.

meyakinkan kerana ia dapat diperhatikan kepada *body language* responden. Ia juga memberikan suasana *fleksible* kepada penyelidik untuk mengajukan soalan-soalan dan memberikan ruang yang lebih kepada responden menjawab soalan.<sup>125</sup> Carol A. Bailey menyatakan ;

“In an interview, the field researcher asks questions for the purpose of seeking information directly related to the research. This may or may not be the case with questions that the researcher might ask at any given moment during routine interactions”<sup>126</sup>

Menerusi penyelidikan ini, terdapat dua teknik temu bual yang digunakan oleh penyelidik iaitu temu bual bersemuka dan temu bual secara telefon.

- 1) Temu bual bersemuka
  - a) Encik Mohd Riddual Ahmad, Penolong Pengarah, Bahagian Kelahiran dan Kematian, JPN Negeri Kedah.
  - b) Puan Haslinda Abdul Samad, Penolong Pengarah Unit Kanak-kanak, JKM Negeri Kedah.
  - c) Encik Basharudin Samsudin, Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat, PKMD Kota Setar merangkap Pelindung.
  - d) Encik Azhar Ahmad, Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat, PKMD Kubang Pasu merangkap Pelindung.
  - e) Puan Ibtisam Ismail, Pegawai CRC, HSB.
  - f) Puan Nashikin Hanafi, Penyelia Bimbingan RPNH.
  - g) Puan Wan Nurasmah Wan Din, Pembantu RPNH.

---

<sup>125</sup>Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Islam*, 65.

<sup>126</sup>Carol A. Bailey, *A Guide Qualitative Field Research*, 2<sup>nd</sup> Edition, (London : SAGE Publications Ltd., 2007), 95.

- h) Ros (nama samaran) – ibu hamil luar nikah daerah Kota Setar.
  - i) Ema (nama samaran) – ibu hamil luar nikah daerah Kota Setar.
  - j) Nor (nama samaran) – ibu hamil luar nikah daerah Kubang Pasu.
  - k) Nurul (nama samaran) – ibu hamil luar nikah daerah Kubang Pasu.
  - l) Puan Iton (nama samaran) – ibu kandung Ema.
  - m) Encik Roslan (nama samaran) – bapa kandung Nor.
  - n) Puan Zi (nama samaran) – ibu saudara Nurul.
- 2) Temu bual secara telefon
- a) Syeikh Ahmad Fisol Hj Omar, Ketua Pegawai Penguatkuasa, JAIK.
  - b) Syeikh Fakhrurazi Yub, Ketua Bahagian Baitulmal, MAIK.
  - c) Encik Hamidi Mohd Nor, Pengurus Lembaga Zakat Cawangan Kubang Pasu (LZCKP).
  - d) Dato Hj Daharah Hj Ismail, Pengerusi LKPI Negeri Kedah.
  - e) Dr Murizah Mohd Zain, Pakar Perubatan Reproduksi dan Pakar Perunding Obstetrik dan Ginekologi, HSB.
  - f) Vimmy Yasmine Abd Razak, Pengasas Pertubuhan Kebajikan dan Pendidikan Rumah Kita (Rumah Kita)

Terdapat tiga kaedah temu bual yang kerap digunakan dalam penyelidikan lapangan iaitu temu bual tidak berstruktur (*unstructured*), temu bual berstruktur (*structured*) dan temu bual separa berstruktur (*semistructured*).<sup>127</sup> Bagi temu bual bersemuka, penyelidik menggunakan kaedah temu bual tidak berstruktur iaitu subjek bebas memberi maklum balas terhadap isu-isu yang disoal tanpa mengikut susunan soalan, tiada peruntukan

---

<sup>127</sup>Ibid.



masa yang ditetapkan, tidak terikat dengan soalan-soalan bahkan boleh memberikan sebarang maklumat yang ada. Bagi temu bual secara telefon, penyelidik menggunakan kaedah temu bual berstruktur iaitu penyelidik menyediakan soalan bertulis dan subjek menjawab berdasarkan soalan yang dikemukakan. Kaedah ini memudahkan penyelidik memindahkan data dan membuat perbandingan data antara subjek. Soalan-soalan yang digunakan dalam kedua-dua kaedah ini ialah soalan terbuka (*open-ended questions*).

Penentuan bilangan subjek yang ditemu bual adalah berdasarkan sampel bertujuan (*purposive sampling*). Kunci kepada pensampelan bertujuan adalah memilih kes untuk penyelidikan sistematik yang kaya dengan maklumat.<sup>128</sup> Kerangka persampelan merupakan senarai yang mengandungi semua individu atau unit analisis yang kesemuanya dijadikan populasi berkenaan. Kerangka persampelan merupakan senarai lengkap bagi populasi. Satu sampel yang mengandungi sebilangan individu dalam kerangka persampelan dihasilkan menerusi rangkaian tertentu. Sampel tersebut perlu memperlihatkan semua ciri populasi dengan tepat.<sup>129</sup> Saiz sampel dalam satu penyelidikan dapat ditentukan oleh maklumat, ketepatan anggaran atau selisih piawai, tahap keyakinan selisih persampelan yang sesuai dan sisihan piawai populasi.<sup>130</sup>

Dalam penyelidikan ini, jumlah subjek-subjek yang dipilih adalah sampel yang bersaiz kecil. Walaupun bapa biologi, keluarga dan anak luar nikah yang dewasa terhalang untuk menjadi subjek penyelidikan, maklumat yang terkumpul daripada subjek-subjek yang dipilih daripada pelbagai kategori yang berbeza dapat membantu penyelidik menentengahkan isu-isu kebajikan dan pengurusan anak luar nikah berdasarkan

---

<sup>128</sup>Ibid, 64.

<sup>129</sup>Sulaiman Masri, *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan*, 54.

<sup>130</sup>Ibid, 58.

pengetahuan dan pengalaman mereka dalam bidang tertentu. Sepanjang sesi temu bual dijalankan, penyelidik sentiasa bersifat *neutral* dan tidak *bias* terhadap sesuatu isu yang dikemukakan sebaliknya memberikan ruang seluas-luasnya kepada subjek-subjek untuk menyampaikan maklumat. Ini adalah untuk memastikan setiap maklumat yang disampaikan adalah benar-benar sah yang datang daripada subjek sendiri demi mematuhi etika penyelidikan. Setiap temu bual yang telah dilakukan menggunakan pita rakaman dan buku nota yang dicatat secara manual kemudian dibaca semula kepada subjek untuk memastikan kebenaran fakta yang dikemukakan.

### **1.10.3 Metodologi Analisis Data**

Analisis bermaksud melakukan prosedur statistik terhadap data dan menjalankan ujian hipotesis yang dinyatakan dalam metodologi. Setiap keputusan yang diperoleh hendaklah diteliti dan dicari maksud sebenar terhadap keputusan itu. Analisis bertujuan melaksanakan objektif penyelidikan dengan mematuhi *prosedur* yang digunakan dan keputusan daripada analisis itu hendaklah dijelaskan dengan penuh teliti.<sup>131</sup> Oleh itu, penyelidik menggunakan pendekatan induktif dan deduktif untuk menganalisis data.

#### **1.10.3.1 Pendekatan Induktif**

Analisis secara induktif bergerak daripada yang khusus kepada yang umum, daripada satu set pemerhatian khusus kepada penemuan corak yang mewakili sedikit usaha di kalangan semua acara yang diberikan.<sup>132</sup> Taakulan induktif atau logik ialah suatu proses untuk membuat kesimpulan daripada satu atau lebih fakta atau bukti. Kesimpulan yang

---

<sup>131</sup>Fauzi Hussin et. al., *Kaedah Penyelidikan dan Analisis Data SPSS*, Cet.1, (Sintok: Penerbit UUM, 2014), 140.

<sup>132</sup>Earl Babbie, *The Practice of Social Research*, 34.

diperoleh dapat menerangkan fakta manakala fakta pula dapat menyokong kesimpulan tersebut.<sup>133</sup> Fauzi et. al., memetik pandangan Burney yang menyatakan bahawa ;

“Taakulan induktif bermula dengan cerapan atau pemerhatian, membuat generalisasi, membina hipotesis dan berakhir dengan pembentukan teori. Kaedah induktif juga dikenali sebagai kaedah bottom up”<sup>134</sup>

Penyelidik menggunakan pendekatan ini disebabkan kaedah temu bual yang dilakukan terhadap subjek-subjek tersebut dapat memberikan maklumat yang benar dan fakta yang tepat. Ini disebabkan subjek-subjek yang ditemu bual merupakan pihak yang terlibat secara langsung dengan gejala seks bebas, berautoriti dalam bidang tugas, berpengalaman dan bertanggungjawab dalam mengadakan kebajikan dan pengurusan anak luar nikah. Misalnya, kelahiran anak luar nikah akan menimbulkan tanggungjawab tentang perlindungan dan penjagaan anak luar nikah. Isu tersebut dikembangkan lagi menjadi lebih umum dengan melihat siapakah yang bertanggungjawab terhadap kebajikan dan pengurusan anak luar nikah sama ada ibu kandung dan keluarga, bapa biologi ataupun institusi JKM? Ternyata, ibu, waris ibu dan institusi JKM memainkan peranan penting terhadap perlindungan dan penjagaan anak luar nikah sedangkan bapa biologi yang menjadi penyebab kelahiran anak tersebut tidak mempunyai apa-apa tanggungan terhadap hak-hak anak luar nikah tersebut.

### **1.10.3.2 Pendekatan Deduktif**

Analisis secara deduktif ialah bergerak daripada umum kepada khusus. Ia bergerak dari corak yang mungkin dijangka secara logik atau teori pemerhatian yang menguji sama

---

<sup>133</sup>Fauzi Hussin et. al., *Kaedah Penyelidikan dan Analisis Data SPSS*, 13.

<sup>134</sup>Ibid,14.

ada jangkaan sebenarnya berlaku ataupun tidak.<sup>135</sup> Taakulan deduktif ialah suatu proses untuk memperoleh pengetahuan baharu atau sebagai asas untuk membentuk sesuatu teori yang bermula dengan membuat pernyataan umum dan membuat hipotesis atau kesimpulan secara logik daripada pernyataan umum atau yang telah diketahui. Ringkasnya, ia bermula dengan pernyataan teori dan kemudiannya bergerak ke arah bukti *empirikal* yang konkrit.<sup>136</sup> Fauzi et. al., merujuk pandangan Bryman dan Bell ;

“Proses deduktif bermula daripada teori kepada cerapan dan penemuan penyelidikan”<sup>137</sup>

Penyelidik menggunakan pendekatan ini untuk mengetahui sejauhmanakah hukum Syarak dan peruntukan undang-undang sedia ada menjamin hak-hak anak luar nikah? Dalam menganalisis isu-isu berkaitan hak-hak, penyelidik merujuk kitab-kitab *fiqh*, tafsir al-Quran dan Hadis, fatwa-fatwa, akta-akta, enakmen-enakmen, fail-fail kes mahkamah dan jurnal-jurnal undang-undang yang membincangkan secara khusus tentang hak-hak anak luar nikah. Misalnya, hukum Syarak dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 (Enakmen 7) memperuntukan kewajipan ibu atau waris ibu menyara nafkah dan memelihara anak luar nikah. Isu tersebut dikembangkan lagi menjadi lebih khusus dengan melihat siapakah yang bertanggungjawab terhadap kebajikan dan pengurusan anak luar nikah selain daripada ibu? Ternyata, kewajipan tersebut boleh berpindah kepada waris-waris ibu dan sekiranya mereka berhalangan, kewajipan tersebut berpindah kepada pihak berkuasa.

---

<sup>135</sup>Earl Babbie, *The Practice of Social Research*, 35.

<sup>136</sup>Fauzi Hussin et. al., *Kaedah Penyelidikan dan Analisis Data SPSS*, 11-12.

<sup>137</sup>Ibid.

Sebelum menganalisis data-data di atas, ujian dan pengukuran dilakukan terlebih dahulu untuk menjamin kesahihan dan ketepatan sesuatu data yang hendak diukur daripada subjek-subjek. Terdapat dua elemen penting diperlukan dalam alat pengukuran iaitu kesahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*). Kesahan merujuk kepada sejauh mana langkah *empirikal* yang secukupnya bagi mencerminkan maksud sebenar konsep yang dipertimbangkan.<sup>138</sup> Kesahan bermaksud soal selidik dibentuk untuk mengukur apa yang sepatutnya diukur.<sup>139</sup> Menurut David Silverman, kesahan (*validity*) ialah ;

“The validity of research concerns the interpretation of observations : whether or not the inferences that the researcher makes are supported by the data, and sensible in relation to earlier research (Perakyla : 2011, 365)”<sup>140</sup>

Kebolehpercayaan (*reliability*) pula adalah suatu perkara sama ada teknik tertentu, digunakan berulang kali untuk objek yang sama, menghasilkan keputusan yang sama setiap kali.<sup>141</sup> Kebolehpercayaan adalah ketekalan atau konsistensi instrumen membuat pengukuran berulang pada subjek yang sama.<sup>142</sup> Menurut David Silverman, kebolehpercayaan (*reliability*) ialah ;

“There are many observational studies where the reader has no depend on the researchers depiction of what was going on. Indeed, perhaps the extended immersion in the "field", typical of much qualitative research, leads to a certain preciousness about the validity and reliability of the researchers own interpretation of "their" tribe or set of interview respondents”<sup>143</sup>

---

<sup>138</sup>Earl Babbie, *The Practice of Social Research*, 143.

<sup>139</sup>Othman Talib, *Asas Penulisan : Tesis Penyelidikan dan Statistik*, 177.

<sup>140</sup>David Silverman, *Qualitative Research*, 285.

<sup>141</sup>Earl Babbie, *The Practice of Social Research*, 140.

<sup>142</sup>Othman Talib, *Asas Penulisan : Tesis Penyelidikan dan Statistik*, 179.

<sup>143</sup>David Silverman, *Qualitative Research*, 298.

Bagi menguji kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu data yang dianalisis, penyelidik menggunakan kaedah *triangulasi*. Othman Talib telah memetik pendapat John W. Creswell dan Mason yang menyatakan *triangulasi* bermaksud integrasi kaedah yang berbeza bagi mendapatkan lebih daripada satu bentuk data supaya dapatan lebih meyakinkan dan dapat meningkatkan kesahan data yang dianalisis.<sup>144</sup> Contohnya, penyelidikan ini memilih subjek daripada tiga pihak yang berbeza untuk melakukan *triangulasi* iaitu remaja hamil luar nikah, Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat, PKMD Kota Setar dan Kubang Pasu, Nashikin Hanafi, Penyelia Bimbingan, RPNH. Hasil temu bual berkaitan kebajikan dan pengurusan anak luar nikah disilang periksa dengan peruntukan dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 (Enakmen 7) atau Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611). Proses ini penting agar data yang diperoleh bersifat objektif.


### 1.11 Kerangka Teori

Kerangka teori bertindak sebagai garis panduan atau struktur penyelidikan yang dipersembahkan dalam bentuk grafik untuk menunjukkan perkaitan yang logik antara *variable* penyelidikan. Secara mudah, kerangka teori adalah kerangka yang mantap ibarat seperti peta yang akan menunjukkan hala tuju penyelidikan dan memenuhi kerangka konseptual. Kerangka konseptual merangkumi permasalahan, objektif, metodologi, pengumpulan dan analisis data, dapatan penyelidikan dan cadangan-cadangan. Bagi memenuhi kehendak penyelidikan agar menjadi saintifik, penyelidik menyediakan kerangka teori seperti rajah 1.11 di bawah.

---

<sup>144</sup>Othman Talib, *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan dan Statistik*, 147.

Rajah : 1.11 Kerangka Teori



## 1.12 Ringkasan Bab

Penyelidikan ini mengandungi enam (6) bab. Bab Satu; merujuk kepada pendahuluan yang mengandungi pengenalan, permasalahan penyelidikan, persoalan penyelidikan, objektif penyelidikan, hipotesis penyelidikan, kepentingan penyelidikan, limitasi penyelidikan, definisi tajuk penyelidikan dan kerangka teori. Selain itu, sorotan karya membincangkan tiga (3) tema penting iaitu kesahatarafan anak, hak-hak anak luar nikah di sisi undang-undang dan kebajikan dan pengurusan anak luar nikah. Begitu juga, metodologi penyelidikan dipecahkan kepada tiga (3) iaitu reka bentuk penyelidikan, pengumpulan data dan analisis data. Reka bentuk penyelidikan terbahagi kepada dua (2) kaedah iaitu penyelidikan undang-undang dan kajian kes ; Pengumpulan data juga terbahagi kepada dua (2) kaedah iaitu penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan manakala analisis data pula terbahagi kepada dua (2) kaedah iaitu pendekatan induktif dan pendekatan deduktif.

Bab Dua ; membincangkan tentang anak luar nikah di Malaysia : realiti dan fakta. Perbincangan menyentuh tentang gejala anak luar nikah daripada aspek fakta-fakta, faktor-faktor, hak-hak sosial dan implikasi, pengurusan, prospek dan cabaran. Selanjutnya, perbincangan juga melibatkan agensi pengurusan yang bertanggungjawab dalam isu-isu anak luar nikah di peringkat agensi kerajaan dan swasta yang meliputi kuasa, limitasi, kejayaan, isu dan cabaran serta prospek.

Bab Tiga ; membincangkan isu-isu melibatkan anak luar nikah menurut Islam dan undang-undang, kedudukan sabitan *nasab* anak luar nikah kepada bapa biologi mengikut hukum Syarak dan undang-undang keluarga Islam. Lima (5) isu yang dibincangkan iaitu



nafkah, pendidikan, penjagaan (*hadanah*), institusi kebajikan dan perkhidmatan penjagaan. Kelima-lima isu tersebut mengupas tentang permasalahan anak luar nikah dan kelemahan undang-undang sedia ada dalam menanganinya.

Bab Empat ; membincangkan kajian kes di daerah Kota Setar dan Kubang Pasu dengan menganalisis lima (5) isu iaitu penjagaan, kebajikan dan pengurusan, pendidikan, emosi dan perasaan serta akhlak dan perubahan sikap yang melibatkan remaja hamil luar nikah dan anak luar nikah. Kelima-lima isu tersebut dianalisis dan dibuat perbandingan berdasarkan pandangan subjek-subjek, akta-akta di peringkat Kerajaan Persekutuan dan enakmen-enakmen di peringkat Kerajaan Negeri. Kesemua akta dan enakmen dinilai tentang keberkesanannya pada peringkat penguatkuasaan pentadbiran di agensi-agensi kerajaan, swasta dan NGO serta kelemahan-kelemahan yang wujud.

Bab Lima ; membincangkan dapatan dan cadangan yang merumuskan kelima-lima isu yang telah dianalisis dalam Bab Empat. Selanjutnya, cadangan-cadangan dikemukakan untuk penambahbaikan undang-undang sedia ada dan meningkatkan tadbir urus yang cekap dan berkesan terhadap agensi-agensi kerajaan, swasta dan NGO dalam menangani isu-isu yang melibatkan remaja hamil luar nikah dan anak luar nikah.

Bab Enam ; merupakan kesimpulan yang mengandungi rumusan terhadap keseluruhan perbincangan yang telah disentuh dalam Bab Satu hingga Bab Lima. Selanjutnya, penyelidik menyarankan agar penyelidikan berkaitan isu-isu anak luar nikah dapat diteruskan oleh penyelidik yang lain dengan mengupas isu-isu yang bersifat terkini.

## **BAB DUA**

### **ANAK LUAR NIKAH DI MALAYSIA : REALITI DAN FAKTA**

#### **2.1 Pengenalan**

Bab ini membincangkan realiti dan fakta sebenar tentang kedudukan anak luar nikah dalam negara kita. Kewujudannya bukanlah sesuatu yang asing dan tidak boleh dinafikan sama sekali. Kelahiran mereka perlu diterima dan diiktiraf sebagai anggota keluarga sama seperti kanak-kanak yang lain dan menjadi sebahagian daripada komponen masyarakat. Perbincangan juga menyentuh tentang fakta-fakta, faktor-faktor, laporan-laporan rasmi dan statistik terkini anak luar nikah di Kedah dan di Malaysia.

Selain itu, bab ini turut membuat perbandingan tentang tafsiran, penamaan, perwalian, nafkah, penjagaan dan perwarisan anak luar nikah orang Islam dan bukan Islam. Bagi anak luar nikah orang Islam, merujuk kepada Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah), 2008 (Enakmen 7), Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah) 2008 (Enakmen 8) dan Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) manakala anak luar nikah bukan Islam pula merujuk kepada Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164), Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) dan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98).

Perbincangan juga menyentuh tentang hak-hak sosial dan implikasi yang berbangkit akibat kelahiran anak luar nikah seperti penamaan dan *nasab*, perwarisan harta pusaka, penentuan status agama, pembuangan bayi dan penderaan. Selanjutnya, huraian tentang kuasa, limitasi, kejayaan, isu dan cabaran serta prospek agensi-agensi kerajaan dan swasta yang menguruskan kebajikan anak luar nikah turut dibincangkan.

## 2.2 Gejala Anak Luar Nikah Di Malaysia

Mutakhir ini gejala kelahiran anak luar nikah menjadi perbincangan hangat di kalangan masyarakat ekoran keputusan Mahkamah Rayuan Kuala Lumpur mengiktiraf anak luar nikah boleh di“bin”kan kepada bapa biologi. Keputusan tersebut dilihat bercanggah dengan fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI yang memutuskan anak yang lahir kurang daripada tempoh enam (6) bulan hendaklah di“bin” atau di“binti”kan kepada Abdullah dan tidak boleh *dinasabkan* kepada bapa biologi.<sup>1</sup> Isu ini harus ditangani dengan baik kerana ia melibatkan maruah orang Islam dan menimbulkan keresahan kepada masyarakat hari ini jika tiada penyelesaian terbaik.

Anak luar nikah terhasil daripada hubungan terlarang antara ibu dan “bapa” yang menyebabkan ibunya hamil luar nikah. Hamil luar nikah ialah mengandung sebelum berkahwin di mana kewujudan hubungan seks antara dua pasangan yang tidak mempunyai pertalian nikah yang sah. Kebiasaannya, remaja hamil luar nikah tergolong

---

<sup>1</sup>*Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali Pertama 28-29 Januari 1981*, Bab 6, Munakahat, “Penamaan Anak Tak Sah Taraf (Anak Luar Nikah)”, No. 8, Cet. 5, (Putrajaya : Bahagian Pengurusan Fatwa, JAKIM, 2015), 155.

umur antara tiga belas (13) hingga lapan belas (18) tahun.<sup>2</sup> Kesan hamil luar nikah menyebabkan lahirnya insan yang tidak berdosa menanggung kesengsaraan hidup dengan status “anak luar nikah” hingga ke akhir hayat sedangkan mereka tidak bersalah. Menurut istilah Bahasa Arab, anak luar nikah disebut *walad al-zina* yang bermaksud anak zina atau anak luar nikah. Para *fuqaha* bersepakat bahawa anak zina ialah anak yang tidak boleh disabitkan *nasabnya* kepada penzina melainkan persetubuhan itu disandarkan kepada pernikahan yang sah atau *fasid* atau *syubhah* atau dari hamba yang dimiliki atau *syubhah* hamba yang dimiliki. Anak yang lahir dalam keadaan sedemikian boleh *dinasabkan* dan kedua-duanya boleh diwarisi dan mewarisi antara satu dengan lain. Jika persetubuhan yang dilakukan secara zina, maka tidak boleh disandarkan anak zina, tidak boleh *dinasabkan* kepadanya dan tidak boleh mewarisi antara kedua-duanya.<sup>3</sup>

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI dalam persidangan kali ke-57 pada 10 Jun 2003<sup>4</sup> telah memutuskan definisi anak tak sah taraf adalah seperti berikut :

- a) Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah
- b) Anak dilahirkan kurang dari 6 bulan 2 lahzah (saat) mengikut taqwim qamariah daripada tarikh akad nikah

---

<sup>2</sup>Khadijah Alavi et. al., “Hamil Luar Nikah dalam Kalangan Remaja”, *Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol. 7, No.1, (April 2012) : 132.

<sup>3</sup>Ahmad bin Abd al-Razak Al-Dawish, *Fatawa Al-Lujnah Al-Daimah Lil Mabhus Al-‘Alamiah Wa al-Ifia’*, Cet. 4, (Riyadh : Al-Mamlakah Al-‘Arabiyyah As-Su’udiyah, Muassasah Al-Amirah, 1423H/2002M), 387.

<sup>4</sup>*Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI)*, Bab 10, Sosial dan Syariah, “Penamaan Anak Tak Sah Taraf (Anak Luar Nikah)”, No. 29, Cet. 5, (Putrajaya : Bahagian Pengurusan Fatwa, JAKIM, 2015), 206 – 207.

- c) Anak tak sah taraf tidak boleh diklan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh itu mereka tidak boleh mempusakai, tidak menjadi mahram dan tidak boleh menjadi wali

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah pula bersidang pada 26 September 2010<sup>5</sup>

telah mentafsirkan anak tak sah taraf mengikut hukum Syarak ialah ;

- a) Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina, rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan
- b) Anak yang dilahirkan kurang dari 6 bulan 2 lahzah (saat) qamariah dari waktu “imkam ad-dukhul”
- c) Anak yang dilahirkan lebih dari 6 bulan 2 lahzah (saat) dari waktu “imkam ad-dukhul” selepas akad yang sah dan ada bukti dari segi Syarak bahawa anak tersebut ialah anak luar nikah melalui iqrar (pengakuan) mereka yang berkenaan (suami dan isteri tersebut atau salah seorang daripadanya)
- d) Anak tidak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada lelaki sama ada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh itu, mereka tidak boleh mewarisi antara satu sama lain, tidak boleh menjadi mahram dan bapa tersebut tidak boleh menjadi wali kepada anak tersebut
- e) Jika lelaki tersebut berkahwin dengan ibu kepada anak tidak sah taraf itu, dan sabit persetubuhan maka hubungan anak tersebut

---

<sup>5</sup>Jabatan Mufti Negeri Kedah, *Fatwa Mengenai Larangan Anak Tak Sah Taraf*, Warta Kerajaan Negeri Kedah, Jil. 54, No. 13, 23 Jun 2011, 970.

dengan lelaki tersebut adalah seperti anak dengan bapa tiri dan mereka adalah mahram.

Penyelidikan ini cuba melihat perbezaan antara anak luar nikah orang Islam dengan bukan Islam dalam beberapa aspek tertentu berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada dalam negara kita. Antara perbezaan hak-hak anak luar nikah orang Islam dan bukan Islam adalah seperti berikut ;

a) Tafsiran

Anak luar nikah orang Islam menurut Seksyen 2, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 (Enakmen 7)

“tidak sah taraf”, berhubung dengan seseorang anak, ertinya dilahirkan di luar nikah dan bukan anak dari persetubuhan *syubhah*”<sup>6</sup>

Peruntukan ini mentafsirkan bahawa anak luar nikah adalah merujuk kepada kelahiran akibat persetubuhan luar nikah dan bukan daripada persetubuhan *syubhah*. Peruntukan ini tidak menepati definisi anak tak sah taraf yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa dan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah yang memasukkan istilah rogol dan tempoh kelahiran kurang daripada enam (6) bulan dua (2) *lahzah* mengikut taqvim *qamariah* daripada tarikh akad nikah atau *imkan ad-dukhu*.<sup>7</sup>

---

<sup>6</sup>Seksyen 2, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 (Enakmen 7).

<sup>7</sup>Jabatan Mufti Negeri Kedah, *Fatwa Mengenai Larangan Anak Tak Sah Taraf*.

Anak luar nikah bukan Islam menurut Seksyen 2, Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164)

“anak dari perkahwinan” ertinya seseorang anak kepada kedua-dua pihak kepada perkahwinan yang berkenaan atau seseorang anak kepada satu pihak kepada perkahwinan itu, yang diterima sebagai seorang ahli keluarga oleh pihak yang satu lagi itu; dan “anak” dalam kandungan ayat ini termasuklah seseorang anak tak sah taraf kepada salah satu pihak kepada perkahwinan itu”<sup>8</sup>

Peruntukan ini mentafsirkan bahawa anak luar nikah bukan Islam yang lahir daripada perkahwinan yang tidak sah boleh berubah menjadi sah taraf apabila berlaku perkahwinan antara kedua-dua ibu bapanya dengan syarat salah seorang daripadanya mempercayai dengan munasabah bahawa perkahwinan tersebut adalah sah.<sup>9</sup>

b) Penamaan

Anak luar nikah orang Islam menurut Jawatankuasa Fatwa MKI

“Anak zina atau anak di luar nikah sama ada diikuti dengan perkahwinan kedua pasangan ibu bapanya atau tidak, hendaklah di“bin” atau di“binti”kan dengan Abdullah”<sup>10</sup>

Peruntukan ini mentafsirkan bahawa anak luar nikah sama sekali tidak boleh *dinasabkan* kepada bapa biologi meskipun berlaku perkahwinan antara kedua-

---

<sup>8</sup>Seksyen 2, Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian), 1976 (Akta 164).

<sup>9</sup>Seksyen 75 (2), Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian), 1976 (Akta 164).

<sup>10</sup>*Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali Pertama 28-29 Januari 1981*, Bab 6, Munakahat, “Penamaan Anak Tak Sah Taraf (Anak Luar Nikah)”, No. 8, 155.

duanya sama ada anak tersebut masih dalam kandungan atau selepas dilahirkan. Pensabitan *nasab* seseorang anak kepada bapanya hendaklah dilihat sama ada sesuatu perkahwinan itu sah, *fasid* ataupun *syubhah*.<sup>11</sup> Fatwa ini berdasarkan pandangan *fuqaha* yang merujuk hadis yang bermaksud : “*Seorang anak adalah milik tuan firash*”<sup>12</sup>

Anak luar nikah bukan Islam menurut Seksyen 13, Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299)

“Walau apa pun yang terkandung dalam peruntukan terdahulu di dalam Akta ini, dalam hal anak tak sah taraf, tiada seorang pun sebagai bapa kepada kanak-kanak itu dikehendaki memberi maklumat berkenaan dengan kelahiran kanak-kanak itu, dan Pendaftar hendaklah tidak mencatatkan ke dalam daftar nama mana-mana orang sebagai bapa kanak-kanak itu kecuali atas permintaan bersama oleh ibu dan orang yang mengaku dirinya sebagai bapa kanak-kanak itu, dan orang itu hendaklah dalam hal sedemikian menandatangani daftar itu bersama dengan ibu itu”<sup>13</sup>

Peruntukan ini mentafsirkan bahawa anak luar nikah bukan Islam boleh didaftarkan dengan nama ibunya sahaja jika bapa biologi enggan memberikan maklumatnya untuk didaftarkan dalam sijil kelahiran anak tersebut. Sekiranya, bapa biologi mengaku anak tersebut adalah anaknya dan bersetuju namanya

---

<sup>11</sup>Dr Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*, Juz. 7, Cet. 3, (Damsyik : Dar al-Fikr, 1417/1996M), 681.

<sup>12</sup>Al-Bukhari, Al-Imam Abi Abdullah Muhammad bin Ismail, *Sahih Bukhari*, Cet. 2, Kitab Al-Faraid, Bab al-Waladu Lil Firash, Hadis No. 6749, 1647.

<sup>13</sup>Seksyen 13, Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299).



dimasukkan di ruangan bapa maka, anak tersebut diiktiraf sebagai anaknya dan kedua-duanya perlu hadir ke JPN untuk tujuan pengesahan pendaftaran.<sup>14</sup>

c) Perwalian

Anak luar nikah orang Islam menurut Seksyen 7 (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 (Enakmen 7)

“Jika sesuatu perkahwinan di bawah Enakmen ini melibatkan seorang perempuan yang tiada mempunyai wali dari nasab, mengikut hukum Syarak, perkahwinan itu hendaklah diakadnikahkan oleh wali Raja”<sup>15</sup>

Peruntukan ini mentafsirkan bahawa hak perwalian diri anak luar nikah adalah terletak kepada ibunya sahaja. Bagi hak perwalian perkahwinan anak luar nikah pula terletak di bawah kekuasaan wali hakim. Ini disebabkan ibu tidak boleh menjadi wali nikah. Begitu juga, bapa biologi yang menyetubuhi ibunya tanpa nikah sama ada bapa biologi berkahwin ataupun tidak dengan ibunya juga tidak sah menjadi wali nikah kepada anak tersebut.<sup>16</sup>

Anak luar nikah bukan Islam menurut Seksyen 9, Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian), 1976 (Akta 164)

“Sesuatu perkahwinan di bawah Akta ini boleh diupacarakan hanya oleh seorang Pendaftar”<sup>17</sup>

---

<sup>14</sup>Seksyen 13A (2), Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299).

<sup>15</sup>Seksyen 7 (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008.

<sup>16</sup>*Garis Paduan Anak Tak Sah Taraf : Penamaan, Pergaulan dan hak-haknya*, Cet.1, (Kuala Lumpur : JAKIM, 1998), 8.

<sup>17</sup>Seksyen 9, Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian), 1976 (Akta 164).

Peruntukan ini mentafsirkan bahawa hak perwalian diri anak luar nikah bukan Islam adalah terletak kepada ibunya sahaja. Jika anak tersebut di bawah usia dua puluh satu (21) tahun dan ingin berkahwin, anak tersebut perlu mendapatkan persetujuan bertulis daripada ibunya terlebih dahulu sebelum diberi kebenaran oleh mahkamah.<sup>18</sup> Namun begitu, mahkamah boleh meluluskan kebenaran berkahwin jika ibunya telah meninggal dunia dan berpuas hati bahawa permohonan tersebut memenuhi syarat-syarat ditetapkan.<sup>19</sup>

d) Nafkah

Anak luar nikah orang Islam menurut Seksyen 81 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 (Enakmen 7)

“Jika seseorang perempuan cuai atau enggan menanggung nafkah seseorang anaknya yang tak sah taraf yang tidak berupaya menanggung nafkah dirinya, melainkan seorang anak yang dilahirkan akibat rogol, Mahkamah boleh, apabila hal itu dibuktikan dengan sewajarnya, memerintahkan perempuan itu memberi apa-apa elaun bulanan yang difikirkan muah oleh Mahkamah”<sup>20</sup>

Peruntukan ini mentafsirkan bahawa saraan nafkah anak luar nikah terletak di bawah tanggungjawab ibunya sahaja. Peruntukan ini mengecualikan kewajiban bapa biologi disebabkan anak tersebut tiada hubungan *nasab* dengan bapa biologi meskipun kelahirannya adalah berpunca daripada perisetubuhan luar nikah antara ibunya dan bapa biologi. Peruntukan ini juga mengecualikan

---

<sup>18</sup>Ibid, Seksyen 12 (1) (b).

<sup>19</sup>Ibid, Seksyen 12 (2).

<sup>20</sup>Seksyen 81 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008.

kewajiban ibu jika kelahiran anak tersebut berpunca daripada rogol kerana rogol tidak termasuk dalam definisi anak tak sah taraf seperti yang diperuntukkan oleh Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Kedah, 2008.<sup>21</sup>

Anak luar nikah bukan Islam menurut Seksyen 93 (2), Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian), 1976 (Akta 164)

“Mahkamah adalah juga berkuasa memerintahkan seseorang perempuan membayar atau memberi sumbangan terhadap nafkah anaknya jika mahkamah berpuashati bahawa memandang kepada kemampuannya adalah munasabah memerintahkan sedemikian”<sup>22</sup>

Peruntukan ini mentafsirkan bahawa saraan nafkah anak luar nikah bukan Islam terletak di bawah tanggungjawab ibunya sama seperti anak luar nikah orang Islam. Tafsiran “anak” dalam peruntukan ini termasuk juga anak luar nikah seperti yang terkandung dalam Seksyen 2 dan Seksyen 87, Akta 164.

Peruntukan ini juga mengecualikan kewajiban bapa biologi menyara nafkah anak luar nikah jika upacara perkahwinan itu dilakukan secara tidak sah.<sup>23</sup>

e) Penjagaan

Anak luar nikah orang Islam menurut Seksyen 86, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 (Enakmen 7)

“Penjagaan anak tak sah taraf hanya pada ibu dan saudara mara ibu”<sup>24</sup>

---

<sup>21</sup>Ibid, Seksyen 2.

<sup>22</sup>Seksyen 93 (2), Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian), 1976 (Akta 164).

<sup>23</sup>Ibid, Seksyen 5.

<sup>24</sup>Seksyen 86, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008.

Peruntukan ini mentafsirkan bahawa ibu berkewajipan menjaga anak luar nikah. Namun begitu, jika ibu berhalangan menjaga anak tersebut maka, waris-waris ibu berhak menjaganya. Jika waris-waris ibu juga tidak mampu menjaganya maka, pemerintah bertanggungjawab menjaganya dengan meletakkannya di rumah kebajikan yang diiktiraf.<sup>25</sup> Peruntukan ini mengecualikan hak penjagaan ke atas bapa biologi disebabkan anak tersebut tiada hubungan *nasab* dengannya meskipun kelahirannya adalah berpunca daripada persetubuhan luar nikah antara ibunya dan bapa biologi.

Anak luar nikah bukan Islam menurut Seksyen 91, Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian), 1976 (Akta 164)

“Apabila seseorang anak disifatkan sebagai sah taraf di bawah seksyen 75, ibunya adalah berhak menjaga anak itu, jika tidak ada sesuatu perjanjian atau perintah mahkamah sebaliknya”<sup>26</sup>

Peruntukan ini mentafsirkan bahawa penjagaan anak luar nikah bukan Islam terletak kepada ibunya sahaja. Walau bagaimanapun, peruntukan ini memberi hak kepada bapa biologi untuk menjaga anak tersebut jika perkahwinannya telah diiktiraf sebagai sah di bawah Seksyen 75, Akta 164. Tertakluk kepada perkahwinan yang diiktiraf, bapa biologi juga boleh menjaga tersebut jika terdapat persetujuan antaranya dan ibu atau melalui perintah mahkamah.<sup>27</sup>

---

<sup>25</sup>Seksyen 87 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 (Enakmen 7).

<sup>26</sup>Seksyen 91, Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian), 1976 (Akta 164).

<sup>27</sup>Seksyen 88 (1), Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian), 1976 (Akta 164).

f) Perwarisan

Anak luar nikah orang Islam menurut Seksyen 20 (1), Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah) 2008 (Enakmen 8)

“Jika dalam perjalanan mana-mana prosiding yang berhubung dengan pentadbiran atau pembahagian harta pusaka seseorang simati beragama Islam, mana-mana Mahkamah Sivil atau pihak berkuasa, selain daripada Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah, adalah mempunyai kuasa untuk menentukan –

- a) orang yang berhak kepada bahagian dalam harta pusaka itu; atau
- b) bahagian-bahagian dalam harta pusaka itu, atau bahagian-bahagian yang kepadanya orang-orang itu masing-masing berhak”<sup>28</sup>

Peruntukan ini mentafsirkan bahawa anak luar nikah mempunyai hubungan *nasab* dengan ibunya. Oleh itu, kedua-duanya berhak mewarisi harta antara satu dengan lain jika berlaku kematian. Peruntukan ini mengecualikan hak perwarisan harta pusaka bapa biologi dan keturunannya dengan anak tersebut bahkan kedua-duanya bukan ahli waris jika berlaku kematian salah seorang daripadanya.<sup>29</sup>

Anak luar nikah bukan Islam menurut Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98) pula memperuntukkan ;

“Tertakluk kepada seksyen ini, tiada apa-apa pun dalam Akta ini hendaklah menjejaskan bidang kuasa eksklusif Mahkamah Tinggi

---

<sup>28</sup>Seksyen 20 (1), Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah) 2008.

<sup>29</sup>*Garis Paduan Anak Tak Sah Taraf : Penamaan, Pergaulan dan hak-haknya*, 6.

untuk memberi probet apa-apa wasiat atau pemindahan wasiat atau surat kuasa mentadbir dalam apa-apa hal di mana simati telah meninggalkan suatu wasiat yang sah atau pemindahan wasiat sah lain berkenaan dengan sesuatu harta pusaka kecil atau sebahagian daripadanya dan pemberian bila dibuat hendaklah mempunyai kuat kuasa dalam segala berkenaannya seolah-olah harta pusaka bukanlah sesuatu harta pusaka kecil”<sup>30</sup>

Peruntukan ini mentafsirkan bahawa anak luar nikah boleh mewarisi harta pusaka ibunya dengan cara wasiat jika ibunya telah menyediakan surat wasiat sebelum kematian. Begitu juga, seseorang ibu boleh mewarisi harta pusaka anak luar nikah mengikut kadar yang ditentukannya jika anak tersebut telah menyediakan surat wasiat sebelum kematiannya. Oleh itu, pembahagian harta pusaka berwasiat oleh simati sama ada ibu atau anak luar nikah hendaklah dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa berdasarkan perintah mahkamah.<sup>31</sup>

### **2.2.1 Fakta-fakta**

Berdasarkan statistik yang dilaporkan oleh JPN, bagi tahun 1999 – 2003, Kedah telah mencatat kelahiran anak luar nikah seramai 3496 orang daripada jumlah keseluruhannya iaitu 70,430. Daripada jumlah tersebut, terdapat 30,978 atau 44% anak luar nikah yang dilahirkan adalah anak orang Islam.<sup>32</sup> Bagi tahun 2014, jumlah kelahiran anak luar nikah di Negeri Kedah ialah 1,219 orang. Daerah Kuala Muda mencatat jumlah tertinggi iaitu

---

<sup>30</sup>Seksyen 5 (1), Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian)1955 (Akta 98).

<sup>31</sup>Ibid, Seksyen 5 (3).

<sup>32</sup><http://berita-harian-online.com/statistik-anak-luar-nikah-di-malaysia/>". (Capaian pada 18 Julai 2014).

267 orang atau 21.9 %. manakala daerah Bandar Baharu mencatat jumlah paling rendah iaitu 9 orang atau 0.74%.<sup>33</sup>

Bagi tahun 2008 – 2012 mencatat peningkatan yang ketara iaitu 167,073 lebih bayi yang direkodkan kelahirannya tanpa bapa. Secara purata, 33,415 orang bayi dilahirkan dalam tempoh setahun, 2,784 orang bayi dilahirkan dalam tempoh sebulan, 93 orang bayi dilahirkan dalam tempoh sehari dan 4 orang bayi dilahirkan dalam tempoh sejam.<sup>34</sup> Bagi tahun 2009, seramai 17,303 anak luar nikah daripada kalangan bangsa Melayu beragama Islam telah didaftarkan di JPN. Mengikut statistik terkini, seorang bayi dibuang pada setiap sepuluh (10) hari di Lembah Klang.<sup>35</sup>

Menurut Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Datuk Chew Mei Fun dalam persidangan Dewan Negara menyatakan statistik kelahiran anak luar nikah dalam rekod JPN pada tahun 2009 ialah seramai 52,378 orang. Jumlah tersebut semakin meningkat kepada 52,982 orang bagi tahun 2010, 53,788 orang bagi tahun 2011 dan 58,715 orang bagi tahun 2012. Menurutnya lagi, sehingga Jun 2013, seramai 14,239 anak luar nikah direkodkan.<sup>36</sup> Pengerusi Ikatan Pengamal Perubatan Muslim Malaysia (I-Medik) Cawangan Alor Setar, Dr. Murizah Mohd Zain turut melaporkan statistik daripada Bahagian Ibu dan Anak, KKM seluruh Malaysia bagi

---

<sup>33</sup>Surat rasmi kepada JPN Kedah kepada penyelidik, 12 Januari 2015.

<sup>34</sup>Abdul Majid Omar, “Kedudukan Anak Tak Sah Taraf : Daripada Aspek Pandangan Syarak, *Nasab* dan Perwarisan serta Kekeluargaan Islam” , Kertas Kerja sempena Kempen ‘Sah Nikah Sah *Nasab*’, (JAKIM dan ILIM, Bangi, Selangor, 18 Mac, 2013), 1.

<sup>35</sup><http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Pindaanundang-undangbuangbayiperludipercepat/Article/>. (Capaian pada 18 Julai 2014).

<sup>36</sup>“Bilangan Anak Luar Nikah Meningkat”, (14 Disember, 2014). <http://www.utusan.com.my/berita/parlimen/bilangan-anak-luar-nikah-meningkat-1.32383> (Capaian pada 13 November, 2015).

separuh tahun pertama Januari hingga Jun 2013 menunjukkan remaja dalam lingkungan usia sepuluh (10) hingga sembilan belas (19) tahun yang hamil berjumlah 8433 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 6342 orang sudah berkahwin manakala 2092 atau 25% merupakan remaja hamil luar nikah.<sup>37</sup>

Menurut Timbalan Menteri Dalam Negeri waktu itu, YB Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, dalam persidangan Parlimen Malaysia pada 18 dan 19 Mac 2014 mengenai kelahiran anak luar nikah oleh gadis bawah umur iaitu 16 tahun ke bawah dalam tahun 2012 – 2013, menyatakan jumlah kelahiran anak luar nikah oleh gadis bawah umur mengikut perangkaan daripada JPN yang melibatkan bangsa Melayu ialah 1490 orang manakala bukan Melayu ialah 1836 orang. Bagi kes rogol gadis bawah umur yang dilaporkan kepada polis yang melibatkan bangsa Melayu ialah 2390 orang manakala bukan Melayu ialah 584 orang. Bagi kes rogol gadis bawah umur yang tidak dilaporkan kepada polis, hanya melibatkan bangsa bukan Melayu sahaja iaitu 1252 orang.<sup>38</sup>

Bagi tahun 2013 – 2015, jumlah kelahiran anak luar nikah di kalangan orang Islam yang direkodkan oleh JPN ialah 159,725 orang. Bagi tahun 2013, bilangan anak luar nikah ialah 53,492 orang. Kadar tersebut bertambah sebanyak 672 orang menjadikan jumlah sebanyak 54,164 orang pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, pendaftaran anak luar

---

<sup>37</sup>Dr Murizah Mohd Zain, temu bual telefon oleh penyelidik, 16 Disember, 2015.

<sup>38</sup><http://www.moha.gov.my/index.php/en/kenyataan-media-akhbar/1513-isu-terhadap-jawapan-yb-tmdn-mengenai-statistik-kes-rogol-gadis-bawah-umur> pada 21 Mac 2014. (Capaian pada 1 Mei 2014).



nikah pada tahun 2015 menurun sebanyak 3,445 kelahiran menjadikan jumlah anak tersebut ialah 51,169 orang.<sup>39</sup>

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, statistik kelahiran anak luar nikah oleh JPN bagi tahun 2005 – 2015 berjumlah 532,158 orang. Merujuk data Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula, sebanyak 526 kes pembuangan bayi bagi tempoh yang sama. Bagi KKM, bilangan remaja hamil luar nikah bagi tahun 2012 – 2015 ialah 16,270 kes. Berdasarkan statistik Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), bagi tahun 2012 – 2015, terdapat tiga (3) buah negeri menunjukkan bilangan tertinggi remaja hamil luar nikah berumur (10) hingga (19) tahun iaitu Sarawak 5,246 orang, Johor 2,427 orang dan Selangor 1,603 orang.<sup>40</sup>

Statistik yang direkodkan oleh JPN hanyalah berdasarkan laporan yang diterima daripada aduan orang awam atau agensi kerajaan sahaja. Sekiranya mengambil kira kes-kes yang melibatkan pengguguran haram dan pembuangan bayi yang dipaparkan di media *massa* tetapi tidak direkodkan, jumlahnya lebih tinggi berbanding dengan kadar yang direkodkan. Hal ini boleh berlaku disebabkan oleh beberapa faktor antaranya pasangan remaja hamil luar nikah telah melarikan diri dan tidak mahu bertanggungjawab, kedua-dua pihak berasa malu dengan perbuatan terkutuk tersebut

---

<sup>39</sup>Sophia Ahmad, “159,725 anak tak sah taraf didaftar sejak 2013 : JPN”, [portal rasmi], (13 September 2016), <http://www.bharian.com.my/node/192319>. (Capaian pada 04 Ogos 2017).

<sup>40</sup>“Setengah juta anak tak sah taraf”, [portal rasmi], (10 November 2016), <https://www.hmetro.com.my/node/180793>. (Capaian pada 04 Ogos 2017).

lalu berpisah selepas kejadian tersebut atau kedua-duanya bercerai di mana anak tersebut sukar dipelihara atas faktor kemiskinan dan sebagainya.<sup>41</sup>

Penyelidik mendapati pada setiap tahun, data kelahiran anak luar nikah sentiasa direkodkan oleh pelbagai agensi kerajaan yang berkaitan antaranya PDRM, JKM, JPN, hospital kerajaan, pusat perubatan swasta dan NGO. Berdasarkan statistik di atas, fenomena kelahiran anak luar nikah sama ada akibat persetubuhan luar nikah, sumbang *mahram* ataupun rogol di kalangan remaja. Pihak berkuasa dilihat masih gagal menyekat gejala tersebut dengan berkesan bahkan kelahiran anak luar nikah semakin bertambah.

Berdasarkan statistik JKM, pada tahun 2015, sebanyak 4453 kes kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan daripada JKM di seluruh Malaysia. Hospital kerajaan merupakan institusi yang paling tinggi yang merujuk kes ke JKM iaitu 2446 kes berbanding orang awam 448 kes, ahli keluarga 404 kes, teledera “call centre 15999” 316 kes, lain-lain 312 kes, PKMD 247 kes, PDRM 140 kes, sekolah 73 kes, media 41 kes, pengamal perubatan swasta 23 kes, dan Tadika/Taska 3 kes.<sup>42</sup>

Bagi kategori negeri, Selangor menduduki tangga teratas iaitu 1398 kes manakala Perlis merupakan paling rendah iaitu 60 kes. Negeri Kedah pula berada di tangga ketiga iaitu 434 kes selepas Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur di tangga kedua iaitu 811 kes daripada baki 10 buah negeri yang lain.<sup>43</sup> Bagi kategori *etnik*, kanak-kanak bangsa Melayu merupakan jumlah yang paling ramai iaitu 1090 orang kanak-kanak lelaki dan

---

<sup>41</sup>Abdul Majid Omar, “Kedudukan Anak Tak Sah Taraf : Dari Aspek Pandangan Syarak, *Nasab* dan Perwarisan serta Kekeluargaan Islam”, 2.

<sup>42</sup>“Laporan Statistik 2015”, JKM, 117.

<sup>43</sup>Ibid, 118.

1877 orang kanak-kanak perempuan yang berjumlah 2967 orang berbanding bangsa lain. Bagi kanak-kanak kaum India berjumlah 602 orang di mana 245 orang kanak-kanak lelaki manakala 357 orang kanak-kanak perempuan, kaum Cina, seramai 193 orang kanak-kanak lelaki berbanding 243 orang yang jumlahnya ialah 436 orang. Bagi lain-lain kaum di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, seramai 155 orang kanak-kanak lelaki manakala 293 orang kanak-kanak perempuan yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan JKM.<sup>44</sup> Bagi kategori pemangsa kepada kanak-kanak, ibu merupakan pesalah paling ramai iaitu 1422 orang berbanding bapa berjumlah 878 orang.<sup>45</sup> Bagi kategori penganiayaan, anak luar nikah adalah antara kanak-kanak yang menjadi mangsa iaitu 183 orang dan 668 orang remaja wanita yang dianiayai oleh teman lelaki berbanding 17 sebab-sebab penganiayaan lain yang direkodkan oleh JKM.<sup>46</sup> Bagi kategori jenis pekerjaan pemangsa, kakitangan swasta merupakan penyebab utama iaitu 896 orang dan suri rumah 650 orang berbanding 11 jenis lain-lain pekerjaan.<sup>47</sup>

### 2.2.2 Faktor-faktor

Kelahiran anak luar nikah adalah berpunca daripada perlakuan sumbang antara pasangan remaja lelaki dan wanita tanpa melalui perlahwinan yang sah. Ia boleh dikaitkan sama ada atas kesalahan persetubuhan luar nikah, sumbang *mahram* ataupun rogol di kalangan remaja. Ia bertitik tolak daripada gejala sosial yang meruntuhkan akhlak muda mudi sekarang sehingga sukar dibendung lagi. Peningkatan kadar kelahiran anak luar nikah

---

<sup>44</sup>Ibid, 120.

<sup>45</sup>Ibid, 121.

<sup>46</sup>Ibid,122.

<sup>47</sup>Ibid,123.

seperti yang dibincangkan di atas adalah berpunca daripada empat faktor iaitu diri sendiri, keluarga, pengaruh rakan sebaya dan persekitaran seperti berikut ;

- a) Diri sendiri
- b) Keluarga
- c) Pengaruh rakan sebaya
- d) Persekitaran

### **2.2.2.1 Diri sendiri**

Remaja yang tidak menghayati akhlak dalam diri mudah terlibat dalam gejala sosial. Keruntuhan nilai-nilai murni dan akhlak mulia di kalangan remaja boleh menggugat kesejahteraan akal fikiran mereka dan memusnahkan sesebuah masyarakat. Oleh itu, proses-proses pementapan akhlak golongan remaja yang bertunjangan agama mampu mengembalikan kestabilan dan kebahagiaan hidup bermasyarakat.<sup>48</sup> Akhlak merupakan asas terpenting dalam mewujudkan hubungan baik antara anggota masyarakat. Apabila akhlak runtuh akan hancurlah hubungan baik antara mereka dan masyarakat juga akan berpecah-belah. Contohnya akhlak Rasulullah SAW yang menjadi ikutan para sahabat dan kaum muslimin seluruhnya. Akhlak mulia yang diasaskan oleh Rasulullah SAW adalah bertujuan untuk melahirkan manusia yang *soleh* menurut ajaran Islam merupakan dan memperbaiki akhlak umatnya.<sup>49</sup>

---

<sup>48</sup>Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan, "Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka", *Journal of Education Psychology & Counseling*, Vol. 1, (Mac 2011) : 118.

<sup>49</sup>Siti Norlina Muhamad et. al., "Budaya Penyayang Dalam Kehidupan Masyarakat Islam: Antara Teori Dan Praktis", Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), (Hotel City Bayview, Langkawi, 4-6 September 2004), 5.

Perasaan kecewa dalam hidup yang dikaitkan dengan masalah *psikologi* boleh mendorong golongan remaja bertindak melakukan sesuatu untuk mendapat kepuasan tanpa mengira kesan dan akibat. Penyelidikan Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan memetik pandangan Zainal dan Sharani yang menyatakan seseorang remaja yang menjadi mangsa penderaan akan menghadapi kesan *psikologi*, interpersonal dan sukar bersosial dalam masyarakat untuk kehidupan pada masa akan datang. Penderaan boleh menyebabkan mangsa mengalami mimpi ngeri, fobia, murung dan bimbang seterusnya berlaku perlakuan antisosial seperti lari dari rumah, ponteng sekolah, rasa bersalah, malu dan rasa rendah diri yang menjerumus kepada kelakuan mengasingkan diri.<sup>50</sup>

Pergaulan bebas antara golongan remaja lelaki dan wanita turut mengheret keruntuhan akhlak sehingga berlaku hubungan seks. Ia mula menular di kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah dan berkembang di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah serta menjadi suatu kebiasaan di institusi-institusi pengajian tinggi. Keadaan ini menjadi lebih kronik apabila mereka mudah terpengaruh dengan budaya liar yang ditonjolkan melalui program-program hiburan dalam rancangan televisyen dan astro di samping acara-acara hiburan seperti konsert, jom heboh, sua rasa dan sebagainya.<sup>51</sup>

Keciciran dalam arus pendidikan juga menjerumuskan pelajar dalam pelbagai masalah sosial antaranya aktiviti salah laku seksual atau hamil luar nikah. Penyelidikan Khadijah Alavi et. al. menyatakan antara punca golongan remaja tercacir dalam pelajaran

---

<sup>50</sup>Ibid, 119.

<sup>51</sup>Khairul Anuar Ismail, "Statistik Kes Zina dan Anak Luar Nikah Di Malaysia", suaramuhajirin313.blogspot.com/2013/01/statistik-kes-zina-dan-anak-luar-nikah\_1.html. (Capaian pada 2 Mei 2014).

disebabkan tidak pandai membaca, malas untuk pergi ke sekolah, hilang minat untuk belajar, kemiskinan keluarga, bekerja untuk meringankan bebanan keluarga dan sebagainya.<sup>52</sup> Keciciran pelajar jika gagal ditangani dengan baik mampu menghalang Program Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia dalam pembentangan Bajet 2017 untuk membentuk rakyat Malaysia agar berpendidikan tinggi dan melihat negara mencapai sistem pendidikan kebangsaan yang bertaraf dunia.

#### **2.2.2.2 Keluarga**

Pegangan agama yang longgar di kalangan ibu bapa dan tidak dititikberatkan pula kepada anak-anak mereka memberi kesan negatif terhadap *sahsiah* dan jati diri. Pegangan agama dan nilai moral adalah kompas kehidupan yang dapat membezakan antara baik dan buruk sesuatu perkara sebelum bertindak melakukannya. Perkara asas sebagai muslim ialah mengerjakan solat yang mesti ditegakkan dalam diri ibu bapa dan anak-anak. Pengabaian solat di kalangan ibu bapa akan memberikan cerminan kepada anak-anak mereka untuk tidak menunaikannya seperti yang diperintahkan oleh agama. Lebih mendukacitakan lagi apabila ibu bapa tidak menghukum atau mengambil tindakan jika anak-anak tidak mahu mengerjakan solat. Jika dinilai dari segi *sahsiah*, remaja yang longgar pegangan agamanya mudah terjerumus dalam kancah masalah sosial.<sup>53</sup>

Kecuaian ibu bapa memberi pendidikan kepada anak-anak boleh menjejaskan masa depan mereka. Hal ini disebabkan mereka mudah terjebak dengan gejala sosial dan tidak

---

<sup>52</sup>Khadijah Alavi et. al., "Hamil Luar Nikah Dalam Kalangan Remaja", 132.

<sup>53</sup>Mohamad Faizal Mohammad dan Mohd Zaki Ishak, "Gejala Hubungan Seks Dalam Kalangan Pelajar: Satu Kajian Kes", Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014(SKIK 2014), (Fakulti Psikologi dan Pendidikan, UMS, Kota Kinabalu, 11 Disember 2014), 6.

mampu melawan arus kebangkitan sosial remaja yang menggugat diri sendiri dan kebahagiaan keluarga jika tiada ilmu pengetahuan yang mantap.<sup>54</sup> Bagi mencapai kebahagiaan dalam keluarga, pendidikan kepada anak-anak melalui ilmu pengetahuan sama ada secara langsung atau tidak langsung menjadi tugas utama setiap ibu bapa. Melalui pendidikan, anak-anak remaja mampu menjadi insan yang berguna kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Ilmu pengetahuan yang mendalam juga menjamin pembangunan bangsa menjadi kuat dan dihormati kerana melaluinya manusia akan mendapat kemuliaan, kehormatan, ketenangan dan kebahagiaan di dunia dan ganjaran di akhirat. Justeru, ibu bapa perlulah memberi pendidikan yang sempurna kepada anak-anak agar urusan keduniaan mereka diurus sesuai dengan ilmunya.<sup>55</sup>

Latar belakang keluarga yang miskin dan berpendapatan rendah menjadi faktor remaja terjebak dengan gejala sosial. Kehidupan mereka yang membesar tanpa pelajaran, hidup terbiar dan bertingkah laku negatif. Penyelidikan Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad merujuk Penyelidikan Mannes et. al. yang melaporkan bahawa remaja yang berasal daripada keluarga berpendapatan rendah adalah dua kali ganda lebih cenderung untuk bertingkah laku negatif berbanding remaja lain.<sup>56</sup>

Modenisasi dan kesibukan ibu bapa dalam menjana kewangan keluarga boleh menjejaskan hubungan kekeluargaan dan menimbulkan pelbagai masalah dalaman antara ahli keluarga. Kestabilan sesebuah keluarga sukar dikekalkan jika antara ahli

---

<sup>54</sup>Khadijah Alavi et. al., "Hamil Luar Nikah Dalam Kalangan Remaja", 133.

<sup>55</sup>Nur Zahidah Hj Jaapar dan Raihanah Hj Azahari, "Model Keluarga Bahagia Menurut Islam", *Jurnal Fiqh*, No. 8 (2011) : 35.

<sup>56</sup>Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan, "Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka", 119.

keluarga mempunyai masalah tersendiri. Kesibukan dan kemodenan ibu bapa merenggangkan hubungan dengan anak-anak terutamanya yang sedang meningkat remaja. Apabila mereka pulang dari sekolah, ibu bapa tiada di rumah. Ini mendorong mereka menghabiskan masa bersama rakan-rakan sebelum pulang ke rumah. Mereka juga hilang kasih sayang daripada ibu bapa sendiri. Akhirnya, anak-anak remaja mencari kasih sayang di luar rumah kerana mereka kurang mendapat perhatian dan dipinggirkan daripada ibu bapa.<sup>57</sup>

Hubungan silaturahim antara ibu bapa dan anak-anak remaja renggang disebabkan tiada komunikasi antara mereka. Ketiadaan komunikasi antara ibu bapa dan anak-anak remaja menyebabkan masalah yang menimpa mereka gagal ditangani dengan baik. Arahan ibu bapa tidak diendahkan, pandangan dan nasihat ibu bapa tidak dihormati dan mereka bertindak sendiri apabila terlibat dalam salah laku seksual. Dalam keadaan demikian, ibu bapa perlu mengeratkan kembali hubungan silaturrahim dan memulihkan komunikasi dengan anak-anak remaja. Anak-anak remaja tidak boleh dibiarkan bersendirian dalam menentukan masa depan mereka sebaliknya, mereka perlu dibimbing, dipantau dengan penuh kasih sayang dan dicorakkan hala tuju kehidupan mereka demi mengelakkan mereka terpengaruh dan terlibat dengan aktiviti seksual.<sup>58</sup>

Perceraian antara ibu bapa mendorong anak-anak remaja terlibat dengan gejala sosial dan kesalahan juvana. Anak-anak remaja yang datang daripada keluarga bercerai mempunyai masalah peribadi yang membawa kepada tingkah laku negatif. Kehidupan

---

<sup>57</sup>Khadijah Alavi et. al., "Hamil Luar Nikah Dalam Kalangan Remaja", 132.

<sup>58</sup>Ibid, 136.



mereka dalam keluarga yang tidak bahagia dan kucar-kacir menimbulkan masalah kepada diri sendiri. Terdapat anak-anak daripada keluarga tunggal berhadapan dengan masalah emosi dan tingkah laku disebabkan tiada pemantauan dan pengawasan daripada ibu bapa. Ibu atau bapa tunggal pula terpaksa bekerja lebih masa untuk menambahkan pendapatan bagi menyara keluarga menyebabkan mereka tiada masa untuk bersama anak-anak. Kesannya, anak-anak remaja akan menghabiskan masa mereka di luar rumah bersama rakan-rakan dan mudah terdedah kepada pengaruh negatif.<sup>59</sup>

### **2.2.2.3 Pengaruh rakan sebaya**

Rakan sebaya merupakan pihak yang paling rapat dengan golongan remaja dan berupaya mempengaruhi remaja yang lain terlibat dengan perlakuan seks bebas. Pengaruh rakan sebaya bermula dengan pembentukan peribadi dan pencarian identiti diri. Kesilapan besar dilakukan oleh golongan remaja adalah berkawan dengan individu yang menghadapi masalah sosial. Mereka berjaya mempengaruhi remaja yang lain melakukan aktiviti negatif bertentangan dengan landasan agama dan norma masyarakat seperti berkunjung ke disko, pusat hiburan, pengambilan dadah dan melakukan seks bebas. Permulaan dengan aktiviti bebas boleh menjerumuskan remaja hamil luar nikah sehingga sanggup menggugurkan kandungan atau terpaksa membuang bayi mereka.<sup>60</sup>

Kebanyakan golongan remaja suka menghabiskan masa terluang bersama kawan-kawan berbanding berinteraksi bersama ahli keluarga di rumah. Pertemuan rakan-rakan yang mempunyai latar belakang keluarga bermasalah menyebabkan mereka mencuba sesuatu

---

<sup>59</sup>Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan, "Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka", 119.

<sup>60</sup>Khadijah Alavi et. al., "Hamil Luar Nikah Dalam Kalangan Remaja", 133.

yang baharu dalam aktiviti harian seperti pergaulan bebas, berdua-duaan, mengunjungi pusat-pusat hiburan dan kelab-kelam malam dan seumpamanya. Mereka juga selalu bercerita dan bertukar pandangan mengenai aktiviti seks yang menyebabkan rakan remaja yang lain gin tahu perkara tersebut. Kesemua aktiviti tersebut berakhir dengan perlakuan seks bebas sehingga mengandung anak luar nikah.<sup>61</sup>

Hubungan intim dan romantik antara remaja lelaki dan wanita menjadi pencetus kepada berlakunya hubungan seks sehingga hamil luar nikah. Remaja wanita melahirkan rasa gembira dan selesa dengan hubungan romantik tersebut kerana mereka mempunyai teman lelaki yang boleh mencurahkan kasih sayang dan dapat menghilangkan tekanan perasaan. Remaja perempuan lebih cenderung dalam hubungan seks berbanding remaja lelaki. Kelahiran anak luar nikah dikaitkan dengan remaja hamil di luar perkahwinan hasil daripada hubungan romantik.<sup>62</sup>

#### **2.2.2.4 Persekitaran**

Kecanggihan teknologi masa kini khususnya penggunaan telefon bimbit atau telefon pintar merupakan salah satu faktor yang sangat kuat mendorong golongan remaja terlibat dalam salah laku seksual. Mereka boleh mengakses segala maklumat termasuklah bahan lucah melalui telefon bimbit yang dilengkapi dengan kemudahan akses internet. Kebanyakan remaja asyik bersembang (*chatting*) tanpa mengira waktu di laman *facebook*, *twitter*, *whatsapp*, *instagram* dan sebagainya dengan pasangan masing-masing

---

<sup>61</sup>Mohamad Faizal Mohammad & Mohd Zaki Ishak, "Gejala Hubungan Seks Dalam Kalangan Pelajar: Satu Kajian Kes", 6.

<sup>62</sup>Salamatussaadah Abd. Ghadur & Nor Ba'iah Abdul Kadir, "Hubungan Romantik Dan Remaja Hamil Luar Nikah Di Pusat Pemulihan", *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, Vol. 4, No. 1, (Mei 2009) : 106.

dalam segala hal termasuklah tentang aksi hubungan seks dan gambar lucah.<sup>63</sup> Bahan-bahan lucah yang mudah diakses melalui internet memberi kesan kepada golongan remaja terlibat secara langsung dengan salah laku seksual. Selain internet, bahan-bahan lucah pula mudah dikongsikan melalui perisian “Bluetooth” yang sedia ada dalam sistem telefon pintar masa kini. Keasyikkan melihat bahan-bahan lucah yang mudah diakses memberi ransangan yang kuat kepada peniruan tingkah laku dan menjerumuskan golongan remaja melakukan hubungan seks.<sup>64</sup>

Kewujudan pusat-pusat hiburan seperti disko, *karaoke*, rumah urut, kelab malam dan sebagainya yang tumbuh di merata-rata tempat bagai cendawan selepas hujan. Ia seolah-olah menjadi pemangkin ke arah suburnya gejala sosial dan keruntuhan akhlak di kalangan remaja. Kebanyakannya berkembang pesat di pusat-pusat bandar dan kini semakin membiak di luar bandar dalam negara kita. Pusat-pusat hiburan tersebut menjadi sarang maksiat dan memberikan kredit tertinggi dalam meningkatkan kadar kes jenayah rogol dan zina. Ini menunjukkan tiada suatu kawalan atau sekatan yang dianggap berkesan untuk membasmi kewujudan sarang maksiat tersebut.<sup>65</sup>

Pengaruh media *massa* juga berperanan menguasai minda remaja pada hari ini. Media elektronik khususnya berupaya mewarnai akhlak remaja yang baik menjadi buruk. Tidak dapat dinafikan bahawa media *massa* seringkali memaparkan adegan lucah dan ganas menyebabkan remaja terpengaruh lantas meniru apa yang ditonton. Tidak keterlaluan

---

<sup>63</sup>Khadijah Alavi et. al., “Hamil Luar Nikah Dalam Kalangan Remaja”, 135.

<sup>64</sup>Mohamad Faizal Mohammad dan Mohd Zaki Ishak, “Gejala Hubungan Seks Dalam Kalangan Pelajar: Satu Kajian Kes”, 7.

<sup>65</sup>Khairul Anuar Ismail, “Statistik Kes Zina dan Anak Luar Nikah Di Malaysia”, suaramuhajirin313.blogspot.com/2013/01/statistik-kes-zina-dan-anak-luar-nikah\_1.html. (Capaian pada 2 Mei 2014).

jika dinyatakan di sini bahawa filem-filem barat yang menampilkan watak-watak romantik yang disiarkan dalam rancangan televisyen juga mempengaruhi remaja untuk melakukan aksi yang sama kepada pasangan masing-masing.<sup>66</sup>

Kos perbelanjaan perkahwinan yang kian meningkat pada hari ini turut menyumbang hubungan seks sebelum berkahwin di kalangan remaja. Ini disebabkan setiap majlis perkahwinan yang diadakan menelan kos perbelanjaan yang sangat tinggi. Akibatnya, kesukaran pasangan untuk berkahwin mengikut kelaziman dan adat budaya masyarakat hari ini menyebabkan pasangan tersebut mengambil jalan singkat dengan menjalin hubungan tanpa ikatan perkahwinan yang sah dengan alasan tidak mampu berkahwin. Penyelidikan Syh Noorul Madiah Syed Husin memetik pandangan Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri Johor, Abd. Mutalip Abd. Rahim, antara faktor yang dikenal pasti menjadi punca peningkatan gejala zina di Johor adalah meningkatnya kos wang hantaran dan kenduri kahwin. Hal ini menyebabkan mereka yang mempunyai keinginan untuk berkahwin, namun tidak mampu menampung perbelanjaan perkahwinan mengambil jalan mudah dengan mendekati perkara maksiat.<sup>67</sup>

### **2.2.3 Hak-hak sosial dan implikasi**

Gejala kelahiran anak luar nikah kerap kali mengundang beberapa implikasi besar kepada pelbagai pihak untuk menanganinya seperti anak luar nikah, ibu, waris ibu, JKM, JPN, PDRM dan sebagainya. Antara hak-hak sosial dan implikasi tersebut ialah ;

---

<sup>66</sup>Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, *Gejala Sosial Dalam Masyarakat Islam : Punca Dan Penyelesaian*, Terbitan Pertama, (Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors, 2003), 23.

<sup>67</sup>Syh Noorul Madiah Syed Husin, “Gelagat Perbelanjaan Perkahwinan Masyarakat Melayu Muslim Menurut Perspektif Syariah”, Latihan Ilmiah, Doktor Falsafah, (Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2017), 11.

- a) Penamaan dan *nasab*
- b) Perwarisan harta pusaka
- c) Penentuan status agama
- d) Pembuangan bayi
- e) Penderaan

### 2.2.3.1 Penamaan dan *nasab*

Seseorang anak yang lahir tanpa melalui ikatan perkahwinan yang sah antara ibu dan bapa biologi, maka anak tersebut tidak boleh *dinasabkan* kepada bapa biologi disebabkan tiada hubungan darah antara keduanya. Begitu juga, namanya tidak boleh di“bin” atau di“bintikan” kepada bapa biologi sebaliknya hendaklah di“bin” atau di“binti”kan dengan nama Abdullah<sup>68</sup> atau lain-lain nama *Asma’ Al-Husna* yang berpangkalan Abdul.<sup>69</sup> Isu penamaan dan *nasab* ini menimbulkan implikasi besar kepada JPN apabila terdapat sesetengah pihak terutamanya anak luar nikah, ibu kandung dan keluarganya tidak berpuas hati tindakan JPN mendaftarkan nama anak luar nikah berdasarkan fatwa lalu mencabarnya ke mahkamah. Tambahan pula, ia melibatkan konflik perundangan tentang bidang kuasa mahkamah sama ada terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil ataupun Mahkamah Syariah.

---

<sup>68</sup>Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI), Kali Pertama, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/penamaan-anak-tak-sah-taraf-anak-luar-nikah>. (Capaian pada 31 Mac, 2016).

<sup>69</sup>“Garis Panduan Anak Tak Sah Taraf : Penamaan, Pergaulan dan Hak-haknya”, 9.

### 2.2.3.2 Perwarisan harta pusaka

Seseorang anak luar nikah hanya *dinasabkan* kepada ibunya sahaja dan kedua-duanya berhak mewarisi harta pusaka antara satu sama lain. Sebaliknya, perwarisan harta pusaka tidak melibatkan anak tersebut dengan bapa biologi disebabkan kedua-duanya tiada hubungan *nasab*.<sup>70</sup> Isu perwarisan harta pusaka turut memberikan implikasi kepada diri anak luar nikah itu sendiri apabila statusnya sebagai waris kepada ibunya dinafikan. Keadaan ini boleh berlaku apabila wujud tindakan “sembunyi waris” oleh ahli keluarga ibunya atau adik-beradiknya yang lain tatkala ibu mereka meninggal dunia. Tambahan pula, statusnya sebagai anak luar nikah yang dikaitkan sebagai waris ibunya perlu disahkan terlebih dahulu di Mahkamah Syariah sebelum proses pembahagian pusaka di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Negeri (JKPTG).

### 2.2.3.3 Penentuan status agama

Seseorang anak luar nikah yang dipungut atau dijumpai dan tidak dapat ditentukan keturunannya sama ada Islam ataupun bukan Islam, maka menjadi tanggungjawab pihak berkuasa melindungi, memelihara, mendidik dan mengurus kebajikannya menurut agama Islam kerana bersandarkan kepada majoriti rakyat negara ini yang beragama Islam.<sup>71</sup> Apabila seseorang anak luar nikah yang belum *baligh* meninggal dunia, urusan pengkebumiannya hendaklah berdasarkan hukum agama ibunya. Jika ibunya beragama Islam, maka dia dihukum sebagai seorang Islam dan jenazahnya perlu diurus secara Islam. Jika ibunya bukan Islam, maka anak tersebut dihukum sebagai bukan Islam

---

<sup>70</sup>Ibid.

<sup>71</sup>Dato' Setia Hj. Mohd. Tamyas Abd. Wahid, “Anak Tak Sah Taraf Mengikut iniastr”, Kertas kerja, Seminar Penolong Pendaftar Nikah Daerah Hulu Selangor, (Petaling Jaya, Selangor, 28 November 2007), 13.

sekalipun bapa biologi adalah seorang Islam.<sup>72</sup> Isu pengkebumian jenazah turut mengundang implikasi besar dan dilema kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Mahkamah Syariah antara dua situasi ; sama ada membiarkan anak tersebut diuruskan dengan cara bukan Islam apabila ibunya bukan Islam ataupun mempertahankan akidah anak tersebut sebagai Islam apabila pihak berkuasa telah mendaftarkannya sebagai seorang Islam setelah ditempatkan di instusi kebajikan JKM.

#### **2.2.3.4 Pembuangan bayi**

Seseorang anak luar nikah berhadapan dengan risiko pembuangan bayi selepas dilahirkan oleh ibunya yang hamil luar nikah. Tindakan tersebut terpaksa dilakukan oleh remaja hamil luar nikah untuk mengelakkan dikenakan hukuman sebat atas kesalahan jenayah syariah. Dalam enam (6) bulan pertama tahun 2012 sahaja, seramai 31 bayi yang ditinggalkan berjaya ditemui dengan 10 bayi adalah terselamat dan selebihnya meninggal dunia. Statistik ini adalah sebahagian kecil sahaja yang berjaya dilaporkan kerana tidak ada laporan yang menunjukkan tidak semua bayi yang dibuang telah ditemui dan berjaya diselamatkan. Peningkatan isu pembuangan bayi telah diberi perhatian meluas oleh media *massa* sejak mutakhir ini untuk menyedarkan pelbagai pihak agar berusaha menyelesaikannya.<sup>73</sup>

---

<sup>72</sup>Abdul Majid Omar, “Kedudukan Anak Tak Sah Taraf : Dari Aspek Pandangan Syarak, *Nasab* dan Perwarisan serta Kekeluargaan Islam”, 6.

<sup>73</sup>Child Rights Coalition Malaysia (CRC), “Laporan Mengenai Status Hak Kanak-Kanak Di Malaysia” (Disember 2012), <http://www.mcri.org.my/wp-content/uploads/CRC-Report-Bahasa.pdf>. (Capaian pada 10 Ogos 2017).

### 2.2.3.5 Penderaan

Seseorang anak luar nikah juga berhadapan dengan kes penderaan sama ada oleh ibunya, waris ibu atau penjaga. Menurut Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Azizah Mohd. Dun, sebanyak 4,652 kes penderaan kanak-kanak direkodkan sepanjang tahun 2015 – 2016. Penderaan fizikal mencatatkan kes paling tinggi iaitu 2,470 kes, penderaan seksual 2,012 kes dan penderaan emosi 170 kes.<sup>74</sup> Statistik 2008 daripada Jabatan Kebajikan Sosial (JKS) menunjukkan daripada 2,780 kes penderaan kanak-kanak yang dilaporkan di Malaysia, 772 pelaku adalah ibu mangsa sementara 494 kes membabitkan bapa mangsa.<sup>75</sup>

Isu penderaan gagal ditangani dengan memuaskan oleh pihak berkuasa disebabkan banyak kes penderaan yang gagal dilaporkan. Kanak-kanak muda enggan melaporkan penderaan fizikal atau seksual yang diperlakukan ke atas mereka. Kanak-kanak yang lebih tua pula takut dengan ugutan pendera atau campur tangan pihak berkuasa, di mana kedua-duanya boleh mengeruhkan lagi situasi keseluruhan. Hanya sebahagian kecil penderaan kanak-kanak termasuk anak luar nikah yang dilaporkan dan disiasat, dan hanya segelintir pendera yang didakwa di mahkamah.<sup>76</sup> Kadar pelaporan yang rendah terhadap isu penderaan kanak-kanak termasuk anak luar nikah mengundang implikasi besar kepada pihak berkuasa seperti PDRM, JKM dan sebagainya untuk mengatasinya.

---

<sup>74</sup>“4,652 kes penderaan melibatkan kanak-kanak”, (17 Mac 2017), [portal rasmi], <http://www.utusan.com.my/berita/parlimen/4-652-kes-penderaan-libatkan-kanak-kanak-1.458091>.(Capaian pada 14 Ogos 2017).

<sup>75</sup>“Penderaan Kanak-kanak di Malaysia, UNICEF Malaysia”, (September 2010), <https://www.unicef.org/malaysia/GetonBoard-Fakta-Penderaan-Kanak-kanak-di-Malaysia.pdf>. (Capaian pada 14 Ogos 2017).

<sup>76</sup>Ibid.



#### 2.2.4 Pengurusan

KPWKM merupakan agensi kerajaan yang berkait rapat dalam mengurus permasalahan remaja hamil luar nikah dan isu kelahiran anak luar nikah dalam negara kita. Idea penubuhannya adalah manifestasi pelaksanaan iltizam negara yang dibuat pada Persidangan Sedunia Keempat Wanita di Beijing pada tahun 1995.<sup>77</sup> Pada 17 Januari 2001, Perdana Menteri ketika itu, YAB Dato Seri Dr Mahathir Bin Mohamad (sekarang Tun) telah mengumumkan penubuhan Kementerian Hal Ehwal Wanita (KHEW). Mulai 15 Februari 2001, KHEW telah bertukar nama menjadi Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (KPWK) sesuai dengan perluasan fungsi dan peranannya. Pada 27 Mac 2004, fungsi pembangunan masyarakat dan Kementerian Perpaduan Negara telah dibubarkan dan dipindahkan ke KPWK. Selaras dengan penubuhan tersebut, KPWK telah ditukar nama menjadi KPWKM.<sup>78</sup>

KPWKM menggariskan visi, misi, matlamat dan objektif tertentu ke arah memantapkan perjalanan dan pentadbiran agar memenuhi matlamat penubuhannya iaitu ;<sup>79</sup>

a) Visi

Menjadi peneraju utama untuk mencapai kesaksamaan gender, pembangunan keluarga dan masyarakat penyayang dan sejahtera sebagai asas pembentukan sebuah negara maju yang terbilang.

---

<sup>77</sup>Petikan dokumen Landasan Tindakan Bagi Memajukan Wanita Tahun 2000 “Pewujudan sebuah Kementerian yang lengkap menggambarkan komitmen Kerajaan yang tinggi untuk meningkatkan martabat wanita di negara ini” <http://www.kpwkm.gov.my/latar-belakang>. (Capaian pada 25 April 2014).

<sup>78</sup><http://www.kpwkm.gov.my/latar-belakang>. (Capaian pada 25 April 2014).

<sup>79</sup><https://www.kpwkm.gov.my/> <https://www.kpwkm.gov.my/>. (Capaian pada 15 Ogos 2017).

b) Misi

Mengintegrasikan perspektif wanita dan masyarakat ke dalam arus perdana pembangunan negara serta memperkukuhkan institusi keluarga ke arah peningkatan kesejahteraan sosial.

c) Matlamat

Membentuk masyarakat yang sejahtera melalui perkongsian tanggungjawab yang strategik dan penyampaian perkhidmatan pembangunan sosial yang cekap dan berkesan.

d) Objektif

- i) Meningkatkan penyertaan dan peranan aktif wanita, keluarga dan masyarakat sebagai penyumbang dan penerima faedah pembangunan negara.
- ii) Memelihara hak-hak kepentingan wanita, keluarga dan masyarakat dengan adil dan saksama tanpa unsur diskriminasi.
- iii) Memperluaskan peluang yang saksama kepada wanita dan masyarakat dalam bidang sosial, ekonomi dan politik.
- iv) Memantapkan institusi keluarga.
- v) Mempastikan sistem penyampaian dan sokongan yang cekap dan berkesan.

Bagi mencapai objektif tersebut, KPWKM telah menggubal empat dasar penting iaitu :

a) Dasar Kanak-Kanak Negara (DKN)<sup>80</sup>

---

<sup>80</sup>Satu dasar mengenai hak kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak agar dapat menikmati peluang dan ruang untuk mencapai perkembangan holistik dalam persekitaran yang

- b) Dasar Pelindungan Kanak-Kanak Negara (DPKN)<sup>81</sup>
- c) Dasar Kebajikan Masyarakat Negara (DKMN)<sup>82</sup>
- d) Dasar Sosial Negara (DSN)<sup>83</sup>

KPWKM mempunyai lima buah agensi di bawah pentadbirannya iaitu ;<sup>84</sup>

- a) Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)
- b) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
- c) Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)
- d) Institut Sosial Malaysia (ISM)
- e) Institut Pengupayaan Wanita bagi Anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NIEW)

Daripada lima (5) agensi di atas, JKM adalah agensi kerajaan yang terlibat secara langsung berkaitan pemuliharaan isu-isu sosial masyarakat terutamanya golongan wanita

---

konduf. <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dasar/Dasar%20Kanak-Kanak%20Negara.pdf><https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dasar/Dasar%20Kanak-Kanak%20Negara.pdf>. (Capaian pada 15 Ogos 2017).

<sup>81</sup>Satu dasar yang mengandungi pernyataan mengenai prinsip pelindungan kanak-kanak selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) dan Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611). Dasar ini memberi tumpuan kepada aspek advokasi, pencegahan, khidmat sokongan dan penyelidikan dan pembangunan bagi melindungi kanak-kanak. <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dasar/DASAR%20PERLINDUNGAN%20KANAK2.pdf><https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dasar/DASAR%20PERLINDUNGAN%20KANAK2.pdf>. (Capaian pada 15 Ogos 2017).

<sup>82</sup>Satu dasar yang bertujuan untuk menggalakkan kesejahteraan rakyat serta kestabilan masyarakat menuju ke arah pewujudan keadilan sosial. <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?id=VELiZUhrbWc2VC9wM3hEVWxTWVVFdz09&r=portal/left>. (Capaian pada 15 Ogos 2017).

<sup>83</sup>Satu dasar pembangunan sosial yang berteraskan nilai-nilai murni dan peningkatan keupayaan insan bagi mencapai kesepaduan dan kestabilan sosial, ketahanan nasional dan kesejahteraan hidup masyarakat Malaysia yang maju dan mantap. <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=ZnR2Mk5GVkdDV1JCc2NITnlteHhnUT09http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=ZnR2Mk5GVkdDV1JCc2NITnlteHhnUT09>.

<sup>84</sup>[https://ms.wikipedia.org/wiki/Kementerian\\_Pembangunan\\_Wanita\\_Keluarga\\_dan\\_Masyarakat\\_Malaysia\\_a#Sejarah](https://ms.wikipedia.org/wiki/Kementerian_Pembangunan_Wanita_Keluarga_dan_Masyarakat_Malaysia_a#Sejarah). (Capaian pada 15 Ogos 2017).

dan kanak-kanak termasuk anak luar nikah. Oleh itu, penyelidikan ini meletakkan JKM sebagai institusi yang menjadi rujukan penting dan bertanggungjawab menangani isu-isu remaja yang terjerumus dalam gejala sosial dan anak-anak luar nikah pada aspek kebajikan dan pengurusan terutamanya perlindungan dan pemeliharaan kepada mereka.

### **2.2.5 Prospek dan rancangan**

Dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK 10), keutamaan diberikan kepada perlindungan dan kesejahteraan kanak-kanak. Pelaburan untuk kanak-kanak adalah pelaburan untuk masa hadapan negara. Oleh yang demikian itu, usaha yang bersepadu bagi memperkukuhkan institusi keluarga, bantuan kebajikan, perlindungan dan pembangunan kanak-kanak dapat diteruskan. Ini termasuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan penjagaan kanak-kanak, memperkukuh program sokongan yang berkaitan termasuk peningkatan keupayaan pemberi khidmat penjagaan dan menaik taraf kemudahan dan institusi kebajikan sedia ada seperti pusat pemulihan dan rumah kebajikan kanak-kanak.<sup>85</sup> Selain itu, peranan masyarakat untuk melindungi kepentingan kanak-kanak dapat dipertingkatkan melalui program kesedaran, pencegahan, pemulihan dan usaha membangun keupayaan diri bagi mengawal masalah sosial yang melibatkan kanak-kanak. Penyertaan masyarakat akan terus menjadi strategi utama dalam program pencegahan dan pemulihan kanak-kanak.<sup>86</sup>

Bagi merealisasikan Wawasan 2020, Kerajaan Malaysia telah mewujudkan suatu program besar yang dinamakan sebagai Program Transformasi Kerajaan (GTP). GTP

---

<sup>85</sup>RMK 10 (2011-2015), Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, 186-187, [http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/RMK/RMK10\\_Mds.pf](http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/RMK/RMK10_Mds.pf). (Capaian pada 25 April 2014).

<sup>86</sup>Ibid.

mempunyai pelan hala tuju tertentu dengan memperincikan objektif, keberhasilan dan set tindakan permulaan dalam bidang yang dikenal pasti sebagai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA) yang difokuskan pada tahun 2010.<sup>87</sup> Matlamat penubuhan GTP adalah bertujuan untuk meningkatkan perkhidmatan awam kepada rakyat pada tahap tertinggi dengan mengangkat prestasi penjawat awam melalui penekanan hasil kerja yang jitu, pantas dalam masa yang singkat dan boleh dirasai oleh rakyat.<sup>88</sup>

GTP yang telah dilaksanakan pada tahun 2010 mengandungi tiga fasa iaitu fasa pertama, bermula tahun 2010 – 2012, fasa kedua, 2012 – 2015 dan fasa ketiga, 2015 – 2020. Fasa pertama ; penubuhan jentera perubahan yang baharu, penetapan dan pencapaian sasaran dalam NKRA dan MKRA untuk menangani perkara yang diutamakan oleh rakyat. Fasa kedua ; perubahan NKRA dan MKRA yang semakin ketara dan bertambah baik. Sektor ekonomi berkembang menjadi sektor bernilai tambah lebih tinggi sejajar dengan Model Ekonomi Baru (MEB) manakala produktiviti kerajaan semakin meningkat. Fasa ketiga ; perubahan sebagaimana yang dibayangkan oleh Wawasan 2020 di mana rakyat Malaysia akan mengalami perubahan dan menikmati kemakmuran pada tahap yang lebih tinggi. Kerajaan dijangka menjadi lebih kecil tetapi tangkas dan bekerjasama dengan sektor swasta bagi menyampaikan perkhidmatan awam yang cekap. Model penyampaian

---

<sup>87</sup>*Program Transformasi Kerajaan (GTP) : Pelan Haja Tuju – Ringkasan Eksekutif*, (Putrajaya : Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), JPM, 28 Januari 2010), 8.

<sup>88</sup>Maizatul Haizan Mahbob dan Wan Idros Wan Sulaiman, “Apa Hebatnya Program Transformasi Kerajaan?” *Jurnal Komunikasi Malaysian*, Jil. 30, Keluaran khas, (2014) : 146.

perkhidmatan awam yang inovatif berteraskan kepada pelanggan dalam penyampaian perkhidmatan awam telah terlaksana dan berteraskan pilihan dan persaingan.<sup>89</sup>

Pada 27 Julai 2009, Perdana Menteri, YAB Dato Seri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak telah mengumumkan Indeks Prestasi Utama (KPI) yang memfokuskan enam teras NKRA sebagai usaha untuk menyediakan dan meningkatkan tahap kesejahteraan rakyat. Mulai tahun 2010, pelan hala tuju NKRA dan MKRA telah memperincikan objektif, keberhasilan dan tindakan melalui GTP untuk menghadapi segala cabaran yang menghalang pencapaian Wawasan 2020. Enam teras NKRA ialah usaha untuk menyediakan dan meningkatkan tahap kesejahteraan kepada rakyat. Bidang tersebut meliputi jenayah, rasuah, pendidikan, meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah, memperkasa prasarana luar bandar dan pedalaman, menambah baik pengangkutan awam dan meningkatkan kos sara hidup.<sup>90</sup>

Bagi setiap NKRA, seorang menteri dilantik untuk menerajui NKRA. Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, YB Datuk Seri Rohani Abdul Karim telah dilantik sebagai menteri yang bertanggungjawab untuk meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah. Selain itu, agenda utama dalam tempoh rancangan tersebut adalah untuk memperkasakan wanita. Kerajaan akan meningkatkan usaha untuk menangani isu berkaitan dengan wanita untuk merealisasikan potensi sepenuhnya dan terlibat dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara secara lebih berkesan.<sup>91</sup> Peluang latihan dan latihan semula akan disediakan melalui program khas Tabung Pembangunan

---

<sup>89</sup>*Program Transformasi Kerajaan (GTP) : Pelan Haja Tuju – Ringkasan Eksekutif*, 11 - 12.

<sup>90</sup>“Latar belakang NKRA”, <http://www.kpwkm.gov.my/nkra/latarbelakang>. (Capaian pada 25 April 2014).

<sup>91</sup>“RMK 10 (2011-2015)”, 186 – 187.

Sumber Manusia. Usaha akan dilaksana bagi meningkatkan penglibatan wanita dalam aktiviti keusahawanan melalui kerjasama yang lebih erat antara Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dengan institusi seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) bagi mencapai sasaran mewujudkan 4,000 usahawan wanita pada tahun 2012.<sup>92</sup> Program pembangunan kemahiran untuk ibu tunggal seperti Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) akan diperluas dan diperkukuhkan. Skim bantuan khas lain juga akan menggalakkan wanita yang menghadapi kesukaran menjalankan lebih banyak aktiviti keusahawanan. Di samping itu, program latihan kemahiran dalam perusahaan kecil akan diperluas melalui program Jejari Bestari dan Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNITA) seperti jahitan dan manik untuk wanita dalam kalangan isi rumah 40% terendah, masyarakat Orang Asli dan *etnik* minoriti di Sabah dan Sarawak.<sup>93</sup>

Pengwujudan Program Transformasi Negara (NTP) pula bermatlamat untuk menangani masalah rakyat yang paling mendesak. Inisiatif NTP ini dilengkapi oleh 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan ditambah dengan Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) yang merupakan usaha kerajaan untuk membangunkan tumpuan dan daya saing yang diperlukan oleh ekonomi Malaysia untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi. Meskipun kadar inflasi Malaysia kekal rendah (2016: 2.1%), dengan peredaran masa, kos sara hidup akan terjejas oleh kenaikan harga umum. Kos sara hidup tetap terdedah kepada impak daripada faktor luaran seperti harga komoditi dan turun naik mata wang. Kesan buruk ke atas harga boleh menjejaskan beberapa kumpulan seperti golongan berpendapatan rendah dengan lebih teruk berbanding dengan golongan lain.

---

<sup>92</sup>Ibid, 182.

<sup>93</sup>Ibid

Oleh itu, NTP telah menggariskan langkah-langkah untuk menyediakan bantuan segera kepada mereka yang paling terkesan dengan peningkatan kos sara hidup dengan memberikan penekanan kepada kumpulan B 40. Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) ialah inisiatif utama di bawah NKRA ini. Sejak tahun 2012, sejumlah RM19.33 bilion telah disalurkan kepada individu dan isi rumah berpendapatan rendah mengikut keperluan. Pada tahun 2016, RM5.36 bilion telah diberikan kepada 7.28 juta isi rumah.<sup>94</sup>

### **2.3 Agensi Pengurusan**

Selaras dengan penubuhan GTP dan pengwujudan NKRA dan MKRA, begitu juga NTP dengan pengwujudan NKEA dan SRI khususnya yang berkaitan dengan matlamat untuk meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah, penyelidikan ini melihat arahan-arahan kerajaan yang meletakkan tanggungjawab penting kepada agensi-agensi tertentu untuk melaksanakan program-program pemulihan remaja hamil luar nikah dan anak luar nikah itu sendiri. Kedua-dua agensi tersebut ialah agensi kerajaan dan agensi swasta.

#### **2.3.1 Agensi Kerajaan**

Antara agensi kerajaan adalah seperti berikut :

- a) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
- b) Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
- c) Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)
- d) Majlis Agama Islam Kedah (MAIK)
- e) Jabatan Agama Islam Kedah (JAIK)

---

<sup>94</sup>“Program Transformasi Negara”, *Laporan Tahunan 2016*, Edisi Pertama, Cet. 2, (Putrajaya : Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), JPM, 2017), 12.



- f) Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)
- g) Baitulmal Negeri Kedah

**A. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)<sup>95</sup>**

JKM menyediakan perkhidmatan perlindungan kepada kanak-kanak termasuk anak luar nikah daripada semua bahaya seperti penyalahgunaan, penyeksaan, penderaan, *diskriminasi* dan *eksploitasi*. Di samping itu, penekanan khusus diberikan kepada perkembangan sihat kanak-kanak dari segi fizikal, sosial, emosi dan mental. Mereka juga dilengkapi dengan nilai dan sikap yang sesuai supaya mereka mempunyai haluan dan tujuan sebagai generasi dan pemimpin masa hadapan. Terdapat tiga (3) aspek perkhidmatan yang diberikan kepada kanak-kanak termasuk anak luar nikah iaitu perlindungan, pemulihan dan pembangunan. Daripada aspek perlindungan, terdapat dua (2) jenis perkhidmatan iaitu perkhidmatan institusi dan perkhidmatan luar.

Bagi perkhidmatan institusi, terdapat empat (4) buah institusi iaitu RKK, RTH, Pusat Pelindungan Khas Kanak-Kanak (PPKK) dan Rumah Pelindungan Ehsan Kanak-Kanak Jalanan (RPE) di Kota Kinabalu. Bagi perkhidmatan luar pula melibatkan anak pelihara, Pasukan Pelindungan Kanak-kanak (PPK), Pusat Aktiviti Kanak-kanak (PAKK) dan Program Khidmat Saksi (PKS). Daripada aspek pemulihan, terdapat dua (2) jenis perkhidmatan iaitu perkhidmatan institusi dan perkhidmatan luar. Bagi perkhidmatan institusi, terdapat tiga (3) buah institusi iaitu Sekolah Tunas Bakti (STB), Asrama Akhlak (AA) dan TSP. Bagi perkhidmatan luar pula melibatkan fungsi Jawatankuasa Kebajikan Kanak-kanak dan mengadakan program pemulihan kepada kanak-kanak tidak terkawal.

---

<sup>95</sup><http://www.jkm.gov.my/jkm>. (Capaian pada 17 Ogos 2017)

Daripada aspek pembangunan pula melibatkan program-program antara jabatan seperti Kejujutan Sukan Institusi Kanak-kanak, Pertandingan Pancaragam Institusi Kanak-kanak, Latihan Kemahiran Vokasional, Pendidikan Kanak-kanak, Pembangunan Modal Insan dan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) 1Malaysia.

#### **B. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)<sup>96</sup>**

Bagi anak luar nikah orang Islam, pendaftaran kelahiran adalah merujuk Seksyen 13, Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian, 1957 (Akta 299) dan fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI dalam persidangan kali ke-57 pada 10 Jun 2003 yang diwartakan di setiap negeri. Bagi anak luar nikah bukan Islam, permohonan pendaftaran semula kelahiran yang disahartafkan di bawah Seksyen 17, Akta 299 hendaklah tertakluk kepada perintah Mahkamah Tinggi. Permohonan tersebut hanya boleh dikemukakan oleh ibu atau bapa anak tersebut.

Bagi pengangkatan anak luar nikah orang Islam, proses pendaftaran adalah berdasarkan Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253) secara *de facto* di mana seseorang anak luar nikah berada dalam jagaan, sedang dibesarkan, ditanggung dan dididik oleh seseorang atau pasangan suami isteri secara bersama, sebagai anaknya atau anak mereka sendiri bagi tempoh tidak kurang daripada dua (2) tahun yang berterusan sebelum pendaftaran pengangkatan dibuat. Permohonan pendaftaran pengangkatan *de facto* boleh dibuat di pejabat JPN yang berhampiran dengan tempat tinggal keluarga angkat atau anak angkat tersebut.

---

<sup>96</sup><http://www.jpn.gov.my/>. (Capaian pada 17 Ogos 2017).

Bagi pengangkatan anak luar nikah bukan Islam adalah berdasarkan Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257). Setiap permohonan pendaftaran pengangkatan hendaklah dipohon melalui firma guaman atau Jabatan Bantuan Guaman (JBG) yang dilantik oleh ibu bapa dan diluluskan oleh Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Sesyen. Selepas mendapat kelulusan mahkamah, permohonan beserta dokumen-dokumen yang ditetapkan perlu dikemukakan ke ibu pejabat JPN di Putrajaya untuk proses pengangkatan.

### **C. Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)<sup>97</sup>**

Menurut Perkara 12 (1) (a) dan (b), Perlembagaan Persekutuan, setiap warganegara Malaysia mempunyai hak yang sama rata di sisi undang-undang untuk mendapat pendidikan di mana-mana institusi pendidikan yang didaftarkan dalam negara kita. Begitu juga, Akta Pendidikan (Pindaan) 2002 (Akta A1152) mewajibkan setiap kanak-kanak termasuk anak luar nikah yang genap usia enam (6) tahun diterima masuk dalam darjah satu di mana-mana sekolah yang diiktiraf oleh kerajaan. Pindaan tersebut mengikat seluruh JPN untuk memastikan semua kanak-kanak termasuk anak luar nikah tidak tercicir dalam pelajaran. Kegagalan para ibu bapa atau penjaga mematuhi peruntukan tersebut boleh didenda sehingga RM 5,000 (Ringgit Malaysia : Lima Ribu sahaja) atau dipenjarakan sehingga enam (6) bulan atau kedua-duanya sekali.<sup>98</sup>

Selaras dengan pindaan Akta A1152 tersebut, Kerajaan Malaysia telah menyusun sistem pendidikan kebangsaan kepada beberapa peringkat dan kategori seperti berikut :

---

<sup>97</sup><http://www.moe.gov.my>. (Capaian pada 17 Ogos 2017).

<sup>98</sup>Seksyen 29A (4), Akta Pendidikan (Pindaan) 2002) (Akta A1152).

- a) Pendidikan Pra-sekolah ; bagi murid yang berumur dari empat (4) hingga enam (6) tahun.
- b) Pendidikan Rendah ; bagi murid yang berumur enam (6) tahun ke atas yang boleh mengikuti sesi pembelajaran dalam tempoh antara lima (5) hingga tujuh (7) tahun sama ada sekolah kebangsaan ataupun sekolah jenis kebangsaan.
- c) Pendidikan Menengah ; bagi pendidikan menengah rendah dan menengah atas yang mencakupi sekolah akademik, teknik dan vokasional dan sekolah kebangsaan agama.
- d) Pendidikan Lepas Menengah ; bagi pendidikan lepasan menengah rendah dan menengah atas tetapi tidak termasuk pendidikan tinggi.

#### **D. Majlis Agama Islam Kedah (MAIK)<sup>99</sup>**

MAIK merupakan sebuah perbadanan yang telah wujud sejak Kerajaan Negeri Kedah menerima pakai undang-undang Islam dalam sistem pemerintahannya antara tahun 1136 – 1179. MAIK kekal turun-temurun sehingga sekarang di mana struktur dan fungsinya telah dibuat penambahbaikan secara berterusan melalui proses perundangan bagi membolehkannya mentadbir urusan hal ehwal agama Islam dengan berkesan selari dengan perkembangan semasa. MAIK yang ada sekarang ditubuhkan berdasarkan Seksyen 4, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah) 2008 (Enakmen 5) yang diguna pakai dalam mentadbir urusan hal ehwal agama Islam Negeri Kedah.

---

<sup>99</sup><http://www.maik.gov.my/>. (Capaian pada 17 Ogos 2017).

Enakmen ini juga memperuntukkan tanggungjawab MAIK untuk menasihati KDYMM Tuanku Sultan dan membantu mengusahakan kemajuan, kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di Negeri Kedah selaras dengan hukum Syarak dan Perkara 33B (1) dan (2), Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah. Bagi melaksanakan tanggungjawab ini, MAIK membuat dan melaksana dasar-dasar berkaitan hal-ehwal Islam berpandukan hukum Syarak dengan mewujudkan jabatan-jabatan pelaksana seperti Jabatan Agama Islam, Jabatan Mufti, Jabatan Kehakiman Syariah dan Pusat Bimbingan Islam. MAIK juga mewujudkan baitulmal yang bertanggungjawab menguruskan bantuan kewangan kepada *asnaf* yang layak antaranya ibu atau waris ibu yang memelihara anak luar nikah dan anak luar nikah sendiri.

#### **E. Jabatan Agama Islam Kedah (JAIK)<sup>100</sup>**

JAIK ditubuhkan berdasarkan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Kedah), 1962. Walau bagaimanapun, JAIK disusun semula di bawah Seksyen 29, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah) 2008 (Enakmen 5). JAIK merupakan sebuah agensi pelaksana dasar yang ditubuhkan oleh MAIK dan bertanggungjawab dalam menyediakan program, skim atau projek untuk pertimbangan MAIK bagi mengeluarkan panduan, dasar atau penerangan mengenai apa-apa keputusan dan arahan. JAIK juga bertanggungjawab mentadbir umat Islam di Negeri Kedah dalam segala hal dan juga untuk merancang, merumus dan menyelaras segala dasar dan maklumat berhubung dengan agama Islam agar berjalan dengan cekap dan sempurna.

---

<sup>100</sup><http://www.jaik.gov.my/>. (Capaian pada 17 Ogos 2017).

JAİK mempunyai sembilan (9) bahagian iaitu pengurusan perkhidmatan dan kewangan, pendidikan, dakwah, penyelidikan, undang-undang keluarga Islam, penguatkuasaan, pendakwaan, pengurusan masjid/surau dan pengurusan halal. Dalam bidang pendakwaan, JAİK boleh mendakwa mana-mana orang Islam yang melakukan kesalahan perbuatan sumbang *mahram*<sup>101</sup>, pelacuran<sup>102</sup>, *munsyikari*<sup>103</sup>, persetubuhan luar nikah,<sup>104</sup> perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah<sup>105</sup>, *liwat*<sup>106</sup>, *musahaqah*<sup>107</sup>, *khalwat*<sup>108</sup>, orang lelaki berlagak seperti perempuan<sup>109</sup> dan perbuatan tidak sopan di tempat awam<sup>110</sup> untuk membanteras aktiviti tidak bermoral dan gejala seks di kalangan remaja Islam.

#### **F. Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZK)<sup>111</sup>**

Institusi zakat di Negeri Kedah bermula dengan notis hebahan pengeluaran zakat kepada seluruh rakyat melalui notis yang dikeluarkan oleh Pejabat *Syeikhul* Islam melalui *Majma'ul Syeikhul* Islam pada 19 Jamadil Akhir 1355 bersamaan 5 September 1936. Pada tahun 1955, Enakmen Jabatan Zakat Negeri Kedah diwujudkan dan memperuntukkan kewajipan membayar zakat padi sebanyak 100% atau 8/8 kepada *amil* yang dilantik. Pada tahun 1984 - 1997, Dato' Syeikh Mahmood Naim, Setiausaha Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah telah memperluaskan pembayaran zakat kepada

---

<sup>101</sup>Seksyen 18, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah) 2014 (Enakmen 18).

<sup>102</sup>Ibid, Seksyen 19.

<sup>103</sup>Ibid, Seksyen 20.

<sup>104</sup>Ibid, Seksyen 21.

<sup>105</sup>Ibid, Seksyen 22.

<sup>106</sup>Ibid, Seksyen 23.

<sup>107</sup>Ibid, Seksyen 24.

<sup>108</sup>Ibid, Seksyen 25.

<sup>109</sup>Ibid, Seksyen 26.

<sup>110</sup>Ibid, Seksyen 27.

<sup>111</sup><https://www.zakatkedah.com.my/>. (Capaian pada 17 Ogos 2017).

semua jenis harta bermula dengan zakat padi hingga kepada zakat pendapatan. Pada tahun 2015, Enakmen Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) diperkenalkan dengan menggantikan Enakmen Jabatan Zakat Negeri Kedah (JZNK). Hasil kutipan zakat diagihkan kepada lapan *asnaf* yang ditentukan oleh hukum Syarak termasuk ibu, waris ibu dan anak luar nikah sendiri serta sumbangan dalam bentuk sara hidup, perubatan, perumahan, perniagaan, musibah alam, pembangunan ummah dan pendidikan.

#### **G. Baitulmal Negeri Kedah<sup>112</sup>**

Baitulmal Negeri Kedah diwujudkan pada tahun 1962 di bawah Seksyen 102 dan 172 Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Kedah, 1962. Selaras dengan perubahan semasa, baitulmal disusun semula berdasarkan Seksyen 47, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah), 2008 (Enakmen 5). Penubuhan baitulmal bertujuan untuk meningkatkan hasil MAIK demi kesejahteraan, pembangunan sosial dan ekonomi umat Islam di Negeri Kedah dengan melaksanakan tiga (3) peranan utama iaitu :

- a) Mengurus perolehan faraid dari harta pusaka, hasil sewa tanah, sewa bangunan dan aset serta hasil wakaf am mengikut hukum Syarak.
- b) Mengurus perolehan harta tidak patuh syariah dan barangan *luqatah* mengikut peraturan/undang-undang dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dan Jabatan Agama Islam.
- c) Mengurus agihan bantuan mengikut hukum Syarak kepada *asnaf* yang layak antaranya ibu atau waris ibu yang memelihara anak luar nikah dan anak luar nikah sendiri.

---

<sup>112</sup><http://www.maik.gov.my/Baitulmal>. (Capaian pada 17 Ogos 2017).

### 2.3.1.1 Kuasa

Fasal 74, Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bidang kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri seperti yang terkandung dalam Senarai Pertama, Senarai Kedua dan Senarai Ketiga, Jadual Kesembilan. Dalam Senarai Pertama (Senarai Persekutuan) telah diperuntukkan dalam Perkara 4 (e) (i) iaitu hal-hal yang berkaitan perceraian dan taraf anak. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan berbidang kuasa meminda atau menggubal mana-mana peruntukan dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan, 1984 (Akta 303) berkaitan kesahatarafan anak di Wilayah-Wilayah Persekutuan sahaja.

Dalam Senarai Kedua (Senarai Negeri) telah diperuntukkan dalam Perkara 1 berkaitan pengambilan anak angkat, taraf anak dan penjagaan anak. Oleh itu, Kerajaan Negeri juga berbidang kuasa meminda atau menggubal mana-mana peruntukan dalam enakmen undang-undang keluarga Islam negeri masing-masing bagi menentukan status kesahatarafan anak dan *hadanah*. Dalam konteks penyelidikan ini yang memfokuskan isu kebajikan dan pengurusan anak luar nikah di Kedah, maka rujukan ke atas Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah), 2008 (Enakmen 5), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah), 2008 (Enakmen 7) dan Enakmen Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah), 2014 (Enakmen 18) adalah relevan. Akta-akta yang lain seperti Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299), Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257), Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253) dan Kanun Keseksaan (Akta 574) turut digunakan bagi menyokong penyelidikan ini.



Dalam Senarai Ketiga (Senarai Bersama) telah diperuntukkan dalam Perkara 1 iaitu hal-hal yang menyentuh kebajikan masyarakat ; perkhidmatan masyarakat tertakluk kepada Senarai Pertama dan Kedua ; perlindungan bagi perempuan, kanak-kanak dan orang-orang muda. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mempunyai bidang kuasa bersama dalam menguruskan kebajikan wanita, kanak-kanak termasuk anak luar nikah. Penubuhan KPWKM di peringkat Kerajaan Persekutuan dan JKM di peringkat Kerajaan Negeri bertujuan untuk melaksanakan dasar-dasar bersama dan merealisasikan program-program kebajikan seperti yang termaktub dalam Senarai Bersama tersebut. Bagi memenuhi matlamat tersebut, KPWKM melaksanakan skim guna sama pegawai dan kakitangan JKM ke seluruh negeri di Malaysia serta membayar gaji-gaji dan elaun-elaun mereka. Contohnya, KPWKM menempatkan sebahagian besar pegawai-pegawainya dan kakitangan pentadbiran dan sokongan JKM ke Negeri Kedah kecuali jawatan Pengarah JKM Negeri yang merupakan *post* negeri manakala gaji dan elaun-elaunnya dibayar oleh Kerajaan Negeri.

### **2.3.1.2 Limitasi**

Kerajaan Negeri diberi kuasa untuk menggubal segala bentuk undang-undang yang berkaitan orang Islam di negeri masing-masing kecuali Wilayah-wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya) di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan.<sup>113</sup> Namun begitu, Kerajaan Negeri mempunyai limitasi kuasa yang terhad iaitu hanya boleh meluluskan undang-undang keluarga Islam dalam bidang kuasa *mal*<sup>114</sup> sahaja manakala

---

<sup>113</sup>Fasal 1, Senarai Kedua (Senarai Negeri), Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

<sup>114</sup>Mal ialah undang-undang yang merangkumi aspek-aspek seperti harta, nafkah, *hadanah* dan perkara-perkara yang berbangkit daripadanya. Lihat Nassir Hj Abdul Aziz, "Persiapan Mahkamah Syariah Ke Arah Pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam Di Malaysia", *Jurnal Penyelidikan Islam*, Cet.1, Bil. 9, (1995) : 33.

undang-undang jenayah syariah adalah tertakluk kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) yang memberi kuasa dalam batas tertentu kepada Mahkamah Syariah dalam perkara jenayah.<sup>115</sup> Contohnya, Kerajaan Negeri Kedah boleh menggubal apa-apa hukuman denda atau penalti yang diluluskan dalam DUN Kedah ke atas orang-orang Islam yang mengingkari perintah Mahkamah Syariah dalam kes-kes *mal* seperti nafkah, *hadanah* anak luar nikah dan sebagainya. Sebaliknya, DUN Kedah tidak boleh meluluskan kadar hukuman kepada orang Islam yang melakukan persetubuhan luar nikah melebihi kadar hukuman yang ditetapkan dalam Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) di atas.

Penyelidikan ini juga mengambil contoh DUN Kelantan yang telah meluluskan Enakmen Kanun Jenayah Syariah II (Kelantan) 1993 pada 24 November 1993. Kanun tersebut memperuntukkan kesalahan-kesalahan hudud iaitu *sariqah* (mencuri), *hirabah* (merompak), *zina* (melakukan persetubuhan haram), *qazaf* (membuat tuduhan bahawa seseorang telah melakukan zina tetapi gagal membawa empat orang saksi), *syurb* (meminum arak atau minuman yang memabukkan) dan *irtidad* atau *riddah* (keluar dari agama Islam).<sup>116</sup> Kanun tersebut tidak dapat dilaksanakan sehingga kini disebabkan halangan politik dan undang-undang. Daripada aspek perundangan, terdapat beberapa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Mahkamah Syariah dalam bidang kuasa jenayah yang menghalang pelaksanaan kanun tersebut antaranya seperti berikut :

---

<sup>115</sup>Ibid.

<sup>116</sup>Dato' Dr Mohamed Fadzli Bin Dato' Haji Hassan, "Muzakarah Jenayah Syariah Kebangsaan 2014 Hudud : Peluang, Cabaran dan Tentangan", Kertas kerja, Ke Arah Pelaksanaan Enakmen Kanun Jenayah Syariah II (Kelantan) 1993, (UKM, Bangi, Selangor, 29 Mei 2014), 3.

- a) Pentafsiran yang sempit terhadap peruntukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan dalam Perlembagaan Persekutuan.
- b) Bidang kuasa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.
- c) Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan) 1984 (Akta 355) menghadkan kuasa Mahkamah Syariah.<sup>117</sup>

Tambahan pula, setiap undang-undang Islam yang diluluskan dalam persidangan DUN atau Parlimen tidak boleh bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Ini disebabkan Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi di Malaysia dan mengatasi segala undang-undang yang diluluskan dalam persidangan DUN atau Parlimen seperti mana yang terkandung dalam peruntukan di bawah ;

“Perlembagaan ini ialah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka yang tidak selaras dengan Perlembagaan ini adalah tidak sah setakat ketidakselarasan itu”.<sup>118</sup>

Selain itu, Kerajaan Negeri juga mempunyai kuasa yang terhad untuk melaksanakan undang-undang jenayah syariah walaupun telah diluluskan dalam persidangan DUN. Undang-undang yang diluluskan hanyalah melibatkan kesalahan-kesalahan orang Islam sahaja dan tidak melibatkan kesalahan-kesalahan orang bukan Islam tetapi gagal dikuatkuasakan disebabkan sekatan yang termaktub dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Perkara ini dinyatakan dengan jelas dalam peruntukan di bawah ;

---

<sup>117</sup>Ibid, 13 – 15.

<sup>118</sup>Perkara 4 (1), Perlembagaan Persekutuan.

“Kuasa untuk membuat undang-undang yang diberikan oleh Perkara ini boleh dijalankan tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Perlembagaan ini mengenai perkara-perkara tertentu”<sup>119</sup>

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga tidak mempunyai kebebasan yang sepenuhnya untuk melaksanakan undang-undang diri dan keluarga orang Islam seperti yang terkandung dalam Fasal 1, Jadual Kesembilan, Senarai Kedua (Senarai Negeri) di atas. Meskipun perkara-perkara tersebut telah dimasukkan dalam Senarai Kedua (Senarai Negeri), masih terdapat undang-undang Persekutuan yang menghadkan bidang kuasa dan pemakaian undang-undang Islam di negeri-negeri. Sebagai contoh, dalam kes harta pusaka, Mahkamah Syariah diberi kuasa untuk menentukan pembahagian dan perwarisan harta berwasiat atau tidak berwasiat.<sup>120</sup> Namun begitu, tugas pembahagian harta pusaka diambil alih oleh Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98)<sup>121</sup> dan pengeluaran surat kuasa mentadbir harta pusaka simati di bawah Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Akta 97).<sup>122</sup> Mahkamah Syariah pula hanya berbidang kuasa menentukan ahli waris dan mengesahkan bahagian-bahagian yang harus diberikan kepada waris-waris.<sup>123</sup>

Penyelidikan ini mendapati wujud sekatan dalam Perkara 73, 74, 75, 76A dan 77, Perlembagaan Persekutuan yang menjadi halangan kepada Kerajaan Negeri untuk menguatkuasakan undang-undang yang telah diluluskan dalam persidangan DUN

---

<sup>119</sup>Perkara 74 (3), Perlembagaan Persekutuan.

<sup>120</sup>Seksyen 13(3) (b) (viii), Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah) 2008 (Enakmen 8).

<sup>121</sup>Seksyen 8, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98).

<sup>122</sup>Seksyen 30, Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Akta 97).

<sup>123</sup>Seksyen 20(1) (a) (b), Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah) 2008 (Enakmen 8).

masing-masing. Secara tidak langsung, DUN hanya boleh meluluskan pindaan, penambahan dan penggubalan undang-undang baharu berkaitan jenayah syariah yang tidak melebihi had yang dibenarkan dalam Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan) 1984 (Akta 355).

### 2.3.1.3 Kejayaan

Kerajaan Persekutuan telah meminda Perkara 121 dalam Akta Perlembagaan (Pindaan) 1988 (Akta A704) mengenai bidang kuasa Mahkamah Syariah yang menyatakan ;

“Mahkamah-mahkamah yang disebut dalam Fasal (1) tidaklah mempunyai bidang kuasa dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah”<sup>124</sup>

Penambahan subseksyen 1A dengan sendiri menghalang Mahkamah Sivil mencampuri bidang kuasa Mahkamah Syariah sedangkan sebelum ini, Mahkamah Sivil boleh membicarakan kes-kes yang terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah dan keputusan Mahkamah Sivil adalah muktamad. Pengasingan kuasa tersebut adalah rasional kerana hakim Mahkamah Syariah membuat keputusan berdasarkan *jurisprudens* sendiri yang bersumberkan hukum Syarak manakala hakim Mahkamah Sivil pula bersandarkan undang-undang *common law*. Kebebasan dan integriti mahkamah banyak bersandarkan kepada kualiti keputusan atau penghakiman yang dibuat oleh hakim-

---

<sup>124</sup>Perkara 121 (1A), Perlembagaan Persekutuan.

hakim. Kualiti inilah yang perlu disemai kepada para hakim di Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah.<sup>125</sup>

Cadangan pindaan tersebut dipelopori oleh Allahyarham Tan Sri Ahmad Ibrahim yang menyaksikan terlalu banyak campur tangan Mahkamah Sivil terhadap keputusan Mahkamah Syariah. Campur tangan tersebut telah merendahkan taraf Mahkamah Syariah seolah-olah dibelenggu oleh Mahkamah Sivil.<sup>126</sup> Pindaan tersebut telah lama dihasratkan oleh para cendekiawan Islam, hakim Mahkamah Syariah, pengamal undang-undang syariah dan pentadbir institusi-institusi Islam dan sebagainya. Ini merupakan suatu kejayaan yang sangat bermakna buat mereka disebabkan Mahkamah Sivil tidak lagi mempunyai bidang kuasa berkenaan apa-apa perkara yang diberikan bidang kuasa kepada Mahkamah Syariah. Pindaan ini juga menunjukkan Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf kewujudan dan kewibawaan Mahkamah Syariah.<sup>127</sup>

Daripada aspek sejarah, Mahkamah Syariah telahpun wujud sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi berasaskan Hukum Kanun Melaka. Pada ketika itu, semua negeri di Tanah Melayu mempunyai undang-undang Islamnya yang tersendiri. Namun begitu, kewujudannya telah diganggu oleh penjajah sehinggalah Inggeris memperkenalkan undang-undang *common law* bermula dengan perjanjian Pangkor 1786, Piagam Keadilan 1807 dan piagam Keadilan 1824. Bagi membuktikan bahawa undang-undang

---

<sup>125</sup>Zainul Rijal Abu Bakar, "Jangan Usik Perkara 121 Perlembagaan", (23/02/2012), [http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0223&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_04.htm](http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0223&sec=Bicara_Agama&pg=ba_04.htm). (Capaian pada 18 Ogos 2017).

<sup>126</sup>Ibid.

<sup>127</sup><http://syariah.terengganu.gov.my/pengiktirafan.php>. (Capaian pada 18 Ogos 2017).

Islam menjadi pegangan penduduk di Tanah Melayu ketika itu, Mahkamah Rayuan telah memutuskan dalam kes *Ramah vs Laton*<sup>128</sup> bahawa ;

“Muslim law is not foreign law, it is the law of the land; and the local law is a matter of which the Court must take judicial notice. The Court must propound the law and it is not competent for the court to allow evidence to be led as to what is the local law”

Keputusan kes di atas menggambarkan bahawa undang-undang Islam adalah satu *lex loci* (law of the land) atau undang-undang sebenar di Tanah Melayu. Hak-hak dan kepentingan orang Islam sebenarnya telah dinafikan secara terancang sejak 1786 lagi dan pada 1988 baharulah Mahkamah Syariah dapat bernafas semula melalui pindaan Perkara 121(1A), Perlembagaan Persekutuan.<sup>129</sup>

Dalam kes *Mohd. Habibullah Mahmood lwn Faridah Dato Talib*<sup>130</sup> Mahkamah Agung telah menegaskan jika sesuatu perkara itu dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah, perkara tersebut tidak boleh lagi dibawa ke Mahkamah Sivil. Oleh itu, seseorang isteri yang memeluk Islam tidak boleh membuat tuntutan di Mahkamah Sivil untuk mendapat ganti rugi dan *injunksi* akibat kacau ganggu daripada suaminya. Sebaliknya, seseorang isteri boleh memohon *injunksi* di Mahkamah Syariah disebabkan ia berkaitan dengan perhubungan suami isteri.

---

<sup>128</sup>[1927] 6 FMSLR (CA) 128.

<sup>129</sup>“Penjelasan Artikel 121 (1A)”, (29/01/2008), <https://www.malaysiakini.com/letters/45948>. (Capaian pada 18 Ogos 2017)

<sup>130</sup>[1992] 2 MLJ 793.

Kesan pindaan tersebut menyebabkan Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syariah dan Sivil di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah ditubuhkan bagi mempertingkatkan pelaksanaan undang-undang syariah, memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah dan menyelaraskan undang-undang sivil agar sesuai dengan hukum Syarak.<sup>131</sup> Hasilnya, pentadbiran Mahkamah Syariah telah disusun semula dengan diwujudkan JKSM di peringkat Persekutuan dan diselaraskan pula di peringkat negeri-negeri di Malaysia. Selain itu, *hierarki* Mahkamah Syariah distrukturkan kepada tiga peringkat iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah. Begitu juga, pentauliahan Ketua Hakim Syarie, Hakim-hakim Syarie dan Pegawai-pegawai Syariah diperkemaskan selain mewujudkan Skim Perkhidmatan Guna sama Pegawai Syariah antara negeri-negeri dan Wilayah-wilayah Persekutuan.<sup>132</sup>

#### **2.3.1.4 Isu dan cabaran**

Penambahan Fasal (1A) kepada Perkara 121, Perlembagaan Persekutuan sebenarnya memberi nafas baharu kepada Mahkamah Syariah untuk berdiri sama tinggi, duduk sama rendah selari dengan Mahkamah Sivil dalam memutuskan hak-hak berkaitan orang Islam. Pengasingan bidang kuasa antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah menunjukkan suatu pengiktirafan dan penghormatan dalam sistem perundangan dalam negara kita terhadap institusi Islam. Dalam kes *Mohd Habibullah Mahmood lwn Faridah Dato' Talib*<sup>133</sup> dan kes *Dalip Kaur lwn Pegawai Polis Daerah Bukit Mertajam*<sup>134</sup>, Mahkamah Agung telah memutuskan bahawa jika sesuatu perkara di

---

<sup>131</sup><http://syariah.terengganu.gov.my/pengiktirafan.php>. (Capaian pada 18 Ogos 2017).

<sup>132</sup><http://www.jksm.gov.my/>. (Capaian pada 18 Ogos 2017).

<sup>133</sup>[1992] 2MLJ 793

<sup>134</sup>[1993] Jil. 8 Bhg. 2 JH 306



bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah, maka perkara tersebut tidak boleh lagi di bawa ke Mahkamah Sivil. Penghakiman tersebut telah menempatkan Mahkamah Syariah ke suatu tahap yang sangat memuaskan sekaligus memberi gambaran positif terhadap masa depan institusi kehakiman syariah di negara kita.

Meskipun pindaan tersebut menunjukkan pengasingan bidang kuasa antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah tetapi masih wujud pertembungan bidang kuasa antara kedua-dua mahkamah tersebut. Pertembungan bidang kuasa tersebut sering kali menjadi *polemik* dalam masyarakat tentang yang mana satukah mahkamah yang harus dirujuk sama ada Mahkamah Sivil ataupun Mahkamah Syariah? Dalam kes *Mohd Hanif Farikullah lwn Bushra Chaudri*<sup>135</sup>, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memutuskan Perkara 121 (1A), Perlembagaan Persekutuan tidak menolak bidang kuasa umum Mahkamah Sivil yang boleh membicarakan kes-kes yang dikemukakan sama ada oleh orang Islam ataupun bukan Islam.

Oleh itu, Mahkamah Sivil boleh memutuskan tuntutan nafkah anak luar nikah oleh ibunya di bawah Akta Perempuan Bersuami dan Anak-anak (Nafkah) 1950 (Akta 263) kerana Mahkamah Syariah tidak mempunyai peruntukan tentang kewajiban bapa biologi menyara nafkah anak luar nikah dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303). Seksyen 80 Akta 303 hanya menyebut kewajiban ibu menyara nafkah anak luar nikah tetapi tidak menyebut kewajiban bapa biologi memberi nafkah kepada anak luar nikahnya. Lagi pun, Mahkamah Syariah tidak boleh

---

<sup>135</sup>[2001] 5 MLJ 535-536

memutuskan apa-apa perkara yang tidak diperuntukkan oleh undang-undang negeri seperti dalam Senarai Kedua (Senarai Negeri).

Penyelidikan ini mendapati pertembungan bidang kuasa antara kedua-dua mahkamah tersebut tidak sepatutnya berlaku lagi disebabkan Perlembagaan Persekutuan telah mengiktiraf bidang kuasa kedua-duanya melalui pindaan Perkara 121 (1A). Oleh itu, penambahbaikan perlu dilakukan dan dikaji semula terhadap akta atau enakmen keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia agar memperuntukkan bidang kuasa Mahkamah Syariah boleh mengeluarkan perintah nafkah dan *hadanah* anak luar nikah terhadap penjaga termasuk bapa biologi atas dasar kebajikan sosial anak tersebut berasaskan prinsip *Maqasid Syariah*.

Hal ini menjadi cabaran besar kepada pihak berkuasa untuk membuat pindaan tersebut yang perlu memenuhi *prosedur* tertentu dalam aspek pentadbiran dan kareneh *birokrasi* perundangan dalam pengubalan rang undang-undang yang melibatkan perbahasan dan kelulusan dalam persidangan DUN atau Parlimen serta mengambil masa yang panjang untuk diwartakan. Selagi tiada pindaan dibuat, maka selagi itulah pertembungan bidang kuasa kedua-dua mahkamah tersebut akan terus berlaku dan meninggalkan kesan negatif kepada ibu atau waris ibunya dalam menuntut hak-hak anak luar nikah seolah-olah pindaan 121 (1A) tersebut tidak membawa apa-apa makna kepada mereka.

#### **2.3.1.5 Prospek**

Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan telah mengangkat martabat Mahkamah Syariah setanding dengan Mahkamah Sivil. Pindaan tersebut telah membuka lembaran

baharu dalam sistem perundangan di Malaysia apabila rang undang-undang Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) yang dikenali sebagai RUU 355 dibentangkan di Dewan Rakyat pada 6 April 2017. RUU 355 tersebut mencadangkan penambahan Fasal 2A untuk meminda kadar hukuman kesalahan jenayah syariah kepada denda sehingga RM 100,000.00 (Ringgit Malaysia : Seratus Ribu sahaja), penjara sehingga tiga puluh (30) tahun, sebatan sehingga seratus (100) kali atau mana-mana kombinasinya.<sup>136</sup>

Pindaan tersebut bertujuan untuk memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah berkaitan kesalahan-kesalahan jenayah syariah di kalangan orang Islam antaranya zina. Namun begitu, istilah zina tidak dinyatakan secara nyata dalam akta atau enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia sebaliknya memperuntukkan kesalahan persetubuhan luar nikah, perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah dan perbuatan sumbang *mahram*. Ketiga-tiga kesalahan tersebut menyamai perbuatan zina yang menjadi punca kelahiran anak luar nikah.

Buat masa ini, Akta 355 (Pindaan) 1984 memperuntukkan bidang kuasa Mahkamah Syariah boleh menjatuhkan hukuman penjara tidak melebihi tiga (3) tahun, denda tidak melebihi RM 5000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ribu sahaja), sebatan tidak melebihi enam (6) kali atau kombinasi mana-mana daripada hukuman tersebut.<sup>137</sup> Bidang kuasa

---

<sup>136</sup>“RUU 355 : Usul penuh Presiden PAS”, <http://m.harakahdaily.net.my/index.php/headline/43331-ruu-355-usul-penuh-presiden-pas>. (Capaian pada 14 Mei 2017).

<sup>137</sup>Seksyen 2, Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) yang memperuntukkan “Mahkamah Syariah yang ditubuhkan dengan sepenuhnya di bawah mana-mana undang-undang dalam sesuatu Negeri dan diberi bidang kuasa ke atas orang-orang yang menganuti agama Islam dan berkenaan dengan mana-mana perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai II bagi Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan adalah dengan ini diberi bidang kuasa berkenaan dengan

ini terlalu kecil jika dibandingkan dengan kuasa Majistret Kelas Pertama yang boleh menghukum sehingga sepuluh (10) tahun penjara, denda sehingga RM 10,000.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh Ribu sahaja), rotan sehingga dua belas (12) kali atau mana-mana kombinasi hukuman di atas.<sup>138</sup>

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM), Dato Mahamad Naser Disa, undang-undang yang lebih ketat diperlukan bagi membendung kelahiran anak luar nikah ekoran peningkatan kes tersebut saban tahun.<sup>139</sup>

Sehingga laporan penyelidikan ini ditulis, usul RUU 355 masih lagi tergantung dan tiada perbahasan dalam persidangan Dewan Rakyat pada sesi Julai bermula 24 Julai 2017 hingga 10 Ogos 2017 lalu. Berdasarkan takwim Dewan Rakyat yang dipaparkan di laman web Parlimen Malaysia, dewan tersebut dijadualkan bersidang semula bermula 23 Oktober hingga 30 November 2017.<sup>140</sup>

Sekiranya RUU 355 diluluskan oleh Parlimen nanti, ia menjadi punca kuasa kepada Badan Perundangan Negeri (BPN) dalam negara kita sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 76A (1) Perlembagaan Persekutuan boleh meminda atau menambah mana-mana peruntukan sedia ada atau menggubal undang-undang baharu dalam negeri

---

kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam oleh orang-orang yang menganuti agama tersebut yang boleh ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis : Dengan syarat bahawa bidang kuasa sedemikian tidaklah boleh dijalankan berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum penjara selama tempoh melebihi tiga tahun atau denda melebihi lima ribu ringgit atau sebatan melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut”.

<sup>138</sup>Prof Tan Sri Ahmad Ibrahim, “Pindaan kepada Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan dan Kesannya kepada Pentadbiran Undang-undang Islam”, *Jurnal Hukum*, Jil. 7, Bhg. 2. (1991) : 136.

<sup>139</sup>“Pindaan RUU 355 mampu bending jenayah syariah, anak luar nikah”, (01/10/2016), <http://www.freemalysiatoday.com>. (Capaian pada 24 Oktober 2017).

<sup>140</sup>“Sidang Dewan Rakyat ditangguh, 19 rang undang-undang diluluskan”, (10/08/2017), <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/sidang-dewan-rakyat-ditangguh-19-rang-undang-undang-diluluskan-152020>. (Capaian pada 22 Ogos 2017).

masing-masing. Walau bagaimanapun, perkara jenayah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan yang tertakluk dalam Fasal 4, Senarai Pertama (Senarai Persekutuan) dan terkandung dalam Kanun Keseksaan (Penal Code), sebuah akta yang diluluskan oleh Parlimen.<sup>141</sup> Sekiranya undang-undang *hudud* dan *qisas* tertentu seperti mencuri, merompak, membunuh atau murtad digubal oleh DUN, ia menjadi *ultra-vires* (melampau) kerana bertentangan dengan peruntukan sedia ada dalam Kanun Keseksaan.

Perkara 75, Perlembagaan Persekutuan memperuntukan bahawa undang-undang negeri yang bertentangan dengan undang-undang Persekutuan, maka setakat mana yang bertentangan itu, undang-undang negeri akan terbatal.<sup>142</sup> Untuk melakukan pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan adalah amat susah kerana majoriti dua pertiga Ahli Parlimen diperlukan untuk menyokong pindaan tersebut. Menurut Musa Awang, Presiden PGSM, adalah menjadi suatu keperluan yang mendesak untuk mewujudkan undang-undang yang benar-benar mampan bagi mencegah gejala kelahiran anak luar nikah yang semakin meningkat. Ini disebabkan kes kelahiran anak luar nikah berpunca daripada perbuatan muqaddimah zina seperti khalwat, bersekedudukan seterusnya perzinaan. Oleh itu, transformasi undang-undang jenayah syariah boleh dilakukan melalui pindaan RUU 355 untuk memberi lebih kuasa kepada Mahkamah Syariah menjatuhkan hukuman yang lebih berat kepada pesalah zina dan sebagainya.<sup>143</sup>

---

<sup>141</sup>Senarai Pertama (Senarai Persekutuan), Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

<sup>142</sup>Perkara 75, Perlembagaan Persekutuan.

<sup>143</sup>“Mari Kita Fahami Isu Mengapa Akta 355 Perlu Dipinda dan Seluruh Rakyat, Ahli Parlimen Wajib Sokong”, (27/05/2016), <http://www.wismaweb.net> (Capaian pada 24 Oktober 2017).

Oleh yang demikian itu, adalah menjadi harapan masyarakat Islam untuk melihat pindaan Akta 355 menjadi kenyataan. Jika diluluskan, ia memberikan prospek yang cerah dan nafas baharu kepada Kerajaan Negeri Kelantan untuk menguatkuasakan Kanun Jenayah Syariah II (Kelantan) 1993 tanpa sebarang halangan. Dengan itu, usaha untuk mengurangkan gejala sosial di kalangan remaja sekaligus menutup pintu-pintu kemungkaran, maka isu kelahiran anak luar nikah orang Islam dapat diatasi dengan baik dan berkesan. Selagi Akta 355 tidak dipinda, hasrat Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan kanun tersebut tidak akan tercapai.

### **2.3.2 Agensi Swasta**

Antara agensi swasta adalah seperti berikut :

- a) Rumah Pelindungan Nurul Hana (RPNH)
- b) Pertubuhan Kebajikan dan Pendidikan Rumah Kita (Rumah Kita)
- c) Pertubuhan Kebajikan dan Pengurusan Anak Yatim (OrphanCare)

#### **A. Rumah Pelindungan Nurul Hana (RPNH)**

RPNH telah ditubuhkan oleh LKPI Negeri Kedah yang diuruskan oleh Dato' Hjh Daharah Hj Ismail, Pengerusi LKPI Negeri Kedah. RPNH telah beroperasi pada tahun 1994 dan dirasmikan oleh KDYMM Tuanku Sultan Kedah pada 29 Oktober 2000. Bangunan RPNH terletak di Lot 1889, Jalan Stadium, Off Jalan Kompleks Pendidikan, 05100 Alor Setar, Kedah. RPNH berdaftar dengan JKM telah menerima geran tahunan mengikut statistik kemasukan remaja hamil luar nikah pada setiap tahun. RPNH juga

bertanggungjawab menguruskan kelahiran anak luar nikah di HSB sebelum menyerahkan kepada ibu, warisnya atau keluarga angkat.<sup>144</sup>

## **B. Pertubuhan Kebajikan dan Pendidikan Rumah Kita (Rumah Kita)**

Rumah Kita diasaskan oleh Vimmy Yasmine Binti Abd Razak yang merupakan Ahli Lembaga Pelawat Rumah Juvana di Selangor. Rumah Kita merupakan pusat perlindungan remaja hamil luar nikah bagi wanita yang terlanjur dan tidak diterima oleh ahli keluarga serta anak luar nikah secara percuma sejak 2015. Sepanjang dua (2) tahun penubuhannya, Rumah Kita telah menerima 52 orang remaja hamil luar nikah termasuk seorang penghidap AIDS dan 54 orang anak luar nikah.<sup>145</sup> Selain itu, Vimmy Yasmine juga adalah Presiden Unggas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu badan amal yang membantu golongan gelandangan melalui The Giving Project yang diusahakan bersama oleh rakan dan sukarelawan. Rumah Kita beroperasi di Cheras, Selangor dan digerakkan oleh dua belas (12) orang sukarelawan daripada JKM, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan kolej perubatan. Rumah Kita bergantung sepenuhnya kepada sumbangan orang ramai dengan kos operasi dianggarkan RM 5,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ribu sahaja) sebulan. Rumah tersebut hanya mampu menerima dua belas (12) orang penghuni sahaja pada satu-satu masa sedangkan senarai nama penghuni yang menunggu terlalu panjang. Mulai 2017, Rumah Kita sedang berusaha mendapatkan geran dan sumbangan dana daripada kerajaan atau swasta.<sup>146</sup>

---

<sup>144</sup>Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Kedah, "Terbitan Khas 40 Tahun (1968-2008)", 15.

<sup>145</sup>"Rumah Kita bantu remaja terlanjur", (20/02/2017),

<http://www.sinarharian.com.my/mobile/edisi/perak/rumah-kita-bantu-remaja-terlanjur-1.631161>. (Capaian pada 24 Oktober 2017).

<sup>146</sup>Vimmy Yasmine Abd Razak, temu bual telefon dengan penyelidik, 24 Ogos 2017.

### **C. Pertubuhan Kebajikan dan Pengurusan Anak Yatim (OrphanCare)**

OrphanCare telah menubuhkan *baby hatch* iaitu pusat perlindungan anak-anak terbuang termasuk anak luar nikah. *Baby hatch* telah beroperasi di tiga (3) buah tempat iaitu Petaling Jaya, Johor Bahru dan Sungai Petani. Perkhidmatan *baby hatch* dilengkapi sistem penghawa dingin, selamat dan mempunyai kawalan pemantauan 24 jam CCTV untuk melaporkan maklumat sekiranya terdapat bayi yang diletakkan dalam *baby hatch*. Mana-mana pihak yang meletakkan bayi dalam *baby hatch* bukan satu jenayah. OrphanCare adalah sebuah NGO yang berkolaborasi dengan lapan (8) buah hospital Kumpulan Perubatan Johor (KPJ) yang beroperasi di seluruh Malaysia.<sup>147</sup>

#### **2.3.2.1 Kuasa**

Penubuhan pusat perlindungan wanita dan penempatan anak luar nikah adalah tertakluk kepada akta-akta yang dirujuk oleh KPWKM, jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawahnya. Terdapat dua (2) akta yang menjadi punca kuasa kepada agensi-agensi swasta dan NGO iaitu ;

- a) Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611)
- b) Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506)

#### **A. Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611)**

Akta 611 mengandungi banyak peruntukan yang menyentuh perihal kanak-kanak termasuk remaja hamil luar nikah dan anak luar nikah. Salah satu punca kuasa yang diberikan kepada agensi swasta dan NGO ialah peranan dan kewajipan tertentu untuk mewujudkan pusat-pusat perlindungan dan pemeliharaan remaja hamil luar nikah dan

---

<sup>147</sup>“Pusat Baby Hatch”, [portal rasmi], <http://orphancare.org.my/ms/>. (Capaian pada 13 Julai 2017).



anak luar nikah. Terdapat beberapa istilah yang diberikan pentafsiran berkaitan kanak-kanak dan perkara-perkara yang berhubung dengannya seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 2 iaitu ;

“kanak-kanak” ertinya seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun

“Pelindung” ertinya—

(a) Ketua Pengarah

(b) Timbalan Ketua Pengarah

(c) Seorang Pengarah Bahagian bagi Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat

(d) Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri bagi setiap Negeri

(e) mana-mana Pegawai Kebajikan Masyarakat yang dilantik di bawah seksyen 8

“tempat perlindungan” ertinya mana-mana tempat perlindungan yang ditubuhkan atau ditetapkan di bawah seksyen 55

“tempat selamat” ertinya mana-mana tempat selamat yang ditubuhkan atau ditetapkan di bawah seksyen 54

Seseorang remaja hamil luar nikah berhak mendapatkan perlindungan dan pemulihan seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 38 (a), Akta 611 iaitu ;

“Seseorang kanak-kanak memerlukan perlindungan dan pemulihan jika kanak-kanak itu- (a) sedang didorong untuk melakukan apa-apa perbuatan seksual, atau berada dalam apa-apa suasana fizikal atau sosial yang boleh membawa kepada perlakuan perbuatan itu”

Seseorang remaja hamil luar nikah juga berhak mendapatkan perlindungan segera jika melibatkan salah laku seksual seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 41(1) dan (2) (d), Akta 611 iaitu ;

41(1) “Mana-mana kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dengan segera boleh atas permohonannya sendiri dalam bentuk yang ditetapkan diterima oleh Pelindung masuk ke suatu tempat perlindungan jika Pelindung itu berpuas hati bahawa kanak-kanak itu memerlukan perlindungan dengan segera.”

41(2)(d) “Seseorang kanak-kanak memerlukan perlindungan dengan segera jika ada sebab yang muah untuk mempercayai bahawa;- jika kanak-kanak itu seorang perempuan, bahawa dia sedang hamil anak luar nikah”

**B. Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506)**

Akta 506 mengandungi peruntukan berkaitan remaja hamil luar nikah dan anak luar nikah. Akta ini digubal bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan pusat-pusat jagaan. Terdapat beberapa istilah yang diberikan pentafsiran berkaitan penempatan remaja hamil luar nikah dan anak luar nikah di pusat-pusat perlindungan yang ditubuhkan oleh agensi swasta dan NGO seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 2 iaitu ;

“jagaan” termasuk perlindungan, pengawasan, pemulihan dan latihan.

“pusat jagaan” ertinya pusat jagaan berkediaman dan pusat jagaan harian.

“pengendali”, berhubung dengan sesuatu pusat jagaan berdaftar, ertinya orang yang atas permohonannya pusat itu didaftarkan.

“penghuni”, berhubung dengan sesuatu pusat jagaan berkediaman, ertinya seseorang yang telah diterima untuk jagaan sebagai penghuni di pusat jagaan berkediaman itu

### **2.3.2.2 Limitasi**

Terdapat dua (2) akta yang membataskan fungsi dan tanggungjawab sosial agensi swasta dan NGO dalam menyediakan rumah perlindungan remaja hamil luar nikah dan anak luar nikah iaitu ;

- a) Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611)
- b) Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506)

#### **A. Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611)**

Pada aspek tafsiran “kanak-kanak”, Seksyen 2, Akta 611 mentafsirkan kanak-kanak sebagai seseorang yang di bawah umur lapan belas (18) tahun. Takrifan tersebut menyamai Seksyen 87, Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164). Selain itu, Seksyen 17 (1) (e), Akta 611 mentafsirkan secara khusus kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan termasuklah anak luar nikah iaitu kanak-kanak yang tiada ibu atau bapa atau penjaga, telah dibuang oleh ibu atau bapa atau penjaganya dan selepas siasatan yang munasabah ibu atau bapa atau penjaga itu tidak dapat ditemui.

Namun begitu, terdapat dua akta lain yang memberikan tafsiran yang berbeza dengan Akta 611 dan Akta 164 iaitu Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257) mentafsirkan seseorang yang belum berkahwin dan di bawah umur dua puluh satu (21) tahun manakala Akta Penjagaan Kanak-Kanak 1961 (Akta 351) pula mentafsirkan kanak-kanak kepada dua iaitu bagi kanak-kanak Islam, umur dewasanya adalah lapan belas (18) tahun manakala bagi kanak-kanak bukan Islam, umur dewasanya adalah dua puluh satu (21) tahun.

Tafsiran yang berbeza-beza mengenai umur kanak-kanak sama ada lapan belas (18) tahun atau dua puluh satu (21) tahun telah menjadi isu kepada anak luar nikah. Dalam kes *Kulasingam lwn Rasammah*<sup>148</sup>, plaintif telah menuntut nafkah seorang anak perempuan melebihi umur dua puluh (20) tahun kepada defendan. Hakim Mahkamah Tinggi, Hashim Yeop Sani memutuskan Akta Umur Dewasa 1971 (Akta 21) adalah relevan dengan tafsiran maksud “kanak-kanak” berbanding Akta Perempuan Bersuami dan Kanak-kanak (Nafkah) 1950 (Akta 263). Oleh itu, kewujudan akta-akta yang memberikan tafsiran yang berbeza mengenai “kanak-kanak” menimbulkan masalah kepada agensi swasta dan NGO dalam menentukan had umur yang dibenarkan untuk menerima remaja hamil luar nikah dan anak luar nikah menjadi penghuni di pusat-pusat perlindungan tersebut.

Pada aspek kuasa mahkamah dalam menentukan hak pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak termasuk anak luar nikah, agensi swasta dan NGO yang menguruskan pusat perlindungan remaja hamil luar nikah dan anak luar nikah yang diiktiraf sebagai

---

<sup>148</sup>[1981] 2 MLJ 36.

tempat selamat boleh diperintahkan oleh mahkamah untuk memelihara dan melindungi mereka selama tempoh tiga (3) tahun atau sehingga mencapai usia lapan belas (18) tahun.<sup>149</sup> Namun begitu, mahkamah boleh meminda atau membatalkan perintah tersebut jika mendapati pandangan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat bahawa anak luar nikah lebih sesuai diletakkan dibawah pemeliharaan ibu bapa pelihara dalam tempoh dua (2) tahun atau sehingga mencapai usia lapan belas (18) tahun.<sup>150</sup>

Oleh itu, kuasa agensi swasta dan NGO adalah terhad kerana tidak dapat memelihara remaja hamil luar nikah dan anak luar nikah sehingga mencapai usia lapan belas (18) tahun sekiranya terdapat permohonan daripada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat untuk menyerahkan hak pemeliharaan kepada ibu bapa pelihara. Jika tiada apa-apa tuntutan dibuat, mahkamah boleh memerintahkan anak luar nikah diangkat oleh ibu atau bapa peliharaan itu atau mana-mana orang yang berhasrat untuk mengangkat kanak-kanak itu selepas memenuhi syarat-syarat di bawah Seksyen 30 (4) (a) dan (b) dan mengenyahkan persetujuan dari ibu atau bapa atau penjaga bagi pengangkatan tersebut.

---

<sup>149</sup>Seksyen 30 (1) (d), Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang memperuntukkan “Jika Mahkamah Bagi Kanak-Kanak berpuas hati bahawa mana-mana kanak-kanak yang dibawa ke hadapannya di bawah Seksyen 19 atau 25 ialah seorang kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak itu boleh— (d) membuat suatu perintah meletakkan kanak-kanak itu di suatu tempat selamat selama tempoh tiga tahun dari tarikh perintah itu atau sehingga dia mencapai umur lapan belas tahun, mengikut mana-mana yang lebih pendek”

<sup>150</sup>Seksyen 30 (1) (e), Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang memperuntukkan “Jika Mahkamah Bagi Kanak-Kanak berpuas hati bahawa mana-mana kanak-kanak yang dibawa ke hadapannya di bawah seksyen 19 atau 25 ialah seorang kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak itu boleh— dalam hal seseorang kanak-kanak yang tidak mempunyai ibu atau bapa atau penjaga atau yang telah terbuang sebagaimana yang diperihalkan dalam perenggan 17(1)(e), membuat suatu perintah meletakkan kanak-kanak itu dalam pemeliharaan, jagaan dan kawalan seorang ibu atau bapa peliharaan yang didapati sesuai oleh Ketua Pengarah selama tempoh dua tahun atau sehingga kanak-kanak itu mencapai umur lapan belas tahun, mengikut manamana yang lebih pendek, dan sementara menantikan itu, meletakkan kanak-kanak itu di suatu tempat selamat”

## **B. Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506)**

Pada aspek pendaftaran pusat jagaan, agensi swasta dan NGO terikat dengan persetujuan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat sama ada memberi kebenaran ataupun enggan memberikan kebenaran untuk menubuhkan pusat perlindungan remaja hamil luar nikah dan anak luar nikah.<sup>151</sup> Oleh itu, hasrat agensi swasta dan NGO yang ingin melaksanakan tanggungjawab sosial kepada golongan tersebut tidak dapat direalisasikan kerana peruntukan sedia ada memberikan kuasa yang luas kepada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat untuk memberikan kelulusan penubuhan pusat perlindungan. Keadaan menjadi lebih kronik lagi jika agensi swasta dan NGO tetap bertegas untuk meneruskan aktiviti dan program kepada golongan tersebut dengan alasan pusat tersebut sudah lama bergiat aktif menyalurkan bantuan secara sukarela. Tidak mustahil isu berkaitan penubuhan pusat perlindungan tanpa kebenaran Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat boleh membawa kepada tindakan mahkamah.

Pada aspek syarat-syarat pula, agensi swasta dan NGO akan berhadapan dengan kesulitan bagi memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.<sup>152</sup> Premis yang hendak

---

<sup>151</sup>Seksyen 6 (1), Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506) yang memperuntukkan “Ketua Pengarah boleh mendaftar atau boleh enggan mendaftar mana-mana pusat jagaan”.

<sup>152</sup>Seksyen 7, Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506) yang memperuntukkan “Ketua Pengarah, apabila mendaftar sesuatu pusat jagaan, boleh mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya layak dan sesuai, termasuklah syarat-syarat— (a) yang mengehadkan bilangan orang yang boleh diterima di pusat jagaan itu pada bila-bila masa; (b) untuk memastikan bahawa mana-mana orang yang diambil kerja di pusat jagaan itu, sama ada dalam pengurusan atau selainnya, orang yang layak dan sesuai, sama ada tentang umur atau selainnya, untuk diambil kerja di pusat jagaan itu; (c) untuk memastikan bahawa pusat jagaan itu akan dilengkapi secukupnya, dari segi kakitangan, dengan secukup bilangan orang yang mempunyai kelayakan atau pengalaman yang sesuai; (d) untuk memastikan bahawa perkhidmatan bagi jagaan, kawalan, penyeliaan, layanan, dan latihan penghuni atau orang yang diterima untuk jagaan di pusat jagaan itu diberi dengan baik; (e) untuk memastikan bahawa diet yang cukup dan seimbang dan rehat dan rekreasi yang cukup disediakan di pusat jagaan itu; (f) untuk memastikan bahawa pusat jagaan itu akan dilengkapi dan disenggarakan dengan cukup dan sesuai khususnya demi kepentingan kesihatan; (g) untuk memastikan bahawa perkiraan yang cukup akan dibuat untuk rawatan perubatan, fisioterapi, psikoterapi, terapi pekerjaan atau apa-apa rawatan lain yang sesuai dan wajar, dalam masa yang

ditubuhkan perlu mendapat pandangan awal daripada pihak-pihak berautoriti seperti Majlis Daerah, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan, Jabatan Tenaga Kerja dan sebagainya sebelum diluluskan oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat. Selain itu, wang deposit yang merupakan syarat utama menjadi penghalang kepada agensi swasta dan NGO yang tidak mempunyai sumber kewangan yang kukuh. Niat murni dan sukarela untuk membantu nasib remaja hamil luar nikah terpaksa dipadamkan begitu sahaja akibat *birokrasi* yang diamalkan.

### 2.3.2.3 Kejayaan

Peranan pengusaha pusat perlindungan remaja hamil luar nikah sanggup menerima kehadiran remaja hamil luar nikah tanpa mengira had umur dianggap suatu kejayaan besar kepada mereka. Secara tidak langsung, mereka telah menyelamatkan nyawa anak luar nikah yang tidak berdosa daripada dibuang atau dibunuh oleh ibu sendiri. Menurut Vimmy Yasmine Abd Razak, Ahli Lembaga Pelawat Rumah Juvana yang juga sebagai Pengurus Rumah Kita, terdapat penghuni Rumah Juvana yang hamil luar nikah kali kedua dan rumah tersebut enggan menerima mereka lagi disebabkan usia mereka sudah melebihi lapan belas (18) tahun. Penubuhan Rumah Kita memberi peluang kepada remaja hamil luar nikah, wanita yang dianiayai atau ditinggalkan suami atau didera dan

---

munasabah, berkenaan dengan apa-apa penyakit yang dihadapi oleh penghuni atau orang yang diterima untuk jagaan di pusat jagaan; (h) untuk memastikan pematuhan di pusat jagaan itu akan apa-apa kehendak undang-undang atau mana-mana pihak berkuasa yang berhubungan dengan binaan bangunan, langkah berjaga-jaga kebakaran, kesihatan, sanitasi dan keselamatan; (i) yang menghendaki pembayaran sejumlah wang sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah sebagai deposit jaminan untuk memastikan pematuhan oleh pengendali akan peruntukan Akta, peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 24, dan syarat-syarat yang dikenakan di bawah seksyen ini, dan untuk perlindungan dan demi kepentingan penghuni dan orang yang diterima untuk jagaan di pusat jagaan”

mereka tiada tempat bergantung atau tempat dituju. Lagipun, tiada had kemasukan ditetapkan sebaliknya terbuka luas kepada sesiapa yang memerlukan perlindungan.<sup>153</sup>

Anak luar nikah yang dilahirkan harus diterima dan dipelihara oleh ibu sendiri sebagai zuriat mereka. Mereka tidak sewajarnya menyerahkannya kepada keluarga angkat hanya semata-mata kerana malu menjadi ibu pada usia muda. Menurut Vimmy Yasmine Abd Razak lagi, setiap penghuni Rumah Kita tidak dibenarkan menyerahkan anak luar nikah mereka kepada keluarga angkat kecuali setelah keluar daripada rumah tersebut. Kesan larangan tersebut mendapati kebanyakan penghuni mahu menjaga sendiri anak mereka selepas keluar dari rumah tersebut.<sup>154</sup>

Pelaksanaan program keagamaan adalah suatu pendekatan yang sangat berkesan dan berjaya memulihkan semangat remaja hamil luar nikah untuk kembali ke pangkal jalan. Pendekatan kerohanian dan pembangunan insan menjadi asas penting dalam setiap program yang dianjurkan oleh Rumah Kita. Melalui pendekatan kerohanian, setiap penghuni diajar mambaca Al-Quran setiap hari Jumaat dan Sabtu, bacaan surah Yasin setiap malam Jumaat dan solat berjamaah. Ada ketika tertentu pegawai daripada JAIS dijemput memberi tazkirah kepada mereka. Melalui pendekatan pembangunan insan pula, setiap penghuni dilatih tentang pengurusan diri, masakan, kebersihan dan saling bekerjasama dalam menyelesaikan masalah-masalah yang timbul sesama mereka.<sup>155</sup>

---

<sup>153</sup>Yusliza Yakimir Abd Talib, "Rumah remaja terlanjur", (05/05/2016), <https://www.hmetro.com.my/node/135692>. (Capaian pada 22 Ogos 2017).

<sup>154</sup>Ibid.

<sup>155</sup>Ibid.



Suatu kejayaan bagi pusat perlindungan remaja hamil luar nikah ialah apabila penghuni yang mendiami pusat tersebut tidak dikenakan apa-apa bayaran sebaliknya ditanggung sepenuhnya oleh pusat perlindungan tersebut. Usaha murni tersebut dibantu oleh para dermawan yang sedia membantu daripada aspek kewangan, tenaga, buah fikiran, penglibatan dalam program dan sebagainya. Menurut Vimmy Yasmine Abd Razak, perkhidmatan di Rumah Kita adalah percuma dan setiap penghuni tidak dikenakan sebarang bayaran. Ini menjadi tanggungjawab sosial Rumah Kita yang tidak mahu membebankan remaja hamil nikah dan keluarganya sedangkan mereka menghadapi musibah dan masalah kewangan.<sup>156</sup>

#### **2.3.2.4 Isu dan cabaran**

Pengusaha pusat perlindungan remaja hamil luar nikah terpaksa mengenakan bayaran yang agak tinggi untuk menampung kos pengurusan setiap penghuni di samping membiayai pentadbiran dan kakitangan yang bertugas di pusat tersebut. Menurut Wan Nurasmah Wan Din, RPNH telah menetapkan kos kepada setiap penghuni sebanyak RM 450.00 (Ringgit Malaysia : Empat Ratus Lima Puluh sahaja) iaitu yuran pendaftaran RM 50.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh sahaja), wang deposit RM 200.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus sahaja) dan yuran bulanan RM 200.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus sahaja). Yuran bulanan perlu dibayar oleh waris penghuni selama tempoh mereka tinggal di RPNH sehingga bersalin.<sup>157</sup> Ini menunjukkan bahawa RPNH tiada sumber kewangan yang tetap sebaliknya bergantung kepada yuran dan sumbangan orang ramai selain hasil jualan barang-barang kraftangan yang diusahakan oleh penghuni RPNH.

---

<sup>156</sup>Ibid.

<sup>157</sup>Wan Nurasmah Wan Din, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 06 Mei 2014.

Selain itu, tidak semua pusat perlindungan remaja hamil luar nikah mendapat geran tahunan sama ada daripada JKM ataupun agensi-agensi yang lain. Geran tahunan yang diberikan oleh JKM tidak mencukupi untuk menampung jumlah penghuni yang semakin bertambah. Bagi RPNH, JKM hanya memperuntukkan geran tahunan berdasarkan statistik kemasukan ibu hamil luar nikah pada setiap masa dengan kadar RM 8.00 (Ringgit Malaysia : Lapan sahaja) sehari bagi seorang penghuni.<sup>158</sup> Menurut Vimmy Yasmine Abd Razak pula, Rumah Kita tidak pernah mendapat geran daripada pihak berwajib kecuali sumbangan rakan-rakan dan orang awam yang prihatin tentang nasib para wanita yang bermasalah dan remaja hamil luar nikah. Ada sukarelawan yang berkunjung memberi kaunseling kesihatan, mengajar kaedah urutan bayi dan perhubungan seks secara selamat.<sup>159</sup>

Hamil luar nikah kali kedua di kalangan remaja menjadi cabaran besar kepada pusat perlindungan tersebut. Ini disebabkan mereka kehilangan anak kandung yang diserahkan kepada orang lain secara paksaan sebaik sahaja bersalin. Ada sesetengah ibu bapa dan keluarga tidak memberi ruang kepada anak-anak mereka yang hamil luar nikah berubah sikap sebaliknya selalu mengungkit kisah-kisah silam. Sikap tersebut mendorong remaja tersebut kembali kepada tabiat asal dan terlibat semula dengan pergaulan bebas untuk menghilangkan tekanan perasaan. Ibu bapa, keluarga, masyarakat dan sekolah sewajarnya memberi sokongan moral kepada mereka untuk meneruskan kehidupan dan membimbing mereka kembali ke landasan yang betul.

---

<sup>158</sup>Haslinda Abdul Samad, temu bual oleh penyelidik, Ibu pejabat JKM, Alor Setar, 13 Januari 2014.

<sup>159</sup>Yusliza Yakimir Abd Talib, "Rumah remaja terlanjur", (05/05/2016), <https://www.hmetro.com.my/node/135692>. (Capaian pada 22 Ogos 2017).

Sokongan moral dan bimbingan dipraktikkan oleh Rumah Kita dalam bentuk mental dan fizikal selepas bersalin, melatih penghuni pergi sendiri ke klinik dan hospital agar berdikari, dibenarkan keluar ke pasar raya sebagai persediaan untuk meneruskan kehidupan dan dapat bergaul dengan masyarakat seperti biasa.<sup>160</sup> Ini menunjukkan remaja hamil luar nikah wajar diberikan peluang untuk berubah dan disayangi kerana mereka mampu menjadi insan yang lebih berjaya dengan sokongan orang terdekat dan masyarakat tanpa mengimbuai kembali kesilapan lampau.

### **2.3.2.5 Prospek**

Penglibatan agensi swasta dan NGO untuk terlibat sama dalam menangani isu-isu wanita, golongan remaja dan kanak-kanak sangat ditekankan oleh kerajaan. Oleh itu, kerajaan telah menyusun langkah-langkah segera dengan melibatkan penyertaan agensi swasta dan NGO dalam Rancangan Malaysia (RM) dan penggubalan beberapa dasar dan akta berkaitan remaja hamil luar nikah dan anak luar nikah itu sendiri agar kebajikan mereka tidak diabaikan. Penyertaan agensi swasta dan NGO dapat meningkatkan pelaksanaan tanggungjawab sosial kepada golongan tersebut dan memberikan prospek yang cerah melalui pelbagai inisiatif dan *mekanisme* tertentu sehingga wujud pusat-pusat perlindungan wanita dan anak luar nikah dalam negara kita.

Pada tahun 2009, kerajaan telah memperkenalkan Dasar Pelindungan Kanak-Kanak Negara dan Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Pelindungan Kanak-kanak dengan memberikan tumpuan khusus kepada peningkatan kesedaran dan itizam untuk

---

<sup>160</sup>Ibid.

pelindungan kanak-kanak termasuklah remaja hamil luar nikah di bawah usia lapan belas (18) tahun dan anak luar nikah yang dilahirkan itu. Kedua-dua dasar tersebut menekankan aspek pencegahan, meningkatkan program untuk masyarakat berisiko tinggi dan menggalakkan perkongsian pintar antara semua lapisan masyarakat untuk meningkatkan kesedaran tentang pelindungan hak kanak-kanak.<sup>161</sup> Peranan agensi swasta dan NGO yang menubuhkan pusat pelindungan wanita dan kanak-kanak termasuk anak luar nikah mendapat sokongan daripada kerajaan dan *Government Link Company* (GLC) seperti geran tahunan, peruntukan khas atas nama *Corporate Social Responsibility* (CSR) dan sebagainya.

Pada tahun 2011, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bersama Tabung Kependudukan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFPA) telah mewujudkan garis panduan untuk mencapai beberapa objektif utama iaitu; pertama, mengurangkan kadar perkahwinan sebelum usia lapan belas (18) tahun. Kedua, mewujudkan kefahaman dan sokongan bagi mengurangkan kes kehamilan sebelum usia dua puluh (20) tahun. Ketiga, meningkatkan penggunaan alat pencegahan kehamilan untuk mengelakkan kehamilan yang tidak diingini. Keempat, mengurangkan penderaan seks dalam kalangan remaja. Kelima, mengurangkan kadar pengguguran yang tidak selamat dalam kalangan remaja. Keenam, meningkatkan persediaan remaja sebelum, semasa dan selepas bersalin.<sup>162</sup>

---

<sup>161</sup>Child Rights Coalition Malaysia (CRC), "Laporan Mengenai Status Hak Kanak-Kanak Di Malaysia" (Disember 2012), <http://www.mcri.org.my/wp-content/uploads/CRC-Report-Bahasa.pdf>. (Capaian pada 10 Ogos 2017).

<sup>162</sup> Maternal, newborn, child and adolescent health [http://www.who.int/maternal\\_child\\_adolescent/epidemiology/maternal-death-surveillance/en/](http://www.who.int/maternal_child_adolescent/epidemiology/maternal-death-surveillance/en/). (Capaian pada 24 Ogos 2017).

Merujuk objektif di atas, agensi swasta dan NGO yang menubuhkan pusat perlindungan wanita dan kanak-kanak termasuk anak luar nikah dapat menikmati kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang terdapat pada agensi kerajaan seperti rawatan dan bersalin daripada hospital dan klinik, khidmat nasihat dan bimbingan agama daripada JAIN, pencegahan jenayah seperti pengabaian, pembuangan bayi, penderaan kanak-kanak termasuk anak luar nikah oleh PDRM dan sebagainya.

Dalam RMK 10, kerajaan menggalakkan agensi swasta dengan kerjasama NGO menubuhkan pusat jagaan kanak-kanak dan mendaftarkannya sebagai suatu pertubuhan yang diiktiraf oleh undang-undang. Selain itu, agensi swasta dan NGO juga dapat menjadikan program CSR dengan menaja penubuhan pusat-pusat jagaan kanak-kanak. Sehingga kini, terdapat 2,077 pusat jagaan harian yang belum berdaftar dengan JKM. Dengan penyertaan agensi swasta dan NGO, bilangan pusat penjagaan kanak-kanak dan pusat jagaan harian berasaskan komuniti di bawah JKM dapat ditingkatkan.<sup>163</sup> Melalui penubuhan pusat jagaan kanak-kanak termasuk pusat perlindungan kanak-kanak dan anak luar nikah, agensi swasta dan NGO dapat menggalakkan penglibatan wanita dalam pasaran tenaga kerja dan memberi sokongan moral kepada wanita yang menghadapi kesukaran seperti balu, ibu tunggal dan golongan berpendapatan rendah serta menghapuskan semua jenis diskriminasi terhadap wanita agar tidak tercicir dalam menikmati arus kemajuan ekonomi dan pembangunan negara.

---

<sup>163</sup>RMK 10 (2011-2015), Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, 182, <http://www.epu.gov.my/ms/rmk/rancangan-malaysia-kesepuluh-2011-2015>. (Capaian pada 24 Ogos 2017).

Dalam RMK 11, kerajaan menekankan aspek kesejahteraan rakyat sebagai teras utama dalam merealisasikan Wawasan 2020 dengan mempergiatkan kerjasama dengan sektor swasta dan NGO. Langkah-langkah ini penting memandangkan seluruh rakyat dan pihak berkepentingan mempunyai tanggungjawab bersama untuk membina kesepaduan dalam masyarakat seperti yang dihasratkan oleh kerajaan dan menjadi harapan generasi masa hadapan. Ini akan terlaksana jika agensi swasta dan NGO berganding bahu bersama agensi-agensi kerajaan dengan mewujudkan persekitaran hidup lebih selamat untuk masyarakat yang berdaya maju dan sejahtera.<sup>164</sup> Melalui penglibatan agensi swasta dan NGO dapat menyokong hasrat kerajaan untuk memastikan semua rakyat Malaysia mencapai taraf kehidupan yang berkualiti dan selesa tanpa mengira status mereka, di mana mereka tinggal atau pendapatan mereka. Bagi mencapai kemajuan ini, sudah tentulah peranan agensi swasta dan NGO turut diambil kira oleh kerajaan terutamanya bantuan kewangan dan sokongan moral terhadap inisiatif penubuhan pusat-pusat perlindungan wanita dan kanak-kanak khususnya membela nasib golongan remaja hamil luar nikah dan anak luar nikah yang semakin meningkat pada setiap masa.

#### **2.4 Rumusan**

Gejala kelahiran anak luar nikah adalah sebahagian daripada masalah sosial dan keruntuhan akhlak di kalangan remaja Islam yang semakin serius dan ia harus ditangani segera. Statistik terkini kelahiran anak luar nikah yang direkodkan oleh JPN dalam tempoh sepuluh (10) tahun (2005 – 2015) berjumlah 532,158 orang memberi petunjuk bahawa negara sedang menghadapi masalah anak luar nikah yang tidak ada hujung

---

<sup>164</sup>RMK 11 (2016-2020), Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, 4-14, <http://www.epu.gov.my/ms/rmk/rancangan-malaysia-kesebelas-2016-2020>. (Capaian pada 24 Ogos 2017).

pangkalnya. Kesan kelahiran anak luar nikah juga turut menimbulkan isu-isu yang menjadi konflik perundangan negara antaranya penamaan dan *nasab*, perwarisan harta pusaka, penentuan status agama, pembuangan bayi dan penderaan. Isu-isu tersebut menjadi cabaran besar kepada pihak berkuasa untuk menanganinya dalam keadaan keterbatasan peruntukan undang-undang dan bidang kuasa yang terhad. Oleh itu, sudah tiba masanya kerajaan memberikan perhatian terhadap penggubalan RUU 355 yang bertujuan untuk memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah dipertimbangkan segera untuk kelulusan Parlimen. Selain itu, penglibatan agensi swasta dan NGO dengan sokongan kerajaan melalui RMK 10, RMK 11, GTP, NTP, NKRA dan NKEA dapat menyuntik semangat untuk membangunkan negara melalui CSR dengan mewujudkan pusat-pusat perlindungan remaja hamil luar nikah dan anak luar nikah itu sendiri.



UUM  
Universiti Utara Malaysia

## BAB TIGA

### ISU-ISU MELIBATKAN ANAK LUAR NIKAH

#### 3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan isu-isu melibatkan anak luar nikah di kalangan remaja Islam menurut Islam dan undang-undang. Perbincangan awal menyentuh tentang sabitan nasab anak luar nikah kepada bapa biologi mengikut hukum Syarak dan Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. Selanjutnya, perbincangan tertumpu kepada isu-isu nafkah, pendidikan, penjagaan (*hadanah*), institusi kebajikan dan perkhidmatan penjagaan terhadap remaja hamil luar nikah dan anak luar nikah itu sendiri. Menurut Islam, perbincangan kelima-lima isu tersebut mengupas tanggung jawab ibu, waris ibu, penjaga, keluarga angkat dan pemerintah berdasarkan Al-Quran, Hadis, pandangan fuqaha mengikut mazhab-mazhab yang muktabar, kaedah-kaedah *fiqh* dan *usul fiqh*.

Menurut undang-undang pula, rujukan kepada Akta, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam di lima (5) buah negeri terpilih iaitu Wilayah Persekutuan, Selangor, Negeri Sembilan, Perlis dan Kedah serta Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di lima (5) buah negeri tersebut termasuk Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (*Takzir*) Terengganu (2001) bagi mengupas kelima-lima isu di atas. Tidak ketinggalan juga, akta-akta, jurnal-jurnal undang-undang dan keputusan kes-kes Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil turut dirujuk bagi menyokong kupasan isu-isu tersebut.



### 3.2 Kedudukan Sabitan *Nasab* Anak Luar Nikah Kepada Bapa Biologi Mengikut Hukum Syarak

Menurut hukum Syarak, kelahiran seseorang anak sama ada secara sah atau tidak adalah *dinasabkan* kepada ibunya.<sup>1</sup> Pensabitan seseorang anak kepada bapanya hendaklah dilihat sama ada sesuatu perkahwinan itu sah, *fasid* ataupun *syubhah*.<sup>2</sup> Oleh itu, seseorang anak boleh *dinasabkan* kepada bapanya berdasarkan tiga (3) kaedah berikut ;

- a) *Firash*<sup>3</sup> (hamparan)
- b) *Bayyinah*<sup>4</sup> (keterangan)
- c) *Iqrar*<sup>5</sup> (pengakuan)

#### 3.2.1 Kaedah *Firash* (Hamparan)

*Firash* ialah perempuan yang dijadikan hamparan lelaki dan bersedap-sedapan dengannya.<sup>6</sup> Ia juga merujuk seorang wanita yang ditentukan untuk melahirkan anak bagi individu tertentu.<sup>7</sup> *Firash* terbahagi kepada tiga (3) bahagian iaitu ;

- a) *Firash* isteri
- b) *Firash* hamba perempuan
- c) *Shibhu al-firash*

---

<sup>1</sup>Wahbah al-Zuhaili, *Fiqh dan Perundangan Islam*, 854.

<sup>2</sup>Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*, Juz. 7, 681.

<sup>3</sup>Suffian bin 'Umar Buraq'ah, *al-Nasab Wa Mada Ta'thir al-Mustajaddad al-'Ilmiyyah Fi Ithbatih*, Cet. 1, (Riyadh : Dar Kanzu Syibilia Lil Nasyri Wa al-Tauzi', 1428H/2007M), 259.

<sup>4</sup>Ibid, 265.

<sup>5</sup>Ibid, 275.

<sup>6</sup>Wahbah az-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*, Juz. 7, 681.

<sup>7</sup>Al-Jurjani, Ali ibn Muhammad ibn Ali al-Sayyid al-Zayn Abi al-Hasan, *Al-Ta'rifat*, (Kaherah : Sharikat wa Maktabat wa Matba'at Mustafa al-Babiyy al-Halabiyy wa Awladuh, 1375H/1938M), 145.

### 3.2.1.1 *Firash* Isteri

Menurut *fuqaha*, seseorang isteri yang melahirkan anak melalui perkahwinan yang sah atau *fasid* hendaklah dikan kepada suaminya. Pandangan *fuqaha* berdasarkan hadis yang bermaksud : “*Seorang anak adalah milik tuan firash*”.<sup>8</sup> Jika berlaku perceraian bagi perkahwinan *fasid* sebelum tamat tempoh hamil maksima dari tarikh perceraian dan genap enam (6) bulan atau lebih dari waktu perisetubuhan, hendaklah dikan kepada lelaki tersebut.<sup>9</sup> Pensabitan *nasab* secara *firash* perlulah memenuhi tiga (3) syarat iaitu ;

- a) Suami mampu menghamilkan isterinya setelah *baligh* menurut Mazhab Hanafi, Maliki dan Syafii atau hampir *baligh* (*murahiq*) menurut Mazhab Hanbali. Suami juga mempunyai alat kelamin yang sempurna, tidak cacat dan berupaya menyetubuhi isterinya.<sup>10</sup>
- b) Suami dan isteri mempunyai keadaan tertentu yang membolehkan mereka bersetubuh selepas diakadkan.<sup>11</sup>
- c) Anak tersebut dilahirkan selepas enam (6) bulan dari tarikh akad menurut Mazhab Hanafi dan *jumhur* mensyaratkan anak tersebut lahir setelah mencapai usia enam (6) bulan daripada waktu bersetubuh.<sup>12</sup>

---

<sup>8</sup>Al-Bukhari, Al-Imam Abi Abdullah Muhammad bin Ismail, *Sahih Bukhari*, Kitab Al-Faraid, Bab al-Waladu Lil Firash, Hadis No. 6749, 1647.

<sup>9</sup>Ibnu Abidin, Muhammad Amin, *Mughni Muhtaj*, Jil. 3, (Kaherah : Maktabah al-Jumhuriyyah al-Arabiyyah, 1386H/1966M), 540.

<sup>10</sup>Al-Syarbini, Shamsu ad-din Muhammad bin Al-Khatib, *Mughni Muhtaj*, Jil. 3, (Kaherah : Sharikat wa Maktabat wa Matba'at Mustafa al-Babiyy al-Halabiyy wa Awladuh, 1371M/1958M), 396.

<sup>11</sup>Ibnu Abidin, *Mughni Muhtaj*, Jil. 3, 647.

<sup>12</sup>Al-Ramli, Shams al-Din, Muhammad Ibn Abi al-Abbas Ahmad Ibn Hamzah Ibn Shihab al-Din, *Nihayat al-Muhtaj*, Jil. 7, (Kaherah : Sharikat wa Maktabat wa Matba'at Mustafa al-Babiyy al-Halabiyy wa Awladuh, 1357M/1938M),130.

### 3.2.1.2 *Firash* Hamba Perempuan

Menurut Mazhab Hanafi, *firash* hamba tidak boleh *dinasabkan* kecuali ada pengakuan tuannya bahawa anak tersebut adalah anaknya. Jika tuannya menafikannya, maka anak tersebut tidak boleh *dinasabkan* kepadanya. Menurut *jumhur ulama* selain Hanafi, seorang hamba perempuan akan menjadi *firash* kepada tuannya apabila tuannya mengaku telah menyetubuhi hambanya itu.<sup>13</sup> Hadis Rasulullah SAW bermaksud ;

“Saad bin Abi Waqqas telah bertelingkah dengan Abd bin Zamaah tentang seorang budak. Saad berkata :“Wahai Rasulullah, budak ini adalah anak kepada saudaraku Utbah bin Abi Waqqas yang mengaku kepadaku bahawa ia adalah anaknya. Cuba kamu lihat persamaannya”. Kata Abd bin Zamaah pula :”Budak ini adalah saudaraku wahai Rasulullah, ia dilahirkan oleh hamba perempuan bapaku”. Rasulullah melihat kepada wajahnya dan mendapati ia sangat mirip dengan Utbah. Baginda bersabda :”Dia adalah hak kamu wahai Abd, seorang anak adalah bagi tuan *firash*. Wahai Sawdah binti Zamaah hendaklah kamu berhijab darinya. “Kata Aishah :“Dia (budak itu) tidak pernah melihat Sawdah langsung”<sup>14</sup>

Oleh itu, anak yang dilahirkan selepas enam (6) bulan atau lebih, anak tersebut *dinasabkan* kepada tuannya walaupun dinafikannya. Sekiranya hamba perempuan telah suci rahimnya dari benih tuannya, anak yang lahir selepas enam (6) bulan atau lebih dari waktu *istibra'* (pembersihan rahim) tidak boleh *dinasabkan* kepada tuannya.<sup>15</sup>

---

<sup>13</sup>Ibid.

<sup>14</sup>Al-Imam al-Hafiz Ahmad bin ‘Ali bin Hajar al-Asqalani, *Fathu al-Bari Syarah Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Buyu’, Bab Syira’ al-Mamluk Min al-Harabiyy Wa Hibatihi Wa ‘Itaqihi, Hadis, No. 2218, Juz. 4, Cet. 2, (Beirut : Darul Kitab al-‘Alamiyyah, 1426H/2005M), 352.

<sup>15</sup>Al-Sharbini, *Mughni Muhtaj*, Jil. 3, 421 – 422.

### 3.2.1.3 *Shibhu al-Firash*

*Shibhu al-firash* iaitu sabitan *nasab* melalui persetubuhan *syubhah*. Ia terbahagi kepada tiga (3) jenis iaitu ;

- a) *Syubhah* milik seperti bapa menyetubuhi hamba perempuan anaknya kerana beranggapan ia halal baginya.
- b) *Syubhah* pada akad seperti suami telah menyetubuhi isterinya namun mendapati isterinya adalah saudara perempuan sesusuannya yang haram dikahwini.
- c) *Syubhah* dalam perbuatan seperti seorang lelaki telah menyetubuhi seorang perempuan yang disangka isterinya tetapi perempuan itu bukanlah isterinya.<sup>16</sup>

Oleh itu, seseorang anak lahir setelah genap usia enam (6) bulan atau lebih dari persetubuhan *syubhah*, maka anak itu *dinasabkan* kepada lelaki yang menyetubuhi ibunya. Sekiranya seseorang anak lahir sebelum genap usia enam (6) bulan dari persetubuhan *syubhah*, maka anak itu tidak boleh *dinasabkan* kepada lelaki yang menyetubuhi ibunya kecuali lelaki tersebut mendakwa anak itu adalah dari benihnya.<sup>17</sup>

### 3.2.2 **Kaedah *Iqrar* (Pengakuan)**

Jika pengakuan *nasab* dilakukan oleh pengaku sendiri seperti seorang bapa mengaku bahawa seorang anak itu adalah anaknya atau seorang anak mengaku bahawa seorang itu adalah bapanya. Seseorang bapa yang mengaku bahawa seorang anak itu adalah anaknya hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut ;

---

<sup>16</sup>Ibnu Abidin, *Mughni Muhtaj*, Jil. 3, 541.

<sup>17</sup>Ibn Qudamah, Abu Muhammad Abdullah Ibn Ahmad, *Al-Mugni*, Jil. 7, (Kaherah: Maktabah al-Jumhuriyyah al-Arabiyyah, (t.th), 421.

- a) Seseorang yang diakui sebagai anak itu tidak diketahui *nasabnya*. Ini berarti anak itu tidak mempunyai bapa selain daripada orang yang membuat pengakuan itu.<sup>18</sup>
- b) Pengakuan itu adalah munasabah daripada segi fakta. Misalnya, terdapat jurang perbezaan umur yang munasabah yang menunjukkan antara mereka ada pertalian keluarga.<sup>19</sup>
- c) Pengakuan itu hendaklah diterima oleh orang yang diakui sebagai anak jika ia *baligh*. Jika belum *baligh* atau gila, maka pengakuannya tidak diperlukan.<sup>20</sup>
- d) Pengakuan itu tidak melibatkan orang lain. Misalnya, pengakuan isteri atau bekas isteri (dalam *iddah*) bahawa seseorang itu sebagai anaknya, maka pengakuannya hendaklah ditolak kecuali diakui oleh suaminya atau disokong oleh keterangan lain. Keterangan seorang wanita tidak cukup untuk *menasabkan* anak kepada suaminya.<sup>21</sup>

Jika pengakuan *nasab* dibuat oleh orang lain seperti seseorang telah mengaku bahawa individu yang lain adalah saudara kandungnya yang membuktikan bahawa seorang itu adalah anak kepada bapanya. Pengakuan seperti ini adalah sah jika memenuhi tiga (3) syarat (a), (b) dan (c) di atas dan ditambah dengan satu syarat lagi iaitu pengakuan tersebut mestilah disokong oleh keterangan lain atau diperakukan oleh orang yang terlibat dengan pengakuan ini. Jika tidak ada keterangan lain yang dapat dibuktikan atau orang yang terlibat tidak mengesahkannya, maka pengakuan tersebut akan hanya

---

<sup>18</sup>Ibn Qudamah, *Al-Mugni*, Jil. 5, 165.

<sup>19</sup>Al-Ramli, *Nihayat al-Muhtaj*, Jil 5, 106 – 107.

<sup>20</sup>Al-Sharbini, *Mughni Muhtaj*, Jil. 4, 108.

<sup>21</sup>Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*, Juz. 7, 691.

melibatkan diri pengaku sahaja. Shafii, Hanbali dan Abu Yusuf mensyaratkan pengakuan itu hendaklah diperakukan oleh ahli waris sama ada lelaki atau perempuan.<sup>22</sup>

### 3.2.3 Kaedah *Bayyinah* (Keterangan)

*Bayyinah* iaitu keterangan melibatkan orang yang didakwa bersama pihak-pihak lain. Ulama berbeza pendapat tentang bilangan saksi dalam memberikan keterangan. Menurut Maliki, hanya dua (2) orang saksi lelaki sahaja. Menurut Abu Hanifah dan Muhammad, dua (2) orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki bersama dua (2) orang saksi perempuan. Menurut Shafii, Hanbali dan Abu Yusuf, semua ahli waris sama ada lelaki ataupun perempuan. Kesaksian adakalanya berdasarkan khabar yang didengar (*tasamu'*) iaitu berita yang tersebar luas dan masyhur di kalangan orang ramai. Para ulama empat (4) mazhab sepakat mengatakan *nasab* boleh disabitkan dengan kesaksian berdasarkan berita yang didengar.<sup>23</sup> Abu Hanifah berpendapat *tasamu'* ialah berita yang didengar dengan bilangan *mutawatir* agar dapat diyakini.

Menurut Abu Yusuf dan Muhammad, saksi hendaklah mendengar berita yang dipersaksikan daripada dua (2) orang lelaki atau seorang lelaki bersama dua (2) orang perempuan yang adil. Menurut Maliki, berita itu hendaklah didengar daripada bilangan yang dapat ditentukan kadarnya dan ia tersebar luas di kalangan orang ramai yang adil atau tidak dengan disyaratkan supaya saksi-saksi berkata “kami mendengar sedemikian”. Menurut Shafii yang paling *rajih*, saksi tersebut hendaklah mendengar daripada bilangan yang ramai dan yang diyakini bahawa mereka tidak berpakat melakukan pendustaan.

---

<sup>22</sup>Al-Sharbini, *Mughni Muhtaj*, Jil. 4, 165.

<sup>23</sup>Ibnu Qudamah, *Al-Mugni*, Jil. 10, 141.

Pendengaran itu hendaklah yakin atau hampir yakin (*al-Zann al-Qawiy*) di mana saksi berkata “Aku menyaksikan bahawa dia adalah kepunyaannya atau anaknya”<sup>24</sup>

Kesaksian juga boleh berdasarkan kesan persamaan atau perbezaan (*qiyafah*). *Qiyafah* ialah kemahiran suatu golongan bangsa Arab dikenali sebagai Al-Qafah dalam mengecam keturunan seseorang berdasarkan ciri-ciri fizikal seperti kesan tapak kaki, wajah, perwatakan dan sebagainya. *Jumhur ulama* (Imam Malik, Imam Syafii, Imam Ahmad bin Hanbal, Abu Thawr dan Al-Auza’ie) berpendapat *qiyafah* boleh digunakan untuk menentukan *nasab* seseorang anak.<sup>25</sup> Pandangan mereka bersandarkan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud ;

“Rasulullah SAW telah masuk menemuiku dalam keadaan gembira, wajahnya berseri-seri, baginda terus bersabda: Tidakkah kamu ketahui bahawa sebentar tadi Mujazziz<sup>26</sup> telah melihat Zaid bin Harithah dan Usamah bin Zaid lalu dia berkata: “Sesungguhnya sebahagian tapak kaki ini adalah kepunyaan orang yang sama (keturunan)”<sup>27</sup>

Imam Syafii mensyaratkan *qiyafah* boleh diterima sekurang-kurangnya oleh dua (2) orang *qaif*. Imam Malik pula terdapat dua (2) riwayat berkaitan pandangannya iaitu pertama, menyamai pendapat Imam Shafii dan kedua, memadai seorang *qaif* sahaja.<sup>28</sup> Selaras dengan perkembangan sains dan teknologi, satu kaedah baru telah ditemui iaitu DNA sebagai ujian klinikal yang digunakan untuk mengenalpasti keturunan. Tamadun

---

<sup>24</sup>Al-Ramli, *Nihayat al-Muhtaj*, Jil. 8, 301 – 302.

<sup>25</sup>Sayyid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, Jil. 3, Cet. 7, (Beirut : Dar al-Kutub, 1405H/1985M), 256 – 257.

<sup>26</sup>*Mujazziz* adalah gelaran bagi seorang qaif yang bernama Mujazziz al-Mudlajiy yang boleh mengecam atau menentukan keturunan sesuatu kaum.

<sup>27</sup>Al-Bukhari, *Sahih Bukhari*, Jil. 6, 2486.

<sup>28</sup>Ibnu Rushd Al-Qurtubi, Muhammad Ibn Ahmad Ibn Muhammad Ibn Ahmad, *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, Jil. 2, (Kaherah : Maktabah al-Khanji, 1415H/1994M), 355.

Islam mengiktiraf penggunaan sains dan teknologi kerana mampu menyelesaikan permasalahan manusia. Pihak yang berada dalam kerjaya ini dianggap pakar di mana pandangan mereka diterima dan diiktiraf oleh mahkamah sebagai *al-bayyinah*.<sup>29</sup>

### 3.3 Isu-isu Anak Luar Nikah Menurut Islam

Antara isu-isu anak luar nikah menurut Islam adalah seperti berikut ;

- a) Nafkah
- b) Pendidikan
- c) Penjagaan (*Hadanah*)
- d) Institusi kebajikan
- e) Perkhidmatan penjagaan

#### 3.3.1 Nafkah

Menurut Islam, ibu bapa adalah orang yang paling utama menanggung nafkah anak-anak<sup>30</sup> sama ada fakir, masih kecil, sakit ataupun gila.<sup>31</sup> Bagaimanapun, bagi anak luar nikah, terdapat tiga (3) pihak<sup>32</sup> yang dipertanggungjawabkan memberi nafkah iaitu ;

- a) Ibu
- b) Waris ibu
- c) Pemerintah (Baitulmal)

---

<sup>29</sup> Siti Shamsiah Md. Supi, Islam Iktiraf Ujian DNA, *Utusan Online*, (28/09/2007). [http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0928&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_01.htm](http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0928&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_01.htm). (Capaian pada 25 Julai 2015).

<sup>30</sup> Badruddin Ibrahim dan Azizah Mohd, “Hak Anak Terhadap Nafkah dalam Perundangan Islam : Sejauhmanakah Bapa Bertanggungjawab Menyara Nafkah Anak”, *Kanun*, Jil. 25. Bil. 2, (2013) : 256.

<sup>31</sup> Al-Husaini, Imam Taqiyuddin Abi Bakr bin Muhammad, *Kifayah al-Akhyar Fi Hilli Gha'yah al-Ikhtisor*, Juz. 2, (Beirut : Dar al-Minhaji, 1429H/2008M), 576.

<sup>32</sup> Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*, Juz. 7, 785.



### 3.3.1.1 Ibu

Pada dasarnya, kewajiban seseorang bapa menyara nafkah anak berasaskan tiga (3) faktor iaitu perkahwinan, keturunan dan pemilikan<sup>33</sup>. Firman Allah SWT bermaksud ;

“Dan kewajiban bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya”<sup>34</sup>

Begitu juga dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud ;

“Diriwayatkan daripada Saidatina Aisyah R.A bahawa Hindun binti ‘Utbah telah berjumpa dengan Rasulullah SAW dan berkata: "Ya Rasulullah, sesungguhnya Abu Suffian (suaminya) adalah seorang yang kedekut. Dia tidak memberi belanja yang cukup untuk saya dan anak-anak kami kecuali jika saya ambil dengan tidak diketahuinya." Rasulullah SAW menjawab pertanyaan tersebut dengan bersabda: "Ambillah sekadar yang cukup untuk keperluan kamu dan anak-anak kamu dengan cara yang baik”<sup>35</sup>

Kedua-dua nas di atas menegaskan bahawa seorang bapa bertanggungjawab sepenuhnya menyara nafkah anaknya<sup>36</sup> dan kewajiban tersebut tidak dikongsi bersama pihak lain.<sup>37</sup> Sekiranya bapa tiada atau tidak mampu menyara nafkah, maka tanggungjawab tersebut berpindah kepada ibu.<sup>38</sup> Ibu wajib menyara nafkah anaknya termasuklah anak luar nikah disebabkan hubungan *nasabnya* dengan anak luar nikah dan pengharaman Islam ke atas

---

<sup>33</sup>Al-Syarbini, Shamsu al-Din Muhammad bin al-Khatib, *Mughni al-Muhtaj*, Juz. 3, (Beirut : Dar al-Ma’rifah, (1418H/1997M), 558.

<sup>34</sup>Al-Quran : *al-Baqarah*, 2 : 233.

<sup>35</sup>Jam’u Jawami’ al-Ahadis wa al-Asanid wa Maknin al-Sihhah wa al-Sunan wa al-Masanid, *Sahih Bukhari*, Juz. 3, Kitab al-Nafaqaat, (Kaherah : Jam’iah al-Maktabah al-Islami, 1431H/2010M), 1123.

<sup>36</sup>Khadijah al-Nabarawi, *Mausu’ah Huquq al-Insan Fi al-Islam*, Cet. 1, (Kaherah : Dar al-Salam, 1427H/2006M), 41.

<sup>37</sup>Al-Marghinani, Burhanuddin Ali ibn Abi Bakr, *al-Hidayah Sharh Bidayat al-Mubtadi*, Jil. 3, (Kaherah : Daral-Salam, 1420H/2000M), 653.

<sup>38</sup>Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*. Juz. 7, 826-827.

seseorang ibu jika *menasabkan* anak tersebut kepada bapa yang tidak sebenar.<sup>39</sup> Firman Allah SWT yang bermaksud ;

“Janganlah menjadikan seseorang ibu menderita kerana anaknya”<sup>40</sup>

Al-Qurtubi memetik pendapat *jumhur* ahli tafsir yang sepakat menyatakan bahawa ibu tidak boleh menolak untuk menyusui anaknya atau menuntut upah menyusui melebihi kadar yang munasabah manakala bapa pula dilarang menghalang ibu menyusui anaknya apabila ibu menghendaknya.<sup>41</sup> Terdapat tiga (3) syarat menyara nafkah anak iaitu ;

- a) Anak itu miskin tidak mempunyai harta sendiri untuk menafkahkan dirinya.
- b) Anak itu belum boleh berdikari atas harta yang dimilikinya atau usahanya sendiri.
- c) Tanggungjawab nafkah berpindah kepada waris jika bapa tidak mampu.<sup>42</sup>

Sekiranya ibu tidak mempunyai harta tetapi mempunyai pekerjaan yang cukup untuk dirinya sahaja, maka timbul perselisihan di kalangan ulama sama ada wajib ataupun tidak memberi nafkah anak termasuk anak luar nikah. Menurut pendapat yang sahih dan disokong oleh majoriti ramai (*al-aksarun*) adalah wajib, manakala pendapat yang kedua mengatakan tidak wajib.<sup>43</sup> Menurut Abu Thur, ibu wajib memberi nafkah kepada anaknya walaupun anak tersebut mempunyai kelebihan rezeki.<sup>44</sup> Sekiranya anak tersebut sihat tetapi tidak boleh bekerja, maka adakah ibu wajib memberi nafkah kepada anaknya

---

<sup>39</sup>Ali Abdul Rahim ‘Amir, *Ahkam al-Ishtibah Fi al-Nasab Fi Fiqh al-Islami*, Cet. 1, (Kaherah : Dar al-Salam, 1433H/2012M), 46.

<sup>40</sup>Al-Quran : *al-Baqarah*, 2 : 233

<sup>41</sup>Al-Qurtubi, Abi Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansori, *al-Jami’ Li Ahkam al-Quran*, Juz. 3, (Kaherah : Dar al-Hadis, 1428H/2007M), 143.

<sup>42</sup>Ibnu Qudamah, Muwaffiq al-Din Wa Shamsu al-Din, *Al-Mughni Wa Syarhu al-Kabir*, Juz. 7, (Beirut : Dar al-Fikr, t.th), 258-259.

<sup>43</sup>Al-Husaini, *Kifayah al-Akhyar Fi Hilli Gha’yah al-Ikhtisor*, Juz. 2, 577.

<sup>44</sup>Ibid,

dalam keadaan tersebut? Al-Rafi' menyatakan wajib sebagaimana anak tersebut juga wajib memberi nafkah jika ibunya berada dalam keadaan yang sama. Menurut pendapat yang sah, tidak wajib kerana nas wajib hanya diberikan nafkah kepada anak yang belum cukup umur berbeza dengan anak yang sakit dan gila.<sup>45</sup>

Dapat difahami bahawa hukum Syarak mewajibkan seseorang ibu menyara nafkah anak luar nikah sama ada anak tersebut fakir, sakit, gila ataupun di bawah umur yang belum mampu bekerja. Namun begitu, sekiranya anak tersebut mempunyai harta atau pekerjaan, maka ibu tidak wajib memberi nafkah kerana anak tersebut boleh berdikari sendiri meskipun anak tersebut sakit, gila atau buta. Ini menunjukkan keadilan hukum Syarak terhadap ibu dan anak luar nikah dalam konteks nafkah yang tidak boleh diabaikan kerana kedua-duanya saling bertanggungjawab antara satu sama lain.

### 3.3.1.2 Waris ibu

Islam meletakkan kewajipan ke atas waris ibu jika ibu tidak mampu menyara nafkah anaknya termasuk anak luar nikah. Abu Thur menyatakan ahli waris harus memberi nafkah kepada anak luar nikah tersebut<sup>46</sup>. Firman Allah SWT yang bermaksud :

“Dan waris juga menanggung kewajipan yang tersebut (jika bapa tiada)”<sup>47</sup>

Menurut Al-Qurtubi, sebahagian ulama seperti Mujahid dan Atha' mengharuskan waris lelaki sahaja membiayai bayaran penyusuan anak tersebut sebagaimana kewajipan bapa

---

<sup>45</sup>Ibid, 578.

<sup>46</sup>Al-Husaini, *Kifayah al-Akhyar Fi Hilli Gha'yah al-Ikhtisor*, Juz. 2, 578.

<sup>47</sup>Al-Quran : *al-Baqarah*, 2 : 233.

ketika hidup. Menurut Qatadah, waris bermaksud anak lelaki dan anak perempuan. Bagi Ahmad dan Ishak, waris harus membayar kos penyusuan anak kecilnya sekadar sebagai waris sahaja. Menurut Abu Hanifah, *mahramnya* wajib memberi nafkah dan bayaran penyusuan kepada anak yang masih kecil. At-Tabari merujuk pandangan Abu Hanifah sambil menyatakan jika anak lelaki kepada bapa saudara (sepupu) atau orang lain tidak menjadi *mahramnya*, maka mereka tidak wajib memberi nafkah kepadanya. Sufyan berpendapat waris ialah saudara kandung kepada anak tersebut yang masih hidup setelah salah seorang daripada ibu bapanya meninggal dunia. Jika bapa meninggal dunia, maka ibu wajib memberi nafkah jika anak tersebut tidak memiliki harta. Begitu juga, *'asabah* wajib membiayai penyusuan anak berdasarkan bahagiannya daripada harta pusaka.<sup>48</sup>

Dalam tafsir *Fi Zilal al-Quran*, waris wajib memberi nafkah berupa makanan dan pakaian kepada ibu yang menyusui anak tersebut yang diambil daripada bahagian pusaknya atas dasar kekeluargaan. Anak tersebut tidak akan hilang haknya jika bapanya meninggal dunia kerana haknya dan hak ibunya tetap terpelihara dalam semua keadaan.<sup>49</sup> Tanggungjawab waris ibu memberi nafkah kepada anak luar nikah adalah berdasarkan pandangan Wahbah al-Zuhaili tentang kewajiban ahli waris menyara nafkah anak jika anak tersebut tiada ibu atau bapa yang menyatakan seperti berikut ;

“Ibu adalah waris, jadi wajib ke atasnya membiayai nafkah dengan jelas daripada nas Al-Quran. Jika anak kecil itu ada nenek dan saudara lelaki maka ke atas nenek satu per enam dan yang selebihnya ditanggung oleh saudara lelaki. Dengan ini jadilah susunan pembiayaan nafkah mengikut susunan perwarisan. Maka sebagaimana

---

<sup>48</sup>Al-Qurtubi, *al-Jami' Li Ahkam al-Quran*, Juz. 3, 144.

<sup>49</sup>Sayyid Qutb, *Fi Zilal al-Quran*, Juz. 2, Cet. 1, (Kaherah : Dar al-Syuruq, 1972), 254.

nenek di sini mendapat habuan pusaka satu per enam, ia wajib membiayai nafkah juga satu per enam dan sebagaimana habuan pusaka yang selebihnya bagi saudara lelaki maka begitu pula ia wajib membiayai nafkah yang selebihnya setelah nenek membiayai satu per enam. Jika berhimpun ibu bapa di sebelah ibu (nenek dan datuk di sebelah ibu) maka pembiayaan nafkah wajib ke atas nenek kerana ia adalah ahli waris”<sup>50</sup>

Menurut Yusuf al-Qaradhawi, Islam mengutamakan nafkah kepada keluarga terdekat dan orang-orang yang berada dalam tanggungannya sebelum diberikan kepada orang fakir, miskin, orang yang berjuang di jalan Allah SWT dan orang-orang yang di dalam perjalanan (*Ibnu Sabil*).<sup>51</sup> Beliau merujuk hadis Rasulullah SAW yang bermaksud ;

“Satu dinar kamu belanjakan di jalan Allah (berjihad), satu dinar kamu belanjakan bagi hamba (untuk memerdekakan hamba sahaya), satu dinar kamu belanjakan bagi orang miskin dan satu dinar kamu belanjakan bagi keluargamu, yang paling besar pahalanya ialah yang kamu belanjakan untuk keluargamu”<sup>52</sup>

Dapat difahami bahawa hukum Syarak mewajibkan waris ibu menyara nafkah anak luar nikah jika ibunya tidak mempunyai harta. Ini disebabkan anak luar nikah yang *dinasabkan* kepada ibunya, maka hak memberi nafkah adalah mengikut peringkat kaum kerabat.<sup>53</sup> Inilah hakikat yang perlu diterima oleh waris, jika ibu tidak mampu menyara

---

<sup>50</sup>Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*. Juz. 7, 827-828.

<sup>51</sup>Yusuf al-Qaradhawi, *Fiqh : Ekonomi Islam*, Cet. 1, Terj. Mohamad Dahlan Haji Arshad, (Kuala Lumpur : Blue-T Publication Sdn. Bhd, 2009), 307.

<sup>52</sup>Al-Naisaburi, Al-Imam al-Hafiz Muslim bin Hujjaj, *Sahih Muslim*, Bab Fadhl al-Nafqah ‘Ala al-’Iyal Wa al-Mamluk, Hadis No. 2308, (Beirut : Dar al-Makrifah, 1428H/2007M), 447.

<sup>53</sup>Abdul Halim ‘Uwais, *Mausu’ah al-Fiqh al-Islami al-Mu’asiri*, Cet. 1, (Mansurah : Dar al-Wafa’, 1426H/2005M), 13.

nafkah anak luar nikah.<sup>54</sup> Oleh itu, waris ibu yang utama yang wajib memberi nafkah kepada anak luar nikah ialah nenek dan saudara lelaki seibu sama ada abang ataupun adiknya berdasarkan bahagian pusaka iaitu nenek sebanyak 1/6 bahagian manakala bakinya kepada saudara lelaki seibu kepada anak tersebut.

### 3.3.1.3 Pemerintah (Baitulmal)

Pemerintah juga bertanggungjawab menyara nafkah anak luar nikah jika ibu atau warisnya tidak mampu melaksanakannya.<sup>55</sup> Dalam sistem pemerintahan Islam, baitulmal adalah cabang daripada sistem kewangan negara yang kini dikenali sebagai institusi kewangan atau bank.<sup>56</sup> Baitulmal juga disebut sebagai khazanah (Perbendaharaan)<sup>57</sup> merupakan tempat untuk menjaga harta kerajaan dan sebahagiannya digunakan untuk nafkah.<sup>58</sup> Baitulmal mempunyai empat sumber iaitu zakat, harta *ghanimah* daripada perang, harta rampasan (*al-Fai*) dan harta yang hilang.<sup>59</sup> Al-Kasani menjelaskan peranan baitulmal menguruskan harta-harta dan tanggungjawabnya iaitu ;

“Adalah menjadi tanggungjawab baitulmal menyediakan peruntukan untuk membeli ubat-ubatan kepada golongan fakir, membiayai kos rawatan orang yang sakit, menguruskan pengkebumian jenazah yang mana mereka tidak mempunyai harta, memberi nafkah kepada anak-anak yang dijumpai (terdampar), orang-orang yang tak mampu bekerja

<sup>54</sup> Siti Shamsiah Md Supi, “Anak Tidak Syarie : Di Mana Kedudukannya”, <http://www.ikim.gov.my/index.php/en/utusan-malaysia/7499-anak-tidak-syari-di-mana-kedudukannya>, (Capaian pada 9 November, 2015).

<sup>55</sup>Roshdan Sujak Rafie, “Peguam Syarie Menulis : Anak Luar Nikah Bernasabkan Bapa Undang Implikasi Buruk”, [http://www2.bharian.com.my/bharian/articles/PeguamSyarieMenulis\\_Anakluarnikahbernasabkanbapaundangimplikasisburuk/Article](http://www2.bharian.com.my/bharian/articles/PeguamSyarieMenulis_Anakluarnikahbernasabkanbapaundangimplikasisburuk/Article), (Capaian pada 9 November, 2015).

<sup>56</sup>Hailani Muji Tahir, *Institusi Baitulmal Dalam Pembangunan Negara*, (Bangi : Penerbit UKM, 2007), 1.

<sup>57</sup>Muhammad Ibrahim al-Haqawi, *Mu'jam Gha'rib al-Fiqh Wa al-'Usul*, Jil. 1, (Kaherah : Dar al-Hadis, 1430H/2009M), 120.

<sup>58</sup>Zaki al-Din Syaa'ban, *al-Ahkam al-Syariyyah Lil Ahwal al-Syaksiah*, Cet. 6, (Banghazi : Jamiah Qar Yunus, 1993), 681.

<sup>59</sup>Muhammad Rawwas al-Qal'aji, *al-Mausu'ah al-Fiqhiah al-Muyassarah*, Jil. 2, Cet. 1, (Beirut : Dar al-Nafais, 1421H/2000M), 370.

(dhaif), orang-orang yang tidak mempunyai ahli keluarga (kerabat) yang bertanggungjawab memberi nafkah kepadanya dan seumpamanya. Seseorang Imam (Pemerintah) hendaklah mengagihkan atau membahagikan hak-hak tersebut kepada orang yang berhak menerimanya”<sup>60</sup>

Menurut Ibnu Khuwaiz Mindad, jika pemerintah gagal menguruskan baitulmal untuk membiayai keperluan nafkah kepada golongan fakir termasuklah anak luar nikah yang tidak memiliki harta, kewajiban tersebut kembali kepada waris yang terdekat dan yang jauh. Jika ibu masih hidup, ibu wajib menyusui dan menguruskan nafkahnya kerana ibu lebih hampir dengannya.<sup>61</sup> Yusuf al-Qaradhawi pula menegaskan bahawa pemerintah wajib membiayai nafkah dan memberi perlindungan kepada anak luar nikah sama seperti kebajikan terhadap kanak-kanak yang lain. Ini disebabkan oleh tanggungjawab ibu yang terbatas dalam mencari nafkah dan menghadapi kesulitan membesarkan anak tersebut. Selain itu, kewajiban membantu ibu juga terpikul kepada orang-orang Islam yang lain. Pandangan beliau adalah berdasarkan fatwanya seperti berikut ;

“Masyarakat muslim bertanggungjawab menjaga dan menanggung nafkah kehidupannya serta mengelokkan tarbiahnya. Janganlah mengharapkan semata-mata kepada ibu malang yang ditimpa bala. Di dalam Islam, pemerintah bertanggungjawab terhadap penjagaan anak ini dengan perantaraan kementerian atau institusi tertentu”<sup>62</sup>

Dalam hadis sahih yang disepakati bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud ;

---

<sup>60</sup>Al-Kasani, ‘Ala al-Din Abu Bakr bin Mas’ud al-Kasani al-Hanafi, *Bada’i al-Sana’i*, Juz. 4, (Kaherah : Matba’ah al-Jamaliyyah, 1328H), 69.

<sup>61</sup>Al-Qurtubi, *al-Jami’ Li Ahkam al-Quran*, Juz. 3, 144.

<sup>62</sup>Yusuf al-Qaradhawi, *Fatwa Masa Kini*, 510.

“Dari Ibnu Umar RA dari Nabi SAW bersabda : Sesungguhnya aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda : Setiap kamu adalah penjaga dan kamu semua bertanggungjawab terhadap jagaanmu”<sup>63</sup>

Hadis di atas menjelaskan bahawa Rasulullah SAW mengingatkan setiap orang adalah pemimpin dan hendaklah menunaikan segala perkara yang menjadi kewajibannya. Pemimpin juga bermaksud penjaga yang hendaklah bersifat amanah dan melakukan pembaikan (*Islah*) dengan adil kerana kedua-duanya akan dipersoalkan sama ada telah ditegakkan ke atas orang yang dijaganya ataupun sebaliknya.<sup>64</sup>

Dapat difahami bahawa pemerintah bertanggungjawab memastikan fungsi baitulmal benar-benar berperanan untuk membela nasib anak luar nikah dengan memenuhi segala keperluan mereka dalam keadaan ibu atau waris ibu tidak berkemampuan. Rasulullah SAW sendiri mengingatkan setiap pemimpin adalah pemegang amanah lebih-lebih lagi terhadap anak luar nikah yang tidak mempunyai bapa untuk menyara nafkahnya. Namun begitu, baitulmal di negara kita gagal memenuhi keperluan ibu dan anak luar nikah dengan baik disebabkan kareh *birokrasi* dalam pentadbiran apatah lagi tiada suatu peruntukan khas diwujudkan untuk menjaga kebajikan ibu dan anak luar nikah tersebut.

### 3.3.2 Pendidikan

Sudah menjadi lumrah anak luar nikah sama seperti kanak-kanak yang lain, dilahirkan oleh ibunya dalam keadaan suci bersih dan tidak mengetahui apa-apa. Oleh itu, menjadi

---

<sup>63</sup>Al-Bukhari, Al-Imam Abi Abdullah Muhammad bin Ismail, *Sahih Bukhari*, 656.

<sup>64</sup>Faisal bin Abdul Gha'rizal Mubarak, *Tadriz Riyadh al-Solehin*, Bab Haq al-Zauj 'Ala al-Mar'ah, Cet. 1. (Riyad : Dar al-'Asimah, 1433H/2002M), 207.



kewajiban ibu memberikan pendidikan sejak dari peringkat kanak-kanak lebih-lebih lagi tentang agamanya kerana aqidah mereka adalah bergantung kepada agama ibu bapanya. Ini disebabkan Islam sangat menitikberatkan ketauhidan kepada Allah SWT kepada anak-anak tersebut sejak kecil.<sup>65</sup> Hadis Rasulullah SAW yang bermaksud ;

“Tiap-tiap kanak-kanak itu dilahirkan dalam keadaan suci, maka ibu bapanyalah yang menjadikan ia Yahudi atau Nasrani atau Majusi”<sup>66</sup>

Pendidikan kepada anak-anak dikenali sebagai *ta'dib* yang menjurus kepada pengasuhan fizikal, mental dan rohani. Rasulullah SAW menggunakan perkataan *ta'dib* merujuk kepada pendidikan yang diterima daripada Allah SWT.<sup>67</sup> *Ta'dib* bermaksud menyeru manusia melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran.<sup>68</sup> Demi kelangsungan pendidikan anak luar nikah mengikut acuan Islam, Yusuf al-Qaradhawi mengingatkan agar setiap pemerintah wajib memastikan Islam sebagai agama anak luar nikah jika ibunya seorang muslimah. Kewajiban tersebut dinyatakan dalam fatwanya iaitu ;

“Adalah suatu yang ditetapkan oleh Syarak bahawa seseorang anak apabila kedua ibu bapanya menganut agama yang berbeza, maka dia akan mengikut agama ibu bapanya yang terbaik. Ini bagi mereka yang ayahnya diketahui. Maka apatah lagi dengan yang tidak diketahui ayahnya? Dia adalah seorang muslim tanpa ragu-ragu lagi”<sup>69</sup>

---

<sup>65</sup>Al-Syaffii, Ismail bin ‘Umar Ibnu Kathir al-Quraisyi al-Dimasyqi, *Jami’ al-Masanid Wa al-Sunan*, Juz. 31, (Beirut : Dar al-Fikr, 1410H/1994M), 228.

<sup>66</sup>Al-Bukhari, *Sahih Bukhari*, Kitab Al-Janaaiz, Bab Li Dinillah, Hadis, No. 4775, 1214.

<sup>67</sup> Zakaria Stapa et.al., “Pendidikan Menurut Al-Quran Dan Sunnah Serta Peranannya Dalam Memperkasakan Tamadun Ummah”(2012), <http://www.ukm.my/jhadhari/makalah/khas2012/JD005862%207-22.pdf>. (Capaian pada 18 Mac, 2015).

<sup>68</sup>Al-Imam Al-‘Allamah Ibn Manzur, *Lisanul ‘Arab*, Juz. 8, (Kaherah : Dar al-Hadis, 1423H/2003M), 100.

<sup>69</sup>Yusuf al-Qaradhawi, *Fatwa Masa Kini*, 510.

Al-Quran sentiasa menyeru umat Islam mencari ilmu dan mengkaji segala penciptaan Allah SWT di atas muka bumi ini agar dapat membentuk tamadun Islam yang sentiasa berkembang dan bersifat unggul.<sup>70</sup> Perkataan *iqra'* (bacalah) yang disebutkan oleh malaikat Jibrail AS berulang-ulang kali kepada Rasulullah SAW menegaskan kewajiban umat manusia agar menuntut ilmu bertujuan untuk memenuhi perintah Allah SWT selain terhindar daripada kejahilan.<sup>71</sup> Perkara ini dibuktikan di dalam wahyu yang pertama diturunkan kepada Rasulullah SAW menerusi firman Allah SWT yang bermaksud :

“Bacalah (Wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu Yang menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah dengan nama Tuhanmu Yang Maha Pemurah, yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya”<sup>72</sup>

Bagi anak luar nikah, ibu atau waris ibu berkewajiban memberi pendidikan kepada anak tersebut dalam keadaan bapa biologi tidak boleh dipertanggungjawabkan kerana tiada hubungan *nasab* antara kedua-duanya. Ibu atau warisnya perlu serius dan sanggup berkorban demi memastikan masa hadapan anak tersebut terjamin. Kecemerlangan dan kejayaan yang diperoleh melalui pendidikan yang sempurna mampu menjadikan anak tersebut sebagai insan yang berguna kepada keluarga, masyarakat dan negara.<sup>73</sup> Pendidikan yang sempurna hendaklah berteraskan *ta'dib* bukan kecemerlangan dalam pelajaran di sekolah semata-mata. Justeru, anak tersebut membesar dengan pembentukan

---

<sup>70</sup>Mohd Anuar Mamat dan Muhamad Lukman Ibrahim, “Tujuan Pendidikan Menurut Al-Quran dan As-Sunnah : Analisis Terhadap Pendidikan Berbahasa Arab”, *Jurnal Darul Quran JAKIM*, Bil. 16 (2012) : 107.

<sup>71</sup>Al-Qurtubi, Abi Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansori, *al-Jami' Li Ahkam al-Quran*, Jil. 10, (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1413H/1993M), 80.

<sup>72</sup>Al-Quran : *al-'Alaq*, 96 : 1-5

<sup>73</sup>Rosnaini et. al. “Pendidikan Anak-anak Berdasarkan Surah Luqman”, *Penilaian Psikososial Kanak-kanak : Isu-isu Kebajikan dan Perkembangan*, pynt. Azlin Hilma Hillaluddin dan Zarina Mat Saad, Cet. 2, (Sintok : UUM Press, 2012), 236.

akhlak yang mulia dan mempunyai daya tahan dari segi fizikal dan mental hasil daripada didikan yang berteraskan akidah Islam.<sup>74</sup> Hadis Rasulullah SAW yang bermaksud :

“Tiada suatu pemberian yang diberikan seorang ayah kepada anaknya lebih utama daripada mengajarnya dengan adab yang mulia (akhlak)”<sup>75</sup>

Berbekalkan pendidikan agama dan pembentukan *sahsiah* yang baik, seseorang anak luar nikah tidak mudah terpengaruh dengan budaya liar dan songsang yang boleh mempengaruhi kehidupan mereka pada masa hadapan.<sup>76</sup>Oleh itu, bimbingan dan didikan berasaskan agama mampu menjadikan mereka sebagai anak yang *soleh* dan Allah SWT pasti menurunkan rahmat dan kesejahteraan kepada ibunya berkat doa dan amal *soleh* anak tersebut.<sup>77</sup> Suruhan Allah SWT berasaskan doa Nabi Zakaria AS iaitu ;

“Ketika itu Nabi Zakaria berdoa kepada tuhaninya, katanya : Wahai tuhanku! kurniakan kepadaku dari sisi Mu zuriat keturunan yang baik ; sesungguhnya engkau sentiasa mendengar (menerima) doa permohonan”<sup>78</sup>

Dapat difahami bahawa Islam sangat menitikberatkan pendidikan dan ilmu pengetahuan yang berteraskan agama dan ini menjadi keutamaan ke atas seseorang ibu terhadap anak luar nikah. Seseorang ibu yang melahirkan anak luar nikah yang bertaubat atas kesilapan lalu mampu membentuk anak tersebut menjadi insan yang beriman dan beramal *soleh*.

---

<sup>74</sup>Abdullah Nasih ‘Ulwan, *Tarbiyah al-Awlad Fi al-Islam*, Jil. 2, (Kaherah : Dar al-Salam, 1428H/2007M), 587.

<sup>75</sup>Al-Naisaburi, al-Imam al-Hafiz Abi Abdullah Muhammad bin Abdullah al-Hakim, *al-Mustadrak ‘Ala al-Sohihaini*, Juz. 4, Cet. 1, Kitab al-Adab, No. Hadis : 7679, (Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, (1411H/1990M), 292.

<sup>76</sup>Ahmad Iman Arief dan Supiyaton Mokti, *Adab-Adab Keislaman*, Cet.1, (Kuala Lumpur : Sabunai Media Sdn. Bhd., 2006), 34.

<sup>77</sup>Mahmud Saedon Awang Othman, “Hak Kanak-Kanak Menurut Pandangan Islam“, *Undang-undang Keluarga dan Pentadbiran Harta Wakaf*, Ahmad Ibrahim et. al. Al-Ahkam, Jil. 6, Cet. 1, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 108 – 109.

<sup>78</sup>Al-Quran : *Ali ‘Imran*, 3 : 38.

Hasilnya, anak tersebut dapat membahagiakan kehidupan ibunya meskipun kelahirannya disebabkan oleh kesalahan ibu sendiri. Namun begitu, sesetengah ibu menghadapi masalah dalam memberikan pendidikan yang sempurna kepada anak tersebut disebabkan masih tiada kesedaran atas kesilapan lalu, tiada sokongan moral daripada warisnya dan melepaskan tanggungjawab tersebut dengan menyerahkannya kepada keluarga angkat.

### 3.3.3 Penjagaan (*Hadanah*)

Islam meletakkan kewajiban ibu atau waris ibu melakukan kebajikan terhadap anak luar nikah sejak kecil lagi dengan menyediakan tempat tinggal yang selamat, melindungi mereka daripada perkara yang memudaratkan dan memberi penjagaan yang sempurna. *Hadanah* merangkumi tanggungjawab mendidik, memimpin, mengawasi dan mengatur segala hal ehwal anak tersebut sehingga umur tertentu.<sup>79</sup> Para *fuqaha* di kalangan empat mazhab yang muktabar dalam mazhab Hanafi, Maliki, Syafii dan Hanbali telah bersepakat bahawa golongan wanita khususnya ibu dan nenek di sebelah ibu merupakan orang yang paling berhak terhadap *hadanah* berbanding golongan lelaki iaitu bapa sekiranya berlaku tuntutan *hadanah* sama ada masih bersuami isteri, bercerai ataupun berpisah akibat kematian suami.<sup>80</sup>

Pandangan *fuqaha* memperkukuhkan lagi kedudukan ibu atau waris ibu terhadap *hadanah* anak luar nikah di mana *nasab* keturunan mereka hanyalah di sebelah ibu bukan kepada bapa biologi. Rasulullah SAW sendiri mengiktiraf peranan wanita lebih utama berbanding lelaki dalam menjaga, mengasuh dan mendidik anak termasuk anak

---

<sup>79</sup>Al-Syarbini, Shamsu al-Din Muhammad bin al-Khatib, *Mughni al-Muhtaj*, Juz. 3, 592.

<sup>80</sup>Wahbah Al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*, Juz. 6, 720.

luar nikah semenjak kecil. Ini disebabkan wanita mempunyai sifat lemah lembut, penyayang, mempunyai masa yang terluang, lebih memahami perasaan dan kehendak, mampu mendidik dengan akhlak yang mulia dan bersabar dalam mengatasi sebarang masalah.<sup>81</sup> Terdapat kisah yang diriwayatkan daripada Amru bin Syu'aib bahawa seorang wanita telah mengadu kepada Rasulullah SAW yang bermaksud :

“Wahai Rasulullah, anak ini dulu pernah menjadikan perutku sebagai wadahnya, tetekku sebagai sumber minumannya dan kamarku sebagai rumahnya. Kini ayahnya telah menceraikanku dan ingin merampasnya dariku. Rasulullah SAW bersabda kepada wanita ini : “Kamu lebih berhak terhadapnya selama kamu belum menikah lagi”<sup>82</sup>

Islam adalah agama yang sesuai untuk fitrah manusia kerana pengajarannya sangat menitikberatkan kebajikan dalam kehidupan sesama insan. Kepentingan melakukan kebajikan dan mengambil berat antara satu sama lain merupakan tanggungjawab sosial yang sangat digalakkan dalam Islam. Oleh itu, seseorang yang menerima anak luar nikah sebagai anak angkat tidak terlepas daripada tanggungjawab menjaga kebajikan mereka sama seperti anak kandung mereka sendiri. Firman Allah SWT yang bermaksud ;

“Dan sesiapa yang menjaga kehidupan seseorang manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga kehidupan manusia semuanya”<sup>83</sup>

Setiap keluarga angkat yang memelihara anak luar nikah tidak boleh sama sekali mengabaikan kebajikan yang menjadi hak mereka sebaliknya wajib melaksanakannya

---

<sup>81</sup>Normi Abdul Malek, “Hadanah”, *Siri Perkembangan Undang-Undang di Malaysia : Undang-undang Keluarga Islam*, pynt. Najibah Mohd Zin et. al., Cet. 1, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 180.

<sup>82</sup>Jam'u Jawami' al-Ahadis Wa al-Asanid, *Sunan Abi Daud*, Juz. 1, Kitab al-Talaq, No. Hadis : 2279, (Kaherah : Jam'iyyah al-Maknaz al-Islami, 1421H/2000M), 388.

<sup>83</sup>Al-Quran : *al-Maidah*, 5 : 32

sama seperti tanggungjawab ibu atau warisnya. Rasulullah SAW tidak mengiktiraf mereka sebagai orang Islam yang sempurna iman jika tidak melakukan kebajikan kepada anak luar nikah bahkan tidak akan mendapat keredaan Allah SWT di akhirat nanti. Keredaan Allah SWT adalah perkara pokok yang menentukan sama ada seseorang muslim itu mendapat balasan syurga ataupun neraka bergantung kepada amalan yang dilakukan semasa di dunia. Hadis Rasulullah SAW yang bermaksud ;

“Sesiapa yang tidak mengambil berat di atas urusan orang muslimin maka bukanlah dia dari kalangan mereka. Dan sesiapa yang pada pagi hari mengutamakan perkara selain daripada agama Allah maka bukanlah dia daripada golongan orang yang diredai Allah”<sup>84</sup>

Seseorang anak luar nikah yang melakukan amal kebajikan tetap diiktiraf dan dinilai di sisi Islam sebagai suatu amalan yang baik. Sekiranya mereka melakukan amal kebajikan sama ada untuk diri sendiri ataupun untuk kepentingan masyarakat, maka ia dikira sebagai amal *soleh* dan mendapat pahala. Setiap amal kebajikan yang mereka lakukan memberi petanda bahawa mereka tergolong di kalangan orang yang berjaya di dunia dan di akhirat.<sup>85</sup> Firman Allah SWT yang bermaksud ;

“Kerjakanlah amal-amal kebajikan agar kamu berjaya (di dunia dan di akhirat)”<sup>86</sup>

Dapat difahami bahawa Islam sangat menggalakkan amalan kebajikan dilakukan untuk kepentingan manusia lebih-lebih lagi terhadap anak luar nikah. Seseorang ibu, waris ibu atau keluarga angkat yang menjaga anak luar nikah wajib memenuhi segala keperluan

---

<sup>84</sup>Al-Naisaburi, *al-Mustadrak 'Ala al-Sohihaini*, Kitab al-Ruqaqu, No. Hadis : 7902, 356.

<sup>85</sup>*Garis Panduan Anak Tak Sah Taraf : Penamaan, Pergaulan dan Hak-haknya*, 9.

<sup>86</sup>Al-Quran : *al-Hajj*, 22 : 77.

dan tiada perbezaan darjat atau diskriminasi meskipun status mereka sebagai anak luar nikah kerana ukuran kemuliaan seseorang manusia di sisi Allah SWT ialah nilai ketaqwaannya. Namun begitu, pengabaian hak-hak anak luar nikah masih berlaku pada sesetengah penjaga tanpa sebarang usaha untuk mencari jalan penyelesaiannya.

### 3.3.4 Institusi Kebajikan

Dalam Islam, terdapat dua (2) institusi kebajikan yang berkait rapat dengan anak luar nikah iaitu zakat dan baitulmal. Bagi zakat, pelaksanaannya memberi kesan positif bukan sahaja kepada individu bahkan kepada seluruh lapisan masyarakat berasaskan konsep berkat harta yang dimiliki. Golongan kaya harus menyedari bahawa harta dalam milikan mereka sebenarnya terdapat hak golongan fakir miskin yang wajib diberikan kepada mereka.<sup>87</sup> Di negara kita, kakitangan awam dan swasta yang beragama Islam dianjurkan memotong gaji bulanan mereka untuk pembayaran zakat dan cukai pendapatan.<sup>88</sup> Jika ibu atau waris ibu kepada anak luar nikah hidup miskin, zakat dapat mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan sama ada diberikan wang saraan bulanan ataupun bantuan modal untuk membangunkan perniagaan yang diceburi.

Bagi baitulmal, penubuhannya berkonsepkan harta amanah dalam pengurusan kewangan Islam yang mana setiap wang yang diterima oleh baitulmal dimiliki bersama oleh umat Islam. Pemerintah hanya bertindak sebagai pemegang amanah yang bertanggungjawab membelanjakannya untuk kepentingan umat Islam tetapi tidak boleh digunakan untuk

---

<sup>87</sup> “Peranan Zakat Dalam Pembangunan Ekonomi”, [http://www.izakat.com/index.php?option=com\\_content&view=article&id=105%3Aperanan-zakat-dalam-pembangunan-ekonomi&catid=31%3Atazkirah&Itemid=52&lang=bm](http://www.izakat.com/index.php?option=com_content&view=article&id=105%3Aperanan-zakat-dalam-pembangunan-ekonomi&catid=31%3Atazkirah&Itemid=52&lang=bm). (Capaian 26 Disember, 2015).

<sup>88</sup>Saodah Abd Rahman, “Perkemas Fungsi Baitulmal”, *Utusan Malaysia*, 19 Mac, 2010.

kepentingan peribadi kecuali bayaran berkaitan elaun perjawatan yang ditentukan.<sup>89</sup> Oleh itu, peranan baitulmal dapat membantu mengurangkan kadar kemiskinan tegar di kalangan umat Islam terutamanya ibu dan waris ibu anak luar nikah. Perlu disedari bahawa gejala sosial yang semakin berleluasa telah meningkatkan kegiatan pelacuran di kalangan remaja wanita Islam, remaja hamil luar nikah, pembuangan, penderaan dan pembunuhan anak luar nikah disebabkan oleh faktor kemiskinan dalam keluarga mereka.

Selain itu, terdapat satu lagi institusi kebajikan yang berhubung kait dengan remaja hamil luar nikah dan anak luar nikah iaitu rumah-rumah perlindungan yang diasaskan oleh kerajaan, swasta dan NGO. Di negara kita terdapat tiga belas (13) buah RKK termasuk Rumah Kanak-kanak Mini (RKM) di bawah JKM yang mampu menampung seramai 1,500 orang kanak-kanak yang menjadi mangsa pengabaian, penganiayaan, penderaan, anak-anak yatim, anak-anak luar nikah dan kanak-kanak daripada keluarga miskin. Di samping itu, JKM juga memperkenalkan pendekatan “Penjagaan Berasaskan Keluarga” yang mana ia merupakan proses untuk menggantikan penempatan di institusi kebajikan secara berterusan dengan menempatkan anak-anak tersebut dalam jagaan ibu atau bapa atau penjaga gantian. Sehingga Ogos, 2015, JKM telah berjaya menempatkan seramai 26 orang kanak-kanak dalam jagaan ibu atau bapa atau keluarga pelihara. Program tersebut memerlukan penglibatan semua agensi kerajaan, syarikat korporat dan NGO untuk menangani isu-isu berkaitan kanak-kanak.<sup>90</sup>

---

<sup>89</sup>Abdullah Alwi Hj Hassan, “Konsep dan Peranan Baitulmal Di Zaman Kegemilangan Islam,” *Ke Arah Pembangunan Baitulmal Kebangsaan*, pynt. Nik Mustapha Nik Hassan, Cet. 1, (Kuala Lumpur : IKIM, 2003), 3.

<sup>90</sup>Dato Seri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, “Teks Ucapan Perasmian Rumah Kanak-Kanak Mini Ulu Tiram, Johor”, (2 Oktober 2015), [http://www.kpwkm.gov.my/speech?p\\_p\\_id=XY\\_CMS\\_MULTI\\_WAR\\_xycmsportlet\\_INSTANCE\\_I2dd&p\\_p\\_lifecycle=2&p\\_p\\_state=exclusive&p\\_p\\_mode=view&p\\_p\\_cacheability=cacheLevelPage&\\_XY\\_CM](http://www.kpwkm.gov.my/speech?p_p_id=XY_CMS_MULTI_WAR_xycmsportlet_INSTANCE_I2dd&p_p_lifecycle=2&p_p_state=exclusive&p_p_mode=view&p_p_cacheability=cacheLevelPage&_XY_CM)



Selain itu, terdapat NGO yang menguruskan rumah perlindungan tersebut bagi memenuhi saranan kerajaan. Contohnya, RPNH di Alor Setar, Kedah ditubuhkan bertujuan untuk memberi perlindungan kepada remaja hamil luar nikah. Di RPNH, penghuninya diberi kaunseling oleh guru-guru agama Islam, kelas Fardhu Ain, bacaan Al-Quran, solat fardhu berjamaah dan sebagainya.<sup>91</sup> Begitu juga, Pertubuhan Baitul Aini yang diiktiraf oleh JKM dan Majlis Agama Islam Perak (MAIP) dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) turut menempatkan anak-anak yatim dan anak-anak luar nikah di Perak dan Selangor dengan disediakan kelas pengajian Tahfiz Al-Quran, Tajwid, Fardhu Ain dan Bahasa Arab kepada mereka.<sup>92</sup>

Penubuhan institusi-institusi kebajikan tersebut dalam negara kita telah memenuhi kehendak Islam. Menurut Al-Mawardi, pada hakikatnya, tugas pemerintah ialah menyuruh setiap rakyat melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran.<sup>93</sup> Setiap pemerintah hendaklah memastikan rakyatnya tidak melanggar larangan Allah SWT seperti murtad, membunuh, berzina, minum arak, mencuri atau merompak dan sebagainya. Begitu juga hak sesama manusia, setiap pemerintah hendaklah melindungi hak setiap manusia agar tidak dicabuli dan dianiayai sebaliknya hendaklah memastikan rakyat bawahannya hidup dengan aman damai terutamanya golongan kanak-kanak termasuklah anak luar nikah yang perlu diberi pengawasan yang baik dan sempurna.<sup>94</sup>

---

S\_eName=Teks+Ucapan+YBM+-  
++Perasmian+RKK+Mini+Johor+docx.pdf&\_XY\_CMS\_MULTI\_WAR\_xymulti\_cms\_detail.jsp.  
(Capaian pada 28 Disember, 2015).

<sup>91</sup>Nashikin Hanafi, temu bual oleh penyelidik, 14 Januari, 2015.

<sup>92</sup><http://www.baitulaini.org/pengenalan.html>. (Capaian pada 28 Disember, 2015).

<sup>93</sup>Al-Mawardi, Abi al-Hasan 'Ali bin Muhammad bin Habib al-Basri al-Baghdadi, *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, (Beirut : Dar al-Fikr, t.th), 87.

<sup>94</sup>Ahmad Ibrahim Abu Sin, *Pengurusan Dalam Islam*, Cet. 1, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 254.

Penubuhan institusi-institusi kebajikan tersebut oleh pemerintah hari ini adalah berdasarkan *ijtihad* para ulama melalui doktrin *Siasah Syariah*.<sup>95</sup> *Siasah Syariah* digunakan dalam sistem pentadbiran di mana para penggubal dan pelaksana dasar boleh memutuskan sesuatu perkara yang tidak dinyatakan dalam nas dalam Al-Quran dan As-Sunnah. Doktrin ini memberi “kelonggaran” kepada para pengurus dan pentadbir untuk membuat sesuatu perancangan atau keputusan tertentu yang sesuai dengan skop tugas seharian mereka asalkan tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip syariah.<sup>96</sup>

Selain itu, kaedah-kaedah ilmu *fiqh* turut digunakan dan dapat memberi ruang yang luas kepada *fuyaha* untuk menghuraikan segala permasalahan ummah menurut syariat Islam. Ini menunjukkan *fuyaha* mampu menyelesaikan permasalahan ummah menggunakan kaedah-kaedah *fiqh* tersebut sekaligus membuktikan ilmu *fiqh* sebagai satu cabang Islam bersifat *universal* yang sesuai untuk semua masa dan tempat.<sup>97</sup> Salah satu kaedah *fiqh* yang terkenal dan boleh diaplikasikan dalam kebajikan dan pengurusan anak luar nikah ialah “*Tidak mudarat dan tidak memudaratkan*”<sup>98</sup>. Kaedah tersebut bermaksud bahawa hukum Syarak tidak mengizinkan seseorang melakukan mudarat ke atas seseorang yang lain.<sup>99</sup> Kaedah tersebut selari dengan *Maqasid Syariah* yang bertujuan untuk memelihara agama, nyawa, keturunan, akal dan harta manusia. Sesuatu tindakan dan penguatkuasaan

---

<sup>95</sup>Siasah Syariah ialah sesuatu tindakan yang diambil oleh pemerintah untuk memenuhi tujuan-tujuan hukum Syarak yang pada pandangannya boleh melaksanakan sesuatu berpandukan nas-nas hukum bagi menjaga kepentingan umum dalam keadaan yang mudarat. Lihat Muhammad Rawwas al-Qal’aji, *al-Mausu’ah al-Fiqhiah al-Muyassarah*, Jil. 2, Cet. 1, (Beirut : Dar al-Nafais, 1421H/2000M), 1118.

<sup>96</sup>Wan Liz Ozman Wan Omar, *Pengurusan Islam Abad Ke-21*, Terbitan Pertama, (Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors, 1996), 79.

<sup>97</sup>Ibid, 82.

<sup>98</sup>Al-Qadhi Dr Saamir Maazin al-Qubbaj, *Majallah al-Ahkam al-’Adliyyah*, Cet. 1, (Jordan : Dar al-Fathi al-Dirasat Wa al-Nashr, (1428H/2008M), 96. ‘Ali Ahmad al-Dadwi, *al-Qawaid al-Fiqhiah*, Cet. 5, (Damsyik : Dar al-Qalam, 1420H/2000M), 278.

<sup>99</sup>Ahmad Muhammad al-Zarqa’, *Syarah al-Qawaid al-Fiqhiah*, Cet. 6, (Damsyik : Dar al-Qalam, 1422H/2001M), 165.

hukum untuk memelihara mana-mana prinsip di atas adalah baik (*maslahah*) manakala tindakan yang memberi kesan negatif pula adalah dilarang (*mafsadah*).<sup>100</sup>

Dapat difahami bahawa institusi kebajikan sangat berperanan untuk menjaga kebajikan dan pengurusan anak luar nikah dan hukum Syarak telah meletakkan garis panduan tentang keperluan menjaga kebajikan mereka. Namun begitu, peranan institusi zakat dan baitulmal sering menjadi isu di kalangan masyarakat apabila didedahkan oleh media *massa* kerana gagal menyelesaikan permasalahan golongan miskin termasuklah anak luar nikah yang diabaikan saraan nafkah oleh keluarganya. Begitu juga, jumlah rumah-rumah perlindungan yang diwujudkan adalah terhad sedangkan bilangan remaja hamil luar nikah semakin bertambah. Oleh itu, pihak pentadbir dan kakitangan di institusi zakat dan baitulmal hendaklah memastikan pegawai dan kakitangannya “turun padang” untuk menjejaki asnaf tertentu untuk dibantu. Kerajaan juga perlu menambah bilangan rumah-rumah perlindungan remaja hamil luar nikah dan anak luar nikah di seluruh negeri tanpa perlu meletakkan tanggungjawab tersebut kepada NGO semata-mata.

### **3.3.5 Perkhidmatan penjagaan**

Dalam Islam, penjagaan anak luar nikah merupakan tanggungjawab ibu atau waris ibu. Jika mereka tidak berupaya menjaganya, kewajiban tersebut kembali kepada pemerintah melalui perkhidmatan penjagaan yang diwujudkan oleh agensi-agensi kerajaan, swasta atau NGO. Penubuhan rumah-rumah perlindungan oleh ketiga-tiga pihak di atas yang menawarkan perkhidmatan penjagaan kepada remaja hamil luar nikah dan anak luar

---

<sup>100</sup>Muhammad Said Ramadhan al-Buthi, *Dhawabid al-Maslahah Fi al-Syariah al-Islamiyyah*, Cet. 1, (Damsyik : Dar al-Fikr, (1426H/2005M), 37.

nikah berlandaskan prinsip *Maqasid Syariah* dan menepati kehendak *Siasah Syariah*. *Maqasid Syariah* mempunyai kepentingan dan berfaedah dalam membuka ruang *ijtihad* dan membentuk kaedah-kaedah hukum Syarak agar wujud kefahaman bahawa hukum Syarak adalah sempurna.<sup>101</sup>

Para ulamak membahagikan *Maqasid Syariah* kepada tiga jenis iaitu *al-dharuriyyat*, *al-haajiyat* dan *al-tahsiniyyat*.<sup>102</sup> Dalam konteks remaja hamil luar nikah dan anak luar nikah, *al-dharuriyyat*<sup>103</sup> dipecahkan kepada lima bahagian iaitu;

- a) Memelihara agama (*hifzu al-deen*)
- b) Memelihara nyawa (*hifzu al-nafs*)
- c) Memelihara keturunan (*hifzu al-nasal*)
- d) Memelihara akal (*hifzu al-'aql*)
- e) Memelihara harta (*hifzu al-mal*)

#### **3.3.5.1 Memelihara agama (*hifzu al-deen*)**

Seseorang remaja muslimah yang melahirkan anak luar nikah hendaklah memastikan aqidah anak tersebut kekal dalam Islam meskipun kelahiran anak tersebut bertentangan dengan ajaran Islam. Seseorang anak luar nikah hendaklah dipelihara agamanya agar tidak diselewengkan oleh pihak-pihak yang berkepentingan kerana hanya Islam sahaja agama yang diiktiraf oleh Allah SWT. Firman Allah SWT yang bermaksud ;

“Sesungguhnya agama di sisi Allah hanyalah Islam”<sup>104</sup>

---

<sup>101</sup>Ahsan Lihasanitih, *al-Fiqh al-Maqasid 'Inda al-Imam al-Syatibi*, Cet. 1, (Kaherah : Dar al-Salam, 1429H/2008M), 27.

<sup>102</sup>Ahsan Lihasanitih, *al-Fiqh al-Maqasid 'Inda al-Imam al-Syatibi*, 19.

<sup>103</sup>Wan Mohd Nasir Wan Abd Wahab al-Madani Al-Azhari, *Pengenalan Asas kepada Maqasid Syariah : Objektif Hukum-hakam Islam*, Cet. 1, (Shah Alam : PSN Publications, 2012), 30.

Oleh itu, penubuhan *baby hatch* oleh Yayasan OrphaneCare telah memenuhi kehendak *Maqasid Syariah* iaitu menyediakan tempat perlindungan kepada anak luar nikah dan menyelamatkan status agama anak tersebut yang rata-rata ibunya di kalangan orang Melayu beragama Islam. Usaha mewujudkan *baby hatch* merupakan *masalah* kepada setiap remaja hamil luar nikah untuk memastikan anak tersebut terpelihara akidahnya selain mengelakkan *mafsadah* jika anak tersebut diambil oleh keluarga angkat yang tidak diketahui latar belakang agamanya.<sup>105</sup>

### 3.3.5.2 Memelihara nyawa (*hifzu al-nafs*)

Setiap anak luar nikah hendaklah dipelihara nyawanya daripada dibuang atau dibunuh sama ada oleh ibunya ataupun orang lain kerana mereka mempunyai hak untuk hidup. Allah SWT melarang setiap manusia agar tidak membunuh anak-anak mereka termasuk anak luar nikah jika takut kepapaan atau tiada sumber rezeki, sebaliknya Allah SWT menjamin sumber rezeki bagi setiap anak yang dilahirkan di atas muka bumi. Firman Allah SWT yang bermaksud ;

“Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kepapaan, kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu. Sesungguhnya perbuatan membunuh mereka adalah satu kesalahan yang besar”<sup>106</sup>

Oleh itu, penubuhan RPNH telah memenuhi kehendak *Maqasid Syariah* iaitu untuk memastikan setiap remaja hamil luar nikah menyelamatkan nyawa anak tersebut

---

<sup>104</sup>Al-Quran : *Ali 'Imran*, 3 :19

<sup>105</sup>Mohd Mahyeddin Mohd Salleh dan Nisar Mohamad Ahmad, “Pengurusan dan Pelindungan Anak Tak Sah Taraf Melalui ‘Baby Hatch’ : Satu Penilaian Daripada Perspektif Maqasid Syariah dan Undang-Undang Malaysia”, 10.

<sup>106</sup>Al-Quran : *al-Isra'*, 17 : 31.

daripada dibuang atau dibunuh. RPNH juga menyediakan kelas bimbingan agama, kaunseling dan pengajian Al-Quran sebagai pengisian ilmu agar mereka insaf dan kembali beramal dengan suruhan agama. Penubuhan RPNH juga merupakan *masalah* kepada setiap remaja hamil luar nikah untuk mengelakkan *mafsadah* ke atas anak luar nikah yang pastinya dibuang atau dibunuh jika tiada program keagamaan yang boleh memberi kesedaran kepada mereka.<sup>107</sup>

### 3.3.5.3 Memelihara keturunan (*hifzu al-nasal*)

Kelahiran anak luar nikah adalah terhasil daripada perzinaan antara ibu dan bapa biologi. Islam mengharamkan perzinaan kerana ia boleh memutuskan hubungan *mahram* antara dirinya dengan bapa biologi selain boleh merosakkan salasilah keturunan manusia. Hubungan *mahram* hanya terbina melalui ikatan perkahwinan yang halal dan sah di sisi Islam. Pengharaman zina telah ditegaskan dalam Al-Quran yang bermaksud ;

“Dan janganlah kamu menghampiri zina. Sesungguhnya ia satu perbuatan yang keji dan ia seburuk-buruk jalan”<sup>108</sup>

Oleh itu, Islam membenarkan poligami sebagai jalan untuk memelihara keturunan dengan menutup perzinaan melalui kaedah *usul fiqh* iaitu *saddu al-zarai'*.<sup>109</sup> Walau bagaimanapun, Islam melarang pengabaian perkahwinan, pencegahan kehamilan tanpa sebab syarie dan pengguguran anak dalam kandungan untuk mengelakkan pertambahan

---

<sup>107</sup>Nashikin Hanafi, temu bual oleh penyelidik, 14 Januari, 2015.

<sup>108</sup>Al-Quran, *al-Isra'*, 17 : 32.

<sup>109</sup>Sadd al-Zara'i bermaksud menghalang sebarang wasilah atau punca yang membawa kepada perbuatan yang haram. Lihat Syeikh Muhammad al-Tahir bin 'Asyur, *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*, Cet. 2, (Urdun : Dar al-Nafais, 1421H/2001M), 147.

keturunan.<sup>110</sup> Penubuhan *baby hatch* juga bertepatan dengan *Maqasid Syariah* iaitu membenarkan pasangan yang tiada anak boleh mengambilnya sebagai anak angkat.<sup>111</sup>

#### 3.3.5.4 Memelihara akal (*hifzu al-'aql*)

Anak-anak luar nikah yang ditempatkan di RKK dapat dikawal diri mereka daripada terjebak dengan gejala sosial yang boleh merosakkan akal seperti pil khayal, menghidu gam, air ketum, syabu, dadah, arak dan sebagainya. Segala perbuatan tersebut yang boleh memabukkan atau mengkhayalkan fikiran diharamkan oleh Islam kerana ia memudaratkan akal manusia seperti arak. Hadis Rasulullah SAW yang bermaksud ;

“Daripada Saidina Umar RA bahawa Nabi SAW bersabda : Setiap benda yang memabukkan ialah arak. Setiap benda yang memabukkan adalah haram. Sesiapa yang meminum arak di dunia lalu mati dalam keadaan menagihnya tanpa bertaubat nescaya dia tidak akan meminumnya lagi di akhirat”<sup>112</sup>

Oleh itu, peranan JKM mewujudkan RKK sebagai tempat perlindungan bagi kanak-kanak bermasalah termasuk anak luar nikah adalah bersesuaian dengan kehendak *Maqasid Syariah* iaitu memelihara akal. Penempatan di RKK mendatangkan *maslahah* di mana mereka sentiasa dididik dan dibimbing dengan ilmu-ilmu bersifat *duniawi* dan *ukhrawi* serta mencegah *mafsadah* yang wujud di luar persekitaran hidup mereka.

---

<sup>110</sup>Ahmad al-Raisuni, *Nazariyyah al-Maqasid 'Inda al-Imam al-Syatibi*, (Kaherah : Dar al-'Alamiyyah Li al-Kitab al-Islami, 1401H/1981M), 94.

<sup>111</sup>Mohd Mahyeddin Mohd Salleh dan Nisar Mohamad Ahmad, “Pengurusan dan Perlindungan Anak Tak Sahtaraf Melalui ‘Baby Hatch’ : Satu Penilaian Daripada Perspektif Maqasid Syariah dan Undang-Undang Malaysia”, 11-12.

<sup>112</sup>Al-Suyuthi, Imam Jalaluddin Abdul Rahman bin Abi Bakr, *Qut al-Mughtazi 'Ala Jami' al-Tirmizi*, Juz. 2, Cet. 1, Kitab Al-Asyribah, Bab Ma Ja'a Fi Syaribi al-Khamr, Hadis No. 1871, (Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1434H/2013M), 433.

Dengan itu, kanak-kanak tersebut termasuk anak luar nikah dapat merasakan kehidupan mereka lebih selamat dan terjamin jika tinggal di RKK berbanding tinggal di rumah ahli keluarga tanpa pengawasan dan bimbingan yang sempurna.<sup>113</sup>

### **3.3.5.5 Memelihara harta (*hifzu al-mal*)**

Anak-anak luar nikah yang mendiami di RKK dapat menghindarkan mereka terlibat dengan jenayah mencuri atau merompak. Ini disebabkan mereka diberi pendidikan agama dengan berakhlak mulia dan sentiasa diawasi dengan pemantauan yang ketat oleh kakitangan RKK. Sejak kebelakangan ini, media *massa* banyak melaporkan penglibatan kanak-kanak belasan tahun dengan aktiviti mencuri di pasaraya, merompak bank dan menyamun di rumah orang, pejabat-pejabat kerajaan dan swasta. Larangan mencuri atau merompak terkandung dalam firman Allah SWT yang bermaksud ;

“Dan pencuri lelaki dan pencuri perempuan maka hendaklah kamu potong tangan mereka berdua sebagai balasan dengan sebab apa yang mereka telah kerjakan dan sebagai suatu hukuman daripada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana”<sup>114</sup>

Menurut Ketua Polis Pulau Pinang, Dato Abdul Rahim Hanafi, sebanyak 61,139 kes jenayah dicatatkan dengan 17,123 tangkapan dibuat di seluruh Pulau Pinang sepanjang lima (5) tahun sejak 2008 hingga September, 2012. Daripada jumlah tersebut, seramai 2753 orang remaja yang berusia di bawah lapan belas (18) tahun. Sepanjang tempoh

---

<sup>113</sup>Salma Ishak et. al., “Jagaan Di Institusi : Apa Pengalaman Dan Pandangan Kanak-Kanak”, 28.

<sup>114</sup>Al-Quran, *al-Maidah*, 5 : 38.



yang sama, 55,358 kes penyalahgunaan dadah dicatatkan melibatkan 71,567 tangkapan di mana 2333 daripadanya adalah remaja di bawah usia lapan belas (18) tahun.<sup>115</sup>

Selain itu, anak-anak luar nikah yang kematian ibunya dan mewarisi harta ibunya, maka harta mereka hendaklah diurus dengan sempurna oleh penjaganya jika mereka belum mencapai usia *baligh*. Penjaga sama ada waris terdekat ataupun keluarga angkat tidak boleh mengambil, mengguna atau menukar ganti harta tersebut yang lebih baik dengan harta penjaga yang tidak bernilai demi untuk mengaut keuntungan peribadi. Islam meletakkan tugas pemegang amanah menguruskan harta merupakan tanggungjawab yang sangat berat. Seseorang pemegang amanah harta anak yatim termasuk anak luar nikah bukan sekadar perlu menjaga dengan baik atau menggunakannya mengikut kadar yang diperlukan, malah hendaklah berusaha untuk mengembangkannya agar tidak susut. Perkara ini dipandang serius demi menjaga kebajikan anak yatim khususnya anak luar nikah yang hilang tempat bergantung kecuali harta yang diwarisi daripada ibunya sahaja sebagai bekalan untuk memulakan hidup baharu<sup>116</sup>. Firman Allah SWT yang bermaksud;

“Dan berikanlah kepada anak-anak yatim (yang telah baligh) itu harta mereka dan janganlah kamu tukargantikan yang baik dengan yang buruk ; dan janganlah kamu makan harta mereka (dengan menghimpunkannya) dengan harta kamu ; kerana sesungguhnya (yang demikian itu) adalah dosa yang besar”<sup>117</sup>

Oleh itu, pengurusan harta anak luar nikah yang menjadi anak yatim adalah *masalah* yang mesti dilaksanakan oleh penjaganya. Sebaliknya, kegagalan penjaga menguruskan

---

<sup>115</sup>Azeli Ali, “2753 Orang Remaja Terlibat Jenayah”, *Utusan Malaysia*, 20 Oktober, 2015.

<sup>116</sup>“Pilih Pemegang Amanah Jujur Pastikan Pusaka Tak Diseleweng”, *Berita Harian*, 21 Jun, 2011.

<sup>117</sup>Al-Quran : *al-Nisa*, 4 : 3.

harta mereka mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Islam boleh mengundang mereka kepada *mafsadah* yang boleh merugikan dan merosakkan harta mereka akibat tindakan melampaui batas penjaga menguruskan harta mereka dengan cara yang *batil*.

### **3.4 Kedudukan Sabitan *Nasab* Anak Luar Nikah Kepada Bapa Biologi Mengikut Undang-Undang Keluarga Islam**

Dalam enakmen undang-undang keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia, terdapat peruntukan tentang pensabitan *nasab* yang terbahagi kepada tiga (3) bahagian iaitu ;

- a) Pensabitan *nasab* sebagai anak
- b) Pensabitan *nasab* ibu atau bapa
- c) Pensabitan *nasab* saudara

#### **3.4.1 Pensabitan *Nasab* Sebagai Anak**

Seseorang anak boleh disabitkan *nasab* kepada bapa sekiranya anak tersebut lahir selepas enam (6) bulan *qamariah* perkahwinannya dengan seorang wanita atau dalam masa empat (4) tahun *qamariah* selepas perceraian selagi wanita tersebut tidak berkahwin lain. Dalam masa yang sama, seseorang bapa boleh menafikan *nasab* anak tersebut secara *li'an* di Mahkamah dengan kaedah sumpah mengikut *prosedur* yang ditetapkan.<sup>118</sup> Begitu juga, seseorang anak tidak boleh *dinasabkan* kepada bapa jika anak tersebut lahir selepas empat (4) tahun *qamariah* dan jika ibu bapanya bercerai hidup atau

---

<sup>118</sup>Seksyen 110, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 111, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 ; Seksyen 111, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 111, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 111, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Kedah) 2008.

bapanya meninggal dunia. Jika berlaku demikian, anak tersebut dikira sebagai anak luar nikah kepada bapanya.

Sekiranya bapanya telah bercerai dengan ibunya dan bapanya masih hidup, pengakuan bapanya bahawa anak tersebut adalah anaknya boleh diterima. Jika bapa meninggal dunia, pengakuan oleh waris-waris bapanya bahawa anak tersebut adalah anak kepada simati tersebut boleh diterima.<sup>119</sup> Selain itu, seseorang anak tidak boleh *dinasabkan* kepada bapa jika anak tersebut lahir kurang daripada enam (6) bulan *qamariah* atau selepas empat (4) tahun *qamariah* walaupun terdapat pengakuan dari ibunya yang telah tamat tempoh *iddahnya* sama ada beriddah kematian atau perceraian dan ibunya pula tidak berkahwin lain. Sebaliknya, jika anak tersebut lahir antara tempoh enam (6) bulan *qamariah* hingga empat (4) tahun *qamariah* dan diakui oleh ibunya sendiri, maka anak tersebut boleh *dinasabkan* kepada bapanya dan dikira sebagai anak yang sah.<sup>120</sup>

Terdapat peruntukan yang membenarkan *nasab* seseorang anak yang lahir antara tempoh enam (6) bulan *qamariah* hingga empat (4) tahun *qamariah* boleh *dinasabkan* kepada lelaki yang melakukan persetubuhan *syubhah* dengan ibunya. Persetubuhan *syubhah* merupakan *Shibhu al-firash* yang diiktiraf oleh hukum Syarak dalam pensabitan *nasab*

---

<sup>119</sup>Seksyen 111, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 112, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 ; Seksyen 112, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 112, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 112, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Kedah) 2008.

<sup>120</sup>Seksyen 112, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 113, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 ; Seksyen 113, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 113, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 113, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Kedah) 2008.

anak.<sup>121</sup> Selain itu, terdapat lapan (8) syarat yang membenarkan pengakuan seseorang bapa terhadap seseorang kanak-kanak sebagai anaknya yang sah jika ;

- a) Hanya seorang lelaki sahaja yang dikaitkan bapa kepada anak tersebut.
- b) Perbezaan umur antara bapa dan anak tersebut adalah munasabah.
- c) Anak tersebut sudah *baligh* dan boleh memutuskan tentang kedudukan dirinya
- d) Ibu dan bapanya berkahwin secara sah dan telah bersetubuh
- e) Bapa mengakui anak tersebut sahtaraf dan dari benihnya yang halal
- f) Bapa berkelayakan mengikat kontrak
- g) Pengakuan bapa adalah untuk mengiktiraf kesahtarafan anak tersebut
- h) Pengakuan bapa mengiktiraf anak tersebut sebagai anak kandungnya.<sup>122</sup>

Sekiranya pengakuan bapa tersebut memenuhi lapan (8) syarat di atas tetapi jika terdapat keterangan lain yang boleh menafikan pengakuan tersebut dan membuktikan tidak wujud sebarang pertalian antara bapa dan ibunya, maka pengakuan tersebut dengan sendirinya tertolak.<sup>123</sup>

---

<sup>121</sup> Seksyen 113, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 114, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 ; Seksyen 114, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 114, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 114, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Kedah) 2008.

<sup>122</sup> Seksyen 114, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 115, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 ; Seksyen 115, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 115, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 115, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Kedah) 2008.

<sup>123</sup> Seksyen 115, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 116, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 ; Seksyen 116, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 116, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 116, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Kedah) 2008.

### 3.4.2 Pensabitan *Nasab* Sebagai Ibu Atau Bapa

Jika lelaki yang dikaitkan sebagai bapa mengaku bahawa seseorang itu adalah anaknya, maka pengakuannya boleh diterima walaupun tanpa pengakuan daripada wanita tersebut. Sebaliknya, jika wanita yang dikaitkan sebagai isteri kepada lelaki tersebut sama ada masih dalam perkahwinan ataupun dalam tempoh *iddah* perceraian mengaku bahawa seseorang itu adalah anaknya, maka pengakuannya tidak boleh diterima kecuali diakui bersama oleh suaminya. Sekiranya suami kepada wanita tersebut telah meninggal dunia dan berada dalam tempoh *iddah*, maka keterangan tersebut boleh diterima jika dibuktikan dengan keterangan lain seperti laporan perubatan.<sup>124</sup> Jika seseorang anak mengaku seorang lelaki sebagai bapanya, maka pengakuannya diterima jika pengakuan tersebut diakui sah oleh lelaki tersebut ketika masih hidup berdasarkan perbezaan umur yang munasabah antara keduanya dan hubungan kekeluargaan yang telah terjalin erat. Apabila lelaki tersebut telah meninggal dunia, maka pengakuan anak tersebut hanya boleh diterima jika telah diakui sah oleh lelaki tersebut semasa hayatnya.<sup>125</sup>

### 3.4.3 Pensabitan *Nasab* Sebagai Saudara

Terdapat satu (1) peruntukan sahaja yang mengiktiraf seseorang itu sebagai saudara kandung jika terdapat pengakuan oleh seseorang yang disabitkan *nasab* persaudaraan. Jika pengakuan itu dibuktikan keterangan lain, maka pengakuan tersebut boleh

---

<sup>124</sup>Seksyen 116, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 117, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 ; Seksyen 117, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 117, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 117, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Kedah) 2008.

<sup>125</sup>Seksyen 117, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 118, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 ; Seksyen 118, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 118, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 118, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Kedah) 2008.

diterima.<sup>126</sup> Dapat difahami bahawa terdapat peruntukan tertentu dalam menentukan *nasab* seseorang anak luar nikah kepada seorang lelaki yang boleh dikaitkan sebagai bapanya mengikut undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Namun begitu, terdapat perbezaan peruntukan dalam undang-undang keluarga Islam antara negeri-negeri dalam mensabitkan bapa biologi sebagai bapa kandung kepada anak luar nikah. Begitu juga dalam undang-undang kesalahan jenayah Syariah tidak menetapkan kewajiban untuk mensabitkan bapa biologi sebagai bapa kandung kepada anak luar nikah dan dikenakan hukuman ke atasnya. Justeru, hukuman bagi kesalahan itu terkena kepada wanita sahaja kerana *qarinah* lebih mudah diperoleh daripada wanita kecuali jika terdapat keterangan berlakunya persetubuhan haram, maka pasangan lelaki boleh dihukum.<sup>127</sup>

### 3.5 Isu-isu Anak Luar Nikah Menurut Undang-Undang

Antara isu-isu anak luar nikah menurut undang-undang adalah seperti berikut ;

- a) Nafkah
- b) Pendidikan
- c) Penjagaan (*Hadanah*)
- d) Institusi kebajikan
- e) Perkhidmatan penjagaan

---

<sup>126</sup>Seksyen 118, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 119, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 ; Seksyen 119, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 119, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 119, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Kedah) 2008.

<sup>127</sup>Hasnizam Hashim, "Beban Pembuktian Dalam Kes Wanita Hamil Luar Nikah : Satu Huraian Dari Sudut Undang-Undang Keterangan Islam dan Seksyen 50 Enakmen Jenayah (Syariah) Perak, 1992" dlm. *Jurnal Hukum*, 35: 2, (2012) : 205.

### 3.5.1 Nafkah

Menurut undang-undang, terdapat peruntukan khusus tentang kewajiban menyara nafkah anak luar nikah yang melibatkan tiga (3) pihak iaitu :

- a) Ibu
- b) Waris ibu
- c) Pemerintah (Baitulmal)

#### 3.5.1.1 Ibu

Terdapat peruntukan undang-undang keluarga Islam seluruh negeri di Malaysia tentang kewajiban ibu menyara nafkah anak luar nikah<sup>128</sup> sama ada masih kecil, mengalami hilang upaya dari segi mental, fizikal ataupun jika anak perempuan, sehingga berkahwin. Antara contoh peruntukan undang-undang tersebut seperti di Wilayah Persekutuan<sup>129</sup>, Selangor<sup>130</sup>, Negeri Sembilan<sup>131</sup> Perlis<sup>132</sup> dan Kedah<sup>133</sup> iaitu ;

“Jika seseorang perempuan cuai atau enggan menanggung nafkah seseorang anaknya yang tak sahtaraf yang tidak berupaya menanggung nafkah dirinya, melainkan seorang anak yang dilahirkan akibat rogol, Mahkamah boleh, apabila hal itu dibuktikan dengan sewajarnya, memerintahkan perempuan itu memberi apa-apa elaun bulanan yang difikirkan muah oleh Mahkamah”

Walau bagaimanapun, jika anak luar nikah mampu berdikari dan melepaskan kewajiban tersebut daripada tanggungan ibu, maka ibu terlepas daripada melaksanakan kewajiban

---

<sup>128</sup>Nora Abdul Hak, “Hak Kanak-kanak dari Aspek Hadanah dan Nafkah di bawah Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia”, 4.

<sup>129</sup>Seksyen 80, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984.

<sup>130</sup>Seksyen 81, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003.

<sup>131</sup>Seksyen 81, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.

<sup>132</sup>Seksyen 81, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006.

<sup>133</sup>Seksyen 81, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah), 2008.

tersebut. Jika anak tersebut berusia lapan belas (18) tahun atau meningkat dewasa dan berupaya membiayai keperluan diri sendiri, maka kewajiban ibu memberi nafkah akan tamat pada tempoh tersebut.<sup>134</sup> Namun begitu, peruntukan di atas tidak mengikat seseorang ibu menyara nafkah jika anak dilahirkan akibat rogol. Ini menunjukkan terdapat kelemahan kepada peruntukan di atas seolah-olah ada perbezaan antara anak luar nikah yang lahir akibat persetubuhan luar nikah dengan lahir akibat rogol. Dalam hal ini, siapakah yang sepatutnya memberi nafkah kepada mereka? Menurut Nora Abdul Hak, hukum Syarak mewajibkan ahli waris memberi nafkah kepada anak tersebut jika ibu mereka berhalangan atau tidak layak memberi nafkah.<sup>135</sup>

Selain itu, terdapat suatu akta yang menyentuh isu kanak-kanak iaitu Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang mengandungi peruntukan tentang pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kepada semua kanak-kanak termasuk anak luar nikah tanpa mengira bangsa dan agama.<sup>136</sup> Dalam Akta 611 tersebut mengandungi peruntukan nafkah anak<sup>137</sup> yang terpakai kepada semua kanak-kanak Islam dan bukan Islam yang memperuntukkan kewajiban seseorang bapa termasuklah bapa biologi menyara nafkah anak luar nikah. Namun begitu, kanak-kanak Islam termasuk anak luar nikah terikat dengan enakmen

---

<sup>134</sup>Seksyen 79, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 80, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 ; Seksyen 80, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 80, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 80, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008.

<sup>135</sup>Nora Abdul Hak, "Jaminan Nafkah Kanak-kanak", *Siri Perkembangan Undang-undang di Malaysia : Undang-undang Keluarga Islam*, pynt. Najibah Mohd Zin et. al., Jil. 14, Cet. 1, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 276.

<sup>136</sup>Mumtaz Hassan, "Pelindungan Menurut Perspektif Akta Kanak-kanak 2001 : Jenayah Oleh Kanak-Kanak", *Pemikir*, Bil. 45, (Julai – September, 2006) : 71.

<sup>137</sup>Seksyen 108 (1), Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang memperuntukkan "Jika sesuatu perintah dibuat dengan meletakkan seseorang kanak-kanak di suatu tempat perlindungan, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak boleh memerintahkan ibu atau bapa atau penjaga atau orang lain yang mempunyai jagaan kanak-kanak itu supaya membuat apa-apa sumbangan bulanan mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Mahkamah, setelah mengambilkira kemampuan ibu atau bapa atau penjaga atau orang lain itu"



undang-undang keluarga Islam di negeri-negeri yang mempunyai peruntukan khusus berkaitan nafkah dan *hadanah* anak yang boleh dituntut di Mahkamah Syariah<sup>138</sup> tetapi enakmen tersebut hanya mewajibkan ibu sahaja menyara nafkah anak luar nikah dan tiada peruntukan yang mewajibkan lelaki yang menjadi penyebab kelahiran anak luar nikah kerana tiada pertalian *nasab* antara kedua-duanya walau pun pada segi lahirnya, anak tersebut adalah anaknya.<sup>139</sup> Ini menunjukkan Akta 611 mempunyai kelebihan berbanding enakmen undang-undang keluarga Islam dalam menguatkuasakan nafkah anak luar nikah kepada bapa biologi.

Dalam kes *Mohd Hanif Farikullah lwn Bushra Chaudri*<sup>140</sup>, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menolak rayuan perayu dan memutuskan responden berhak menuntut nafkah anak luar nikah di Mahkamah Sivil di bawah Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Nafkah) 1950 (Akta 263) meskipun kedua-duanya telah memeluk Islam. Keputusan Mahkamah Majistret Kuala Lumpur membuat potongan gaji perayu sebagai bayaran nafkah anak luar nikah adalah betul dan menepati kehendak undang-undang. Mahkamah Syariah Kuala Lumpur tidak mempunyai bidang kuasa untuk memutuskan nafkah anak luar nikah ke atas bapa biologi kerana Seksyen 80, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303) hanya menyebut kewajipan ibu menyara nafkah anak luar nikah sahaja. Oleh itu, responden bertindak betul dengan mengemukakan tuntutan nafkah anak luar nikah berdasarkan Akta 263. Lagipun, Perkara 121 (1A)

---

<sup>138</sup>Noor Aziah Mohd Awal, "Menjaga Hak Kanak-Kanak : Apakah Implikasi CRC kepada Malaysia", <http://www.utusan.com.my/rencana/agama/menjaga-hak-kanak-kanak-1.61165>. (Capaian pada 9 November, 2015).

<sup>139</sup>Nora Abdul Hak, "Jaminan Nafkah Kanak-kanak", 273.

<sup>140</sup>[2001] 5 MLJ 535-536.

Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf bidang kuasa umum Mahkamah Sivil yang boleh membicarakan kes-kes yang sama ada oleh orang Islam ataupun bukan Islam.

Kebanyakan kes yang dirujuk ke Mahkamah Syariah di Malaysia hanyalah berkaitan dengan tuntutan selepas cerai seperti nafkah *iddah*, nafkah anak, tunggakan nafkah isteri/anak, *mutaah*, *hadanah* dan harta sepencarian melibatkan pasangan yang berkahwin secara sah sahaja. Bagi kes-kes yang berkaitan anak luar nikah terlalu sedikit yang diputuskan oleh mahkamah kecuali permohonan pengesahan status anak luar nikah untuk mendapatkan kebenaran pernikahan menggunakan wali hakim. Kebiasaannya, permohonan tersebut diluluskan oleh mahkamah setelah mendapati beberapa faktor telah dibuktikan antaranya pasangan ibu bapanya mengaku telah berzina sebelum nikah, kedua-dua pasangan tidak mempunyai dokumen pernikahan yang sah dan pernikahan tidak didaftarkan di Jabatan Agama Islam.<sup>141</sup>

Dalam kes *Siti Nur Azira Hj Abdul Ghani*<sup>142</sup>, bapa pemohon, HAG telah bersekedudukan dengan ibunya, NBTI tanpa dokumen perkahwinan yang sah. Tujuan permohonan tersebut adalah untuk menentukan status kesahtarafan anak dan kebenaran wali hakim sebagai wali nikah. Pada 13 Ogos 2012, mahkamah telah memutuskan bahawa pemohon, SNA yang lahir pada 09 September 1987 adalah anak luar nikah dan wali nikah pemohon berpindah kepada wali hakim.

---

<sup>141</sup>Che Maryam Ahmad, "Penentuan *Nasab* dan Amalannya di Mahkamah Syariah di Malaysia", *Syariah dan Undang-Undang : Suatu Perbandingan*, pynt. Zaini Nasohah et. al., Terbitan Pertama, (Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2004), 268.

<sup>142</sup>Mahkamah Tinggi Syariah Alor Setar, Kes Mal No : 02200-006-0181-2012.

Dalam kes *Ibrahim Mat Isa*<sup>143</sup>, pemohon telah berkahwin dengan SBK pada 10 Ogos 1989. Pada 29 Disember 1989, isteri pemohon telah melahirkan anak yang diberi nama FBI. Pemohon mengakui anaknya telah dilahirkan kurang daripada enam (6) bulan dua (2) *lahzah* selepas perkahwinannya. Permohonan tersebut bertujuan untuk menentukan status kesaharapan anak tersebut. Pada 03 Jun 2014, mahkamah telah memutuskan bahawa FBI adalah anak luar nikah kepada IBMI dan SBK.

Selain itu, JPN menolak nama anak di“bin”kan atas nama bapa ketika hendak membuat kad pengenalan dan memerlukan permohonan pengesahan status anak luar nikah di Mahkamah Syariah. Dalam kes *Jamuri Ishak dan Azira Aziz*<sup>144</sup>, kedua-dua pemohon telah berkahwin pada 22 Februari 1998. Pada 21 Jun 1998, pemohon kedua telah melahirkan anak dan diberi nama MIABJ. Tujuan permohonan dibuat adalah disebabkan JPN Kedah meragui status kelahiran anak tersebut apabila pemohon hendak membuat kad pengenalan anak tersebut. Pada 4 Februari 2013, mahkamah telah memutuskan MIABJ adalah anak luar nikah kepada pemohon.

Terdapat juga kes berkaitan kesaharapan anak yang lahir setelah berlakunya perceraian antara suami isteri tetapi tiada penafian (*li'an*) dilakukan oleh suami sebelum kelahiran anaknya. Dalam kes *Fatimah Abdullah dan Zainal Abidin Mat Zin lwn Mat Zin Kassim*<sup>145</sup>, plaintif membuat permohonan untuk mensabitkan bahawa ZABMZ adalah anak kepada defendan. Plaintif telah berkahwin dengan defendan pada 1 November

---

<sup>143</sup>Mahkamah Tinggi Syariah Alor Setar, Kes Mal No : 02100-006-0187-2014.

<sup>144</sup>Mahkamah Tinggi Syariah Alor Setar, Kes Mal No : 02100-006-0028-2013.

<sup>145</sup>Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu, Kes Mal No : 41- 012-1-99.

1976 dan bercerai pada 12 Disember 1976. ZABMZ telah dilahirkan pada 26 November 1977 iaitu 350 hari, kira-kira 11 bulan selepas perceraian tersebut. Pada 26 Ogos 1999, mahkamah memutuskan bahawa ZABMZ adalah anak yang sah kepada defendan. Mahkamah mendapati defendan tidak membuat penafian (*li'an*) di mana-mana Mahkamah Syariah bahawa ZABMZ bukanlah anaknya. Berdasarkan kepada pandangan *fuqaha*, sekiranya seseorang suami mentalaqkan isterinya dan isterinya tidak berkahwin lain, kemudian isteri tersebut melahirkan anak kurang daripada empat (4) tahun dari tarikh talaq itu, maka anak tersebut adalah dikaitkan kepada suami tersebut.

Namun begitu, terdapat satu kes tuntutan nafkah anak luar nikah oleh bekas isteri terhadap bekas suaminya selepas perceraian. Dalam kes *Roslan Abdul Ghani lwn Zulkifli Mohd Nasir*<sup>146</sup>, plaintif adalah isteri kedua yang telah berkahwin dengan defendan pada 11 September 1982 dan tidak dikurniakan anak kecuali mempunyai seorang anak luar nikah. Pada 23 Disember 1986, mahkamah menolak tuntutan tersebut kerana mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa untuk memutuskan nafkah anak luar nikah seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 142 (1), Enakmen Pentadbiran hukum Syarak, Selangor 1952 (Pindaan 1974). Jika plaintif berhasrat menuntut hak anak tersebut, plaintif boleh menuntutnya di Mahkamah Majistret.

### **3.5.1.2 Waris ibu**

Waris ibu merupakan pihak kedua yang bertanggungjawab menyara nafkah anak luar nikah jika ibu tidak berkemampuan. Kewajipan tersebut berdasarkan peruntukan yang terkandung dalam enakmen undang-undang keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia

---

<sup>146</sup>[1989] Jil. 6, Bhg. 1, JH 338 – 343.

dan Seksyen 108 (1), Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang telah dibincangkan di atas. Jika ibu dan waris ibu tidak menjaga anak luar nikah tetapi diserahkan kepada keluarga angkat menjadi sebahagian daripada anggota keluarganya, maka keluarga angkat wajib menyara nafkah anak tersebut selagi dalam tempoh usia kanak-kanak. Mahkamah juga boleh membuat sebarang perintah yang munasabah bagi memastikan kebajikan anak tersebut.<sup>147</sup> Walau bagaimanapun, kewajipan tersebut akan tamat apabila anak tersebut diambil semula oleh ibu atau waris ibunya untuk dipelihara.<sup>148</sup> Selain itu, keluarga angkat boleh menuntut wang saraan nafkah anak luar nikah kepada ibu atau waris ibu jika keluarga angkat hanya sanggup memelihara anak tersebut sahaja.<sup>149</sup>

Dalam Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) mengandungi peruntukan denda kepada penjaga kanak-kanak termasuklah anak luar nikah sama ada ibu, waris ibu ataupun keluarga angkat yang gagal atau sengaja mengabaikan perintah mahkamah membayar nafkah anak tersebut. Sekiranya penjaga anak tersebut masih engkar terhadap perintah

---

<sup>147</sup>Seksyen 78 (1), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 79 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 ; Seksyen 79 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 79 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan seksyen 79 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 yang memperuntukkan “Jika seseorang lelaki telah menerima seseorang kanak-kanak yang bukan anaknya sebagai seorang ahli keluarganya, maka adalah menjadi kewajibannya menanggung nafkah kanak-kanak itu semasa dia masih seorang kanak-kanak, setakat mana bapa dan ibu kanak-kanak tidak berbuat demikian, dan mahkamah boleh membuat apa-apa perintah yang perlu bagi memastikan kebajikan kanak-kanak itu”.

<sup>148</sup>Seksyen 78 (2), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 79 (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Seksyen 79 (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 79 (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 79 (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 yang memperuntukkan “Kewajipan tersebut yang ditanggung oleh subseksyen (1) hendaklah terhenti jika kanak-kanak itu diambil oleh bapa atau ibunya”.

<sup>149</sup>Seksyen 78 (3), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 79 (3), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003; Seksyen 79 (3), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 79 (3), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 79 (3), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 yang memperuntukkan “Apa-apa wang yang dibelanjakan oleh seseorang lelaki pada menanggung nafkah seseorang kanak-kanak sebagaimana dikehendaki oleh subseksyen (1) boleh dituntut daripada bapa atau ibu kanak-kanak itu”.

mahkamah, maka hukuman penjara boleh dikenakan tidak melebihi tempoh sebulan berdasarkan jumlah perintah nafkah.<sup>150</sup>

Dapat difahami bahawa enakmen undang-undang keluarga Islam di negeri-negeri hanya mengandungi peruntukan tentang tanggungjawab ibu, waris ibu atau penjaga anak luar nikah menyara nafkah sahaja dan tiada peruntukan tentang penguatkuasaan perintah. Bagi Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) pula bukan sekadar mempunyai peruntukan tentang saraan nafkah anak luar nikah, tetapi mengandungi peruntukan tentang hukuman jika mengingkari perintah mahkamah. Ini menunjukkan Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) mempunyai kelebihan pada aspek penguatkuasaan nafkah anak luar nikah berbanding enakmen undang-undang keluarga Islam.

### **3.5.1.3 Pemerintah (Baitulmal)**

Pemerintah merupakan pihak ketiga yang bertanggungjawab menyara nafkah anak luar nikah jika ibu dan waris ibu tidak berkemampuan. Tanggungjawab tersebut dapat dilihat melalui penubuhan baitulmal yang bertujuan untuk membantu mereka yang rata-ratanya terdiri di kalangan orang miskin dan tidak mempunyai sumber kewangan. Perlembagaan Persekutuan sendiri telah membenarkan penubuhan baitulmal<sup>151</sup> di Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri di Malaysia berdasarkan Jadual Kesembilan, Senarai Kedua (Senarai

---

<sup>150</sup>Seksyen 108 (5), Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) memperuntukkan “Jika mana-mana orang dengan sengaja abai mematuhi suatu perintah sumbangan, seseorang Majistret boleh, bagi tiap-tiap pelanggaran perintah itu –

a) Dengan waran, mengarahkan supaya amaun yang kena dibayar itu dilevi mengikut cara yang diperuntukan oleh undang-undang bagi melewi denda yang dikenakan oleh Majistret ; atau b) Menghukum orang itu dengan hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi satu bulan bagi setiap bulan sumbangan yang masih belum dibayar”.

<sup>151</sup>Perkara 12 (2), Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan “...tetapi adalah sah bagi Persekutuan atau sesebuah negeri menubuhkan atau menyenggarakan atau membantu dalam menubuhkan atau menyenggarakan institusi-institusi Islam....”

Negeri).<sup>152</sup> Di Malaysia, baitulmal terletak di bawah pengawasan MAIN. Baitulmal adalah perbendaharaan negara di mana setiap harta yang disimpan di baitulmal merupakan khazanah negara yang hendaklah dibelanjakan untuk kebajikan rakyat dan pembangunan negara.<sup>153</sup> Sumber pendapatan baitulmal pula adalah terhad hanya bergantung kepada kutipan zakat, fitrah, wakaf, hibah, nazar, kifarah dan khairat sahaja. Walau bagaimanapun, pada aspek pelaksanaan, peruntukan tersebut telah menyebabkan wujud halangan-halangan yang menghadkan fungsi dan kuasa baitulmal berbanding dengan konsep asal penubuhan baitulmal dalam sistem pemerintahan Islam.<sup>154</sup>

Berdasarkan fakta-fakta di atas, baitulmal menghadapi halangan-halangan tertentu yang menunjukkan wujud beberapa kelemahan-kelemahan yang perlu diberikan perhatian oleh pemerintah antaranya pada aspek fungsi, bidang kuasa dan sumber kewangan. Pada aspek fungsi dan bidang kuasa, baitulmal tidak diletakkan di bawah portfolio pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sebaliknya hanya diletakkan di bawah MAIN sahaja. Sekiranya baitulmal diletakkan di bawah portfolio pentadbiran kerajaan, maka baitulmal sebagai institusi kebajikan orang Islam dapat berfungsi dengan baik dan lebih dihormati kerana diketuai oleh seorang Menteri atau Exco. Di MAIN, baitulmal hanya ditadbir oleh Setiausaha yang mempunyai jumlah kakitangan yang kecil. Bilangan kakitangan yang kecil tidak mampu merancang dan melaksanakan

---

<sup>152</sup> Fasal 1, Senarai Kedua (Senarai Negeri), Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan "...termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan ..... khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri : adat Melayu ; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya"

<sup>153</sup> Abdul Monir Yaacob, "Ke Arah Penubuhan Baitulmal Kebangsaan di Malaysia : Isu-isu Berkaitan Perundangan", *Ke Arah Pembangunan Baitulmal Kebangsaan*, pynt. Nik Mustapha Nik Hassan, Cet. 1, (Kuala Lumpur : IKIM, 2003), 117.

<sup>154</sup> Ibid, 122.

program-program dengan berkesan terutamanya untuk kebajikan remaja hamil luar nikah dan anak luar nikah sendiri.

Selain itu, baitulmal tidak terikat untuk membayar nafkah kepada anak luar nikah kerana tiada peruntukan di bawah bantuan khas anak luar nikah dalam bajet tahunan MAIN. Begitu juga, baitulmal tidak boleh membayar nafkah kepada anak luar nikah meskipun melalui perintah mahkamah disebabkan baitulmal tidak mempunyai bidang kuasa yang jelas. Setakat ini Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia tidak mempunyai bidang kuasa untuk mengarahkan baitulmal menyara nafkah anak tersebut sebagaimana tindakan Khalifah Umar al-Khattab menggunakan baitulmal sebagai sumber bantuan kepada golongan miskin pada zaman pemerintahannya. Bagi tujuan tersebut, Mahkamah Syariah hendaklah diberi kuasa memerintahkan baitulmal menyara nafkah anak termasuklah anak luar nikah dan anak akibat rogol jika mahkamah mendapati ibu atau waris ibu tidak mampu menyara nafkah anak tersebut.<sup>155</sup>

Pada aspek sumber kewangan, pendapatan baitulmal adalah terhad kerana baitulmal tidak diberikan peruntukan tahunan oleh kerajaan sebaliknya bergantung kepada sumber-sumber pendapatan yang tidak tetap daripada kutipan zakat, *infaq*, perniagaan dan sebagainya. Oleh itu, jelaslah bahawa baitulmal menghadapi kekangan dana untuk menyalurkan bantuan kepada anak luar nikah disebabkan kuasa yang terhad dalam menjana sumber pendapatannya.

---

<sup>155</sup>Nora Abdul Hak, "Jaminan Nafkah Kanak-Kanak", 276.



### 3.5.2 Pendidikan

Seseorang anak luar nikah mempunyai hak yang sama seperti anak sah nikah untuk mendapat pendidikan dari mana-mana institusi yang berdaftar dengan kerajaan dan berhak mendapat bantuan kewangan dari mana-mana agensi yang diiktiraf oleh undang-undang<sup>156</sup> tanpa mengira kedudukan, bangsa dan agama kanak-kanak tersebut.<sup>157</sup> Perkara 28, Konvensyen Hak Kanak-Kanak (KHKK) turut menggalakkan negara kita sebagai salah sebuah negara yang menganggotai KHKK agar memberikan perhatian terhadap peluang yang sama rata kepada semua kanak-kanak tanpa ada sebarang diskriminasi kaum, agama, budaya, keturunan dan tempat lahir masing-masing untuk mendapat pendidikan yang sempurna dan percuma, bantuan kewangan, bimbingan pendidikan bersifat terbuka, mengurangkan kadar keciciran bersekolah, membasmi kadar buta huruf dan memudahkan akses kepada pengetahuan saintifik dan teknik serta kaedah pengajaran yang moden.<sup>158</sup>

Bagi memastikan semua kanak-kanak termasuk anak luar nikah tidak diabaikan hak mereka untuk mendapat pendidikan, kerajaan telah meminda Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dengan mewajibkan ibu, bapa atau penjaga menghantar anak mereka ke

---

<sup>156</sup>Perkara 12 (1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan “Tanpa menjejaskan keluasan Perkara 8, tidak boleh ada diskriminasi terhadap mana-mana warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan atau tempat lahir – (a) dalam pentadbiran mana-mana institusi pendidikan yang disenggarakan oleh suatu pihak berkuasa awam, dan, khususnya, kemasukan murid-murid atau pelajar-pelajar atau pembayaran fi ; atau (b) dalam memberikan bantuan kewangan daripada wang sesuatu pihak berkuasa awam bagi penyenggaraan atau pendidikan murid-murid atau pelajar-pelajar di mana-mana institusi pendidikan (sama ada disenggarakan oleh suatu pihak berkuasa awam atau tidak dan sama ada di dalam atau di luar Persekutuan”

<sup>157</sup>Noor Aziah Mohd Awal, “Ke Arah Memantapkan Hak Kanak-Kanak Di Malaysia”, Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Undang-Undang Kanak-kanak : Ke Arah Pemantapan Hak Kanak-Kanak Di Malaysia, (Hotel Primula, Terengganu, 13 Julai, 2008), 20.

<sup>158</sup>“Konvensyen-konvensyen dan Undang-undang yang Menjamin Hak Sama Rata Semua Kanak-kanak untuk Kualiti Pendidikan di Persekitaran yang Menyeluruh Edisi Malaysia”, <http://unesdoc.unesco.org/images/0015/001585/158536mly.pdf> (Capaian pada 24 Disember, 2015).

sekolah apabila genap umur enam (6) tahun pada hari pertama bulan Januari tahun berkenaan sehingga tamat tempoh sekolah rendah. Kegagalan atau keengganan ibu, bapa atau penjaga menghantar anak mereka termasuk anak luar nikah ke sekolah merupakan suatu kesalahan dan jika disabitkan oleh mahkamah, boleh didenda tidak melebihi RM5,000 (Ringgit Malaysia : Lima Ribu sahaja) atau dipenjarakan tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya sekali.<sup>159</sup> Penambahan Seksyen 29A (4), Akta Pendidikan (Pindaan) 2002 (Akta A1152) memberi kuasa kepada KPM membuat peraturan tersebut bertujuan untuk memastikan semua kanak-kanak termasuk anak luar nikah mendapat pendidikan wajib di sekolah rendah dalam tempoh enam (6) tahun dan bukanlah semata-mata menghukum ibu, bapa atau penjaga anak tersebut. Namun begitu, KPM menggunakan pendekatan memberi nasihat dan bimbingan kepada ibu, bapa atau penjaga mengenai kewajiban tersebut berbanding tindakan mahkamah kerana ia bukanlah suatu perkara yang mudah bahkan perlu melalui *prosedur* yang panjang.<sup>160</sup>

Dalam konteks anak luar nikah, mereka menghadapi masalah untuk didaftarkan masuk ke sekolah jika tidak mempunyai sijil kelahiran. Hal ini berpunca daripada keengganan ibu atau waris ibunya mendaftarkan kelahirannya di JPN dengan alasan tiada bapa, malu, takut dan bimbang rahsianya akan diketahui oleh pihak berkuasa yang boleh mendakwanya atas kesalahan jenayah syariah. Inilah stigma yang meruntun jiwa remaja yang mengandungkan anak luar nikah. Keengganan ibu atau waris ibu mendaftarkan nama anak tersebut menyebabkan anak tersebut tiada sijil kelahiran. Tanpa sijil

---

<sup>159</sup>Seksyen 29A (4), Akta Pendidikan (Pindaan) 2002 (Akta A1152).

<sup>160</sup> "Pendidikan wajib - Tiada ibu bapa diheret ke Mahkamah", [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=1007&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe\\_01.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=1007&pub=Utusan_Malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe_01.htm). (Capaian pada 24 Disember, 2015).

kelahiran, anak tersebut akan menghadapi kesukaran untuk bersekolah dan tidak layak untuk menikmati apa-apa peruntukan berkaitan pendidikan seperti pinjaman buku teks, biasiswa atau bantuan pendidikan daripada institusi zakat atau baitulmal, rawatan di klinik kesihatan atau hospital kerajaan dan sebagainya.<sup>161</sup>

Sekiranya nama anak luar nikah didaftarkan, JPN mengosongkan ruangan nama bapa dalam borang pendaftaran sijil kelahiran atau dicatat “maklumat tidak diperoleh”. Namun begitu, JPN telah melaksanakan arahan Majlis Fatwa Kebangsaan dengan meletakkan nama bapa biologi anak tersebut dengan *Asma Al-Husna* yang bermula dengan Abdul seperti Abdullah, Abdul Rahman dan sebagainya. Misalnya, seorang anak luar nikah dicadangkan nama Ali dan didaftarkan nama bapa biologinya dengan Abdullah, maka nama anak tersebut akan dicatat dengan nama “Ali Bin Abdullah”. Sekiranya nama sebenar bapa biologi tersebut ialah Abdullah, maka nama anak luar nikah tersebut akan didaftarkan dengan nama Abdul yang lain seperti Abdul Rahman iaitu “Ali Bin Abdul Rahman” dan di bawah sijil kelahiran anak tersebut dibuat catatan tambahan dengan “permohonan seksyen 13”. Ini bertujuan untuk mengelakkan kekeliruan kepada nama anak yang dilahirkan melalui pernikahan yang sah jika bapa anak tersebut kebetulan bernama Abdullah atau nama-nama lain yang bermula dengan Abdul dan tiada sebarang catatan tambahan di bawah sijil kelahiran tersebut.<sup>162</sup>

---

<sup>161</sup>Noor Aziah Mohd Awal, “Ke Arah Memantapkan Hak Kanak-Kanak di Malaysia”, 14.

<sup>162</sup>Mohd Riddual Ahmad, Penolong Pengarah, Bahagian Kelahiran dan Kematian, JPN Kedah, temu bual secara telefon dengan penyelidik, 23 Disember, 2015.

Dalam kes *A Child & Others lwn Jabatan Pendaftaran Negara & Others*<sup>163</sup> pemohon telah dilahirkan oleh NAW pada 17 April 2010 dalam usia lima (5) bulan dua puluh empat (24) hari (5 bulan 27 hari *qamariyyah*). MEMK dan NAW berkahwin pada 24 Oktober 2009. Nama A Child telah didaftarkan oleh JPN dua (2) tahun selepas kelahirannya dengan nama A Child Bin Abdullah bukan dengan bapanya, MEMK. JPN mendaftarkan nama A Child di bawah Seksyen 13, Akta Pendaftaran dan Kelahiran 1957 (Akta 299). Dalam sijil kelahirannya tercatat “permohonan seksyen 13”. MEMK dan NAW telah mengemukakan permohonan bertulis ke JPN untuk membetulkan nama A Child agar dibinkan kepada MEMK. JPN telah menolak permohonan pembetulan maklumat dalam sijil kelahiran A Child dengan alasan tempoh tarikh kelahiran dan tarikh perkahwinan tidak mencukupi bagi A Child *dinasabkan* kepada MEMK. Penolakan JPN tersebut adalah berdasarkan dua fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan bertarikh 26 - 29 Januari 1981 dan 10 Jun 2003.

Ketiga-tiga pemohon tidak berpuas hati dengan penolakan tersebut lalu memfailkan permohonan ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk membatalkan perkataan “permohonan seksyen 13” dalam sijil kelahiran dan menggantikan nama Abdullah dengan nama MEMK. Mahkamah Tinggi menolak permohonan tersebut dan ketiga-tiga pemohon merayu ke Mahkamah Rayuan Kuala Lumpur. Pada 25 Julai 2017, Mahkamah Rayuan telah menerima rayuan ketiga-tiga pemohon tersebut dan membenarkan nama A Child boleh dibinkan kepada MEMK.

---

<sup>163</sup>Mahkamah Rayuan Kuala Lumpur, Rayuan Sivil No. W-01(A)-365-09/2016.

Berdasarkan kes di atas, terdapat dua aliran pemikiran di kalangan masyarakat berkaitan isu *nasab* anak luar nikah orang Islam dalam negara kita. Bagi golongan agamawan seperti Mufti Selangor, Datuk Mohd Tamyas Abd Wahid dan bekas Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri Hassan Ahmad menyatakan keputusan Mahkamah Rayuan Kuala Lumpur membenarkan anak tidak sah taraf di“bin” atau di“bintikan” kepada bapa biologi adalah bercanggah dengan Majlis Fatwa Kebangsaan yang berpegang kepada dalil-dalil Al-Quran dan Hadis serta pandangan *fuqaha*. Isu tersebut sepatutnya dirujuk kepada Mahkamah Syariah kerana ia berkaitan dengan agama Islam. Mufti Kelantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad pula menegaskan bahawa setiap fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan adalah berpegang kepada Mazhab Syafii yang diamalkan dalam negara kita.<sup>164</sup>

Ketua Hakim Syarie Selangor, Datuk Dr Naim Mokhtar menyatakan bahawa keputusan Mahkamah Rayuan Kuala Lumpur membenarkan anak tidak sah taraf boleh di“bin” atau di“bintikan” kepada bapanya adalah bertentangan dengan Garis Panduan Penamaan dan Kedudukan Anak Tidak Saf Taraf Dari Segi Syarak yang diputuskan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) pada 25 Jun 1998. Pertikaian mengenai anak tidak sah taraf perlu dipandang serius kerana ia membabitkan isu besar seperti *nasab*, perwarisan harta pusaka, perwalian,

---

<sup>164</sup>Farah Marshita, Abdul Patah dan Ahmad Suhael Adnan, “Keputusan benarkan bin bapa anak luar nikah langgar syarak”, (28/07/2017), <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/07/306491/keputusan-benarkan-bin-bapa-anak-luar-nikah-langgar-syarak>, (Capaian pada 17 April, 2018).

aurat bahkan memelihara imej dan reputasi Islam secara menyeluruh bukan sekadar untuk menjaga maruah anak tersebut semata-mata.<sup>165</sup>

Bagi ahli perundangan, mereka menolak fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dalam menentukan nama bapa pada sijil kelahiran bagi anak luar nikah orang Islam sebaliknya mempertahankan kuasa perundangan yang tertakluk di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian, 1957 (Akta 299). Menurut Hakim Datuk Abdul Rahman Sebli, Ketua Pengarah JPN berbidang kuasa dalam menentukan ibu bapa kanak-kanak telah memenuhi keperluan berdasarkan Akta 299 sama ada anak luar nikah Islam ataupun bukan Islam. Lagi pun, fatwa bukan undang-undang, tidak mempunyai kuasa undang-undang dan tidak boleh dijadikan asas undang-undang bagi Ketua Pengarah JPN untuk memutuskan nama bapa anak luar nikah menurut Seksyen 13A (2), Akta 299. Fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri hanya melibatkan pentadbiran undang-undang Islam atau hukum Syarak dan tiada kena-mengena dengan tugas Ketua Pengarah JPN untuk mendaftarkan kelahiran dan kematian di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia,<sup>166</sup>

Menurut Datuk Seri Gopal Sri Ram, perkataan “fatwa” tidak dinyatakan dalam Akta 299. Beliau menasihati peguam dan hakim agar merujuk undang-undang yang relevan dalam menentukan tindakan yang perlu mereka lakukan sesuai di sisi undang-undang.

---

<sup>165</sup> Nor Afzan Mohamad Yusof dan Nor Hatina Shuib, “Imej, reputasi Islam lebih utama”, (14/08/2017), <https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2017/08/312270/imej-reputasi-islam-lebih-utama>. (Capaian pada 17 April, 2018)

<sup>166</sup> “JPN tidak terikat fatwa nama bapa anak tidak sah taraf”, (27/07/2017), <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/07/306289/jpn-tidak-terikat-fatwa-nama-bapa-anak-tidak-sah-taraf>. (Capaian pada 17 April 2018).

Hakim pula perlu sentiasa berpegang kepada prinsip asas undang-undang dalam membuat keputusan.<sup>167</sup> Peguam Siti Kasim mempertahankan hak anak luar nikah boleh di“bin” dengan nama bapa biologi. Beliau menjelaskan bahawa setiap anak luar nikah berhak mendapat kasih sayang daripada kedua-dua ibu bapanya bahkan mereka mempunyai hak untuk dibesarkan dalam persekitaran yang penyayang dengan diterima oleh masyarakat. Namun begitu, tindakan JPN tersebut telah menafikan keadilan terhadap anak-anak luar nikah di negara kita.<sup>168</sup>

Bagi anak luar nikah bukan Islam, nama bapa biologi boleh didaftarkan dalam sijil kelahiran jika wujud permohonan bersama oleh ibu dan lelaki yang mengaku dirinya sebagai bapa kepada anak tersebut di mana kedua-duanya perlu menandatangani dalam sijil kelahiran seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 13, Akta 299.<sup>169</sup> Selain itu, status mereka sebagai anak luar nikah boleh bertukar menjadi anak yang sah jika terdapat perintah daripada Mahkamah Tinggi. Ibu atau bapa kepada anak tersebut boleh memohon pendaftaran semula kelahiran anak luar nikah di bawah Seksyen 17, Akta 299 dengan mengemukakan borang sijil kelahiran JPN.LM01, sijil kelahiran anak, kad pengenalan anak, sijil perkahwinan ibu bapa dan perintah mahkamah.<sup>170</sup>

Tindakan mendaftarkan nama anak luar nikah adalah sangat penting dan perlu demi mengelakkan kesan *psikologi* kepada anak tersebut apabila mereka mula bersekolah di

---

<sup>167</sup>Alyaa Azhar, “Kes ‘Bin Abdullah’: Hakim Diingatkan Prinsip Asas Undang-Undang”, (21/09/2017), <https://www.malaysiakini.com/news/395829>. (Capaian pada 17 April 2018).

<sup>168</sup> “Peguam bidas isu anak luar nikah jadi mangsa”, (31/07/2017), <https://www.malaysiakini.com/news/390361>. (Capaian pada 17 April, 2018).

<sup>169</sup>[http://www.jpn.gov.my/soalan\\_lazim/kelahiran-2/](http://www.jpn.gov.my/soalan_lazim/kelahiran-2/). (Capaian pada 24 Disember, 2015).

<sup>170</sup> <http://www.jpn.gov.my/perkhidmatan/permohonan-daftar-semula-orang-yang-disahtaraf-seksyen-17/> (Capaian pada 24 Disember, 2015).

mana kemungkinan guru kelas dan rakan-rakan persekolahan akan mempersoalkan status bapanya jika tiada sijil kelahiran. Dengan adanya sijil kelahiran, seseorang anak luar nikah berhak mendapat keistimewaan yang diberikan kepada setiap pelajar, menikmati apa-apa faedah kewangan daripada mana-mana institusi kewangan atau kebajikan untuk membantu mereka ketika di alam persekolahan. Oleh itu, para ibu atau waris ibu tidak wajar merahsiakan status anak luar nikah biarpun dengan alasan untuk menjaga hati anak tersebut kerana tindakan tersebut merugikan masa depan mereka.<sup>171</sup>

Selain itu, seseorang ibu atau waris ibu yang memelihara anak luar nikah perlu memiliki ilmu pengetahuan dan bersifat sebagai pendidik. Pendidikan yang diberikan hendaklah berteraskan agama secara tidak formal bermula sejak dari rumah lagi. Corak pendidikan tersebut menjadi tonggak keluhuran budi pekerti dan akhlak mulia di kalangan anak luar nikah. Di sinilah pentingnya peranan seseorang ibu dilihat sama ada layak ataupun tidak untuk menjaga anak tersebut. Sekiranya ibu hilang kelayakan menjaga anak tersebut, mahkamah boleh mempertimbangkan syarat-syarat tertentu sebelum memilih mana-mana orang yang layak menjadi penjaga anak luar nikah. Salah satu syarat kelayakan sebagai penjaga yang diiktiraf di sisi undang-undang<sup>172</sup> ialah mereka hendaklah bersifat sebagai pendidik yang benar-benar mampu memberi pendidikan yang sempurna kepada anak luar nikah bukan semata-mata sebagai penjaga. Seseorang penjaga anak luar nikah boleh dikenakan syarat-syarat tertentu berkaitan soal pendidikan atau pelajaran anak

---

<sup>171</sup>Noor Aziah Mohd Awal, "Ke Arah Memantapkan Hak Kanak-Kanak Di Malaysia", 15.

<sup>172</sup>Seksyen 82, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984; Seksyen 83, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003; Seksyen 83, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003; Seksyen 83, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 83, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008.



tersebut oleh mahkamah berasaskan keadilan dan kesaksamaan sama seperti yang dinikmati oleh kanak-kanak yang lain.<sup>173</sup>

### 3.5.3 Penjagaan (*Hadanah*)

Tanggungjawab menjaga kebajikan anak luar nikah iaitu nafkah dan *hadanah* adalah terletak ke atas ibu. Jika ibu enggan memeliharanya atau tidak mampu menjaga kebajikannya, maka tanggungjawab tersebut berpindah kepada waris ibunya yang terdekat.<sup>174</sup> Semua negeri di Malaysia dan Wilayah Persekutuan mempunyai peruntukan nafkah dan *hadanah* dalam undang-undang keluarga Islam masing-masing demi menjamin hak-hak tersebut terpelihara.

Selain itu, Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan perceraian dan taraf anak dalam Perkara 4 (e) (i), Senarai Pertama (Senarai Persekutuan), pengambilan anak angkat, taraf anak dan penjagaan anak dalam Perkara 1, Senarai Kedua (Senarai Negeri) dan kebajikan masyarakat ; perkhidmatan masyarakat tertakluk kepada Senarai Pertama dan Senarai Kedua ; pelindungan bagi perempuan, kanak-kanak dan orang-orang muda dalam Perkara 1, Senarai Ketiga (Senarai Bersama).<sup>175</sup> Penubuhan KPWKM di peringkat Kerajaan Persekutuan adalah untuk merealisasikan fungsi kebajikan seperti yang termaktub dalam Senarai Bersama tersebut berdasarkan Akta Kanak-Kanak 2001

---

<sup>173</sup>Seksyen 87 (1), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 88 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 ; Seksyen 88 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 88 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 88 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008.

<sup>174</sup>Seksyen 85, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 86, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 ; Seksyen 86, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 86, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 86, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 yang memperuntukkan “Penjagaan anak tak sah taraf hanya pada ibu dan saudara mara ibu”.

<sup>175</sup>Jadual Kesembilan, Senarai Perundangan, Perlembagaan Persekutuan.

(Akta 611) sama ada kanak-kanak termasuk anak luar nikah di kalangan orang Islam ataupun bukan Islam.

Dalam isu penjagaan, anak luar nikah berhak mendapat perlindungan yang sempurna, kasih-sayang, pendidikan asas di peringkat kanak-kanak sehingga ke peringkat dewasa atau di peringkat prasekolah sehingga ke institusi pengajian tinggi. Dalam hal ini, mahkamah mengutamakan soal kebajikan anak luar nikah selain mempertimbangkan kemahuan seseorang penjaga yang berhak menjaga anak tersebut. Ini adalah penting agar penjagaan anak tersebut sentiasa terkawal dengan pelbagai bentuk kebajikan yang menjadi teras dalam konsep penjagaan anak tersebut.<sup>176</sup>

Dalam kes *Ervin Ahabovic lwn Amalya Evelyn Abdullah*<sup>177</sup>, Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan menolak tuntutan plaintif untuk menjaga kedua-dua orang anak luar nikah sebaliknya hak jagaan kekal diberikan kepada defendan selaku ibu yang mempunyai hubungan *nasab* dengan anak-anak tersebut. Mahkamah mendapati sijil kelahiran anak-anak tersebut dan daftar pernikahan plaintif dan defendan telah membuktikan bahawa anak pertama lahir kurang dua (2) tahun sebelum perkahwinan pihak-pihak manakala anak kedua lahir empat (4) bulan dari tarikh perkahwinan mereka.

Sekiranya ibu atau waris ibu ingin menjaga anak luar nikah yang masih kecil, maka mahkamah boleh membuat pertimbangan yang wajar dengan menekankan soal

---

<sup>176</sup>Seksyen 86 (2) (a), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 87 (2) (a), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 ; Seksyen 87 (2) (a), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 87 (2) (a), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 87 (2) (a), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008.

<sup>177</sup>[2012] 3 LNS 13.

kemampuan memberi nafkah dan kebajikan yang boleh diberikan kepada anak tersebut. Selain itu, mahkamah juga perlu melihat kemahuan anak tersebut jika sudah mencapai umur dewasa di mana anak tersebut boleh memilih sama ada mahu hidup berdikari dalam ertikata boleh menyara diri sendiri melalui pekerjaan yang diceburi ataupun mahu tinggal di rumah kanak-kanak di bawah institusi seperti JKM atau NGO.<sup>178</sup>

Dalam kes *Zubaidah Othman & Anor lwn Sofiah Elam & Anor*<sup>179</sup>, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor memutuskan hak jagaan seorang anak luar nikah bernama Jassica diserahkan kepada Sultan Johor berdasarkan Seksyen 63(b)(1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor, 1992 sebagai penjaganya. Mahkamah mendapati perayu hanyalah ibu angkat kepada Jassica, responden pertama hanyalah semata-mata ibu kandung tidak mencukupi kelayakannya sebagai penjaga kerana ibu juga terikat dengan syarat-syarat dan tegahan-tegahan yang ditentukan oleh dan responden kedua pula tidak boleh menjadi penjaga kerana tiada hubungan nasab dengan Jassica.

Dalam isu harta anak luar nikah, seseorang penjaga hendaklah berupaya mengawal harta anak tersebut dengan baik dan mengikut undang-undang dengan menitikberatkan soal kebajikan anak tersebut dan harta mereka. Harta anak tersebut yang ditinggalkan oleh ibunya sama ada masih hidup ataupun telah meninggal dunia perlulah diuruskan dengan baik.<sup>180</sup> Bagi menjamin harta anak tersebut diuruskan dengan baik dan

---

<sup>178</sup>Seksyen 86 (2) (b), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 87 (2) (b), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 ; Seksyen 87 (2) (b), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 87 (2) (b), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 87 (2) (b), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008.

<sup>179</sup>[2004] CLJ (Sya) 386 - 390.

<sup>180</sup>Seksyen 90 (1), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 91 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 ; Seksyen 91 (1), Enakmen Undang-undang

sempurna, mahkamah perlu memastikan unsur-unsur kebajikan dilaksanakan dengan mengambil kira umur dan jantinya, kemahuannya jika boleh membuat keputusan sendiri, ibu bapanya telah meninggal dunia, hubungannya dengan penjaga, perwatakan dan kebolehan penjaga dalam menguruskan hartanya.<sup>181</sup>

Seseorang anak luar nikah boleh mewarisi harta pusaka ibunya yang telah meninggal dunia. Jika anak tersebut masih kecil, hartanya boleh didaftarkan melalui pemegang amanah di kalangan waris ibunya. Namanya boleh didaftarkan setelah cukup umur lapan belas (18) tahun dengan membatalkan pemegang amanah melalui perintah mahkamah seperti mana diperuntukkan dalam Akta Harta Pusaka Kecil, 1955 (Akta 98).<sup>182</sup> Akta 98 juga memberikan hak pelantikan pemegang amanah baharu kepada anak luar nikah jika pemegang amanah terdahulu meninggal dunia dan masih belum membatalkan nama pemegang amanah tersebut untuk dipindahkan kepada nama anak luar nikah.<sup>183</sup>

Selain itu, terdapat kes-kes di mana ibu, waris ibu, penjaga atau keluarga angkat telah memudaratkan fizikal, mental dan seksual kepada anak luar nikah sehingga

---

Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 91 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 91 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008.

<sup>181</sup>Seksyen 90 (2), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 91 (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 ; Seksyen 91 (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 91 (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 91 (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008.

<sup>182</sup>Seksyen 13 (2), Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98) yang memperuntukkan “Pentadbir Tanah hendaklah melalui perintahnya mengarahkan bahagian mana-mana benefisiari budak dalam mana-mana harta tak alih didaftarkan dalam nama orang yang sesuai sebagai pemegang amanah dan hendaklah memasukkan suatu kaveat untuk melindungi kepentingannya semasa sebelum dewasa”.

<sup>183</sup>Seksyen 13 (3), Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98) yang memperuntukkan “Jika Pentadbir Tanah mendapati simati adalah pemegang amanah bagi mana-mana orang bagi mana-mana tanah yang dipegang dalam nama simati walaupun tidak didaftar sedemikian, dia hendaklah melainkan dalam apa-apa hal dia fikirkan sesuai merujuk kepada mahkamah memerintahkan harta amanah dipindahkan kepada pemegang amanah yang baru atau kepada benefisiari sebagaimana yang dia fikirkan patut tanpa menjejaskan apa-apa hak atau kepentingan yang didaftarkan dalam tanah mana-mana pemiutang simati atau mana-mana orang yang mendapat hakmilik melalui simati”.

mengakibatkan kematian. Kes-kes tersebut semakin mendapat perhatian masyarakat apabila didedahkan di media elektronik dan media cetak.<sup>184</sup> Antara contoh-contoh penderaan fizikal terhadap anak luar nikah ialah kesan-kesan lebam, terbakar, retak, pendarahan di kepala, kecederaan anggota badan akibat pukulan, tumbukan, terajang, hentaman, tolakan, cekikan dan tamparan. Penderaan emosi seperti pengabaian, penafian hak, mencaci, mengugut dan menjatuhkan maruah mangsa. Penderaan seksual terhadap anak luar nikah pula seperti dicabul kehormatan atau dipaksa menonton filem lucah atau dirogol sama ada oleh ahli keluarga sendiri ataupun orang lain.<sup>185</sup>

Terdapat tiga (3) faktor yang telah dikenal pasti menjadi penyebab berlaku penderaan dan penganiayaan terhadap anak luar nikah iaitu ;

- a) Masalah peribadi ibu, waris ibu atau penjaga seperti kaki judi, pemabuk atau penagih dadah, krisis dalam rumahtangga berpunca daripada masalah kewangan, perbalahan suami isteri dan campur tangan ahli keluarga yang lain, tekanan perasaan akibat bebanan tugas-tugas di pejabat dan sebagainya.<sup>186</sup>
- b) Ibu, waris ibu atau penjaga menjadikan kanak-kanak sebagai punca kepada tindakan penderaan umpamanya kanak-kanak yang dilahirkan cacat, dilahirkan tidak seperti yang diharapkan dari aspek jantina tertentu atau anak yang dilahirkan di luar nikah dan sebagainya.<sup>187</sup>

---

<sup>184</sup>Raihanah Hj Abdullah, "Penganiayaan Kanak-Kanak : Masalah dan Penyelesaiannya di Malaysia", *Jurnal Syariah*, Jil. 2, Cet.1, (1999) :129.

<sup>185</sup>Ibid.

<sup>186</sup>Ann Wan Seng dan Khadijah Alavi, *Penderaan Kanak-Kanak di Malaysia*, (Shah Alam : Fajar Bakti, 1997), 107.

<sup>187</sup>Raihanah Hj Abdullah, "Penganiayaan Kanak-Kanak : Masalah Dan Penyelesaiannya Di Malaysia", 132.

- c) Ibu, waris ibu atau penjaga kurang pendidikan agama menyebabkan kanak-kanak menjadi mangsa tindakan di luar batas peri kemanusiaan.<sup>188</sup>

Sebagai contoh, sepasang suami isteri disyaki telah mendera anak angkat mereka yang berumur empat (4) tahun di sebuah rumah di Ulu Sungai Semenggo, Batu 10 Padawan, Kuching, Sarawak. Polis mendapati kesan luka dan calar di bahagian muka, kepala dan badannya. Polis telah menahan lelaki berumur 27 tahun bersama isterinya berumur 35 tahun di rumah tersebut untuk siasatan manakala anak tersebut dihantar ke hospital untuk rawatan lanjut.<sup>189</sup> Begitu juga, seorang nenek angkat telah membuat laporan polis tentang cucu perempuan angkat berusia tujuh (7) tahun cedera di badannya akibat didera oleh bapanya dan teman wanita lelaki berkenaan di sebuah rumah di Paya Rumput, Melaka. Cucu angkat wanita tersebut kerap didera oleh pasangan berkenaan menggunakan getah paip, penyangkut baju dan tali pinggang selain ditumbuk serta dihentak kepala ke dinding. Teman wanita kepada bapa kanak-kanak tersebut merupakan anak angkatnya yang menumpang di rumahnya di Paya Rumput sejak Julai 2014. Selain itu, pasangan tersebut juga didakwa di Mahkamah Syariah di Melaka atas kesalahan bersekedudukan sehingga melahirkan anak luar nikah.<sup>190</sup>

Kedua-dua contoh kes di atas menggambarkan bahawa penderaan kanak-kanak yang berlaku dalam masyarakat hari ini seolah-olah menjadi suatu kebiasaan dan lumrah

---

<sup>188</sup>Mustapha Man, "Masyarakat Melayu : Masalah Penderaan Dalam Rumahtangga Dan Penyelesaiannya", *Masyarakat Melayu dan Gejala Sosial*, (Kuala Lumpur : INMIND, 1996), 294.

<sup>189</sup> "Polis tahan suami isteri disyaki dera anak angkat berumur 4 tahun" (16 Januari 2016), <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tahan-suami-isteri-disyaki-dera-anak-angkat-berumur-4-tahun-89848>. (Capaian pada 06 Ogos 2016).

<sup>190</sup> "Didera dengan getah paip, penyangkut baju" (05 Oktober 2014), <http://www.sinarharian.com.my/wawancara/didera-dengan-getah-paip-penyangkut-baju-1.322763>. (Capaian pada 06 Ogos 2016).

hidup kepada pasangan yang bermasalah. Berdasarkan statistik kes penderaan fizikal terhadap kanak-kanak yang diperoleh dari Bahagian Siasatan Seksual, Penderaan dan Kanak-kanak (D11), Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, sebanyak 48 kejadian dera pula dilakukan oleh teman lelaki ibu, manakala enam (6) kes disebabkan teman wanita bapa. Mangsa dera yang paling ramai ialah berusia satu (1) tahun hingga tujuh (7) tahun iaitu 743 orang, diikuti yang berusia lapan (8) tahun ke atas sebanyak 468 orang dan bayi yang berusia bawah satu (1) tahun iaitu 320 orang. Keseluruhannya, sebanyak 1,531 kes penderaan kanak-kanak telah dilaporkan di seluruh negara dengan 46 daripadanya melibatkan kematian sejak 2011 sehingga Mac 2016.<sup>191</sup>

Meskipun Kerajaan telah menggubal Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) menggantikan Akta Pelindungan Kanak-Kanak 1991 tetapi kejadian penderaan kanak-kanak masih berleluasa sehingga meruntun jiwa masyarakat yang sentiasa prihatin dengan isu tersebut. Bagi membendung kes penderaan anak luar nikah, KPWKM telah mewujudkan *hotline* Teledera 1 800 88 3040 untuk kemudahan orang awam melaporkan kes penderaan. Selain itu, aduan juga boleh di laporkan ke JKM, PDRM, PPK, PAKK atau merujuk terus ke hospital yang berhampiran.<sup>192</sup> Dalam kes penderaan anak luar nikah, masyarakat harus proaktif dalam melaporkan sebarang kes yang berlaku bermula di kawasan berhampiran dengan rumah masing-masing. Justeru, proses pendidikan, pendedahan dan penerangan haruslah diberikan kepada masyarakat secara berterusan agar mereka celik undang-undang. Apabila masyarakat peka dan sensitif dengan isu-isu

---

<sup>191</sup> "Penderaan kanak-kanak serius? (15 April 2016), <https://www.utusan.com.my/berita/jenayah/penderaan-kanak-kanak-serius-1.260222>. (Capaian pada 08 November 2016).

<sup>192</sup> "Kes Penderaan Kanak-Kanak", <http://www.kpwkm.gov.my/faq>. (Capaian pada 29 September, 2015).

yang berlaku di persekitaran mereka, maka usaha-usaha untuk pencegahan akan menjadi lebih mudah kerana mereka mengambil tindakan berdasarkan undang-undang.<sup>193</sup>

Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 (Akta A1511) memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM 50,000 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Ribu sahaja) atau penjara tidak melebihi dua puluh (20) tahun bagi mereka yang melakukan kesalahan penganiayaan, pengabaian dan pembuangan serta pendedahan yang kesemuanya boleh dimaksudkan sebagai penderaan kanak-kanak.<sup>194</sup> Berbeza dengan Kanun Keseksaan, hukuman hanya dikenakan berdasarkan tahap kecederaan fizikal sama ada cedera ataupun cedera parah. Lagipun, peruntukan tersebut bersifat umum sama ada mangsa dera terdiri di kalangan kanak-kanak ataupun orang dewasa dan sama ada ia dilakukan dalam rumahtangga ataupun di tempat lain. Jika tahap kecederaan adalah biasa, maka hukuman denda boleh dikenakan tidak melebihi RM 2,000 (Ringgit Malaysia : Dua Ribu sahaja) atau penjara tidak melebihi satu (1) tahun.<sup>195</sup> Sebaliknya, jika tindakan dengan sengaja mencederakan parah, maka dihukum penjara tidak melebihi tujuh (7) tahun.<sup>196</sup>

Dalam kes *Pendakwa Raya Iwn Abd Rahman Md Kassim*<sup>197</sup> responden telah merogol seorang budak perempuan berumur lapan (8) tahun pada 22 Oktober, 1990 di sebuah bangsal di kawasan semak. Pada 26 April 1994, Mahkamah Sesyen Sungai Petani telah menjatuhkan hukuman penjara selama enam (6) tahun dan lima (5) kali sebatan setelah

---

<sup>193</sup> Mastura Mohd Zain, “Kekang Kes Penderaan Kanak-Kanak”, <http://www.utusan.com.my/rencana/kekang-kes-penderaan-kanak-kanak-1.110952>. (Capaian pada 21 Disember, 2015).

<sup>194</sup>Seksyen 31 (1) (a) dan (b), Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 (Akta A1511).

<sup>195</sup>Seksyen 323, Kanun Keseksaan (Akta 574).

<sup>196</sup>Ibid, Seksyen 325.

<sup>197</sup>[1995] 1 LNS 374.



responden mengaku bersalah. Pendakwa Raya tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut lalu mengemukakan rayuan ke Mahkamah Tinggi Alor Setar. Hakim Hishamuddin Mohd Yunus menerima rayuan tersebut dengan meminda hukuman kepada penjara dua belas (12) tahun dan enam (6) kali sebatan. Mahkamah Tinggi mendapati hukuman yang dijatuhkan terdahulu adalah berdasarkan pengakuan bersalah responden sahaja tanpa melihat faktor kepentingan awam. Isu penderaan atau kesalahan seksual ke atas kanak-kanak yang didedahkan oleh akhbar dan peningkatan jumlah kes yang di bawa ke mahkamah menggambarkan masalah sosial semakin membimbangkan. Oleh itu, mahkamah berkewajipan melindungi kanak-kanak yang tidak berdosa dengan mengenakan hukuman lebih berat agar dapat membentaras secara berkesan perbuatan keji dan tidak berperikemanusiaan sepertimana perlakuan responden dalam kes ini.

Jika dilihat kepada undang-undang kesalahan jenayah syariah di seluruh negeri di Malaysia, tidak terdapat peruntukan tentang kesalahan penderaan fizikal, emosi dan seksual ke atas kanak-kanak termasuk anak luar nikah kecuali peruntukan bagi perbuatan sumbang *mahram*<sup>198</sup> dan persetubuhan luar nikah.<sup>199</sup> Ini merupakan suatu kelemahan ketara yang perlu diperbetulkan jika dibandingkan dengan Akta Kanak-

---

<sup>198</sup>Seksyen 20, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan), 1997 ; Seksyen 22, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor), 1995 ; Seksyen 62, Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan), 2004 ; Seksyen 24, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (*Takzir*) (Terengganu), 2001 dan Seksyen 18, Enakmen Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah), 2014 yang memperuntukkan “Mana-mana orang yang melakukan perbuatan sumbang *mahram* adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu”.

<sup>199</sup>Seksyen 23 (1), Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan), 1997 ; Seksyen 25 (1), Enakmen Jenayah Syariah (Selangor), 1995 ; Seksyen 60, Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan), 2004 ; Seksyen 36, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (*Takzir*) (Terengganu), 2001 dan Seksyen 21 (1), Enakmen Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah), 2014 yang memperuntukkan “Mana-mana orang lelaki yang melakukan persetubuhan dengan orang perempuan yang bukan isterinya yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu”

Kanak 2001 (Akta 611) dan Kanun Keseksaan (Akta 574) dalam menangani isu pengabaian, penderaan dan pembunuhan kanak-kanak seperti yang dibincangkan di atas.

#### 3.5.4 Institusi kebajikan

Terdapat sesetengah anak luar nikah yang tidak bernasib baik enggan dipelihara dan diberi perlindungan oleh ahli keluarga sendiri. Oleh itu, ibu atau waris ibu tiada pilihan lain sama ada menyerahkan anak luar nikah kepada keluarga angkat ataupun menempatkannya di institusi kebajikan agar kehidupan anak tersebut lebih terjamin dan berada dalam keadaan selamat. Mahkamah boleh memerintahkan seseorang anak luar nikah sama ada Islam ataupun bukan Islam dipelihara oleh keluarga pelihara sehingga anak tersebut berusia dua (2) tahun<sup>200</sup> dan boleh bertukar menjadi keluarga angkat setelah permohonan diluluskan oleh mahkamah.<sup>201</sup>

Sekiranya tiada mana-mana pihak yang berminat memelihara atau mengambil anak luar nikah sebagai angkat angkat, Pelindung<sup>202</sup> boleh memohon kepada mahkamah agar anak

---

<sup>200</sup>Seksyen 30 (1) (e), Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang memperuntukkan “Jika Mahkamah Bagi Kanak-Kanak berpuas hati bahawa mana-mana kanak-kanak yang dibawa ke hadapannya di bawah seksyen 19 atau 25 ialah seorang kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak itu boleh—(e) dalam hal seseorang kanak-kanak yang tidak mempunyai ibu atau bapa atau penjaga atau yang telah terbuang sebagaimana yang diperihalkan dalam perenggan 17 (1) (e), membuat suatu perintah meletakkan kanak-kanak itu dalam pemeliharaan, jagaan dan kawalan seorang ibu atau bapa peliharaan yang didapati sesuai oleh Ketua Pengarah selama tempoh dua tahun atau sehingga kanak-kanak itu mencapai umur lapan belas tahun, mengikut mana-mana yang lebih pendek, dan sementara menantikan itu, meletakkan kanak-kanak itu di suatu tempat selamat”

<sup>201</sup>Seksyen 30 (4), Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang memperuntukkan “Jika dalam tempoh yang disebut dalam perenggan (1)(e) ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak yang berkenaan menuntut kanak-kanak itu atau tidak muncul, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak boleh—(a) apabila habis tempoh itu; dan (b) jika Mahkamah berpuas hati bahawa langkah-langkah yang munasabah telah diambil oleh Pelindung untuk mengesan ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu, membuat suatu perintah menyerahkan kanak-kanak itu untuk diangkat oleh ibu atau bapa peliharaan itu atau mana-mana orang yang berhasrat untuk mengangkat kanak-kanak itu...”

<sup>202</sup>Seksyen 8 (1), Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang memperuntukkan “Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, melantik apa-apa bilangan Pegawai Kebajikan Masyarakat untuk

tersebut diletakkan di institusi kebajikan yang diiktiraf sebagai tempat selamat.<sup>203</sup> Bagi anak luar nikah orang Islam pula, Mahkamah Syariah berkuasa memerintahkan anak tersebut dijaga oleh seseorang penjaga yang layak selain ibu atau waris ibu atau ditempatkan di institusi kebajikan yang diiktiraf oleh undang-undang.<sup>204</sup> Mahkamah Syariah juga boleh mengeluarkan perintah *interim* (sementara) kepada mana-mana individu, institusi atau yayasan kebajikan jika terdapat permohonan segera demi kepentingan dan kebajikan seseorang anak luar nikah yang beragama Islam. Perintah *interim* tersebut boleh berkuatkuasa serta-merta demi menjaga kepentingan diri dan penjagaan seseorang anak luar nikah sementara menunggu perintah tetap berkaitan penjagaan yang dipohon kepada mahkamah.<sup>205</sup>

Bagi anak luar nikah orang Islam atau bukan Islam yang memerlukan perlindungan, boleh ditempatkan di mana-mana institusi yang menyediakan tempat perlindungan dengan syarat mendapat kebenaran daripada Pelindung. Mahkamah Bagi Kanak-Kanak

---

menjalankan kuasa dan melaksanakan kewajiban seorang Pelindung di bawah Akta ini tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu”.

<sup>203</sup>Seksyen 30 (1) (e), Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang memperuntukkan “Jika Mahkamah Bagi Kanak-Kanak berpuas hati bahawa mana-mana kanak-kanak yang dibawa ke hadapannya di bawah seksyen 19 atau 25 ialah seorang kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak itu boleh—(d) membuat suatu perintah meletakkan kanak-kanak itu di suatu tempat selamat selama tempoh tiga tahun dari tarikh perintah itu atau sehingga dia mencapai umur lapan belas tahun, mengikut mana-mana yang lebih pendek”

<sup>204</sup>Seksyen 86 (1), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 87 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 ; Seksyen 87 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 87 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 87 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 yang memperuntukkan “Walau apa pun peruntukan seksyen 83, Mahkamah boleh pada bila-bila masa dengan perintah memilih untuk meletakkan seseorang kanak-kanak dalam jagaan salah seorang daripada orang-orang yang tersebut di dalam seksyen itu atau, jika ada hal yang luar biasa yang menyebabkan tidak diingini bagi kanak-kanak itu diamanahkan kepada salah seorang daripada orang-orang itu, Mahkamah boleh dengan perintah meletakkan kanak-kanak itu dalam jagaan mana-mana orang lain atau mana-mana persatuan yang tujuannya adalah termasuk kebajikan kanak-kanak”

<sup>205</sup>Seksyen 86 (5), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 87 (5), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 ; Seksyen 87 (5), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 87 (5), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 87 (5), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008.

boleh mengeluarkan perintah segera membenarkan anak tersebut diterima masuk di mana-mana tempat perlindungan jika berpuas hati dengan laporan yang disediakan oleh Pelindung tersebut.<sup>206</sup> Penyerahan seseorang anak luar nikah kepada keluarga angkat atau ditempatkan di institusi kebajikan terpaksa dilakukan oleh ibu atau waris ibu yang berhalangan untuk menjaga anak tersebut. Halangan tersebut disebabkan oleh faktor kemiskinan keluarga, tiada sumber pendapatan untuk menyara nafkah dan memberi perlindungan kepada anak tersebut atau remaja yang hamil luar nikah merahsiakan kelahiran anak tersebut daripada pengetahuan keluarga. Oleh itu, RKK atau NGO seperti Yayasan OrphanCare yang menyediakan perkhidmatan *baby hatch* menjadi alternatif kepada ibu atau waris ibu yang tidak mampu memelihara anak tersebut. Kebanyakan institusi kebajikan yang wujud dalam negara kita mempunyai kemudahan tempat tinggal yang selesa dan menyediakan perkhidmatan seperti pendidikan, kesihatan, rekreasi dan suasana *psikologikal* bagi perkembangan rohani, jasmani dan emosi.<sup>207</sup>

JKM yang terletak di bawah KPWKM merupakan jabatan yang bertanggungjawab sepenuhnya melaksanakan dasar bersama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berkaitan kebajikan dan perlindungan terhadap wanita dan kanak-kanak termasuk anak luar nikah sama ada Islam ataupun bukan Islam. Melalui dasar perlindungan kanak-kanak, KPWKM meletakkan tanggungjawab bersama kepada setiap jabatan dan agensi kerajaan, NGO dan anggota masyarakat memberi perlindungan kepada kanak-kanak.

---

<sup>206</sup>Seksyen 41(1), Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 (Akta A1511) yang memperuntukkan “Mana-mana kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dengan segera boleh atas permohonan kanak-kanak itu atau ibu atau bapa atau penjaganya diterima oleh Pelindung masuk ke suatu tempat perlindungan jika Pelindung itu berpuas hati bahawa kanak-kanak itu memerlukan perlindungan dengan segera”.

<sup>207</sup>Salma Ishak et. al., “Jagaan Di Institusi : Apa Pengalaman dan Pandangan Kanak-Kanak”, 21.

Bagi memenuhi dasar tersebut, Majlis Kebangsaan bagi Kanak-kanak (MKK)<sup>208</sup> ditubuhkan selaras dengan falsafah KHKK dan Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang menekankan prinsip perlindungan kepada kanak-kanak.<sup>209</sup>

Dalam menjayakan fungsi MKK, JKM telah mewujudkan PPK di setiap daerah dan negeri.<sup>210</sup> PPK berperanan bagi menyelaraskan perkhidmatan-perkhidmatan setempat kepada keluarga-keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak memerlukan perlindungan.<sup>211</sup> PPK juga bertanggungjawab menyelia program-program seperti pusat jagaan, kelas tuisyen, khidmat kaunseling, kelas komputer dan kursus pengasuhan dan perkembangan kepada anak luar nikah yang ditempatkan di RKK atau mana-mana premis kebajikan yang dikendalikan oleh NGO. Penempatan di institusi-institusi tersebut dapat mengelakkan penganiayaan dan pengabaian oleh ibu, waris ibu atau penjaga terhadap anak luar nikah.

Bagi anak luar nikah yang ditempatkan di *baby hatch*, Pengerusi Yayasan OrphanCare, Tan Sri Faizah Mohd Tahir menyatakan bahawa setakat 20 September 2015, seramai

---

<sup>208</sup>Seksyen 3 (2) (d) (e), Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 (Akta A1511) yang memperuntukkan “Fungsi Majlis adalah—(d) untuk memastikan bahawa standard perkhidmatan yang disediakan oleh agensi dan jabatan Kerajaan, badan atau organisasi bukan kerajaan dan sektor swasta bagi pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanakkanak memenuhi keperluan kanak-kanak (e) untuk menyelaraskan pelbagai sumber daripada semua pihak, termasuk agensi dan jabatan Kerajaan, badan atau organisasi bukan kerajaan dan sektor swasta, yang terlibat dalam penyediaan perkhidmatan bagi pemeliharaan, perlindungan, pemulihan dan perkembangan kanak-kanak”.

<sup>209</sup>”Dasar Pelindungan Kanak-Kanak Negara”. <http://www.kpwkm.gov.my/dasar-perlindungan-kanak-kanak-negara>. (Capaian pada 1 Oktober, 2015).

<sup>210</sup>“Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak”, [http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=pasukan\\_perlindungan\\_kanak-kanak\\_ppkk\\_dan\\_pusat\\_aktiviti\\_kanak-kanak\\_pakk&lang=bm](http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=pasukan_perlindungan_kanak-kanak_ppkk_dan_pusat_aktiviti_kanak-kanak_pakk&lang=bm). (Capaian pada 1 Oktober, 2015).

<sup>211</sup>Seksyen 7 (1), Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 (Akta A1511) yang memperuntukkan “Majlis hendaklah menubuhkan di seluruh Malaysia kumpulan-kumpulan orang, setiap kumpulan dikenali sebagai “Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak”, bagi maksud menyelaraskan perkhidmatan-perkhidmatan setempat kepada keluarga-keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak memerlukan atau disyaki memerlukan pemeliharaan dan perlindungan”.

123 orang bayi luar nikah ditempatkan di sebelas (11) buah *baby hatch* iaitu tiga (3) buah di bawah Yayasan OrphanCare dan lapan (8) buah di bawah KPJ Healthcare Berhad. Terdapat lapan puluh (80) orang ibu anak luar nikah telah mengambil keputusan untuk menjaga sendiri bayi manakala baki selebihnya diserahkan kepada keluarga angkat untuk dipelihara. Berdasarkan rekod yayasan tersebut, seramai 2,910 pasangan yang telah berdaftar dengan yayasan tersebut untuk mengambil anak angkat di mana daripada jumlah itu seramai 731 pasangan telah ditemu duga dan disenarai pendek.<sup>212</sup>

### 3.5.5 Perkhidmatan penjagaan

Institusi jagaan kanak-kanak sememangnya wujud dalam negara kita. Bagi memastikan institusi jagaan dapat melaksanakan fungsi yang digariskan, setiap pusat jagaan yang ditubuhkan hendaklah tertakluk kepada Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506). Sebelum membincangkan lebih lanjut tentang perkhidmatan penjagaan dan kebajikan, adalah lebih baik untuk mengetahui maksud jagaan dan pusat jagaan itu sendiri. Jagaan termasuklah perlindungan, pengawasan, pemulihan dan latihan.<sup>213</sup> Pusat jagaan pula boleh diertikan sebagai pusat jagaan berkediaman dan pusat jagaan harian.<sup>214</sup>

Pusat jagaan berkediaman bermaksud premis yang mempunyai empat (4) orang atau lebih penghuni sama ada penjaganya dibayar upah ataupun tidak. Jika premis tersebut dimiliki oleh pemilik yang mempunyai ikatan persaudaraan dengan penjaga premis tersebut, maka penjaga premis tersebut tidak dikira sebagai penghuni di pusat jagaan

---

<sup>212</sup>“123 bayi diselamatkan sejak lima tahun lalu”, (20/09/2015), <http://www.sinarharian.com.my/nasional/123-bayi-diselamatkan-sejak-lima-tahun-lalu-1.432961> (Capaian pada 21 Disember, 2015).

<sup>213</sup>Seksyen 2, Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506).

<sup>214</sup>Ibid.

berkediaman tertakluk kepada Seksyen 3 akta tersebut.<sup>215</sup> Pusat jagaan harian bermaksud premis yang mempunyai empat (4) orang atau lebih penghuni dalam tempoh penjagaan minima tiga (3) jam sehari selama tiga (3) hari atau lebih dalam seminggu sama ada penjaganya dibayar upah ataupun tidak.

Jika premis tersebut dimiliki oleh pemilik yang mempunyai ikatan persaudaraan dengan penjaga premis tersebut, maka penjaga premis tersebut tidak dikira sebagai penghuni di pusat jagaan harian tertakluk kepada Seksyen 3 akta tersebut.<sup>216</sup> Saudara pula adalah merujuk penjaga yang sah di sisi undang-undang kepada seseorang kanak-kanak sama ada dikaitkan dengan pertalian darah seperti bapa, ibu, anak, adik, abang, kakak, datuk, nenek, cucu, bapa saudara, ibu saudara, anak saudara, persemendaan ataupun pengangkatan berdasarkan peruntukan undang-undang.<sup>217</sup>

Peruntukan di atas menjelaskan bahawa mana-mana pihak yang ingin menubuhkan pusat jagaan kanak-kanak termasuk anak luar nikah hendaklah didaftarkan.<sup>218</sup> Setiap permohonan pendaftaran pusat jagaan hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat apabila pengendali pusat jagaan tersebut memenuhi kehendak undang-undang berkaitan dengan binaan bangunan, keselamatan daripada kebakaran, kelengkapan peralatan yang cukup dan sesuai.<sup>219</sup>

---

<sup>215</sup>Ibid.

<sup>216</sup>Ibid.

<sup>217</sup>Ibid.

<sup>218</sup>Ibid, Seksyen 4.

<sup>219</sup>Ibid, Seksyen 6.

Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat berkuasa mengenakan syarat-syarat sebelum dibenarkan pendaftaran pusat jagaan iaitu ;

- a) Menghadkan bilangan yang boleh diterima pada bila-bila masa.
- b) Memastikan pihak pengurusan layak dan sesuai.
- c) Memastikan bilangan kakitangan cukup, berkelayakan dan berpengalaman.
- d) Memastikan perkhidmatan bagi jagaan, penyeliaan, layanan dan latihan kepada penghuni diberi dengan baik.
- e) Memastikan *diet* yang cukup dan seimbang, ada tempat rehat dan rekreasi
- f) Memastikan penjagaan kesihatan.
- g) Memastikan penyeliaan rawatan dan kawalan penyakit kepada penghuni
- h) Memastikan binaan bangunan selamat dan langkah-langkah keselamatan
- i) Mendepositkan sejumlah wang kepada Ketua Pengarah Kebajikan untuk memastikan semua syarat dipatuhi untuk kepentingan penghuni yang tinggal di pusat jagaan.<sup>220</sup>

Bagi melihat dengan lebih lanjut perkhidmatan dan kebajikan kepada anak luar nikah, penyelidikan ini mengambil contoh institusi jagaan yang terletak di bawah JKM iaitu RKK, RTH dan TSP yang telah menyediakan perkhidmatan<sup>221</sup> seperti berikut ;

- a) Jagaan dan perlindungan
- b) Bimbingan dan kaunseling
- c) Pelajaran
- d) Latihan vokasional

---

<sup>220</sup>Ibid, Seksyen 7.

<sup>221</sup>Umi Kalthum A. Karim, "Peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dalam Permasalahan Remaja", *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, Vol. 17, No. 2 (1994) : 27-28.



- e) Didikan agama dan moral
- f) Riadah
- g) Perubatan dan kesihatan

Pada aspek penjagaan dan perlindungan, JKM berusaha mewujudkan suasana rumah yang normal kepada anak tersebut agar perkembangan kehidupan mereka daripada aspek emosi, jasmani dan rohani terpelihara dengan baik. Aspek bimbingan dan kaunseling pula bertujuan untuk mengatasi masalah emosi dan *psikologi* di samping membentuk *sahsiah* dan kelakuan yang sesuai dengan fitrah kehidupan kanak-kanak. Aspek pelajaran dan latihan vokasional, anak tersebut diberi pendedahan ilmu yang sesuai dengan usia mereka agar dapat membina kehidupan sendiri selepas keluar dari pusat jagaan nanti. Aspek didikan agama dan moral pula adalah mengikut ajaran agama masing-masing sebagai asas penting untuk pertumbuhan rohani dan pembentukan akhlak mulia supaya kehidupan mereka lebih bermakna.

Aspek riadah turut diterapkan di pusat jagaan JKM agar mereka sentiasa dalam keadaan sihat selain menghilangkan tekanan perasaan melalui aktiviti sukan bersama rakan sebaya yang menghadapi situasi yang sama. Anak yang tinggal di pusat jagaan JKM sentiasa diberi perhatian pada aspek perubatan dan kesihatan dari semasa ke semasa agar kehidupan mereka terhindar daripada pelbagai penyakit berbahaya dan berjangkit yang boleh menjejaskan rakan-rakan yang lain.<sup>222</sup> Semua program yang disediakan ini boleh menyebabkan mereka gembira sesama rakan sebaya seolah-olah sama seperti tinggal dalam sebuah keluarga yang normal.

---

<sup>222</sup>Salma Ishak et. al., "Jagaan Di Institusi : Apa Pengalaman Dan Pandangan Kanak-Kanak", 24.

### 3.6 Rumusan

Berdasarkan penyelidikan kes dan perbincangan di atas, jelaslah hukum Syarak dan undang-undang di Malaysia sangat menitikberatkan pelaksanaan tanggungjawab sama ada oleh ibu, waris ibu ataupun pemerintah terhadap kebajikan dan pengurusan anak luar nikah. Kewajiban menyara nafkah, memberi pendidikan, menjaga kebajikan adalah disebabkan wujudnya pertalian darah anak luar nikah yang *dinasabkan* kepada ibu atau waris ibu tetapi tidak mengikat bapa biologi untuk melaksanakannya. Sekiranya mereka tidak mampu menunaikan tanggungjawab tersebut disebabkan faktor kemiskinan atau tiada sumber pendapatan, maka hukum Syarak dan undang-undang memperuntukkan tanggungjawab tersebut kepada pemerintah melalui bantuan baitulmal.

Hukum Syarak dan undang-undang juga memperuntukkan tanggungjawab pemerintah menubuhkan institusi kebajikan untuk menempatkan anak luar nikah yang tidak diingini oleh ibu atau waris ibu untuk dipelihara atau tiada keluarga angkat yang berminat untuk memelihara anak tersebut. Di negara kita, terdapat institusi kebajikan seperti RKK, RTH dan TSP di bawah JKM, *baby hatch* yang dikendalikan oleh Yayasan OrphanCare, KPJ atau mana-mana institusi kebajikan yang berdaftar dengan JKM dan diiktiraf oleh kerajaan. Penubuhan institusi-institusi kebajikan tersebut merupakan *Maqasid Syariah* yang menepati hukum Syarak dan undang-undang bertujuan untuk menyelamatkan nyawa anak-anak luar nikah daripada dibuang atau dibunuh. Institusi-institusi kebajikan tersebut juga bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan penjagaan selaras dengan Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) dan Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506) agar tidak berlaku penganiayaan, pengabaian dan penderaan kepada anak luar nikah.

KPWKM telah meletakkan dasar perlindungan kanak-kanak termasuk anak luar nikah sebagai objektif utama dalam memenuhi hak mereka sebagai suatu tanggungjawab yang mesti dipikul bersama antara jabatan kerajaan, NGO dan anggota masyarakat. Bagi merealisasikan dasar tersebut, MKK telah ditubuhkan di bawah KPWKM di mana JKM sebagai agensi pelaksana juga menubuhkan PPK di setiap negeri dan daerah untuk menyelaraskan program-program dan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu kepada keluarga dan kanak-kanak termasuklah menangani isu kebajikan anak luar nikah.



## BAB EMPAT


### KAJIAN KES DI DAERAH KOTA SETAR DAN KUBANG PASU

#### 4.1 Pengenalan


Bab ini membincangkan penyelidikan kes anak luar nikah di daerah Kota Setar dan Kubang Pasu. Kedua-dua daerah tersebut dipilih sebagai lokasi penyelidikan disebabkan oleh kedudukannya yang meliputi sebahagian besar pusat bandar yang semakin pesat membangun dan menjadi tumpuan masyarakat tanpa mengira masa. Kewujudan industri perkilangan, hotel-hotel bajet dan institusi pengajian tinggi telah mendorong golongan remaja terlibat dengan aktiviti seks bebas sehingga hamil luar nikah.

Penyelidikan ini menganalisis dan membuat perbandingan data-data yang telah diperoleh melalui sesi temu bual penyelidik dengan tujuh (7) orang subjek dalam kategori ibu hamil luar nikah dan keluarganya sahaja seperti yang dibincangkan dalam metodologi penyelidikan. Selain itu, penyelidik juga telah menemu bual subjek-subjek lain yang terlibat secara langsung dalam menangani isu dan permasalahan anak luar nikah. Kesemua maklumat data dan sumber data bagi kedua-dua kajian kes tersebut dibuat *triangulasi* seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 4.1, Rajah 4.2, Rajah 4.3** dan **Rajah 4.4**. Begitu juga, rujukan terhadap kes-kes mahkamah dan jurnal undang-undang melalui laman sesawang masing-masing dapat mengukuhkan lagi kebenaran dan ketepatan fakta-fakta yang diketengahkan dalam penyelidikan ini.


Rajah 4.1 : Kajian Kes 1 Daerah Kota Setar




Rajah 4.2 : Kajian Kes 2 Daerah Kota Setar



Rajah 4.3 : Kajian Kes 3 Daerah Kubang Pasu



Rajah 4.4 : Kajian Kes 4 Daerah Kubang Pasu





## **4.2 Latar belakang subjek**

Subjek-subjek yang ditemu bual terdiri daripada remaja hamil luar nikah dan keluarganya. Ini disebabkan RPNH tidak mempunyai sumber maklumat tentang anak luar nikah yang dewasa, bapa biologi dan keluarga bapa biologi untuk ditemu bual. Selain itu, penyelidik juga turut menemu bual subjek-subjek lain yang terlibat secara langsung dengan kebajikan dan pengurusan anak luar nikah iaitu Penolong Pengarah, Unit Kanak-Kanak, JKM Negeri Kedah, Penolong Pegawai Kebajikan, PKMD Kota Setar dan PKMD Kubang Pasu, Kedah merangkap Pelindung, Penyelia Bimbingan dan Pembantu RPNH. Berdasarkan bidang tugas dan pengalaman subjek-subjek tersebut, penyelidik meyakini fakta-fakta yang diberikan boleh dipercayai, disahkan benar dan menepati objektif penyelidikan ini. Antara subjek-subjek yang telah ditemu bual adalah seperti berikut ;

### **4.2.1 Subjek 1**

Ros (nama samaran) berumur 15 tahun dan tinggal bersama ibu dan bapa tirinya di suatu kampung dalam daerah Kota Setar, Kedah. Bapa kandungnya telah meninggal dunia ketika usianya masih kecil. Hasil perkahwinan ibu bapanya dikurniakan dua (2) orang anak iaitu Ros dan abangnya yang berusia enam belas (16) tahun. Perkahwinan ibunya dengan bapa tiri dikurniakan empat (4) orang anak yang berusia tiga belas (13) tahun, enam (6) tahun (kembar) dan lapan (8) bulan. Ibunya bekerja sebagai tukang cuci di Kedah Medical Centre (KMC) manakala bapa tirinya sebagai kontraktor. Pada April 2014, Ros telah disahkan hamil luar nikah dan dihantar ke RPNH mulai Julai – Ogos 2014. Ros selamat bersalin di HSB pada 25 Ogos 2014. Anak tersebut diberi nama ABC Binti Abdullah dan kini berusia lima (5) bulan.

#### **4.2.2 Subjek 2**

Emma (nama samaran) berumur 25 tahun dan tinggal bersama ibu bapanya di suatu kampung dalam daerah Kota Setar, Kedah. Bapanya bekerja sebagai nelayan pantai manakala ibunya adalah suri rumah. Pada Februari 2014, Emma disahkan mengandung anak luar nikah. Teman lelakinya, Udin (nama samaran) telah membawa Emma ke RPNH pada Ogos 2014 dan tinggal di sana sehingga bersalin pada November 2014 di HSB. Anak tersebut diberi nama DEF Bin Abdullah dan kini berusia dua (2) bulan.

#### **4.2.3 Subjek 3**

Nor (nama samaran) berumur 26 tahun, tinggal bersama ibu bapanya dan dua (2) orang adiknya di suatu taman dalam daerah Kubang Pasu, Kedah. Pada Mei 2014, doktor mengesahkan bahawa dirinya telah mengandung lima (5) bulan. Selepas itu, Nor dibawa oleh ibu bapanya tinggal di RPNH sehingga bersalin. Pada 21 September 2014, Nor selamat bersalin di sebuah pusat perubatan dalam daerah Kota Setar, Kedah dan anak tersebut diberi nama GHI Binti JKL yang kini berusia enam (6) bulan.

#### **4.2.4 Subjek 4**

Nurul (nama samaran) berumur 24 tahun, tinggal bersama ibu bapanya di suatu kampung dalam daerah Kubang Pasu, Kedah. Nurul telah melakukan hubungan seks dengan teman lelakinya, Dee (nama samaran). Sewaktu mengandung lima (5) bulan, Nurul dihantar ke RPNH dan tinggal di sana sehingga melahirkan anak. Anak tersebut diberi nama MNO Binti Abdul Razak dan kini berusia sembilan (9) bulan.

#### **4.2.5 Subjek 5**

Puan Iton (nama samaran) adalah ibu kandung kepada subjek 2 yang kini berusia 60 tahun. Subjek 5 berkahwin dengan PQR dan mempunyai enam (6) orang anak. Subjek 2 merupakan anak bongsu yang tinggal bersamanya sejak kecil. Subjek 5 tidak bekerja dan menjadi suri rumah sepenuh masa.

#### **4.2.6 Subjek 6**

Encik Roslan (nama samaran) adalah bapa kandung kepada subjek 3. Subjek 6 masih bertugas di salah sebuah jabatan kerajaan dalam daerah Kubang Pasu, Kedah.

#### **4.2.7 Subjek 7**

Kak Zi (nama samaran) adalah ibu saudara kepada subjek 4. Subjek 7 menjalankan perniagaan nasi lemak di hadapan sebuah sekolah di pusat bandar Alor Setar, Kedah.

### **4.3 Isu-isu Dalam Penyelidikan Kes**

Penyelidikan ini dilakukan bagi mengkaji persamaan dan perbezaan serta perbandingan isu-isu remaja hamil luar nikah dan anak luar nikah antara Daerah Kota Setar dan Kubang Pasu berdasarkan tajuk-tajuk kecil seperti berikut ;

- a) Penjagaan
- b) Kebajikan dan Pengurusan
- c) Pendidikan
- d) Emosi dan Perasaan
- e) Akhlak dan Perubahan Sikap

### 4.3.1 Penjagaan

Menyentuh aspek penjagaan, terdapat dua (2) isu yang berbangkit hasil temu bual oleh penyelidik iaitu pertama ; subjek 1 dan subjek 3 menyerahkan anaknya kepada keluarga angkat dan kedua ; subjek 2 dan subjek 4 mahu menjaga sendiri anak tersebut.

Merujuk isu pertama di atas, subjek 1 menyatakan ;

*“Anak dijaga oleh ibu angkat. Ibu angkat minta nak jaga, saya setuju. Mak tak halang serah pada ibu angkat. STU selalu sebut pada saya bila bersalin nanti, dia nak ambik anak tu”<sup>1</sup>*

Subjek 3 pula menyatakan ;

*“Saya memang ada perasaan nak bela anak tu. Tapi bila mak abah pujuk saya suruh serah kepada keluarga angkat sebab nak jaga maruah dan air muka abah, saya terpaksa setuju. Bila orang tau nanti timbul fitnah kepada saya dan keluarga saya. RPNH berjaya cari keluarga angkat nama JKL”<sup>2</sup>*

Kenyataan subjek 3 disahkan oleh subjek 6 bahawa ;

*“Di peringkat awal, Nor ingin menjaga anak tersebut tetapi setelah saya memujuknya dan demi menjaga maruah keluarga dan air muka saya dan isteri, akhirnya Nor bersetuju anak tersebut diserahkan kepada JKL sebagai keluarga angkat”<sup>3</sup>*

Berdasarkan temu bual di atas, penyelidik mendapati subjek 1 dan subjek 3 mengiktiraf anak tersebut adalah anak mereka dan memiliki sifat kasih sayang sebagai seorang ibu.

---

<sup>1</sup>Ros, temu bual oleh penyelidik, RPNH Alor Setar, 27 Januari 2015.

<sup>2</sup>Nor, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 03 Februari, 2015.

<sup>3</sup>Encik Roslan, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 03 Februari, 2015.

Namun begitu, subjek 1 terpaksa akur dengan permintaan STU yang sanggup menjadi keluarga angkat kepada anak tersebut semenjak subjek 1 tinggal di RPNH lagi. Tambahan pula, kehendak STU disokong oleh ibu subjek 1 menyebabkan subjek 1 terpaksa melepaskan anak tersebut meskipun dalam hati kecilnya mahu memeliharanya. Terdapat tiga (3) faktor yang mendorong subjek 1 menyerahkan anak tersebut kepada STU iaitu takut, malu dan menjaga maruah diri dan keluarganya. Fakta ini jelas terbukti apabila ibunya sahaja yang mengetahui subjek 1 melahirkan anak luar nikah sedangkan bapa tirinya dan ahli keluarga yang lain tidak mengetahuinya. Begitu juga, subjek 3 terpaksa menyerahkan anak tersebut kepada JKL demi memenuhi kehendak subjek 6 yang lebih mementingkan maruah keluarga dan menutup keaiban diri serta mengelakkan kisah subjek 3 melahirkan anak luar nikah diketahui oleh orang lain.

Merujuk isu kedua pula, subjek 2 turut menjawab pertanyaan penyelidik ;

*“Tak pernah cadang nak bagi anak pada orang lain. Memang berhasrat nak jaga anak tu. Mak dan ayah tak bagi anak tu dijaga oleh orang lain”<sup>4</sup>*

Kenyataan subjek 2 disokong oleh subjek 5 ketika ditemu bual oleh penyelidik iaitu ;

*“Mak cik tak benar anak tu serah kat orang lain. Mak cik dengan anak-beranak mahu jaga anak tu”<sup>5</sup>*

Subjek 4 juga mahu menjaga sendiri anak tersebut, katanya ;

*“Saya nak bela sendiri, tak mau bagi pada orang lain. Masa dok mengandung di RPNH, ada orang yang tak dak anak nak ambik anak*

---

<sup>4</sup>Ema, temu bual oleh penyelidik, RPNH Alor Setar, 27 Januari, 2015.

<sup>5</sup>Puan Iton, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 27 Januari, 2015.

*saya sebagai anak angkat. Saya tak bagi. Apa jadipun saya nak jaga dia. Saya sayang dan nak bela sampai besar”<sup>6</sup>*

Kenyataan subjek 4 disahkan oleh subjek 7, katanya ;

*“Kak Zi sanggup menjaga anak tersebut jika Nurul tidak mahu menjaganya. Sebenarnya Nurul tidak berniat untuk menyerahkan anak tersebut untuk dijadikan anak angkat”<sup>7</sup>*

Merujuk kenyataan di atas, penyelidik mendapati subjek 2 dan subjek 4 seorang yang bersifat penyayang, tabah hati dan cekal menghadapi cabaran hidup sebagai ibu muda yang melahirkan anak luar nikah yang tidak pernah terduga. Namun begitu, mereka terpaksa menelan kepahitan yang menimpa diri mereka walaupun wujud perasaan takut, malu, ingin menjaga maruah diri dan keluarga, melindungi kelahiran anak tersebut daripada pengetahuan keluarga dan jiran. Kedua-dua subjek sanggup memelihara anak tersebut dan tidak terlintas di hati mereka untuk menyerahkannya kepada keluarga angkat meskipun ada pihak yang berminat menjaga anak tersebut. Subjek 2 tidak sesekali mahu menzalimi anak tersebut sama ada mahu membuangnya ataupun menggugurkan kandungannya.<sup>8</sup> Kesanggupan subjek 2 menjaga anak tersebut mendapat sokongan padu daripada subjek 5 dan suaminya, PQR yang membantu menguruskan penjagaan anak tersebut. Sewaktu ditemu bual, subjek 5 telah menyatakan ;

*“Mak cik dan pak cik dok tolong jaga anak tu. Bagi pakai lampin pakai buang, baju, bawa pi klinik jumpa doktor”*

---

<sup>6</sup>Nurul, temu bual oleh penyelidik, No. 23, Kg Limbong, Langgar, Alor Setar, 20 Januari, 2015.

<sup>7</sup>Kak Zi, temu bual oleh penyelidik, No. 23, Kg Limbong, Langgar, Alor Setar, 20 Januari, 2015.

<sup>8</sup>Ibid.

Penyelidik mendapati keempat-empat subjek di atas tinggal di RPNH, satu-satunya pusat jagaan yang dikelolakan oleh LKPI Negeri Kedah. RPNH bukan sahaja diterima oleh masyarakat yang mengetahui peranannya dalam memberi perlindungan kepada remaja hamil luar nikah bahkan telah diiktiraf oleh JKM sebagai institusi kebajikan yang berdaftar dan mendapat peruntukan tahunan daripada JKM.

Haslinda Abdul Samad menyatakan ;

*“Di Negeri Kedah, terdapat sebuah Pertubuhan Bukan kerajaan (NGO) yang berdaftar dengan JKM iaitu RPNH yang terletak di Jalan Stadium, Alor Setar, Kedah. RPNH diuruskan oleh Dato’ Hajjah Daharah Hj Ismail, Pengerusi Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Negeri Kedah (LKPI). JKM telah memberi geran tahunan kepada RPNH mengikut bilangan ibu hamil luar nikah yang mendapat perlindungan di RPNH dengan kadar RM 8.00 sehari/seorang. RPNH mendapat peruntukan tahunan mengikut statistik kemasukan ibu hamil luar nikah pada tahun sebelumnya”<sup>9</sup>*

Kenyataan Haslinda Abdul Samad disahkan oleh Wan Nurasmah Wan Din sewaktu ditemu bual oleh penyelidik dengan menyatakan ;

*“Setiap penghuni yang ingin tinggal di RPNH hendaklah dengan pengetahuan keluarga sama ada ibu, bapa ataupun waris terdekat. Jika keluarga tidak tahu menahu, maka RPNH tidak akan mengambil mereka untuk tinggal di sini. Pada kebiasaannya ibu, bapa atau kedua-duanya sekali akan membawa anak mereka untuk menjadi penghuni di sini di mana mereka dikenakan bayaran sebanyak RM 450.00 iaitu RM 200.00 sebagai deposit, RM 200.00 yuran bulanan dan RM 50.00 yuran*

---

<sup>9</sup>Haslinda Abdul Samad, temu bual oleh penyelidik, Wisma Persekutuan, Anak Bukit, 13 Januari 2014.

*pendaftaran. Yuran bulanan akan dibayar oleh waris penghuni selama tempoh mereka tinggal di sini sehingga bersalin”<sup>10</sup>*

Setiap remaja hamil luar nikah boleh ditempatkan ke mana-mana institusi kebajikan di bawah JKM sekiranya mereka mendaftarkan diri sebagai penghuni tetapi tertakluk kepada permohonan dan kekosongan. Menurut Haslinda Abdul Samad sewaktu ditemu bual oleh penyelidik telah menyatakan ;

*“Bagi wanita mengandung anak luar nikah yang berdaftar dengan JKM akan ditempatkan sama ada di Taman Seri Puteri di Batu Gajah, Perak atau di Kompleks Penyayang di Sungai Buloh, Selangor. Selepas 2 minggu bersalin, wanita tersebut akan dibebaskan dan dibenarkan pulang ke pangkuan keluarga. JKM akan memastikan sama ada anak yang dilahirkan itu akan dijaga oleh wanita tersebut atau sebaliknya. Jika mereka ingin menjaga anak tersebut, maka JKM akan membenarkannya tetapi mereka tidak diberi elaun penjagaan. Sekiranya wanita tersebut enggan menjaga anak tersebut, maka JKM akan menguruskan anak tersebut untuk dipelihara oleh keluarga angkat. Dalam tempoh usia bayi hingga 2 tahun, anak tersebut dipanggil anak peliharaan yang dipelihara oleh keluarga angkat”<sup>11</sup>*

Kenyataan Haslinda Abdul Samad disokong oleh Mohd Basharudin Samsudin ketika menjawab pertanyaan daripada penyelidik, katanya ;

*“Bagi wanita hamil luar nikah yang layak menjaga bayi yang dilahirkannya, JKM akan membenarkan hak penjagaan dan pemeliharaan kepadanya. Sekiranya didapati wanita tersebut tidak layak dari segi memenuhi keperluan penjagaan, pemeliharaan dan*

---

<sup>10</sup>Wan Nurasmah Wan Din, temu bual oleh penyelidik, RPNH, 6 Mei, 2014.

<sup>11</sup>Haslinda Abdul Samad, Penolong Pengarah, Unit Kanak-Kanak, JKM Negeri Kedah. Temu bual olwh penyelidik, Wisma Persekutuan, Anak Bukit, 13 Januari 2014.



*pelindungan ke atas bayi tersebut, maka Pelindung, JKM boleh mengambil bayi tersebut daripadanya sama ada menyerahkannya kepada waris lain untuk dipelihara ataupun menempatkan bayi tersebut ke institusi menurut Seksyen 30, Akta Kanak-Kanak 2001”<sup>12</sup>*

Menurut Haslinda Abdul Samad lagi, remaja hamil luar nikah yang tinggal di TSP tidak menghadapi masalah kewangan kerana tiada bayaran dikenakan sejak mereka mula mendaftarkan diri sebagai penghuninya. Segala kos pendaftaran, makan-minum dan sebagainya ditanggung sepenuhnya oleh JKM tetapi mereka tidak diberi elaun bulanan.<sup>13</sup>

Di RPNH, setiap remaja hamil luar nikah dikenakan *caj* tertentu. Jika ibu bapa atau waris terdekat tidak mampu membayar *caj* tersebut, RPNH akan mencari keluarga angkat yang sanggup membiayainya. Menurut Wan Nurasmah Wan Din, sebagai balasannya, keluarga angkat akan mengambil anak yang dilahirkan itu sebagai anak angkat. Namun begitu, terdapat keluarga angkat secara sukarela membiayai penghuni tersebut setelah mendapati ibu ingin memelihara anaknya tanpa mahu menyerahkannya kepada keluarga angkat.<sup>14</sup>

Bagi remaja hamil luar nikah yang tinggal di TSP dan selamat bersalin, bayi yang dilahirkan itu akan ditempatkan di RKK jika ibunya enggan memelihara anak tersebut. Dalam masa yang sama, JKM akan memproses permohonan anak angkat berdasarkan “senarai menunggu” setelah memenuhi kelayakan tertentu.<sup>15</sup> Perkara ini disahkan oleh Azhar Ahmad bahawa jika tiada pihak yang mahu menjaganya, anak tersebut akan

---

<sup>12</sup>Mohd Basharudin Samsudin, Penolong Pegawai Kebajikan, PKMD Kota Setar dan dilantik sebagai Pelindung berkuatkuasa mulai 20 Oktober 2009 sehingga sekarang. Temu bual oleh penyelidik, Pejabat PKMD Kota Setar, Kedah, 01 Februari, 2016.

<sup>13</sup>Haslinda Abdul Samad, temu bual oleh penyelidik, Wisma Persekutuan, Anak Bukit, 13 Januari 2014.

<sup>14</sup>Wan Nurasmah Wan Din, temu bual oleh penyelidik, RPNH, 6 Mei, 2014.

<sup>15</sup>Haslinda Abdul Samad, temu bual oleh penyelidik, Wisma Persekutuan, Anak Bukit, 13 Januari 2014.

dihantar ke RKK di Batu Gajah, Perak atau kepada keluarga angkat mengikut senarai permohonan yang dipohon secara *online* melalui portal JKM.<sup>16</sup> Kaedah yang sama turut dipraktikkan oleh RPNH berdasarkan *prosedur* yang ditetapkan oleh JKM kepada NGO yang bernaung di bawahnya.

Menyentuh tentang usia anak luar nikah yang diserahkan kepada keluarga angkat, Haslinda Abdul Samad menyatakan ;

*“Kebanyakan individu berminat mengambil anak tersebut di peringkat usia bayi untuk menjadi anak angkat. Bagi bayi lelaki berusia setahun ke bawah paling digemari oleh keluarga angkat tetapi jumlahnya terhad. Kebanyakan yang ada ialah kanak-kanak yang melebihi usia setahun ke atas. Di peringkat usia tersebut kurang digemari oleh keluarga angkat disebabkan keadaan anak tersebut yang sudah besar dan mengenali individu yang akan memelihara mereka”<sup>17</sup>*

Menurut Azhar Ahmad pula, setiap anak pelihara<sup>18</sup> yang diserahkan kepada keluarga pelihara diberi hak peliharaan selama dua (2) tahun sebagai tempoh percubaan. Dalam tempoh tersebut, JKM akan membuat pemantauan untuk memastikan tahap penjagaan anak tersebut dipelihara dengan baik agar tidak berlaku penderaan, pengabaian dan sebagainya. Selepas itu, JKM akan memastikan sama ada ibu bapa pelihara<sup>19</sup> berminat

---

<sup>16</sup>Azhar Ahmad, temu bual oleh penyelidik, PKMD Kubang Pasu, 03 Februari 2016.

<sup>17</sup>Haslinda Abdul Samad, temu bual oleh penyelidik, Wisma Persekutuan, Anak Bukit, 13 Januari 2014.

<sup>18</sup>Kanak-kanak yang telah diperintahkan oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak untuk pemeliharaan, jagaan dan kawalan oleh ibu bapa peliharaan berdasarkan Seksyen 30 (1)(e) Akta Kanak-Kanak 2001.

<sup>19</sup>Seseorang atau mana-mana pasangan yang telah ditawarkan anak pelihara oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat. Mereka bertanggungjawab untuk memelihara, menjaga dan mengawal kanak-kanak yang telah ditawarkan.

ataupun tidak mengambil anak tersebut menjadi anak angkat.<sup>20</sup> Jika berminat, proses pengangkatan akan dilakukan dengan mendaftarkan nama anak tersebut di JPN di mana hak penjagaan tetap diberikan kepada keluarga angkat. Jika tidak berminat, anak tersebut akan kekal tinggal di RKK sehingga mencapai usia lapan belas (18) tahun.<sup>21</sup>

#### 4.3.2 Kebajikan dan Pengurusan

Menyentuh aspek kebajikan, terdapat dua (2) isu yang berbangkit hasil temu bual oleh penyelidik iaitu pertama ; subjek 2 dan subjek 4 bertanggungjawab menjaga kebajikan anak luar nikah dan kedua ; tanggungjawab menjaga kebajikan oleh keluarga angkat.

Merujuk isu pertama di atas, subjek 2 telah mengesahkan ;

*“Segala kos anak.....emak dan ayah tanggung. Kadang-kadang abang dan kak ada bantu sikit-sikit...tak menentu”<sup>22</sup>*

Perkara ini diakui sendiri oleh subjek 5 sewaktu ditemu bual oleh penyelidik iaitu ;

*“Pak Cik dok pi ke laut di Kuala Kedah. Pendapatan tak tentu. Kadang-kadang banyak, kadang-kadang sikit. Duit dok pi ke laut tu lah, Pak Cik bagi kat Ema beli barang-barang anak tu. Tak dapat bantuan pun dari mana-mana”<sup>23</sup>*

Subjek 4 pula menyatakan bahawa ;

---

<sup>20</sup>Anak angkat bermaksud seseorang kanak-kanak telah dalam jagaan dan dipelihara serta dididik oleh seseorang atau pasangan sebagai anaknya yang berterusan atau anak mereka secara anak angkat *de facto* selama 2 tahun sebelum tarikh permohonan mengikut Seksyen 6(1) Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253).

<sup>21</sup>Azhar Ahmad, temu bual oleh penyelidik, PKMD Kubang Pasu, 03 Februari 2016.

<sup>22</sup>Ema, temu bual oleh penyelidik, RPNH Alor Setar, 27 Januari 2015.

<sup>23</sup>Puan Iton, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 27 Januari, 2015.

*“Saya tolong jual nasi lemak dengan mak saudara di Jalan Datuk Kumbar mulai 5.00 petang hingga 10.00 malam kecuali Jumaat, cuti. Dia bagi upah kat saya, ikut hasil jualan”<sup>24</sup>*

Kenyataan di atas diakui oleh subjek 7 yang menjelaskan bahawa ;

*“Kak Zi bersedia menjadikan rumahnya sebagai tempat berlindung sehingga Nurul boleh berdikari dan sehingga anak tersebut membesar”<sup>25</sup>*

Berdasarkan kenyataan di atas, penyelidik mendapati subjek 2 banyak bergantung kepada ibu bapa, abang dan kakaknya untuk membiayai kos keperluan anaknya. Ini disebabkan subjek 2 telah berhenti kerja selepas tragedi peristiwa hitam yang menimpanya. Tambahan pula, pendapatan bapanya sebagai seorang nelayan pantai di Kuala Kedah yang tidak seberapa hanya mampu menyediakan keperluan anaknya dengan kewangan yang terbatas. Berbeza dengan subjek 4 yang tidak mendapat sokongan daripada ibu bapanya dan tidak boleh menerima hakikat bahawa subjek 4 melahirkan anak luar nikah. Mereka juga enggan menerima kehadiran anak tersebut menjadi sebahagian daripada ahli keluarga. Mereka juga tidak memberi peruntukan kewangan kepada subjek 4 dalam membesarkan anak tersebut. Walau bagaimanapun, kebajikan subjek 4 terbelah apabila subjek 7 sanggup memeliharanya dan anak tersebut. Bagi meringankan bebanannya, subjek 7 telah menyediakan peluang pekerjaan kepada subjek 4 dengan membantunya menjual nasi lemak. Hasil upah yang diterima, dapatlah subjek 4 membeli barang-barang keperluan dirinya dan anak tersebut. Selain itu, subjek 4 juga mendapat sokongan daripada ahli

---

<sup>24</sup>Nurul, temu bual oleh penyelidik, No. 23, Kg Limbong, Langgar, Alor Setar, 20 Januari, 2015.

<sup>25</sup>Kak Zi, temu bual oleh penyelidik, No. 23, Kg Limbong, Langgar, Alor Setar, 20 Januari, 2015.

keluarganya yang lain di mana subjek 4 menjelaskan “kadang-kadang ada juga mak saudara, pak saudara bagi duit untuk beli susu anak”.<sup>26</sup>

Selain itu, subjek 2 dan subjek 4 tidak mengetahui fungsi JKM, LZNK dan Baitulmal Negeri Kedah bahkan mereka tidak pernah berurusan dengan ketiga-tiga insituti tersebut untuk mendapatkan bantuan kewangan bagi menyara keperluan anak luar nikah masing-masing. Fakta ini dijelaskan oleh subjek 2 bahawa ;

*“Saya tak minta apa-apa bantuan pun daripada zakat, jabatan kebajikan atau baitulmal.. Saya tak pernah pi berurusan pun..lagipun saya tak tau tugas pejabat tu”<sup>27</sup>*

Subjek 4 pula menyatakan ;

*“Tak pernah mengadu masalah anak tu....kepada JKM, jabatan zakat dan baitulmal. Anak tak dapat bantuan apa pun. Saya pun tak tau apa benda bidang tugas pejabat tu. Bila dah tau ada bantuan, saya akan cuba pi untuk mendapatkan bantuan ...untuk anak ni”<sup>28</sup>*

Berdasarkan kenyataan di atas, penyelidik mendapati sikap kedua-dua subjek tersebut yang tidak berikhtiar untuk mengetahui tentang fungsi JKM, LZNK dan baitulmal bahkan tidak berurusan dengan ketiga-tiga institusi tersebut menunjukkan kelemahan mereka sebagai rakyat lebih-lebih lagi mereka terdiri daripada kalangan keluarga miskin. Dakwaan tidak tahu atau tidak pernah berurusan adalah meleset kerana sumber informasi dapat diperoleh dengan pelbagai cara antaranya melalui Jawatankuasa Kemajuan dan

---

<sup>26</sup>Nurul, temu bual oleh penyelidik, No. 23, Kg Limbong, Langgar, Alor Setar, 20 Januari, 2015.

<sup>27</sup>Ema, temu bual oleh penyelidik, RPNH Alor Setar, 27 Januari 2015.

<sup>28</sup>Nurul, temu bual oleh penyelidik, No. 23, Kg Limbong, Langgar, Alor Setar, 20 Januari, 2015.

Keselamatan Kampong (JKKK), Ahli Jawatan Kuasa (AJK) Masjid atau Pusat Khidmat Wakil Rakyat (PKWR) di kawasan mereka. Ini disebabkan agensi-agensi tersebut merupakan “wakil kerajaan” yang boleh melaporkan segala aduan berkaitan isu-isu dan permasalahan masyarakat untuk tindakan ketiga-tiga institusi tersebut.

Merujuk isu kedua di atas, subjek 1 menyatakan bahawa tanggungjawab menjaga anak luar nikahnya terpikul ke atas bahu STU yang mengambil anaknya sebagai anak angkat dengan menyediakan segala keperluan asas yang diperlukan seperti susu, lampin pakai buang, pakaian, sijil kelahiran, rawatan dan sebagainya. Fakta ini disahkan oleh subjek 1 ketika sesi temu bual, katanya ;

*“Keperluan susu, lampin pakai buang, buat surat beranak, rawatan di hospital.. semua diurus oleh ibu angkat”<sup>29</sup>*

Selain itu, subjek 1 juga telah menyusui badan kepada anak tersebut ketika tinggal selama sebulan dengan STU bahkan sanggup memerah susunya untuk disimpan bagi memenuhi keperluan anak tersebut. Sikap positif subjek 1 tersebut menunjukkan sifat mulia dan kasihan belas kepada anak tersebut yang merupakan darah dagingnya meskipun telah menjadi anak angkat kepada STU. Ketika ditemu bual, subjek 1 menyatakan ;

*“Lepas bersalin duduk di rumah dia sebulan. Lepas tu tinggal dengan mak. Ibu angkat yang urus susu, lampin pakai buang sebab anak dok dengan ibu angkat. Saya simpan siap-siap susu badan di rumah ibu angkat, dalam 5 hari macam tu”<sup>30</sup>*

---

<sup>29</sup>Ros, temu bual oleh penyelidik, RPNH Alor Setar, 27 Januari 2015.

<sup>30</sup>Ibid.

Bagi subjek 3 pula, JKL yang mengambil anaknya sebagai anak angkat telah membiayai kos pendaftaran masuk wad sehingga bersalin termasuk sugu hati yang kesemuanya berjumlah RM 10,000 (Ringgit Malaysia : Sepuluh Ribu sahaja).<sup>31</sup> Berdasarkan fakta di atas, penyelidik mendapati subjek 3 tiada masalah kewangan untuk menjaga anak tersebut kerana penjagaan anak tersebut diserahkan kepada JKL sebagai keluarga angkat.

Menyentuh aspek pengurusan, terdapat empat (4) isu yang berbangkit hasil temu bual dengan subjek-subjek tersebut iaitu pertama ; peranan RPNH dan institusi JKM terhadap remaja hamil luar nikah, kedua ; pendaftaran nama anak luar nikah di JPN, ketiga ; proses pengambilan anak luar nikah sebagai anak angkat dan keempat ; pendaftaran pengangkatan anak luar nikah di JPN.

Merujuk isu pertama di atas, penyelidik mendapati keempat-empat subjek merupakan penghuni di RPNH setelah dihantar oleh keluarga masing-masing apabila disahkan hamil luar nikah. Sepanjang tinggal di RPNH, segala urusan berkaitan rawatan dan pemeriksaan ibu mengandung di HSB diuruskan oleh RPNH. Ketika ditemu bual oleh penyelidik, subjek 1 menyatakan ;

*“Masa mengandung, Rumah Perlindungan Nurul Hana (RPNH) bawa pi cek perut. Pihak sini (RPNH) yang bawa saya pi hospital untuk bersalin. 22 Ogos dibawa pergi dan 25 Ogos 2014 bersalin. Masa bersalin tak dan nak bagitau pada mak lagi. Bersalin dulu tanpa pengetahuan mak. Lepas bersalin tinggal di rumah ibu angkat, STU dekat Anak Bukit. Dia (STU) penjaga di sini (RPNH)”<sup>32</sup>*

---

<sup>31</sup>Nor, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 03 Februari, 2015.

<sup>32</sup>Ros, temu bual oleh penyelidik, RPNH Alor Setar, 27 Januari 2015.

Begitu juga dengan subjek 2 turut menjelaskan ;

*“RPNH yang menguruskan rawatan dan pemeriksaan doktor ketika saya mengandung”<sup>33</sup>*

Bagi subjek 3 pula menyatakan ;

*“Bila tahu kata mengandung, mak dan abah hantar saya ke RPNH. Dok sana hingga bersalin. Bila sakit nak bersalin, mak dan abah mai ambik dan bawa saya pi ke Pusat Perubatan INS, Alor Setar”<sup>34</sup>*

Subjek 4 pula memaklumkan ;

*“Tahu kata mengandung bila buat urine test di Pusat Perubatan INS. Mula-mula tak mau mai sini (RPNH). Mak dan mak saudara suruh mai juga. Depa hantar mai sini 02/03/2014. Masa tu mengandung 5 bulan”<sup>35</sup>*

Penyelidik mendapati keempat-empat subjek di atas mengakui bahawa RPNH telah melaksanakan tanggungjawab pengurusan kepada mereka. Pengakuan keempat-empat subjek tersebut disahkan oleh Nashikin Hanafi iaitu ;

*“Pihak sini (RPNH) yang menguruskan dengan pihak Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) kepada setiap penghuni yang tinggal di sini sehingga selesai bersalin”<sup>36</sup>*

Berdasarkan kenyataan di atas, penyelidik mendapati RPNH dan institusi JKM telah melaksanakan peranan masing-masing terhadap remaja hamil luar nikah yang menjadi

---

<sup>33</sup>Ema, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 27 Januari 2015.

<sup>34</sup>Nor, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 03 Februari, 2015.

<sup>35</sup>Nurul, temu bual oleh penyelidik, No. 23, Kg Limbong, Langgar, Alor Setar, 20 Januari, 2015.

<sup>36</sup>Nashikin Hanafi, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 6 Mei, 2014.



penghuni di premis tersebut bermula daripada rawatan ibu mengandung hingga bersalin. Namun begitu, terdapat kelemahan pada RPNH dalam menyalurkan maklumat kepada keluarga subjek 1 di mana ibu subjek 1 hanya dimaklumkan setelah subjek 1 selamat bersalin. Berbeza dengan subjek 2, RPNH sempat memaklumkan lebih awal kepada ibu bapanya sebelum subjek 2 bersalin lagi. Walau bagaimanapun, kelewatan menerima maklumat tersebut bukanlah suatu masalah besar kerana ibu subjek 1 sudah memahami tanggungjawab tersebut telah dilaksanakan oleh RPNH dengan sempurna. Lagi pun, ibu subjek 1 sudah dimaklumkan lebih awal oleh subjek 1 bahawa anak tersebut akan diserahkan terus kepada STU selaku keluarga angkat. Bagi subjek 3 pula, ibu bapanya telah membawa subjek 3 bersalin di Pusat Perubatan INS, Alor Setar dan tidak ke HSB yang lazimnya diuruskan oleh RPNH. Ini disebabkan subjek 6 ramai kenalan dan saudara mara yang bertugas di HSB yang mana isu subjek 3 mengandung luar nikah mahu dirahsiakan daripada pengetahuan mereka. Fakta ini disahkan oleh subjek 6 sewaktu ditemu bual oleh penyelidik dengan menyatakan ;

*“Selepas doktor di Hospital Jitra mengesahkan Nor mengandung 5 bulan, saya bawa Nor ke RPNH untuk tinggal di sana sehingga bersalin di Pusat Perubatan INS, Alor Setar. Saya tidak membawanya ke Hospital Jitra atau Hospital Sultanah Bahiyah kerana saya mempunyai ramai kenalan dan saudara mara yang bertugas di sana dan tidak mahu isu tersebut diketahui oleh mereka”<sup>37</sup>*

Merujuk isu kedua pula, penyelidik mendapati STU tidak menghadapi masalah untuk mendaftarkan nama anak tersebut di JPN kerana subjek 1 telah memberikan kerjasama yang baik kepadanya dengan menyerahkan kad pengenalan, kad pranatal (kad merah) dan

---

<sup>37</sup>Encik Roslan, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 03 Februari, 2015.

dokumen-dokumen yang berkaitan. Bagi subjek 2, tanggungjawab mendaftarkan nama anak tersebut dan proses mendapatkan sijil kelahiran di JPN diuruskan oleh abang subjek 2 dikenali sebagai Zamri (nama samaran). Subjek 2 menyatakan bahawa ;

*“Masa balik lepas bersalin diurus oleh abang saya..terus balik ke rumah. Lepas bersalin, cek doktor dan pemeriksaan kesihatan. Abang Zamri samaran) yang tolong buat surat beranak, rawatan bersalin di klinik dan di hospital”<sup>38</sup>*

Bagi subjek 3, segala pengurusan anak tersebut diuruskan oleh JKL yang mengambilnya sebagai anak angkat.<sup>39</sup> Subjek 4 pula begitu gigih menguruskan perihal anak tersebut sambil menjelaskan kepada penyelidik tentang pengurusan anaknya iaitu ;

*“Saya yang urus sendiri anak tu. Bagi susu, pakai lampin pakai buang dan pakai baju. Kadang-kadang mak saudara tolong bantu juga”<sup>40</sup>*

Menurut subjek 7, tugas membantu apa sahaja keperluan subjek 4 dan anak tersebut tidak pernah diabaikannya. Lagipun, subjek 7 turut memberi keyakinan kepada empat (4) orang anaknya agar membantu subjek 4 dan anak tersebut tanpa ada perbezaan antara mereka. Tambahan pula subjek 4 dan anak tersebut dianggap seperti anak dan cucu sendiri, merupakan zuriat keturunan dan darah dagingnya yang perlu dibela.<sup>41</sup>

---

<sup>38</sup>Ema, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 27 Januari 2015.

<sup>39</sup>Nor, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 03 Februari, 2015.

<sup>40</sup>Nurul, temu bual oleh penyelidik, No. 23, Kg Limbong, Langgar, Alor Setar, 20 Januari, 2015.

<sup>41</sup>Kak Zi, temu bual oleh penyelidik, No. 23, Kg Limbong, Langgar, Alor Setar, 20 Januari, 2015.

Bagi anak luar nikah yang lahir ketika ibunya menjadi penghuni TSP, segala urusan berkaitan bersalin dan pendaftaran nama anak luar nikah dipertanggungjawabkan kepada JKM. Haslinda Abdul Samad menyatakan ;

*“Dalam tempoh 6 bulan mengandung hingga bersalin, JKM akan menguruskan mereka bersalin dan memproses dokumen-dokumen berkaitan untuk mendapatkan sijil kelahiran daripada JPN”<sup>42</sup>*

Kenyataan Haslinda Abdul Samad disahkan oleh Azhar Ahmad yang menjelaskan bahawa JKM bertanggungjawab sepenuhnya menguruskan pendaftaran nama dan sijil kelahiran anak luar nikah di JPN jika ibunya bersalin ketika berada di mana-mana institusi perlindungan di bawah JKM. Sebaliknya, jika ibunya bersalin di mana-mana tempat yang bukan tanggungjawab JKM, keluarga ibunya sendiri berkewajipan menentukan nama anak tersebut dan mendaftarkannya di JPN.<sup>43</sup> Kenyataan Azhar Ahmad disokong oleh Mohd Riddual Ahmad yang menyatakan bahawa JPN hanya mendaftarkan nama anak luar nikah sahaja di bahagian “nama anak” dan mengosongkan di bahagian “nama bapa” dalam borang pendaftaran sijil kelahiran atau dicatat “maklumat tidak diperoleh”. Bagi anak luar nikah, namanya akan di“bin” atau di“binti”kan dengan *Asma Al-Husna* yang bermula dengan Abdul seperti Abdullah, Abdul Rahman dan sebagainya. Sebaliknya, jika nama sebenar bapa biologi tersebut ialah Abdullah, maka nama anak luar nikah tersebut didaftarkan dengan nama Abdul yang lain seperti Abdul Rahman, Abdul Razak dan sebagainya. Selepas itu, JPN meletakkan “permohonan seksyen 13” di bawah sijil kelahiran anak tersebut.<sup>44</sup>

---

<sup>42</sup>Haslinda Abdul Samad, temu bual oleh penyelidik, Wisma Persekutuan, Anak Bukit, 13 Januari 2014.

<sup>43</sup>Azhar Ahmad, temu bual oleh penyelidik, PKMD Kubang Pasu, 03 Februari 2016.

<sup>44</sup>Mohd Riddual Ahmad, temu bual secara telefon oleh penyelidik, 23 Disember, 2015.

Merujuk isu ketiga di atas, STU mengambil anak luar nikah daripada subjek 1 secara langsung tanpa melalui proses permohonan seperti yang ditetapkan oleh JKM. Keadaan ini berlaku disebabkan subjek 1 menjadi penghuni RPNH manakala STU juga bertugas di RPNH. Ini memudahkan STU “menempah” anak yang dikandung oleh subjek 1 untuk dijadikan anak angkat. JKM akan menghadapi masalah jika keluarga angkat mengambil anak luar nikah sebagai anak angkat secara langsung daripada ibunya tanpa sebarang dokumen pengenalan diri. Masalah timbul apabila anak tersebut membesar dan ingin mendaftar masuk ke sekolah, keluarga angkat akan menghubungi JKM untuk mendapatkan sijil kelahiran. Ketika itu, JKM menghadapi kesukaran menguruskan sijil kelahiran kerana JPN hanya memproses sijil kelahiran berdasarkan dokumen kelahiran anak tersebut sahaja.<sup>45</sup>

Menurut Haslinda Abdul Samad, bagi anak luar nikah yang enggan dipelihara oleh ibunya selepas keluar daripada TSP, JKM boleh menyerahkan anak tersebut kepada mana-mana pihak yang berminat memelihara anak luar nikah dan anak tersebut dipanggil “anak pelihara”. Seseorang anak pelihara akan diberi hak jagaan kepada keluarga pelihara selama dua (2) tahun sebagai tempoh percubaan sebelum didaftarkan sebagai anak angkat. Dalam tempoh tersebut, JKM akan memberi bantuan kewangan sebanyak RM 250.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Lima Puluh sahaja) paling minima untuk seorang anak pelihara dan sebanyak RM 500.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ratus Lima sahaja) paling maksima jika terdapat dua (2) orang atau lebih anak pelihara. Sekiranya keluarga pelihara berminat untuk menjadi keluarga angkat dan selepas dijaga oleh pasangan tersebut selama

---

<sup>45</sup>Haslinda Abdul Samad, temu bual oleh penyelidik, Wisma Persekutuan, Anak Bukit, 13 Januari 2014.

dua (2) tahun, bantuan anak pelihara akan ditamatkan setelah berlaku pengangkatan. Selepas itu, baharulah pengangkatan terhadap anak tersebut dibuat dengan mendaftarkan nama anak tersebut di JPN dan hak penjagaan kekal diberikan kepada keluarga angkat.<sup>46</sup>

Merujuk isu keempat pula, pada asalnya, sijil kelahiran anak tersebut mempunyai nama ibunya, tetapi apabila dibuat pengangkatan nama ibunya dipadamkan dalam sijil kelahiran yang baharu seterusnya didaftarkan dengan nama ibu bapa angkat dalam sijil kelahiran tersebut. Selepas pengangkatan, jika anak tersebut bukan warganegara Malaysia, permohonan taraf kewarganegaraan boleh dibuat oleh ibu bapa angkat di JPN.<sup>47</sup>

Pandangan Haslinda Abdul Samad disahkan oleh Mohd Basharudin Samsudin yang menyatakan selepas tempoh dua (2) tahun penjagaan, keluarga pelihara boleh memohon anak pelihara sebagai anak angkat dengan mengisi borang JPN AA07 (Borang Akuan Penjagaan Anak). Walau bagaimanapun, Pelindung akan menyiasat terlebih dahulu sama ada terdapat keperluan anak luar nikah diberikan kepada ibu, penjaga, keluarga angkat ataupun institusi JKM seperti RKK, RTH dan TSP sehingga mencapai usia lapan belas (18) tahun setelah mendapat perintah mahkamah.<sup>48</sup>

### **4.3.3 Pendidikan**

Menyentuh aspek pendidikan, terdapat dua (2) isu yang berbangkit hasil temu bual dengan subjek-subjek tersebut iaitu pertama ; keempat-empat subjek tidak berminat untuk belajar

---

<sup>46</sup>Haslinda Abdul Samad, temu bual oleh penyelidik, Wisma Persekutuan, Anak Bukit, 13 Januari, 2014.

<sup>47</sup>Ibid.

<sup>48</sup>Mohd Basharudin Samsudin, temu bual oleh penyelidik, Pejabat PKMD Kota Setar, Kedah, 01 Februari, 2016.

lagi dan kedua ; subjek 1, subjek 2 dan subjek 4 terdiri di kalangan keluarga miskin dan tiada sumber kewangan yang kukuh manakala subjek 3 terdiri dari keluarga pertengahan dan berpendapatan tetap.

Kedua-dua isu di atas dikenal pasti berdasarkan kenyataan keempat-empat subjek tersebut. Subjek 1 telah menjelaskan bahawa ;

*“Sekarang tak sekolah..kena jaga adik. Pihak sekolah suruh pi sekolah. Berhenti sekolah masa tingkatan 2. Tak bercadang untuk sambung belajar..mak tak bagi, mak suruh jaga adik...adik yang kecil 8 bulan, yang lain 6 tahun (kembar) mengaji di Tadika KEMAS dan 13 tahun mengaji di Sekolah Menengah Tunku Malik”<sup>49</sup>*

Begitu juga dengan subjek 2 turut menyatakan ;

*“tak bercadang nak sambung belajar lagi sebab masalah kewangan. Kelulusan tak elok. Saya cadang nak masuk kursus menjahit bila anak dah besar nanti... berazam untuk jaganya hingga besar dan akan bagi pendidikan yang sempurna”<sup>50</sup>*

Menurut subjek 3 ;

*“Mak abah sangat ambik berat tentang suruhan agama seperti sembahyang berjamaah, mengaji al-Quran. Mak dan abah selalu bawa pi dengar kuliah agama di masjid. Bila dok di RPNH, saya diajar tentang bacaan al-Quran dan tajwid, fardhu ain dan sembahyang berjamaah”<sup>51</sup>*

---

<sup>49</sup>Ros, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 27 Januari, 2015.

<sup>50</sup>Ema, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 27 Januari, 2015.

<sup>51</sup>Nor, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 03 Februari, 2015.

Subjek 4 pula menyatakan ;

*“Tak bercadang nak sambung mengaji. Kelulusan tak elok. Saya cadang nak masuk kursus menjahit bila anak dah besar nanti”<sup>52</sup>*

Merujuk isu pertama, penyelidik mendapati keempat-empat subjek telah mengabaikan tanggungjawab utama iaitu menuntut ilmu. Subjek 1 tidak mendapat sokongan daripada ibunya untuk meneruskan pengajian di sekolah bahkan ibunya menyuruh subjek 1 berhenti sekolah mulai tahun 2014 dan perlu menjaga adik-adiknya yang masih kecil. Adik-adik subjek 1 tersebut adalah hasil perkahwinan ibu dengan bapa tirinya. Subjek 1 hanya sempat belajar hingga Tingkatan Dua sahaja dalam tahun 2013. Pihak sekolah pula pernah menasihati subjek 1 agar menyambung pelajarannya semula tetapi subjek 1 menolak dengan alasan tersebut.

Tindakan ibu subjek 1 turut disokong oleh bapa tirinya yang bersetuju subjek 1 berhenti sekolah disebabkan kedua-duanya bekerja. Lagipun, subjek 1 adalah anak perempuan yang dianggap sesuai menjadi pengasuh anak-anaknya berbanding dengan anak lelaki tirinya iaitu abang subjek 1 yang dibenarkan bersekolah. Bapa tiri subjek 1 seorang kontraktor yang sentiasa sibuk dengan tugasannya. Ternyata bahawa kedua-duanya sanggup mengabaikan kewajipan mereka memberikan pendidikan kepada subjek 1 dan lebih mementingkan diri sendiri dengan meletakkan kewajipan mengasuh anak-anak kecilnya di bahu subjek 1 sedangkan tanggungjawab tersebut seharusnya dipikul oleh kedua-duanya. Jika tidak mempunyai kepentingan diri, sudah tentulah tugas menjaga

---

<sup>52</sup>Nurul, temu bual oleh penyelidik, No. 23, Kg Limbong, Langgar, Alor Setar, 20 Januari, 2015.

anak-anak tersebut diserahkan kepada pihak lain sama ada dihantar ke pusat penjagaan anak ataupun di rumah pengasuh tanpa perlu dibebankan kepada subjek 1.

Selain itu, subjek 1 hilang minat untuk belajar ketika masih berusia lima belas (15) tahun disebabkan hubungan seksual bersama teman lelaki yang dikenali sebagai Adam (nama samaran). Persahabatan mereka hanya terjalin dalam tempoh sebulan sahaja. Kejadian berlaku apabila subjek 1 yang mempunyai banyak masa yang terluang berada di rumah akibat tidak bersekolah mendorong Adam mengambil kesempatan membawa subjek 1 keluar bersama-samanya ke bandar Alor Setar pada hujung minggu. Adam telah berjaya mempengaruhi subjek 1 sehingga tergamak melakukan hubungan seks. Lantaran terkesan dengan hubungan seksual tersebut, rasa malu dengan kawan-kawan dan ingin menjaga aib diri dan keluarga menyebabkan subjek 1 enggan bersekolah lagi.

Bagi subjek 2 pula, tahap pengajiannya hanyalah pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sahaja. Selepas tamat SPM, subjek 2 tidak berminat untuk menyambung pengajiannya ke peringkat lebih tinggi, sebaliknya mahu bekerja untuk meringankan bebanan keluarga. Subjek 2 pernah bekerja di kedai kasut di Alor Setar dan di Kompleks Pekan Rabu, Alor Setar sebagai juru jual serta pernah menjalani kursus jahitan di Mergong. Bermula di tempat kerja, subjek 2 terlibat dalam pergaulan bebas dengan teman lelakinya yang dikenali sebagai Udin (nama samaran). Pergaulan bebas tanpa batas sempadan mendorong kedua-duanya melakukan hubungan seks. Kesan daripada



perlakuan tersebut, subjek 2 melahirkan anak luar nikah di mana ibu bapa dan ahli keluarganya terpaksa mengambil tanggungjawab membesarkan anak tersebut.<sup>53</sup>

Subjek 3 pula pernah berkerja sebagai Pembantu TASKA di suatu tempat di Jitra, Kedah selepas tamat belajar di salah sebuah kolej di Kelang, Selangor. Selepas melahirkan anak luar nikah, subjek 3 enggan bersekolah lagi meskipun keluarganya mampu membiayai pengajiannya. Kedua-dua ibu bapa subjek 3 sangat memberikan perhatian dalam soal pendidikan agama. Pendekatan melalui sembahyang berjamaah bersama ahli keluarga dan bacaan al-Quran yang sangat dititikberatkan kepadanya menggambarkan subjek 3 sebenarnya mempunyai asas agama yang kuat. Subjek 6 telah mengesahkan bahawa ;

*“Saya sentiasa memberi penekanan tentang ilmu keagamaan sejak di rumah lagi tentang solat berjamaah, bacaan al-Quran selain mengikuti kuliah dan ceramah agama di masjid. Saya juga membenarkan Nor menyertai sukarelawan di UUM”<sup>54</sup>*

Subjek 4 pula hanya membantu ibu bapanya di warung kopi di suatu kampung dalam daerah Kubang Pasu, Kedah selepas tamat SPM. Subjek 4 pula hanya didedahkan dengan mata pelajaran agama secara formal di sekolah sahaja. Meskipun tidak berjaya dalam pelajaran, subjek 4 bercita-cita untuk mengikuti kursus jahitan pada masa akan datang apabila anak tersebut besar nanti. Minat yang ditunjukkan oleh subjek 4 dalam bidang perniagaan membuktikan dirinya mahu mengubah kehidupannya biarpun subjek 4 tidak mampu melonjakkan kakinya ke peringkat pendidikan yang lebih tinggi seperti wanita-

---

<sup>53</sup>Ibid.

<sup>54</sup>Encik Roslan, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 03 Februari, 2015.

wanita lain. Kesungguhan subjek 4 dikongsi bersama oleh subjek 7 yang mahu menghantar subjek 4 menjalani kursus.

Sewaktu ditemu bual oleh penyelidik, subjek 7 menyatakan ;

*“Setakat ini Kak Zi tak cadang nak hantar Nurul masuk mana-mana kursus kerana anak tu kecik lagi.. dia kena jaga bagi besar dulu dan bagi perhatian dulu. Selepas ini Kak Zi nak hantar Nurul belajar masak, menjahit dan berniaga di mana-mana tempat yang ada kursus tu”<sup>55</sup>*

Berdasarkan kenyataan di atas, penyelidik mendapati selepas hamil luar nikah, keempat-empat subjek didedahkan dengan ilmu keagamaan dan kemahiran sewaktu menjadi penghuni di RPNH. Mereka bersifat positif tentang pendidikan agama seperti kelas bacaan al-Quran dan Tajwid, kelas bimbingan agama dan Fardhu Ain serta sembahyang berjamaah yang disusun oleh pengurusan RPNH. Keempat-empat subjek sangat gembira dan berpuas hati dengan program tersebut sehingga mampu membentuk keyakinan diri setelah menghadapi peristiwa hitam dalam hidup mereka. Begitu juga dengan pendedahan ilmu kemahiran diri, mereka boleh berdikari untuk memelihara anak tersebut selepas keluar daripada RPNH kelak. Fakta di atas disokong oleh Nashikin Hanafi yang menyatakan RPNH melatih setiap remaja hamil luar nikah yang menjadi penghuninya dengan ilmu-ilmu kemahiran diri seperti membuat barang-barang kraftangan dan makanan sejuk beku. Barang-barang tersebut dijual di majlis-majlis anjuran JKM atau mana-mana NGO yang lain bertujuan mendapatkan dana bagi menampung kos pengurusan sepanjang berada di RPNH.<sup>56</sup>

---

<sup>55</sup>Kak Zi, temu bual oleh penyelidik, No. 23, Kg Limbong, Langgar, Alor Setar, 20 Januari, 2015.

<sup>56</sup>Nashikin Hanafi, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 6 Mei, 2014

Menyentuh isu kedua pula, penyelidik mendapati subjek 1, subjek 2 dan subjek 4 bersikap negatif apabila meletakkan faktor kemiskinan keluarga sebagai punca mereka hilang minat untuk belajar. Bagi subjek 1, ibunya bekerja sebagai tukang cuci di KMC dengan pendapatan sebanyak RM 900.00 (Ringgit Malaysia : Sembilan Ratus sahaja) sebulan. Dalam masa yang sama, ibunya juga turut menjual nasi lemak di KMC untuk menambahkan pendapatan. Jumlah pendapatan ibunya tidak cukup untuk membiayai perbelanjaan persekolahan mereka. Oleh itu, subjek 1 tidak dibenarkan bersekolah dan disuruh mengasuh adik-adiknya yang masih kecil. Ibunya memberi sugu hati antara RM 30.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Puluh sahaja) ke RM 50.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh sahaja) sebulan sebagai upah menjaga adik-adiknya.<sup>57</sup>

Bagi subjek 2 pula, faktor kemiskinan keluarga juga dikenal pasti sebagai penghalang kepadanya untuk meneruskan persekolahan. Pendapatan bapanya sebagai nelayan pantai yang bergantung sepenuhnya kepada hasil tangkapan ikan tidak menjamin kewangan yang mantap untuk membiayai kos pengajiannya jika subjek 2 ingin menyambung pelajarannya ke peringkat yang lebih tinggi. Lagipun, ibunya tidak bekerja dan bergantung kepada pemberian wang yang tidak menentu daripada abang dan kakak subjek 2 untuk menyara keperluan hidup mereka.<sup>58</sup>

Begitu juga dengan subjek 4 yang tidak mendapat bantuan kewangan daripada kedua-dua ibu bapanya selepas melahirkan anak luar nikah. Subjek 4 terpaksa berdikari dengan menjual nasi lemak bagi menyara keperluan dirinya dan anak tersebut. Kemiskinan

---

<sup>57</sup>Ros, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 27 Januari, 2015.

<sup>58</sup>Ema, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 27 Januari, 2015.

keluarga dan tiada sokongan daripada kedua-dua ibu bapanya menjadi punca kepada subjek 4 hilang semangat untuk belajar lagi. Oleh itu, subjek 4 terpaksa melupakan hasrat untuk belajar sebaliknya berazam membesarkan anaknya dengan memberikan ilmu hingga ke peringkat yang lebih tinggi sebagai pengganti dirinya yang tidak mampu bersekolah disebabkan masalah kewangan.<sup>59</sup>

Berdasarkan kenyataan di atas, penyelidik mendapati terdapat agensi-agensi kerajaan seperti JKM, LZNK dan baitulmal boleh menyalurkan bantuan kewangan, tetapi dalam keadaan tertentu, keluarga remaja hamil luar nikah yang miskin berhadapan dengan masalah-masalah lain pula seperti kekangan masa, kos pengangkutan dan sebagainya untuk pergi berurusan dengan agensi-agensi terbabit. Masalah tersebut membantutkan peluang keluarga tersebut untuk mendapat bantuan lebih-lebih lagi mereka perlu hadir berulang-ulang kali ke pejabat agensi berkenaan bagi memenuhi prasyarat yang ditetapkan sementara menunggu kelulusan. Tambahan pula, isu kemiskinan keluarga dan hamil luar nikah pada usia remaja merupakan faktor utama yang menyekat kedua-dua subjek untuk meneruskan persekolahan mereka dan ini menggambarkan mereka menghadapi masa depan yang gelap jika gagal meneruskan pengajian.

Menurut Mohd Basharudin Samsudin, subjek 1, subjek 2 dan subjek 4 boleh memohon bantuan kewangan ke pejabat JKM di setiap daerah jika berminat untuk belajar meskipun telah melahirkan anak luar nikah. Contohnya, PKMD Kota Setar akan memproses permohonan tersebut mengikut *prosedur* tertentu jika memenuhi syarat-syarat yang

---

<sup>59</sup>Nurul, temu bual oleh penyelidik, No. 23, Kg Limbong, Langgar, Alor Setar, 20 Januari, 2015.

ditetapkan seterusnya memanjangkan laporan ke ibu pejabat JKM Alor Setar untuk kelulusan. Jika permohonan tersebut memerlukan kelulusan khas Ketua Pengarah JKM, maka laporan daripada JKM Alor Setar akan dipanjangkan kepada ibu pejabat JKM di Putrajaya. Selain itu, JKM juga boleh menyalurkan maklumat tentang masalah kewangan subjek 2 kepada LZNK atau baitulmal kerana bantuan kepada remaja hamil luar nikah termasuk dalam kategori *asnaf* yang layak menerima zakat atau bantuan.<sup>60</sup>

Selain itu, JKM juga menyediakan peluang pendidikan secara formal kepada anak luar nikah yang ditempatkan di institusi bawah JKM melalui perintah mahkamah seperti RKK di Kepala Batas, Pulau Pinang, RKK di Arau, Perlis, RKK Tunku Budriah di Kuala Kangsar, Perak dan RBL Tun Abd. Aziz di Durian Daun, Melaka.<sup>61</sup> Bagi pendidikan kemahiran vokasional disediakan di Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan, Serendah, Selangor.<sup>62</sup> Fakta ini disahkan oleh Haslinda Abdul Samad yang menyatakan JKM sentiasa prihatin dengan nasib anak luar nikah dan berusaha memastikan agar mereka mendapat pendidikan yang sempurna sama ada secara formal ataupun kemahiran vokasional. Melalui pendidikan tersebut, JKM meletakkan harapan agar mereka boleh berdikari apabila dewasa kelak.<sup>63</sup>

---

<sup>60</sup>Mohd Basharudin Samsudin, temu bual oleh penyelidik, Pejabat PKMD Kota Setar, Kedah, 01 Februari 2016.

<sup>61</sup>Seksyen 54 (1), Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang memperuntukkan “Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menubuhkan atau menetapkan mana-mana tempat, institusi atau pusat menjadi suatu tempat selamat bagi pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak”.

<sup>62</sup>Seksyen 65, Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang memperuntukkan “Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menubuhkan atau menetapkan sekolah-sekolah diluluskan yang dikehendaki bagi pendidikan, latihan dan penahanan kanak-kanak yang hendak dihantar ke sana menurut Akta ini”.

<sup>63</sup>Haslinda Abdul Samad, temu bual oleh penyelidik, Wisma Persekutuan, Anak Bukit, 13 Januari 2014.

Kenyataan di atas disokong oleh Azhar Ahmad yang menyatakan bahawa anak luar nikah yang belajar di sekolah rendah bawah umur dua belas (12) tahun ditempatkan di RKK di Kepala Batas, Pulau Pinang dan bagi mereka yang belajar di sekolah menengah berumur antara tiga belas (13) hingga lapan belas (18) tahun ditempatkan di RKK Arau, Perlis. Selain itu, JKM turut menyediakan kelas-kelas kemahiran secara tidak formal seperti menjahit, memasak dan sebagainya serta kursus kemahiran automotif di Serendah, Selangor. Bagi anak luar nikah yang cacat anggota dan berdaftar sebagai Orang Kurang Upaya (OKU), JKM akan menempatkan mereka di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) sehingga usia lapan belas (18) tahun dan sekolah pendidikan khas di bawah JPN seluruh Malaysia. Bagi anak luar nikah yang cacat mental seperti *down-sindrom*, lembam dan sebagainya, JKM menyediakan pendidikan khas secara harian di PDK mengikut daerah tempat tinggal mereka. Jika anak luar nikah yang cacat anggota atau cacat mental tidak mempunyai penjaga, keluarga pelihara atau keluarga angkat, mereka akan ditempatkan di Taman Sinar Harapan (TSH).<sup>64</sup>

Selain itu, JKM memelihara anak luar nikah sehingga mencecah usia dua puluh satu (21) tahun sahaja. Selepas usia tersebut, mereka akan diserahkan kepada keluarga masing-masing. Jika mereka tiada ahli keluarga yang mahu memeliharanya, JKM akan menguruskan pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan akademik mereka sepanjang tinggal di RKK. Sebaliknya, jika mereka mempunyai prestasi akademik yang baik, JKM akan meminta keluarganya membiayai kewangan sehingga mereka tamat pengajian di peringkat institusi pengajian tinggi. Sekiranya keluarga mereka miskin dan tidak mampu

---

<sup>64</sup>Azhar Ahmad, temu bual oleh penyelidik, PKMD Kubang Pasu, 03 Februari 2016.

membiasai pengajian tersebut, JKM akan menanggung segala kos pengajian di universiti sehingga tamat belajar.<sup>65</sup>

#### 4.3.4 Emosi dan Perasaan

Menyentuh aspek emosi dan perasaan, terdapat dua (2) isu yang diketengahkan oleh subjek-subjek tersebut iaitu pertama ; keempat-empat subjek berasa sedih, kecewa dan malu setelah disahkan mengandung anak luar nikah dan kedua ; keempat-empat subjek mempunyai perasaan kasih dan sayang kepada anak luar nikah. Penyelidik telah menyelami perasaan hati dan emosi keempat-empat subjek tersebut.

Ketika ditemu bual, subjek 1 menyatakan ;

*“Sedih atas apa yang berlaku. Doktor marah sebab bersalin usia muda. Doktor nasihat jangan ulangi lagi...jangan buat benda yang dah lepas. Ada perasaan kasih sayang pada anak tu”<sup>66</sup>*

Begitu juga dengan subjek 2 menjelaskan ;

*“Tertekan..jiran tak tau sebab dok dalam bilik bila depa mai rumah. Keluarga saja yang tau. Saya sayang anak tu tak boleh berpisah dengan anak tu. Tak ada perasaan nak buang atau bunuh dia”<sup>67</sup>*

Subjek 3 turut menyatakan ;

*“Saya menghadapi tekanan perasaan bila tau kata mengandung. Pernah terlintas di hati nak buang kandungan tapi bila dah 5 bulan tak boleh nak buat apa dah”<sup>68</sup>*

---

<sup>65</sup>Ibid.

<sup>66</sup>Ros, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 27 Januari, 2015.

<sup>67</sup>Ema, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 27 Januari, 2015.

<sup>68</sup>Nor, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 03 Februari 2015.

Perasaan yang sama juga digambarkan oleh subjek 4, beliau menyatakan ;

*“Saya menyesal apa yang berlaku. Ayah tak bagi balik rumah sebab terlalu marah. Dia tak boleh terima anak tu. Mak saudara pi ambik saya di hotel bajet di Shahab Perdana selepas bersalin sehari dan bela saya dengan anak. Saya sanggup tumpang rumah mak saudara sebab nak jaga maruah mak ayah, takut orang tau”<sup>69</sup>*

Merujuk isu pertama, penyelidik mendapati subjek 1 hanya menyimpan perasaan tersebut dalam dirinya sahaja kerana tiada siapa yang ingin diluarkannya lebih-lebih lagi ibunya yang tidak mengambil tahu hal dirinya sejak awal lagi. Perasaan sedih dan kecewa tersebut turut dikongsi bersama oleh doktor yang merawat subjek 1 ketika mengandung dan sewaktu menyambut kelahiran bayinya. Doktor tersebut dengan ikhlas telah menegur subjek 1 dan menasihatinya agar tidak mengulangi semula perbuatan tersebut. Ternyata kesedihan tersebut bukan sahaja melibatkan perasaan subjek 1 tetapi turut mengheret doktor yang dapat menjiwai emosi subjek 1. Perasaan malu yang menyelubungi hatinya mendorong subjek 1 menyerahkan anak tersebut kepada STU dengan sokongan ibunya sahaja tanpa pengetahuan bapa tirinya dan ahli keluarga yang lain.

Bagi subjek 2 pula, perasaan duka tersebut diluahkan terlebih dahulu kepada kakaknya dan selanjutnya menyampaikan hal tersebut kepada subjek 5. Pada peringkat awal, timbul perasaan hampa dan hancur luluh perasaan subjek 5 apabila mengetahui subjek 2 telah hamil luar nikah tetapi lama-kelamaan boleh menerima ketentuan Ilahi.<sup>70</sup> Subjek 2 juga

---

<sup>69</sup>Nurul, temu bual oleh penyelidik, No. 23, Kg Limbong, Langgar, Alor Setar, 20 Januari, 2015.

<sup>70</sup>Puan Iton, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 27 Januari, 2015.



kerap berada dalam bilik bertujuan untuk menyembunyikan isu dirinya melahirkan anak luar nikah setelah menyedari jiran datang ke rumahnya.

Subjek 3 pula mengalami tekanan perasaan dan panik apabila perutnya sudah terisi dengan janin yang tidak disangka berpaut di rahimnya tanpa melalui perhubungan yang sah. Terlintas difikirannya untuk membuang kandungan tersebut. Namun begitu, hasrat tersebut terhalang apabila subjek 3 dibawa ke RPNH oleh keluarganya agar kandungannya dapat disembunyikan daripada pengetahuan orang lain. Fakta tersebut disahkan oleh subjek 6 bahawa pada peringkat awal, timbul perasaan hampa dan *stress* dalam dirinya apabila mengetahui subjek 3 telah hamil luar nikah. Akhirnya, subjek 3 boleh menerima kenyataan bahawa kejadian tersebut telahpun berlaku dan tiada guna menyesal lagi. Subjek 6 dan isterinya tidak pula mengambil tindakan fizikal ke atas subjek 3 kecuali memberi kaunseling dan memintanya berubah sikap untuk meneruskan kehidupan yang lebih baik pada masa hadapan.<sup>71</sup>

Bagi subjek 4, wujud perasaan menyesal yang tergambar di wajahnya bahawa perbuatan terkutuk tersebut terlalu sukar untuk dibuang dalam sejarah hidupnya. Ini disebabkan perbuatan Dee (nama samaran) telah mencemarkan maruah dirinya dengan mewariskan seorang anak luar nikah kepada subjek 4 dalam situasi yang sukar kerana kehadirannya tidak direstui oleh kedua ibu bapa subjek 4. Subjek 4 juga masih mentah dalam urusan membesarkan anak tersebut tanpa Dee di sisinya sebagai suami yang sah. Fakta tersebut disahkan oleh subjek 7 yang berjaya mententeramkan perasaan subjek 4 agar menerima

---

<sup>71</sup>Encik Roslan, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 03 Februari, 2015.

tragedi tersebut sebagai *qada* dan *qadar* Allah SWT. Subjek 7 boleh menerima kenyataan apa yang berlaku ke atas subjek 4 dan sanggup mengambil tanggungjawab memelihara subjek 4 dan anak tersebut kerana ahli keluarganya yang lain enggan memeliharanya. Di kalangan mereka sama ada ibu ataupun bapa saudara subjek 4 tidak bersedia memikul tanggungjawab tersebut, padahal subjek 4 adalah zuriat keturunan yang sedarah sedaging dengan mereka.<sup>72</sup>

Menurut Khadijah Alavi et.al, gejala sosial yang melibatkan hubungan seks di kalangan remaja wanita akan meninggalkan kesan yang mendalam terhadap emosi dan perasaan mereka. Sesetengah di kalangan mereka sanggup membunuh bayi dalam kandungan atau membuangnya selepas dilahirkan hanya semata-mata untuk menyembunyikan perbuatan sumbang mereka daripada pengetahuan ibu bapa dan masyarakat. Rata-rata di kalangan remaja wanita akan menyesal atas kejadian yang diperlakukan ke atas diri mereka.<sup>73</sup>

Bagi membendung gejala membuang bayi atau membunuh anak luar nikah, JKM telah menyediakan dua (2) buah pusat perlindungan kepada remaja hamil luar nikah iaitu di TSP Batu Gajah, Perak dan Cheras, Selangor. Mereka akan diberi kaunseling dan bimbingan agama oleh kaunselor, pegawai agama dan pegawai akhlak. Begitu juga anak luar nikah yang membesar di RKK sejak lahir, diwajibkan hadir dan mengikuti kelas asas Fardhu Ain yang mencakupi pelbagai ilmu agama seperti tauhid, fekah, tajwid dan ibadah untuk

---

<sup>72</sup>Kak Zi, temu bual oleh penyelidik, No. 23, Kg Limbong, Langgar, Alor Setar, 20 Januari, 2015.

<sup>73</sup>Khadijah Alavi et.al, "Hamil Luar Nikah Dalam Kalangan Remaja", *Jurnal of Social Sciences and Humanities*, Vol. 7, No. 1, (April 2012) : 133.

meningkatkan ilmu pengetahuan agama. Program ini sangat dititikberatkan oleh JKM sebagai satu proses pemulihan berasaskan kerohanian dalam diri mereka.<sup>74</sup>

Pengisian program kaunseling dan bimbingan agama yang dilaksanakan oleh JKM turut dilaksanakan oleh RPNH sebagai salah satu program wajib. Menurut Wan Nurasmah Wan Din, setiap remaja hamil luar nikah yang menjadi penghuni RPNH merasa bersalah dan menyesal atas perbuatan yang dilakukan. Bagi mengawal emosi dan perasaan mereka, RPNH menyusun program keagamaan iaitu bacaan Al-Quran, kelas Fardhu Ain dan solat berjamaah yang dikendalikan oleh pegawai agama daripada JAIK dan sesi kaunseling yang dikendalikan oleh kaunselor daripada Bahagian Kaunseling dan Agama (BAKA), PDRM Negeri Kedah.<sup>75</sup>

Merujuk isu kedua, penyelidik mendapati subjek 1 tidak menolak pelawaan STU untuk tinggal di rumahnya selama sebulan bersama anak tersebut meskipun anak tersebut telah diserahkan kepada STU sebagai anak angkat. Peluang tersebut dimanfaatkan dengan sepenuhnya oleh subjek 1 untuk mencurahkan kasih sayang, bermanja dan bermesra dengannya seolah-olah anak tersebut kekal menjadi miliknya.

Berbeza dengan subjek 2 yang tidak mahu berpisah dengan anak tersebut bahkan sanggup memeliharanya dalam keadaan apa sekalipun. Subjek 2 turut mengakui dengan jujur bahawa tidak pernah terlintas di hatinya untuk membuang atau membunuh anak tersebut.

---

<sup>74</sup>[http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=pembangunan\\_kanak-kanak&lang=bm](http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=pembangunan_kanak-kanak&lang=bm). (Capaian pada 10 Mac, 2016).

<sup>75</sup>Wan Nurasmah Wan Din, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 6 Mei, 2014.

Sifat terpuji subjek 2 ini bertepatan dengan perintah Allah SWT yang melarang seseorang manusia membunuh setiap anak yang dilahirkan meskipun takut dengan kepapaan akibat tidak mempunyai punca rezeki.<sup>76</sup> Sebaliknya, subjek 2 menyakini bahawa Allah SWT pasti membuka pintu rezeki kepadanya dan anak tersebut. Keyakinan terhadap janji Allah SWT tersebut telah mendorong subjek 2 berazam untuk memelihara dan menyara nafkah anak tersebut walaupun dalam keadaan tiada punca pendapatan.

Menurut Mohd Basharudin Samsudin, setiap kakitangan JKM yang bertugas di RKK, RTH atau TSP perlu menjaga dan mendidik anak luar nikah dengan penuh kasih sayang. Ini disebabkan mereka yang ditempatkan di rumah tersebut telah terputus kasih sayang dengan ahli keluarga. Terdapat kalangan anak luar nikah itu sendiri yang mengadu tidak mendapat kasih sayang walaupun keluarganya mempunyai banyak wang dan hidup dengan selesa. Rata-rata anak luar nikah mampu berdikari dan cepat matang setelah mengetahui status mereka apabila melangkah masuk ke peringkat sekolah menengah.<sup>77</sup>

Pandangan di atas disokong oleh Azhar Ahmad yang menjelaskan bahawa anak tersebut mulai sedar status mereka sebagai anak luar nikah apabila menjejakkan kaki ke sekolah menengah. Perubahan emosi dan perasaan tersebut dapat dikesan apabila wujud perasaan malu pada diri sendiri dan rakan sebaya, bersikap rendah diri dan enggan pergi ke sekolah terkesan dengan ejekan kawan-kawan dan sebagainya. Perubahan emosi dan perasaan

---

<sup>76</sup>Al-Quran : *al-Isra'*, 17 : 31. Petikan ayat yang bermaksud “Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takut kepapaan, kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu. Sesungguhnya perbuatan membunuh mereka adalah satu kesalahan yang besar”

<sup>77</sup>Mohd Basharudin Samsudin, temu bual oleh penyelidik, Pejabat PKMD Kota Setar, Kedah, 01 Februari, 2016.

tersebut selari dengan usia mereka meningkat remaja yang boleh mendorong kepada perubahan akhlak menjadi negatif dan mempengaruhi jiwanya untuk terlibat dalam gejala sosial. Keadaan ini boleh berlaku sama ada anak luar nikah tinggal dengan keluarga angkat ataupun keluarga sendiri. Jika emosi dan perasaan mereka mendorong kepada perlakuan negatif, keluarga angkat atau keluarga sendiri akan merujuk kepada Pegawai Akhlak di JKM untuk sesi kaunseling. Bagi anak luar nikah yang tinggal di RKK, emosi dan perasaan mereka tidak jelas. Ini disebabkan pergaulannya dengan kanak-kanak lain yang tinggal bersama menggambarkan mereka adalah senasib iaitu datang daripada keluarga bermasalah atau keluarga miskin. Oleh itu, kaunselor JKM ditempatkan di RKK untuk memantau permasalahan dan mengatasi emosi serta perasaan mereka.<sup>78</sup>

#### 4.3.5 Akhlak dan Perubahan Sikap

Menyentuh aspek akhlak dan perubahan sikap, terdapat dua (2) isu yang diketengahkan oleh subjek-subjek tersebut iaitu pertama ; keempat-empat subjek telah insaf, bertaubat dan berazam tidak akan mengulangi lagi perbuatan terkutuk tersebut dan kedua ; keempat-empat subjek tidak berpegang kuat kepada ajaran Islam.

Subjek 1 telah menjawab pertanyaan penyelidik, lalu menyatakan ;

*“Tak akan ulangi lagi perbuatan tu, insaf dah. Tak bergaul dah dengan lelaki..taubat dah”*<sup>79</sup>

Subjek 2 pula menyatakan ;

---

<sup>78</sup>Azhar Ahmad, temu bual oleh penyelidik, PKMD Kubang Pasu, 03 Februari 2016.

<sup>79</sup>Ros, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 27 Januari, 2015.

*“Sudah insaf apa yang berlaku...sedar dah dan tak akan ulangi lagi”<sup>80</sup>*

Menurut subjek 3, beliau menyatakan ;

*“La ni saya dah insaf, bertaubat dan berazam tidak akan mengulangi lagi. Saya sedar perbuatan terkutuk tu dilarang oleh Islam”<sup>81</sup>*

Subjek 4 pula turut berkongsi perihal dirinya dengan menyatakan ;

*“La ni, dah insaf dan berjanji tak akan mengulangi lagi perbuatan tu. Saya tunai sembahyang dan berdoa agar Allah menunjukkan jalanNya yang benar untuk di dunia dan di akhirat. Saya reda dengan nasib yang menimpa. Semua ni ketentuan Allah”<sup>82</sup>*

Merujuk isu pertama di atas, penyelidik mendapati keempat-empat subjek sangat jujur dan ikhlas dalam menjelaskan perubahan sikap mereka. Subjek 1 banyak menghabiskan masanya berada di rumah dan tidak lagi bebas keluar rumah seperti dahulu. Subjek 2 pula hanya berada dalam bilik untuk mengelakkan daripada pengetahuan jiran yang datang ziarah ke rumahnya. Ini disebabkan peristiwa hitam tersebut hanya diketahui oleh keluarganya sahaja tanpa diketahui oleh jiran. Subjek 3 sentiasa berada di bawah pemantauan subjek 6 dan ibunya dan tidak lagi bebas bergaul dengan lelaki asing. Subjek 4 pula tinggal berjauhan dengan keluarganya dan hidup berdikari dengan menjual nasi lemak bersama subjek 7. Akhlak dan perubahan sikap keempat-empat subjek di atas hanya berlaku atas kesedaran pada diri sendiri. Perasaan insaf hanya menjelma selepas menerima musibah atau ujian hidup tetapi tidak dapat dibuktikan sejauhmanakah keinsafan tersebut

---

<sup>80</sup>Ema, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 27 Januari, 2015.

<sup>81</sup>Nor, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 03 Februari, 2015.

<sup>82</sup>Nurul, temu bual oleh penyelidik, No. 23, Kg Limbong, Langgar, Alor Setar, 20 Januari, 2015.

boleh bertahan lama dalam diri masing-masing. Mampukah keinsafan subjek 2 dan subjek 4 diterjemahkan kepada akhlak dan sikap anak luar nikah yang dipeliharanya agar menjadi anak yang baik dan bersikap positif apabila menyedari statusnya sebagai anak luar nikah? Namun begitu, penyelidikan ini tidak dapat mengulas lanjut disebabkan anak subjek 2 dan subjek 4 masih bayi dan tidak dapat mengesan perubahan sikapnya. Walau bagaimanapun, penyelidik berkeyakinan bahawa akhlak dan perubahan sikap boleh berlaku kepada anak luar nikah yang tinggal di institusi JKM.

Menurut Mohd Basharudin Samsudin, seseorang anak luar nikah akan menghadapi perubahan sikap setelah ia mengetahui statusnya sebagai anak yang lahir tanpa melalui perkahwinan yang sah antara ibu dan bapanya. Perubahan sikap menjadi semakin ketara jika anak tersebut tinggal dalam persekitaran yang terdedah kepada masalah sosial yang tidak sihat. Tambahan pula, jika ibunya bersikap negatif dan sukar menerima kenyataan terhadap dirinya sebagai anak luar nikah boleh menambahkan lagi kekusutan dalam kehidupannya. Sebaliknya, jika anak tersebut dibesarkan dalam persekitaran yang baik, penjagaan yang sempurna dan pendidikan yang berteraskan agama, maka akhlaknya akan terbentuk dengan nilai-nilai murni yang mulia dan menjadi individu yang sentiasa bersikap positif tentang hakikat dirinya yang berstatus anak luar nikah.<sup>83</sup>

Merujuk isu kedua pula, penyelidik mendapati keempat-empat subjek tidak berpegang teguh kepada ajaran agama dan mudah terpengaruh dengan pujuk rayu teman lelaki masing-masing sehingga melakukan hubungan seks. Bagi mengetahui lebih lanjut tentang

---

<sup>83</sup>Mohd Basharudin Samsudin, temu bual oleh penyelidik, Pejabat PKMD Kota Setar, Kedah, 01 Februari, 2016.

pegangan agama, penyelidik mengimbau kembali tanggungjawab utama keempat-empat subjek sebagai seorang muslim iaitu menunaikan sembahyang. Subjek 1 menceritakan kepada penyelidik iaitu ;

*“Hubungan dengan Allah..kembali tunaikan solat, dulu tak solat...bebas.”<sup>84</sup>*

Subjek 2 pula menceritakan isu yang sama kepada penyelidik iaitu ;

*“Jarang sembahyang...tahu wajib sembahyang..ada perasaan malas sampai sekarang”<sup>85</sup>*

Subjek 3 pula menerima hakikat apa yang berlaku ke atas dirinya boleh dielakkan jika benar-benar menghayati dan melaksanakan suruhan agama sejak berkawan dengan Fairuz lagi. Lagipun, subjek 3 sudah diasuh dengan akhlak Islam oleh ibu bapanya sejak kecil. Kini, apa yang berlaku ke atasnya telah meninggalkan kesan yang mendalam sehingga mampu membentuk dirinya dengan akhlak mulia ketika menjadi penghuni RPNH.<sup>86</sup> Fakta tersebut disahkan oleh subjek 6 bahawa subjek 3 merupakan seorang anak yang taat kepada ibu bapa, hidup sederhana, pergaulannya terkawal dan tidak bebas keluar rumah. Subjek 3 tidak bergaul bebas seperti remaja yang lain, sebaliknya mengenali Fairuz yang selalu mengunjungi tempat subjek 3 bekerja. Subjek 3 pernah menceritakan hasrat Fairuz untuk mengahwininya dan subjek 6 bersetuju cadangan tersebut dengan syarat hendaklah dilakukan dengan cara yang baik dan mengikut peraturan yang betul. Selepas tinggal di RPNH, perubahan sikap subjek 3 sangat baik dan mengembirakannya.<sup>87</sup>

---

<sup>84</sup>Ros, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 27 Januari, 2015.

<sup>85</sup>Ema, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 27 Januari, 2015.

<sup>86</sup>Nor, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 03 Februari, 2015

<sup>87</sup>Encik Roslan, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 03 Februari, 2015.



Begitu juga dengan subjek 4, pengisian program keagamaan dan kaunseling di RPNH berupaya membentuk dirinya berakhlak mulia. Tambahan pula, sewaktu tinggal dengan subjek 7, subjek 4 kembali mendekati diri kepada Allah SWT dengan menunaikan sembahyang pada setiap waktu. Dalam setiap doanya, tidak terlepas daripada mulut subjek 4 agar Allah SWT memberi petunjuk dan hidayah dalam hidupnya sehingga ke akhirat selain reda dengan ketentuannya.<sup>88</sup> Fakta tersebut disahkan oleh subjek 7 bahawa selepas kejadian tersebut, subjek 4 sudah banyak berubah yang mana dahulunya subjek 4 jarang menunaikan sembahyang. Kini, subjek 4 tidak lagi mengabaikan sembahyang dan banyak berdoa kepada Allah SWT. Subjek 7 pernah melihat subjek 4 bangun malam bersolat *tahajud* sambil menangis tanda menyesal mengenangkan kisah yang berlaku ke atasnya.<sup>89</sup>

Berdasarkan kenyataan di atas, jelas membuktikan bahawa keempat-empat subjek gagal menunaikan kewajiban utama sebagai seorang muslim iaitu menunaikan sembahyang. Kegagalan keempat-empat subjek mendekati Allah SWT dalam setiap kali sembahyang lima (5) waktu menyebabkan mereka hilang arah tuju dan pedoman dalam melayari kehidupan yang penuh mencabar. Keempat-empat subjek sanggup mengenyahkan soal halal dan haram dalam sesuatu tindakan asalkan tindakan tersebut memenuhi kehendak nafsu *syahwat* mereka. Sebagai muslim, tanggungjawab utama sebagai hamba Allah SWT ialah menunaikan sembahyang.<sup>90</sup> Sembahyang merupakan rukun Islam yang wajib diimani dan tidak boleh diabaikan sama sekali dalam kehidupan seorang muslim.

---

<sup>88</sup>Nurul, temu bual oleh penyelidik, No. 23, Kg Limbong, Langgar, Alor Setar, 20 Januari, 2015.

<sup>89</sup>Kak Zi, temu bual oleh penyelidik, No. 23, Kg Limbong, Langgar, Alor Setar, 20 Januari, 2015.

<sup>90</sup>Al-Quran : *al-Ankabut*, 29 : 45, Petikan ayat yang bermaksud “Sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar”.

Menurut Abd Rashid Hj Ahmad, manusia boleh tertewas dengan nafsu sehingga mendorong seseorang ke lembah dosa dan kesalahan. Apabila menyedari kesalahan dan dosa yang dilakukan, manusia hendaklah mengakui kesalahan itu kemudiannya menyesal dan bertaubat kepada Allah SWT.<sup>91</sup> Perasaan menyesal dan taubat perlu dilakukan melalui sembahyang yang dapat menenangkan jiwa. Jiwa yang tenang akan mendorong kepada kebaikan dan membenci kejahatan. Sembahyang yang tidak mencapai matlamat adalah sembahyang yang tidak meresapi roh *batiniah* kecuali pergerakan *lahiriah* sahaja. Apabila sembahyang dilakukan dengan penuh keyakinan hati, kerelaan perasaan dan kesedaran akal, maka sembahyang tersebut dapat menguatkan jiwa untuk melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran.<sup>92</sup>

Menurut Nashikin Hanafi, RPNH mewajibkan setiap penghuninya menyertai kelas agama dan kerohanian antaranya menunaikan solat fardhu secara berjamaah, kelas bacaan al-Quran, kelas Fardhu Ain dan sesi kaunseling. Melalui pengisian program tersebut telah menginsafkan mereka bahawa perbuatan terkutuk tersebut sememangnya ditegah oleh agama Islam. Perubahan sikap kepada positif dan keazaman yang tinggi untuk membina hidup baharu selepas keluar daripada RPNH nanti membuktikan RPNH telah berjaya membentuk mereka dengan akhlak yang mulia.<sup>93</sup> Oleh itu, tidak hairanlah keempat-empat subjek kembali melaksanakan suruhan agama dan bertaubat atas perbuatan lampau setelah mendapat bimbingan dan kaunseling daripada institusi tersebut.

---

<sup>91</sup>Abd Rashid Hj Ahmad, "Aspek-Aspek Pendidikan Dalam Solat", *Jurnal Usuluddin*, Vol. 2, No.1, (1995) :164.

<sup>92</sup>Ibid, 166.

<sup>93</sup>Nashikin Hanafi, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 6 Mei, 2014.

#### 4.4 Analisis Undang-undang

Penyelidikan ini dilakukan bagi mengkaji persamaan dan perbezaan serta perbandingan isu-isu remaja hamil luar nikah dan anak luar nikah menurut undang-undang antara Daerah Kota Setar dan Kubang Pasu berdasarkan tajuk-tajuk kecil seperti berikut ;

- a) Penjagaan
- b) Kebajikan dan Pengurusan
- c) Pendidikan
- d) Emosi dan Perasaan
- e) Akhlak dan Perubahan Sikap

##### 4.4.1 Penjagaan

Menyentuh isu pertama di atas, penyelidikan ini mendapati wujud persamaan antara subjek 1 dalam daerah Kota Setar dan subjek 3 dalam daerah Kubang Pasu yang menyerahkan hak penjagaan anak luar nikah mereka kepada keluarga angkat, Sebenarnya, tindakan kedua-dua subjek tersebut tidak bercanggah dengan undang-undang. Menurut undang-undang, anak angkat ditafsirkan sebagai seseorang anak yang telah dibenarkan oleh mahkamah untuk diangkat atau diangkat semula.<sup>94</sup> Mana-mana pihak yang berminat mengambil anak angkat perlu memohon dan mendapat kebenaran daripada mahkamah.<sup>95</sup>

---

<sup>94</sup>Seksyen 2, Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257) dan Seksyen 6 (1) Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253) yang mentafsirkan anak angkat sebagai “Telah dalam jagaan dan dipelihara serta dididik oleh seseorang atau pasangan sebagai anaknya yang berterusan atau anak mereka secara anak angkat de facto selama 2 tahun sebelum tarikh permohonan”.

<sup>95</sup>Seksyen 3 (1), Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257) yang memperuntukkan “Apabila suatu permohonan dibuat mengikut cara yang ditetapkan oleh mana-mana orang yang berhasrat supaya dibenarkan untuk mengangkat seorang anak, Mahkamah boleh, tertakluk kepada Akta ini, membuat suatu perintah pengangkatan, yang membenarkan pemohon untuk mengangkat anak itu”.

Terdapat dua (2) peruntukan undang-undang berkaitan pengangkatan kanak-kanak termasuklah anak luar nikah di bawah usia lapan belas (18) tahun iaitu Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257)<sup>96</sup> dan Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253).<sup>97</sup> Akta 257 hanya terpakai kepada kanak-kanak termasuk anak luar nikah orang bukan Islam sahaja tetapi Akta 253 terpakai kepada kanak-kanak termasuk anak luar nikah orang Islam dan bukan Islam melalui perintah mahkamah.

Menurut Datuk Alwi Ibrahim, bekas Ketua Pengarah JPN, bagi tahun 2010 sebanyak 731 permohonan anak angkat diluluskan melalui perintah mahkamah. Keistimewaan permohonan pendaftaran anak angkat melalui mahkamah, mereka dianggap seperti anak sendiri yang mempunyai hak, tugas dan tanggungjawab sebagai anak. Walau bagaimanapun, terdapat ibu bapa angkat di kalangan orang Islam memalsukan pendaftaran kelahiran anak angkat yang diambil tanpa melalui JKM hanya semata-mata mahu mendaftarkan nama anak tersebut dengan nama mereka meskipun menyedari Islam melarang penukaran nama bapa kandung.<sup>98</sup>

Berdasarkan fakta di atas, penyelidik mendapati Akta 253 gagal membendung perbuatan memalsukan maklumat dan dokumen kanak-kanak termasuk anak luar nikah orang Islam supaya proses pengangkatan dilaksanakan mengikut lunas undang-undang. Akta 253 juga

---

<sup>96</sup>Seksyen 31, Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257) yang memperuntukkan “Akta ini tidak terpakai bagi mana-mana orang yang menganut agama Islam sama ada untuk membenarkan pengangkatan mana-mana anak oleh orang itu atau untuk membenarkan pengangkatan oleh mana-mana orang bagi seorang anak yang mengikut undang-undang agama Islam ialah seorang Islam”.

<sup>97</sup>Seksyen 6, Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253).

<sup>98</sup>“Melayu paling ramai mohon anak angkat”, (19/05/2011), [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0519&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_15.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0519&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_15.htm). (Capaian pada 25 November, 2017).

tidak mengandungi peraturan-peraturan yang jelas dan menepati kehendak hukum Syarak sebagai garis panduan yang mengikat kepatuhan orang Islam untuk melakukan pengangkatan. Lebih mendukacitakan lagi ialah apabila tidak terdapat sebarang peruntukan berkaitan pengangkatan dalam enakmen undang-undang keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia menyebabkan orang Islam terpaksa mengguna pakai Akta 253 tersebut. Ini menunjukkan kelemahan pada enakmen-enakmen tersebut yang seharusnya diberi perhatian oleh pihak berkuasa untuk meminda atau menambah fasal-fasal tertentu berkaitan pengangkatan.

Menurut Datuk Alwi Ibrahim lagi, bagi tahun 2010 sebanyak 6,259 permohonan telah diterima di mana sejumlah 3,418 berbangsa Melayu merupakan pemohon paling ramai mendaftarkan anak angkat secara *de facto*, diikuti kaum India, 286 dan kaum Cina, 229 permohonan.<sup>99</sup> Penyelidik berpandangan walaupun Akta 253 ini banyak digunakan oleh orang Melayu untuk mengambil anak angkat, namun akta tersebut masih terikat dengan Akta 257 yang mana aspek pelaksanaannya terdapat keraguan. Contohnya, Akta 257 mentafsirkan “bapa” berhubung dengan seorang anak tidak sah taraf ertinya bapa sebenar. Tafsiran “bapa” sebagai bapa sebenar adalah berlawanan dengan hukum Syarak kerana “bapa” tersebut adalah merujuk kepada bapa biologi yang tiada hubungan *nasab* dengan anak luar nikah. Bapa biologi tiada hak di sisi hukum Syarak dan enakmen undang-undang keluarga Islam untuk memutuskan kedudukan anak tersebut sebagai anak angkat kerana ia tertakluk kepada ibunya sebagai penjaga yang sah. Oleh itu, suatu peraturan baharu

---

<sup>99</sup>“Melayu paling ramai mohon anak angkat”, (19/05/2011), [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0519&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_15.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0519&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_15.htm). (Capaian pada 25 November, 2017).

perlu dipinda atau digubal dalam Akta 253 lebih-lebih lagi dalam enakmen undang-undang keluarga Islam tentang *prosedur* pengangkatan menurut Islam agar mencapai objektif pengangkatan terutamanya aspek kebajikan anak angkat.

Selain itu, subjek 1 menyerahkan anak luar nikah kepada STU dan subjek 3 kepada JKL sebagai anak angkat dengan persetujuan keluarga masing-masing. Namun begitu, tiada kenyataan daripada subjek 1 dan subjek 3 yang menyebut bahawa mereka telah membuat surat persetujuan berkaitan pengambilan anak tersebut sebagai anak angkat. Sekiranya tiada surat persetujuan antara subjek 1 dengan STU dan subjek 3 dengan JKL, pengambilan anak angkat tersebut dianggap menyalahi undang-undang. Dalam Akta 257 menetapkan persetujuan hendaklah diperoleh terlebih dahulu sebelum diluluskan oleh mahkamah. Keperluan mengadakan surat persetujuan bertujuan untuk menjamin pelaksanaan tanggungjawab menjaga kebajikan dan pengurusan anak tersebut. Sekiranya berlaku perkara-perkara yang boleh memudaratkan anak tersebut dalam jagaan keluarga angkat, maka tindakan undang-undang boleh diambil ke atas mereka. Walau bagaimanapun, surat persetujuan tersebut tidaklah bersifat *mandatori* kerana terdapat pengecualian tertentu yang boleh diberikan oleh mahkamah kepada mana-mana pihak yang bersetuju mengambil anak angkat tetapi mereka bakal berhadapan dengan masalah tertentu seperti yang dinyatakan dalam Akta 257.<sup>100</sup>

---

<sup>100</sup>Seksyen 5 (1) (a), (b), (c) dan (d), Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257) yang memperuntukkan “Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, sesuatu perintah pengangkatan tidak boleh dibuat kecuali dengan persetujuan tiap-tiap orang atau kumpulan orang yang merupakan ibu atau bapa atau penjaga anak yang berkenaan dengannya permohonan itu dibuat atau yang bertanggungjawab untuk memberi sumbangan terhadap saraan anak itu dan sesuatu perintah pengangkatan tidak boleh dibuat atas permohonan salah seorang daripada pasangan suami isteri tanpa persetujuan pihak yang satu lagi : Dengan syarat bahawa Mahkamah boleh menyetepikan apa-apa persetujuan yang dikehendaki oleh seksyen ini jika berpuas hati—  
a) dalam hal ibu atau bapa atau penjaga anak itu, bahawa dia telah meninggalkan, mengabaikan atau sentiasa menganiayai anak itu;

Dalam Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) memperuntukkan bahawa seseorang yang ingin memelihara seseorang kanak-kanak perlu memberitahu kepada Pelindung JKM tidak melebihi tujuh (7) hari daripada tarikh anak tersebut dipelihara.<sup>101</sup> Dalam konteks penyelidikan ini, STU dan JKL yang berhasrat menjadikan anak luar nikah sebagai anak angkat perlu memaklumkan kepada Pelindung JKM yang berkuasa memutuskan kelayakan tertentu sebagai penjaga demi menjamin kebajikan anak tersebut sepanjang pemeliharaannya. Kegagalan mematuhi peruntukan ini merupakan suatu kesalahan yang boleh didenda tidak melebihi RM 10,000 (Ringgit Malaysia : Sepuluh Ribu sahaja) atau dipenjarakan tidak melebihi tempoh lima (5) tahun atau kedua-duanya.<sup>102</sup>

Dalam kajian kes di daerah Kubang Pasu, JKL telah menempatkan subjek 3 di rumah keluarga angkat yang lain selama dua (2) minggu. Dalam tempoh tersebut, subjek 3 tidak pergi menziarahi anak tersebut di rumah JKL sebaliknya subjek 3 hanya diberikan gambar anak tersebut untuk tatapannya sahaja. Subjek 3 tidak pernah menyusukan anak tersebut kecuali diberi susu botol sahaja.<sup>103</sup> Dalam kes subjek 3 di atas menunjukkan bahawa ibu akan terputus hubungan dengan anak luar nikah apabila diserahkan kepada keluarga

- 
- b) dalam hal seorang yang bertanggung untuk memberi sumbangan terhadap saraan anak itu, bahawa dia telah sentiasa mengabaikan atau enggan memberi sumbangan sedemikian;
  - c) dalam mana-mana hal, bahawa orang yang persetujuannya dikehendaki tidak dapat dijumpai atau tidak upaya memberi persetujuannya atau bahawa persetujuannya telah dengan tidak munasabah tidak diberi; atau
  - d) dalam mana-mana hal, bahawa mengikut mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pengangkatan anak yang pada masa ini berkuat kuasa dalam mana-mana negara mana-mana pihak berkuasa kompeten telah memberi kebenaran atau memberikan suatu lesen yang membenarkan supaya jagaan dan milikan anak itu dipindahkan kepada pemohon”

<sup>101</sup>Seksyen 35 (1), Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang memperuntukkan “Jika seseorang mengambil seorang kanak-kanak ke dalam pemeliharaan, jagaan atau kawalannya—(a) orang itu; dan (b) orang yang dalam pemeliharaannya kanak-kanak itu berada pada masa pengambilan itu, hendaklah, tidak lewat daripada satu minggu selepas itu, memberitahu Pelindung tentang pengambilan itu”.

<sup>102</sup>Seksyen 35 (7), Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang memperuntukkan “Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya”.

<sup>103</sup>Nor, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 03 Februari, 2015.

angkat. Namun begitu, subjek 3 berpeluang untuk menuntutnya semula daripada JKL jika subjek 3 menghendaknya.<sup>104</sup> Isu ibu kandung menuntut semula anak luar nikahnya yang diserahkan kepada keluarga angkat boleh dirujuk dalam kes *Zubaidah Othman & Anor lwn Sofiah Elam & Anor* yang telah dibincangkan dalam Bab 3.

Selain itu, penyelidik mendapati subjek 1 dan subjek 3 gagal mengesan maklumat teman lelaki masing-masing dan keluarga agar bertanggungjawab atas kesalahan mereka. Oleh itu, kedua-duanya terpaksa menyerahkan anak tersebut kepada keluarga angkat. Mereka juga tidak dapat membuat laporan polis untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas pasangan masing-masing. Dalam kajian kes di daerah Kubang Pasu, subjek 3 tidak pernah diceritakan tentang latar belakang diri, keluarganya serta alamat tempat tinggal di Perak sepanjang dua (2) tahun berkenalan dengan Fairuz.<sup>105</sup> Fakta ini disahkan oleh subjek 6 yang menyatakan ;

*“Saya rasa terkilan bagaimana Nor boleh terpedaya dengan Fairuz bahkan tidak mengetahui langsung latar belakang dan tempat tinggal keluarganya. Selepas kejadian tersebut, saya dan isteri tidak dapat mengambil langkah penyelesaian dengan keluarga Fairuz kerana tiada maklumat tentang alamat dan tempat tinggal mereka bahkan Fairuz telah bertukar tempat kerjanya tanpa diketahui”<sup>106</sup>*

Fakta di atas menunjukkan bahawa kedua-dua subjek tidak dapat mengambil tindakan undang-undang terhadap pasangan masing-masing disebabkan tiada maklumat. Ketiadaan maklumat tersebut menghalang kedua-dua subjek melaporkan kejadian tersebut kepada

---

<sup>104</sup>Seksyen 30 (12) Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang memperuntukkan “Jika Mahkamah Bagi Kanak-Kanak tidak berpuas hati bahawa seseorang kanak-kanak yang dibawa ke hadapannya di bawah seksyen 19 atau 25 memerlukan pemeliharaan dan perlindungan, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak itu hendaklah memerintahkan supaya kanak-kanak itu dikembalikan kepada pemeliharaan dan jagaan ibu atau bapa atau penjaganya”.

<sup>105</sup>Nor, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 03 Februari, 2015.

<sup>106</sup>Encik Roslan, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 03 Februari, 2015.



pihak polis atau Pejabat Agama Daerah Kota Setar dan Kubang Pasu. Berdasarkan peruntukan undang-undang, kesalahan persetubuhan luar nikah hanya boleh diambil tindakan oleh Mahkamah Syariah jika terdapat maklumat<sup>107</sup> tentang kejadian tersebut. Sekiranya aduan dibuat ke Pejabat Agama Daerah Kota Setar dan Kubang Pasu, pegawai penyiasat hendaklah mematuhi *prosedur*<sup>108</sup> yang ditetapkan dengan memulakan tindakan ke atas teman lelaki kedua-dua subjek tersebut iaitu membuat tangkapan, penyiasatan, pertuduhan, pendakwaan dan perbicaraan di mahkamah sehingga dijatuhkan hukuman ke atasnya. Proses tersebut hampir sama bagi kesalahan rogol<sup>109</sup> yang mana tindakan boleh dilakukan berdasarkan maklumat<sup>110</sup> mengenai kesalahan tersebut dan hendaklah mematuhi *prosedur*<sup>111</sup> tertentu. Sejak Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah), 2014 diwartakan, belum ada lagi pendakwaan atas kesalahan persetubuhan luar nikah biarpun

---

<sup>107</sup>Seksyen 54 (1) , Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 ; Seksyen 54 (1), Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Selangor) 2003 ; Seksyen 54 (1) , Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 54(1), Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Perlis) 2006 dan Seksyen 53 (1), Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah) 2014 yang memperuntukkan “Tiap-tiap maklumat berhubungan dengan pelakuan sesuatu kesalahan, jika diberikan secara lisan kepada seseorang Pegawai Penguatkuasa Agama, hendaklah diubah ke dalam bentuk bertulis olehnya atau di bawah arahnya dan hendaklah dibacakan kepada pemberi maklumat itu”.

<sup>108</sup>Seksyen 55 (1), Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 ; Seksyen 55 (1), Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Selangor) 2003 ; Seksyen 55 (1), Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 55 (1), Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Perlis) 2006 dan Seksyen 54 (1), Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah) 2014 yang memperuntukkan “Apabila maklumat yang disebut dalam Seksyen 54 adalah berhubungan dengan pelakuan sesuatu kesalahan tak boleh tangkap, pegawai yang kepadanya ia diberikan hendaklah merujuk kepada pemberi maklumat itu kepada seorang Hakim Mahkamah Rendah Syariah”.

<sup>109</sup>Seksyen 376, Kanun Keseksan (Akta 574), yang memperuntukkan “Kesalahan rogol terhadap gadis bawah umur dua belas tahun jika dengan kerelaan atau paksaan manakala gadis di bawah umur enam belas tahun jika dengan paksaan boleh dikenakan hukuman dengan penjara selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun dan tidak lebih daripada tiga puluh tahun dan boleh dikenakan sebatan”.

<sup>110</sup>Seksyen 107 (1), Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593) yang memperuntukkan “Apabila maklumat diberikan secara lisan kepada seorang ketua balai polis berkenaan dengan kejadian satu-satu kesalahan, ketua balai polis itu atau pegawai polis lain di bawah arahnya dan hendaklah menulis maklumat itu dan setelah menulis hendaklah dibacakan balik kepada si pemberitahu”.

<sup>111</sup>Seksyen 108 (1), Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593) yang memperuntukkan “Jika maklumat itu mengenai kesalahan yang tidak boleh tangkap, Pegawai Polis yang menerima maklumat itu hendaklah menyuruh pihak pemberitahu berjumpa dengan Majistret”.

isu kelahiran anak luar nikah dalam tahun 2015 mencecah 2,122 orang dan Januari hingga Februari 2016 mencapai angka 210 orang yang telah didaftarkan di JPN Kedah.<sup>112</sup>

Bagi subjek 4 pula, situasinya agak berbeza dengan subjek 1 dan subjek 3 yang mana subjek 4 memang mengenali pasangannya, Dee yang tinggal sekampong. Dee berhasrat untuk berkahwin dengan subjek 4 tetapi dihalang keras oleh ibu bapa dan kakaknya. Akhirnya, Dee berjaya memujuk subjek 4 melakukan hubungan seks di rumahnya sewaktu ketiadaan ibu bapanya. Selepas kejadian tersebut, Dee telah dikenakan hukuman buang daerah di Kampung Gajah, Perak atas kesalahan daun ketum dan dadah.<sup>113</sup> Meskipun subjek 4 mempunyai maklumat tentang Dee dan keluarganya, tetapi subjek 4 enggan memanjangkan perkara tersebut kepada pihak berkuasa. Dengan itu, Dee terlepas daripada hukuman mahkamah atas kesalahan tersebut. Lagipun, hubungan baik antara subjek 4 dengan ibu Dee menyebabkan subjek 4 tidak sampai hati untuk melaporkan kejadian tersebut kepada pihak berkuasa.

Berdasarkan kedua-dua kes di atas jelas menunjukkan bahawa remaja wanita seringkali menjadi mangsa kepada pasangan mereka. Lebih mendukacitakan lagi, anak luar nikah tersebut menjadi mangsa apabila isu penjagaan dan perlindungan gagal dipertanggungjawabkan ke atas mereka. Dalam kajian kes di daerah Kubang Pasu, subjek 3 mahu Fairuz dikenakan hukuman mahkamah tetapi gagal berbuat demikian kerana ketiadaan maklumat manakala subjek 4 pula tidak mahu mengambil tindakan undang-undang ke atas Dee sedangkan subjek 4 mempunyai maklumat tentang Dee dan

---

<sup>112</sup>“10,915 Anak Tidak Sah Taraf di Kedah”, *Sinar Harian*, 26 April 2015.

<sup>113</sup>Nurul, temu bual oleh penyelidik, No. 23, Kg Limbong, Langgar, Alor Setar, 20 Januari, 2015.

keluarganya. Kegagalan mengambil tindakan undang-undang ke atas Fairuz dan Dee menyebabkan kedua-duanya bersikap lepas tangan dan enggan bertanggungjawab atas apa yang berlaku. Fairuz berjaya melarikan diri dan keluarganya pula tidak mengetahui apa yang telah berlaku. Keluarga Dee pula mahu mengambil tanggungjawab terhadap kesalahan Dee tetapi tidak dipersetujui oleh subjek 4.

Sekiranya sikap seperti subjek 4 wujud di kalangan remaja hamil luar nikah yang lain, maka usaha untuk membendung gejala hamil luar nikah akan menemui jalan buntu meskipun terdapat peruntukan undang-undang berkaitan kesalahan persetubuhan luar nikah. Namun begitu, penyelidik berpandangan bahawa sikap tersebut bukanlah memberi gambaran yang tepat dan mewakili sikap remaja hamil luar nikah yang lain. Terdapat contoh kes di mana pesalah lelaki menyerah diri kepada pihak berkuasa sehingga dijatuhkan hukuman oleh mahkamah setelah insaf bahawa perbuatan tersebut bertentangan dengan hukum Syarak.

Dalam kes *Shah Ruzan Hamdan lwn Ketua Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan*<sup>114</sup>, tertuduh hadir sendiri ke Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) tanpa paksaan daripada mana-mana pihak. Tindakan tersebut bertujuan untuk mengambil tanggungjawab atas kesalahan yang dilakukan dan memohon khidmat nasihat pegawai JAWI. Tertuduh disiasat dan didakwa melakukan persetubuhan luar nikah dengan seorang perempuan Islam. Tertuduh mengaku bersalah dan dihukum penjara selama tiga (3) bulan, empat (4) kali sebatan dan denda sebanyak RM 2,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ribu

---

<sup>114</sup>[2013] 1 CLJ (SYA) 226.

sahaja). Tetuduh tidak berpuashati dengan hukuman tersebut lalu mengemukakan rayuan. Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah Putrajaya, Dato' Md Yusup Che Teh menolak rayuan tersebut sebaliknya mengekalkan hukuman hakim terdahulu.

Mengenai isu kegagalan mengambil tindakan undang-undang ke atas Fairuz dan Dee, penyelidik mendapati terdapat kelemahan undang-undang dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah negeri-negeri di Malaysia dan Kanun *Prosedur* Jenayah tentang aspek memulakan tindakan undang-undang. Ini disebabkan peruntukan undang-undang meletakkan syarat bahawa sesuatu perlakuan jenayah hanya boleh diambil tindakan berdasarkan maklumat. Tanpa maklumat sama ada secara lisan ataupun bertulis, sesuatu kesalahan jenayah tidak boleh diambil tindakan walaupun ia benar-benar berlaku. Tambahan pula, setiap maklumat yang diberikan akan diperincikan oleh Pegawai Agama Daerah atau Ketua Balai Polis di mana kesalahan tersebut dilakukan untuk memastikan sejauhmanakah kebenaran maklumat tersebut. Jika maklumat tersebut tidak memenuhi kehendak undang-undang, maka maklumat tersebut tidak boleh dipanjangkan untuk tindakan selanjutnya.

Selain itu, Fairuz dan Dee tidak boleh dipertanggungjawabkan sebagai penjaga anak luar nikah biarpun mereka sebagai penyebab kelahiran anak tersebut. Kedua-duanya adalah bapa biologi anak tersebut dan mereka terlepas daripada hukuman mahkamah iaitu ;

- a) Kedua-duanya tidak boleh dikenakan tindakan undang-undang atas kesalahan persetujuan luar nikah kerana tiada aduan jenayah yang dibuat oleh subjek 3 dan subjek 4 ke Pejabat Agama Daerah Kubang Pasu.
- b) Kedua-duanya tidak boleh dikaitkan dengan anak tersebut kerana tiada *nasab*.

- c) Mahkamah Syariah tidak mempunyai kuasa untuk mewajibkan bapa biologi atau keluarganya menjaga anak tersebut kerana tiada peruntukan undang-undang.

Sekiranya berlaku pernikahan antara mereka atas dasar sama-sama bertanggungjawab atas apa yang terjadi, isu penjagaan anak tersebut tidak berbangkit lagi. Namun begitu, timbul pula isu status *nasab* anak tersebut sama ada boleh *dinasabkan* kepada bapa biologi ataupun tidak dengan melihat kepada usia anak tersebut semasa dilahirkan. Jika anak tersebut lahir selepas mencapai usia enam (6) bulan daripada perkahwinan *syubhah* atau *fasid*, maka anak tersebut boleh *dinasabkan* kepada Fairuz dan Dee. Jika anak tersebut lahir sebelum mencapai usia enam (6) bulan, anak tersebut tidak boleh *dinasabkan* kepada mereka dan mestilah di“bin” atau di“binti”kan dengan *Asma Al-Husna*.

Dalam kes *Wan Hashim Wan Ahmad lwn Juatee Jantan*<sup>115</sup>, Mahkamah Rayuan Syariah Melaka menerima rayuan perayu dan memutuskan anak bernama WAH yang lahir pada 9 Ogos 2009 hendaklah *dinasabkan* kepada perayu pertama. Mahkamah merujuk pendapat *jumhur fuqaha* mazhab Maliki, Shafii dan Hanbali bahawa pernikahan *batil* dan *fasid* mempunyai makna yang sama. Persetubuhan antara perayu-perayu selepas akad nikah menggunakan wali hakim pada 16 Julai 2007 sehingga melahirkan anak tersebut pada 9 Ogos 2009 melebihi dua (2) tahun daripada tarikh akad nikah adalah dikira persetubuhan *syubhah*. Rayuan tersebut difailkan setelah Mahkamah Tinggi Syariah memutuskan pernikahan perayu-perayu tidak sah di sisi hukum Syarak manakala anak tersebut tidak boleh *dinasabkan* kepada perayu pertama kerana pernikahan mereka adalah *batil*.

---

<sup>115</sup>[2013] 1 CLJ (Sya) 61 - 72.

Menyentuh isu kedua pula, penyelidikan ini mendapati kesediaan subjek 2 dalam kajian kes di daerah Kota Setar dan subjek 4 dalam kajian kes di daerah Kubang Pasu menjaga anak luar nikah adalah memenuhi kehendak undang-undang.<sup>116</sup> Sekiranya subjek 2 dan subjek 4 hilang kelayakan sebagai penjaga anak tersebut atau enggan menjaganya, undang-undang memperuntukkan saudara mara subjek 2 dan subjek 4 berkewajipan memelihara anak tersebut menurut urutan waris-waris yang dibenarkan oleh hukum Syarak.<sup>117</sup> Dalam penyelidikan ini, subjek 5 dan subjek 7 adalah saudara mara sebelah ibu telah mengambil tanggungjawab memelihara dan membesarkan anak tersebut meskipun berhadapan dengan kekangan kewangan.

Bagi kes subjek 2, Udin pernah berunding dengan PQR untuk mengahwini subjek 2 dengan hasrat mahu mengambil tanggungjawab atas isu yang berlaku tetapi ditolak oleh PQR. Lagi pun, Udin mengiktiraf anak yang dikandung oleh subjek 2 adalah hasil pembeniannya dan menganggap anak tersebut sebagai anaknya. Meskipun Udin bersedia memikul tanggungjawab tersebut tetapi hukum Syarak dan undang-undang tidak

---

<sup>116</sup>Seksyen 85, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 86, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Seksyen 86, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 86, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 86, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 yang memperuntukkan “Penjagaan anak tak sah taraf hanya pada ibu dan saudara mara ibu”.

<sup>117</sup>Seksyen 81 (2), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 82 (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Seksyen 82 (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 82 (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 82 (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 yang memperuntukkan “Jika Mahkamah berpendapat bahawa ibu adalah hilang kelayakan di bawah Hukum Syarak dari mempunyai hak terhadap hadanah atau penjagaan anaknya, maka hak itu, tertakluk kepada sub-seksyen (3), hendaklah berpindah kepada salah seorang yang berikut mengikut susunan keutamaan yang berikut, iaitu – (a) nenek sebelah ibu hingga ke atas (b) bapa (c) nenek sebelah bapa hingga ke atas (d) kakak atau adik perempuan seibu sebapa (e) kakak atau adik perempuan seibu (f) kakak atau adik perempuan sebapa (g) anak perempuan dari kakak atau adik perempuan seibu sebapa (h) anak perempuan dari kakak atau adik perempuan seibu (i) anak perempuan dari kakak atau adik perempuan sebapa (j) emak saudara sebelah ibu (k) emak saudara sebelah bapa (l) waris lelaki yang boleh menjadi warisnya sebagai ‘*asabah* atau residuari ; dengan syarat penjagaan orang demikian tidak menjejaskan kebajikan kanak-kanak itu”.

mengiktiraf anak tersebut sebagai anaknya kerana kedua-duanya tidak mempunyai hubungan *nasab*. Berdasarkan fatwa, anak zina atau anak luar nikah sama ada diikuti dengan perkahwinan kedua pasangan ibu bapanya ataupun tidak, hendaklah di“bin” atau di“binti”kan dengan Abdullah<sup>118</sup> atau lain-lain nama *Asma Al-Husna* yang berpangkalkan dengan Abdul.<sup>119</sup>

Namun begitu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis yang mewartakan fatwanya pada 26 Disember 2013 telah memutuskan bahawa anak yang lahir kurang daripada enam (6) bulan selepas ibunya berkahwin boleh di“bin” atau di“binti”kan kepada suami ibunya kecuali jika dinafikan oleh suami ibunya.<sup>120</sup> Fatwa tersebut menyarankan agar Majlis Fatwa Kebangsaan mengkaji semula fatwa melarang anak yang lahir kurang enam (6) bulan selepas perkahwinan *dinasabkan* kepada bapanya kerana keputusan tersebut hanya bersandarkan kepada dalil yang bersifat tafsiran (*mafhum*) dan bukannya dalil yang tetap (*mantuq*). Namun begitu, Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria menegaskan bahawa fatwa yang melarang anak yang lahir kurang daripada enam (6) bulan selepas perkahwinan *dinasabkan* kepada bapanya tidak perlu dikaji semula kerana fatwa tersebut ditentukan oleh ulama terdahulu setelah menimbangkan keadaan dan hukumnya.<sup>121</sup>

---

<sup>118</sup>“Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Pertama”, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/penamaan-anak-tak-sah-araf-anak-luar-nikah> (Capaian pada 31 Mac, 2016).

<sup>119</sup>*Garis Panduan Anak Tak Sah Taraf: Penamaan, Pergaulan dan Hak-haknya*, 9.

<sup>120</sup>“Hukum Anak Tak Sah Taraf”, [http://mufti.perlis.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=425:hukum-anak-tak-sah-araf&catid=34:fatwa-muamalat&Itemid=92](http://mufti.perlis.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=425:hukum-anak-tak-sah-araf&catid=34:fatwa-muamalat&Itemid=92). (Capaian pada 31 Mac, 2016).

<sup>121</sup>“Fatwa larang anak luar nikah dibinkan bapa tak perlu dikaji”, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0229&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_16.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0229&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_16.htm). (Capaian pada 31 Mac, 2016).

Dalam kes *Maryam Nurisa Othman lwn Huzairin Basir*<sup>122</sup>, plaintif telah berkahwin dengan defendan pada 22 Ogos 2008 dan bercerai pada 15 Disember 2009. Sebelum berkahwin, defendan telah melahirkan seorang anak luar nikah bernama MHZ Bin Abdullah pada 25 September 2008 dan kini berusia satu (1) tahun lapan (8) bulan. Selepas bercerai, anak tersebut tinggal bersama defendan dan menjaga kebajikannya sejak lahir lagi. Plaintif menuntut hak jagaan anak tersebut tetapi tidak dipersetujui oleh defendan kerana plaintif enggan menjaga anak tersebut selepas bercerai. Mahkamah memutuskan hak penjagaan kekal anak tersebut diberikan kepada plaintif dan defendan perlu menyerahkan anak tersebut kepada plaintif tanpa halangan.

Berbeza dengan subjek 4, keluarga Dee mahu mengambil tanggungjawab atas kesalahan yang dilakukannya. Namun begitu, subjek 4 menolak pelawaan tersebut dan tidak mahu terikat apa-apa dengan keluarga Dee. Sebaliknya, subjek 7 telah mengambil tanggungjawab tersebut dengan memelihara subjek 4 dan anak tersebut. Keikhlasan hati subjek 7 selaku ibu saudara telah meringankan bebanan subjek 4 adalah bertepatan dengan peruntukan undang-undang. Merujuk Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 (Akta A1511) telah meluaskan tafsiran “anggota keluarga luas” dengan tafsiran yang lebih khusus iaitu “saudara”. Pindaan ini membatalkan peruntukan sedia ada yang hanya menghadkan tafsiran pertalian keluarga dengan anak tersebut kepada tiga (3) pihak sahaja iaitu berdasarkan pertalian darah, persemendaan atau pengangkatan.<sup>123</sup>

---

<sup>122</sup>[2011] Jil. 33, Bhg. 2 JH 227 - 234.

<sup>123</sup>Seksyen 2 (1), Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 (A 1511) yang memperuntukkan “Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—“anggota keluarga” termasuklah ibu atau bapa atau penjaga, atau seseorang saudara, yang merupakan seorang anggota rumah”.



Dalam kes *Ervin Ahbabovic lwn Amalyna Evelyn Abdullah*<sup>124</sup>, Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan menolak tuntutan plaintif untuk mendapat hak penjagaan ke atas dua (2) orang anak sebaliknya menghukumkan kedua-dua anak tersebut *dinasabkan* kepada defendan selaku ibu dan hak penjagaan kekal diberikan kepada defendan. Mahkamah mendapati kedua-dua anak tersebut adalah anak luar nikah iaitu anak pertama lahir dalam tempoh dua (2) tahun sebelum pernikahan manakala anak kedua lahir dalam tempoh empat (4) bulan daripada tarikh pernikahan berdasarkan daftar pernikahan mereka dan sijil kelahiran kedua-dua anak tersebut.

Kes di atas menunjukkan bahawa kesediaan bapa biologi mengambil tanggungjawab menjaga kedua-dua anaknya terhalang disebabkan perintah mahkamah telah mengisytiharkan kedua-dua anaknya berstatus anak luar nikah. Justeru, apa sahaja kewajipan terhadap anak tersebut seperti menjaga, menyara nafkah anak dan seumpamanya dengan sendirinya tidak boleh dikuatkuasakan. Namun begitu, jika dilihat daripada aspek tanggungjawab sosial, kesediaan bapa biologi membantu meringankan bebanan ibu seharusnya diterima dengan baik atas dasar kemanusiaan.

#### **4.4.2 Kebajikan dan Pengurusan**

Merujuk isu pertama dalam aspek kebajikan, penyelidik mendapati wujud persamaan antara subjek 2 dalam kajian kes di daerah Kota Setar dan subjek 4 dalam kajian kes di daerah Kubang Pasu yang telah mengambil tanggungjawab menyara nafkah anak luar nikah. Kewajipan tersebut menepati kehendak undang-undang yang memfardukan ke atas

---

<sup>124</sup>[2012] 3 LNS 13.

mereka sahaja dan kepada warisnya, jika mereka tidak mampu.<sup>125</sup> Oleh itu, subjek 2 tidak berhak menuntut nafkah anak luar nikah ke atas Udin dan subjek 4 ke atas Dee atau keluarga masing-masing di Mahkamah Syariah kerana tiada peruntukan undang-undang yang membenarkan bapa biologi melaksanakannya.

Dalam kes *Ismail Ishak lwn Kalam Mamat*<sup>126</sup>, plaintif telah bernikah dengan defendan pada 7 Julai 1984 dan bercerai pada 28 September 1985. Plaintif memohon pengisytiharan bahawa seorang anak yang bernama MAI yang dilahirkan pada 23 September 1989 bukanlah anaknya dan tidak bertanggungjawab untuk memberi nafkah kepadanya. Defendan mendakwa bahawa plaintif telah merujuk defendan dalam masa *iddah raji'e* tetapi plaintif menyatakan bahawa mereka tidak pernah bertemu selepas daripada tarikh perceraian tersebut. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu, Hj Ismail Yahya menyatakan jarak tempoh perceraian hingga tarikh kelahiran anak tersebut melebihi empat (4) tahun. Berdasarkan nas *fiqh*, anak tersebut tidak boleh *dinasabkan* kepada plaintif. Merujuk ikrar bertarikh 21 Oktober 1986 ketika mengambil surat cerai, defendan menyatakan telah datang haid tiap-tiap bulan selama empat (4) ke lima (5) hari bahkan sudah datang haid melebihi empat (4) kali. Defendan juga mengaku bahawa plaintif tidak pernah melafazkan rujuk kepadanya. Oleh itu, diputuskan bahawa anak tersebut bukanlah anak plaintif dan plaintif tidak berhak memberi nafkah kepadanya.

---

<sup>125</sup>Seksyen 80 (1), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 81 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Seksyen 81 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 81 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 81 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 yang memperuntukkan “Jika seseorang perempuan cuai atau enggan menanggung nafkah seseorang anaknya yang tak sah taraf yang tidak berupaya menanggung nafkah dirinya, melainkan seorang anak yang dilahirkan akibat rogol, Mahkamah boleh, apabila hal itu dibuktikan dengan sewajarnya, memerintahkan perempuan itu memberi apa-apa elaun bulanan yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah”.

<sup>126</sup>[1995] Jil. 10, Bhg. 1 JH 41 - 44.

Oleh itu, penyelidik mendapati isu ketidakadilan bapa biologi terhadap anak luar nikah tersebut tidak berbangkit sama sekali kerana hukum Syarak telah menghukumkan bapa biologi tiada hubungan *nasab* dengan anak luar nikah dan terlepas tanggungjawabnya menyara nafkah anak tersebut. Walau bagaimanapun, bapa biologi tidak terlepas dosanya dengan azab Allah SWT di akhirat nanti dan ketika di dunia, boleh dihukum *ta'azir* atas kesalahan zina jika disabitkan bersalah oleh Mahkamah Syariah. Namun begitu, pada aspek tanggungjawab sosial dan melakukan kebajikan sesama manusia, bapa biologi wajar melaksanakan kewajibannya terhadap anak tersebut sama seperti melakukan kebajikan terhadap orang lain umpamanya derma, sedekah, hibah, wasiat, wakaf dan sebagainya. Bapa biologi boleh mendepositkan sumbangan wang ke akaun anak tersebut atau melalui sistem perbankan internet yang boleh diaplikasi secara maya bahkan boleh merahsiakan tindakan tersebut daripada pengetahuan umum. Bapa biologi sepatutnya “sedar” bahawa anak tersebut adalah anaknya yang lahir dari benihnya sendiri, bukan benih orang lain. Jika kesedaran itu disemai dalam dirinya dengan menginsafi atas kesilapan terdahulu, maka nasib anak tersebut tidak akan terabai bahkan dapat meringankan tanggungjawab ibunya. Walau bagaimanapun, ia hanya terlaksana jika bapa biologi sedar bahawa itu adalah kewajibannya yang mesti ditunaikan meskipun dari sudut hukum Syarak, kewajiban tersebut terlepas.

Berbanding dengan Mahkamah Sivil, kedua-dua subjek boleh menuntut nafkah anak luar nikah terhadap bapa biologi di bawah Seksyen 3(2) Akta Perempuan Bersuami dan Anak-anak (Nafkah) 1950 (Akta 263) dan Mahkamah Sivil berbidang kuasa mengeluarkan perintah nafkah anak tersebut sekiranya kedua-dua subjek memfailkan tuntutannya. Namun begitu, kedua-dua subjek tidak berbuat demikian dan lebih selesa menanggung

sendiri keperluan anak tersebut tanpa mengharapkan sumbangan daripada bapa biologi. Isu ibu kandung menuntut nafkah anak luar nikahnya terhadap bapa biologi boleh dirujuk dalam kes *Mohd Hanif Farikullah lwn Bushra Chaudri* yang dibincangkan dalam Bab 3.

Berdasarkan kes tersebut, ternyata Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa tertentu seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang. Namun begitu, Mahkamah Syariah tidak boleh memutuskan apa-apa perkara yang tidak diperuntukkan oleh undang-undang negeri seperti yang terkandung dalam Senarai Kedua (Senarai Negeri). Jika dilihat daripada aspek sosial, Mahkamah Sivil mempunyai kelebihan berbanding Mahkamah Syariah kerana Mahkamah Sivil mempunyai bidang kuasa mengeluarkan perintah agar bapa biologi memberi nafkah kepada anak luar nikah. Mahkamah Sivil melihat kepentingan perintah atas dasar kemanusiaan dan tanggungjawab sosial. Jika dilihat daripada aspek agama, ternyata Mahkamah Syariah mempunyai kelebihan tersendiri berbanding Mahkamah Sivil kerana Mahkamah Syariah terikat dengan hukum Syarak yang tidak membenarkan bapa biologi menyara nafkah anak luar nikah berdasarkan faktor *nasab*.

Andaikata subjek 2 diperintahkan oleh Mahkamah Syariah membayar nafkah anak luar nikahnya, tiada peruntukan dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 (Enakmen 7) yang boleh menguatkuasakan perintah nafkah tersebut. Oleh itu, Mahkamah Syariah perlu mengguna pakai Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Penguatkuasaan Nafkah) 1968 (Akta 794)<sup>127</sup> untuk menguatkuasakan perintah nafkah

---

<sup>127</sup>Seksyen 14, Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Penguatkuasaan Nafkah) 1968 (Akta 794) yang memperuntukkan “Menurut Fasal (1) Perkara 76A Perlembagaan Persekutuan, Badan-Badan Perundangan

tersebut. Ini menunjukkan kelemahan pada enakmen undang-undang keluarga Islam seluruh negeri di Malaysia yang sepatutnya mempunyai peruntukan berkaitan penguatkuasaan perintah nafkah.

Selain itu, Akta 794 juga boleh memerintahkan majikan bapa biologi atau ibu kandung anak luar nikah memotong pendapatan<sup>128</sup> mereka sebagai bayaran nafkah anak tersebut sekiranya mereka masih bekerja. Jika mereka telah bersara atau tidak bekerja lagi, mahkamah boleh memerintahkan bayaran nafkah anak tersebut melalui potongan pencen atau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Kes ini boleh dipanjangkan ke Mahkamah Sivil jika perintah tersebut melibatkan bapa biologi dan Mahkamah Syariah jika melibatkan ibu kepada anak luar nikah. Oleh itu, Akta 794 tersebut dapat menangani isu pengabaian bayaran nafkah anak luar nikah dan ia merupakan suatu kelebihan yang tiada pada enakmen undang-undang keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia.

Selain itu, status anak luar nikah yang boleh bertukar menjadi anak tiri jika bapa biologi berkahwin dengan ibunya dan menjadi *mahramnya*. Namun begitu, bapa tiri juga tidak diwajibkan oleh hukum Syarak memberi nafkah kepada anak tersebut. Sebaliknya, jika bapa biologi tidak berkahwin dengan ibunya, hukum Syarak menghalalkan bapa biologi berkahwin dengan anak luar nikah kerana kedua-duanya tiada hubungan *mahram*.<sup>129</sup>

---

Negeri di Semenanjung Malaysia atau mana-mana daripadanya diberi kuasa untuk membuat undang-undang yang memperuntukkan bahawa Akta ini terpakai bagi atau mengenai sesuatu perintah nafkah yang dibuat oleh Mahkamah Syariah yang ditubuhkan oleh atau di bawah Enakmen Negeri-Negeri itu”.

<sup>128</sup>Seksyen 4 (1), Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Penguatkuasaan Nafkah) 1968 (Akta 794) yang memperuntukkan “Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, mahkamah boleh, atas permohonan orang yang mengenai nafkahnya perintah itu dibuat atau penjaga orang itu, membuat suatu perintah penahanan pendapatan jika didapati oleh mahkamah adil untuk berbuat demikian”.

<sup>129</sup>“Hubungan Anak Luar Nikah Dengan Bapa Biologi”, (28 Julai, 2015), <http://www.e-fatwa.gov.my/blog/feed> (Capaian pada 27 April, 2016).

Menurut al-Syafii, jika seorang lelaki yang berzina dengan seorang perempuan lalu perempuan itu melahirkan anak perempuan, maka lelaki itu boleh berkahwin sama ada dengan perempuan itu ataupun anak perempuannya. Ini disebabkan Allah SWT hanya menjadikan hubungan *mahram* itu berasaskan perkahwinan yang halal sahaja.<sup>130</sup>

Fatwa di atas adalah berdasarkan sebuah kisah yang disampaikan oleh Abdullah Bin 'Amr Bin al-'As yang menyatakan ketika berlaku pembukaan kota Mekah, seorang lelaki telah datang menemui Rasulullah SAW lalu memberitahu bahawa si fulan itu adalah anaknya yang lahir melalui perzinaan dengan ibunya semasa jahiliyah dahulu. Rasulullah SAW tidak mengiktiraf anak luar nikah itu sebagai anak yang sah seperti yang didakwa oleh lelaki tersebut walaupun lelaki itu mengaku telah menyebabkan kelahiran anak tersebut. Jika anak luar nikah itu perempuan, maka lelaki tersebut dengan anak perempuan itu menjadi bukan *mahram*. Rasulullah SAW bersabda ;

*“Tiada hujah dalam Islam apa yang telah berlaku pada zaman jahiliyah. Nasab anak adalah untuk bapanya yang sah manakala bagi penzina, dihalang daripada dinasabkan anak kepadanya”*<sup>131</sup>

Selain itu, penyelidik mendapati kedua-dua subjek gagal berurusan dengan JKM, LZNK dan Baitulmal Negeri Kedah untuk mendapatkan bantuan kewangan bagi membiayai keperluan dan kebajikan anak luar nikah masing-masing. Setiap institusi tersebut mensyaratkan kedua-dua subjek perlu mengisi borang mengikut *prosedur* yang ditetapkan. Contohnya, JKM boleh mempertimbangkan bantuan kewangan kepada kedua-

---

<sup>130</sup>Al-Syafi'i, Muhammad bin Idris, *Ahkam al-Quran*, pnyt. 'Abd al-Ghani al-Khaliq, Juz. 2, (Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1980), 189.

<sup>131</sup>Jam'u Jawami' al-Ahadis Wa al-Asanid, *Sunan Abi Daud*, 388.

dua subjek tersebut jika terdapat permohonan daripada kedua-duanya.<sup>132</sup> Penyelidik turut membincangkan bantuan-bantuan yang telah dikeluarkan oleh LZNK dan Baitulmal Negeri Kedah kepada *asnaf* yang layak berdasarkan temu bual dengan pegawai kedua-dua institusi tersebut sebagai panduan kepada kedua-dua subjek untuk memohon bantuan.

Menurut Hamidi Mohd Nor, permohonan bantuan zakat kebanyakannya datang daripada ibu tunggal yang kematian suami atau bercerai atau ibu tunggal di mana suami mereka dipenjarakan, ditahan lokap polis atau ditahan di Pusat Serenti dalam tempoh tertentu. Dalam tempoh ketiadaan suami, LZNK akan memberi bantuan kewangan atau bantuan makanan secara bulanan kepada ibu tunggal atau ibu tunggal tersebut. Bagi kategori ibu tunggal, bantuan tersebut akan diberhentikan serta-merta selepas suami mereka dibebaskan manakala bagi kategori ibu tunggal, bantuan tersebut diteruskan sehingga ke suatu tempoh yang ditetapkan. Pada tahun 2015, seorang remaja wanita berusia tujuh belas (17) tahun melahirkan seorang anak luar nikah dengan pasangannya bukan warganegara Malaysia yang menjadi buruh binaan di Pekan Jitra, Kedah. Berdasarkan maklumat daripada akhbar Sinar Harian, LZCKP bersama wartawan akhbar tersebut telah menjejaki remaja tersebut untuk mengetahui status dirinya. Selepas dibuat siasatan dan laporan, LZCKP telah meluluskan bantuan kewangan kepadanya secara *one off*.<sup>133</sup>

---

<sup>132</sup>“Permohonan Pengendalian permohonan bantuan kewangan dibuat di peringkat Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian di seluruh negara. Borang permohonan JKM18 boleh didapati Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian di seluruh negara atau memuat turun borang tersebut di laman [www.jkm.gov.my](http://www.jkm.gov.my)”.  
<http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=T3dDNzFTNWJJSNGN6bnRXQUZJMjNQdz09>.  
(Capaian pada 27 November 2017).

<sup>133</sup>Hamidi Mohd Nor, Pengurus Lembaga Zakat Cawangan Kubang Pasu, Kedah, temu bual telefon oleh penyelidik, 10 Oktober 2016.

Menurut Syeikh Fakhurrazi Yub, baitulmal banyak menerima permohonan daripada ibu tunggal yang kematian suami, ditinggal langsung oleh suami atau disebabkan perceraian. Oleh itu, status ibu tunggal yang melahirkan anak luar nikah tidak dapat dikenal pasti kerana tiada aduan secara langsung daripada remaja hamil luar nikah memohon bantuan kewangan untuk menyara nafkah anak tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat dua (2) kes yang melibatkan datuk dan nenek kepada anak luar nikah telah memohon bantuan kewangan kepada baitulmal. Selepas siasatan dijalankan dan memenuhi kelayakan yang disyaratkan, baitulmal telah meluluskan bantuan antara RM 300.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus sahaja) ke RM 500.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ratus sahaja) kepada mereka yang menjaga anak luar nikah yang ditinggalkan ibunya.<sup>134</sup>

Berdasarkan kenyataan di atas, terdapat dua (2) kelemahan pada aspek pentadbiran LZNK dan Baitulmal Negeri Kedah iaitu pertama ; bantuan kewangan hanya diluluskan berdasarkan borang permohonan semata-mata dan kedua ; bantuan kewangan diluluskan berdasarkan isu-isu yang didedahkan dalam akhbar selepas siasatan yang munasabah dan memenuhi syarat yang ditetapkan. Berdasarkan contoh kes remaja hamil luar nikah di Jitra di atas, LZCKP memberi bantuan kepada remaja wanita hamil luar nikah berdasarkan maklumat daripada wartawan akhbar Sinar Harian. Begitu juga, baitulmal akan mengarahkan kakitangannya di setiap daerah untuk menyiasat isu-isu yang didedahkan dalam akhbar. Sekiranya terdapat asas yang kukuh dan munasabah, baitulmal boleh menghulurkan bantuan kepada mereka secara *one off*.<sup>135</sup>

---

<sup>134</sup>Syeikh Fakhurrazi Yub, Ketua Bahagian Baitulmal Negeri Kedah, temu bual telefon oleh penyelidik, 10 Oktober 2016.

<sup>135</sup>Ibid.



Kelemahan tersebut harus diperbaiki dengan memberi kuasa kepada pegawai dan kakitangan “turun padang” dan membuat rondaan ke mana-mana tempat untuk mengenal pasti *asnaf* yang berhak menerima bantuan. Selepas mendapat maklumat *asnaf* yang berhak, permohonan bantuan boleh diproses mengikut *prosedur* yang ditetapkan. Meskipun langkah tersebut membebankan pegawai dan kakitangan kedua-dua institusi tersebut, sekurang-kurangnya ia memudahkan *asnaf* tersebut mendapatkan hak mereka tanpa melalui karenah *birokrasi* yang menyulitkan. Selain itu, maklumat tentang fungsi kedua-dua institusi tersebut harus diperluaskan melalui media *massa*, majlis penerangan, khutbah jumaat dan sebagainya agar masyarakat dapat mengetahuinya.

Merujuk isu kedua pula, terdapat persamaan antara JKL dan STU sebagai keluarga angkat yang bertanggungjawab menyara nafkah anak luar nikah. Terdapat tiga (3) peruntukan undang-undang yang mengawal selia kebajikan kanak-kanak termasuk anak luar nikah yang diambil sebagai anak angkat iaitu Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257)<sup>136</sup>, Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611)<sup>137</sup> dan enakmen undang-undang keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia.<sup>138</sup>

---

<sup>136</sup>Seksyen 9 (1), Akta pengangkatan 1952 (Akta 257) yang memperuntukkan “Apabila suatu perintah pengangkatan dibuat, segala hak, tugas, kewajipan dan tanggungan ibu atau bapa, penjaga anak angkat itu, berhubung dengan jagaan, nafkah dan pelajaran pada masa hadapan anak angkat itu, termasuk segala hak untuk melantik seorang penjaga atau untuk mempersetujui atau memberi notis tidak bersetuju dengan perkahwinan adalah terhapus, dan segala hak, tugas, kewajipan dan tanggungan itu hendaklah terletak hak pada dan boleh dijalankan oleh dan boleh dikuatkuasakan terhadap pengangkat itu seolah-olah anak angkat itu ialah anak yang dilahirkan oleh pengangkat itu semasa perkahwinan yang sah”.

<sup>137</sup>Seksyen 108 (1) (a), Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611) yang memperuntukkan “Jika sesuatu perintah dibuat– (a) meletakkan seseorang kanak-kanak dalam pemeliharaan seseorang yang layak dan sesuai; Mahkamah Bagi Kanak-Kanak yang membuat perintah itu boleh, pada masa itu juga atau kemudiannya, membuat suatu perintah sumbangan menghendaki ibu atau bapa atau penjaga atau orang lain yang mempunyai jagaan kanak-kanak itu”.

<sup>138</sup>Seksyen 78 (1), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 79 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Seksyen 79 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 79 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 79 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 yang memperuntukkan

Namun begitu, terdapat perbezaan antara Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253) dan Akta 257 yang mana isu kebajikan anak angkat hanya terdapat dalam Akta 257 sahaja dan tidak terdapat dalam Akta 253 sedangkan pengangkatan di kalangan orang Islam mengguna pakai Akta 253. Ini menunjukkan Akta 253 mempunyai kelemahan yang ketara kerana tidak memenuhi tuntutan-tuntutan pengangkatan yang digariskan oleh hukum Syarak. Akta 253 hanya mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai Ketua Pendaftar, Pendaftar dan kuasa mereka [Seksyen 3, 9, 10 (1) dan 10 (2)], pelantikan Ketua Pendaftar (Seksyen 4), tugas para Pendaftar (Seksyen 5, 7, 12 dan 13) dan kesalahan-kesalahan mengenai penipuan yang berlaku semasa proses pendaftaran pengangkatan (Seksyen 14) manakala Seksyen 6 (1) dan Seksyen 10 (2) sahaja mengandungi syarat-syarat untuk membolehkan pendaftaran tersebut dilakukan.

Dalam Seksyen 108 (2), Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611)<sup>139</sup> juga mengandungi kelemahan pada aspek perintah saraan nafkah secara bulanan kepada penjaga kanak-kanak termasuk anak luar nikah yang menjadi anak angkat. Peruntukan tersebut memberi kuasa kepada mahkamah untuk mengecualikan saraan nafkah kepada anak angkat jika mahkamah berpendapat penjaga tidak mampu membiayai nafkah. Peruntukan tersebut bercanggah dengan enakmen undang-undang keluarga Islam<sup>140</sup> negeri-negeri di Malaysia

---

“Jika seseorang lelaki telah menerima seseorang kanak-kanak yang bukan anaknya sebagai seorang ahli keluarganya, maka adalah menjadi kewajipannya menanggung nafkah kanak-kanak itu semasa dia masih seorang kanak-kanak, setakat mana bapa dan ibu kanak-kanak itu tidak berbuat demikian, dan Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah yang perlu bagi memastikan kebajikan kanak-kanak itu”.

<sup>139</sup>Seksyen 108 (2), Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611) yang memperuntukkan “Mahkamah Bagi Kanak-Kanak tidak boleh membuat apa-apa perintah sumbangan di bawah subseksyen (1) jika Mahkamah itu berpendapat bahawa tidak adil jika perintah sumbangan dibuat setelah mengambil kira hal keadaan dan kemampuan ibu atau bapa atau penjaga atau orang lain itu”.

<sup>140</sup>Seksyen 80 (1) dan (2), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 81 (1) dan (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Seksyen 81 (1) dan (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 81 (1) dan (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 81 (1) dan (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam

yang memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah mengeluarkan perintah nafkah anak tersebut dengan mengambil kira faktor kemampuan kewangan ibu, waris ibu atau penjaga tanpa pengecualian meskipun penjaga tersebut tidak berkemampuan.

Dalam enakmen undang-undang keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia tidak mengandungi peruntukan khusus berkaitan anak angkat bahkan tiada takrifan anak angkat dalam Seksyen 2 berkaitan tafsiran dan tiada juga syarat-syarat dan peraturan-peraturan tertentu yang menjelaskan *prosedur* pengangkatan. Begitu juga, tiada satu pun negeri yang menggubal enakmen pengangkatan kanak-kanak walaupun orang Melayu beragama Islam merupakan golongan paling ramai memohon pendaftaran anak angkat. Walau bagaimanapun terdapat satu (1) sahaja peruntukan berkaitan nafkah kanak-kanak termasuk anak luar nikah yang diterima sebagai ahli keluarga. Selain itu, terdapat peruntukan tentang tamat tempoh nafkah jika anak tersebut diambil atau diserahkan semula kepada ibu atau waris ibunya.<sup>141</sup> Peruntukan selanjutnya berkaitan hak keluarga angkat boleh menuntut semula saraan nafkah yang telah dibelanjakan sepanjang

---

(Kedah) 2008 yang memperuntukkan “(1) Jika seseorang perempuan cuai atau enggan menanggung nafkah seseorang anaknya yang tak sah taraf yang tidak berupaya menanggung nafkah dirinya, melainkan seorang anak yang dilahirkan akibat rogol, Mahkamah boleh, apabila hal itu dibuktikan dengan sewajarnya, memerintahkan perempuan itu memberi apa-apa elaun bulanan yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah, (2) Elaun bulanan di bawah seksyen ini hendaklah kena dibayar dari tarikh bermulanya kecuai atau keengganan menanggung nafkah itu atau dari sesuatu tarikh yang kemudian mengikut sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu”.

<sup>141</sup>Seksyen 78 (2), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 79 (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Seksyen 79 (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 79 (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 79 (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 yang memperuntukkan “Kewajipan yang ditanggungkan oleh subseksyen (1) hendaklah terhenti jika kanak-kanak itu dibawa balik oleh bapa atau ibunya”.

memelihara anak luar nikah sama ada melalui persetujuan bersama ataupun perintah mahkamah.<sup>142</sup>

Penyelidik mendapati peruntukan dalam Akta 257 dilihat lebih baik berbanding Akta 253, Akta 611 dan enakmen undang-undang keluarga Islam negeri-negeri dalam menjaga kebajikan anak angkat. Sepatutnya, Akta dan enakmen undang-undang keluarga Islam negeri-negeri mengandungi peruntukan tentang hukum, garis panduan dan peraturan-peraturan pengangkatan demi menjaga kebajikan anak angkat dan keluarga angkatnya, bukan hanya tertumpu kepada soal nafkah sahaja.

Dalam kes *Rokiah Abdul Jalil lwn Mohd Idris Shamsuddin*<sup>143</sup>, plaintif berkahwin dengan defendan pada 6 Mac 1948 dan bercerai pada 11 Jun 1983. Plaintif telah memfailkan tuntutan tunggakan nafkah diri, nafkah *iddah*, nafkah dua orang anak, *muta'ah* dan harta sepencarian terhadap defendan. Plaintif dan defendan telah memelihara seorang anak angkat yang diberi nama RBMI. Plaintif memohon agar mahkamah memerintahkan defendan membayar nafkah ke atas anak tersebut. Hakim Mahkamah Kadi Besar Wilayah Persekutuan, Hj Yahya Darus menyatakan tuntutan tersebut bercanggah dengan hukum Syarak kerana anak angkat haram di“bin”kan kepada bapa angkat berdasarkan surah al-Ahzab 33 : 5. Oleh itu, mahkamah menolak tuntutan nafkah ke atas anak angkat tersebut.

---

<sup>142</sup>Seksyen 78 (3), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 79 (3), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Seksyen 79 (3), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 79 (3), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 79 (3), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 yang memperuntukkan “Apa-apa wang yang dibelanjakan oleh seseorang lelaki pada menanggung nafkah seseorang kanak-kanak sebagaimana dikehendaki oleh subseksyen (1) boleh dituntut daripada bapa atau ibu kanak-kanak itu”.

<sup>143</sup>[1989] Jil. 6, Bhg. 2 JH 272 - 281.

Merujuk isu pertama dalam aspek pengurusan, penyelidik mendapati RPNH sebagai sebuah NGO yang berdaftar dengan JKM diberi kuasa oleh undang-undang untuk memberikan perlindungan dan pemeliharaan kepada keempat-empat subjek tersebut. Dalam erti kata yang lain, RPNH dan institusi-institusi JKM telah diiktiraf sebagai tempat selamat berdasarkan Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611), boleh menerima remaja hamil luar nikah seperti keempat-empat subjek tersebut. Begitu juga, JKL dan STU yang mengambil anak luar nikah sebagai anak angkat adalah terikat di bawah seksyen 19 (3) Akta 611 dan bertanggungjawab menjaga kebajikan mereka.<sup>144</sup> Selain itu, Akta 611 juga memperuntukkan tanggungjawab RPNH dan institusi-institusi JKM menguruskan remaja hamil luar nikah untuk mendapatkan rawatan/perubatan di hospital sehingga bersalin.<sup>145</sup>

Merujuk isu kedua, penyelidik mendapati wujud persamaan antara subjek-subjek tersebut dan keluarga angkat yang menerima anak luar nikah sebagai anak angkat. Contohnya, STU yang mengambil anak luar nikah subjek 1 tidak mem“binti”kan nama anak tersebut dengan nama suaminya tetapi dinamakan ABC Binti Abdullah, subjek 2 bukan dengan nama Udin tetapi dinamakan DEF Bin Abdulllah dan subjek 4 bukan dengan nama Dee sebaliknya dinamakan MNO Binti Abdul Razak. Tindakan mereka adalah memenuhi

---

<sup>144</sup>Seksyen 19 (3), Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang memperuntukkan “Jika seseorang kanak-kanak diletakkan di suatu tempat selamat atau dalam pemeliharaan seorang yang layak dan sesuai di bawah subseksyen (2)— (a) orang yang menjaga tempat selamat itu atau orang yang layak dan sesuai itu hendaklah mempunyai kawalan ke atas, dan bertanggungjawab bagi penyenggaraan, kanak-kanak itu sama seperti ibu atau bapa kanak-kanak itu; dan (b) kanak-kanak itu hendaklah terus berada dalam pemeliharaan orang yang disebut dalam perenggan (a) walaupun kanak-kanak itu dituntut oleh ibu atau bapa atau penjaganya atau mana-mana orang lain”.

<sup>145</sup>Seksyen 22, Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang memperuntukkan “Jika pegawai perubatan yang memeriksa seseorang kanak-kanak di bawah seksyen 21 berpendapat bahawa kanak-kanak itu perlu dimasukkan ke hospital bagi maksud pemeliharaan atau rawatan perubatan, seseorang Pelindung atau pegawai polis boleh membenarkan kanak-kanak itu dimasukkan ke hospital”.

peruntukan undang-undang<sup>146</sup> dan berdasarkan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan seperti mana yang dibincangkan sebelum ini. Peruntukan undang-undang tersebut adalah selari dengan hukum Syarak yang melarang seseorang anak angkat *dinasabkan* namanya dengan nama bapa angkat.<sup>147</sup> Berbeza dengan JKL yang meletakkan nama anak tersebut ber“binti”kan namanya iaitu GHI Binti JKL. Tindakan JKL tersebut bercanggah dengan hukum Syarak<sup>148</sup> dan undang-undang<sup>149</sup>. Isu JPN menolak pendaftaran nama anak luar nikah di“bin”kan atas nama bapa biologi boleh dirujuk dalam kes *Jamuri Ishak dan Azira Aziz* yang telah dibincangkan dalam Bab 3.

Merujuk isu ketiga pula, penyelidik mendapati STU terikat dengan *prosedur* yang ditetapkan oleh Akta 253<sup>150</sup> yang telah meletakkan dua (2) syarat utama pengambilan anak angkat iaitu kelayakan kanak-kanak dan pemohon iaitu :

#### Kelayakan Kanak-kanak

- a) Belum pernah berkahwin.

---

<sup>146</sup>Seksyen 13, Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) yang memperuntukkan “Walau apa pun yang terkandung dalam peruntukan terdahulu di dalam Akta ini, dalam hal anak tak sah taraf, tiada seorang pun sebagai bapa kepada kanak-kanak itu dikehendaki memberi maklumat berkenaan dengan kelahiran kanak-kanak itu, dan Pendaftar hendaklah tidak mencatatkan ke dalam daftar nama mana-mana orang sebagai bapa kanak-kanak itu kecuali atas permintaan bersama oleh ibu dan orang yang mengaku dirinya sebagai bapa kanak-kanak itu, dan orang itu hendaklah dalam hal sedemikian menandatangani daftar itu bersama dengan ibu itu”.

<sup>147</sup>Al-Quran : *al-Ahzab*, 33 : 5. Petikan ayat yang bermaksud “Panggillah anak-anak angkat itu dengan ber’bin’kan kepada bapa-bapa mereka sendiri, cara itulah yang lebih adil di sisi Allah. Dalam pada itu, jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, maka panggillah mereka sebagai saudara-saudara kamu yang seagama dan sebagai "maula-maula" kamu. Dan kamu pula tidak dikira berdosa dalam perkara yang kamu tersilap melakukannya, tetapi (yang dikira berdosa itu ialah perbuatan) yang disengajakan oleh hati kamu melakukannya. Dan (ingatlah Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”.

<sup>148</sup>Ibid.

<sup>149</sup>Seksyen 25 (1), Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257) yang memperuntukkan “Pendaftar Besar hendaklah mengadakan dan menyenggarakan suatu daftar yang dinamakan Daftar Anak Angkat, yang dalamnya hendaklah dibuat apa-apa catatan sebagaimana yang diarahkan supaya dibuat melalui perintah pengangkatan, tetapi tidak catatan lain”.

<sup>150</sup>Seksyen 6 (1), Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253).

- b) Berumur di bawah lapan belas (18) tahun dan bermastautin di Semenanjung Malaysia.
- c) Telah berada dalam jagaan, dipelihara dan dididik oleh seseorang atau pasangan suami isteri secara bersama sebagai anaknya atau anak mereka sendiri bagi tempoh tidak kurang daripada dua tahun yang berterusan sebelum pendaftaran pengangkatan dibuat.
- d) Kanak-kanak bertaraf warganegara atau bukan warganegara.
- e) Kanak-kanak memiliki dokumen pengenalan diri (sijil kelahiran/kad pengenalan/passport/permit masuk bagi warganegara asing dan visa perlu cukup tempoh dua tahun).

#### Kelayakan Pemohon

- a) Salah seorang ibu bapa angkat (suami/isteri) atau ibu angkat (tunggal) atau bapa angkat (tunggal) bertaraf warganegara atau penduduk tetap.
- b) Ibu bapa angkat atau ibu angkat (tunggal) atau bapa angkat (tunggal) berumur dua puluh lima (25) tahun ke atas dan sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun lebih tua daripada kanak-kanak.
- c) Pasangan suami isteri memiliki dokumen perkahwinan yang sah.
- d) Mendapat keizinan pengangkatan daripada ibu bapa kandung atau ibu tunggal. Sekiranya tiada keizinan ibu dan bapa kandung atau ibu tunggal, pengangkatan masih boleh dilaksanakan melalui perintah mahkamah atau laporan sosial daripada jabatan kebajikan masyarakat.

- e) Permohonan perlu dikemukakan di JPN dalam daerah ibu dan bapa angkat bermastautin.

Penyelidik mendapati syarat-syarat di atas berkonsepkan *masalih al-mursalah* bertujuan untuk memastikan kebajikan anak angkat tidak terabai dan dilindungi bahkan dilihat selari dengan hukum Syarak. Walau bagaimanapun, penyelidikan semula perlu dilakukan terhadap kelayakan pemohon di bawah syarat (b) yang membenarkan wanita atau lelaki tunggal (bujang) mengambil kanak-kanak termasuk anak luar nikah sebagai anak angkat dengan syarat usia mereka melebihi dua puluh lima (25) tahun ke atas atau sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun lebih tua daripada kanak-kanak tersebut sama ada lelaki ataupun perempuan. Syarat (b) Akta 253 ini bertentangan dengan Akta 257 yang melarang lelaki tunggal (bujang) mengambil kanak-kanak perempuan sebagai anak angkat.<sup>151</sup>

Syarat ini juga bertentangan dengan peraturan pendaftaran anak angkat di bawah JKM yang hanya membenarkan lelaki tunggal (bujang) mengambil anak angkat lelaki sahaja tetapi tiada halangan kepada wanita tunggal (bujang) mengambil anak angkat sama ada lelaki ataupun perempuan.<sup>152</sup> Walau bagaimanapun, syarat-syarat yang ditetapkan oleh JKM tersebut terhadap wanita tunggal (bujang) bercanggah dengan hukum Syarak berdasarkan kaedah *sadd al-zara'i* iaitu menutup pintu yang boleh membawa kepada perkara yang haram seperti pergaulan, aurat dan sebagainya. Perbezaan syarat

---

<sup>151</sup>Seksyen 4 (2), Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257) yang memperuntukkan “Sesuatu perintah pengangkatan tidak boleh dibuat dalam mana-mana hal jika pemohon tunggalnya ialah seorang lelaki dan anak yang berkenaan dengannya permohonan itu dibuat ialah seorang perempuan melainkan jika Mahkamah berpuas hati bahawa terdapat hal keadaan khas yang mewajarkan pembuatan perintah itu sebagai suatu langkah luar biasa”.

<sup>152</sup>“Pendaftaran Pengangkatan Anak Angkat Atas Talian”  
<http://anak.jkm.gov.my/paponline/index.php?menu=info>. (Capaian pada 29 November 2017).



permohonan anak angkat di atas menunjukkan Akta 257 lebih baik berbanding Akta 253 dan peraturan JKM tersebut yang diukur pada aspek usia dan jantina seseorang pemohon dengan seseorang anak angkat.

Setelah memenuhi kelayakan di atas, JPN<sup>153</sup> perlu memastikan kesemua dokumen tersebut dipenuhi terlebih dahulu oleh keluarga angkat iaitu :

- a) Borang permohonan pendaftaran pengangkatan (JPN.AA01).
- b) Daftar kelahiran kanak-kanak (asal dan salinan).
- c) Surat akuan berkanun atau surat keizinan pengangkatan (JPN.AA07) oleh ibu dan bapa kandung atau ibu tunggal. Sekiranya ibu kandung berumur bawah lapan belas (18) tahun, surat keizinan pengangkatan hendaklah ditandatangani bersama dengan salah seorang ibu atau bapa atau adik-beradik ibu kandung yang telah berumur lapan belas (18) tahun ke atas.
- d) Surat akuan berkanun ibu bapa angkat atau ibu angkat atau bapa angkat.
- e) Kad pengenalan atau passport ibu dan bapa kandung seperti yang tercatat dalam daftar kelahiran kanak-kanak (salinan).
- f) Kad pengenalan atau passport ibu dan bapa angkat (asal dan salinan).
- g) Dokumen perkahwinan ibu bapa angkat.
- h) Daftar kelahiran atau kad pengenalan anak-anak kandung ibu bapa angkat.
- i) Gambar penuh kanak-kanak (ukuran poskad).

---

<sup>153</sup>“Permohonan Pendaftaran Pengangkatan (De facto) - dokumen yang diperlukan”, [portal rasmi], <http://www.jpn.gov.my/maklumat-anak-angkat/permohonan-pendaftaran-pengangkatandefacto/#1458539025806-2fde9f63-f15d>. (Capaian pada 31 Julai 2017).

- j) Bukti pemastautin ibu bapa angkat seperti bil elektrik/bil air/bil telefon/cukai pintu dan sebagainya.
- k) Sijil kematian ibu bapa kandung kanak-kanak sekiranya ibu bapa kandung meninggal dunia.
- l) Penyata gaji pemohon (jika ada).

Apabila dokumen-dokumen tersebut dilengkapkan, *prosiding* di hadapan Pendaftar JPN akan dijalankan dengan kehadiran tiga (3) pihak iaitu ibu bapa atau ibu atau bapa angkat, kanak-kanak, ibu bapa kandung atau penjaga. Ibu atau bapa kandung boleh dikecualikan hadir jika terdapat surat keizinan (JPN.AA07).<sup>154</sup> Penyelidik mendapati syarat (c) di atas iaitu surat akuan berkanun atau surat keizinan pengangkatan yang dikeluarkan oleh JPN mengandungi persetujuan bahawa subjek 1 dan subjek 3 perlu menyerahkan anak luar nikahnya kepada STU dan JKL sebagai anak angkat dan tidak boleh menuntut semula anak tersebut daripada STU dan JKL. Syarat tersebut mengikat subjek 1 dan subjek 3 untuk mematuhi dan tidak berpeluang untuk mengambil semula anaknya daripada STU dan JKL. Syarat ini bertentangan dengan enakmen undang-undang keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia yang membenarkan anak angkat termasuk anak luar nikah yang diambil menjadi ahli keluarga boleh dituntut semula oleh ibu atau waris ibunya dan saraan nafkah anak tersebut akan tamat selepas penyerahannya.<sup>155</sup>

<sup>154</sup>“Permohonan Pendaftaran Pengangkatan (De facto) - prosiding”, [portal rasmi], <http://www.jpn.gov.my/maklumat-anak-angkat/permohonan-pendaftaran-pengangkatande-facto/#1458539025806-2fde9f63-f15d>. (Capaian pada 31 Julai 2017).

<sup>155</sup>Seksyen 78 (2), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 79 (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Seksyen 79 (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 79 (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 79 (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 yang memperuntukkan “Kewajipan yang ditanggungkan oleh subseksyen (1) hendaklah terhenti jika kanak-kanak itu dibawa balik oleh bapa atau ibunya”.

Berbanding dengan Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611), kanak-kanak termasuk anak luar nikah yang dipelihara oleh keluarga pelihara boleh dipulangkan semula kepada ibu atau waris ibunya<sup>156</sup> tetapi apabila keluarga pelihara bertukar menjadi keluarga angkat, maka pengangkatan anak tersebut kekal dan ibu atau waris ibu tidak berpeluang menuntut semula anak tersebut.<sup>157</sup>

Merujuk isu keempat pula, penyelidikan ini mendapati STU dan JKL perlu mendaftarkan nama anak luar nikah tersebut bersama ibunya iaitu subjek 1 dan subjek 3 dalam daftar kelahiran. Salah satu syarat yang ditetapkan oleh JPN dalam permohonan anak angkat ialah pemohon mestilah melampirkan daftar kelahiran anak yang mahu dibuat pengangkatan. Sekiranya anak tersebut tidak mempunyai daftar kelahiran, permohonan Daftar Lewat Kelahiran perlu dilakukan terlebih dahulu.<sup>158</sup> Selepas pengangkatan diluluskan oleh Pendaftar JPN, kelulusan pengangkatan akan dicatatkan dalam Daftar Anak Angkat.<sup>159</sup> Selepas itu, JPN akan menggantikan daftar kelahiran yang tertera nama ibunya dengan daftar kelahiran yang tertera nama ibu bapa angkat.

---

<sup>156</sup>Seksyen 30 (3), Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang memperuntukkan “Jika pada bila-bila masa kemudiannya ibu atau bapa peliharaan itu bercadang untuk mengembalikan kanak-kanak yang telah diletakkan dalam pemeliharaan, jagaan dan kawalannya di bawah perenggan (1)(e), dia hendaklah membuat laporan sendiri kepada Pelindung dan membawa kanak-kanak itu ke hadapan Pelindung itu, dan Pelindung itu hendaklah meletakkan kanak-kanak itu di suatu tempat selamat”.

<sup>157</sup>Seksyen 30 (4), Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang memperuntukkan “Jika dalam tempoh yang disebut dalam perenggan (1)(e) ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak yang berkenaan tidak menuntut kanak-kanak itu atau tidak muncul, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak boleh—(a) apabila habis tempoh itu; dan (b) jika Mahkamah berpuas hati bahawa langkah-langkah yang munasabah telah diambil oleh Pelindung untuk mengesan ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu, membuat suatu perintah menyerahkan kanak-kanak itu untuk diangkat oleh ibu atau bapa peliharaan itu atau mana-mana orang yang berhasrat untuk mengangkat kanak-kanak itu”.

<sup>158</sup>“Soalan lazim – anak angkat”, [portal rasmi], <http://www.jpn.gov.my/soalan-lazim/anak-angkat/#1458864851305-15b178cd-1b4f>. (Capaian pada 31 Julai, 2017).

<sup>159</sup>Seksyen 25 (1), Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257) yang memperuntukkan “Pendaftar Besar hendaklah mengadakan dan menyenggarakan suatu daftar yang dinamakan Daftar Anak Angkat, yang dalamnya hendaklah dibuat apa-apa catatan sebagaimana yang diarahkan supaya dibuat melalui perintah pengangkatan, tetapi tidak catatan lain”.

Kebenaran tersebut adalah berdasarkan kenyataan bekas Ketua Pengarah JPN, Datuk Azizan Ayob dalam wawancara dengan Utusan Malaysia bertarikh 12 Mac 2000 telah menyatakan bahawa ;

*“Mulai 2 Mac 2000, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah membenarkan proses pendaftaran anak angkat orang Islam boleh digabungkan dengan nama bapa angkat. Langkah ini dilaksanakan untuk mengelakkan anak angkat di “bin” atau di “binti”kan dengan bapa angkat. Kita hanya membenarkan nama anak angkat digabungkan dengan nama bapa angkat tetapi antara kedua-dua nama itu dilarang diletakkan “bin” atau “binti”<sup>160</sup>*

#### **4.4.3 Pendidikan**

Merujuk isu pertama, penyelidik mendapati keempat-empat subjek mempunyai persamaan iaitu tidak lagi berminat untuk menimba ilmu ke peringkat yang lebih tinggi. Mereka mengakui segala pendedahan ilmu-ilmu keagamaan, kaunseling dan kemahiran diri yang diajarkan kepada mereka sewaktu tinggal di RPNH sudah cukup untuk menjadi bekalan diri masing-masing sebagai persiapan untuk berdikari selepas bersalin nanti. Mereka akan berusaha mengharungi cabaran dalam meneruskan kehidupan mendatang. Oleh itu, tiada analisis undang-undang terhadap kelemahan diri keempat-empat subjek yang enggan meningkatkan taraf pendidikan masing-masing.

Namun begitu, penyelidik berpandangan bahawa keempat-empat subjek tidak boleh mengabaikan tanggungjawab mereka memberi pendidikan yang sempurna sama ada

---

<sup>160</sup>“Jalan penyelesaian JPN-Hukum Syarak tetap dipatuhi dalam penamaan anak angkat”, (12/03/2000) [http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2000&dt=0312&pub=utusan\\_malaysia&sec=Rencana&pg=ot\\_02.htm#ixzz4aZdIzCX1](http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2000&dt=0312&pub=utusan_malaysia&sec=Rencana&pg=ot_02.htm#ixzz4aZdIzCX1) (Capaian pada 31 Julai, 2017).

formal ataupun tidak formal kepada anak luar nikah. Kewajiban tersebut berdasarkan hubungan *nasab* anak tersebut dengan ibu bukan dengan bapa biologi. Undang-undang memperuntukkan bahawa ibu atau waris ibu berkewajiban memberi pendidikan dan pelajaran kepada anak tersebut.<sup>161</sup> Bagi mencapai matlamat ke arah pendidikan secara formal, Akta Pendidikan (Pindaan) 2002 (Akta A1152) mewajibkan kanak-kanak termasuk anak luar nikah berusia enam (6) tahun bersekolah dan meneruskan pelajaran sekurang-kurangnya bagi tempoh enam (6) tahun.<sup>162</sup> Pindaan tersebut digubal kerana terdapat perangkaan rasmi tahun 2001 menunjukkan purata setiap tahun terdapat tiga peratus atau 15,000 kanak-kanak termasuk anak luar nikah daripada kohot umur tujuh (7) tahun tidak didaftarkan untuk memulakan persekolahan mereka. Kebanyakan kanak-kanak malang ini tinggal di kawasan pedalaman.<sup>163</sup> Oleh itu, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan pekeliling berkaitan Perintah Pendidikan (Pendidikan Wajib) 2002 yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2003 untuk perhatian dan tindakan JPN.<sup>164</sup>

---

<sup>161</sup>Seksyen 87 (1), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 88 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Seksyen 88 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 88 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 88 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 yang memperuntukkan “Sesuatu perintah jagaan boleh dibuat tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan oleh Mahkamah patut dikenakan dan, tertakluk kepada syarat-syarat, jika ada, yang dipakai dari semasa ke semasa, perintah itu adalah menghakkan orang yang diberi jagaan itu untuk memutuskan semua soal berhubungan dengan pendidikan dan pelajaran kanak-kanak itu”.

<sup>162</sup>Seksyen 29A (2), Akta Pendidikan (Pindaan) 2002 (Akta A1152) yang memperuntukkan “Tiap-tiap ibu bapa yang merupakan warganegara Malaysia yang tinggal di Malaysia hendaklah memastikan bahawa jika anaknya telah mencapai umur enam tahun pada hari pertama bulan Januari dalam tahun persekolahan semasa anak itu didaftarkan sebagai murid di sekolah rendah dalam tahun itu dan terus menjadi murid di sekolah rendah sepanjang tempoh pendidikan wajib”.

<sup>163</sup>Salleh Buang, “Menggubal Undang-Undang Persekolahan” (6 November, 2011), [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=1106&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_03.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=1106&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_03.htm). (Capaian pada 29 April, 2016).

<sup>164</sup>“Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 14/2002 : Pelaksanaan Pendidikan Wajib Di Peringkat Rendah 2003”, (27 November 2002), [http://www.moe.gov.my/upload/galeri\\_awam/pekeliling/2008\\_BTMK\\_126\\_2861\\_7019.pdf](http://www.moe.gov.my/upload/galeri_awam/pekeliling/2008_BTMK_126_2861_7019.pdf). (Capaian pada 28 Oktober 2016).

Sekiranya mereka mengabaikan kewajiban tersebut, maka ia merupakan satu kesalahan yang boleh didenda tidak melebihi RM 5,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ribu sahaja) atau dipenjarakan tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya.<sup>165</sup> Matlamat undang-undang adalah untuk memastikan semua kanak-kanak termasuk anak luar nikah dalam negara tidak tercicir daripada mendapat pendidikan dan memberi peluang kepada mereka agar “berpelajaran”. Walau bagaimanapun, peruntukan tersebut bukanlah semata-mata bertujuan untuk menghukum para ibu bapa yang gagal menghantar anak-anak mereka ke sekolah, sebaliknya sebagai peringatan dan nasihat agar hak anak-anak untuk mendapat pendidikan secara formal perlu diberikan perhatian.<sup>166</sup>

Penyelidik mendapati Seksyen 29A (2) Akta A1152 bertujuan baik untuk memastikan setiap ibu bapa warganegara Malaysia mendaftarkan persekolahan anak mereka apabila genap usia enam (6) tahun. Namun begitu, tidak semua ibu bapa atau penjaga sengaja mengabaikan pendaftaran anak mereka masuk ke sekolah tetapi terdapat kes kegagalan mendaftarkan persekolahan anak berpunca daripada ketiadaan sijil kelahiran atau MyKid.

Contohnya, Mahalim Awang dan isterinya, Mek Yah Harun dari Kampung Sungai Durian, Selising, Kelantan gagal mendaftarkan anak bongsu, Nur Rania Qallisya berusia enam (6) tahun untuk memasuki darjah satu (1) sesi persekolahan 2016 disebabkan tiada sijil kelahiran. Anak tersebut dilahirkan pada 11 Oktober 2009 di Hospital Raja Perempuan

---

<sup>165</sup>Seksyen 29A (4), Akta Pendidikan (Pindaan) 2002 (Akta A1152) yang memperuntukkan “Ibu bapa yang melanggar subseksyen (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya”.

<sup>166</sup>“Pendidikan wajib - Tiada ibu bapa diheret ke Mahkamah”, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=1007&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe\\_01.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=1007&pub=Utusan_Malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe_01.htm). (Capaian pada 24 Disember, 2015).

Zainab II (HPRZII) Kota Bharu, Kelantan dan mempunyai rekod kelahiran yang lengkap. Selepas seminggu, Mahalim telah mengemukakan permohonan sijil kelahiran ke JPN Kelantan tetapi ditolak kerana tidak memiliki sijil pernikahan baharu yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JHEAIK) walaupun telah dipohon sejak setahun lalu. Hal ini disebabkan oleh pasangan tersebut hanya mempunyai surat pendaftaran perkahwinan sahaja bahkan lapan (8) orang anak yang lain tidak menghadapi masalah dan kesemuanya mempunyai sijil kelahiran. Ini berpunca daripada jarak tujuh (7) tahun kelahiran anak kelapan (8) dengan anak tersebut telah menimbulkan keraguan kepada pegawai bertugas di JPN yang meminta sijil nikah sebagai pengesahan. Kegagalan mendapatkan sijil kelahiran menyebabkan anak tersebut belum disahkan sebagai warganegara Malaysia sepertimana adik-beradiknya yang lain.<sup>167</sup>

Sijil kelahiran membuktikan status seseorang kanak-kanak termasuk anak luar nikah sebagai warganegara Malaysia dan merupakan dokumen wajib ketika memohon pendaftaran persekolahan. Walau bagaimanapun, ketiadaan sijil kelahiran tidak boleh menafikan hak kanak-kanak untuk bersekolah kerana kedua-dua ibu bapanya adalah warganegara Malaysia sedangkan pihak sekolah boleh menyelesaikan masalah tersebut melalui Jawatankuasa Penyiasatan Murid Cicir (JPMC) yang bertanggungjawab menyiasat segala aduan daripada mana-mana pihak berhubung dengan pengabaian dan kecuaiannya ibu bapa atau penjaga.

---

<sup>167</sup>“Gagal daftar anak masuk sekolah”, (25/12/2015), <http://www.sinarharian.com.my/mobile/edisi/kelantan/gagal-daftar-anak-masuk-sekolah-1.465545>. (Capaian pada 1 Disember, 2017).

Jika terdapat isu yang boleh diklasifikasikan sebagai “kes khas” seperti tiada sijil kelahiran, keluarga miskin yang tidak mampu membayar yuran persekolahan dan sebagainya, pihak sekolah boleh memanjangkan laporan tersebut kepada JPMC peringkat Daerah dan JPMC peringkat Negeri untuk tindakan lanjut.<sup>168</sup>

Lagipun, Menteri Pendidikan Malaysia diberi kuasa oleh Seksyen 29A tersebut untuk membuat sebarang peraturan berkaitan peruntukan tersebut<sup>169</sup> bertujuan mengatasi masalah keciciran murid terutamanya ketiadaan sijil kelahiran kanak-kanak yang menjadi isu pendaftaran persekolahan. Menurut bekas Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan ketika itu, Tan Sri Muhyiddin Yassin, KPM sentiasa memantau masalah keciciran pelajar di seluruh negara. Data terbaharu yang dikumpulkan dari Tahun 1 hingga Tingkatan 5, bilangan pelajar tercicir pada 2008 telah menurun dengan jumlahnya seramai 31,939 orang.<sup>170</sup>

Bagi mengatasi masalah keciciran pelajar, KPM telah memperluaskan program-program bantuan kepada anak-anak daripada keluarga miskin termasuk anak luar nikah seperti Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP), Elaun Murid Khas sebanyak RM150.00 (Ringgit Malaysia : Seratus Lima Puluh sahaja) sebulan kepada semua pelajar pendidikan khas

---

<sup>168</sup>Seksyen 3 (1), Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Wajib) 2002 yang memperuntukkan “Jika suatu aduan mengenai murid cicir diterima daripada mana-mana pihak – (a) guru besar atau pengetua sekolah kerajaan atau, sekolah bantuan kerajaan hendaklah mengambil tindakan mengikut garis panduan dan arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pendaftar dari semasa ke semasa; dan (b) guru besar atau pengetua sekolah swasta hendaklah mengemukakan laporan kepada Pegawai Pendidikan di daerah atau kawasan masing-masing, atau Pendaftar”.

<sup>169</sup>Seksyen 29A (5), Akta Pendidikan (Pindaan) 2002 (Akta A1152) yang memperuntukkan “Menteri boleh membuat peraturan-peraturan untuk melaksanakan peruntukan seksyen ini”.

<sup>170</sup>Kementerian Pantau Masalah Keciciran Pelajar”(03 Disember 2009), <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2009/12/03/kementerian-pantau-masalah-keciciran-pelajar/>. (Capaian pada 27 Oktober 2016).



(OKU), kemudahan asrama, Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT), Skim Insurans Takaful Kemalangan Kelompok (SITKK), pemansuhan yuran peperiksaan, pakaian seragam sekolah, penambahan bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), Program Susu Sekolah (PSS), Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dan sebagainya. Bantuan tersebut bertujuan untuk menarik minat dan rangsangan ibu bapa yang miskin agar mendaftarkan anak-anak mereka masuk ke sekolah.<sup>171</sup>

Merujuk isu kedua, penyelidik mendapati faktor kemiskinan keluarga subjek 1, subjek 2 dan subjek 4 menyekat hak mereka untuk bersekolah boleh di atasi jika mereka dan keluarga masing-masing memohon bantuan kewangan dengan JKM, LZNK atau baitulmal. JKM mempunyai peruntukan Bantuan Kanak-kanak (BKK) yang diberikan kepada kanak-kanak berumur di bawah lapan belas (18) tahun yang masih bersekolah. Kadar BKK ialah RM 100.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus sahaja) seorang kanak-kanak dan tidak melebihi RM 450.00 (Ringgit Malaysia : Empat Ratus Lima Puluh sahaja) bagi empat (4) orang kanak-kanak atau lebih pada setiap bulan.<sup>172</sup> Selain itu, JKM Negeri Kedah boleh memanjangkan masalah pendidikan mereka kepada Ketua Pengarah JKM di Putrajaya. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia sebagai Ahli Majlis dalam MKK boleh membangkitkan isu-isu pendidikan anak luar nikah dalam mesyuarat tersebut.<sup>173</sup>

---

<sup>171</sup>“Kementerian Pantau Masalah Keciciran Pelajar”, (03 Disember 2009), <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2009/12/03/kementerian-pelajaran-pantau-masalah-keciciran-pelajar/>. (Capaian pada 27 Oktober 2016).

<sup>172</sup>“Skim Bantuan Kebajikan – Bantuan Bulanan”, [portal rasmi], <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=SnBhRGJYVdIc1lodEJsZE51ekxtUT09>. (Capaian pada 31 Julai 2017).

<sup>173</sup>Seksyen 4(1)(j), Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 (Akta A1511) yang memperuntukkan “Majlis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut: (j) Ketua Pengarah Pendidikan atau wakilnya”.

Begitu juga dengan LZNK dan baitulmal boleh memberi bantuan kewangan persekolahan jika terdapat permohonan daripada ketiga-tiga subjek tersebut. Menurut Hamidi Mohd Nor, jika seseorang ibu tunggal atau ibu tunggal mempunyai anak-anak termasuk anak luar nikah, LZNK boleh mempertimbangkan bantuan persekolahan mengikut bilangan anak bermula dengan RM 100.00 (Ringgit Malaysia : Seratus sahaja) seorang pada setiap bulan.

Setakat ini, LZNK telah memberi bantuan persekolahan sehingga RM 700.00 (Ringgit Malaysia : Tujuh Ratus sahaja) sebulan kepada ibu tunggal miskin yang mempunyai tujuh (7) orang anak. Bantuan persekolahan bermula sejak Darjah Satu hingga Tingkatan Enam. Jika anak-anaknya berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat IPTA/IPTS dalam negara, dermasiswa boleh diberikan dengan kadar RM 7500.00 (Ringgit Malaysia : Tujuh Ribu Lima Ratus sahaja) setahun. Jika pengajian di IPTA/IPTS di luar negara seperti pengajian Islam di Mesir dan Yaman, dermasiswa sebanyak RM 6,000.00 (Ringgit Malaysia : Enam Ribu sahaja) manakala Jordan pula sebanyak RM 7,000.00 (Ringgit Malaysia : Tujuh Ribu sahaja). Bagi pengajian perubatan di Mesir, dermasiswa sebanyak RM 45,000.00 (Ringgit Malaysia : Empat Puluh Lima Ribu sahaja) setahun diberikan sehingga tamat pengajian selama enam (6) tahun yang berjumlah RM 270,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Tujuh Puluh Ribu sahaja).<sup>174</sup>

Bagi Syeikh Fakhurrazi Yub, baitulmal juga mempunyai peruntukan bantuan kewangan kepada anak luar nikah yang menyambung pengajiannya dalam bidang agama di mana-mana universiti di luar negara dengan kadar RM 500.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ratus

---

<sup>174</sup>Hamidi Mohd Nor, temu bual telefon oleh penyelidik, 10 Oktober 2016.

sahaja) seorang yang berjaya masuk ke tahun pertama pengajian. Apabila masuk tahun kedua, baitulmal tidak lagi memberi bantuan kewangan tersebut kepada mereka, sebaliknya LZNK akan memberi dermasiswa berdasarkan kelayakan akademik mereka.<sup>175</sup> Berdasarkan fakta di atas, terdapat perbezaan antara ketiga-tiga institusi tersebut dalam menyalurkan bantuan kewangan kepada remaja hamil luar nikah dan anak luar nikah untuk bersekolah. Penyelidik mendapati JKM bukan setakat menyalurkan bantuan kewangan sahaja bahkan boleh menyelesaikan isu-isu pendidikan mereka hingga ke peringkat MKK. LZNK dan baitulmal pula hanya setakat memberi sumbangan dan dermasiswa sahaja kepada mereka yang mengemukakan permohonan.

Berbanding dengan JKM dan baitulmal, LZNK mempunyai peruntukan yang banyak dalam menyalurkan bantuan kewangan kepada mereka sehingga ke peringkat yang lebih tinggi sama ada dalam ataupun luar negara. Namun begitu, terdapat kelemahan kepada LZNK dan baitulmal yang mana pegawai atau kakitangannya tidak boleh bertindak seperti agensi penguatkuasa dengan “turun padang” untuk mengesan mana-mana pihak yang layak diberi bantuan disebabkan tindakan seperti itu adalah di luar bidang kuasa mereka.

#### **4.4.4 Emosi dan Perasaan**

Menyentuh isu pertama, penyelidik mendapati RPNH sebagai NGO yang bernaung di bawah JKM telah menyediakan pengisian program berbentuk pendidikan moral, bimbingan agama, kaunseling, kraftangan, masakan kepada keempat-empat subjek. Program-program tersebut adalah sebahagian daripada perkhidmatan yang diwajibkan

---

<sup>175</sup>Syeikh Fakhurrazi Yub, temu bual telefon oleh penyelidik, 10 Oktober 2016.

oleh KPWK M kepada institusi-institusi kebajikan di bawah JKM dan NGO yang berkonsepkan penjagaan dan perlindungan kepada remaja hamil luar nikah.<sup>176</sup>

Program-program tersebut dapat memupuk nilai-nilai murni dalam sebuah keluarga apabila mereka hidup berkasih sayang dan saling bantu-membantu. Peranan RPNH tersebut sepatutnya dihargai kerana masih berupaya menganjurkan pelbagai program kebajikan dan keagamaan tanpa mengharapkan bantuan daripada JKM semata-mata. Kegiatan yang dianjurkan oleh RPNH tersebut selaras dengan strategi KPWK M ke arah memantapkan penerapan nilai-nilai murni kekeluargaan di kalangan masyarakat melalui kerjasama erat antara agensi-agensi kerajaan, swasta dan NGO.<sup>177</sup>

Selain itu, peranan RPNH telah memenuhi objektif DSN iaitu membangunkan sistem sokongan sosial dan perkhidmatan sosial dengan memberi tumpuan kepada penyelesaian isu dan permasalahan remaja hamil luar nikah. Ini disebabkan peranan RPNH menawarkan khidmat bimbingan kepada remaja hamil luar nikah sebagai kumpulan sasaran telah memenuhi matlamat DSN itu sendiri yang sangat menggalakkan sektor swasta dan organisasi sukarela menubuh dan mengendalikan institusi perkhidmatan sosial untuk memenuhi keperluan anggota masyarakat seperti remaja hamil luar nikah.<sup>178</sup>

Justeru, emosi dan perasaan remaja hamil luar nikah sebenarnya boleh dibendung jika wujud pembelaan dan sokongan daripada pihak ketiga dan berubah menjadi positif. Fakta

---

<sup>176</sup>“Perkhidmatan – Taman Seri Puteri”, [portal rasmi], <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=dS9TbzMvUDFmazl0aXVLOGpoRTVzQT09>. (Capaian pada 31Julai 2017).

<sup>177</sup><http://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/index.php?r=portal/about&id=NE1HWWd2eVZHWEt2ZHZIMy9IL2luZz09>. (Capaian pada 07 November 2016).

<sup>178</sup>[http://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dasar/DASAR\\_SOSIAL\\_NEGARA.pdf](http://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dasar/DASAR_SOSIAL_NEGARA.pdf). (Capaian pada 07 November 2016).

ini disahkan oleh Wan Nurasmah Wan Din dan Nashikin Hanafi bahawa apabila keempat-empat subjek tinggal di RPNH, mereka tidak keseorangan kerana penghuni yang lain turut menghadapi situasi yang sama bahkan mereka diberi pengisian kerohanian dan bimbingan agama agar cekal dan tabah dalam menghadapi ujian getir tersebut.<sup>179</sup>

Selain itu, emosi dan perasaan tersebut boleh timbul akibat perbuatan rogol. Ada ketikanya, remaja yang dirogol menghadapi *trauma* apabila berhadapan dengan perogol yang mempunyai pertalian keluarga. Dalam kes *Zakaria Othman lwn Pendakwa Raya*<sup>180</sup>, perayu mempunyai tiga orang anak luar nikah sebelum mengahwini pasangannya. Pasangannya pula mempunyai seorang anak perempuan di bawah usia enam belas (16) tahun hasil perkahwinannya yang terdahulu. Perayu telah didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu atas dua pertuduhan merogol anak tirinya ketika berusia tiga belas (13) tahun lapan (8) bulan dan ketika berusia empat belas (14) tahun tiga (3) bulan. Mangsa disahkan mengandung dan melahirkan seorang bayi tetapi meninggal dunia. Mahkamah Sesyen memutuskan bahawa perayu dihukum penjara selama lima belas (15) tahun dan enam (6) kali sebatan bagi setiap kesalahan. Perayu tidak berpuas hati lalu mengemukakan rayuan ke Mahkamah Tinggi Malaya, Kuala Terengganu. Hakim Dato' Nik Hashim Nik Ab Rahman menolak rayuan perayu dan mengekalkan hukuman hakim terdahulu.

Berdasarkan kes di atas, penyelidik mendapati perbuatan perayu merogol anak tirinya telah menyebabkan emosi dan perasaan anak tersebut sering kali terganggu. Sebelum

---

<sup>179</sup>Wan Nurasmah Wan Din dan Nashikin Hanafi, temu bual oleh penyelidik, RPNH, Alor Setar, 6 Mei, 2014.

<sup>180</sup>Mahkamah Tinggi Malaya, Kuala Terengganu, Kes Rayuan Jenayah No: 42-08-2000.

kejadian rogol, perayu mendekati mangsa dengan memberi amaran agar tidak memaklumkan perbuatannya kepada pihak lain. Sekiranya mangsa berbuat demikian, perayu akan membunuhnya, ibu dan adik-adiknya. Demi keselamatan nyawa dan mengelakkan pembunuhan ke atas mereka, mangsa terpaksa akur dengan kehendak perayu. Akibat tidak tahan dengan perbuatan perayu, mangsa kembali tinggal bersama bapa kandungnya, Tuan Ismail di Jerantut, Pahang. Mangsa telah memaklumkan kepada bapanya bahawa dirinya telah dirogol oleh perayu melebihi sepuluh (10) kali. Selepas itu, bapanya telah membawa mangsa ke Balai Polis Kuala Berang, Terengganu untuk membuat laporan dan perayu telah ditangkap serta didakwa di mahkamah.

Hukuman yang dikenakan ke atas perayu adalah wajar kerana ia dapat memberi pengajaran kepada orang ramai bahawa perbuatan perayu adalah menyalahi hukum Syarak. Tambahan pula, perbuatan rogol tersebut dilakukan ketika usia mangsa masih muda, mentah dan bersifat keanak-anakkan. Perbuatan perayu telah menggelapkan masa depan mangsa dan meninggalkan titik hitam yang tidak boleh dipadam lagi. Sebagai seorang Islam, perayu sepatutnya memberi didikan agama dan pelajaran agar mangsa menjadi manusia yang berguna dan berjaya dalam hidup.

Emosi dan perasaan juga boleh wujud jika pihak-pihak berhadapan dengan fitnah tentang status mereka sebagai pasangan suami isteri yang tidak sah dan melahirkan anak luar nikah. Ia boleh terkesan apabila pihak yang menjadi mangsa mengambil tindakan undang-undang menuntut bayaran ganti rugi akibat reputasi mereka tercalar di mata masyarakat umum. Jika tuntutan tersebut berasas dan memenuhi kehendak undang-undang,

mahkamah boleh menilai tahap kerugian pihak-pihak yang terjejas emosi dan perasaannya serta memerintahkan bayaran ganti rugi.

Dalam kes *Sistem Televisyen Malaysia Bhd & Ors lwn Nurullah Zawawi & Anor*<sup>181</sup>, perayu melalui rancangan televisyen “Melodi” telah mempersoalkan status perkahwinan responden di Selatan Thailand. Melalui rancangan tersebut, perayu telah mengeluarkan pernyataan-pernyataan yang mengguris perasaan responden antaranya bapa kandung responden pertama enggan menjadi wali nikah, responden pertama ditohmah sebagai penipu, jahat dan seorang anak yang biadap kepada bapanya, responden-responden hidup dalam perzinaan sehingga zuriat mereka dikatakan anak luar nikah kerana perkahwinan mereka dianggap tidak sah. Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa perayu diperintahkan membayar ganti rugi sebanyak RM 250,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Lima Puluh Ribu sahaja) kepada responden-responden. Perayu tidak berpuas hati dengan perintah tersebut lalu mengemukakan rayuan ke Mahkamah Rayuan Putrajaya. Mahkamah Rayuan telah membenarkan rayuan tersebut dengan meminda keputusan Mahkamah Tinggi dan memerintahkan perayu membayar ganti rugi pampasan sebanyak RM 80,000.00 (Ringgit Malaysia : Lapan Puluh Ribu sahaja) sahaja kepada responden-responden.

Berdasarkan kes di atas, penyelidik mendapati ganti rugi yang ditetapkan oleh mahkamah adalah dengan mengambil kira soal maruah, liabiliti, emosi dan perasaan responden-responden yang telah diceroboh oleh perayu. Tindakan perayu tersebut telah mencemarkan nama baik dan reputasi responden-responden di mata masyarakat awam.

---

<sup>181</sup> [2015] 9 CLJ, 357-367.

Namun begitu, pindaan hukuman dibuat dengan mengambil kira bahawa program tersebut bertujuan untuk memulihkan hubungan kekeluargaan yang terpecah bukan untuk meraih keuntungan. Lagi pun, tiada unsur niat yang telah dibuktikan bahawa perayu ingin merendahkan dan menghina status responden-responden.

Menyentuh emosi dan perasaan anak luar nikah pula, seseorang anak luar nikah akan berhadapan dengan isu keganasan rumahtangga sama ada oleh ibunya sendiri ataupun pihak ketiga yang mempunyai pertalian keluarga dengan ibunya. Sebarang bentuk penganiayaan yang diperlakukan ke atas mereka akan meninggalkan emosi dan perasaan yang mendalam dalam sanubari mereka. Keganasan rumahtangga yang dikaitkan dengan kanak-kanak termasuk anak luar nikah boleh ditafsirkan sebagai melakukan kecederaan fizikal, seksual, penderaan *psikologi* dan emosi, mengurung dan menyebabkan *delusi* dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain.<sup>182</sup>

---

<sup>182</sup>Seksyen 2, Akta Keganasan Rumahtangga 1994 (Akta 521) yang memperuntukkan “keganasan rumah tangga” ertinya perlakuan satu perbuatan atau lebih yang berikut: (a) secara bersengaja atau dengan disedarinya meletakkan, atau cuba meletakkan, mangsa itu dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal; (b) menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa itu dengan sesuatu perbuatan yang diketahui atau yang sepatutnya diketahui akan mengakibatkan kecederaan fizikal; (c) memaksa mangsa itu dengan paksaan atau ancaman untuk melakukan apa-apa kelakuan atau perbuatan, berbentuk seksual ataupun selainnya, yang mangsa itu berhak tidak melakukan; (d) mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaan mangsa itu; (e) melakukan khianat atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta dengan niat untuk menyebabkan atau dengan disadari bahawa ia berkemungkinan menyebabkan kesedihan atau kekusaran kepada mangsa itu; menyebabkan penderaan psikologi yang termasuklah kecederaan emosi kepada mangsa; (g) menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan jika kerelaan diberikan, kerelaan itu diperolehi dengan cara yang menyalahi undang-undang; atau menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain tanpa kerelaan mangsa atau (h) dalam hal jika mangsa adalah seorang kanak-kanak, menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain, oleh seseorang, sama ada dengan sendiri atau melalui pihak ketiga, terhadap— (i) isteri atau suaminya; (ii) bekas isteri atau suaminya; (iii) kanak-kanak; (iv) orang dewasa tidak berkeupayaan; atau (v) mana-mana anggota lain keluarga”.



Terdapat dua agensi penguatkuasa iaitu pegawai polis dan pegawai kebajikan masyarakat yang telah diperuntukkan bidang kuasa oleh undang-undang bagi membendung gejala keganasan rumahtangga khususnya terhadap kanak-kanak termasuk anak luar nikah.<sup>183</sup> Kedua-dua pegawai tersebut boleh memfailkan permohonan ke mahkamah bagi mendapatkan Perintah Pelindungan *Interim* (IPO) jika terdapat aduan keganasan rumahtangga telah dilakukan kepada anak tersebut seperti yang terkandung dalam Seksyen 2, Akta Keganasan Rumahtangga 1994 (Akta 521).<sup>184</sup> Jika anak luar nikah berhalangan untuk memfailkan permohonan Perintah Pelindungan (PO) atau Perintah Pelindungan *Interim* (IPO), permohonan tersebut boleh diwakilkan kepada ibu, saudara, penjaga anak luar nikah, pegawai polis atau pegawai kebajikan masyarakat.<sup>185</sup>

Dalam keadaan tertentu, pegawai kebajikan masyarakat diberi kuasa memfailkan permohonan ke mahkamah untuk mendapatkan IPO secara *ex-parte* bagi pihak anak luar nikah.<sup>186</sup> Pegawai polis pula boleh menangkap mana-mana pihak yang disabitkan bersalah

---

<sup>183</sup>Ibid. (h) (iii) kanak-kanak.

<sup>184</sup>Ibid, Seksyen 19 (1) yang memperuntukkan “Tugas seseorang pegawai penguat kuasa hendaklah termasuk— *a*) membantu seseorang mangsa keganasan rumah tangga untuk memfailkan suatu permohonan bagi perintah pelindungan interim berkenaan dengan keganasan rumah tangga itu; *b*) mengadakan atau mengaturkan pengangkutan bagi mangsa itu ke kediaman alternatif atau tempat selamat atau tempat berlindung sekiranya pengangkutan sedemikian diperlukan; *c*) mengadakan atau mengaturkan pengangkutan bagi mangsa itu ke hospital atau tempat kemudahan perubatan yang terdekat bagi rawatan kecederaan sekiranya rawatan itu diperlukan; *d*) menjelaskan kepada mangsa itu hak mendapatkan pelindungan terhadap keganasan rumah tangga; *e*) menemankan mangsa ke kediaman mangsa itu atau kediaman sebelumnya untuk mengambil barang-barang kepunyaannya”.

<sup>185</sup>Ibid, Seksyen 15 yang memperuntukkan “Dalam hal seseorang kanak-kanak atau orang dewasa tidak berkeupayaan yang tidak berupaya memfailkan suatu permohonan di bawah seksyen 14, permohonan itu boleh difailkan oleh penjaga atau saudara atau orang yang bertanggungjawab bagi menjaga kanak-kanak atau orang dewasa tidak berkeupayaan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau oleh seseorang pegawai penguatkuasa”.

<sup>186</sup>Ibid, Seksyen 12 (A) yang memperuntukkan “Suatu perintah perlindungan interim yang diminta di bawah Seksyen 12 hendaklah dibuat secara *ex-parte* oleh—*(a)* pemohon; *(b)* peguam pemohon itu; atau *(c)* seorang pegawai kebajikan masyarakat bagi pihak pemohon itu”.

oleh mahkamah<sup>187</sup> kerana kesalahan melibatkan keganasan rumahtangga hendaklah disifatkan sebagai kesalahan boleh tangkap.<sup>188</sup>

Menyentuh isu kedua, penyelidik mendapati undang-undang memperuntukkan setiap ibu, waris ibu atau institusi-institusi JKM dan NGO yang memelihara anak luar nikah hendaklah memiliki sifat kasih sayang.<sup>189</sup> Tujuannya adalah untuk menjamin tumbesaran dan pembentukan akhlak yang mulia di kalangan anak luar nikah agar mereka merasai nikmat kasih sayang sama seperti kanak-kanak yang lain seolah-olah tiada apa yang membezakan antara kedua-duanya. Inilah hikmah hukum Syarak dan undang-undang keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia meletakkan kasih sayang sebagai syarat utama untuk menjadi penjaga anak luar nikah agar mereka terhindar daripada perasaan hina, sedih dan tersisih dalam aktiviti bermasyarakat.

Bagi remaja hamil luar nikah yang tinggal dengan keluarga sendiri akan berhadapan dengan pelbagai cabaran. Seseorang pihak di kalangan ahli keluarga lebih suka membiarkan masalah tersebut diselesaikan sendiri oleh mereka dan enggan campur tangan

---

<sup>187</sup>Ibid, Seksyen 19 (2) yang memperuntukkan “Seseorang pegawai penguat kuasa yang adalah juga pegawai polis hendaklah mempunyai tugas tambahan yang berikut: (a) menjalankan kuasa penangkapan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain; (b) mengeluarkan atau mengawasi pengeluaran seseorang yang dikeluarkan daripada kediaman bersama jika mahkamah telah mengeluarkan suatu perintah di bawah perenggan 6(1)(a)”.

<sup>188</sup>Ibid, Seksyen 18 (A) yang memperuntukkan “Kesalahan melibatkan keganasan rumahtangga hendaklah disifatkan sebagai kesalahan boleh tangkap”.

<sup>189</sup>Seksyen 82 (c), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 83 (c), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Seksyen 83 (c), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 83 (c), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 83 (c), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 yang memperuntukkan “Seseorang yang mempunyai hak mendidik seseorang kanak-kanak adalah berhak menjalankan hak hadanah jika – (c) orang itu berumur yang melayakkan dia memberi kepada kanak-kanak itu jagaan dan kasih sayang yang mungkin diperlukan oleh kanak-kanak itu”.

dalam isu yang bersifat peribadi. Tidak dinafikan ada sesetengah ahli keluarga yang mengambil tanggungjawab memberi kesedaran kepada mereka tetapi ahli keluarga pula tiada kepakaran untuk memberi bimbingan agama dan kaunseling seperti yang dilakukan oleh institusi-institusi JKM.

Begitu juga halnya dengan anak luar nikah yang mungkin diabaikan daripada aspek nafkah, kasih sayang, pendidikan dan sebagainya. Inilah kelemahan yang mungkin berlaku kepada remaja hamil luar nikah dan anaknya jika tinggal bersama ahli keluarga yang tidak menjiwai perasaan dan tidak mempedulikan masalah yang menyelubungi hati mereka. Akhirnya, remaja hamil luar nikah dan anaknya akan menjauhkan diri daripada keluarga dan sanggup melakukan perkara-perkara negatif yang tidak terduga seperti terlibat dalam kancah pelacuran, mencuri dan sebagainya untuk memenuhi keperluan hidup yang perlu ditanggung tanpa sokongan ahli keluarga.

Lanjutan daripada itu, tindakan luar jangka para ibu anak luar nikah boleh meninggalkan kesan yang mendalam terhadap emosi dan perasaan anak tersebut. Penyelidik mendapati jika situasi ibu dan anak luar nikah tidak mendapat pembelaan daripada ahli keluarga sendiri atau pihak berkuasa dalam membantu menguruskan keperluan hidup mereka, nescaya anak tersebut akan diabaikan atau didera oleh ibunya atau ahli keluarganya sama ada fizikal, mental ataupun seksual.

Sekiranya ibu atau waris ibu melakukan mana-mana satu daripada bentuk penderaan tersebut, mereka boleh didenda tidak melebihi RM 50,000 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh

Ribu sahaja) atau penjara tidak melebihi dua puluh (20) tahun atau kedua-duanya.<sup>190</sup> Mereka juga boleh dikenakan bon iaitu satu pelepasan yang diberikan oleh mahkamah sebagai jaminan agar mereka berkelakuan baik dalam tempoh tertentu. Bon ini disempurnakan oleh ahli keluarga mereka atau sesiapa sahaja sebagai penjamin dan sekiranya syarat-syarat bon tersebut tidak dipenuhi, maka denda tidak melebihi RM 10,000 (Ringgit Malaysia : Sepuluh Ribu sahaja) atau dipenjarakan tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya.<sup>191</sup>

Selain bon, mereka boleh dikenakan perintah khidmat masyarakat yang boleh dihukum oleh mahkamah tidak kurang daripada tiga puluh enam (36) jam dan tidak melebihi daripada dua ratus empat puluh (240) jam secara agregat dan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh perintah mahkamah.<sup>192</sup> Jika syarat-syarat perintah khidmat masyarakat tidak dipenuhi, maka boleh didenda tidak melebihi RM 10,000 (Ringgit Malaysia : Sepuluh Ribu sahaja).<sup>193</sup>

---

<sup>190</sup>Seksyen 31 (1), Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 (Akta A1511) yang memperuntukkan “Mana-mana orang, yang merupakan orang yang mempunyai pemeliharaan seseorang kanak-kanak— melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya”.

<sup>191</sup>Seksyen 31 (2) (a), (b) dan (3), Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang memperuntukkan Mahkamah— (a) hendaklah, sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman yang dinyatakan dalam subseksyen (1), memerintahkan supaya orang yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah subseksyen itu menyempurnakan suatu bon dengan penjamin untuk berkelakuan baik selama apaapa tempoh yang difikirkan patut oleh Mahkamah; dan (b) boleh memasukkan dalam bon yang disempurnakan di bawah perenggan (a) apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Mahkamah”.

<sup>192</sup>Seksyen 31(3A), Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 (Akta A1511) yang memperuntukkan “Mahkamah hendaklah, sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman yang dinyatakan dalam subseksyen (1), memerintahkan supaya orang yang disabitkan atas kesalahan di bawah subseksyen itu— (3a) Khidmat masyarakat yang disebut dalam perenggan (2)(b)— (a) tidak boleh kurang daripada tiga puluh enam jam dan tidak lebih daripada dua ratus empat puluh jam secara agregat; (b) hendaklah dilaksanakan dalam tempoh tidak melebihi enam bulan dari tarikh perintah itu; dan(c) hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan oleh Mahkamah”.

<sup>193</sup>Seksyen 31 (3B), Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 (Akta A1511) yang memperuntukkan “Mana-mana orang yang tidak mematuhi perintah Mahkamah supaya melaksanakan khidmat masyarakat di bawah perenggan (2)(b) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit”.

Setakat ini, Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) masih relevan dengan kesalahan kecuaiian, pengabaian dan penderaan terhadap anak tersebut yang dikuatkuasakan ke atas orang Islam dan bukan Islam. Terdapat empat kesalahan jenayah ke atas kanak-kanak termasuk anak luar nikah yang disebut secara khusus dalam seksyen 31 (1) (a) Akta 611 iaitu menganiayai,<sup>194</sup> mengabaikan<sup>195</sup>, membuang<sup>196</sup> atau mendedahkan.<sup>197</sup> Namun begitu, akta dan enakmen undang-undang kesalahan jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia tidak mengandungi empat (4) jenis kesalahan tersebut. Justeru, kesalahan-kesalahan tersebut boleh dimasukkan dalam akta dan enakmen undang-undang kesalahan jenayah syariah negeri-negeri jika terdapat pindaan dalam Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) yang memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Penyelidik turut menampilkan kes rogol dan sumbang *mahram* dalam penyelidikan ini disebabkan ia mempunyai persamaan dengan isu remaja hamil luar nikah dan anak luar nikah yang menjadi fokus penyelidikan ini. Terdapat perbezaan pada aspek istilah dan bentuk perlakuan terhadap mangsa antara perbuatan rogol dan sumbang *mahram* dengan persetubuhan luar nikah di kalangan remaja wanita. Perbuatan rogol boleh berlaku dengan cara pujukan, ugutan, ancaman dan paksaan sama ada mangsa terdiri di kalangan kanak-kanak, remaja ataupun dewasa. Perbuatan sumbang *mahram* boleh berlaku di kalangan ahli keluarga dengan cara yang hampir sama dengan perbuatan rogol. Persetubuhan luar

---

<sup>194</sup>Menganiayai merupakan satu perbuatan yang dilakukan dengan cara menindas, menyiksa atau menyakiti dengan cara yang zalim.

<sup>195</sup>Mengabaikan ialah satu perbuatan seseorang yang tidak memberikan perhatian tanpa mengendahkan tanggungjawab ke atasnya.

<sup>196</sup>Membuang merupakan mencampak atau menyingkirkan seseorang itu daripada mendekat diri kepadanya.

<sup>197</sup>Mendedahkan ialah membiarkan atau mendedahkan seseorang itu daripada ancaman-ancaman yang membahayakan dirinya sehingga menyebabkan emosi terganggu.

nikah pula boleh berlaku sama ada pujukan ataupun paksaan melibatkan pasangan remaja yang sudah mengenali pasangan masing-masing. Kesemua mangsa perlakuan jenayah tersebut mengalami situasi yang serupa iaitu sedih, kecewa dan malu. Begitu juga, emosi dan perasaan mereka turut terjejas akibat fitnah dan keganasan terhadap mental dan fizikal mereka yang boleh memberikan kesan negatif terhadap diri dan masa depan mangsa.

#### **4.4.5 Akhlak dan Perubahan Sikap**

Menyentuh isu pertama, penyelidik mendapati keempat-empat subjek telah berubah sikap menjadi baik dan insaf setelah menjadi penghuni di RPNH. RPNH telah berjaya mengubah persepsi negatif keempat-empat subjek terhadap diri masing-masing melalui program-program pemulihan sepertimana yang dibincangkan sebelum ini. Namun begitu, seseorang remaja hamil luar nikah yang mengaku bersalah, sedar dan insaf belum tentu dipertimbangkan oleh mahkamah untuk melepaskannya atau meringankan hukuman atau hukuman berkelakuan baik dalam tempoh masa tertentu. Kesalahan persetubuhan luar nikah boleh menyebabkan seseorang remaja hamil dan akan melahirkan anak luar nikah. Perbuatan tersebut mencerminkan gejala sosial di kalangan remaja masa kini tidak mampu lagi dibendung sehingga menyebabkan imej Islam tercalar di mata masyarakat awam dengan bertambahnya bilangan anak luar nikah.

Dalam kes *Jumadi Patomdang Lwn Ketua Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan*<sup>198</sup>, tertuduh didakwa di Mahkamah Tinggi Syariah Putrajaya atas kesalahan persetubuhan luar nikah dengan seorang wanita sehingga melahirkan seorang anak luar nikah. Tertuduh

---

<sup>198</sup>[2013] 1 CLJ (Sya) 14-24

mengaku bersalah dan didenda sebanyak RM 3,000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ribu sahaja), tiga (3) bulan penjara dan empat (4) kali sebatan. Tertuduh tidak berpuas hati dengan perintah tersebut lalu mengemukakan rayuan ke Mahkamah Rayuan Syariah Putrajaya untuk diringankan hukuman. Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah Putrajaya, Yang Amat Arif, Tan Sri Dr Ibrahim Lembut telah menolak rayuan tersebut sebaliknya mengekalkan hukuman denda dan penjara tetapi mengeneipkan perintah sebatan.

Berdasarkan kes di atas, penyelidikan ini mendapati kesalahan jenayah yang dilakukan oleh perayu adalah berat dan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Rayuan Syariah adalah setimpal. Kes ini menunjukkan bahawa setakat pengakuan bersalah, insaf dan bertaubat serta mahu berkelakuan baik yang diakui oleh perayu gagal mendorong Mahkamah Rayuan Syariah untuk menerima rayuan tersebut. Sudah menjadi lumrah bagi setiap pesalah pasti akan mengaku kesilapannya bila berada di kandang tertuduh dengan rasa menyesal atas kesalahan tersebut bagi mendapat simpati dan diringankan hukuman. Mahkamah Rayuan Syariah telah mengambil kira pendapat *jumhur fuqaha* daripada Imam Malik, Abu Hanifah dan sebahagian *fuqaha* Mazhab Shafii dan sebahagian *fuqaha* Mazhab Hanbali yang berpendapat bahawa taubat tidak mengururkan hukuman melainkan dalam kes jenayah rompakan dengan merujuk kisah *Maiz* dan *al-Ghamidiyyah*.

<sup>199</sup> Mahkamah Rayuan Syariah juga memandag berat isu perzinaan dan kelahiran anak

---

<sup>199</sup>Abdul Kadir Audah, *al-Tasyri' al-Jinaie al-Islami*, Edisi 4, Jil. 1, (Beirut : al-Risalah Publisher, 1998), 354. Petikan hadis yang bermaksud : “Sesungguhnya Rasulullah SAW telah memerintahkan Maiz dan al-Ghamidiyyah direjam dan memerintahkan dipotong tangan pencuri yang mengaku mencuri. Semua mereka itu telah hadir di hadapan Rasulullah SAW dalam keadaan bertaubat dan mengaku kesalahan mereka dan meminta supaya mereka dibersihkan daripada dosa-dosa mereka dengan pelaksanaan hukuman hudud ke atas mereka. Sesungguhnya Rasulullah SAW menamakan tindakan mereka sebagai taubat. Justeru itu Rasulullah SAW bersabda untuk menghormati perempuan itu (al-Ghamidiyyah): (Sesungguhnya engkau telah bertaubat dengan suatu taubat yang jika dibahagi-bahagikan taubat itu ke atas 70 puluh penduduk Madinah, nescaya ia dapat menghapuskan dosa mereka semua)”.

luar nikah dengan merujuk statistik JPN yang menyatakan bahawa sejak tahun 2000 hingga 2007, terdapat 257,000 kelahiran bayi yang dicatatkan tanpa bapa.

Penyelidik juga mendapati pengisian program yang berasaskan pendidikan dan keagamaan mampu merubah akhlak dan sikap anak luar nikah menjadi baik. Pembinaan akhlak yang mulia dan perubahan sikap yang positif boleh menjadi kenyataan sekiranya datang daripada keinginan diri mereka sendiri yang mahu berubah. Tanpa kemahuan diri sendiri, perubahan sikap dan akhlak yang mulia sukar dizahirkan meskipun mereka mendapat sokongan moral daripada ibu, keluarga angkat atau penyelia kanak-kanak jika tinggal di RKK. Oleh itu, peranan pihak-pihak tersebut melalui hubungan kasih sayang dan mengeratkan silaturrahim pada setiap masa menjadi pemangkin kepada diri anak luar nikah untuk membina jati diri mereka dengan akhlak mulia.

Dalam situasi yang lain, penyelidikan ini mendapati pengaruh alam sekeliling dan rakan sebaya boleh mempengaruhi akhlak dan perubahan sikap anak luar nikah. Oleh itu, tidak hairanlah bahawa gejala sosial di kalangan anak luar nikah sama ada tinggal dengan ibu, keluarga angkat ataupun di RKK dapat dikesan setelah mereka belajar di peringkat sekolah menengah dan berlarutan sehingga mereka dewasa. Akhlak baik boleh bertukar menjadi buruk disebabkan kedua-dua faktor di atas. Mereka sanggup ponteng sekolah, malas belajar, merokok, *vandalisme* dan pergaulan bebas lelaki dan perempuan hingga membawa kepada gejala hamil luar nikah. Dalam hal ini, tindakan undang-undang menjadi pilihan terakhir oleh pihak-pihak tersebut jika usaha-usaha untuk menangani sifat



buruk tersebut menemui jalan buntu. Mereka boleh disabitkan sebagai pesalah juvana di atas mana-mana kesalahan yang dilakukan jika dihadapkan ke mahkamah.<sup>200</sup>

Menyentuh isu kedua pula, penyelidik mendapati keempat-empat subjek mulai sedar tentang kepentingan menunaikan sembahyang yang merupakan tiang agama dan berupaya mencegah daripada kemungkar. Sikap cuai dan mengabaikan sembahyang menjadi punca utama keempat-empat subjek mudah terjebak dengan maksiat dan dosa besar. Oleh itu, sembahyang merupakan ibadah utama dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT selain dapat menyuburkan nilai-nilai keagamaan dan bertindak sebagai “terapi” kepada permasalahan yang mereka hadapi.

Menurut Al-Ghazali, sembahyang dapat memberikan kesan terhadap kesejahteraan rohani disebabkan ia merupakan tunggak keyakinan dan jalan utama mendekatkan diri kepada Allah SWT.<sup>201</sup> Selain itu, sembahyang sangat penting dalam membina Islam dan Iman dalam diri termasuklah dalam mengubati penyakit jiwa manusia.<sup>202</sup> Yusuf Al-Qaradhawi pula menjelaskan bahawa sembahyang dapat membantu mengukuhkan pembinaan akhlak yang mulia. Sembahyang mempunyai kekuatan tersendiri yang boleh mendorong seseorang melakukan kebaikan, meninggalkan kejahatan dan menjauhi perkara *mungkar*. Sembahyang juga dapat menghasilkan perasaan gentar terhadap kejahatan, menanamkan

---

<sup>200</sup>Seksyen 83 (3), Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang memperuntukkan “Apabila suatu kesalahan dilakukan oleh seseorang kanak-kanak tetapi pertuduhan berkenaan dengan kesalahan itu dibuat terhadap kanak-kanak itu selepas dia mencapai umur lapan belas tahun, pertuduhan itu hendaklah didengar oleh suatu Mahkamah selain Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dan Mahkamah yang lain itu boleh menjalankan kuasa yang disebut dalam perenggan (2)(a),(b) atau (c)”.

<sup>201</sup>Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad, *Ayyuha al-Walad* (Kaherah: Dar al-Tawzi’ Wa al-Nashr al-Islamiyyah, 1993), 24.

<sup>202</sup>Ahmad Hisham Azizan dan Zarrina Che Saari, “Terapi Solat dalam Menangani Penyakit Gelisah (Anxiety) Menurut Perspektif Psikoterapi Islam”, *Jurnal Usuluddin*, Bil. 29 (Januari-Jun 2009) : 7.

perasaan bahawa Allah SWT sentiasa mengawasi peri laku hambanya agar mematuhi had larangannya dan membuang sifat malas.<sup>203</sup>

Dalam konteks kehidupan manusia, Yusof al-Qaradhawi menyatakan bahawa agama merupakan sumber pencarian makna hidup dan hakikat kewujudan diri pada setiap manusia. Dalam konteks Islam, seseorang manusia dapat mengisi kekosongan hidup dengan mendapat ketenteraman jiwa dan kekuatan rohani dalam menghadapi ujian hidup seperti kehilangan harta, kematian insan tersayang, kesukaran hidup dan sebagainya. Agama dapat memberikan kekuatan, harapan dan kesabaran. Dalam konteks masyarakat pula, agama berfungsi memberikan motivasi dalam melakukan kebaikan melalui ikatan yang menghubungkan manusia sesama manusia ke arah menjalankan amanah sebagai hamba Allah SWT secara bersama-sama.<sup>204</sup> Oleh itu, jelaslah melalui pengisian ilmu-ilmu keagamaan sahaja mampu merubah akhlak dan sikap remaja hamil luar nikah agar menjadi baik dan tidak mengulangi kesilapan lalu.

Perbuatan keji dan *mungkar* bukan setakat dinyatakan sebagai larangan Allah SWT yang akan dibalas dengan dosa dan azab neraka Allah SWT di akhirat, tetapi merupakan satu kesalahan jenayah di sisi undang-undang. Contohnya, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah), 2014 (Enakmen 18) memperuntukkan kesalahan seperti perbuatan sumbang *mahram*, pelacuran, *munsyikari*, persetubuhan luar nikah, perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah, *liwat*, *musahaqah*, *khalwat*, orang

---

<sup>203</sup>Yusuf al-Qaradhawi, *al-'Ibadat Fi al-Islam*, (Kaherah : Maktabah Wahbah, 1995), 233.

<sup>204</sup>Yusuf al-Qaradhawi, *Madkhal li-ma`rifat al-Islam : Muqawamatuhi, Khasaisuhu Ahdafuhu, Masadiruhu*, (Kaherah: al-Maktabah al-Wahbah, 1996), 6-14.

lelaki berlagak seperti perempuan dan perbuatan tidak sopan di tempat awam merupakan contoh-contoh perbuatan keji dan *mungkar* yang ditafsirkan sebagai perbuatan jenayah syariah dalam peruntukan undang-undang jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia.<sup>205</sup> Andaikata perbuatan keempat-empat subjek di atas didakwa di Mahkamah Syariah atas kesalahan perisetubuhan luar nikah, mereka yang telah bertaubat dan insaf boleh memohon pertimbangan hakim agar diringankan hukuman selepas disabitkan bersalah. Keempat-empat subjek boleh menunjukkan laporan bertulis daripada RPNH yang memperakukan mereka sebagai penghuni RPNH dan telah menjalani program pemulihan akhlak yang disediakan kepada mereka. Mahkamah boleh mempertimbangkan permohonan tersebut setelah mengambil kira jenis dan kekerapan kesalahan tersebut dilakukan.

Dalam kes *Ketua Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan lwn Junaizulhisham Juhari & Anor*<sup>206</sup>, tertuduh telah didakwa di Mahkamah Tinggi Syariah Putrajaya atas kesalahan perisetubuhan luar nikah. Oleh kerana tertuduh mengaku bersalah, hakim bicara melepaskan tertuduh dengan bon berkelakuan baik di bawah Seksyen 129 (1), Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 560). Ketua Pendakwa Syarie tidak berpuas hati dengan pembebasan tertuduh kerana kesalahan tersebut adalah kesalahan berat dengan mengambil kira kes kelahiran anak luar nikah di kalangan masyarakat Melayu Islam semakin berleluasa. Rayuan telah dikemukakan oleh Ketua Pendakwa Syarie kepada Mahkamah Rayuan Syariah Putrajaya. Panel hakim Mahkamah

---

<sup>205</sup>Seksyen 2, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan), 1997 ; Seksyen 2, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor), 1995 ; Seksyen 2, Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan), 2004 ; Seksyen 2, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (*Takzir*) (Terengganu), 2001 dan Seksyen 2, Enakmen Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah), 2014.

<sup>206</sup>[2012] 1 CLJ (Sya) 338-347.

Rayuan Syariah yang dipengerusikan oleh Dato' Md Yusup Che Teh telah mengenenpikan perintah pembebasan tertuduh dalam cubaan akhlak untuk berkelakuan baik dan tertuduh diperintahkan membayar denda sebanyak RM 1,500.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu Lima Ratus sahaja) setiap seorang dan jika gagal membayar denda, tertuduh hendaklah dipenjarakan selama tiga (3) bulan.

Dalam kes ini, penyelidik mendapati pengakuan bersalah, menyesal dan insaf yang dilafazkan oleh tertuduh atas kesalahan tersebut menjadi asas pertimbangan Mahkamah Tinggi Syariah untuk membebaskan tertuduh daripada sebarang hukuman dengan syarat tertuduh hendaklah berkelakuan baik dan tidak mengulangi kembali kesalahan tersebut. Hakim bicara menyedari bahawa kesalahan tertuduh adalah serius dan memberi kesan negatif kepada masyarakat umum. Namun begitu, peluang agar berkelakuan baik yang diperintahkan itu hanyalah memberi *masalah* kepada tertuduh sahaja bukan lagi kepada *masalah* umum sedangkan kesan daripada kesalahan tersebut telah menyebabkan jumlah kelahiran anak luar nikah semakin meningkat.

Dalam konteks Mahkamah Rayuan Syariah, penyelidik mendapati asas pertimbangan mahkamah ialah dengan melihat bahawa kesalahan persetubuhan luar nikah merupakan kesalahan jenayah yang sangat berat. Lagipun, peruntukan undang-undang jenayah antara lain bertujuan untuk memelihara masyarakat daripada terlibat dengan bahaya jenayah tersebut. Oleh kerana itu, hukuman yang dijatuhkan ke atas tertuduh bukan sahaja untuk mendidiknya agar tidak mengulangi semula kesalahan tersebut bahkan sebagai peringatan (*inzar*) kepada orang lain supaya tidak melakukan kesalahan tersebut. Selain itu, masyarakat boleh menilai fungsi Mahkamah Syariah dalam membanteras kesalahan-

kesalahan jenayah syariah melalui hukuman yang dijatuhkan, menunjukkan betapa perlunya tindakan pihak berkuasa untuk meminda dan menambah bidang kuasa Mahkamah Syariah agar kadar hukuman jenayah syariah dapat ditingkatkan selari dengan kesalahan jenayah yang berleluasa mutakhir ini.

Penyelidik sangat bersetuju dengan alasan penghakiman Mahkamah Rayuan di atas yang mahu melihat bidang kuasa Mahkamah Syariah diperluaskan dalam negara kita. Setakat penyelidikan ini ditulis, RUU 355 yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 6 April 2017 belum diluluskan lagi. Jika diluluskan oleh Parlimen, ia dapat memberi ruang kepada BPN seluruh Malaysia untuk meminda, menambah atau menggubal undang-undang baharu dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah dengan kadar hukuman yang setimpal dengan kesalahan jenayah syariah di negeri masing-masing. RUU 355 mencadangkan penambahan Seksyen 2A, Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) dengan meningkatkan kadar hukuman denda tidak melebihi RM 100,000.00 (Ringgit Malaysia : Seratus Ribu sahaja), penjara tidak melebihi tiga puluh (30) tahun, sebatan tidak melebihi seratus (100) kali atau mana-mana kombinasinya.<sup>207</sup>

Berdasarkan fakta di atas, penyelidik mendapati wujud perbezaan dalam penghakiman antara Mahkamah Syariah berkaitan kesalahan persetubuhan luar nikah di kalangan remaja Islam dalam negara kita. Dari aspek positif, keputusan mahkamah melepaskan atau membebaskan pesalah daripada hukuman yang diperuntukkan oleh akta atau enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri berasaskan pengakuan bersalah, pembinaan

---

<sup>207</sup>“RUU 355 : Usul penuh Presiden PAS”, <http://m.harakahdaily.net.my/index.php/headline/43331-ruu-355-usul-penuh-presiden-pas>. (Capaian pada 14 Mei 2017).

akhlak dan perubahan sikap serta berjanji tidak akan mengulangi kesalahan lampau adalah baik dan perlu diiktiraf. Daripada aspek negatif pula, keputusan tersebut menggambarkan isu kelahiran anak luar nikah yang bermula dengan kesalahan persetubuhan luar nikah tidak diberikan pertimbangan utama demi kepentingan umum sebaliknya kepentingan diri pesalah yang diutamakan dengan harapan agar kesalahan tersebut jangan diulangi lagi. Penyelidik bersetuju dengan kewujudan Mahkamah Rayuan Syariah yang berfungsi sebagai “semak dan imbang” terhadap keputusan oleh mahkamah di bawahnya agar sesuatu kesalahan jenayah syariah diputuskan dengan adil dan saksama selari dengan peruntukan undang-undang. Oleh itu, penyelidik menyokong usaha-usaha ke arah memartabatkan bidang kuasa Mahkamah Syariah melalui pindaan RUU 355 agar Mahkamah Syariah boleh menjatuhkan hukuman lebih berat terhadap pesalah jenayah syariah supaya menjadi pengajaran kepada masyarakat.

#### **4.5 Rumusan**

Penyelidikan kes ini menggunakan kaedah temu bual sama ada secara bersemuka ataupun secara telefon dengan tiga (3) pihak iaitu pertama ; subjek-subjek yang terdiri daripada remaja hamil luar nikah, kedua ; ahli keluarga dan ketiga ; pegawai atau kakitangan agensi kerajaan dan NGO yang mempunyai pengetahuan secara langsung melalui jawatan atau bidang tugas di jabatan masing-masing. Hasil temu bual dengan subjek-subjek tersebut dipecahkan kepada lima (5) isu penting iaitu penjagaan, kebajikan dan pengurusan, pendidikan, emosi dan perasaan serta akhlak dan perubahan sikap. Kelima-lima isu tersebut telah diperincikan dalam setiap tajuk-tajuk kecil di atas yang mana kesemua isu tersebut telah memberi kesan yang mendalam kepada ibu dan anak luar nikah itu sendiri. Kelima-lima isu tersebut dianalisis secara perbandingan antara subjek-subjek dalam

daerah Kota Setar dan Kubang Pasu dengan melihat aspek persamaan dan perbezaan berdasarkan peruntukan undang-undang, kes-kes mahkamah dan jurnal-jurnal undang-undang bagi menyokong fakta-fakta yang dinyatakan oleh setiap subjek tersebut.

Pada aspek penjagaan, hukum Syarak dan undang-undang hanya mengiktiraf ibu sebagai penjaga yang sah kepada anak luar nikah. Jika ibunya dan bapa biologi berkahwin, hak penjagaan kekal kepada ibu kerana bapa biologi tiada hubungan *nasab* dengan anak luar nikah. Oleh itu, Mahkamah Syariah tidak boleh menghukum bapa biologi menjaga anak tersebut kerana tidak mempunyai bidang kuasa mengenainya. Namun begitu, terdapat peruntukan undang-undang dalam enakmen kanun jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia yang membenarkan Mahkamah Syariah menghukum mereka atas kesalahan persetubuhan luar nikah. Walau bagaimanapun, kesalahan persetubuhan luar nikah tidak boleh didakwa di mahkamah jika ibu gagal atau enggan melaporkan kesalahan tersebut kepada pihak berkuasa. Sekiranya ibu enggan menjaga anak luar nikah, anak tersebut boleh diserahkan kepada keluarga angkat dengan bantuan JKM berdasarkan permohonan secara *online* mengikut syarat-syarat tertentu.

Terdapat dua (2) peruntukan undang-undang yang berbeza dalam sistem pengangkatan iaitu bagi anak luar nikah yang beragama Islam, pendaftaran anak angkat adalah berdasarkan Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253) dan Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257) jika bukan beragama Islam melalui perintah mahkamah. Selepas pengangkatan, nama ibu bapa angkat akan didaftarkan dalam sijil kelahiran yang baharu menggantikan nama ibu. Penjagaan anak luar nikah sebagai anak angkat kadangkala menimbulkan masalah kepada diri mereka. Terdapat di kalangan keluarga angkat yang

sanggup mendera sama ada secara fizikal, mental ataupun seksual. Jika terbukti wujud kesalahan sama ada kecuaiian, penderaan atau pengabaian, keluarga angkat tersebut boleh dihukum di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611).

Pada aspek kebajikan dan pengurusan, hukum Syarak dan undang-undang menetapkan saraan nafkah kepada anak luar nikah adalah dipertanggungjawabkan ke atas ibu, waris ibu atau pihak berkuasa. Seseorang ibu yang menjaga anak luar nikah perlu mengurus segala keperluan hidup anak tersebut berdasarkan kemampuan kewangannya. Jika ibu enggan menyara nafkah anak tersebut, Mahkamah Syariah boleh mengeluarkan perintah nafkah ke atas ibu. Jika ibu atau waris ibu tidak berkemampuan, kewajipan tersebut terpikul atas bahu pemerintah. Terdapat tiga (3) agensi kerajaan yang bertanggungjawab menyalurkan bantuan kewangan kepada anak luar nikah iaitu JKM, institusi zakat dan baitulmal yang ada di setiap negeri. Segala bantuan boleh diluluskan dengan mengisi borang permohonan setelah memenuhi syarat-syarat tertentu.

Aspek pendidikan pula, anak luar nikah berhak mendapat pendidikan yang sempurna seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang. Ibu atau penjaga anak luar nikah diwajibkan mendaftarkan anak tersebut masuk ke sekolah rendah apabila genap usia enam (6) tahun. Sekiranya terdapat laporan kepada pihak sekolah atau JPN bahawa anak tersebut gagal didaftarkan masuk ke sekolah, tindakan undang-undang boleh diambil dengan hukuman denda tidak melebihi RM 5000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ribu sahaja) atau penjara tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya di bawah Seksyen 29A (4), Akta Pendidikan (Pindaan) 2002 (Akta A1152). Salah satu pendekatan yang diambil oleh KPM untuk meringankan bebanan kewangan agar ibu atau penjaga anak luar



nikah mendaftarkan anak tersebut masuk ke sekolah ialah mewujudkan pelbagai bentuk bantuan kewangan seperti biasiswa, elaun khas pelajar Orang Kurang Upaya (OKU), kemudahan asrama, pinjaman buku teks, skim takaful, pemansuhan yuran peperiksaan, pakaian seragam sekolah dan sebagainya. Selain itu, peranan tersebut turut dilaksanakan oleh institusi zakat dan baitulmal.

Pada aspek emosi dan perasaan, seseorang remaja hamil luar nikah boleh bertindak di luar batas-batas kemanusiaan jika emosi dan perasaan mereka tidak dibendung seperti menggugurkan anak dalam kandungan. Oleh itu, sokongan keluarga atau pihak ketiga mampu meredakan keadaan setelah menyedari diri mereka mengandung anak luar nikah. Sokongan moral daripada keluarga terdekat mampu memberi suntikan semangat agar remaja hamil luar nikah menerima kenyataan dan bersabar atas ujian yang menimpa. Peranan pihak ketiga pula seperti JKM dan RPNH boleh menghilangkan tekanan perasaan dan emosi mereka melalui program bimbingan agama dan kaunseling, aktiviti kemahiran dan masakan. Selain itu, emosi dan perasaan turut terganggu jika wujud tuduhan atau fitnah yang tidak berasas tentang kelahiran anak luar nikah yang disiarkan melalui media. Pihak yang menjadi mangsa boleh mengambil tindakan undang-undang dan mahkamah boleh memerintahkan penyebar fitnah membayar ganti rugi tertentu yang mana kesan fitnah tersebut telah mengakibatkan reputasi mangsa tercalar di mata masyarakat.

Akhlag dan perubahan sikap pula, remaja hamil luar nikah yang insaf dan bertaubat atas kesalahan terdahulu boleh dipertimbangkan oleh mahkamah untuk diringankan hukuman. Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah yang munasabah berdasarkan keterangan, pengakuan bersalah dan tanda-tanda perubahan sikap yang dibuktikan oleh remaja hamil

luar nikah. Namun begitu, mahkamah tidak terikat untuk menjatuhkan hukuman yang setimpal dengan kesalahan persetubuhan luar nikah yang dilakukan itu dengan mengambil kira jumlah kelahiran anak luar nikah yang semakin bertambah. Bagi anak luar nikah pula, akhlak mulia dan perubahan sikap bergantung kepada diri sendiri tanpa bergantung sepenuhnya kepada ibu atau penjaga mereka. Kemahuan yang lahir daripada hati yang tulus ikhlas mampu membentuk *sahsiah* yang baik kepada anak luar nikah lebih-lebih lagi jika diasaskan kepada pendidikan agama. Pembentukan akhlak mulia yang berteraskan agama mampu menangkis pengaruh rakan sebaya yang sentiasa bersikap negatif tentang statusnya sebagai anak luar nikah. Apa yang penting, status anak luar nikah tidak boleh menyekat keupayaan mereka untuk muncul sebagai insan yang berjaya dalam hidup dan bermanfaat untuk manusia sejagat.

Berdasarkan kelima-lima isu di atas, jelaslah bahawa gejala sosial sehingga menyebabkan remaja hamil luar nikah perlulah dibendung sejak awal lagi melalui perintah agama dan dibanteras melalui penguatkuasaan undang-undang yang cekap. Tanpa usaha-usaha yang berterusan daripada pihak berwajib, gejala kelahiran anak luar nikah semakin sukar untuk ditangani. Bagi remaja hamil luar nikah, kejadian yang menimpa mereka hendaklah diterima dengan lapang dada dan mengiktiraf kelahiran anak tersebut sebagai zuriatnya. Bagi anak luar nikah pula, status mereka adalah kurniaan Allah SWT yang tidak boleh dinafikan manakala masyarakat sewajarnya memuliakan bukan menghina status mereka.

## **BAB LIMA**

### **DAPATAN DAN CADANGAN**


#### **5.1 Pengenalan**

Bab ini melaporkan dapatan penyelidikan berkaitan kes anak luar nikah di daerah Kota Setar dan Kubang Pasu yang dibincangkan dalam Bab 4. Perbincangan tersebut telah mengupas lima (5) isu penting iaitu penjagaan, kebajikan dan pengurusan, pendidikan, emosi dan perasaan serta akhlak dan perubahan sikap ibu dan anak luar nikah. Perbincangan ini menjawab persoalan dan objektif penyelidikan dalam Bab 1 dengan menggabungkan dapatan penyelidikan perpustakaan, penyelidikan lapangan dan sorotan penyelidikan terdahulu. Penyelidik mendapati kelima-lima isu yang dibincangkan dalam Bab 4 tersebut menghasilkan beberapa dapatan penyelidikan.

Setiap dapatan penyelidikan disusun mengikut tema-tema tertentu dan dikupas di bawah tajuk isu-isu tersebut. Tema-tema tersebut pula dihuraikan dengan teratur dan lengkap agar penyelidikan ini dapat menghasilkan perbincangan yang menarik tentang isu-isu anak luar nikah, ibu, keluarga angkat, masyarakat dan peranan institusi kerajaan, swasta dan NGO berkaitan tanggungjawab masing-masing dalam memberikan perlindungan, kebajikan dan pengurusan anak luar nikah. Selanjutnya, dapatan penyelidikan ini telah

mengemukakan cadangan-cadangan tertentu untuk memantapkan lagi peranan pihak-pihak tersebut dan membuat penambahbaikan fungsi-fungsi institusi kerajaan bagi menangani isu anak luar nikah dalam negara kita.

## **5.2 Dapatan Penyelidikan**

Dapatan penyelidikan menunjukkan hipotesis yang dikemukakan dalam penyelidikan ini tentang peruntukan undang-undang sedia ada berkaitan kebajikan dan pengurusan anak luar nikah adalah tidak memadai dan perlu dikaji semula. Oleh itu, penyelidik telah mengemukakan cadangan pindaan dan penyusunan semula Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah), 2008 (Enakmen 7), Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah), 2014 (Enakmen 18) dan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian, 1957 (Akta 299) untuk memastikan kebajikan dan pengurusan anak luar nikah sentiasa terjamin. Cadangan pindaan dan penyusunan semula tersebut dilaporkan di para 5.2.2.1, 5.2.2.2, 5.2.4.1, 5.2.4.2, 5.2.4.3 dan 5.2.6.3 dalam bab ini. 

Dapatan penyelidikan ini juga telah mengenal pasti terdapat enam belas (16) tema-tema penting yang terhasil daripada penemuan-penemuan yang berbangkit daripada kelima-lima isu tersebut. Kesemua penemuan tersebut dibincang, dirumus dan dikemukakan cadangan-cadangan tertentu mengikut tema-tema tersebut seperti huraian di bawah ini.

### **5.2.1 Penjagaan**

#### **5.2.1.1 Tiada peruntukan mengenai tanggungjawab bapa biologi**

Dapatan penyelidikan mendapati Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah), 2008 (Enakmen 7) memperuntukkan penjagaan anak luar nikah dipertanggungjawabkan

ke atas ibu dan saudara-mara ibu sahaja.<sup>1</sup> Peruntukan ini menjelaskan bahawa anak luar nikah hanya mempunyai hubungan *nasab* kepada ibu dan waris ibu sahaja dan anak luar nikah tidak boleh *dinasabkan* kepada bapa biologi.

Menyentuh persoalan *nasab*, terdapat pandangan *fuqaha* yang membenarkan hubungan *nasab* antara bapa biologi dengan anak luar nikah. Menurut Ibnu Qudamah, seseorang anak boleh *dinasabkan* kepada seseorang yang mengaku dirinya sebagai bapa jika anak tersebut tidak diketahui *nasabnya* dan anak tersebut tidak mempunyai bapa melainkan daripada orang yang membuat pengakuan itu.<sup>2</sup> Al-Ramli pula menyatakan seseorang anak boleh *dinasabkan* kepada seseorang yang mengaku dirinya sebagai bapa jika wujud perbezaan umur yang *munasabah* antara keduanya dan mereka mempunyai pertalian keluarga.<sup>3</sup> Shafii, Hanbali dan Abu Yusuf pula menerima pengakuan *nasab* oleh seseorang individu bahawa anak tersebut adalah saudara kandungnya yang membuktikan anak tersebut adalah anak kepada bapanya dengan syarat pengakuan tersebut hendaklah diperakukan oleh ahli waris sama ada lelaki ataupun perempuan.<sup>4</sup>

Menurut Abdul Karim Zaidan, seseorang anak yang lahir daripada perzinaan boleh *dinasabkan* kepada penzina lelaki jika ia menuntut disabitkan anak zina itu kepadanya dengan tidak menyatakan kelahiran anak tersebut akibat perzinaannya menurut undang-undang atau peraturan-peraturan keduniaan. Begitu juga, hubungan *nasab* boleh

---

<sup>1</sup>Seksyen 85, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 86, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Seksyen 86, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 86, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 86, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008.

<sup>2</sup>Ibn Qudamah, Abu Muhammad Abdullah Ibn Ahmad, *Al-Mugni*, Jil. 5, 165.

<sup>3</sup>Al-Ramli, Shams al-Din, Muhammad Ibn Abi al-Abbas Ahmad Ibn Hamzah Ibn Shihab al-Din, *Nihayat al-Muhtaj*, Jil. 5, 106 – 107.

<sup>4</sup>Al-Syarbini, Shamsu ad-din Muhammad bin Al-Khatib *Mughni Muhtaj*, Jil. 4, 165.

disabitkan jika pezina lelaki berkahwin dengan pezina perempuan, kemudian hamil dan melahirkan anak kurang dari enam (6) bulan dari waktu akad nikah, pezina lelaki berdiam diri atau dia menuntut disabitkan anak zina itu kepadanya dengan tidak menyatakan anak itu adalah anak dari perbuatan zinanya.<sup>5</sup>

Dalam kes *Zafrin Zulhilmi Bin Pauzi lwn Noor Aini Binti Nasron*<sup>6</sup>, pemohon memfailkan permohonan agar mahkamah mensabitkan bayi perempuan, NDA Binti Abdullah sebagai anak sah taraf mengikut hukum Syarak dengan pasangannya, Noor Aini Binti Nasron. Pemohon dan pasangannya telah diakadnikahkan pada 16 April 2010 dan anak tersebut lahir pada 3 September 2010. NDA dilahirkan kurang daripada enam (6) bulan daripada tarikh akad nikah iaitu empat (4) bulan dua puluh empat (24) hari. Pada 7 Ogos 2012, Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu memutuskan bahawa NDA Binti Abdullah hendaklah *dinasabkan* kepada pemohon, Zafrin Zulhilmi Bin Pauzi. Mahkamah berpandangan bahawa anak tak sah taraf boleh *dinasabkan* kepada bapa walaupun anak tersebut dilahirkan kurang enam (6) bulan daripada tarikh akad nikah. Walau bagaimanapun, pemohon tidak boleh menjadi wali kepada NDA dan juga tidak boleh mempusakai antara satu sama lain. Mahkamah berpendapat persoalan wali dan pusaka bukanlah dikategorikan sebagai “*ahkam al-dunya*” di mana NDA hanya boleh di“bin”kan kepada bapa biologinya tetapi *penasaban* ini tidak mengubah kedudukan dari sudut perwalian dan kepusakaan.

---

<sup>5</sup>Abdul Karim Zaidan, *Al-Mufasssol fi Ahkamil Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim fi al-Shari'atil Islamiyyah*, Juz. 9, Cet 3, (Beirut : Muassasah al-Risalah, 1997), 384.

<sup>6</sup>Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu, Kes Mal No : 11300-006-0033-2012.

Penyelidik mendapati terdapat peruntukan undang-undang yang mewajibkan nama anak luar nikah bukan Islam perlu didaftarkan namanya dalam sijil kelahiran bersama nama ibunya sahaja di ruangan maklumat keluarga. Namun begitu, nama bapa biologi boleh didaftarkan dalam sijil kelahiran anak tersebut jika mahkamah mengiktiraf pengakuan seseorang bapa biologi bahawa anak luar nikah tersebut adalah anak kandungnya berdasarkan bukti-bukti tertentu.<sup>7</sup> Sekiranya pengakuan tersebut diiktiraf oleh mahkamah, maka nama anak luar nikah bukan Islam boleh di“bin” atau di“binti”kan dengan nama bapa biologi dan didaftarkan bersama nama ibunya dalam sijil kelahiran anak tersebut. Setelah didaftarkan nama anak tersebut dalam sijil kelahiran, hak penjagaan anak tersebut tidak berbangkit lagi kerana status bapa biologi sudah bertukar menjadi bapa kandung dan berhak ke atas penjagaan anak tersebut.

Selain itu, isu penjagaan anak luar nikah tidak menjadi pertikaian jika kedua-dua pasangan adalah orang Islam kerana peruntukan di atas jelas menyatakan demikian. Namun begitu, isu penjagaan tersebut menjadi rumit jika ibu anak luar nikah adalah bukan Islam dan bapa biologi pula orang Islam. Adakah hak penjagaan anak luar nikah perlu diserahkan kepada ibu tersebut sedangkan dirinya bukan Islam? Jika hendak diserahkan kepada bapa biologi, tidak ada pula peruntukan yang memberi hak penjagaan kepadanya. Inilah dilema yang dihadapi oleh anak luar nikah kerana status agamanya ditentukan oleh ibunya. Jika ibunya bukan Islam, maka agama yang dianutinya nanti adalah berdasarkan agama ibunya. Persoalan ini harus ditangani dengan baik kerana ia

---

<sup>7</sup>Seksyen 13 (A), Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian, 1957 (Akta 299).

melibatkan sensitiviti agama dan tertakluk kepada hak kebebasan beragama seperti yang diperuntukan dalam Perlembagaan Malaysia.<sup>8</sup>

Dalam hal ini, kaedah *saddu al-zarai'* yang diterima pakai oleh semua imam mazhab hendaklah digunakan untuk membendung punca keburukan sebagai jalan untuk memelihara agama. Berdasarkan pendapat *fuqaha* dan kaedah *saddu al-zarai'* tersebut, penyelidik berpandangan bahawa bapa biologi boleh menjadi penjaga kepada anak luar nikah berasaskan *nasab* anak tersebut kepadanya. Oleh itu, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah), 2008 (Enakmen 7) perlu dipinda untuk memasukkan lelaki yang *dinasabkan* melalui perintah mahkamah boleh menjadi penjaga anak luar nikah.

#### **5.2.1.2 Tiada peruntukan undang-undang mengenai maklumat bapa biologi**

Dapatan penyelidikan melaporkan maklumat bapa biologi sebagai penyebab kelahiran anak luar nikah tidak dapat dikenal pasti oleh pihak berkuasa. Ketiadaan maklumat tersebut disebabkan tiada pihak yang membuat aduan jenayah syariah tentang kesalahan melakukan persetubuhan luar nikah di kalangan pasangan orang Islam ke pejabat agama daerah. Begitu juga, tiada pihak yang membuat laporan polis tentang kejadian rogol. Oleh itu, tindakan undang-undang tidak dapat diambil atas kesalahan mereka.

Dapatan penyelidikan ini disokong oleh kenyataan Ketua Pegawai Penguatkuasa, JAIK<sup>9</sup> bahawa tiada sebarang aduan jenayah dibuat ke pejabat-pejabat agama daerah untuk membolehkan tindakan undang-undang diambil ke atas bapa biologi yang menyebabkan

---

<sup>8</sup>Perkara 11(1), Perlembagaan Persekutuan.

<sup>9</sup>Syeikh Ahmad Fisol Omar, Ketua Pegawai Penguatkuasa, JAIK, temu bual secara telefon oleh penyelidik, 29 Mac, 2016.



kelahiran anak luar nikah. Oleh kerana ketiadaan maklumat, kesalahan persetubuhan luar nikah dianggap sebagai kes terpencil sahaja atau tiada kes meskipun kelahiran anak luar nikah menjadi isu besar yang sangat membimbangkan masyarakat hari ini.

Berdasarkan undang-undang, setiap tindakan bermula dengan maklumat<sup>10</sup> dan mengikut *prosedur*<sup>11</sup> tertentu. Dalam menangani isu persetubuhan luar nikah atau kejadian rogol, kebanyakan remaja hamil luar nikah enggan melaporkan kejadian tersebut kepada pihak berkuasa kerana dibimbangi hukuman yang bakal diterima. Walau bagaimanapun, terdapat pihak-pihak yang mempunyai maklumat tersebut tetapi enggan membuat aduan kepada pihak berkuasa kerana dibimbangi identiti mereka diketahui oleh mangsa atau keluarga mangsa. Tambahan pula, jika pihak yang mempunyai maklumat tersebut terdiri di kalangan ahli keluarga yang berniat untuk melaporkan kejadian tersebut tetapi terpaksa mengabaikannya hanya kerana ingin menjaga hubungan kekeluargaan ataupun mahu memelihara keselamatan diri.

Dapatan penyelidikan ini bertepatan dengan peruntukan dalam Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang melindungi data peribadi seseorang pemberi maklumat. Umpamanya, jika seseorang memberikan maklumat tentang keperluan anak luar nikah untuk mendapat perlindungan daripada mana-mana pihak seperti keluarga pelihara atau di

---

<sup>10</sup>Seksyen 54 (1) , Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 ; Seksyen 54 (1), Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Selangor) 2003 ; Seksyen 54 (1) , Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 54(1), Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Perlis) 2006 dan Seksyen 53 (1), Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah) 2014 serta Seksyen 107 (1), Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593).

<sup>11</sup>Seksyen 55 (1), Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 ; Seksyen 55 (1), Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Selangor) 2003 ; Seksyen 55 (1), Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 55 (1), Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Perlis) 2006 dan Seksyen 54 (1), Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Kedah) 2014 serta Seksyen 108 (1), Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593).

mana-mana institusi kebajikan, pemberi maklumat tersebut tidak menanggung apa-apa liabiliti yang boleh dikenakan tindakan undang-undang berkaitan maklumat yang diberikan.<sup>12</sup> Begitu juga, nama dan maklumat peribadinya tidak boleh didedahkan untuk pengetahuan umum demi menjaga kepentingannya.<sup>13</sup> Jika maklumatnya terdapat dalam rekod bertulis yang terlibat dalam *prosiding* di mahkamah, namanya hendaklah ditutup untuk mengelakkan diketahui oleh pihak yang lain.<sup>14</sup>

Bagi kes anak luar nikah yang telah dcederakan dari segi fizikal, emosi dan seksual, dianiayai, diabaikan atau dibuang, pihak yang mempunyai maklumat seperti pegawai perubatan<sup>15</sup>, anggota keluarga<sup>16</sup> dan pengasuh<sup>17</sup> yang mengetahui kejadian tersebut perlu memberikan maklumat kepada Pelindung. Sekiranya mereka dengan sengaja atau

---

<sup>12</sup>Seksyen 116 (1), Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang memperuntukkan “Mana-mana orang yang memberikan apa-apa maklumat bahawa seseorang kanak-kanak memerlukan perlindungan tidak menanggung apa-apa liabiliti kerana fitnah atau selainnya berkenaan dengan pemberian maklumat itu”.

<sup>13</sup>Ibid, Seksyen 116 (3) yang memperuntukkan “Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (4) dan (6), seseorang saksi dalam apa-apa prosiding sivil atau jenayah tidak boleh dikehendaki atau dibenarkan untuk mendedahkan nama dan alamat seseorang *informer* atau isi maklumat yang diterima daripadanya atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin menyebabkan *informer* itu diketahui”.

<sup>14</sup>Ibid, Seksyen 116 (4) yang memperuntukkan “Jika apa-apa buku, rekod atau dokumen yang menjadi keterangan atau yang boleh diperiksa dalam apa-apa prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa catatan yang di dalamnya mana-mana *informer* dinamakan atau diperihalkan atau yang mungkin menyebabkan *informer* itu diketahui, Mahkamah hendaklah menyebabkan supaya segala bahagian sedemikian ditutup daripada pandangan atau dipadamkan setakat yang perlu untuk melindungi identiti *informer* itu daripada diketahui”.

<sup>15</sup>Ibid, Seksyen 27 (1) yang memperuntukkan “Jika seseorang pegawai perubatan atau pengamal perubatan berdaftar mempercayai atas alasan-alasan yang *munasabah* bahawa seseorang kanak-kanak yang sedang diperiksanya atau dirawatnya telah dcederakan dari segi fizikal atau emosi akibat teraniaya, terabai, terbuang atau didedahkan, atau teraniaya dari segi seks, dia hendaklah dengan serta-merta memberitahu seorang Pelindung”.

<sup>16</sup>Ibid, Seksyen 28 (1) yang memperuntukkan “Jika mana-mana anggota keluarga seseorang kanak-kanak mempercayai atas alasan-alasan yang *munasabah* bahawa kanak-kanak itu telah dcederakan dari segi fizikal atau emosi akibat teraniaya, terabai, terbuang atau terdedah, atau teraniaya dari segi seks, dia hendaklah dengan serta-merta memberitahu seorang Pelindung”.

<sup>17</sup>Ibid, Seksyen 29 (1) yang memperuntukkan “Jika seseorang pengasuh kanak-kanak mempercayai atas alasan-alasan yang *munasabah* bahawa seseorang kanak-kanak telah dcederakan dari segi fizikal atau emosi akibat teraniaya, terabai, terbuang atau terdedah, atau teraniaya dari segi seks, dia hendaklah dengan serta-merta memberitahu seorang Pelindung”.

enggan memberikan maklumat kepada Pelindung, maka tindakan pegawai perubatan<sup>18</sup>, anggota keluarga<sup>19</sup> dan pengasuh<sup>20</sup> tersebut adalah satu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM 5,000 (Ringgit Malaysia : Lima Ribu sahaja) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya sekali. Selain itu, mana-mana pihak yang memberikan maklumat “daftar kanak-kanak yang memerlukan perlindungan” adalah suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM 10,000 (Ringgit Malaysia : Sepuluh Ribu sahaja) atau dipenjarakan tidak melebihi tempoh dua (2) tahun atau kedua-duanya sekali.<sup>21</sup>

Nyatalah di sini bahawa pemberi maklumat berkaitan anak luar nikah dilindungi oleh Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) tetapi bagi Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah), 2014 (Enakmen 18), tidak terdapat peruntukan yang melindungi pemberi maklumat berkaitan kesalahan bapa biologi. Ketiadaan peruntukan tersebut melemahkan semangat mana-mana pihak yang mempunyai maklumat tentang bapa biologi untuk melaporkan kepada pihak berkuasa kerana dibimbangi keselamatan diri mereka boleh terancam. Ketiadaan peruntukan tersebut juga menyebabkan masyarakat tidak mepedulikan permasalahan anak luar nikah dan mengambil sikap menyerahkan segala-

---

<sup>18</sup>Ibid, Seksyen 27 (2) yang memperuntukkan “Mana-mana pegawai perubatan atau pengamal perubatan berdaftar yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya”.

<sup>19</sup>Ibid, Seksyen 28 (2) yang memperuntukkan “Mana-mana anggota keluarga yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dilepaskan dengan bon atas syarat-syarat yang hendaklah ditentukan oleh Mahkamah”.

<sup>20</sup>Ibid, Seksyen 29 (2) yang memperuntukkan “Mana-mana pengasuh kanak-kanak yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya”.

<sup>21</sup>Ibid, Seksyen 121 yang memperuntukkan “Mana-mana orang yang memberi mana-mana orang lain apa-apa butir yang terkandung dalam Daftar selain menurut Seksyen 120 melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya”.

galanya kepada pihak berkuasa. Oleh itu, peruntukan berkaitan perlindungan kepada pemberi maklumat perlu diwujudkan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah), 2014 (Enakmen 18).

### **5.2.1.3 Tiada pusat jagaan khas untuk anak luar nikah**

Dapatan penyelidikan melaporkan bahawa tiada pusat jagaan khas anak luar nikah ditubuhkan di bawah KPWKM. Ketiadaan pusat jagaan khas tersebut menyukarkan KPWKM dan JKM membuat pemantauan secara langsung terhadap kebajikan dan pengurusan anak luar nikah. Pusat jagaan khas tersebut berperanan sebagai pusat pemulihan yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan fizikal, kaunselor, program kerohanian dan bimbingan agama agar anak-anak luar nikah tidak berasa terasing atau tersinggung dengan nasib mereka. Konsep penubuhannya adalah sebagaimana penubuhan rumah anak-anak yatim yang diwujudkan oleh pelbagai pihak antaranya MAIN, MAIWP, NGO, Yayasan Kebajikan dan sebagainya. Kesemua intitusi tersebut mempunyai peruntukan tetap dalam bajet tahunan masing-masing selain mendapat sumbangan zakat daripada agensi kerajaan, badan-badan korporat dan orang awam.

Kerajaan seharusnya memandang serius peningkatan kadar kelahiran anak luar nikah berdasarkan statistik terkini daripada pelbagai sumber. Buat masa ini, KPWKM dan JKM yang mendaftarkan kelahiran anak luar nikah telah menempatkan mereka bersama dengan kanak-kanak yang lain sama ada di RKK ataupun RBL. Terdapat empat (4) buah pusat jagaan kanak-kanak di bawah KPWKM iaitu RKK Kepala Batas, Pulau Pinang yang menempatkan kanak-kanak lelaki dan perempuan di bawah umur dua belas tahun (12) tahun, RBL Tun Abd. Aziz, Durian Daun, Melaka dan RKK Tunku Budriah, Kuala

Kangsar, Perak menempatkan kanak-kanak lelaki melebihi umur dua belas tahun (12) tahun ke atas, manakala kanak-kanak perempuan pula ditempatkan di RKK Arau, Perlis.

Terdapat NGO yang mengambil inisiatif sendiri dengan menubuhkan pusat jagaan anak luar nikah dan remaja hamil luar nikah. Contohnya, Yayasan OrphanCare, sebuah NGO di bawah KPJ Healthcare Berhad (KPJ) mewujudkan *baby hatch* berperanan sebagai pusat jagaan sementara untuk menyelamatkan nyawa anak-anak luar nikah daripada dibuang di merata-rata tempat atau dibunuh oleh ibu kandungnya. Begitu juga, LKPI Negeri Kedah telah mewujudkan RPNH sebagai tempat perlindungan kepada remaja-remaja hamil luar nikah yang terjebak dengan gejala seks agar kembali ke pangkal jalan. RPNH juga bertindak sebagai perantara kepada pihak-pihak yang berminat mengambil anak-anak luar nikah sebagai anak angkat.

Kedua-dua NGO tersebut berdaftar dengan JKM dan diberikan insentif tertentu sebagai galakan kerana menyokong peranan JKM. Meskipun diberikan bantuan kewangan, pihak kerajaan tidak sepatutnya meletakkan tanggungjawab tersebut kepada NGO semata-mata kerana fungsi mereka hanyalah atas dasar tanggungjawab sosial sahaja. Penubuhan institusi kebajikan di bawah KPWKM, NGO atau Yayasan Kebajikan yang bermatlamatkan untuk memberikan perlindungan kepada remaja-remaja hamil luar nikah dan anak-anak luar nikah itu sendiri telah diiktiraf oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak sebagai tempat selamat.<sup>22</sup> Oleh itu, sudah sampai masanya pihak kerajaan menubuhkan pusat jagaan khas anak luar nikah di seluruh negeri di Malaysia tanpa mengharapkan kepada NGO semata-mata.

---

<sup>22</sup>Seksyen 30 (1) (d), Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611).

#### **5.2.1.4 Penempatan anak luar nikah di institusi-institusi JKM mengundang masalah**

Dapatan penyelidikan melaporkan penempatan anak luar nikah di institusi-institusi JKM dapat dibahagikan kepada dua kategori. Pertama, remaja hamil luar nikah yang mendiami TSP tetapi enggan memelihara anak tersebut. Kedua, remaja hamil luar nikah yang tidak mendiami TSP tetapi menyerahkan anak luar nikah kepada JKM untuk dipelihara. Kesemua anak luar nikah diletakkan di bawah pengawasan Pelindung JKM yang bertanggungjawab terhadap perlindungan dan pemeliharaan sementara ke atas mereka. Dalam tempoh dua puluh empat (24) jam, Pelindung hendaklah mendapatkan perintah mahkamah untuk meletakkan anak luar nikah tersebut di tempat selamat. Mahkamah boleh memerintahkan anak luar nikah ditempatkan di RKK, RBL atau RTH antara tempoh tiga (3) hingga lapan belas (18) tahun.<sup>23</sup>

Kebanyakan anak luar nikah yang tinggal di rumah perlindungan tersebut ditempatkan bersekali dengan kanak-kanak yang lain yang tidak mempunyai ibu atau bapa, ditinggalkan oleh ibu bapanya, dibuang atau tiada sesiapa pun di kalangan saudara-mara anak tersebut yang mahu menjaganya.<sup>24</sup> Hal ini disebabkan JKM tidak mempunyai pusat jagaan khas untuk menempatkan anak-anak luar nikah. Oleh kerana berlaku percampuran dan tiada pemantauan yang khusus terhadap mereka, masalah salah laku dan disiplin di kalangan kanak-kanak yang lain turut tempias kepada anak-anak luar

---

<sup>23</sup>Seksyen 87 (1), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 88 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Seksyen 88 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 88 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 88 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008.

<sup>24</sup>Seksyen 17 (1) (e), Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611).

nikah. Tambahan pula, usia mereka di peringkat kanak-kanak yang sedang membesar dan meningkat remaja turut mempengaruhi akhlak dan perilaku mereka.

Dapatan penyelidikan ini disokong oleh penyelidikan Salma Ishak et. al. yang menyatakan kanak-kanak berusia antara dua belas (12) hingga lima belas (15) tahun suka tinggal di institusi tersebut dan berasa selamat. Jaminan tentang keselamatan diri mereka merupakan faktor terpenting yang menyokong kehendak mereka tinggal bersama rakan-rakan yang mempunyai latar belakang kehidupan yang berbeza. Begitu juga, suasana kehidupan di ketiga-tiga institusi tersebut mungkin berbeza mengikut perasaan masing-masing di kalangan kanak-kanak.<sup>25</sup>

Selain itu, terdapat juga kesalahan ponteng sekolah, merosakkan harta benda institusi dan mencuri tetapi tidak serius. Namun begitu, pergaulan bebas antara kanak-kanak lelaki dan perempuan tidak menimbulkan masalah kepada mereka kerana pentadbiran institusi tersebut sangat menekankan aspek penjagaan akhlak terutamanya batasan pergaulan antara lelaki dan perempuan.<sup>26</sup> Sungguhpun penyelidikan tersebut melibatkan semua kategori kanak-kanak, hasil dapatan penyelidikan tersebut boleh menjadi petunjuk yang menggambarkan perasaan anak luar nikah apabila mereka ditempatkan di institusi tersebut.

---

<sup>25</sup>Salma Ishak et. al., "Jagaan di Institusi : Apa Pengalaman dan Pandangan Kanak-kanak", 28 – 29.

<sup>26</sup>Ibid, 35 – 37.

## 5.2.2 Cadangan

### 5.2.2.1 Pindaan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah), 2008 (Enakmen 7)

- a) Merujuk seksyen 2, “*nasab*” ditafsirkan sebagai ;

“keturunan yang berasaskan pertalian darah yang sah”

Oleh itu, penyelidik mencadangkan peruntukan di atas dipinda kepada ;

“nasab ertinya keturunan yang berasaskan pertalian darah sama ada melalui perkahwinan yang sah, fasid atau syubhah atau sama ada melalui kaedah firash, bayyinah atau iqrar”

Rasional pindaan tersebut dicadangkan ialah peruntukan sedia ada iaitu Seksyen 111, 112, 113, 114 dan 115 enakmen tersebut telah membincangkan kaedah pensabitan *nasab* sebagai anak, Seksyen 116, 117 dan 118 mengaitkan kaedah pensabitan *nasab* sebagai ibu atau bapa dan Seksyen 119 mengaitkan kaedah pensabitan *nasab* sebagai saudara.

- b) Merujuk Seksyen 2 lagi, “tidak sah taraf” ditafsirkan sebagai ;

“berhubungan dengan seseorang anak, ertinya dilahirkan di luar nikah dan bukan anak dari persetubuhan syubhah”

Oleh itu, penyelidik mencadangkan peruntukan di atas dipinda kepada ;

“tidak sah taraf ertinya anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina, rogol dan bukan anak daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan”



Rasional pindaan tersebut dicadangkan supaya definisi tersebut selari dengan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah bertarikh pada 26 September 2010 dan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bertarikh 10 Jun 2003 dan pindaan fatwa tersebut pada 27 Julai 2004. Istilah anak tak sah taraf<sup>27</sup> yang dinyatakan dalam fatwa tersebut adalah sama dengan maksud anak luar nikah.<sup>28</sup>

c) Merujuk Seksyen 86 telah memperuntukkan ;

“penjagaan anak tak sah taraf hanya pada ibu dan saudara mara ibu”

Oleh itu, penyelidik mencadangkan peruntukan di atas dipinda kepada ;

“penjagaan anak tak sah taraf hanya pada ibu dan saudara mara ibu serta lelaki yang dinasabkan kepadanya melalui perintah mahkamah”.

Rasional pindaan tersebut dicadangkan kerana kaedah *firash*, *bayyinah* dan *igrar* merupakan asas pensabitan *nasab* yang diiktiraf oleh *fuqaha*. Begitu juga, pengiktirafan sebagai bapa telahpun diperuntukkan dalam Seksyen 116, 117 dan 118 enakmen tersebut yang mengaitkan kaedah pensabitan *nasab* sebagai ibu atau bapa sepertimana yang telah dibincangkan di atas.

---

<sup>27</sup>Anak luar nikah atau anak haram. Lihat Kamus Dewan, 49.

<sup>28</sup>Anak yang dilahirkan tanpa ikatan perkahwinan yang sah antara ibu bapanya. Lihat Kamus Dewan, 49.

### **5.2.2.2 Penambahan peruntukan baharu dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah), 2014 (Enakmen 18)**

Dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah), 2014 (Enakmen 18) mempunyai peruntukan berkaitan memberikan keterangan, maklumat atau pernyataan palsu. Dalam Seksyen 28 (1) memperuntukkan bahawa ;

“Mana-mana orang yang memberikan keterangan palsu atau memalsukan keterangan bagi maksud ia digunakan dalam apa-apa peringkat dalam sesuatu prosiding kehakiman di Mahkamah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya”

Seksyen 28 (2) pula memperuntukkan bahawa ;

“Mana-mana orang yang mengetahui atau mempunyai sebab untuk dipercayai bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Enakmen ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain berhubung dengan agama Islam, memberikan apa-apa maklumat berhubung dengan kesalahan itu yang diketahuinya atau dipercayainya sebagai palsu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya”

Penyelidik mendapati Seksyen 28 (1) memperuntukkan kesalahan memberikan keterangan palsu atau memalsukan keterangan sewaktu perbicaraan di mahkamah. Seksyen 28 (2) pula memperuntukkan kesalahan memberikan maklumat palsu terhadap kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan dalam

enakmen tersebut. Namun begitu, tiada peruntukan yang menyentuh tentang perlindungan kepada pemberi maklumat yang melaporkan sesuatu kesalahan seseorang di bawah enakmen tersebut kepada pihak berkuasa.

Penyelidik mendapati Seksyen 116, Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) mengandungi peruntukan tentang Pelindungan *informer*<sup>29</sup>. Kandungan dalam peruntukan tersebut adalah munasabah dan sesuai untuk dimasukkan menjadi sebahagian daripada peruntukan baharu dalam enakmen tersebut. Oleh itu, penyelidik mencadangkan agar diwujudkan peruntukan baharu berkaitan Pelindungan *informer* seperti berikut ;

Cadangan Seksyen 28 (3) ;

“Mana-mana orang yang memberikan apa-apa maklumat bahawa seseorang telah melakukan apa-apa kesalahan di bawah enakmen ini tidak menanggung apa-apa liabiliti kerana fitnah atau selainya berkenaan dengan pemberian maklumat itu”

Cadangan Seksyen 28 (4) ;

“Seseorang saksi dalam apa-apa prosiding sivil atau jenayah tidak boleh dikehendaki atau dibenarkan untuk mendedahkan nama dan alamat seseorang informer atau isi maklumat yang diterima daripadanya atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin menyebabkan informer itu diketahui”

---

<sup>29</sup>Pemberitahu atau pemberi maklumat. Lihat Rachel Jaques et. al., *Istilah Undang-undang*, Edisi Keempat, (Petaling Jaya : Sweet & Maxwell Asia, 2003), 91.

Cadangan Seksyen 28 (5) ;

“Jika apa-apa buku, rekod atau dokumen yang menjadi keterangan atau yang boleh diperiksa dalam apa-apa prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa catatan yang di dalamnya mana-mana informer dinamakan atau diperihalkan atau yang mungkin menyebabkan informer itu diketahui, Mahkamah hendaklah menyebabkan supaya segala bahagian sedemikian ditutup daripada pandangan atau dipadamkan setakat yang perlu untuk melindungi identiti informer itu daripada diketahui”

Cadangan Seksyen 28 (6) ;

“Jika semasa perbicaraan bagi apa-apa kesalahan terhadap enakmen ini, Mahkamah selepas siasatan penuh ke atas kes itu mempercayai bahawa informer itu dengan sengaja membuat dalam aduannya suatu pernyataan material yang dia tahu atau percaya adalah palsu atau tidak percaya adalah benar, atau jika dalam apa-apa prosiding lain Mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya antara pihak-pihak dalam prosiding itu tanpa identiti informer itu diketahui, maka sah bagi Mahkamah untuk menghendaki supaya aduan asal, jika bertulis, dikemukakan, dan membenarkan siasatan dan menghendaki pendedahan sepenuhnya mengenai informer itu”

### **5.2.2.3 Penubuhan pusat jagaan khas anak luar nikah**

Kerajaan dicadangkan menubuhkan pusat jagaan khas yang hanya menempatkan anak luar nikah sahaja tanpa mencampuradukkan dengan kanak-kanak lain daripada pelbagai kategori yang memerlukan perlindungan JKJ. Pada peringkat awal, penubuhan pusat jagaan khas tersebut memadailah dengan

mengikut sempadan negeri-negeri di wilayah utara, selatan, timur dan barat serta Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, kerajaan boleh mempertimbangkan kewujudan pusat jagaan tersebut mengikut keperluan wilayah dan faktor kewangan semasa. Penubuhan pusat jagaan khas sangat penting untuk memastikan pemantauan kehidupan anak luar nikah sentiasa terjamin dan memudahkan sumbangan kewangan daripada pelbagai pihak.

#### **5.2.2.4 Kelayakan seseorang penyelia di pusat jagaan khas anak luar nikah mestilah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh undang-undang**

JKM bertanggungjawab meletakkan syarat seseorang penyelia yang bertugas di pusat jagaan khas anak luar nikah hendaklah mempunyai sifat penyayang, berjiwa pendidik dan mampu merancang serta melaksanakan program-program terutamanya berteraskan bimbingan agama agar anak luar nikah dapat menerima realiti status mereka di sisi Islam. Masalah salah laku dan disiplin mereka dapat diatasi dengan baik apabila wujud pemantauan secara khusus oleh JK M terhadap kelompok mereka sahaja.

### **5.2.3 Kebajikan dan Pengurusan**

#### **5.2.3.1 Bapa biologi terlepas daripada tanggungjawab menyara nafkah anak luar nikah**

Dapatan penyelidikan menjelaskan bahawa Undang-undang Keluarga Islam (Kedah), 2008 (Enakmen 7) memperuntukkan tanggungjawab menyara nafkah anak luar nikah

diwajibkan ke atas ibu sahaja.<sup>30</sup> Peruntukan ini mengecualikan kewajiban bapa biologi membayar nafkah anak luar nikah meskipun kelahiran anak tersebut akibat daripada persetubuhan luar nikah antara ibu dan bapa biologi. Peruntukan ini digubal berdasarkan hukum Syarak yang mengutamakan *nasab* sebagai salah satu aspek kewajiban menyara nafkah meskipun terbukti daripada ujian DNA, anak luar nikah mempunyai baka dengan bapa biologi. Sekiranya bapa biologi berkahwin dengan ibunya, maka hubungan bapa biologi dengan anak tersebut adalah sebagai bapa tiri dan statusnya berubah menjadi *mahram* kepada anak luar nikah. Namun begitu, bapa tiri juga terlepas kewajibannya di sisi hukum Syarak menyara nafkah anak tersebut.<sup>31</sup>

Penyelidik mendapati daripada sudut hukum Syarak dan undang-undang, ketiadaan hukum dan peruntukan yang mewajibkan bapa biologi menyara nafkah anak luar nikah adalah adil. Ini disebabkan hukum Syarak dan peruntukan undang-undang hanya mengiktiraf hubungan *nasab* sebagai asas melaksanakan kewajiban menyara nafkah anak tersebut. Oleh itu, setiap ibu yang menyara nafkah anak luar nikah haruslah menerima hakikat bahawa tanggungjawab tersebut adalah adil di sisi hukum Syarak dan aspek undang-undang manakala ketiadaan peruntukan yang mewajibkan bapa biologi menyara nafkah anak luar nikah juga adil kerana antara kedua-duanya adalah orang asing yang tiada hubungan *mahram*. Namun begitu, jika dipandang daripada sudut kemanusiaan pula, bapa biologi sepatutnya menyara nafkah anak luar nikah yang lahir daripada benihnya sendiri. Meskipun terlepas daripada kewajiban menyara nafkah,

---

<sup>30</sup>Seksyen 80 (1), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 81 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Seksyen 81 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 81 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 81 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008.

<sup>31</sup>“Hubungan Anak Luar Nikah Dengan Bapa Biologi”, (28 Julai, 2015), <http://www.e-fatwa.gov.my/blog/feed> (Capaian pada 27 April, 2016).

perbuatan bapa biologi tidak terlepas daripada dosa dan azab Allah SWT di akhirat nanti dan boleh dikenakan hukuman *ta'azir* atas kesalahan persetubuhan luar nikah jika didakwa dan disabitkan bersalah di Mahkamah Syariah.

Penyelidik juga mendapati peruntukan tersebut hanya mewajibkan ibu menyara nafkah anak yang lahir daripada persetubuhan luar nikah sahaja tetapi tidak mewajibkannya menyara nafkah yang lahir akibat rogol. Kewajiban menyara nafkah anak luar nikah tersebut adalah selaras dengan definisi anak luar nikah dalam undang-undang yang ditafsirkan iaitu “tidak sah taraf”, berhubungan dengan seseorang anak, ertinya dilahirkan di luar nikah dan bukan anak daripada persetubuhan *syubhah*”.<sup>32</sup> Peruntukan ini jelas mentafsirkan anak luar nikah terhasil daripada persetubuhan luar nikah sahaja dan tidak dimasukkan rogol sebagai salah satu punca kelahiran. Peruntukan tersebut seolah-olah menggambarkan bahawa status kelahiran anak luar nikah akibat persetubuhan luar nikah adalah berbeza dengan status anak luar nikah akibat rogol. Perbezaan tafsiran tersebut bercanggah dengan fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Kedah yang mendefinisikan anak luar nikah ialah “Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina, rogol dan dia bukan daripada persetubuhan *syubhah* ataupun bukan daripada anak perhambaan”.<sup>33</sup> Begitu juga, fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan yang menyebut “Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina ataupun rogol dan dia bukan daripada persetubuhan *syubhah*”.<sup>34</sup>

---

<sup>32</sup>Seksyen 2, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 2, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Seksyen 2, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 2, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 2, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008.

<sup>33</sup>Jabatan Mufti Negeri Kedah, *Fatwa Mengenai Larangan Anak Tak Sah Taraf*, 970.

<sup>34</sup>Majlis Fatwa Kebangsaan, *Fatwa mengenai Anak Tak Sah Taraf*.

Penyelidik juga mendapati wujud kekeliruan antara fatwa dan peruntukan undang-undang dalam mentafsirkan definisi anak luar nikah. Bagi kes jenayah, jika ibu dan bapa biologi dihadapkan ke mahkamah atas kesalahan persetubuhan luar nikah, maka Mahkamah Syariah berbidang kuasa untuk membicarakannya.<sup>35</sup> Sebaliknya, jika ibu dan bapa biologi dituduh atas kesalahan rogol, maka Mahkamah Sivil berbidang kuasa untuk membicarakannya.<sup>36</sup> Bagi kes permohonan nafkah anak luar nikah pula, adakah Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah yang berbidang kuasa untuk membicarakannya? Percanggahan antara fatwa dan peruntukan undang-undang berkaitan status anak luar nikah sama ada akibat persetubuhan luar nikah atau rogol memberi implikasi yang besar terhadap tuntutan nafkah anak luar nikah. Akhirnya, peruntukan undang-undang keluarga Islam dan fatwa tersebut hanya bersifat akademik sahaja yang tidak memberi impak yang positif ke arah pelaksanaannya.

Dapatan penyelidikan menunjukkan perbezaan istilah antara fatwa dan peruntukan undang-undang telah membuka ruang perbahasan di kalangan pelbagai lapisan masyarakat sehingga wujud pertikaian tentang tindakan pentadbiran di jabatan-jabatan kerajaan dalam menguatkuasakan fatwa dan peruntukan undang-undang sedia ada. Pertikaian juga wujud tentang mana satukah yang perlu diikuti sama ada peruntukan undang-undang sedia ada ataupun fatwa itu sendiri.

---

<sup>35</sup>Seksyen 23 (1), Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan), 1997 ; Seksyen 25 (1), Enakmen Jenayah Syariah (Selangor), 1995 ; Seksyen 60 (1), Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan), 2004 ; Seksyen 29 (1), Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (*Takzir*) (Terengganu), 2001 dan Seksyen 21 (1), Enakmen Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah), 2014.

<sup>36</sup>Seksyen 376, Kanun Keseksaan (Akta 574).



Dalam kes *Muhammad Ezaac Iskandar Abdullah & 2 yang lain lwn Jabatan Pendaftaran Negara & 2 yang lain*<sup>37</sup>, mahkamah mendapati wujud elemen persetujuan luar nikah antara perayu kedua dan perayu ketiga sehingga melahirkan perayu pertama dalam tempoh lima (5) bulan dua puluh tujuh (27) hari. Tindakan responden mendaftarkan nama perayu pertama di“binkan” dengan Abdullah adalah berdasarkan fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan yang bersidang kali pertama pada 28 – 29 Januari 1981 dan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke 57 yang bersidang pada 10 Jun 2003 selain bersandarkan Seksyen 13, Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299). Oleh itu, mahkamah menolak rayuan perayu.

Dalam konteks penerimaan anak luar nikah sebagai ahli keluarga, terdapat peruntukan undang-undang yang mewajibkan keluarga angkat memberi nafkah kepada anak tersebut. Dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah), 2008 (Enakmen 7) jelas memperuntukkan bahawa seorang lelaki yang telah menerima seseorang kanak-kanak, termasuklah anak luar nikah sebagai ahli keluarganya adalah berkewajiban menanggung nafkah anak tersebut selagi mereka masih kanak-kanak dan tidak pula dibiayai oleh ibu bapanya.<sup>38</sup> Sekiranya anak tersebut diambil atau diserahkan semula kepada ibu bapanya yang asal, maka kewajipan keluarga angkat memberi nafkah kepada anak tersebut akan terhenti.<sup>39</sup> Keluarga angkat boleh menuntut semula saraan nafkah

---

<sup>37</sup> [2016] 1 LNS 1815

<sup>38</sup>Seksyen 78 (1), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 79 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Seksyen 79 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 79 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 79 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008.

<sup>39</sup>Seksyen 78 (2), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 79 (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Seksyen 79 (2), Enakmen Undang-undang

yang telah dibelanjakan kepada kedua ibu bapanya jika mahu berbuat demikian sama ada melalui persetujuan bersama ataupun perintah mahkamah.<sup>40</sup> Peruntukan ini juga terdapat dalam Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang memperuntukkan kewajiban ibu atau bapa atau penjaga menyara nafkah anak sama ada Islam ataupun bukan Islam.<sup>41</sup> Peruntukan ini bersifat umum yang memberi kuasa kepada Mahkamah Sivil mengeluarkan perintah saraan nafkah kepada semua kategori kanak-kanak termasuklah anak luar nikah. Peruntukan ini juga membuka ruang kepada Mahkamah Sivil memerintahkan bapa biologi membayar nafkah anak luar nikah.

Penyelidik mendapati mana-mana pihak yang menjaga anak luar nikah boleh menggunakan peruntukan ini untuk mensabitkan tanggungjawab memberi nafkah anak luar nikah kepada bapa biologi. Namun begitu, bagi ibu atau saudara mara ibu di kalangan orang Islam yang menjaga anak luar nikah, adalah wajar peruntukan dalam undang-undang keluarga Islam diguna pakai. Dapatan ini disokong oleh penyelidikan Nora Abdul Hak yang menyatakan bahawa kewajiban menyara nafkah anak termasuk anak luar nikah bukanlah semata-mata atas dasar bapa biologi yang menjadi penyebab kelahiran anak luar nikah dan pada segi lahirnya anak tersebut adalah anaknya tetapi daripada sudut hukum Syarak, bapa biologi tidak mempunyai pertalian *nasab* dengan anak tersebut yang mewajibkannya menyara nafkah.<sup>42</sup>

---

Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 79 (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 79 (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008.

<sup>40</sup>Seksyen 78 (3), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 79 (3), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Seksyen 79 (3), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 79 (3), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 79 (3), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008.

<sup>41</sup>Seksyen 108 (1), Akta Kanak-Kanak 2001(Akta 611).

<sup>42</sup>Nora Abdul Hak, "Hak Kanak-kanak dari Aspek Hadanah dan Nafkah di bawah Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia", 273.

Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) juga memberi kuasa kepada Mahkamah Sivil memerintahkan bayaran denda jika ibu, bapa atau penjaga anak luar nikah dengan sengaja mengabaikan perintah mahkamah membayar nafkah anak tersebut. Selanjutnya, mahkamah boleh mengeluarkan perintah penjara tidak melebihi tempoh sebulan berdasarkan jumlah nafkah yang diperintahkan jika ibu, bapa atau penjaga anak luar nikah masih gagal mematuhi perintah mahkamah meskipun telah diberi peringatan.<sup>43</sup>

Penyelidik mendapati peruntukan Akta 611 boleh menjadi asas tuntutan nafkah anak luar nikah di Mahkamah Sivil bagi ibu atau penjaga di kalangan orang Islam yang tidak mempunyai sumber kewangan untuk menghadapi bapa biologi ke mahkamah demi kebajikan anak tersebut. Jika Mahkamah Sivil mensabitkan tuntutan tersebut, maka bapa biologi hendaklah membayar nafkah anak luar nikah berdasarkan perintah mahkamah. Sebaliknya, jika Mahkamah Sivil menolak tuntutan tersebut atau memerintahkan tuntutan tersebut dibicarakan di Mahkamah Syariah, bapa biologi akan terlepas tanggungjawabnya memberi nafkah kepada anak tersebut. Jika dibicarakan di Mahkamah Syariah pula, ibu atau penjaga anak luar nikah tidak mempunyai *locus standi* untuk memulakan *prosiding* terhadap bapa biologi agar membayar nafkah anak tersebut kerana tiada peruntukan undang-undang yang memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk mengeluarkan perintah nafkah kepada anak tersebut.

---

<sup>43</sup>Seksyen 108 (5), Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611).

### **5.2.3.2 Tiada peruntukan mengenai kebajikan dan pengurusan anak luar nikah dalam undang-undang keluarga Islam**

Dapatan penyelidikan melaporkan bahawa Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah), 2008 (Enakmen 7) tiada peruntukan khas berkaitan kebajikan dan pengurusan anak luar nikah kecuali peruntukan berkaitan nafkah<sup>44</sup> dan penjagaan<sup>45</sup> anak luar nikah sahaja. Peruntukan nafkah anak luar nikah digabungkan bersama nafkah isteri, anak dan lain-lain dalam Bab VI manakala peruntukan penjagaan anak tersebut pula dirangkumkan sekali dengan *hadanah* atau penjagaan kanak-kanak dalam Bab VII enakmen tersebut. Perkataan kebajikan hanya disebut secara umum sahaja dalam Seksyen 87 (1) yang memperuntukkan ;

“.....Mahkamah boleh dengan perintah meletakkan kanak-kanak itu dalam jagaan mana-mana orang lain atau mana-mana persatuan yang tujuannya adalah termasuk kebajikan kanak-kanak”

Begitu juga, Seksyen 91 (1) yang memperuntukkan ;

“...pada membuat sesuatu pelantikan Mahkamah hendaklah terutama sekali memberi pertimbangan kepada kebajikan kanak-kanak”

Selain itu, aspek kebajikan berkaitan pendidikan<sup>46</sup> dan harta<sup>47</sup> juga diperuntukkan dalam enakmen tersebut tetapi bersifat umum meliputi semua kategori kanak-kanak. Penyelidik

---

<sup>44</sup>Seksyen 80 (1), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 81 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Seksyen 81 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 81 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 81 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008.

<sup>45</sup>Seksyen 85, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 86, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Seksyen 86, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 86, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 86, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008.

<sup>46</sup>Seksyen 87 (1), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 88 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Seksyen 88 (1), Enakmen Undang-undang

mendapati hanya Seksyen 81 dan Seksyen 86 sahaja yang mengaitkan tentang anak luar nikah manakala lain-lain peruntukan dimaksudkan kepada semua kategori kanak-kanak.

Berbeza dengan Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang mempunyai peruntukan khusus berkaitan kebajikan kanak-kanak iaitu Bab V menyentuh tentang kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan dan Bab VI pula menyentuh kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan. Tafsiran istilah kanak-kanak termasuklah anak luar nikah.<sup>48</sup> Oleh itu, dapat difahami bahawa segala peruntukan yang terkandung dalam Akta 611 turut melibatkan kebajikan dan pengurusan anak luar nikah. Ini menunjukkan kandungan tentang aspek kebajikan dan pengurusan anak luar nikah yang disebut secara khusus dalam Akta 611 lebih baik daripada Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah), 2008 (Enakmen 7) yang tidak mengandungi bab-bab berkaitan kebajikan dan pengurusan anak luar nikah.

Bagi merealisasikan aspek kebajikan dan pengurusan anak luar nikah, KPWKM telah menggubal dasar perlindungan kanak-kanak. Dasar tersebut mewajibkan penglibatan setiap jabatan dan agensi kerajaan, NGO dan pemimpin masyarakat bergabung tenaga mengambil tanggungjawab bersama memberi perlindungan, mengurus dan menjaga kebajikan anak luar nikah. Bagi memenuhi dasar tersebut, KPWKM menubuhkan Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-kanak (MKK) selaras dengan falsafah Konvensyen Hak

---

Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 88 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 88 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008.

<sup>47</sup>Seksyen 90 (1), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 91 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 ; Seksyen 91 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 91 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 91 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008.

<sup>48</sup>Seksyen 17 (1) (e), Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611).

Kanak-kanak (KHKK) dan Akta 611 yang menekankan prinsip perlindungan, kebajikan dan pengurusan kepada anak luar nikah.<sup>49</sup> Di bawah MKK, diwujudkan pula Pasukan Pelindungan Kanak-kanak (PPKK) di setiap daerah dan negeri.<sup>50</sup> PPKK berfungsi sebagai badan penyelarasan untuk memantau segala perkhidmatan kepada anak luar nikah termasuk keluarganya jika mereka memerlukan perlindungan dan kebajikan.<sup>51</sup> Pemantauan juga dilakukan terhadap program-program seperti pusat jagaan, kelas tuisyen, khidmat kaunseling, kelas komputer, kursus pengasuhan dan bimbingan kepada anak luar nikah di RBL, RKK dan RTH.

Penyelidik mendapati DUN Kedah mempunyai punca kuasa seperti mana yang terkandung dalam Jadual Sembilan, Senarai Kedua (Senarai Negeri), Perlembagaan Persekutuan untuk menggubal, meminda atau menambah mana-mana peruntukan berkaitan kebajikan dan pengurusan anak luar nikah dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah), 2008 (Enakmen 7).<sup>52</sup> Proses penggubalan, pindaan atau penambahan mana-mana peruntukan dalam sesuatu enakmen hendaklah dibuat mengikut *prosedur* yang ditetapkan dengan didahului oleh Rang Undang-Undang dan hendaklah

---

<sup>49</sup>“Dasar Pelindungan Kanak-Kanak Negara”, <http://www.kpwkm.gov.my/dasar-perlindungan-kanak-kanak-negara>. (Capaian pada Oktober 01, 2015).

<sup>50</sup>“Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak”, [http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=pasukan\\_perlindungan\\_kanak-kanak\\_ppkk\\_dan\\_pusat\\_aktiviti\\_kanak-kanak\\_pakk&lang=bn](http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=pasukan_perlindungan_kanak-kanak_ppkk_dan_pusat_aktiviti_kanak-kanak_pakk&lang=bn). (Capaian pada 1 Oktober, 2015).

<sup>51</sup>Seksyen 7 (1), Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 (Akta A1511) yang memperuntukkan “Majlis hendaklah menubuhkan di seluruh Malaysia kumpulan-kumpulan orang, setiap kumpulan dikenali sebagai ‘Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak’, bagi maksud menyelaraskan perkhidmatan-perkhidmatan setempat kepada keluarga-keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak memerlukan atau disyaki memerlukan pemeliharaan dan perlindungan”.

<sup>52</sup>Perkara 74 (2), Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan “Tanpa menjejaskan apa-apa kuasa untuk membuat undangundang yang diberikan kepadanya oleh mana-mana Perkara lain, 79 Undang-Undang Malaysia Badan Perundangan sesuatu Negeri boleh membuat undangundang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama”.

diluluskan dalam persidangan DUN. Kelulusan sesuatu undang-undang hanya boleh dikuatkuasakan setelah mendapat perkenan KDYMM Tuanku Sultan.<sup>53</sup>

Penyelidik mengambil contoh tentang Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) yang terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan telah diluluskan di Parlimen pada 3 Mac 1965 lalu. Akta 355 tersebut telah memperuntukkan kesalahan jenayah syariah iaitu denda tidak melebihi RM 1,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu sahaja) dan penjara tidak melebihi enam (6) bulan.<sup>54</sup> Pada tahun 1984, Parlimen telah meminda Akta 355 tersebut dengan memasukkan kadar hukuman baharu iaitu denda tidak melebihi RM 5,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ribu sahaja), penjara tidak melebihi tiga (3) tahun atau enam (6) kali sebatan.<sup>55</sup> Pindaan tersebut mengambil masa hampir sembilan belas tahun (19) tahun dan lima (5) tahun kemudian (Tahun 1989), Akta 355 dipinda kali kedua bertujuan untuk memperluaskan pemerksaan Mahkamah Syariah dan kesalahan jenayah syariah ke Sabah dan Sarawak.<sup>56</sup>

Pada 6 April 2017, Ahli Parlimen Marang telah membentangkan usul persendirian melalui RUU 355 untuk meminda kadar hukuman kesalahan jenayah syariah kepada

---

<sup>53</sup>Seksyen 60 (1), Undang-undang Tubuh Kerajaan (Kedah), 1959 yang memperuntukkan “Kuasa Majlis Undangan bagi membuat undang-undang itu hendaklah dijalankan dengan Rang Undang-Undang yang diluluskan oleh Dewan Negeri dan dibenarkan oleh Raja Pemerintah”

<sup>54</sup>“Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965”, [portal rasmi], [https://ms.wikipedia.org/wiki/Akta Mahkamah Syariah \(Bidang Kuasa Jenayah\) 1965](https://ms.wikipedia.org/wiki/Akta_Mahkamah_Syariah_(Bidang_Kuasa_Jenayah)_1965). (Capaian pada 14 Mei 2017).

<sup>55</sup>“Undang-undang Malaysia”, [portal rasmi], [http://Www.Agc.Gov.My/Agcportal/Uploads/Files/Publications/LOM/MY/Akta%20355%20-%20Akta%20Mahkamah%20Syariah%20\(Bidang%20Kuasa%20Jenayah\)%201965.Pdf](http://Www.Agc.Gov.My/Agcportal/Uploads/Files/Publications/LOM/MY/Akta%20355%20-%20Akta%20Mahkamah%20Syariah%20(Bidang%20Kuasa%20Jenayah)%201965.Pdf). (Capaian pada 14 Mei 2017).

<sup>56</sup>Seksyen 3, Pengesahan, Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah)1965 (Akta355), [portal rasmi], [http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal\\_Updated.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/844a773be8a85478482572dd0018d8b8?OpenDocument](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal_Updated.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/844a773be8a85478482572dd0018d8b8?OpenDocument). (Capaian pada 14 Mei 2017).

denda tidak melebihi RM 100,000.00 (Ringgit Malaysia : Seratus Ribu sahaja), penjara tidak melebihi tiga puluh (30) tahun, sebatan tidak melebihi seratus (100) kali sebatan atau mana-mana kombinasinya.<sup>57</sup> Setakat ini, RUU 355 masih belum dibahasakan lagi di Parlimen meskipun mesyuarat kedua telah berlangsung pada 24 Julai – 10 Ogos 2017 selepas ditangguhkan oleh Speaker Dewan Rakyat<sup>58</sup> dan mesyuarat ketiga pada 23 Oktober – 30 November 2017.<sup>59</sup>

Pada aspek bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, dapatan penyelidikan menjelaskan bahawa Parlimen boleh menggubal undang-undang mengenai kebajikan dan pengurusan anak luar nikah meskipun hal-hal kesihatan anak di bawah bidang kuasa BPN dengan syarat Kerajaan Persekutuan hendaklah mendapat persetujuan daripada Kerajaan Negeri terlebih dahulu.<sup>60</sup> Begitu juga, Parlimen boleh membenarkan BPN menggubal undang-undang tetapi hendaklah mematuhi apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Parlimen.<sup>61</sup> Dapat difahami bahawa Kerajaan Negeri Kedah tidak menunjukkan kesungguhan untuk menggunakan kuasa sedia ada bagi menaik taraf Mahkamah Syariah Negeri Kedah agar setanding dengan bidang kuasa dan taraf Mahkamah Sivil.

---

<sup>57</sup>“RUU 355 : Usul penuh Presiden PAS”, <http://m.harakahdaily.net.my/index.php/headline/43331-ruu-355-usul-penuh-presiden-pas>. (Capaian pada 14 Mei 2017).

<sup>58</sup>“Perbincangan RUU ditangguhkan – Pandikar”, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/perbincangan-ruu-355-ditangguhkan-pandikar-138309> (Capaian pada 14 Mei 2017).

<sup>59</sup>Portal rasmi Parlimen Malaysia, <http://www.parlimen.gov.my/takwim-dewan-rakyat.html?uweb=dr>. (Capaian pada 22 Disember 2017).

<sup>60</sup>Perkara 76 (1) (b) & (c), Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan “Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai apaapa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Negeri, tetapi hanya seperti yang berikut sahaja, iaitu: (b) bagi maksud menggalakkan keseragaman undang-undang antara dua Negeri atau lebih; atau (c) jika diminta sedemikian oleh Dewan Undangan mana-mana Negeri”

<sup>61</sup>Ibid, Perkara 76A (1) yang memperuntukkan “Dengan ini ditegaskan bahawa kuasa Parlimen untuk membuat undang-undang mengenai sesuatu perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Persekutuan termasuklah kuasa untuk membenarkan Badan-Badan Perundangan Negeri-Negeri atau mana-mana daripadanya, tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan (jika ada) yang dikenakan oleh Parlimen, untuk membuat undang-undang mengenai kesemua atau mana-mana bahagian perkara itu”.



### **5.2.3.3 Penyerahan dan pendaftaran nama anak luar nikah kepada keluarga angkat tidak mematuhi hukum Syarak dan *prosedur* undang-undang**

Dapatan penyelidikan melaporkan anak luar nikah diserahkan kepada keluarga angkat dengan begitu mudah sekali tanpa terikat dengan *prosedur* undang-undang. Remaja yang melahirkan anak luar nikah boleh menawarkan anak tersebut sejak dalam kandungan lagi kepada sesiapa yang berminat mengambilnya sebagai anak angkat. Contohnya, subjek 1 dalam penyelidikan kes di daerah Kota Setar bersedia menyerahkan anak dalam kandungannya apabila STU, kakitangan yang bertugas di RPNH telah menawarkan diri untuk mengambil anaknya sebagai anak angkat. Begitu juga, subjek 3 dalam penyelidikan kes di daerah Kubang Pasu telah menyerahkan anak yang baharu dilahirkannya kepada JKL dengan sokongan keluarganya dan RPNH. JKL sanggup membiayai kos rawatan, kos bersalin dan memberikan wang sagu hati kepada subjek 1.

Berdasarkan dua (2) contoh kes di atas, penyelidik mendapati tidak terdapat surat persetujuan antara kedua-dua subjek dengan keluarga angkat tersebut sewaktu proses penyerahan anak tersebut. Begitu juga, tiada surat keizinan atau perjanjian antara keluarga kandung dengan keluarga angkat tentang tanggungjawab menjaga kebajikan dan pengurusan anak tersebut. Tindakan tersebut bertentangan dengan Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257) yang mensyaratkan persetujuan hendaklah diperoleh terlebih dahulu sebelum diluluskan oleh mahkamah.<sup>62</sup>

---

<sup>62</sup>Seksyen 5 (1) (a), (b), (c) dan (d), Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257).

Walau bagaimanapun, Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) mengecualikan keizinan ibu bapa kandung atau penjaga jika laporan Pelindung mengesahkan mereka tidak mahu menuntut anak tersebut semula setelah berada dalam jagaan keluarga pelihara atau mereka gagal dikesan di mana mereka berada. Setelah berpuas hati dengan laporan Pelindung tentang kelayakan keluarga angkat, mahkamah boleh memerintahkan anak luar nikah diserahkan kepada keluarga angkat tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Tindakan kedua-dua subjek tersebut membelakangi undang-undang menggambarkan penyerahan anak tersebut kepada keluarga angkat dibuat dengan penuh kerahsiaan dan tergesa-gesa demi menutup maruah mereka daripada pengetahuan keluarga dan masyarakat tentang perbuatan terkutuk tersebut.

Selain itu, penyelidik mendapati tiada peruntukan undang-undang yang mewajibkan mana-mana pihak yang mengambil anak luar nikah sebagai anak angkat perlu mendaftarkannya di JPN. Walau bagaimanapun, pendaftaran anak angkat di JPN sangat digalakkan kerana wujud pengiktirafan undang-undang yang menjamin kebajikan dan pengurusan serta perlindungan terhadap anak angkat dan ibu bapa angkat. Meskipun tindakan tidak mendaftarkan anak tersebut di JPN bukanlah suatu kesalahan di sisi undang-undang tetapi ketiadaan peruntukan tersebut boleh mengundang masalah kepada anak tersebut dan keluarga angkat pada masa akan datang.<sup>63</sup>

Contohnya, anak luar nikah yang dijadikan sebagai anak angkat kepada JKL didaftarkan dengan nama GHI Binti JKL dalam sijil kelahirannya. Tindakan JKL mem“binti”kan

---

<sup>63</sup>Anak angkat”, Jabatan Pendaftaran Negara, [portal rasmi], <http://www.jpn.gov.my/soalan-lazim/anak-angkat/#1458871827116-93eee0c6-a15f>. (Capaian pada 22 April, 2017).

GHI dengan namanya adalah bercanggah dengan fatwa. Menurut Majlis Fatwa Kebangsaan, seseorang anak zina atau anak luar nikah sama ada kedua ibu bapanya berkahwin ataupun tidak hendaklah di“bin” atau di“binti”kan dengan Abdullah<sup>64</sup> atau lain-lain nama *Asma Al-Husna* yang berpangkalkan dengan Abdul.<sup>65</sup> Al-Quran juga melarang nama anak angkat di“bin” atau di“binti”kan dengan nama bapa angkat.<sup>66</sup>

Dapatan ini disokong oleh Mohd Riddual Ahmad yang menyatakan setiap permohonan pendaftaran anak luar nikah, JPN tidak mengisi maklumat di bahagian nama bapa atau jika diisi, dicatatkan “maklumat tidak diperolehi” dan meletakkan “permohonan seksyen 13” di bawah sijil kelahiran anak tersebut. JPN terikat dengan kedua-dua fatwa tersebut.<sup>67</sup> Isu JPN menolak pendaftaran nama anak luar nikah di“bin”kan atas nama bapa biologi boleh dirujuk dalam kes *Jamuri Ishak dan Azira Aziz* yang telah dibincangkan dalam Bab 3 dan Bab 4.

Dapatan penyelidikan mengesahkan bahawa TSH di bawah JKM dan RPNH di bawah LKPI Negeri Kedah yang menjadi pusat penempatan remaja hamil luar nikah bertanggungjawab menguruskan pemeriksaan ibu mengandung sehingga bersalin di hospital. Institusi tersebut menyimpan segala rekod berkaitan anak luar nikah seperti kad

---

<sup>64</sup>Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Pertama, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/penamaan-anak-tak-sah-taraf-anak-luar-nikah> (Capaian pada 31 Mac, 2016).

<sup>65</sup>“Garis Panduan Anak Tak Sah Taraf : Penamaan, Pergaulan dan Hak-haknya”, 9.

<sup>66</sup>Al-Quran : *al-Ahzab*, 33 : 5. Petikan ayat yang bermaksud “Panggillah anak-anak angkat itu dengan ber’bin’kan kepada bapa-bapa mereka sendiri ; cara itulah yang lebih adil di sisi Allah. Dalam pada itu, jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, maka panggillah mereka sebagai saudara-saudara kamu yang seagama dan sebagai ‘maula-maula’ kamu. Dan kamu pula tak dikira berdosa dalam perkara yang kamu tersilap melakukannya tetapi (yang dikira berdosa itu ialah perbuatan) yang disengajakan oleh hati kamu melakukannya. Dan ingatlah Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani”.

<sup>67</sup>Mohd Riddual Ahmad, temu bual secara telefon oleh penyelidik, 23 Disember, 2015.

pranatal (kad merah), sijil kelahiran, mykid dan sebagainya. Kesemua maklumat kelahiran anak luar nikah tersebut akan diserahkan kepada keluarga angkat untuk memudahkan pendaftaran di JPN.

Namun begitu, ramai waris remaja hamil luar nikah menyerahkan anak luar nikah kepada keluarga angkat secara langsung tanpa melaporkan kepada JKM bahkan tidak memberikan sebarang dokumen kelahiran untuk memudahkan pendaftaran di JPN. Apabila anak tersebut meningkat usia tujuh (7) tahun, sijil kelahiran menjadi isu penting kepada keluarga angkat apabila mendaftarkan anak tersebut masuk ke sekolah.

Akibatnya, JKM dipersalahkan kerana gagal mendapatkan sijil kelahiran di JPN apabila permasalahan tersebut dipanjangkan kepada JKM. Akta 611 mewajibkan setiap keluarga pelihara atau keluarga angkat yang memelihara anak angkat hendaklah memaklumkan kepada JKM dalam tempoh seminggu daripada tarikh pemeliharaannya.<sup>68</sup> Kegagalan memaklumkan pemeliharaan anak tersebut kepada JKM merupakan suatu kesalahan yang boleh didenda tidak melebihi RM 10,000.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh Ribu sahaja) atau penjara tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya sekali.<sup>69</sup>

---

<sup>68</sup>Seksyen 35 (1), Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611).

<sup>69</sup>Ibid, Seksyen 35 (7).

#### 5.2.3.4 LZNK dan Baitulmal Negeri Kedah tidak mempunyai peruntukan khas kepada ibu dan anak luar nikah

Dapatan penyelidikan melaporkan bahawa Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada kerajaan menubuhkan institusi-institusi Islam berkaitan hal ehwal orang Islam.<sup>70</sup> Kerajaan Persekutuan mempunyai bidang kuasa berkaitan pengurusan kewangan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.<sup>71</sup> Kerajaan Negeri pula mempunyai bidang kuasa menubuhkan badan-badan *khairat* antaranya termasuklah institusi zakat dan baitulmal.<sup>72</sup> Dalam konteks penyelidikan kes di Kedah, penyelidik mendapati baitulmal terletak di bawah bidang kuasa MAIK dan tertakluk di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah), 2008 (Enakmen 5).<sup>73</sup>

Baitulmal tidak mendapat peruntukan tahunan daripada Kerajaan Negeri Kedah sebaliknya bergantung kepada hasil sewa bangunan dan rumah kedai, tanah bendang, jualan balik tanah, hasil jualan minyak di Petronas, Pokok Sena, harta tercicir (*luqatah*), pelaburan *mudharabah* dan lain-lain sumber seperti wang faedah bank yang tidak patuh syariah, hutang yang tidak dituntut dan sebagainya.<sup>74</sup> Hasil perolehan tersebut digunakan oleh baitulmal untuk menyalurkan bantuan kepada pesakit *kronik*, penyelenggaraan jenazah orang Islam yang tidak berwaris, bantuan kepada institusi agama seperti masjid,

---

<sup>70</sup>Perkara 12 (2), Perlembagaan Persekutuan.

<sup>71</sup>Fasal 7, Jadual Kesembilan, Senarai Pertama (Senarai Persekutuan), Perlembagaan Persekutuan.

<sup>72</sup>Fasal 1, Jadual Kesembilan, Senarai Kedua (Senarai Negeri), Perlembagaan Persekutuan.

<sup>73</sup>Seksyen 47, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah), 2008 yang memperuntukkan “ (1) Suatu kumpulan wang yang bernama *Baitulmal* adalah dengan ini ditubuhkan ; (2) *Baitulmal* hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau tak alih, yang menurut Hukum Syarak atau di bawah Enakmen ini atau peraturan atau kaedah yang dibuat di bawahnya, terakru atau diseumbangkan oleh mana-mana orang, kepada *Baitulmal* ; (3) Semua wang dan harta dalam *Baitulmal* hendaklah terletak hak pada Majlis yang hendaklah mentadbirkan semua wang dan harta itu mengikut peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini”.

<sup>74</sup>Surat rasmi daripada Baitulmal Negeri Kedah kepada penyelidik, 18 Julai, 2017.

surau, persatuan, sekolah agama dan lain-lain untuk menganjurkan aktiviti dakwah, pengajian ke luar negara, Hari Raya Aidil Fitri, sara hidup dan pertubuhan sukarela.<sup>75</sup>

Data di bawah ini adalah statistik rasmi yang dikeluarkan oleh Baitulmal Negeri Kedah berkaitan sumber-sumber hasil sepanjang tahun 2012-2016 seperti yang dilaporkan dalam surat rasmi Baitulmal iaitu ;

*Rajah 5.1* : Hasil Baitulmal (2012 – 2016)

Bil	Tahun	Pendapatan	Perbelanjaan
1	2012	RM 3,648,964.00	RM 1,480,643.00
2	2013	RM 3,091,708.00	RM 1,662,363.00
3	2014	RM 2,449,379.00	RM 1,436,497.00
4	2015	RM 3,077,980.00	RM1,314,828.00
5	2016	RM 2,628,722.00	RM 1,250,368.00

Sumber : Baitulmal Negeri Kedah

Begitu juga dengan institusi zakat di Kedah, asalnya ditadbir sebagai sebuah jabatan yang tertakluk kepada Enakmen Zakat Negeri Kedah, 1955. Mulai 2015, Jabatan Zakat Negeri Kedah telah diperbadankan menjadi LZNK berdasarkan Enakmen Lembaga Zakat (Kedah), 2015.<sup>76</sup> Sumber pendapatan LZNK bergantung sepenuhnya kepada zakat padi, ternakan, pendapatan, perniagaan, wang simpanan, saham, KWSP, emas, perak, galian, fitrah dan *qadha* zakat.<sup>77</sup> Di bawah ini menunjukkan statistik rasmi yang dikeluarkan oleh LZNK berkaitan kutipan zakat sepanjang tahun 2012-2016 dalam portal rasmi LZNK iaitu ;

<sup>75</sup>Ibid.

<sup>76</sup>“Sejarah Penubuhan Zakat Kedah”, [portal rasmi], <https://www.zakatkedah.com.my/index.php/profil-lzmk/>. (Capaian pada 05 Jun 2017).

<sup>77</sup>“Statistik kutipan”, [portal rasmi], <https://www.zakatkedah.com.my/index.php/statistik-kutipan/>. (Capaian pada 05 Jun 2017).

Rajah 5.2 : Kutipan Zakat (2012 – 2016)

Bil	Tahun	Pendapatan	Perbelanjaan
1	2012	RM 100,560,654.00	RM 086,516,515.00
2	2013	RM 116,656,079.00	RM 090,543,734.00
3	2014	RM 127,593,807.00	RM 102,796,615.00
4	2015	RM 133,859,550.00	RM 133,125,077.00
5	2016	RM 140,448,128.00	RM 144,831,478.00

Sumber : Lembaga Zakat Negeri Kedah

Hasil zakat tersebut diagihkan kepada lapan (8) *asnaf* yang berhak menerimanya mengikut hukum Syarak. Selain itu, bantuan juga diberikan kepada pembiayaan sara hidup, perubatan, perumahan, perniagaan/jaya diri, musibah alam, pembangunan ummah dan pendidikan.<sup>78</sup> Dalam laporannya, didapati sumbangan untuk kategori pembangunan ummah masih belum disalurkan oleh LZNK kepada mana-mana pihak yang difikirkan layak termasuklah sumbangan kepada anak luar nikah dan ibu kandungnya.

Dapatan penyelidikan menunjukkan LZNK dan baitulmal tidak memperuntukkan bantuan kewangan kepada anak luar nikah dan ibu kandungnya. Perolehan yang terhad dan kekangan sumber kewangan menyebabkan baitulmal tidak mampu membuat peruntukan khas sebagai sumbangan tetap kepada ibu dan anak luar nikah. Berbeza pula dengan LZNK yang berjaya mengutip zakat dengan peningkatan pada setiap tahun juga tidak membuat peruntukan khas untuk anak luar nikah dan ibu kandungnya yang tidak mempunyai sumber pendapatan.

<sup>78</sup>“Senarai bantuan”, [portal rasmi], <https://www.zakatkedah.com.my/index.php/senarai-bantuan/#1479712295382-b7997415-c228>. (Capaian pada 05 Jun 2017).

Selain itu, isu kelahiran anak luar nikah tidak menjadi perkara besar dan bukan agenda utama bagi pentadbiran LZNK dan baitulmal untuk menjadikan mereka sebagai *asnaf* yang dimasukkira dalam menerima bantuan. Ketiadaan ibu anak luar nikah yang memohon bantuan di pejabat tidak boleh dianggap sebagai kes terpencil atau tiada kes. Sebenarnya, ramai remaja hamil luar nikah dan keluarganya tidak tahu fungsi LZNK dan baitulmal bahkan tidak pernah berurusan di pejabatnya untuk mendapatkan bantuan. LZNK dan baitulmal sepatutnya mengadakan siri penerangan melalui perjumpaan dan dialog bersama masyarakat serta khutbah jumaat agar masyarakat awam sedar, faham dan sensitif terhadap fungsi LZNK dan baitulmal yang boleh menyalurkan bantuan kepada anak luar nikah dan ibu kandungnya.

Pengurusan LZNK dan baitulmal seharusnya menyedari bahawa gejala remaja hamil luar nikah dan kadar kelahiran anak luar nikah semakin bertambah pada setiap tahun. Mereka merupakan kelompok masyarakat yang teraniaya dan *trauma* dengan musibah yang tak terduga. Nasib mereka sama seperti golongan fakir, miskin dan lain-lain yang memerlukan bantuan kewangan untuk meneruskan kehidupan. Penyelidikan Abdul Moner Yaacob menyatakan baitulmal merupakan khazanah (perbendaharaan) negara yang perlu dibelanjakan untuk kebajikan rakyat dan pembangunan negara.<sup>79</sup> Bantuan kewangan kepada anak luar nikah dan ibu kandungnya yang terdiri daripada golongan *mustad'afin* perlu diberi keutamaan berbanding sumbangan kewangan untuk membiayai program-program jabatan atau program kebajikan yang bersifat jangka pendek.

---

<sup>79</sup>Abdul Monir Yaacob, "Ke Arah Penubuhan Baitulmal Kebangsaan Di Malaysia : Isu-isu Berkaitan Perundangan", 117.



Dapatan ini selari dengan pandangan Abdul Moner Yaacob yang menyatakan fungsi baitulmal hari ini telah lari daripada konsep sebenar kewujudan baitulmal di zaman pemerintahan Islam disebabkan sekatan-sekatan pentadbiran yang menghadkan fungsi dan bidang kuasanya.<sup>80</sup> Penyelidikan Sanep Ahmad pula menyatakan kutipan dan pengagihan zakat masih berada pada tahap *konservatif* dan tidak *produktif*. Agihan zakat lebih banyak memenuhi keperluan perbelanjaan sara hidup *asnaf* sedia ada sehingga timbul tanggapan bahawa zakat dianggap tidak *signifikan* fungsinya dalam membela nasib umat Islam. Taraf kemiskinan kekal wujud meskipun jumlah kutipan zakat bertambah malahan terdapat lebih selepas pengagihan kepada *asnaf* tersebut.<sup>81</sup>

Dapatan penyelidikan mendapati Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah), 2008 (Enakmen 7) tidak mempunyai peruntukan untuk memerintahkan LZNK dan baitulmal menyara nafkah anak luar nikah. Sebaliknya, peruntukan yang ada hanya menyebut kewajiban ibu kandung menyara nafkah anak luar nikahnya. Sekiranya ada peruntukan tersebut, Mahkamah Syariah boleh menyelesaikan sebahagian daripada tanggungjawab LZNK dan baitulmal dalam menyalurkan bantuan jika mahkamah mendapati ibu kandung tidak mampu menafkahi anaknya.

Dapatan penyelidikan ini bertepatan dengan penyelidikan Nora Abdul Hak yang menjelaskan bahawa setakat ini Mahkamah Syariah di Malaysia tiada bidang kuasa untuk memerintahkan baitulmal menyara nafkah anak luar nikah seperti yang digariskan oleh hukum Syarak. Sebagai jalan penyelesaiannya, pindaan undang-undang diperlukan

---

<sup>80</sup>Ibid, 122.

<sup>81</sup>Sanep Ahmad, "Agihan Zakat Merentasi Asnaf : Ke Arah Memperkasa Institusi Zakat", Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM IV), (Kuantan, Pahang, 2-4 Jun 2009) , 68.

untuk membolehkan Mahkamah Syariah diberi kuasa tersebut sekiranya didapati ibu atau waris ibu tidak mampu menyara nafkah anak luar nikah.<sup>82</sup> Dengan adanya peruntukan tersebut, LZNK dan baitulmal dapat meluaskan peranannya dengan lebih berkesan dan memasukkan peruntukan khusus untuk nafkah anak luar nikah dalam belanjawan tahunan masing-masing.

## **5.2.4 Cadangan**

### **5.2.4.1 Pindaan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 (Enakmen 7)**

a) Seksyen 81 (1) memperuntukkan ;

“Jika seseorang perempuan cuai atau enggan menanggung nafkah seseorang anaknya yang tak sahtaraf yang tidak berupaya menanggung nafkah dirinya, melainkan seorang anak yang dilahirkan akibat rogol, Mahkamah boleh, apabila hal itu dibuktikan dengan sewajarnya, memerintahkan perempuan itu memberi apa-apa elaun bulanan yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah”

Oleh itu, penyelidik mencadangkan rangkai kata di bawah dibuang daripada peruntukan tersebut iaitu ;

“melainkan seorang anak yang dilahirkan akibat rogol”

Rasional pindaan tersebut dicadangkan disebabkan rangkai kata di atas bercanggah dengan definisi anak tak sah taraf yang terkandung di para 5.2.2.1 (b) di atas.

---

<sup>82</sup>Nora Abdul Hak, “Jaminan Nafkah Kanak-Kanak”, 276.

Selanjutnya, penyelidik mencadangkan Seksyen 81 (1) dipinda kepada ;

“Jika mana-mana orang yang mempunyai hak penjagaan anak tak sahtaraf cuai atau enggan menanggung nafkah seseorang anaknya yang tak sah taraf yang tidak berupaya menanggung nafkah dirinya, Mahkamah boleh, apabila hal itu dibuktikan dengan sewajarnya, memerintahkan mana-mana orang yang mempunyai hak penjagaan anak tak sah taraf memberi apa-apa nafkah bulanan yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah”

Rasional pindaan tersebut dicadangkan disebabkan rangkai kata “mana-mana orang yang mempunyai hak penjagaan anak tak sah taraf” adalah menepati definisi penjagaan anak tak sah taraf yang terkandung di para 5.2.2.1 (c) di atas. Selain itu, penyelidik juga mendapati perkataan “elaun” perlu digantikan dengan nafkah kerana perkataan nafkah telah pun disebut dalam rangkai kata “enggan menanggung nafkah” seperti yang terkandung dalam peruntukan asal di para 5.2.4.1 (a) di atas.

b) Seksyen 81 (2) pula memperuntukkan ;

“Elaun bulanan di bawah sekyen ini hendaklah kena dibayar dari tarikh bermulanya kecuai atau keengganan menanggung nafkah itu atau dari sesuatu tarikh yang kemudian mengikut sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah ini”

Oleh itu, penyelidik mencadangkan peruntukan di atas dipinda kepada ;

“Nafkah bulanan di bawah sekyen ini hendaklah kena dibayar dari tarikh bermulanya kecuai atau keengganan menanggung nafkah itu

atau dari sesuatu tarikh yang kemudian mengikut sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah ini”

Rasional pindaan tersebut dicadangkan kerana perkataan “nafkah” dalam Seksyen 81 (2) adalah selari dengan Seksyen 81 (1) yang dicadangkan di atas. Lagipun, elaun bermaksud bayaran tetap oleh sesebuah organisasi kepada seseorang kerana melakukan sesuatu tugas.<sup>83</sup> Perkataan nafkah pula bermaksud wang (makanan dan lain-lain) yang diperlukan untuk hidup ; sara hidup ; rezeki ; memberi nafkah, menyara hidup seseorang ; mengeluarkan (wang dan lain-lain) untuk makanan sehari-hari, membelanjakan wang.<sup>84</sup> Penyelidik mendapati nafkah lebih sesuai dikaitkan saraan anak tak sah taraf berbanding elaun yang dikaitkan dengan bayaran tertentu kepada semua jenis pekerjaan seseorang.

#### **5.2.4.2 Penyusunan semula bab-bab dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 (Enakmen 7)**

Bab-bab dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 (Enakmen 7) perlu disusun semula di bawah tajuk khusus berkaitan anak tak sah taraf. Contoh cadangan pindaan adalah seperti berikut :

##### **Bahagian VIII – ANAK TAK SAH TARAF**

1. Kesahtarafan anak
  - a. Siapakah yang dikaitkan sebagai bapa
  - b. Kelahiran lebih empat tahun selepas pembubaran perkahwinan
  - c. Kelahiran selepas pengakuan bahawa ‘iddah telah tamat

---

<sup>83</sup>Kamus Dewan, 384.

<sup>84</sup>Ibid, 1064.

- d. Persetubuhan syubhah
- e. Perkahwinan fasid (tambahan)
- f. Syarat-syarat bagi pengakuan yang sah
- g. Anggapan dari pengakuan boleh dipatahkan
- h. Pengakuan oleh perempuan yang sedang dalam ‘iddah
- i. Mengakui seorang lain sebagai ibu atau bapa
- j. Pengakuan lain daripada sebagai anak,ibu atau bapa
- k. Pengakuan tidak boleh dibatalkan

## 2. Nafkah

- a. Kewajiban menanggung nafkah anak tak sah taraf
- b. Perintah nafkah kepada keluarga angkat, institusi zakat, baitulmal atau perintah tahan pendapatan tenaga (tambahan)
- c. Kuasa mahkamah memerintahkan nafkah
- d. Kuasa mahkamah memerintahkan cagaran nafkah
- e. Kuasa mahkamah mengubah perintah nafkah
- f. Kuasa mahkamah mengubah perjanjian nafkah
- g. Menuntut tunggakan nafkah
- h. Lamanya tempoh perintah nafkah

## 3. Hadanah atau penjagaan

- a. Orang yang berhak menjaga anak tak sah taraf
- b. Kelayakan-kelayakan yang perlu untuk penjagaan
- c. Bagaimana hak penjagaan hilang
- d. Kuasa mahkamah memerintahkan penjagaan
- e. Penjagaan di institusi kebajikan (tambahan)

- f. Kuasa mahkamah mengubah perintah penjagaan
- g. Perintah tertakluk kepada syarat-syarat
- h. Kuasa ke atas harta tak alih dan harta alih
- i. Pelantikan penjaga oleh mahkamah
- j. Pelantikan penjaga harta dan perubahan kuasa oleh mahkamah
- k. Pemecatan penjaga atau penjaga harta
- l. Had kuasa penjaga harta
- m. Perintah larangan oleh mahkamah

#### **5.2.4.3 Pindaan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian, 1957 (Akta 299)**

Seksyen 13A (2) memperuntukkan ;

“Nama keluarga, jika ada, yang hendaklah dicatatkan berkenaan dengan anak tak sah taraf boleh jika ibunya adalah pemberitahu dan secara sukarela memberi maklumat itu, menjadikan nama ibunya sebagai nama keluarganya; dengan syarat bahawa jika orang yang mengaku dirinya menjadi bapa kanak-kanak itu mengikut peruntukan seksyen 13 meminta sedemikian, maka nama keluarga bolehlah diletak atas nama keluarga orang itu”

Oleh itu, penyelidik mencadangkan peruntukan di atas dipinda kepada ;

“Nama keluarga, jika ada, yang hendaklah dicatatkan berkenaan dengan anak tak sah taraf boleh jika ibunya adalah pemberitahu dan secara sukarela memberi maklumat itu, menjadikan nama ibunya sebagai nama keluarganya; dengan syarat bahawa jika orang yang mengaku dirinya menjadi bapa kanak-kanak itu mengikut peruntukan seksyen 13 meminta sedemikian, maka nama keluarga bolehlah diletak

atas nama keluarga orang itu tetapi tidak mengikat anak tak sah taraf orang Islam”

Rasional pindaan tersebut dicadangkan disebabkan penamaan anak tak sah taraf orang Islam adalah terikat dengan fatwa yang diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) dalam persidangan kali ke-57 pada 10 Jun 2003 yang telah diwartakan oleh Jawatankuasa Fatwa di setiap negeri di Malaysia. Contohnya, fatwa berkaitan anak tak sah taraf yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah adalah mengikat semua orang Islam dalam Negeri Kedah<sup>85</sup> untuk mematuhiya dan Mahkamah Syariah Negeri Kedah boleh menerima fatwa tersebut sebagai sumber hukum dalam kes berkenaan.<sup>86</sup> Begitu juga, fatwa berkaitan anak tak sah taraf yang melibatkan kepentingan nasional adalah mengikat semua orang Islam di negeri Kedah untuk mematuhiya jika diwartakan setelah diperkenankan oleh KDYMM Tuanku Sultan.<sup>87</sup> Majlis

---

<sup>85</sup>Seksyen 22 (1), Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah), 2008 yang memperuntukkan “ Apa-apa fatwa yang disiarkan dalam Warta hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang berada di Negeri Kedah Darul Aman sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajiban di sisi Agama Islam untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu, melainkan jika dia dibenarkan oleh Hukum Syarak untuk tidak mengikat fatwa itu dalam perkara-perkara amalan, kepercayaan atau pendapat”.

<sup>86</sup>Seksyen 22 (2), Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah), 2008 yang memperuntukkan “Sesuatu fatwa bolehlah diterima oleh semua Mahkamah Syariah di dalam Negeri Kedah Darul Aman sebagai autoriti tentang semua perkara yang dinyatakan dalamnya”.

<sup>87</sup>Seksyen 24 (1), (2), (3) dan (4), Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah), 2008 yang memperuntukkan (1) “Walau apapun kuasa Jawatankuasa Fatwa di bawah seksyen 19, apabila Jawatankuasa Fatwa mendapati bahawa suatu fatwa yang dicadangkan dibuat adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan nasional, Jawatankuasa Fatwa hendaklah menanggukkan perbincangannya tentang fatwa yang dicadangkan itu dan Mufti hendaklah menyembah maklum perkara itu kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan”, (2) “Walau apapun peruntukan subseksyen (1), suatu fatwa adalah dianggap berkaitan dengan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan nasional jika persoalan itu ada hubungan dengan apa-apa perkara, dasar, program atau aktiviti yang secara langsung menyentuh kepentingan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau mana-mana jabatan atau agensinya”, (3) “Jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan memberikan perkenannya di bawah subseksyen (1), Mufti hendaklah, sebelum fatwa itu dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa, memaklumkan kepada Kerajaan Negeri Kedah Darul

Fatwa Kebangsaan hanyalah satu badan diskusi bagi menentukan sesuatu fatwa yang melibatkan kepentingan negara. Walau bagaimanapun, fatwa yang diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan tidak mengikat negeri-negeri termasuk Wilayah Persekutuan dari segi undang-undang melainkan negeri berkenaan menerima pakai fatwa itu dan mewartakannya.<sup>88</sup>

#### **5.2.4.4 Penguatkuasaan terhadap kad pranatal (kad merah) untuk sijil kelahiran dan kad pengenalan serta surat akuan berkanun ibu kandung untuk proses pengangkatan**

- a) Hospital yang menguruskan kelahiran anak luar nikah yang mana ibunya tidak mempunyai kad pranatal (kad merah) dicadangkan mengeluarkan borang daftar kelahiran untuk dibuat sijil kelahiran anak tersebut di JPN. Melalui borang tersebut, JPN boleh mengeluarkan sijil kelahiran anak tersebut berdasarkan laporan perubatan hospital dan dirujuk kepada JKM untuk menentukan hak penjagaan ke atas anak tersebut. Jika ibu ingin memeliharanya, hak penjagaan anak tersebut diserahkan kepada ibu. Jika ibu tidak berminat memeliharanya, JKM akan menyerahkan anak tersebut kepada keluarga angkat yang berminat atau ditempatkan di institusi kebajikan seperti RKK, RBL atau RTH.
  
- b) JPN dicadangkan mewajibkan pihak-pihak yang mengambil anak angkat perlu mendaftarkannya terlebih dahulu sebelum dibuat proses pengangkatan antara

---

Aman tentang rujukan itu”.(4) “ Sesuatu fatwa yang disiarkan dalam Warta hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa fatwa itu dibuat di bawah seksyen ini”.

<sup>88</sup>Mohamed Azam Mohamed Adil, “Kewajiban patuh kepada fatwa”, (11/11/2014), <http://www.utusan.com.my/rencana/kewajiban-patuh-kepada-fatwa-1.23284>. (Capaian pada 22 Disember, 2017).



ibu dengan keluarga angkat. Dengan itu, JPN boleh mendapatkan maklumat ibu dan keluarga angkat serta “mengikat” ibu membuat surat akuan berkanun lebih awal untuk disimpan dalam rekod JPN. Surat akuan berkanun tersebut wajib disertakan dalam borang permohonan anak angkat di JPN. Ia memudahkan proses pengangkatan jika ibu gagal hadir ke JPN atau berpindah ke tempat lain, tidak dapat dikesan di mana berada dan sebagainya. Sekiranya tiada surat akuan berkanun, perintah mahkamah hendaklah diperoleh terlebih dahulu sebelum proses pengangkatan diluluskan oleh JPN. Proses kebenaran mahkamah mengambil masa yang lama dan ini menyukarkan keluarga angkat mendapatkan hak penjagaan anak tersebut.

#### **5.2.4.5 Pelbagaikan kategori bantuan terhadap ibu kandung dan anak luar nikah serta penguatkuasaan perintah mahkamah oleh LZNK dan Baitulmal**

- a) LZNK dan baitulmal dicadangkan menambahkan kategori bantuan iaitu sumbangan kepada ibu dan anak luar nikah. Penambahan kategori tersebut bertujuan memudahkan LZNK menyalurkan bantuan kewangan secara khusus dan bersifat tetap pada setiap bulan. Lagipun, kewujudan kategori tersebut dapat menyegerakan proses kelulusan dengan cepat jika terdapat permohonan bantuan daripada mereka. Oleh itu, tidak timbul tanggapan bahawa tiada permohonan daripada ibu, penjaga anak luar nikah atau keluarga angkat untuk mendapatkan bantuan daripada LZNK.
  
- b) LZNK juga dicadangkan mengaktifkan pemberian sumbangan untuk kategori pembangunan ummah yang sehingga kini masih belum disalurkan kepada

mana-mana pihak yang difikirkan layak termasuklah sumbangan kepada anak luar nikah dan ibu. Sumbangan dalam bentuk bantuan modal, bantuan mesin atau peralatan dan bahan mentah boleh memberi galakan kepada ibu memulakan perniagaan atau mengusahakan pertanian. Ia dapat membentuk mereka menjadi usahawan yang berjaya tanpa bergantung lagi kepada sumbangan tetap dari LZNK. Begitu juga, sumbangan biasiswa, dermasiswa atau bayaran yuran persekolahan kepada anak luar nikah dapat meringankan bebanan kewangan ibu, penjaga anak luar nikah atau keluarga angkat yang tidak berkemampuan untuk membiayai persekolahan anak tersebut.

- c) Jawatankuasa Teknikal melibatkan LZNK dan baitulmal hendaklah dibentuk untuk menentukan bidang kuasa dan kaedah bantuan terhadap ibu dan anak luar nikah dalam menguatkuasakan perintah mahkamah. Jawatankuasa tersebut perlulah bersidang dari semasa ke semasa dan mengemukakan laporan tahunan kepada LZNK dan MAIK untuk perhatian dan tindakan susulan.
- d) Jawatankuasa Teknikal tersebut juga boleh bersama-sama “turun padang” bertemu masyarakat dengan mengadakan program bersiri iaitu penerangan dan dialog tentang tanggungjawab sosial masyarakat membantu menyalurkan maklumat ibu dan anak luar nikah yang ada di tempat mereka. Melalui program “turun padang” tersebut, LZNK dan baitulmal dapat mengesan lokasi tempat tinggal ibu dan anak luar nikah serta dapat membuat bancian segera sama ada mereka layak ataupun tidak untuk menerima bantuan tersebut. Selain itu, kempen melalui khutbah jumaat juga dapat memberikan kefahaman kepada

masyarakat tentang tanggungjawab sosial masyarakat dan menyedarkan mereka tentang fungsi LZNK dan baitulmal antara lain mempunyai peruntukan khusus bantuan kepada ibu dan anak luar nikah.

## **5.2.5 Pendidikan**

### **5.2.5.1 Tiada ilmu pengetahuan tentang pendidikan anak luar nikah**

Islam sangat menitikberatkan ilmu pengetahuan kepada umatnya. Seseorang ibu bapa adalah bertanggungjawab memberi pengajaran dan pendidikan yang sempurna kepada anak-anak mereka sejak lahir sehinggalah dewasa setelah menempuh usia *mumaiyyiz* dan menjadi seorang *mukallaf*. Begitu juga, seseorang ibu anak luar nikah mestilah mempunyai ilmu yang mampu mendidik anak tersebut dan menyempurnakan hak-hak yang berkaitan dengan pendidikan dengan penuh amanah mengikut lunas-lunas Islam.

Dapatan penyelidikan melaporkan terdapat ibu yang sanggup menjaga anak luar nikah dan enggan menyerahkan sama sekali kepada mana-mana pihak. Kesanggupan untuk menjaga anak tersebut sahaja belum menjamin anak tersebut terdidik dengan akhlak yang mulia sebaliknya mereka perlu memperlengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan. Ilmu-ilmu keagamaan seperti kelas pengajian Al-Quran dan tajwid, solat berjemaah, akhlak dan adab, bimbingan kerohanian dan kaunseling yang diperoleh ketika mendiami RPNH, TSP atau TSH boleh dijadikan panduan.

Ibu perlu menyedari kelahiran anak tersebut berpunca daripada sikap mereka sendiri yang mengabaikan pendidikan agama dan akhlak pada usia remaja. Jika mereka mempunyai kefahaman agama yang kuat sudah tentulah mereka tidak terlibat dengan

gejala seks bebas. Sebagai pengajaran, ibu perlu mengasuh dan mendidik anak tersebut dengan pendidikan agama agar menjadi anak yang *soleh* dan tidak mewarisi sifat mereka yang rosak akhlak. Dapatan ini bertepatan dengan penyelidikan Abdullah Nasih ‘Ulwan yang menyatakan kejayaan seseorang ibu bapa sebagai pendidik dalam menunaikan kewajiban tersebut boleh diukur jika mereka telah berupaya membentuk anaknya menjadi insan mulia dan ahli keluarga yang soleh berdasarkan nilai-nilai Islam.<sup>89</sup>

Ibu yang berjiwa pendidik dan bersedia memberi pendidikan yang sempurna merupakan syarat penting untuk menjadi penjaga anak luar nikah. Islam meletakkan syarat ini sebagai teras utama penjagaan anak luar nikah kerana ia dapat memastikan kehidupan anak tersebut sentiasa terpelihara dan terkawal daripada pengaruh liar yang boleh merosakkan akhlak anak tersebut. Ini disebabkan tumbesaran anak luar nikah hendaklah didedahkan dengan pendidikan asas berteraskan agama secara tidak formal yang bermula dari rumah yang wujud dalam persekitaran yang sihat.

Pendidikan tidak formal inilah yang menjadi tonggak keluhuran budi pekerti dan akhlak mulia di kalangan anak luar nikah ketika mereka membesar sehingga dewasa kelak. Oleh itu, undang-undang meletakkan syarat untuk menjaga anak luar nikah mestilah seorang Islam, sempurna akal, mampu memberi kasih sayang, berakhlak mulia dengan nilai-nilai Islam dan tinggal di rumah yang terjamin keselamatan anak tersebut daripada perkara-perkara yang boleh mempengaruhi akhlak yang buruk.<sup>90</sup>

---

<sup>89</sup>Abdullah Nasih ‘Ulwan, *Tarbiyyah al-Aulad Fi al-Islam*, 111.

<sup>90</sup>Seksyen 82, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 83, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Seksyen 83, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam

Dapatan penyelidikan menjelaskan bahawa terdapat ibu yang tidak sanggup memelihara anak luar nikah lalu menyerahkannya kepada keluarga angkat. Keluarga angkat pula tidak wajar menerima anak tersebut hanya semata-mata atas dasar kasih sayang ketika masih bayi lagi sebaliknya hendaklah memikul amanah dengan memberi pendidikan formal dan tidak formal. Kewajiban tersebut tidak boleh diabaikan sama sekali meskipun mereka berstatus anak angkat yang berbeza dengan anak kandung sendiri. Perasaan pilih kasih dan membeza-bezakan antara satu sama lain boleh mengeruhkan perhubungan silaturrahim apabila anak tersebut dewasa kelak.

Dapatan ini bersesuaian dengan peruntukan undang-undang yang memberi kuasa kepada mahkamah memerintahkan penjaga anak luar nikah melaksanakan tanggungjawab memberikan pendidikan kepada anak tersebut.<sup>91</sup> Peruntukan ini selari dengan Perlembagaan Persekutuan yang menjamin hak setiap kanak-kanak termasuk anak luar nikah di sisi undang-undang berhak mendapat pendidikan dan bantuan kewangan daripada mana-mana pihak dan menolak sebarang bentuk diskriminasi ke atas mereka.<sup>92</sup>

Bagi anak-anak luar nikah yang ditempatkan di RKK, RBL atau RTH, JKM juga menyediakan segala kemudahan kepada mereka untuk belajar di sekolah bantuan kerajaan. Ini disebabkan JKM mendapat peruntukan tahunan daripada KPWK. Selain pendidikan formal, kesemua institusi tersebut turut menyediakan program pendidikan

---

(Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 83, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 83, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008.

<sup>91</sup>Seksyen 87 (1), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 88 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Seksyen 88 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 88 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 88 (1), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008.

<sup>92</sup>Perkara 12 (1)(a) dan (b), Perlembagaan Persekutuan.

tidak formal agar mereka terdedah dengan ilmu-ilmu kemasyarakatan dan pembangunan insan yang berkonsepkan nilai-nilai Islam. Apabila meningkat dewasa, mereka mampu merubah diri menjadi baik dan tidak mengulangi kesilapan ibunya. Dapatan ini bertepatan dengan laporan JKM yang membahagikan tiga (3) aspek pendidikan iaitu akademik, agama Islam dan moral serta kemahiran vokasional.

Antara program bersifat akademik, seperti kelas akademik, seminar bijak belajar dan motivasi pelajar dan kelas-kelas tuisyen. Bagi program agama Islam dan moral pula, seperti kelas asas Fardhu Ain, kem transformasi jati diri dan minda, kunjungan kasih dan naziran, *smart* solat dan sambutan hari-hari kebesaran Islam dan aktiviti kerohanian. Bagi program kemahiran vokasional pula, seperti latihan kemahiran di institusi, penubuhan pusat bertauliah/pusat bertauliah SLDN, jaringan kerjasama dengan GIATMARA, Institut Latihan Perindustrian, Kolej-kolej Komuniti dan pusat-pusat bertauliah swasta.

Selain itu, terdapat juga program pengintegrasian kanak-kanak dengan kerjasama pelbagai NGO, badan berkanun seperti Bank Rakyat dan Bank Simpanan Nasional, agensi kerajaan dan sektor korporat seperti KFC Holding Sdn Bhd, Nestle Produk Sdn Bhd, Great Eastern Life, Dutch Lady dan Colgate Palmolive melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) melibatkan pelbagai aktiviti kanak-kanak bersama masyarakat.<sup>93</sup>

---

<sup>93</sup>“Pembangunan”, [portal rasmi], <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=dVJ0NIVTeGM2aIF4MFVoZ3JRYXovQT09>. (Capaian pada 09 Jun 2017).

### **5.2.5.2 Tiada penguatkuasaan undang-undang mewajibkan anak luar nikah bersekolah**

Stigma yang meruntun jiwa remaja hamil luar nikah ialah timbul perasaan berbelah bahagi di hati mereka sama ada mahu mendaftarkan nama anak luar nikah di JPN ataupun tidak. Jika didaftarkan, akan terbongkar rahsia status kelahiran anak tersebut dan akan menghadapi tindakan undang-undang atas kesalahan persetubuhan luar nikah atau rogol. Keengganan tersebut mungkin disebabkan wujud perasaan malu dan hina akibat anak tersebut tiada bapa untuk dicatatkan nama dalam borang pendaftaran sijil kelahiran. Jika tidak didaftarkan, anak tersebut tiada sijil kelahiran dan hilang haknya sebagai warganegara untuk mendapat keistimewaan tertentu.

Penyelidikan Noor Aziah Mohd Awal menjelaskan anak luar nikah yang tiada sijil kelahiran sukar untuk bersekolah dan hilang kelayakan untuk menikmati keistimewaan persekolahan seperti buku teks, biasiswa atau bantuan pendidikan daripada jabatan zakat atau baitulmal, rawatan kesihatan di klinik atau hospital kerajaan dan sebagainya.<sup>94</sup> Dengan adanya sijil kelahiran membolehkan anak luar nikah diterima masuk belajar sama seperti kanak-kanak yang lain dan berhak menikmati keistimewaan, kebajikan dan faedah kewangan seperti biasiswa, dermasiswa, bantuan zakat dan sebagainya. Tiada unsur diskriminasi terhadap anak tersebut bahkan mendapat layanan sama rata dengan kanak-kanak yang lain. Penyelidikan Noor Aziah Mohd Awal juga menjelaskan seseorang kanak-kanak termasuk anak luar nikah berhak mendapat pendidikan dan bantuan kewangan seperti kanak-kanak yang lain tanpa membezakan agama, bangsa dan

---

<sup>94</sup>Noor Aziah Mohd Awal, "Ke Arah Memantapkan Hak Kanak-Kanak Di Malaysia",14.

latar belakang kanak-kanak tersebut.<sup>95</sup> Dapatan ini juga selari dengan Perlembagaan Persekutuan yang mengiktiraf hak tersebut.<sup>96</sup>

Ibu anak luar nikah terdorong untuk bersikap lepas tangan dan cuai mendaftarkan anak tersebut ke sekolah jika menjadikan alasan tiada sijil kelahiran sebagai masalah besar. Mereka tidak wajar merahsiakan status anak tersebut biarpun dengan alasan untuk menjaga kepentingan anak tersebut kerana tindakan tersebut jelas merugikan masa depan mereka. Mereka sepatutnya mengadu permasalahan tersebut kepada pihak sekolah untuk diambil tindakan. Pihak sekolah pula boleh berurusan dengan JPN untuk langkah penyelesaiannya. JKM juga boleh menyerahkan tanggungjawab tersebut kepada JPN atau KPM untuk tindakan susulan. Ini disebabkan Pengarah JPN menjadi anggota Pasukan Pelindung Kanak-Kanak di bawah JKM di mana pelbagai isu pendidikan kanak-kanak termasuk anak luar nikah boleh diputuskan bersama.<sup>97</sup>

Akta Pendidikan (Pindaan) 2002 (Akta A1152) mewajibkan setiap ibu bapa atau penjaga mendaftarkan anak-anak mereka termasuk anak luar nikah masuk ke sekolah dalam darjah satu (1) apabila genap usia enam (6) tahun. Pindaan ini bertujuan untuk memastikan semua kanak-kanak dapat belajar dan tidak tercicir. Sekiranya gagal bertindak demikian, mereka boleh dihadapkan ke mahkamah dan sabit kesalahan tersebut boleh didenda tidak melebihi RM 5,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ribu sahaja) atau dipenjarakan tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya sekali.<sup>98</sup>

---

<sup>95</sup>Ibid, 20.

<sup>96</sup>Perkara 12 (1) (a) dan (b), Perlembagaan Persekutuan.

<sup>97</sup>Seksyen 7, Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611).

<sup>98</sup>Seksyen 29A (4), Akta Pendidikan (Pindaan) 2002 (Akta A1152).



Pindaan akta tersebut bukan untuk menghukum ibu bapa atau penjaga tersebut tetapi lebih mementingkan keperluan anak-anak untuk belajar. Setakat ini, belum ada tindakan mahkamah terhadap ibu bapa atau penjaga yang gagal menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Dapatan ini bertepatan dengan kenyataan KPM yang mengakui bahawa tindakan mahkamah mengambil masa yang panjang kerana terikat dengan *prosedur* perundangan. KPM mengambil pendekatan dengan memberi nasihat dan bimbingan kepada ibu bapa atau penjaga agar menghantar anak-anak mereka ketika usia enam (6) tahun di sekolah rendah lagi.<sup>99</sup>

### **5.2.5.3 Tiada peruntukan denda kepada bapa biologi**

Dapatan penyelidikan melaporkan selain tidak menghadapi masalah tindakan undang-undang atas kesalahan persetubuhan luar nikah, bapa biologi juga terlepas daripada tanggungjawab menanggung kos pendidikan anak tersebut belajar di sekolah. Sebenarnya maklumat bapa biologi boleh didapati dengan pantas secara *online* melalui media maya seperti *facebook*, *whatsapp*, *instagram*, *twitter* dan sebagainya. Berdasarkan maklumat tersebut, mana-mana pihak yang mempunyai kaitan dengan bapa biologi boleh membuat laporan polis untuk tindakan undang-undang. Berbekalkan laporan polis, bapa biologi boleh dihadapkan ke mahkamah atas kesalahan yang dilakukannya dan dikenakan hukuman yang setimpal.

Selepas ditangkap, bapa biologi boleh dihadapkan ke Mahkamah Sivil yang mempunyai peruntukan tentang penganiayaan, pengabaian, pembuangan atau pendedahan kanak-

---

<sup>99</sup>“Pendidikan wajib - Tiada ibu bapa diheret ke Mahkamah”, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=1007&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe\\_01.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=1007&pub=Utusan_Malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe_01.htm). (Capaian pada 24 Disember, 2015).

kanak di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) tetapi tidak boleh ke Mahkamah Syariah kerana tiada peruntukan undang-undang berkaitan kesalahan bapa biologi gagal memberi nafkah atau cuai mendaftarkan anak tersebut masuk ke sekolah sama ada di bawah Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 (Enakmen 7) ataupun Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah) 2014 (Enakmen 18). Oleh itu, perlu suatu peruntukan undang-undang yang boleh mensabitkan kesalahan bapa biologi tersebut sekurang-kurangnya mengandungi peruntukan denda ganti rugi am dan khas<sup>100</sup> atau ganti rugi teladan<sup>101</sup> sebagai pampasan atas kesalahan bapa biologi tersebut.

Pandangan penyelidik ini bersesuaian dengan penyelidikan Siti Shamsiah Md Supi yang mencadangkan pembayaran *diyat*<sup>102</sup> bagi kesalahan membunuh dalam hukuman *qisas* boleh digunakan sebagai kaedah bayaran pampasan tersebut.<sup>103</sup> Cadangan tersebut juga boleh dikenakan kepada ibu, waris ibu atau keluarga angkat yang menjadi penjaga anak tersebut yang mengabaikan tanggungjawab memberi pendidikan kepada anak tersebut.

---

<sup>100</sup>Ganti rugi am ialah ganti rugi seperti apa yang dianggap sebagai akibat dari tindakan defendan termasuklah ganti rugi kesakitan, ketidakselesaan dan umumnya ia tidak perlu dituntut secara khusus ; Gantirugi khas ialah ia tidak boleh dianggarkan contohnya, kehilangan pendapatan, perbelanjaan perubatan, kesemua ini mesti dituntut secara khusus dan hendaklah dibuktikan. Lihat Kamus Undang-undang, (Petaling Jaya : International Law Book Services, 2008), 159.

<sup>101</sup>Ganti rugi teladan boleh memainkan peranan yang berguna di dalam mengesahkan kekuatan undang-undang dan dengan yang demikian membolehkan satu justifikasi yang praktikal bagi menerima masuk ke dalam undang-undang sivil satu kaedah yang biasanya secara logik terdapat dalam undang-undang jenayah. Lihat Kamus Undang-undang, 74.

<sup>102</sup>Sejumlah harta atau suatu hukuman yang berbentuk harta yang dikenakan sebagai gantirugi ke atas pembunuh atau orang yang melakukan penganiayaan dengan tidak sengaja atau dengan sengaja tetapi wali atau keluarga pihak mangsa telah memaafkan pembunuh yang berkenaan daripada dikenakan hukuman bunuh. Pembayaran ini merupakan ganti rugi atau denda ke atas penjenayah. *Diyat* adalah hukuman utama dalam kes pembunuhan yang dilakukan secara sengaja atau tidak sengaja. *Diyat* juga merupakan pengganti hukuman *qisas* dalam jenayah pembunuhan atau jenayah yang menyebabkan kecederaan yang dilakukan secara sengaja, apabila *qisas* digugurkan atau tidak dapat dilaksanakan. Lihat Haji Dusuki Haji Ahmad, *Kamus Pengetahuan Islam*, 210.

<sup>103</sup>Siti Shamsiah Md Supi, "Anak Tidak Syarie : Di Mana Kedudukannya?", (04/05/2007), <http://www.ikim.gov.my/index.php/en/utusan-malaysia/7499-anak-tidak-syari-di-mana-kedudukannya>. (Capaian pada 29 April, 2016).

#### **5.2.5.4 Kemiskinan keluarga tidak menjamin anak luar nikah bersekolah**

Dapatan penyelidikan melaporkan bahawa remaja hamil luar nikah terdiri daripada kalangan mereka yang masih di bangku sekolah. Perasaan malu terhadap guru-guru dan rakan sebaya terkesan akibat mengandung luar nikah pada usia remaja menyebabkan mereka enggan belajar semula meskipun pihak sekolah masih memberi peluang untuk bersekolah lagi.

Selepas melahirkan anak luar nikah, mereka sukar diterima bekerja di mana-mana sektor yang boleh memberikan gaji bulanan secara tetap disebabkan tidak memiliki sijil akademik meskipun usia masih muda. Mereka terpaksa melakukan apa sahaja pekerjaan demi mendapatkan wang untuk menyara anak tersebut. Contohnya, subjek 4 dalam penyelidikan kes di Kubang Pasu terpaksa mengambil upah menjual nasi lemak semata-mata mendapatkan wang untuk membiayai keperluan anak tersebut. Lagipun, ibu bapanya menolak kehadiran anak tersebut tanpa melalui perkahwinan yang sah dan membiarkan subjek 4 menanggung akibatnya.

Rata-rata remaja hamil luar nikah terdiri daripada kalangan keluarga miskin. Punca pendapatan keluarga yang terhad menyebabkan remaja hamil luar nikah tidak berminat untuk belajar. Mereka terpaksa mengorbankan masa depannya untuk menikmati kehidupan yang baik dan selesa bersama anak tersebut akibat gagal bersekolah. Kegagalan untuk bersekolah tidak mustahil akan menular kepada pengabaian terhadap anak tersebut dalam menerima pendidikan formal di sekolah. Situasi ini berpunca daripada kemiskinan yang diwarisi daripada keluarga bahkan mereka sendiri tiada

pekerjaan yang tetap untuk menyara persekolahan anak tersebut. Tindakan sedemikian boleh menjejaskan hak anak tersebut untuk mendapat pendidikan.

Contohnya, dalam penyelidikan kes di daerah Kota Setar, subjek 1 disuruh menjaga adik-adiknya yang masih kecil dengan diberi sugu hati sebagai upah. Ibunya tidak mampu menyekolahkan lagi kerana pendapatan sebagai tukang cuci adalah kecil dan terpaksa mencari wang tambahan untuk menampung keperluan hidup. Bagi subjek 2 pula, terpaksa bergantung hidup kepada pendapatan ayahnya yang bekerja sebagai nelayan. Pendapatan nelayan yang tidak menentu menyebabkan subjek 2 buntu bagaimana untuk mendapatkan wang bagi menyara persekolahan anaknya nanti. Jika mahu melihat anak tersebut berjaya, subjek 2 terpaksa mencari pekerjaan biarpun dengan tawaran gaji yang tak seberapa asalkan matlamat untuk menyekolahkan anak tersebut tercapai. Sebaliknya, jika subjek 2 menggunakan alasan tiada wang atau tiada pekerjaan, hasrat untuk melihat anak tersebut berjaya dalam hidup pasti kecundang.

Dapatan penyelidikan menunjukkan ibu menghadapi masalah mendapatkan bantuan kewangan daripada LZNK atau baitulmal. Mereka tidak pernah berurusan dengan kedua-dua pejabat tersebut kerana malu atau mungkin tidak mengetahui lokasi dan fungsinya. Masalah ini berpunca daripada sikap mereka sendiri yang enggan berkunjung ke pejabat tersebut untuk mendapatkan maklumat tentang bantuan kewangan. Sekiranya ketiadaan sijil kelahiran anak tersebut menjadi isu dalam menerima bantuan, terdapat budi bicara dan *prerogatif* pegawai bertanggungjawab untuk mempertimbangkannya. Dapatan ini selari dengan misi LZNK untuk menguruskan kutipan dan agihan zakat dengan amanah, cekap, adil dan berkesan melalui perkhidmatan dan kemudahan yang

terbaik kepada pembayar dan *asnaf* zakat, bekerjasama dengan pelbagai pihak, pembangunan modal insan yang cekap dan dinamik, aplikasi teknologi terkini dan kajian penambahbaikan pada setiap masa.<sup>104</sup>

## **5.2.6 Cadangan**

### **5.2.6.1 Penubuhan pusat latihan pengurusan anak luar nikah**

- a) JKM dicadangkan menubuhkan pusat latihan pengurusan penjagaan anak luar nikah di setiap negeri. Pusat latihan tersebut membuka ruang penyertaan kepada semua remaja hamil luar nikah sama ada yang telah menjadi penghuni di TSH ataupun tidak dan termasuklah penjaga sama ada di kalangan ahli keluarga sendiri ataupun keluarga angkat yang memelihara anak luar nikah. Pusat latihan tersebut juga hendaklah menyediakan kursus jangka pendek yang mengandungi modul kursus berbentuk *parenting skill* sebagai persediaan mereka untuk menjadi penjaga anak tersebut. Modul kursus tersebut perlulah selari dengan panduan Al-Quran dan Al-Sunnah yang berteraskan konsep Aqidah, Syariah dan Akhlak. Melalui kursus tersebut, mereka dapat mengetahui tanggungjawab dan panduan mendidik anak menurut perspektif Islam dan memahami bahawa anak tersebut adalah amanah Allah SWT dalam kehidupan yang perlu dipelihara dengan sebaik-baiknya.
  
- b) Sekiranya KPWKM tiada peruntukan kewangan untuk menubuhkan pusat latihan tersebut, JKM boleh memanfaatkan TSH sedia ada untuk melaksanakan

---

<sup>104</sup>“Visi dan misi LZNK”, [portal rasmi], <https://www.zakatkedah.com.my/index.php/visi-misi/>. (Capaian pada 10 Jun 2017).

kursus tersebut. Kursus jangka pendek tersebut sangat penting untuk memperlengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan yang diperoleh melalui proses pendidikan kerana pendidikan mempunyai kuasa untuk mengubah minda, pandangan dan cara hidup seseorang serta sebagai medium dalam membangunkan ketamadunan manusia. Selaras dengan kepentingannya, maka ia perlu dijadikan satu agenda penting yang perlu dilaksanakan mengikut landasan yang sewajarnya.

#### **5.2.6.2 Tindakan dan Penguatkuasaan Akta Pendidikan (Pindaan) 2002 (Akta A1152)**

- a) KPM hendaklah menguatkuasakan JPCM di peringkat sekolah, PPD, JPN dan KPM yang telah diwujudkan selepas pindaan Akta Pendidikan (Pindaan) 2002 (Akta A1152). Ketiadaan sijil kelahiran anak luar nikah bukan alasan bagi ibu atau penjaga enggan mendaftarkan anak tersebut masuk ke sekolah. KPM telah mendapat kerjasama daripada JPN dalam menangani isu ketiadaan sijil kelahiran di kalangan kanak-kanak termasuk anak luar nikah agar mereka diterima masuk ke sekolah. Meskipun tiada sijil kelahiran, KPM memberi kelonggaran kepada ibu bapa atau penjaga mendaftarkan anak tersebut masuk ke sekolah dengan syarat ibu bapa atau penjaga perlu mengisi dua (2) jenis borang yang disediakan oleh Unit Perhubungan dan Pendaftaran, JPN dan perlu mendapat pengesahan daripada ketua kampung di kediaman masing-masing.<sup>105</sup>

---

<sup>105</sup>Norizan Abdul Muhid, “Menangani kes murid tanpa dokumen”, (04/02/2013), [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Pendidikan/20130204/pe\\_01/Menangani-kes-murid-tanpa-dokumen](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Pendidikan/20130204/pe_01/Menangani-kes-murid-tanpa-dokumen). (Capaian pada 03 Julai, 2017).

- b) Berdasarkan laporan JPMC, sekiranya ibu bapa atau penjaga masih gagal mendaftarkan anak tersebut masuk ke sekolah bukan kerana ketiadaan sijil kelahiran, KPM hendaklah menguatkuasakan peruntukan undang-undang melalui tindakan mahkamah terhadap mereka. Harapan KPM untuk mencapai sasaran sifar murid cicir tetap gagal jika pendekatan secara tolak ansur dan memberi peluang masih diteruskan. Cadangan ini berasaskan laporan akhbar yang menyatakan Negeri Kedah merupakan antara negeri yang mempunyai kes tinggi membabitkan keciciran pelajar masuk ke sekolah dengan 1.5 hingga 2.5 peratus dikesan daripada keseluruhan kira-kira 170,000 pelajar.<sup>106</sup>

### **5.2.6.3 Penambahan peruntukan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 (Enakmen 7)**

Dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 (Enakmen 7), Bahagian IX mengandungi tajuk Penalti. Oleh itu, penyelidik mencadangkan suatu peruntukan baharu ditambah di bawah tajuk Penalti iaitu “pampasan akibat kecuaiannya nafkah anak tak sah taraf” seperti berikut ;

“Jika mana-mana orang yang mempunyai hak penjagaan anak tak sah taraf telah diperintahkan oleh mahkamah supaya menanggung nafkah seseorang anaknya yang tak sah taraf yang tidak berupaya menanggung nafkah dirinya dan dia sengaja cuai atau tidak mematuhi perintah itu maka dia adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya”

---

<sup>106</sup>Suzailina Halid, “Kerajaan Negeri perlu bantu atasi isu pelajar keciciran sekolah”, (23/05/2017), <http://www.bharian.com.my/node/285660>. (Capaian pada 03 Julai 2017).

Rasional penambahan peruntukan tersebut dicadangkan ialah jika kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana pihak yang berlawanan dengan hukum Syarak atau enakmen tersebut atau gagal mematuhi perintah mahkamah boleh dihukum dengan suatu jumlah yang diperuntukkan di bawah Penalti tersebut. Oleh itu, ibu, waris ibu atau keluarga angkat yang cuai dan mengabaikan perintah nafkah anak luar nikah boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Begitu juga, cadangan peruntukan tersebut turut dikenakan kepada bapa biologi yang *dinasabkan* kepada anak luar nikah melalui perintah mahkamah agar membayar pampasan seperti berikut ;

“Jika mana-mana lelaki yang dinasabkan kepada anak tak sah taraf melalui perintah mahkamah yang mempunyai hak penjagaan anak tak sah taraf telah diperintahkan oleh mahkamah supaya menanggung nafkah seseorang anaknya yang tak sah taraf yang tidak berupaya menanggung nafkah dirinya dan dia sengaja cuai atau tidak mematuhi perintah itu maka dia adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya”

Rasional penambahan peruntukan tersebut dicadangkan ialah jika bapa biologi yang berjaya diambil tindakan undang-undang, mereka perlu bertanggungjawab menyara nafkah anak luar nikah yang *dinasabkan* kepada mereka. Peruntukan ini adalah suatu denda kepada mereka agar tidak bersikap “lepas tangan” selain sebagai suatu pengajaran supaya tidak lagi mengulangi perbuatan terkutuk yang boleh merosakkan zuriat keturunan yang diiktiraf oleh hukum Syarak.



Penyelidik mengekalkan penggunaan anak tak sah taraf dalam cadangan ini kerana ia merupakan istilah yang telah diperuntukkan dalam Seksyen 2, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 (Enakmen 7) dalam bahagian tafsiran. Walau bagaimanapun, penyelidik menggunakan istilah anak luar nikah bagi memenuhi maksud penyelidikan ini.

#### **5.2.6.4 Tabung Kemiskinan Murid di peringkat KPM perlu diaktifkan**

Ibu atau penjaga anak luar nikah hendaklah melaporkan isu kemiskinan mereka kepada pihak sekolah jika menjadi penghalang untuk mendaftarkan anak tersebut masuk ke sekolah. Pihak sekolah boleh memanjangkan laporan ke peringkat PPD, JPN dan KPM untuk tindakan menyalurkan bantuan kewangan. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 14/2002 : Pelaksanaan Pendidikan Wajib Di Peringkat Rendah 2003 yang mengarahkan pihak sekolah mengenal pasti murid-murid yang dikategorikan miskin layak memohon Tabung Kemiskinan Murid di bawah KPM sebagai langkah menangani keciciran murid masuk ke sekolah.

#### **5.2.7 Emosi dan Perasaan**

##### **5.2.7.1 Tiada hukuman setimpal atas kesalahan penderaan, pembuangan dan pembunuhan anak luar nikah**

Dapatan penyelidikan mendapati tiada laporan menunjukkan anak luar nikah didera. Walau bagaimanapun, penderaan terhadap anak luar nikah sering kali berlaku di mana-mana sahaja. Maklumat tentang penderaan anak luar nikah kerap kali didedahkan di akhbar-akhbar, majalah-majalah, internet dan ditularkan melalui *facebook*, *twitter*,

*whatsapp, instagram* dan sebagainya. Penderaan boleh berlaku dalam tiga (3) keadaan iaitu penderaan fizikal, mental dan seksual sama ada dilakukan oleh ibu, waris ibu ataupun penjaganya.<sup>107</sup> Penyelidikan Raihanah Hj Abdullah menyokong penyelidikan Jal Zabidi Mohd Yusoff dengan menambah bahawa penderaan fizikal, emosi dan seksual ke atas kanak-kanak termasuk anak luar nikah dilakukan oleh ahli keluarga sendiri sehingga mengakibatkan kematian.<sup>108</sup>

Terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada penderaan, pembuangan dan pembunuhan terhadap anak luar nikah. Penyelidikan Ann Wan Seng dan Khadijah Alavi menyatakan faktor tersebut bermula dengan masalah peribadi ibu bapa atau penjaga yang terlibat dengan gejala tidak sihat, krisis dalam rumahtangga akibat kesempitan wang, perbalahan suami isteri dan campur tangan ahli keluarga, tekanan perasaan akibat beban tugas di pejabat dan sebagainya.<sup>109</sup> Bagi Raihanah Hj Abdullah pula, sesetengah ibu bapa atau penjaga sanggup mendera anak tersebut hanya disebabkan lahir dalam keadaan cacat anggota, berlainan jantina seperti yang diharapkan, anak yang dilahirkan di luar nikah dan sebagainya.<sup>110</sup> Penyelidikan Mustapha Man meletakkan kekurangan pendidikan agama di kalangan ibu bapa atau penjaga menyebabkan mereka bertindak di luar batas perikemanusiaan terhadap anak luar nikah.<sup>111</sup>

---

<sup>107</sup>Jal Zabidi Mohd Yusoff, *Jenayah Penderaan Kanak-Kanak*, (Kuala Lumpur : Penerbit UM, 2010), 17-18.

<sup>108</sup>Raihanah Hj Abdullah, "Penganiayaan Kanak-Kanak : Masalah dan Penyelesaiannya Di Malaysia", 129.

<sup>109</sup>Ann Wan Seng dan Khadijah Alavi, *Penderaan Kanak-Kanak di Malaysia*, (Shah Alam : Fajar Bakti, 1997), 107.

<sup>110</sup>Raihanah Hj Abdullah, "Penganiayaan Kanak-Kanak : Masalah dan Penyelesaiannya di Malaysia", 132.

<sup>111</sup>Mustapha Man, "Masyarakat Melayu : Masalah Penderaan dalam Rumahtangga dan Penyelesaiannya", *Masyarakat Melayu dan Gejala Sosial*, (Kuala Lumpur : INMIND, 1996), 294.

Bagi menangani isu penderaan, pembuangan dan pembunuhan anak luar nikah, terdapat peruntukan undang-undang yang telah digubal untuk mencegahnya daripada terus berleluasa. Contohnya, Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 (Akta A1511) memperuntukkan kesalahan penderaan kanak-kanak termasuk anak luar nikah boleh didenda tidak melebihi RM 50,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Ribu sahaja), penjara tidak melebihi sepuluh (10) tahun atau kedua-duanya sekali.<sup>112</sup> Begitu juga, terdapat peruntukan dikenakan bon kepada pesalah agar berkelakuan baik dan jika gagal memenuhi syarat-syarat bon, warisnya boleh didenda tidak melebihi RM 20,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Puluh Ribu sahaja), penjara tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya sekali atau perintah khidmat masyarakat tidak melebihi enam (6) bulan.<sup>113</sup>

Kanun Keseksaan (Akta 574) pula memperuntukkan hukuman yang berbeza-beza mengikut tahap kecederaan fizikal sama ada cedera biasa atau cedera parah, kanak-kanak ataupun orang dewasa dan dilakukan dalam rumahtangga atau di tempat lain. Bagi kecederaan biasa, boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM 2,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ribu sahaja) atau penjara tidak melebihi satu (1) tahun.<sup>114</sup> Jika kecederaan parah, boleh dipenjarakan tidak melebihi tujuh (7) tahun.<sup>115</sup> Jika sampai ke tahap cubaan membunuh, boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi dua puluh (20) tahun.<sup>116</sup> Bagi kes bunuh, boleh dikenakan hukuman gantung sampai mati.<sup>117</sup>

---

<sup>112</sup>Seksyen 31 (1), Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 (Akta A1511).

<sup>113</sup>Ibid, Seksyen 31 (3) dan (3A).

<sup>114</sup>Seksyen 323, Kanun Keseksaan (Akta 574).

<sup>115</sup>Ibid, Seksyen 325.

<sup>116</sup>Ibid, Seksyen 307.

<sup>117</sup>Ibid, Seksyen 302.

Walau bagaimanapun, hukuman-hukuman tersebut tidak terdapat dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah) 2014 (Enakmen 21). Pemansuhan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Kedah) 1988 menggantikan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah) 2014 (Enakmen 21) tidak memasukkan kesalahan penderaan, pembuangan dan pembunuhan kanak-kanak termasuk anak luar nikah kecuali penambahan kesalahan perbuatan sumbang *mahram*<sup>118</sup>, persetubuhan luar nikah<sup>119</sup> dan perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah.<sup>120</sup>

Jika demikianlah hukumannya, mengapakah masih berlaku penderaan terhadap kanak-kanak dan juga anak luar nikah? Adakah undang-undang tersebut belum cukup untuk membanteras kesalahan tersebut? Masalah inilah menjadi persoalan penyelidikan dan menjadi isu yang berlegar dalam fikiran masyarakat hari ini yang menyedari bahawa nilai-nilai perikemanusiaan telah hilang daripada sanubari manusia terhadap insan kerdil yang tidak berdosa. Masyarakat telah “menghukum” sejak awal-awal lagi bahawa undang-undang sedia ada gagal menghalang tragedi penderaan anak luar nikah sehingga membawa kepada pembunuhan yang cukup menyayat hati.

---

<sup>118</sup>Seksyen 20, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan), 1997 ; Seksyen 22, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor), 1995 ; Seksyen 62, Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan), 2004 ; Seksyen 24, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (*Takzir*) (Terengganu), 2001 dan Seksyen 18, Enakmen Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah), 2014.

<sup>119</sup>Seksyen 23 (1), Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan), 1997 ; Seksyen 25(1), Enakmen Jenayah Syariah (Selangor), 1995 ; Seksyen 60, Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan), 2004 ; Seksyen 36, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (*Takzir*) (Terengganu), 2001 dan Seksyen 21, Enakmen Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah), 2014.

<sup>120</sup>Seksyen 24, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan), 1997 ; Seksyen 26, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor), 1995 ; Seksyen 61, Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan), 2004 ; Seksyen 29, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (*Takzir*) (Terengganu), 2001 dan Seksyen 22, Enakmen Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah), 2014 yang memperuntukkan “Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah, walaupun perbuatan itu tidak sampai ke tahap suatu percubaan untuk melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 25, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu”.

Penyelidik berpandangan Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang mengandungi peruntukan khusus berkaitan penderaan, pembuangan dan pembunuhan kanak-kanak termasuk anak luar nikah dilihat sangat membantu untuk membanteras gejala perbuatan tersebut. Ternyata, peruntukan ini mampu memberikan perlindungan dan menjaga kebajikan mereka. Dengan adanya peruntukan tersebut, ibu, waris ibu atau penjaga anak-anak luar nikah akan merasa gerun sekaligus berupaya menghapuskan sikap suka mendera, menganiaya atau membunuh mereka.

Bagi Kanun Keseksaan (Akta 574), penyelidik mendapati Kabinet Malaysia telah memutuskan kes pembuangan bayi boleh disiasat sebagai kes bunuh mengikut Seksyen 302, dihukum gantung sampai mati atau kes percubaan membunuh mengikut Seksyen 307, dipenjarakan maksimum dua puluh (20) tahun bukan lagi di bawah Seksyen 31, Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 (Akta A1511) memandangkan kes-kes pembuangan bayi semakin meningkat di dalam negara dan patut dikenakan hukuman berat.<sup>121</sup>

Contohnya, polis telah menahan seorang gadis berusia 20-an berasal dari Sungai Petani, Kedah merupakan penuntut sebuah kolej di Bukit Kayu Hitam susulan penemuan mayat bayi lelaki baru lahir di dalam mangkuk tandas di kolej tersebut. Hasil bedah siasat didapati mayat bayi lelaki tersebut masih hidup ketika dilahirkan. Menurut Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kedah, Datuk Nashir Ya, pada mulanya kes disiasat di bawah

---

<sup>121</sup>Akbar Satar, "Kecelaruhan sosial punca kes buang bayi meningkat", (10 November 2015), <http://www.bharian.com.my/node/95805>. (Capaian pada 11 Jun 2017).

Seksyen 318, Kanun Keseksaan tetapi ditukar kepada Seksyen 302, Kanun Keseksaan atas kesalahan membunuh.<sup>122</sup>

Bagi Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah) 2014 (Enakmen 21), penyelidik berpandangan ketiadaan peruntukan berkaitan penderaan, pembuangan dan pembunuhan kanak-kanak termasuk anak luar nikah menggambarkan kelemahan yang ada pada undang-undang Islam tersebut. Ini menunjukkan akta-akta di bawah undang-undang sivil lebih baik dan maju ke hadapan berbanding enakmen kesalahan jenayah syariah itu sendiri. Kewujudan peruntukan kesalahan perbuatan sumbang *mahram* dan persetubuhan luar nikah dalam enakmen tersebut bertujuan untuk mencegah kesalahan-kesalahan tersebut yang kian berleluasa dalam keluarga. Demikian jugalah, perlunya peruntukan undang-undang untuk menghukum pesalah yang melakukan penderaan, pembuangan dan pembunuhan kanak-kanak termasuk anak luar nikah bertujuan untuk memberikan pengajaran kepada orang lain.

Contohnya, Kerajaan Negeri Kelantan telah meluluskan Kanun Jenayah Syariah II (Kelantan), 1993 untuk membolehkan pesalah syariah dikenakan hukuman *hudud* dan *qisas* bagi membendung kesalahan jenayah syariah di kalangan orang Islam. Hukuman tersebut terhalang dengan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) yang menghadkan bidang kuasa Mahkamah Syariah seluruh negeri di Malaysia yang hanya boleh memutuskan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau denda RM 5,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima

---

<sup>122</sup>Muhaamad Hafis Nawawi, “Kes buang bayi kini kes bunuh”, (04 April, 2017), <http://www.hmetro.com.my/node/218689>. (Capaian pada 11 Jun 2017).

Ribu sahaja) atau sebatan enam (6) kali atau apa-apa gabungan hukuman tersebut.<sup>123</sup> Namun begitu, ia boleh dilaksanakan jika Parlimen meluluskan RUU 355 yang telah dibentangkan pada 6 April 2017 yang memberi kebenaran kepada semua BPN meminda atau menggubal undang-undang baharu dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.

#### **5.2.7.2 Tiada perasaan hormat dan wujud pengabaian kasih sayang**

Dapatan penyelidikan melaporkan anak luar nikah tidak dihormati oleh ibu sendiri. Sejak mengandung dan ketika mendiami di RPNH, sudah wujud perasaan tidak hormat ke atas bayi yang dikandungnya meskipun ibunya belum lagi menatap wajah mereka. Ketiadaan rasa hormat tersebut terbukti apabila mereka bersedia menyerahkan anak tersebut kepada STU dan JKL yang berminat menjadikan anak mereka sebagai anak angkat meskipun belum lahir ke dunia. Mereka tidak sanggup memelihara anak tersebut biarpun hanya seketika. Anak luar nikah adalah anugerah Allah SWT kepada wanita yang mengandung akibat persetubuhan luar nikah bersama pasangannya. Kehadiran mereka ke dunia ini dalam keadaan suci bersih sama seperti kanak-kanak lain meskipun kelahirannya tidak disenangi oleh kedua-dua pihak. Anak tersebut tidak tahu kenapa dan bagaimana dilahirkan serta tidak tahu apa-apa sejourus selepas dilahirkan. Pandangan serong terhadap mereka hendaklah dihentikan segera sebaliknya kelahiran mereka perlu dihormati, disanjung dan diterima dengan penuh kesyukuran kepada Allah SWT.

Kelahiran anak luar nikah bukan setakat perlu dihormati bahkan perlu dimuliakan sebagai makhluk ciptaan Allah SWT. Ini disebabkan kelahiran manusia adalah dengan kehendak dan keizinan Allah SWT yang menjadikan setiap anak Adam sebagai hamba-

---

<sup>123</sup>Seksyen 2, Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355).

Nya, maka kejadian mereka tetap dimuliakan oleh Allah SWT.<sup>124</sup> Mereka perlu menyadari bahawa masih ramai pasangan yang berkahwin secara sah tetapi tidak dikurniakan zuriat. Mereka terpaksa menjalani rawatan di hospital bahkan sanggup menghabiskan wang yang banyak hanya semata-mata mahukan anak kandung sendiri. Begitu juga, Nabi Muhammad SAW sendiri menggalakkan perkahwinan dengan memilih bakal isteri yang terdiri daripada latar belakang keluarga yang ramai anak kerana baginda menyukai umatnya yang ramai.<sup>125</sup>

Selain itu, dapatan penyelidikan menunjukkan ibu anak luar nikah begitu mudah percaya kepada keluarga angkat tanpa menyelidik latar belakang keluarga bahkan tidak mengetahui sejauhmanakah penerimaan suami atau isteri dan anak-anak mereka yang lain terhadap anak tersebut. Sepatutnya kaji selidik tentang tahap kemahuan STU dan JKL serta penerimaan ahli keluarga mereka terhadap anak tersebut boleh dinyatakan dalam surat persetujuan antara kedua-dua belah pihak. Keperluan mengadakan surat persetujuan tersebut berdasarkan Seksyen 5 (1), Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257)<sup>126</sup> yang telah dibincangkan sebelum ini. Lagipun, kewujudan surat persetujuan tersebut mengikat pihak-pihak untuk mematuhiya demi mengelakkan kejadian penderaan, pembuangan dan pembunuhan berlaku ke atas anak tersebut.

---

<sup>124</sup>Al-Quran, *Al-Isra'*, 17 : 70 yang bermaksud “Dan sesungguhnya kami memuliakan anak-anak Adam, dan kami telah berikan mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut, dan kami telah berikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta kami lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang kami ciptakan”.

<sup>125</sup>Jam’u Jawami’ al-Ahadis wa al-Asanid wa Maknin al-Sihhah wa al-Sunan wa al-Masanid, *Sunan Nasaie*, Juz. 2, Kitab al-Nikah, (Kaherah : Jam’iah al-Maktabah al-Islami, 1421H/2000M), 526 yang bermaksud “Kahwinilah perempuan yang pengasih dan mampu melahirkan ramai anak kerana aku berbangga dengan umatku yang ramai pada hari kiamat”.

<sup>126</sup>Seksyen 5 (1), Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257).



Dapatan juga menunjukkan ibu telah mengabaikan kasih sayang terhadap anak luar nikah. Pengabaian kasih sayang dapat dikesan apabila subjek 1 dalam kajian kes di daerah Kota Setar dan subjek 3 di daerah Kubang Pasu tidak memelihara anak tersebut sebaliknya menyerahkan terus kepada keluarga angkat selepas bersalin. Subjek 1 dalam kajian kes di Kota Setar sempat memberi susu badannya kepada anak tersebut dalam tempoh sebulan ketika tinggal bersamanya sebelum diserahkan kepada STU manakala subjek 3 dalam kajian kes di daerah Kubang Pasu menyerahkannya kepada JKL sejurus selepas bersalin. STU dan JKL haruslah bertanggungjawab memelihara anak tersebut dengan penuh hormat dan kasih sayang dengan tiada perasaan pilih kasih berbanding anak-anak mereka yang lain dalam mendapatkan hak-hak tertentu seperti makan-minum, pakaian, tempat tinggal, rawatan kesihatan, pendidikan dan sebagainya.<sup>127</sup>

Pemupukan nilai-nilai murni dengan menumpahkan perasaan kasih sayang kepada mereka merupakan syarat utama bagi kedua-duanya sebagai penjaga anak tersebut. Oleh itu, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 (Enakmen 7) menetapkan antara syarat-syarat kelayakan sebagai penjaga kanak-kanak termasuk anak luar nikah ialah kedua-duanya perlu memiliki sifat penyayang dan mampu memberikan kasih sayang kepada anak tersebut.<sup>128</sup> Inilah hikmahnya apabila hukum Syarak dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008 (Enakmen 7) meletakkan kasih sayang sebagai syarat utama kepada penjaga anak luar nikah agar kasih sayang yang terputus

---

<sup>127</sup>Seksyen 87 (2), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 88 (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Seksyen 88 (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 88 (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 88 (2), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008..

<sup>128</sup>Seksyen 82 (c), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ; Seksyen 83 (c), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Seksyen 83 (c), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 ; Seksyen 83 (c), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 dan Seksyen 83 (c), Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008.

antara anak tersebut dengan ibu kandungnya kembali terjalin. Apabila dewasa kelak, anak tersebut tidak akan merasa hina, sedih dan tersisih dalam aktiviti bermasyarakat meskipun mereka sebenarnya adalah anak angkat kepada STU dan JKL.

Penyelidik berpandangan tiada lagi perasaan hormat dan mengabaikan kasih sayang terhadap anak tersebut kerana subjek 1 dan subjek 3 lebih mementingkan diri sendiri iaitu malu kerana melakukan persetubuhan luar nikah, mahu menjaga maruah keluarga, takut dikenakan tindakan undang-undang dan sebagainya. Berbeza dengan subjek 2 dan subjek 4 dalam kajian kes di daerah Kota Setar dan Kubang Pasu yang menghadapi situasi yang sama dengan subjek 1 dan subjek 3 tetapi mereka lebih mementingkan rasa hormat dan kasih sayang terhadap anak tersebut melebihi kepentingan diri sendiri. Mereka bukan datang daripada kalangan keluarga berada. Sebaliknya, mereka datang daripada keluarga yang miskin, tidak berpelajaran tinggi, tiada kerjaya, sanggup menanggung sendiri bebanan menjaga dan membesarkan anak tersebut tanpa bantuan kewangan daripada LZNK dan baitulmal hanya kerana mereka mempunyai rasa hormat dan kasih sayang kepada anak tersebut.

## **5.2.8 Cadangan**

### **5.2.8.1 Memperkasa dan memperluaskan bidang kuasa Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) dan Seksyen Syariah, Jabatan Peguam Negara**

- a) Parlimen Malaysia digesa agar meluluskan RUU 355) yang telah dibentangkan pada 6 April 2017 lalu. Melalui pindaan tersebut, semua BPN boleh meminda atau menambah mana-mana peruntukan sedia ada bahkan boleh menggubal

undang-undang baharu dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah untuk mengenakan hukuman yang lebih berat dan setimpal dengan jenayah penderaan kanak-kanak termasuk anak luar nikah sehingga menyebabkan kematian. Bagi Negeri Kelantan yang telah meluluskan Kanun Jenayah Syariah 2 (Kelantan) 1993, undang-undang tersebut boleh dipinda lagi untuk membolehkan pesalah syariah dikenakan hukuman *hudud* dan *qisas*. Namun begitu, hukuman tersebut terhalang dengan Seksyen 2, Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) yang menghadkan bidang kuasa Mahkamah Syariah di seluruh negeri yang hanya boleh memutuskan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau denda RM 5,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ribu sahaja) atau sebatan enam (6) kali atau apa-apa gabungan hukuman tersebut.

- b) Seksyen Syariah, Jabatan Peguam Negara dicadangkan merangka deraf peruntukan undang-undang berkaitan penderaan, pembuangan dan pembunuhan bayi yang boleh dibuat pindaan atau penambahan baharu akta dan enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri. Penyelidikan yang mendalam terhadap undang-undang syariah terutamanya daripada aspek penggubalan, pelaksanaan dan penguatkuasaan sama ada bercanggah ataupun tidak dengan undang-undang syariah di peringkat Persekutuan boleh diseragamkan di peringkat Negeri. Dengan itu, BPN boleh menerima pakai deraf peruntukan undang-undang tersebut untuk diimplementasikan di peringkat negeri masing-masing. Selain itu, penyelidikan juga boleh melibatkan peruntukan undang-undang Persekutuan agar selaras dengan undang-undang syariah. Sekiranya terdapat

percanggahan, maka cadangan-cadangan baharu boleh dikemukakan untuk meminda peruntukan tersebut bahkan boleh dimasukkan menjadi sebahagian daripada usul pindaan RUU 355 yang akan diluluskan di Parlimen nanti.

#### **5.2.8.2 Memupuk budaya kasih sayang dan belas kasihan**

Ibu dan keluarga angkat hendaklah memupuk sifat hormat-menghormati dan berkasih sayang dengan anak luar nikah. Kasih sayang merupakan suatu fitrah yang amat berharga dalam jiwa manusia. Kebolehan dalam mencurahkan kasih sayang merupakan asas dalam pembentukan keluarga yang bahagia. Dalam menjamin keharmonian dan pembentukan keluarga bahagia, Islam telah menggariskan tiga (3) ciri penting untuk dilaksanakan iaitu *Al-Sakinah*, *Al-Mawaddah* dan *Al-Rahmah*. *Al-Sakinah* bermaksud ketenangan, ketenteraman, kedamaian jiwa yang lahir dalam suasana kedamaian rumahtangga menerusi ketaatan perintah Allah SWT, saling menghormati dan saling toleransi antara satu sama lain. *Al-Mawaddah* pula bermaksud perasaan cinta dan kasih sayang antara ibu dan keluarga angkat dengan anak luar nikah yang melahirkan sifat kasih sayang, lindung-melindungi dan tolong-menolong. Sifat ini dapat mengeratkan lagi silaturahim dan kebahagiaan dalam rumahtangga. *Al-Rahmah* pula ditafsirkan sebagai perasaan belas kasihan, toleransi dan lemah-lembut yang lazimnya diikuti oleh ketinggian budi pekerti dan akhlak yang mulia. Tanpa kasih sayang dan perasaan belas kasihan, akan wujud penderaan dan tindakan negatif terhadap anak luar nikah yang boleh membawa kehancuran dalam rumahtangga. Oleh itu, hasrat untuk mewujudkan keluarga bahagia,

masyarakat penyayang dan sebuah negara yang aman tidak akan tercapai melainkan dengan membentuk individu yang berteraskan Islam terlebih dahulu.

## **5.2.9 Akhlak dan Perubahan Sikap**

### **5.2.9.1 Pengabaian perintah agama punca remaja terlibat seks bebas**

Dapatan penyelidikan melaporkan remaja hamil luar nikah terlibat dengan seks bebas, sumbang *mahram* atau rogol disebabkan mereka mengabaikan perintah agama. Lazimnya, ibu bapa memupuk keperibadian anak-anak mereka dengan ilmu-ilmu agama iaitu sembahyang dan mengaji Al-Quran sejak kecil lagi. Sembahyang merupakan rukun Islam dan perintah agama yang wajib ditunaikan bagi setiap individu muslim manakala mengaji Al-Quran menjadi rukun pengajian kanak-kanak yang diajar oleh ibu bapa bermula dari rumah sehingga ke kelas petang di masjid atau di rumah guru Al-Quran. Ketika usia kanak-kanak bermula peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat menengah, amalan sembahyang dan mengaji Al-Quran tidak menjadi masalah kepada mereka kerana pembelajaran secara formal di sekolah mewajibkan mereka mengikuti latihan amali solat dan kelas Kelas Agama dan Fardhu Ain (KAFA).

Penyelidikan Husin Junoh menjelaskan bahawa ibu bapa, guru-guru dan persekitaran yang baik memainkan peranan penting untuk membentuk remaja berakhlak mulia. Pendidikan agama dan pembentukan akhlak sejak kecil hingga dewasa secara *konsisten* mampu membina keperibadian yang mulia. Penyelidikannya merujuk hadis Rasulullah SAW yang menyuruh seseorang anak menunaikan sembahyang ketika usia tujuh (7)

tahun dan memukulnya dengan maksud mendidik ketika usia sepuluh (10) tahun jika mereka enggan menunaikan sembahyang.<sup>129</sup>

Apabila meningkat remaja, mereka mula mengabaikan sembahyang lebih-lebih lagi wujud sifat malas untuk mengerjakannya. Pengabaian sembahyang jelas diakui oleh subjek 1 dalam kajian kes di daerah Kota Setar dan subjek 4 dalam kajian kes di daerah Kubang Pasu. Sifat malas menunaikan sembahyang turut diakui oleh subjek 2 dalam kajian kes di daerah Kota Setar. Pengabaian sembahyang dapat dikesan setelah mereka bergaul bebas dengan teman lelaki sehingga mendorong mereka meninggalkan sembahyang dan melakukan persetubuhan luar nikah. Subjek 3 dalam kajian kes di daerah Kubang Pasu mengakui perbuatan terkutuk tersebut dilakukan oleh teman lelakinya dalam kereta ketika orang ramai menunaikan solat Jumaat di masjid. Namun begitu, kesemua subjek tersebut sudah sedar, insaf dan bertaubat atas kejadian yang menimpa mereka. Mereka kembali menunaikan sembahyang dan berdoa agar Allah SWT mengampuni kesilapan mereka.

Dapatan ini selari dalam Ensiklopedia Solat yang menyatakan masyarakat Islam terlalu cuai dalam urusan solat dan terlalu meremehkannya. Solat sering dilakukan pada saat akhir dan kadangkala meninggalkannya. Lebih parah lagi, apabila ada sebahagian masyarakat yang meninggalkan solat sepenuhnya seolah-olah ia tidak pernah diwajibkan sedangkan dalam masa yang sama, mereka masih menggelarkan diri sebagai muslim.<sup>130</sup>

---

<sup>129</sup>Husin Junoh, "Faktor Keruntuhan Akhlak Remaja Islam Luar Bandar di Daerah Kota Tinggi, Johor", Tesis PhD, Akademi Pengajian Islam, UM, Kuala Lumpur, (2011), 3.

<sup>130</sup>Rohidzir Rais et. al., *Ensiklopedia Solat*, Cet.1, (Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn. Bhd., 2011), 17.

Dapatan juga menunjukkan remaja bebas keluar bersama teman lelaki masing-masing tanpa sekatan dan pengetahuan keluarga. Kebebasan dalam pergaulan berpunca daripada sikap ibu bapa yang lebih mementingkan pekerjaan daripada memberikan perhatian kepada anak gadis mereka. Kesibukan dengan kerjaya menyebabkan ibu bapa tidak dapat memantau pergerakan dan pergaulan anak-anak gadis mereka dengan rakan bahkan tidak mengetahui latar belakang teman lelaki. Mereka beranggapan soal amalan agama sudah menjadi kewajipan peribadi anak-anak mereka apabila faktor usia sudah meningkat remaja. Tidak dinafikan bahawa ada ibu bapa yang memberikan perhatian terhadap anak gadis mereka terhadap amalan agama seperti menunaikan sembahyang berjamaah, mendengar kuliah/ceramah di masjid/surau dan membaca Al-Quran.

Namun begitu, remaja hamil luar nikah mengakui pernah bersembahyang tetapi sembahyang mereka tidak meninggalkan kesan yang mendalam di jiwa mereka. Amalan sembahyang dilakukan hanya sekadar sembahyang sahaja, sebaliknya mereka tidak memahami kepentingan dan kelebihan bersembahyang. Akibatnya, mereka tertewas dengan nafsu yang bergelora dalam jiwa selain gagal menepis pujuk rayu teman lelaki sehingga terikut-ikut melakukan perbuatan seks bebas meskipun sedar dan faham bahawa perbuatan tersebut dilarang oleh agama. Tatkala itu, baharulah mereka sedar bahawa nafsu serakah yang berjaya menguasai diri mereka gagal ditewaskan dengan amalan sembahyang yang dilakukan sebelum itu.

Penyelidikan Mohamad Faizal Mohammad dan Mohd Zaki Ishak mendapati remaja tidak memberikan penekanan terhadap nilai-nilai kehidupan beragama yang wajar diamalkan sebagai seorang muslim. Sembahyang yang merupakan perkara asas dalam

Islam tidak ditunaikan dengan sebaiknya oleh remaja dan termasuklah ibu bapa mereka. Jika dinilai daripada aspek *sahsiah*, secara relatifnya seseorang yang longgar pegangan agamanya mudah terjerumus ke lembah maksiat dan gejala seks bebas yang semakin membarah. Ini menunjukkan ketirisan nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan remaja menjadi punca berlaku masalah sosial.<sup>131</sup>

Dapatan juga membuktikan bahawa pergaulan bebas antara remaja lelaki dan wanita turut menimbulkan permasalahan sosial yang semakin parah. Mereka tidak berminat menjaga tatasusila dan adab sopan yang menjadi garis panduan agama dan sempadan adat masyarakat melayu muslim. Seawal usia belasan tahun, mereka mencari teman istimewa berbicara soal cinta dan menghabiskan masa dengan melayan emosi dan khayalan. Fitrah ingin tahu menyebabkan remaja lelaki dan wanita bergelumang dengan perasaan. Desakan ingin berkawan sepertimana orang lain berdua-duaan menjadikan mereka berani melanggar pantang larang yang menjadi perisai dan pelindung. Mereka hilang sifat malu dan segan bahkan mempamerkan pakaian yang mencolok mata di khalayak ramai. Seterusnya, mereka berani mencuba hubungan intim dengan pasangan dan berakhir dengan kelahiran anak luar nikah yang bertebaran di merata tempat.

Pandangan ini dikongsi bersama oleh Harlina Halizah Hj Siraj yang menyatakan kerenggangan hubungan kekeluargaan disebabkan ibu bapa gagal memenuhi keperluan dan emosi anak-anak remaja. Kesannya, remaja lelaki dan wanita terpaksa berkongsi masalah dan saling mencurahkan perasaan masing-masing untuk mendapatkan

---

<sup>131</sup>Mohamad Faizal Mohammad dan Mohd Zaki Ishak, "Gejala Hubungan Seks Dalam Kalangan Pelajar : Satu Kajian Kes", 6.



perhatian. Di samping itu, masyarakat tidak lagi menitikberatkan sifat malu yang menjadi pendinding kepada mereka. Tanpa sifat malu kepada Allah SWT dan sesama manusia, remaja mudah bertindak melulu dan mengikut hawa nafsu.<sup>132</sup>

Apabila tersedar daripada perbuatan terkutuk dan tidak mampu berbuat apa-apa, baharulah mereka insaf dan bertaubat di atas kesilapan lampau. Mereka memulakan hidup baharu dengan kembali menunaikan sembahyang, membaca Al-Quran, menghadiri kelas Fardhu Ain, bimbingan agama dan sebagainya. Kesedaran dan keinsafan tersebut berlaku setelah mereka tinggal di RPNH bersama rakan-rakan yang senasib dengan mereka yang mana mereka diwajibkan mengikut program-program tersebut sepanjang menjadi penghuni di RPNH.

Penyelidikan Phahrol Mohd Juoi menyatakan usaha memperbaiki akhlak adalah satu agenda besar yang sangat penting untuk difahami, dihayati dan dilaksanakan di semua peringkat masyarakat. Beliau memetik pesanan Imam Malik yang menyebut ;

“Pembaikan umat yang kemudian tidak akan dapat dicapai melainkan dengan kaedah pembaikan umat yang terdahulu, jika rendah akhlak menyebabkan umat musnah, maka tingginya akhlak akan menyebabkan ummah gagah”.<sup>133</sup>

Oleh itu, jelaslah bahawa sembahyang merupakan tiang agama yang dapat mencegah perbuatan keji dan *mungkar* dalam diri seseorang remaja. Pencegahan tersebut dapat

---

<sup>132</sup>Harlina Halizah Hj Siraj, “Pergaulan Antara Jantina : Malu Sebagai Benteng”, *Solusi*, Februari 2011, 15.

<sup>133</sup>Phahrol Mohd Juoi, “Akhlak Runtuh Tamadun Jatuh”, *Solusi*, Februari 2011, 20-23.

dibendung jika amalan sembahyang dilakukan dengan kefahaman yang jelas dan tidak berlaku pengabaian sama sekali.

#### **5.2.9.2 Sikap negatif keluarga dan masyarakat terhadap anak luar nikah**

Dapatan penyelidikan melaporkan keluarga ibu bersikap negatif terhadap anak luar nikah meskipun ia merupakan darah daging mereka sendiri. Mereka tidak dapat menerima ketentuan Allah SWT yang mentakdirkan anak gadis mereka hamil luar nikah. Mereka juga memandang jijik dan hina tentang status anak tersebut, tidak sanggup melihat wajah anak tersebut biarpun seketika, melarang ibu membawa anak tersebut balik ke rumah mereka dan sebagainya. Fakta ini berlaku kepada subjek 4 dalam kajian kes di daerah Kubang Pasu yang mana bapanya enggan membenarkan subjek 4 dan anak tersebut pulang ke pangkuan keluarga dan menolak kehadiran anak tersebut menjadi sebahagian daripada ahli keluarganya.

Dapatan ini bertepatan dengan kenyataan Datuk Seri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang mengaku bahawa terdapat ibu bapa yang tidak bersedia menerima anak remaja mereka yang mengandung anak luar nikah.<sup>134</sup> Begitu juga, saudara-mara bapanya yang lain kecuali subjek 7, bersikap lepas tangan membantu subjek 4 dan anak tersebut bahkan enggan mengambil tanggungjawab bersama untuk menghulurkan bantuan kewangan bagi meringankan bebanan subjek 4 meneruskan kehidupan.

---

<sup>134</sup>“Ada Ibu Bapa Tak Terima Anak Hamil Luar Nikah”, (31 Oktober, 2015), <http://www.sinarharian.com.my/nasional/ada-ibu-bapa-tak-terima-anak-hamil-luar-nikah-1.446391>. (Capaian pada 16 Julai, 2017).

Penyelidikan Siti Norlina Muhamad mendapati setiap individu berkewajiban membantu ahli keluarga terutamanya terhadap ibu bapa, suami isteri dan anak-anaknya. Mereka mestilah memastikan keperluan asasi keluarga dan curahan kasih sayang yang cukup terhadap anggota keluarga yang berada di bawah jagaannya. Ini merupakan amanah Allah SWT kepada setiap manusia dalam menjalani kehidupan seharian.<sup>135</sup>

Dapatan penyelidikan menjelaskan sikap keluarga dan remaja hamil luar nikah itu sendiri yang merahsiakan kejadian yang menimpanya kepada pengetahuan sanak saudara yang lain dan jiran tetangga. Subjek 1 dalam kajian kes di daerah Kota Setar mengesahkan hanya ibunya sahaja yang tahu hal dirinya telah melahirkan anak luar nikah manakala bapa tiri, abang dan adik-adiknya yang tinggal serumah tidak tahu-menahu kejadian tersebut. Begitu juga, subjek 2 dalam kajian kes di daerah yang sama mengakui dirinya enggan bertemu dengan jiran yang berkunjung ke rumah ibu bapanya. Subjek 2 kerap kali berada di dalam bilik bersama anak tersebut untuk mengelakkan jirannya tahu tentang dirinya yang telah melahirkan anak luar nikah. Sikap berahsia tersebut tidak dapat bertahan lama dan tidak menguntungkan dirinya dan keluarga. Apabila timbul masalah pada dirinya dan anak tersebut, keluarga terdekat dan jiranlah yang merupakan pihak pertama dirujuk untuk meminta pertolongan bukan lagi sanak saudara yang tinggal berjauhan. Lagipun, sikap berahsia juga mendorong jiran tetangga dan masyarakat mengambil sikap berkecuali dan tidak ambil peduli tentang apa yang berlaku kepada mereka.

---

<sup>135</sup>Siti Norlina Muhamad et. al., “Budaya Penyayang Dalam Kehidupan Masyarakat Islam: Antara Teori dan Praktis”, 11.

Dalam situasi begini, jiran tidak wajar dipersalahkan jika mereka mengambil pendirian “jangan jaga tepi kain orang”, tidak perlu masuk campur atau tidak mahu terlibat dengan kes-kes yang mengaitkan isu maruah dan aib keluarga terkesan dengan sikap berahsia tersebut. Sikap tersebut tidak membawa apa-apa makna dalam hidup berjiran seperti yang dianjurkan oleh Islam. Jika tanggapan demikian masih diteruskan, maka tidak wujud lagi sifat mengambil berat dan mengatasi masalah sesama umat Islam. Tindakan ini selari dengan hadis Rasulullah SAW yang tidak mengiktiraf seseorang itu beriman jika mereka tidak mengambil berat tentang jirannya.<sup>136</sup>

Dapatan penyelidikan menunjukkan bahawa remaja hamil luar nikah yang tinggal dengan keluarga sendiri bakal berhadapan dengan pelbagai cabaran. Sesetengah pihak di kalangan ahli keluarga lebih suka membiarkan masalah tersebut diselesaikan sendiri oleh remaja hamil luar nikah daripada mencampuri urusan peribadi mereka sepertimana yang berlaku kepada subjek 1 dalam kajian kes di daerah Kota Setar. Tidak dinafikan ada sesetengah ahli keluarga yang mengambil tanggungjawab memberi kesedaran kepada remaja hamil luar nikah seperti yang dilakukan oleh subjek 6 kepada subjek 3 dan subjek 7 kepada subjek 4 dalam kajian kes di daerah Kubang Pasu. Begitu juga, wujud kesedaran diri sendiri untuk berubah dengan mendekati diri kepada Allah SWT melalui amalan sembahyang *tahajud* dan berdoa seperti yang dilakukan oleh subjek 4.

---

<sup>136</sup>Al-Bukhari, Al-Imam Abi Abdullah Muhammad bin Ismail, *Sahih Bukhari*, Juz. 7, Kitab Al-Iman, Min al-Iman An Yuhibba Li Akhihi Ma Yuhibbu Li Nafsihi, Hadis No.13, (Beirut : Dar Ibnu Kabir, 1414H/1993M), 14. Petikan hadis yang bermaksud “Tidak beriman salah seorang di antara kamu hingga dia mencintai untuk saudaranya apa yang dia cintai untuk dirinya sendiri”.

Dapatan penyelidikan menjelaskan bahawa anak luar nikah menghadapi risiko pengabaian nafkah, kasih sayang, kebajikan, pendidikan dan sebagainya daripada keluarga ibunya. Inilah kelemahan yang mungkin berlaku kepada ibu kandung dan anak tersebut sekiranya tinggal bersama ahli keluarga yang tidak menjiwai perasaan dan tidak mempedulikan masalah yang menyelubungi hati mereka. Akhirnya, ibu hamil luar nikah dan anak tersebut akan membawa diri dan tinggal berjauhan dengan keluarga. Anak luar nikah pula akan menghadapi perubahan sikap jika tinggal di dalam persekitaran yang terdedah kepada masalah sosial yang tidak sihat. Akibat tekanan hidup dan pengaruh persekitaran menyebabkan mereka sanggup melakukan perkara-perkara negatif yang tidak terduga seperti terlibat dalam kancah pelacuran, mencuri dan sebagainya untuk memenuhi keperluan hidup yang perlu ditanggung sendiri tanpa sokongan ahli keluarga.

Dapatan ini bertepatan dengan penyelidikan Fariza Md. Sham et.al yang mendapati ibu bapa tidak mengambil berat dalam memupuk nilai-nilai yang benar dalam diri anak mereka sejak kecil lagi. Kekusutan jiwa dan keretakan hubungan sesama ahli keluarga menyebabkan seseorang membawa hal sendiri dan mudah terpengaruh dengan budaya negatif. Akibatnya, seseorang yang membesar dalam kekacauan boleh menumbuhkan akhlak yang tidak baik dalam diri remaja.<sup>137</sup> Oleh itu, jelaslah bahawa pandangan negatif keluarga dan masyarakat terhadap remaja hamil luar nikah dan anaknya meninggalkan kesan yang mendalam terhadap emosi dan perasaan mereka. Mereka tiada tempat bergantung untuk berkongsi masalah bahkan mengambil tindakan bersendirian jika berhadapan dengan pelbagai masalah yang menimpa.

---

<sup>137</sup>Fariza Md. Sham et.al, "Ciri-ciri Remaja Berisiko: Kajian Literatur", *Islamiyyat*, UKM, Vol. 35, No.1, (2013), 117.

## **5.2.10 Cadangan**

### **5.2.10.1 Memantapkan pendidikan agama kepada anak remaja**

Ibu bapa dan penjaga perlu bertanggungjawab memberikan pendidikan agama, nasihat dan tunjuk ajar, memantau pergaulan anak-anak dengan rakan sebaya dan meluangkan masa bersama anak-anak agar mereka tidak terjebak dengan pergaulan bebas yang boleh meruntuhkan akhlak. Gejala sosial di kalangan remaja sehingga mengandung anak luar nikah adalah berpunca daripada pengabaian tanggungjawab ibu bapa dan penjaga yang sibuk dengan pekerjaan dan aktiviti di luar rumah menyebabkan mereka tiada masa terluang untuk bersama dengan anak-anak dalam mengasuh, mendidik, mengawasi pergerakan mereka sehingga mendorong mereka membawa cara hidup tersendiri. Ibu bapa dan penjaga perlu menghakis tanggapan diri sendiri bahawa anak-anak yang meningkat usia remaja mampu membentuk perilaku sendiri dan melakukan tuntutan agama tanpa perlu tunjuk ajar dan nasihat mereka lagi. Selagi mereka tidak berumahtangga, ibu bapa dan penjaga merupakan pelindung dan pembimbing kepada anak-anak remaja.

### **5.2.10.2 Mewujudkan budaya masyarakat penyayang dan budaya *Ikram***

Ibu, keluarga dan masyarakat disaran agar mewujudkan budaya penyayang sesama insan dalam kehidupan mereka. Kelahiran anak luar nikah sebagai ahli keluarga dan menjadi anggota masyarakat wajar diiktiraf kerana mereka juga adalah manusia biasa ciptaan Allah SWT sama seperti kanak-kanak yang lain. Tanggapan negatif dan pandangan serong terhadap status mereka sebagai anak luar nikah boleh merenggangkan hubungan silaturrahim sesama anggota

masyarakat. Sebaliknya, ahli keluarga dan anggota masyarakat perlu bersikap positif, memberi khidmat, tolong-menolong, melakukan kebajikan, menunjukkan rasa kasih dan belas kasihan, menyayangi dan menghargai, bertimbang rasa dan pemurah terhadap mereka yang memerlukan pertolongan dan sebagainya. Kesemua sifat tersebut melambangkan budaya penyayang atau “budaya *ikram*” dan jika dipraktikkan dalam kehidupan bermasyarakat, maka baharulah kehidupan mereka menjadi harmoni dan aman damai.

### 5.3 Rumusan

Pengabaian remaja terhadap perintah agama dan sikap ibu bapa yang mementingkan pekerjaan tanpa meluangkan masa untuk menyelami perasaan dan memahami permasalahan anak gadis mereka menjadi punca remaja terlibat seks bebas. Kesannya, lahirlah anak luar nikah yang mengundang persepsi negatif di kalangan ibu, keluarga dan masyarakat. Akhirnya, anak tersebut diserahkan kepada keluarga angkat atau ditempatkan di RKK, RBL atau RTH di JKM. Bagi ibu yang sanggup menjaga anak luar nikah, akan menghadapi pelbagai masalah antaranya, terpaksa memikul tanggungjawab memelihara, membiayai keperluan harian dan persekolahan mereka dengan kemampuan kewangan yang terbatas. Risiko yang dilalui tersebut disebabkan tiada peruntukan dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah), 2008 (Enakmen 7) yang mewajibkan bapa biologi memelihara dan menyara nafkah anak luar nikah. Begitu juga, tiada peruntukan yang melindungi *informer* yang boleh menyalurkan maklumat dan latar belakang bapa biologi kepada pihak berkuasa telah memberikan “kelebihan” kepada bapa biologi bergerak bebas dan terlepas daripada tindakan undang-undang.

Keengganan dan bersikap malu untuk berurusan dengan LZNK atau baitulmal menyebabkan ibu dan waris ibu tidak mendapat bantuan kewangan daripada kedua-dua institusi tersebut. Tambahan pula, dasar pentadbiran LZNK atau baitulmal hanya menyalurkan bantuan kepada *asnaf* yang layak dan tidak mempunyai peruntukan khas kepada ibu dan anak luar nikah. Ketiadaan peruntukan khas tersebut menyebabkan kedua-dua institusi berkenaan tidak mengambil berat atau terlepas pandang tentang ibu dan penjaga anak luar nikah yang miskin dan tiada sumber kewangan. Selain itu, ketiadaan peruntukan khas yang mencakupi segala aspek kebajikan dan pengurusan anak luar nikah (anak tak sah taraf) dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah), 2008 (Enakmen 7) menyukarkan pelaksanaan hak-hak mereka di mahkamah. Peruntukan yang ada hanyalah menyentuh tentang kewajiban memberi saraan anak tak sah taraf (Seksyen 81), penjagaan anak tak sah taraf (Seksyen 86) dan kesahatarafan anak (Seksyen 111 hingga Seksyen 119). Jika dibandingkan dengan Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611), ternyata akta tersebut lebih baik daripada Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah), 2008 (Enakmen 7) kerana mengandungi peruntukan yang menyeluruh tentang isu kanak-kanak termasuk anak luar nikah.

Bagi ibu yang menyerahkan anak luar nikah kepada keluarga angkat untuk dipelihara, didapati proses penyerahannya dilakukan secara langsung tanpa diikat dengan surat persetujuan antara kedua-dua pihak sebagai jaminan terhadap kebajikan dan pengurusan anak tersebut. Kegagalan mematuhi *prosedur* undang-undang menyebabkan nama anak luar nikah di“binti”kan kepada bapa angkat dan ini bercanggah dengan hukum Syarak dan fatwa. Bagi ibu yang enggan menjaga anak tersebut dan menyerahkan kepada JKM pula, didapati penempatan anak tersebut di RKK, RBL dan RTH bersekali dengan



pelbagai kategori kanak-kanak yang bermasalah. Ini disebabkan JKM tidak mempunyai pusat jagaan khas untuk anak luar nikah. Oleh itu, keperluan mewujudkan pusat jagaan khas anak luar nikah sangat penting dan mesti diberi perhatian oleh pihak berkuasa agar pemantauan dan bimbingan terhadap mereka dapat diberikan tumpuan.

Sebagai penjaga anak luar nikah sama ada ibu ataupun keluarga angkat, didapati ibu yang masih pada usia remaja tidak mempunyai ilmu pengetahuan tentang pendidikan anak luar nikah manakala keluarga angkat pula mengambil anak tersebut atas dasar kasih sayang dan belas kasihan. Ini disebabkan tiada pusat latihan yang boleh melatih dan memberi tunjuk ajar tentang cara-cara mendidik anak yang selari dengan kehendak Islam. Dalam hal pendidikan formal, mereka bertanggungjawab mendaftarkan anak tersebut masuk ke sekolah rendah lagi walaupun berhadapan dengan masalah tiada sijil kelahiran atau kemiskinan. Setakat ini, tiada tindakan undang-undang dikenakan kepada ibu atau keluarga angkat yang gagal mendaftarkan anak tersebut masuk ke sekolah meskipun Akta Pendidikan (Pindaan) 2002 (A1152) telah dikuatkuasakan. Dalam hal ini, bapa biologi sepatutnya membiayai persekolahan “anaknyanya” atas dasar tanggungjawab sosial walaupun mereka sedar tiada perintah di sisi Hukum Syarak dan peruntukan undang-undang yang boleh menghukum mereka jika mengabaikannya.

Bagi anak luar nikah pula, kehadiran mereka seolah-olah tidak diresmikan menyebabkan ibu dan waris ibu tiada lagi perasaan belas kasihan dan kasih sayang bahkan tidak menghormatinya sebagai kurniaan Allah SWT. Oleh itu, tidak hairanlah apabila media massa melaporkan terdapat sesetengah anak luar nikah yang didera, dibuang ke merata-rata tempat atau dibunuh dengan begitu tragis. Dalam situasi yang lain, mereka rela

menyerahkan anak tersebut kepada keluarga angkat bagi menutup keaiban demi menjaga maruah keluarga. Bagi ahli keluarga dan anggota masyarakat, pandangan negatif terhadap anak luar nikah wajar dikikis kerana kehadiran mereka adalah anugerah Allah SWT yang perlu dibantu, dibimbing dan diberikan kasih sayang kerana mereka juga adalah anggota masyarakat yang berhak mengecapi nikmat kehidupan yang aman damai dan tenteram tanpa gangguan daripada orang lain.

Hasil penemuan di atas menggambarkan betapa lemahnya peruntukan undang-undang sedia ada dalam menangani isu-isu berkaitan anak luar nikah. Begitu juga, fungsi agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang tersebut berada pada tahap kurang memuaskan. Oleh itu, tindakan segera perlu diberikan perhatian berdasarkan cadangan-cadangan yang dikemukakan agar agenda membangunkan kebajikan dan pengurusan anak luar nikah orang Islam dapat dibuat penambahbaikan dari semasa ke semasa.

## **BAB ENAM**

### **RUMUSAN**

Penyelidikan ini berkisar tentang isu kebajikan dan pengurusan anak luar nikah dalam konteks kajian kes di daerah Kota Setar dan Kubang Pasu, Kedah. Penyelidikan ini mengandungi enam bab iaitu Bab Satu : Pendahuluan, Bab Dua : Anak Luar Nikah di Malaysia : Realiti dan Fakta, Bab Tiga : Isu-Isu Melibatkan Anak Luar Nikah, Bab Empat : Kajian Kes di Daerah Kota Setar dan Kubang Pasu, Bab Lima : Dapatan dan Cadangan dan Bab Enam : Rumusan.

Bab Satu ; penyelidik mendapati gejala sosial yang semakin parah di kalangan remaja masa kini sebagai punca utama lahirnya anak-anak luar nikah. Pergaulan bebas antara remaja lelaki dan wanita, kurang pendidikan agama, tiada pengawasan ibu bapa, tidak bersekolah dan pengaruh media sosial merupakan permasalahan remaja yang sukar dibendung lagi. Kesan gejala sosial yang mengakibatkan kelahiran anak luar nikah telah menimbulkan implikasi terhadap kesahataran anak, hak-hak anak luar nikah di sisi undang-undang terutamanya pada aspek nafkah dan *hadanah*. Isu-isu tersebut sentiasa dibincangkan sama ada melalui penyelidikan, pembentangan kertas kerja, seminar, wacana ilmiah, media elektronik dan media cetak ataupun sorotan-sorotan karya terdahulu. Namun begitu, tiada penyelidikan khusus yang diberikan tumpuan terhadap kebajikan dan pengurusan anak luar nikah sehingga menimbulkan tanggapan negatif di

kalangan masyarakat terhadap keberkesanan undang-undang dan penguatkuasaannya yang dilihat gagal mengatasi masalah kebajikan anak luar nikah dalam negara kita. Metodologi penyelidikan ini bercorak kualitatif yang menggunakan kaedah penyelidikan undang-undang dan kajian kes. Kedua-dua kaedah ini sangat sesuai dengan tajuk penyelidikan apatah lagi ia menggunakan dua pendekatan yang berbeza iaitu penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan. Bagi penyelidikan perpustakaan, rujukan utama ialah buku-buku, jurnal-jurnal berkaitan undang-undang, laporan rasmi kerajaan, laman sesawang dan sebagainya. Bagi penyelidikan lapangan pula, penyelidik “turun padang” menemui subjek-subjek yang telah dikenal pasti untuk ditemu bual secara bersemuka. Terdapat juga subjek-subjek hanya memilih untuk ditemu bual secara telefon disebabkan kekangan masa dan jadual tugas yang padat. Segala maklumat dan data yang terkumpul akan dianalisis menggunakan pendekatan induktif dan deduktif.

Bab Dua ; penyelidik membincangkan definisi anak luar nikah menurut perspektif hukum Syarak, fatwa dan undang-undang masa kini. Peningkatan kadar kelahiran anak luar nikah berpunca daripada empat faktor iaitu diri sendiri, keluarga, pengaruh rakan sebaya dan persekitaran. Kelahiran anak luar nikah telah menimbulkan hak-hak mereka yang perlu diberikan perhatian oleh pihak berkuasa terutamanya pada aspek penamaan, perwalian, nafkah, penjagaan dan perwarisan. Data-data yang diperoleh daripada pelbagai sumber menunjukkan statistik kelahiran anak luar nikah semakin bertambah. Oleh itu, agensi kerajaan, swasta dan NGO perlu memikul tanggungjawab bersama untuk menanganinya terutama menyediakan pusat-pusat perlindungan dan pemeliharaan kepada remaja hamil luar nikah yang tidak diterima oleh ahli keluarga. Bagi agensi kerajaan, segala dasar, rancangan dan program yang dirancang harus mengambil kira

golongan remaja hamil luar nikah agar penyertaan mereka dalam pelbagai sektor pekerjaan dan perkhidmatan dapat mengurangkan bebanan kewangan yang ditanggung. Bagi agensi swasta dan NGO, penyertaan dalam melaksanakan tanggungjawab sosial melalui penubuhan pusat-pusat perlindungan remaja hamil luar nikah dan anak luar nikah sewajarnya mendapat pengiktirafan dan sokongan moral seperti geran tahunan, khidmat nasihat dan sebagainya.

Bab Tiga ; penyelidik memulakan perbincangan tentang kedudukan pensabitan *nasab* anak luar nikah kepada bapa biologi mengikut hukum Syarak dan Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. Selanjutnya, perbincangan diteruskan lagi dengan mengupas lima (5) isu yang berbangkit kesan daripada kelahiran anak luar nikah iaitu nafkah, pendidikan, penjagaan (*hadanah*), institusi kebajikan dan perkhidmatan penjagaan menurut perspektif hukum Syarak dan undang-undang. Pada aspek hukum Syarak, hasil rujukan daripada Al-Quran, Al-Sunnah, pandangan *fuqaha*, fatwa dan sebagainya menunjukkan kewajipan terletak ke atas bahu ibu, waris-waris ibu atau pihak berkuasa dalam menyempurnakan hak-hak anak luar nikah meliputi aspek perlindungan, kebajikan dan pengurusan dalam kehidupan mereka. Aspek undang-undang pula, Perlembagaan Persekutuan yang menjadi sumber utama perundangan telah membahagikan dua (2) sistem pentadbiran iaitu Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Fasal 74, Perlembagaan Persekutuan menentukan bidang kuasa antara dua kerajaan tersebut berdasarkan Senarai Pertama (Senarai Persekutuan), Senarai Kedua (Senarai Negeri) dan Senarai Ketiga (Senarai Bersama). Melalui Senarai Bersama, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mempunyai bidang kuasa bersama dalam melaksanakan kebajikan dan pengurusan anak luar nikah. KPWKM melalui JKM yang

wujud di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bertanggungjawab melaksanakan dasar-dasar dan program-program kebajikan anak luar nikah.

Bab Empat ; penyelidik membincangkan kajian kes di daerah Kota Setar dan Kubang Pasu berdasarkan subjek-subjek yang terdiri daripada remaja hamil luar nikah, waris-waris, Penolong Pengarah Bahagian Kelahiran dan Kematian JPN Negeri Kedah, Penolong Pengarah Unit Kanak-kanak JKM Negeri Kedah, Penolong-penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Kota Setar dan Kubang Pasu serta RPNH. Kedua-dua penyelidikan kes di atas menganalisis lima (5) isu utama iaitu penjagaan, kebajikan dan pengurusan, pendidikan, emosi dan perasaan serta akhlak dan perubahan sikap kepada ibu dan anak luar nikah. Merujuk isu penjagaan, kebajikan dan pengurusan serta pendidikan anak luar nikah, ibu dan waris ibu atau keluarga angkat bertanggungjawab sepenuhnya memenuhi segala keperluan anak luar nikah yang dipelihara. Jika anak luar nikah ditempatkan di institusi JKM, kewajiban tersebut menjadi tanggungjawab pihak berkuasa. Namun begitu, bapa biologi tidak diperuntukkan oleh undang-undang untuk melaksanakan segala kewajiban tersebut. Merujuk isu tentang emosi dan perasaan serta akhlak dan perubahan sikap, remaja hamil luar nikah sudah insaf atas kesilapan lampau dan boleh menerima hakikat kelahiran anak tersebut sebagai zuriat mereka meskipun tanpa perkahwinan yang sah. Remaja hamil luar nikah dan anak luar nikah mempunyai masa depan yang cerah jika peluang untuk mendapat bantuan kewangan melalui agensi-agensinya kerajaan dipermudahkan demi kemanfaatan kepada mereka.

Bab Lima ; penyelidik menghuraikan dapatan penyelidikan hasil analisis kelima-lima isu yang telah dibincangkan dalam Bab Empat. Setiap dapatan penyelidikan disusun

mengikut kelima-lima isu dan setiap isu tersebut dikupas mengikut tema-tema tertentu. Dapatan penyelidikan menjelaskan terdapat kelemahan undang-undang keluarga Islam dalam negara kita khususnya Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah), 2008 (Enakmen 7) yang tidak mempunyai peruntukan berkaitan kebajikan dan pengurusan anak luar nikah. Berbeza dengan Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang mencakupi semua aspek berkaitan kanak-kanak termasuk anak luar nikah. Begitu juga, aspek pelaksanaan undang-undang oleh jabatan-jabatan kerajaan dan agensi-agensi penguatkuasa berada pada tahap kurang memuaskan. Selanjutnya, dapatan penyelidikan ini telah mengemukakan cadangan-cadangan tertentu untuk memantapkan lagi peranan pihak-pihak di atas dan membuat penambahbaikan fungsi-fungsi institusi kerajaan dalam menangani isu anak luar nikah di negara kita.

Bab Enam ; penyelidik merumuskan keseluruhan perbincangan mengenai isu-isu remaja hamil luar nikah dan anak luar nikah bermula Bab Satu hingga Bab Lima dalam bentuk kesimpulan. Selanjutnya, penyelidik mencadangkan agar penyelidikan baharu perlu dilakukan dari semasa ke semasa agar isu-isu anak luar nikah sentiasa diberikan perhatian oleh pihak-pihak berkepentingan.

## RUJUKAN

- Abd Ghani Ahmad dan Nuarrual Hilal Md Dahlan. “Kewajipan Menanggung Nafkah Anak Tak Sah Taraf : Satu Kajian Kes di Negeri Kedah”. *Kanun*. Jil. 28. Bil. 2, (2016) : 219.
- Abd Rashid Hj Ahmad. “Aspek-Aspek Pendidikan Dalam Solat”. *Jurnal Usuluddin*. Vol. 2. No.1 (1995) : 164.
- Abdullah Alwi Hj Hassan. “Konsep dan Peranan Baitulmal Di Zaman Kegemilangan Islam”. *Ke Arah Pembangunan Baitulmal Kebangsaan*, Pynt. Nik Mustapha Nik Hassant. Cet. 1. Kuala Lumpur : IKIM, 2003.
- Abdullah Basmeih. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian Al-Quran*. Cet. 15. Kuala Lumpur : Darul Fikri, 1998.
- Abdullah Nasih ‘Ulwan. *Tarbiyah al-Awlad Fi al-Islam*. Jil. 1. Cet. 5. Kaherah : Dar al-Salam, 1428H/2007M.
- Abdul Halim ‘Uwais. *Mausu’ah al-Fiqh al-Islami al-Mu’asiri*. Cet. 1. Mansurah : Dar al-Wafa’, 1426H/2005M.
- Abdul Kadir Audah. *al-Tasyri’ al-Jinaie al-Islami*. Edisi 4, Jil. 1. Beirut : al-Risalah Publisher, 1998.
- Abdul Karim Zaidan. *Al-Mufasssol fi Ahkamil Mar’ah wa al-Bayt al-Muslim fi al-Shari’atil Islamiyyah*. Juz. 9. Cet 3. Beirut : Muassasah al-Risalah, 1997.
- Abdul Majid Omar. “Kedudukan Anak Tak Sah Taraf : Dari Aspek Pandangan Syarak, Nasab Dan Perwarisan Serta Kekeluargaan Islam”. Kertas kerja sempena Kempen “Sah Nikah Sah Nasab”. JAKIM dan ILIM, Bangi, Selangor, 18 Mac, 2013).
- Abdul Monir Yaacob. “Ke Arah Penubuhan Baitulmal Kebangsaan di Malaysia : Isu-isu Berkaitan Perundangan”. *Ke Arah Pembangunan Baitulmal Kebangsaan*, pynt. Nik Mustapha Nik Hassan. Cet. 1. Kuala Lumpur : IKIM, 2003.
- Adibah Bahori dan Siti Zubaidah Ismail. “Pencegahan Dan Hukuman Perbuatan Buang Bayi Menurut Kerangka Perundangan Syariah Dan Sivil Di Malaysia: Cukupkah Undang-Undang Yang Ada?”. Kertas kerja. (Akademi Pengajian Islam, UM, Kuala Lumpur, t.th).
- Ahmad bin Abd al-Razak Al-Dawish. *Fatawa Al-Lujnah Al-Daimah Lil Mabhus Al-Alamiah Wa al-Ifta’*. Cet. 4. Riyadh : Al-Mamlakah Al-‘Arabiyyah As-Su’udiyah, Muassasah Al-Amirah, 1423H/2002M.



- Ahmad Hisham Azizan dan Zarrina Che Saari. “Terapi Solat dalam Menangani Penyakit Gelisah (Anxiety) Menurut Perspektif Psikoterapi Islam”. *Jurnal Usuluddin*. Bil. 29 (Januari-Jun 2009) : 7.
- Ahmad Ibrahim. “Pindaan kepada Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan dan Kesannya kepada Pentadbiran Undang-undang Islam”. *Jurnal Hukum*. Jil. 7. Bhg. 2 (1991) : 136.
- Ahmad Ibrahim Abu Sin. *Pengurusan Dalam Islam*. Cet. 1. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Ahmad Iman Arief dan Supiyaton Mokti. *Adab-Adab Keislaman*. Cet. 1. Kuala Lumpur : Sabunai Media Sdn. Bhd., 2006.
- Ahmad Muhammad al-Zarqa’. *Syarah al-Qawaid al-Fiqhiah*. Cet. 6. Damsyik : Dar al-Qalam, 1422H/2001M.
- Ahmad Raisuni. *Muhadharat Fi Maqasid al-Syariah*. Cet. 1. Kaherah : Dar as-Salam, 1430H/2009.
- Ahmad al-Raisuni. *Nazariyyah al-Maqasid ‘Inda al-Imam al-Syatibi*. Kaherah : Dar al-’Alamiyyah Li al-Kitab al-Islami, 1401H/1981M.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. *Gejala Sosial Dalam Masyarakat Islam : Punca dan Penyelesaian*. Terbitan Pertama. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors, 2003.
- Ahmad Sabri Ibrahim. “Implikasi Kesahtarafan : Kajian Menurut Undang-undang Islam dan Undang-undang Sivil Di Malaysia”. Sarjana Pengajian Islam, UKM, 2011.
- Ahmad Shukri Abdul Hamid. “Modal Sosial dan Kebajikan Kanak-kanak”, *Penilaian Psikososial Kanak-kanak : Isu-isu Kebajikan dan Perkembangan*, pynt. Azlin Hilma Hillaluddin dan Zarina Mat Saad. Cet. 2. Sintok : UUM Press, 2012.
- Ahmad Sunawari Long. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Edisi Keenam. Bangi : Fakulti Pengajian Islam, UKM, 2011.
- Ahmad Wifaq Mokhtar. “Penggunaan Kaedah Maqasid Syariah Dalam Fatwa Masa Kini”, *Monograf Ifta’*. Cet. 1. Kuala Lumpur : JAKIM, 2011.
- Ahsan Lihasanitihi. *al-Fiqh al-Maqasid ‘Inda al-Imam al-Syatibi*. Cet. 1. Kaherah : Dar al-Salam, 1429H/2008M.
- Aishah@Eshah Haji Mohamed et. al. “Emosi Dan Punca Anak Wanita Hiv/Aids Berada Di Rumah Perlindungan”. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*. Vol. 7. No. 1 (2012) : 323.

- Akbar Satar. “Kecelaruhan sosial punca kes buang bayi meningkat”, (10 November 2015). <http://www.bharian.com.my/node/95805>. (Capaian pada 11 Jun 2017).
- Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965. [portal rasmi]. [https://ms.wikipedia.org/wiki/Akta\\_Mahkamah\\_Syariah\\_\(Bidang\\_Kuasa\\_Jenayah\)\\_1965](https://ms.wikipedia.org/wiki/Akta_Mahkamah_Syariah_(Bidang_Kuasa_Jenayah)_1965). (Capaian pada 14 Mei 2017).
- Alyaa Azhar. “Kes ‘Bin Abdullah’: Hakim Diingatkan Prinsip Asas Undang-Undang”. (21/09/2017).
- Al-Bukhari, Al-Imam Abi Abdullah Muhammad bin Ismail. *Sahih Bukhari*. Kitab Al-Faraid. Bab al-Waladu Lil Firash, Hadis No. 6749. Cet. 2. Beirut : Dar al-Ma’arifah, 1428H/2007M.
- Al-Syarbini. Shamsu ad-din Muhammad bin Al-Khatib. *Mughni Muhtaj*. Jil. 3. Kaherah : Sharikat wa Maktabat wa Matba’at Mustafa al-Babiyy al-Halabiyy wa Awladuh, 1371M/1958M.
- Al-Bukhari, Al-Imam Abi Abdullah Muhammad bin Ismail. *Sahih Bukhari*. Juz. 7. Kitab Al-Iman Min al-Iman An Yuhibba Li Akhihi Ma Yuhibbu Li Nafsihi. Hadis No.13,. Beirut : Dar Ibnu Kabir, 1414H/1993M.
- Al-Bukhari, Al-Imam Abi Abdullah Muhammad bin Ismail. *Sahih Bukhari*. Cet. 2. Kitab Al-‘Itqu. Bab al-‘Abdu Ra’in Fi Mali Sayyidihi. Hadis No. 2558. Beirut : Dar al-Makrifah, 1428H/2007M.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. *Ayyuha al-Walad* . Kaherah: Dar al-Tawzi’ Wa al-Nashr al-Islamiyyah, 1993.
- Al-Husaini, Imam Taqiyuddin Abi Bakr bin Muhammad. *Kifayah al-Akhyar Fi Hilli Gha’yah al-Ikhtisor.*, Juz. 2. Beirut : Dar al-Minhaji, 1429H/2008M.
- Al-Jurjani. Ali ibn Muhammad ibn Ali al-Sayyid al-Zayn Abi al-Hasan. *Al-Ta’rifat*. Kaherah : Sharikat wa Maktabat wa Matba’at Mustafa al-Babiyy al-Halabiyy wa Awladuh, 1375H/1938M.
- Al-Kasani, ‘Ala al-Din Abu Bakr bin Mas’ud al-Kasani al-Hanafī. *Bada’i al-Sana’i*. Juz. 4. Kaherah : Matba’ah al-Jamaliyyah, 1328H.
- ‘Ali Abdul Rahim ‘Amir. *Ahkam al-Ishtibah Fi al-Nasab Fi Fiqh al-Islami*. Cet. 1. Kaherah : Dar al-Salam, 1433H/2012M.
- ‘Ali Ahmad al-Dadwi. *al-Qawaid al-Fiqhiah*. Cet. 5. Damsyik : Dar al-Qalam, 1420H/2000M.

- Ali bin Muhammad ibn ‘Ali al-Sayyid al-Zayn Abi al-Hasan. *al-Ta’rifat*. Kaherah : Syarikat wa Maktabat wa Matba’at Mustafa al-Babiy al-Halabiy wa Auladuhu, 1938.
- Al-Imam Al-‘Allamah Ibn Manzur. *Lisanul ‘Arab*. Juz 5. Kaherah : Dar al-Hadis, 2003.
- Al-Imam al-Hafiz Ahmad bin ‘Ali bin Hajar al-Asqalani. *Fathu al-Bari Syarah Sahih al-Bukhari*. Kitab al-Buyu’. Bab Syira’ al-Mamluk Min al-Harabiyy Wa Hibatihi Wa ‘Itaqihi. Hadis No. 2218. Juz. 4. Cet. 2. Beirut : Darul Kitab al-‘Alamiyyah, 1426H/2005M.
- Al-Imam al-Hafiz Muslim bin Hujjaj al-Naisaburi. *Sahih Muslim*. Kitab Al-Radha’. Bab al-Waladu Lil Firash. Hadis No. 3598. Cet. 2. Beirut, Dar al-Makrifah, 1428H/2007M.
- Al-Marghinani, Burhanuddin Ali ibn Abi Bakr. *al-Hidayah Sharh Bidayat al-Mubtadi*. Jil. 3. Kaherah : Daral-Salam, 1420H/2000M.
- Al-Mawardi, Abi al-Hasan ‘Ali bin Muhammad bin Habib al-Basri al-Baghdadi. *al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Beirut : Dar al-Fikr, t.th.
- Al-Naisaburi, al-Imam al-Hafiz Abi Abdullah Muhammad bin Abdullah al-Hakim. *al-Mustadrak ‘Ala al-Sohihaini*. Juz. 4. Cet. 1. Kitab al-Adab, Hadis No. 7679. Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1411H/1990M.
- Al-Naisaburi, Al-Imam al-Hafiz Muslim bin Hujjaj. *Sahih Muslim*. Bab Fadhl al-Nafqah ‘Ala al-’Iyal Wa al-Mamluk. Hadis No. 2308. Beirut : Dar al-Makrifah, 1428H/2007M.
- Al-Qadhi Dr Saamir Maazin al-Qubbaj. *Majallah al-Ahkam al-’Adliyyah*. Cet. 1. Jordan : Dar al-Fathi al-Dirasat Wa al-Nashr, 1428H/2008M.
- Al-Qurtubi, Abi Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansori. *al-Jami’ Li Ahkam al-Quran*. Jil. 10. Beirut : Dar al-Kutub al-’Ilmiyyah, 1413H/1993M.
- Al-Qurtubi, Abi Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansori. *al-Jami’ Li Ahkam al-Quran*. Juz. 3. Kaherah : Dar al-Hadis, 1428H/2007M.
- Al-Ramli, Shams al-Din, Muhammad Ibn Abi al-Abbas Ahmad Ibn Hamzah Ibn Shihab al-Din. *Nihayat al-Muhtaj*. Jil. 5. Kaherah : Sharikat wa Maktabat wa Matba’at Mustafa al-Babiy al-Halabiy wa Awladuh, 1357M/1938M.
- Al-Syafi’i, Muhammad bin Idris. *Ahkam al-Quran*, pynt. ‘Abd al-Ghani al-Khaliq. Juz. 2. Beirut : Dar al-Kutub al-’Ilmiyyah, 1980.
- Al-Syafi’i, Ismail bin ‘Umar Ibnu Kathir al-Quraisyi al-Dimasyqi. *Jami’ al-Masanid Wa al-Sunan*. Juz. 31. Beirut : Dar al-Fikr, 1410H/1994M.

- Al-Syarbini, Al-Khatib. *Mughni Muhtaj*. Juz. 3. Kaherah : Al-Halabi, 1957.
- Al-Syarbini, Shamsu ad-din Muhammad bin Al-Khatib. *Mughni Muhtaj*. Jil. 4. Kaherah : Sharikat wa Maktabat wa Matba'at Mustafa al-Babiyy al-Halabiyy wa Awladuh. 1371M/1958M.
- Al-Syarbini, Shamsu al-Din Muhammad bin al-Khatib. *Mughni al-Muhtaj*. Juz. 3. Beirut : Dar al-Ma'rifah, 1418H/1997M.
- Al-Suyuthi, Imam Jalaluddin Abdul Rahman bin Abi Bakr. *Qut al-Mughhazi 'Ala Jami' al-Tirmizi*. Juz. 2. Cet. 1. Kitab Al-Asyribah. Bab Ma Ja'a Fi Syaribi al-Khamr. Hadis No. 1871. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1434H/2013M.
- “Anak angkat”. Jabatan Pendaftaran Negara. [portal rasmi]. <http://www.jpn.gov.my/soalan-lazim/anak-angkat/#1458871827116-93eee0c6-a15f>. (Capaian pada 06 Mei 2017).
- Ann Wan Seng dan Khadijah Alavi. *Penderaan Kanak-Kanak di Malaysia*. Shah Alam : Fajar Bakti, 1997.
- Anwarul Yaqin. *Legal Research and Writing*. Kelana Jaya: LexisNexis, 2007.
- A.S.Hornby. *The Advanced Learner's Dictionary of Current English*. London: Oxford University Press, 1952.
- Aza Shahnaz Azman dan Fadilah Mat Nor. “Bantuan Zakat Ke Arah Pembangunan Kualiti Hidup Asnaf Wanita Di Hulu Langat, Selangor”. Kertas kerja. (KUIS, Selangor, t.th).
- Azhar Ahmad. Penolong Pegawai Kebajikan, PKMD Kubang Pasu, Kedah. Temu bual oleh penyelidik. PKMD Kubang Pasu, Kedah. 03 Februari 2016.
- Azeli Ali. “2753 Orang Remaja Terlibat Jenayah”. *Utusan Malaysia*. 20 Oktober, 2015.
- Azizah Mohd. *Protection and Adoption of Abandoned Children In Malaysia : A Comparative Overview With Islamic Law*. Petaling Jaya : ILBS, 2008.
- Azizi Yahaya dan Jaafar Sidek Latif. *Membentuk Identiti Remaja*. Cet. 1. Pahang : PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd., 2005.
- Badruddin Ibrahim dan Azizah Mohd. “Hak Anak Terhadap Nafkah Dalam Perundangan Islam : Sejauhmanakah Bapa Bertanggungjawab Menyara Nafkah Anak”. *Kanun*. Jil. 25. Bil. 2 (2013) : 256.
- “Bilangan Anak Luar Nikah Meningkat”. (14/12/2014). <http://www.utusan.com.my/berita/parlimen/bilangan-anak-luar-nikah-meningkat-1.32383> (Capaian pada 13 November, 2015).

- Carol A. Bailey. *A Guide Qualitative Field Research*. 2<sup>nd</sup> Edition. London : SAGE Publications Ltd., 2007.
- Chan Cheong Chong et. al., “Isu penempatan Kanak-Kanak : pandangan Pegawai Kebajikan Masyarakat Di Kedah”, *Penilaian Psikososial Kanak-kanak : Isu-isu Kebajikan dan Perkembangan*, pynt. Azlin Hilma Hillaluddin dan Zarina Mat Saad. Cet.2. Sintok : UUM Press, 2012.
- Che Maryam Ahmad. “Penentuan Nasab dan Amalannya di Mahkamah Syariah di Malaysia”. *Syariah dan Undang-Undang : Suatu Perbandingan*, Zaini Nasohah et. al., pynt. Terbitan Pertama, Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2004.
- Child Rights Coalition Malaysia (CRC). “Laporan Mengenai Status Hak Kanak-Kanak Di Malaysia”. Disember 2012. <http://www.mcrci.org.my/wp-content/uploads/CRC-Report-Bahasa.pdf>. (Capaian pada 10 Ogos 2017).
- “Dasar Pelindungan Kanak-Kanak Negara”. <http://www.kpwkm.gov.my/dasar-perlindungan-kanak-kanak-negara>. (Capaian pada 1 Oktober, 2015).
- Dato’ Dr Mohamed Fadzli Bin Dato’ Haji Hassan. “Muzakarah Jenayah Syariah Kebangsaan 2014 Hudud : Peluang, Cabaran dan Tentangan”. Kertas kerja Ke Arah Perlaksanaan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) Kelantan 1993. (UKM, Bangi, Selangor, 29 Mei 2014).
- Dato Seri Rohani Abdul Karim. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. “Teks Ucapan Perasmian Rumah Kanak-Kanak Mini Ulu Tiram, Johor”. (2/10/2015). [http://www.kpwkm.gov.my/speech?p\\_p\\_id=XY\\_CMS\\_MULTI\\_WAR\\_xycmspportlet\\_INSTANCE\\_I2dd&p\\_p\\_lifecycle=2&p\\_p\\_state=exclusive&p\\_p\\_mode=view&p\\_p\\_cacheability=cacheLevelPage&\\_XY\\_CMS\\_eName=Teks+Ucapan+YBM+++Perasmian+RKK+Mini+Johor+docx.pdf&\\_XY\\_CMS\\_MULTI\\_WAR\\_xymulti\\_cms\\_detail.jsp](http://www.kpwkm.gov.my/speech?p_p_id=XY_CMS_MULTI_WAR_xycmspportlet_INSTANCE_I2dd&p_p_lifecycle=2&p_p_state=exclusive&p_p_mode=view&p_p_cacheability=cacheLevelPage&_XY_CMS_eName=Teks+Ucapan+YBM+++Perasmian+RKK+Mini+Johor+docx.pdf&_XY_CMS_MULTI_WAR_xymulti_cms_detail.jsp). (Capaian pada 28 Disember, 2015).
- Dato’ Setia Hj. Mohd. Tamyas Abd. Wahid. “Anak Tak Sah Taraf Mengikut Hukum Syarak”. Kertas kerja Seminar Penolong Pendaftar Nikah Daerah Hulu Selangor. (Petaling Jaya, Selangor, 28 November 2007).
- David Siverman. *Qualitative Research*. 2<sup>nd</sup> Edition. London: SAGE Publications Ltd, 2013.
- David Siverman. *Doing Qualitative Research*. 4<sup>th</sup> Edition. London: SAGE Publications Ltd, 2013.
- “Didera dengan getah paip, penyangkut baju”. (05/10/2014). <http://www.sinarharian.com.my/wawancara/didera-dengan-getah-paip-penyangkut-baju-1.322763>. (Capaian pada 06 Ogos 2016).

- Didi Syafirdi. “Kisah Machica Mochtar perjuangankan anak hasil nikah siri ke MK”. (08/12/2012), <https://www.merdeka.com/peristiwa/kisah-machica-mochtar-perjuangankan-anak-hasil-nikah-siri-ke-mk.html>. (Capaian pada 21 Mei 2018).
- Dr Murizah Mohd Zain. Pakar Perubatan Reproduksi dan Pakar Perunding Obstetrik dan Ginekologi, HSB. Temu bual secara telefon oleh penyelidik. 16 Disember, 2015.
- Earl Babbie. *The Practice of Social Research*. 9<sup>th</sup> Edition. USA : Thomson Learning Inc., 2001.
- Encik Roslan. Temu bual oleh penyelidik. RPNH, Alor Setar, Kedah. 03 Februari, 2015.
- Ema. Temu bual oleh penyelidik. RPNH Alor Setar. 27 Januari, 2015.
- Faisal bin Abdul Gha’rizal Mubarak. *Tadris Riyadh al-Solehi*. Cet. 1. Bab al-Nafaqah ‘Ala al-’Iyal. Riyadh : Dar al-’Asimah, 1433H/2002M.
- Farah Marshita, Abdul Patah dan Ahmad Suhael Adnan. “Keputusan benarkan bin bapa anak luar nikah langgar syarak”. (28/07/2017). <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/07/306491/keputusan-benarkan-bin-bapa-anak-luar-nikah-langgar-syarak>, (Capaian pada 17 April, 2018).
- Fariza Md. Sham et.al. “Ciri-ciri Remaja Berisiko: Kajian Literatur”. *Islamiyyat*. UKM. Vol. 35. No.1 (2013) : 117.
- “Fatwa larang anak luar nikah dibinkan bapa tak perlu dikaji”. [http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0229&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_16.htm](http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0229&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_16.htm). (Capaian pada 31 Mac, 2016).
- Fauzi Hussin et. al. *Kaedah Penyelidikan dan Analisis Data SPSS*. Cet.1. Sintok : Penerbit UUM, 2014.
- “Fungsi Dan Peranan Bahagian Penasihat, Seksyen Syariah, Jabatan Peguam Negara Malaysia”. [http://www.agc.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=187:what-are-the-functions-and-roles-of-the-syariah-section-attorney-generals-chambers&catid=73:agc-faqs&Itemid=44&lang=bm](http://www.agc.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=187:what-are-the-functions-and-roles-of-the-syariah-section-attorney-generals-chambers&catid=73:agc-faqs&Itemid=44&lang=bm). (Capaian pada 30 November, 2015).
- “Gagal daftar anak masuk sekolah”. (25/12/2015). <http://www.sinarharian.com.my/mobile/edisi/kelantan/gagal-daftar-anak-masuk-sekolah-1.465545>. (Capaian pada 1 Disember, 2017).
- Garis Panduan Anak Tak Sah Taraf : Penamaan, Pergaulan dan Hak-haknya*. Cet. 1. Kuala Lumpur : JAKIM, 1998.

- Hailani Muji Tahir. *Institusi Baitulmal Dalam Pembangunan Negara*. Bangi : Penerbit UKM, 2007.
- Haji Dasuki Haji Ahmad. *Kamus Pengetahuan Islam*. Cet 1. Edisi Baharu. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, 2012.
- Hamdi Ishak. “Kaedah Penentuan Kesahtarafan Anak : Analisis Fiqh Berasaskan Keilmuan Semasa”. Sarjana Syariah, UM, 2008.
- Hamidah Abdul Hamid. “Anak Tak Sah Taraf : Suatu Kajian Perbandingan Antara Undang-undang Islam dan Undang-undang Sivil”. Sarjana Pengajian Islam, UKM, 2008.
- Hamidi Mohd Nor. Pengurus Lembaga Zakat Cawangan Kubang Pasu, Kedah. Temu bual secara telefon oleh penyelidik. 10 Oktober 2016.
- Harlina Halizah Hj Siraj. “Pergaulan Antara Jantina : Malu Sebagai Benteng”. *Solusi*, Februari 2011.
- Haslinda Abd Samad. Penolong Pengarah, Unit Kanak-Kanak, JKM Negeri Kedah. Temu bual oleh penyelidik. Wisma Persekutuan, Anak Bukit. 13 Januari 2014.
- Hasnizam Hashim. “Beban Pembuktian Dalam Kes Wanita Hamil Luar Nikah : Satu Huraian Dari Sudut Undang-Undang Keterangan Islam dan Seksyen 50 Enakmen Jenayah (Syariah) Perak, 1992” dlm. *Jurnal Hukum*, 35: 2, 2012 : 205.
- “Hubungan Anak Luar Nikah Dengan Bapa Biologi”. (28/072015). <http://www.e-fatwa.gov.my/blog/feed>. (Capaian pada 27 April, 2016).
- “Hukum Anak Tak Sah Taraf”. [http://mufti.perlis.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=425:hukum-anak-tak-sah-taraf&catid=34:fatwa-muamalat&Itemid=92](http://mufti.perlis.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=425:hukum-anak-tak-sah-taraf&catid=34:fatwa-muamalat&Itemid=92). (Capaian pada 31 Mac, 2016).
- Husin Junoh. *Faktor Keruntuhan Akhlak Remaja Islam Luar Bandar Di Daerah Kota Tinggi, Johor*. Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, UM, 2011.
- <http://syariah.terengganu.gov.my/pengiktirafan.php>. (Capaian pada 18 Ogos 2017).
- <http://www.baitulaini.org/pengenalan.html>. (Capaian pada 28 Disember, 2015).
- <http://berita-harian-online.com/statistik-anak-luar-nikah-di-malaysia/>. (Capaian pada 18 Julai 2014).
- <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Pindaanundang-undangbuangbayiperludipercepat/Article/>. (Capaian pada 18 Julai 2014).

- <http://www.jaik.gov.my/>. (Capaian pada 17 Ogos 2017).
- <http://www.jkm.gov.my/jkm>. (Capaian pada 17 Ogos 2017).
- <http://www.jksm.gov.my/>. (Capaian pada 17 Ogos 2017).
- <http://www.jpn.gov.my/>. (Capaian pada 17 Ogos 2017).
- <https://www.kpwkm.gov.my/>. (Capaian pada 15 Ogos 2017).
- <http://www.kpwkm.gov.my/latar-belakang>. (Capaian pada 25 April 2014).
- [http://www.maij.gov.my/?page\\_id=22](http://www.maij.gov.my/?page_id=22). (Capaian pada 18 Julai 2014).
- <http://www.maik.gov.my/>. (Capaian pada 17 Ogos 2017).
- <http://www.maik.gov.my/Baitulmal>. (Capaian pada 17 Ogos 2017).
- <https://www.malaysiakini.com/news/395829>. (Capaian pada 17 April 2018).
- <http://www.moe.gov.my>. (Capaian pada 17 Ogos 2017).
- <http://www.moha.gov.my/index.php/en/kenyataan-media-akhbar/1513-isu-terhadap-jawapan-yb-tmdn-mengenai-statistik-kes-rogol-gadis-bawah-umur-pada-21-Mac-2014>. (Capaian pada 1 Mei 2014).
- [https://ms.wikipedia.org/wiki/Kementerian\\_Pembangunan\\_Wanita,\\_Keluarga\\_dan\\_Masyarakat\\_Malaysia#Sejarah](https://ms.wikipedia.org/wiki/Kementerian_Pembangunan_Wanita,_Keluarga_dan_Masyarakat_Malaysia#Sejarah). (Capaian pada 15 Ogos 2017).
- <https://www.zakatkedah.com.my/>. (Capaian pada 17 Ogos 2017).
- Ibnu Abidin. Muhammad Amin. *Mughni Muhtaj*. Jil. 3. Kaherah : Maktabah al-Jumhuriyyah al-Arabiyyah, 1386H/1966M.
- Ibnu Hazm al-Zahiri. *al-Muhalla*. Juz. 10. Kaherah : Matba'ah al-Muniriyyah, 1972.
- Ibnu Hummam. *Fath al-Qadir*. Juz. 3. Kaherah : Al-Halabi, tt.
- Ibnu Manzur. *Lisan al-'Arab*. Jil. 8. Kaherah : Dar al-Ma'rifah, 1960.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad Abdullah Ibn Ahmad. *Al-Mughni*. Jil. 5. Kaherah: Maktabah al-Jumhuriyyah al-Arabiyyah, t.th.
- Ibn Qudamah. Abu Muhammad Abdullah Ibn Ahmad. *Al-Mugni*. Jil. 7. Kaherah: Maktabah al-Jumhuriyyah al-Arabiyyah, t.th.



- Ibnu Qudamah, Muwaffiq al-Din Wa Shamsu al-Din. *Al-Mughni Wa Syarhu al-Kabir*. Juz. 7. Beirut : Dar al-Fikr, t.th.
- Ibnu Rushd. *Bidayah al-Mujtahid*. Juz. 2. Kaherah : Matba'ah al-Kulliyah al-Azhariyyah, 1966.
- Ibnu Rushd Al-Qurtubi, Muhammad Ibn Ahmad Ibn Muhammad Ibn Ahmad. *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Jil. 2. Kaherah : Maktabah al-Khanji, 1415H/1994.
- Ibtisam Ismail. Pegawai CRC HSB. Temu bual oleh penyelidik. Bilik Tetamu CRC, HSB, Alor Setar. 14 Januari, 2015.
- Irwan Mohd Subri et. al. "Mem"bin/binti"kan Anak Tak Sah Taraf Menurut Perspektif Syarak, Undang-Undang Dan Sosial". Laporan Eksekutif Perundingan Penyelidikan. USIM dengan kerjasama JAKIM. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. (Ipoh, Perak, Mac, 2013).
- Jabatan Mufti Negeri Kedah. *Fatwa Mengenai Larangan Anak Tak Sah Taraf*. Warta Kerajaan Negeri Kedah. Jil. 54. No. 13. 23 Jun 2011.
- Jal Zabidi Mohd Yusoff. *Jenayah Penderaan Kanak-kanak*, Kuala Lumpur : Penerbit UM, 2010.
- "Jalan penyelesaian JPN-Hukum Syarak tetap dipatuhi dalam penamaan anak angkat". (12/03/2000). [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2000&dt=0312&pub=utusan\\_malaysia&sec=Rencana&pg=ot\\_02.htm#ixzz4aZdlzCX1](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2000&dt=0312&pub=utusan_malaysia&sec=Rencana&pg=ot_02.htm#ixzz4aZdlzCX1) (Capaian pada 31 Julai, 2017).
- Jam'u Jawami' al-Ahadis Wa al-Asanid Wa Maknin al-Sihhah Wa al-Sunan Wa al-Masanid. *Sahih Bukhari*. Kitab al-Nafaqaat. Juz. 3. Kaherah : Jam'iah al-Maktabah al-Islami, 1431H/2010M.
- Jam'u Jawami' al-Ahadis Wa al-Asanid. *Sunan Abi Daud*. Juz. 1. Kitab al-Nikah, Bab 30, Hadis No. 2279, Kaherah : Jam'iyah al-Maknaz al-Islami, 1421H/2000M.
- Jam'u Jawami' al-Ahadis wa al-Asanid wa Maknin al-Sihhah wa al-Sunan wa al-Masanid. *Sunan Nasaie*. Juz. 2. Kitab al-Nikah. Kaherah : Jam'iah al-Maktabah al-Islami, 1421H/2000M.
- "Jangan buang bayi luar nikah". (11/07/2014). [http://www.utusan.com.my/utusan/Sabah\\_%26\\_Sarawak/20140711/wb\\_03/Jan-gan-buang-bayi-luar-nikah#ixzz37mFmuajT](http://www.utusan.com.my/utusan/Sabah_%26_Sarawak/20140711/wb_03/Jan-gan-buang-bayi-luar-nikah#ixzz37mFmuajT). (Capaian pada 18 Julai 2014).
- Jas Laile Suzana Jaafar. *Pengenalan Kepada Psikologi Kanak-kanak Remaja*. Cet. 1. Shah Alam : Arah Pendidikan Sdn. Bhd., 2008.

- John W. Creswell. *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. 3rd Edition. California : SAGE Publication, 2009.
- “JPN tidak terikat fatwa nama bapa anak tidak sah taraf”. (27/07/2017). <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/07/306289/jpn-tidak-terikat-fatwa-nama-bapa-anak-tidak-sah-taraf>. (Capaian pada 17 April 2018).
- Juhary Ali. *Asas Pengurusan*. Cet. 1. Pulau Pinang : Penerbit USM, 1995.
- Kak Zi. Temu bual oleh penyelidik. No. 23, Kg Limbong, Langgar, Alor Setar, Kedah. 20 Januari, 2015.
- Kamus Dewan*. Edisi Keempat. Cet 2. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.
- Kamus Undang-undang*. Petaling Jaya : International Law Book Services, 2008.
- “Kementerian Pantau Masalah Keciciran Pelajar”. (03/12/ 2009), <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2009/12/03/kementerian-pelajaran-pantau-masalah-keciciran-pelajar/>. (Capaian pada 27 Oktober 2016).
- “Kerajaan sedia rumah perlindungan gadis hamil luar nikah sejak 1975”. (08/10/2010). [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1008&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_09.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1008&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_09.htm). (Capaian pada 11 Julai 2017).
- “Kes Penderaan Kanak-kanak”. <http://www.kpwkm.gov.my/faq>. (Capaian pada 29 September, 2015).
- Khadijah Alavi et. al. “Hamil Luar Nikah Dalam Kalangan Remaja”. *Journal Of Social Sciences And Humanities*. Vol 7. No.1 (April 2012) : 133.
- Khadijah al-Nabarawi. *Mausu'ah Huquq al-Insan Fi al-Islam*. Cet. 1. Kaherah : Dar al-Salam, 1427H/2006M.
- Khairul Anuar Ismail. “Statistik Kes Zina dan Anak Luar Nikah Di Malaysia”. [suaramuhajirin313.blogspot.com/2013/01/statistik-kes-zina-dan-anak-luar-nikah\\_1.html](http://suaramuhajirin313.blogspot.com/2013/01/statistik-kes-zina-dan-anak-luar-nikah_1.html). (Capaian pada 2 Mei 2014).
- Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI)*. Bab 6, Munakahat, No. 29 dan Bab 10, Sosial dan Syariah, No. 8. “Penamaan Anak Tak Sah Taraf (Anak Luar Nikah”. No. 29. Cet. 5. Putrajaya : Bahagian Pengurusan Fatwa, JAKIM, 2015.
- “Konvensyen-konvensyen dan Undang-undang yang Menjamin Hak Sama Rata Semua Kanak-kanak untuk Kualiti Pendidikan di Persekitaran yang Menyeluruh Edisi Malaysia”. <http://unesdoc.unesco.org/images/0015/001585/158536mly.pdf> (Capaian pada 24 Disember, 2015).

*Laporan Statistik 2013-2015*. Putrajaya : Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2015.

“Latar belakang NKRA”. <http://www.kpwkm.gov.my/nkra/latarbelakang>. (Capaian pada 25 April 2014).

*Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Kedah*. “Terbitan Khas 40 Tahun (1968-2008)”. Cet. 1. Sintok : Penerbit UUM, 2008.

Lexy J. Moleong, M.A. *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Cet. 31. Bandung : PT Remaja Rosdakarya, 2013.

Majlis Fatwa Kebangsaan. *Fatwa mengenai Anak Tak Sah Taraf*. Kuala Lumpur : tidak diterbitkan, 10 Jun, 2003.

Mahmud Saedon Awang Othman, “Hak Kanak-kanak Menurut Pandangan Islam“, *Undang-Undang Keluarga dan Pentadbiran Harta Wakaf*, Ahmad Ibrahim et. al. Al-Ahkam. Jil. 6. Cet. 1. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.

Maizatul Haizan Mahbob dan Wan Idros Wan Sulaiman. “Apa Hebatnya Program Transformasi Kerajaan?”. *Jurnal Komunikasi Malaysian*, Jil. 30. Keluaran khas. (2014) :146.

“Mari Kita Fahami Isu Mengapa Akta 355 Perlu Dipinda dan Seluruh Rakyat, Ahli Parlimen Wajib Sokong”.(27/05/2016). <http://www.wismaweb.net> (Capaian pada 24 Oktober 2017).

Marzuki Mahmood dan Mahmood Zuhdi Abdul Majid. *Khalifah ‘Umar al-Khattab : Dasar Pemerintahan dan Polisi Perundangan*, Cet. 1. Kuala Lumpur : IKIM, 2000.

Mastura Mohd Zain. “Kekang Kes Penderaan Kanak-Kanak”. <http://www.utusan.com.my/rencana/kekang-kes-penderaan-kanak-kanak-1.110952>. (Capaian pada 21 Disember, 2015).

Maternal, newborn, child and adolescent health.  
[http://www.who.int/maternal\\_child\\_adolescent/epidemiology/maternal-death-surveillance/en/](http://www.who.int/maternal_child_adolescent/epidemiology/maternal-death-surveillance/en/). (Capaian pada 24 Ogos 2017).

“Mekanisme Penyiasatan Murid Cicir”,  
[http://www.moe.gov.my/upload/galeri\\_awan/pekeliling/2008\\_BTMMK\\_126\\_28\\_61\\_7019.pdf](http://www.moe.gov.my/upload/galeri_awan/pekeliling/2008_BTMMK_126_28_61_7019.pdf). (Capaian pada 28 Oktober 2016).

“Melayu paling ramai mohon anak angkat”. (19/05/2011).  
[http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0519&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_15.htm](http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0519&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_15.htm). (Capaian pada 25 November, 2017).

- Mohamad Faizal Mohammad dan Mohd Zaki Ishak. “Gejala Hubungan Seks Dalam Kalangan Pelajar: Satu Kajian Kes”. Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014 (SKIK 2014). (Fakulti Psikologi dan Pendidikan, UMS, Kota Kinabalu, 11 Disember 2014).
- Mohamad Isa Abd Ralip. “Bapa wajib beri nafkah walaupun sudah bercerai”. (15/10/2013). <http://kes2syariah.blogspot.my/2013/10/bapa-wajib-beri-nafkah-walaupun-sudah.html>. (Capaian pada 03 Oktober 2014).
- Mohamed Azam Mohamed Adil. “Kewajipan patuh kepada fatwa”. (11/11/2014). <http://www.utusan.com.my/rencana/kewajipan-patuh-kepada-fatwa-1.23284>. (Capaian pada 22 Disember, 2017).
- Mohd Al Adib Samuri. *Menyediakan Kertas Cadangan Penyelidikan Disertasi dan Ph.D Syariah*. Bangi : Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, t.th.
- Mohd Anuar Mamat dan Muhamad Lukman Ibrahim. “Tujuan Pendidikan Menurut Al-Quran dan As-Sunnah : Analisis Terhadap Pendidikan Berbahasa Arab”. *Jurnal Darul Quran JAKIM*. Bil. 16 (2012) : 107.
- Mohd Anuar Ramli dan Nik Rasyidah Mohamad, “Penubuhan *Sekolah Harapan Rumah Harapan* Di Melaka : Penilaian Dari Perspektif Islam”. *Jurnal Al-Basirah*. Vol. 6, No.1, (Disember 2016) : 19.
- Mohd Basharudin Samsudin. Penolong Pegawai Kebajikan, PKMD Kota Setar, Kedah. Temu bual oleh penyelidik. Pejabat PKMD Kota Setar, Kedah. 01 Februari, 2016.
- Mohd Mahyeddin Mohd Salleh dan Nisar Mohamad Ahmad. “Pengurusan dan Pelindungan Anak Tak Sah Taraf Melalui ‘Baby Hatch’ : Satu Penilaian Daripada Perspektif Maqasid Syariah dan Undang-Undang Malaysia”. Kertas kerja. (ISLAC, UNiSZA, Terengganu, Nov. 18-19, 2011).
- Mohd Riddual Ahmad. Penolong Pengarah, Bahagian Kelahiran dan Kematian, JPN Kedah. Temu bual secara telefon oleh penyelidik. 23 Disember, 2015.
- Mohd Shukri Hanapi dan Mohd Tajul Sabki Abdul Latib. *Kamus Istilah Undang-undang Jenayah Syariah*. Terbitan Pertama. Kuala Lumpur : Zebra Editions Sdn. Bhd., 2003.
- Muhaamad Hafis Nawawi. “Kes buang bayi kini kes bunuh”. (04 April, 2017). <http://www.hmetro.com.my/node/218689>. (Capaian pada 11 Jun 2017).
- Muhammad Abu Zuhrah. *al-Ahwal al-Syakhsiyyah*. Kaherah : Dar al-Fikr al-‘Arabi, 1957.

- Muhammad Ahmad Burkab. *al-Masolih al-Mursalah Wa Atha'ruha Fi Murunah al-Fiqh al-Islami*. Cet 1. Dubai : Dar al-Buhus Li al-Dirasat al-Islamiyyah Wa Ihya' al-Turath, 1423H/2002M.
- Muhammad Bakir Yaakob dan Khatijah Othman, “Strategi Ke Arah Kebajikan Anak-anak dari Perspektif Islam”, *Penilaian Psikososial Kanak-kanak : Isu-isu Kebajikan dan Perkembangan*, pynt. Azlin Hilma Hillaluddin dan Zarina Mat Saad. Cet. 2. Sintok : UUM Press, 2012.
- Muhammad Ibrahim al-Haqawi. *Mu'jam Gha'rib al-Fiqh Wa al-'Usul*. Jil. 1. Kaherah : Dar al-Hadis, 1430H/2009M.
- Muhammad Rawwas al-Qal'aji. *al-Mausu'ah al-Fiqhiah al-Muyassarah*. Jil. 2. Cet. 1. Beirut : Dar al-Nafais, 1421H/2000M.
- Muhammad Said Ramadhan al-Buthi. *Dhawabid al-Maslahah Fi al-Syariah al-Islamiyyah*. Cet. 1. Damsyik : Dar al-Fikr, 1426H/2005M.
- Mumtaj Hassan. “Pelindungan Menurut Perspektif Akta Kanak-Kanak 2001 : Jenayah Oleh Kanak-Kanak”. *Pemikir*. Bil. 45. (Julai - September 2006) : 71.
- Mustafa Dakian. *Sistem Kewangan Islam : Instrumen, Mekanisme dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Terbitan Pertama. Kuala Lumpur : Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd., 2005.
- Mustapha Man. “Masyarakat Melayu : Masalah Penderaan dalam Rumahtangga dan Penyelesaiannya”. *Masyarakat Melayu dan Gejala Sosial*, Kuala Lumpur : INMIND, 1996.
- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) kali pertama. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/penamaan-anak-tak-sah-taraf-anak-luar-nikah>. (Capaian pada 31 Mac, 2016).
- Nabilah Yusof et.al. “Status Anak Dalam Perkahwinan Sindiket Menurut Perspektif Syarak Dan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984”. *Proceeding Of The International Conference On Social Science Research*. (ICCSR, Penang, Malaysia, 4-5 Jun, 2013).
- Najibah Mohd Zin. “Keperluan Memberi Nafkah”. (11/04/2014). [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=0411&pub=Kosmo&sec=Varia&pg=va\\_01.htm](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=0411&pub=Kosmo&sec=Varia&pg=va_01.htm). (Capaian pada 03 Oktober 2014).
- Nashikin Hanafi. Penelia Bimbingan RPNH. Temu bual oleh penyelidik. RPNH, Alor Setar, Kedah. 6 Mei, 2014.

- Nassir Hj Abdul Aziz. "Persiapan Mahkamah Syariah Ke Arah Pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam Di Malaysia". *Jurnal Penyelidikan Islam*. Bil. 9. Cet. 1 (1995) : 33.
- Nor. Temu bual oleh penyelidik. RPNH, Alor Setar, Kedah. 03 Februari, 2015.
- Nor Afzan Mohamad Yusof dan Nor Hatina Shuib. "Imej, reputasi Islam lebih utama". (14/08/2017). <https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2017/08/312270/imej-reputasi-islam-lebih-utama>. (Capaian pada 17 April, 2018).
- Nora Abdul Hak. "Hak Kanak-Kanak dari Aspek Hadanah dan Nafkah: di bawah Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia". Simposium Kebangsaan Kebajikan Kanak-Kanak. (Gurney Resort Hotel and Residences, Pulau Pinang, 21 - 22 Julai, 2004).
- Nora Abdul Hak, "Jaminan Nafkah Kanak-Kanak", *Siri Perkembangan Undang-Undang di Malaysia : Undang-Undang Keluarga Islam*, pynt. Najibah Mohd Zin et. al. Jil. 14. Cet. 1. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.
- Noor Aziah Mohd Awal. "Ke Arah Memantapkan Hak Kanak-Kanak Di Malaysia". Kertas kerja Seminar Kebangsaan Undang-Undang Kanak-kanak : Ke Arah Pemantapan Hak Kanak-Kanak di Malaysia. (Hotel Primula, Terengganu, 13 Julai, 2008).
- Noor Aziah Mohd Awal. "Menjaga Hak Kanak-Kanak : Apakah Implikasi CRC kepada Malaysia". <http://www.utusan.com.my/rencana/agama/menjaga-hak-kanak-kanak-1.61165>. (Capaian pada 9 November, 2015).
- Noor Aziah Mohd Awal. *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Di Malaysia*. Cet. 1. Petaling Jaya : International Law Book Services, 2003.
- Norizan Abdul Muhid. "Menangani kes murid tanpa dokumen". (04/02/2013). [http://www1.utusan.com.my/utusan/Pendidikan/20130204/pe\\_01/Menangani-kes-murid-tanpa-dokumen](http://www1.utusan.com.my/utusan/Pendidikan/20130204/pe_01/Menangani-kes-murid-tanpa-dokumen). (Capaian pada 03 Julai, 2017).
- Normi Abdul Malek, "Hadanah", *Siri Perkembangan Undang-Undang di Malaysia : Undang-Undang Keluarga Islam*, pynt. Najibah Mohd Zin et. al. Cet. 1. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.
- Nurul. Temu bual oleh penyelidik. No. 23, Kg Limbong, Langgar, Alor Setar, Kedah. 20 Januari, 2015.
- Nur Zahidah Hj Jaapar dan Raihanah Hj Azahari. "Model Keluarga Bahagia Menurut Islam". *Jurnal Fiqh*. No. 8. (2011) : 35.
- Nusair Zarwaq. *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah Fi Fikr al-Imam Sayyid Qutb*. Cet. 1. Kaherah : Dar as-Salam, 1430H/2009M.

Othman Talib. *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan dan Statistik*. Cet. 1. Serdang : Penerbit UPM, 2013.

Puan Iton. Temu bual oleh penyelidik. RPNH. Alor Setar. 27 Januari, 2015.

Paizah Ismail. "Anak Tak Sah Taraf Dari Perspektif Syariah dan Perundangan Islam di Malaysia". *Jurnal Fiqh*. No. 10 (2013) : 79.

"Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak".  
[http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=pasukan\\_perlindungan\\_kanak-kanak\\_ppkk\\_dan\\_pusat\\_aktiviti\\_kanak-kanak\\_pakk&lang=bm](http://www.jkm.gov.my/content.php?pagename=pasukan_perlindungan_kanak-kanak_ppkk_dan_pusat_aktiviti_kanak-kanak_pakk&lang=bm). (Capaian pada 01 Oktober, 2015).

"Pegum bidas isu anak luar nikah jadi mangsa". (31/07/2017).  
<https://www.malaysiakini.com/news/390361>. (Capaian pada 17 April, 2018).

"Pembangunan". [portal rasmi],  
<http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=dVJ0NIVTeGM2alF4MFVoZ3JRYXovQT09>. (Capaian pada 09 Jun 2017).

"Pendaftaran Pengangkatan Anak Angkat Atas Talian".  
<http://anak.jkm.gov.my/paponline/index.php?menu=info>. (Capaian pada 29 November 2017).

Penderaan Kanak-kanak di Malaysia. UNICEF Malaysia. (September 2010).  
<https://www.unicef.org/malaysia/GetonBoard-Fakta-Penderaan-Kanak-kanak-di-Malaysia.pdf>. (Capaian pada 14 Ogos 2017).

"Penderaan kanak-kanak serius?". (15/04/2016).  
<https://www.utusan.com.my/berita/jenayah/penderaan-kanak-kanak-serius-1.260222>. (Capaian pada 08 November 2016).

"Pendidikan wajib - Tiada ibu bapa diheret ke Mahkamah".  
[http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=1007&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe\\_01.htm](http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=1007&pub=Utusan_Malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe_01.htm). (Capaian pada 24 Disember, 2015).

"Penjelasan Artikel 121 (1A)". (29/01/2008).  
<https://www.malaysiakini.com/letters/45948>. (Capaian pada 18 Ogos 2017).

"Peranan Zakat Dalam Pembangunan Ekonomi".  
[http://www.izakat.com/index.php?option=com\\_content&view=article&id=105%3Aperanan-zakat-dalam-pembangunan-ekonomi&catid=31%3Atazkirah&Itemid=52&lang=bm](http://www.izakat.com/index.php?option=com_content&view=article&id=105%3Aperanan-zakat-dalam-pembangunan-ekonomi&catid=31%3Atazkirah&Itemid=52&lang=bm). (Capaian 26 Disember, 2015).

Perbahasan RUU ditangguhkan – Pandikar. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/perbahasan-ruu-355-ditangguhkan-pandikar-138309>. (Capaian pada 14 Mei 2017).

“Perkhidmatan – Taman Seri Puteri”. [portal rasmi]. <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=dS9TbzMvUDFmazl0aXVLOGpoRTVzQT09>. (Capaian pada 31 Julai 2017).

“Permohonan Pendaftaran Pengangkatan (De facto) - dokumen yang diperlukan”. [portal rasmi]. <http://www.jpn.gov.my/maklumat-anak-angkat/permohonan-pendaftaran-pengangkatande-facto/#1458539025806-2fde9f63-f15d>. (Capaian pada 31 Julai 2017).

Phahrol Mohd Juoi. “Akhlak Runtuh Tamadun Jatuh”. *Solusi*. Februari 2011.

“Pilih Pemegang Amanah Jujur Pastikan Pusaka Tak Diseleweng”. *Berita Harian*. 21 Jun, 2011.

“Pindaan RUU 355 mampu bending jenayah syariah, anak luar nikah”. (01/10/2016). <http://www.freemalaysiatoday.com>. (Capaian pada 24 Oktober 2017).

“Pindaan Undang-undang Buang Bayi Perlu Dipercepat”. (27/04/2010). <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2010/04/27/pindaan-undangundang-buang-bayi-perlu-dipercepat/>. (Capaian pada 18 Julai 2014).

“Polis tahan suami isteri disyaki dera anak angkat berumur 4 tahun”. (16 Januari 2016). <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tahan-suami-isteri-disyaki-dera-anak-angkat-berumur-4-tahun-89848>. (Capaian pada 06 Ogos 2016).

“Program Transformasi Kerajaan (GTP) : Pelan Haja Tuju – Ringkasan Eksekutif”. Putrajaya : Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU). JPM. 28 Januari 2010.

“Program Transformasi Negara”. *Laporan Tahunan 2016*. Edisi 1. Cet. 2. Putrajaya : PEMANDU, 2017.

Puan Iton. Temu bual oleh penyelidik. RPNH, Alor Setar, Kedah. 27 Januari, 2015.

“Pusat Baby Hatch”. [portal rasmi]. <http://orphancare.org.my/ms/>. (Capaian pada 13 Julai 2017).

Raihanah Hj Abdullah. “Penganiayaan Kanak-Kanak : Masalah Dan Penyelesaiannya Di Malaysia”. *Jurnal Syariah*. Jil. 2. Cet. 1 (1999) : 129.

Rencana. “Jalan penyelesaian JPN -Hukum Syarak tetap dipatuhi dalam penamaan anak angkat”.(12/03/2000). [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2000&dt=0312&pub=utusan\\_ma](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2000&dt=0312&pub=utusan_ma)



[laysia&sec=Rencana&pg=ot\\_02.htm#ixzz4aZdIzCX1](#) (Capaian pada 31 Julai, 2017).

RMK 10 (2011-2015), Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, 186-187. [http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/RMK/RMK10\\_Mds.pf](http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/RMK/RMK10_Mds.pf). (Capaian pada 25 April 2014).

RMK 11 (2016-2020). Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, Putrajaya, 4-14. <http://www.epu.gov.my/ms/rmk/rancangan-malaysia-kesebelas-2016-2020>. (Capaian pada 24 Ogos 2017).

Robert K. Yin. *Case Study Research Design and Methods*. 2<sup>nd</sup> Edition. London : SAGE Publications Ltd., 1994.

Robert K. Yin. *Case Study Research Design and Method*. 3<sup>rd</sup> Edition. London: SAGE Publication, 2003.

Robert K. Yin. *Case Study Research Design and Methods*. 5<sup>th</sup> Edition. London : SAGE Publications Ltd., 2014.

Rohidzir Rais et. al. *Ensiklopedia Solat*. Cet.1. Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn. Bhd., 2011.

Ros. Temu bual oleh penyelidik. RPNH Alor Setar, Kedah. 27 Januari 2015.

Roshdan Sujak Rafie. “Peguam Syarie Menulis : Anak Luar Nikah Bernasabkan Bapa Undang Implikasi Buruk”. [http://www2.bharian.com.my/bharian/articles/PeguamSyarieMenulis\\_Anakluar\\_nikahbernasabkanbapaundangimplikasiburuk/Article](http://www2.bharian.com.my/bharian/articles/PeguamSyarieMenulis_Anakluar_nikahbernasabkanbapaundangimplikasiburuk/Article). (Capaian pada 09 November, 2015).

Rosnaini et. al. “Pendidikan Anak-Anak Berdasarkan Surah Luqman”. *Penilaian Psikososial Kanak-Kanak : Isu-Isu Kebajikan dan Perkembangan*, pynt. Azlin Hilma Hillaluddin dan Zarina Mat Saad. Cet. 2. Sintok : UUM Press, 2012.

Rozainah Abdul Rahim. “Dilema Lisa Mahu Anak Jadi Anak Angkat”. <http://www.bernama.com/bernama/v8/bm/ge/newsperspectives.php?id=1287429>. (Capaian pada 14 Julai 2017).

“Rumah Kita bantu remaja terlanjur”. (20/02/2017). <http://www.sinarharian.com.my/mobile/edisi/perak/rumah-kita-bantu-remaja-terlanjur-1.631161>. (Capaian pada 24 Oktober 2017).

RUU 355 : Usul penuh Presiden PAS. <http://m.harakahdaily.net.my/index.php/headline/43331-ruu-355-usul-penuh-presiden-pas>. (Diakses pada 14 Mei 2017).

- Salamatussaadah Abd. Ghadur dan Nor Ba'ayah Abdul Kadir. "Hubungan Romantik Dan Remaja Hamil Luar Nikah Di Pusat Pemulihan". *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*. Vol. 4. No. 1. (Mei 2009) : 106.
- Salleh Buang. "Menggubal Undang-Undang Persekolahan". (6/11/2011). [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=1106&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_03.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=1106&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_03.htm). (Capaian pada 29 April, 2016).
- Salma Ishak et. al., "Jagaan Di Institusi : Apa Pengalaman dan Pandangan Kanak-kanak", *Penilaian Psikososial Kanak-kanak : Isu-isu Kebajikan dan Perkembangan*, pynt. Azlin Hilma Hillaluddin dan Zarina Mat Saad. Cet.2. Sintok : UUM Press, 2012.
- Sanep Ahmad, "Agihan Zakat Merentasi Asnaf : Ke Arah Memperkasa Institusi Zakat", Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM IV) Memacu Pembangunan Ekonomi Dalam Ketidaktentuan Persekitaran Global, (Kuantan, Pahang, 2-4 Jun 2009).
- Saadah Abd Rahman. "Perkemas Fungsi Baitulmal". *Utusan Malaysia*. 19 Mac, 2010.
- Sayyid Qutb. *Fi Zilal al-Quran*. Juz. 2. Cet. 1. Kaherah : Dar al-Syuruq, 1972.
- Sayyid Sabiq. *Fiqh al-Sunnah*. Jil. 3. Cet. 7. Beirut : Dar al-Kutub, 1405H/1985M.
- "Sejarah Penubuhan Zakat Kedah". [portal rasmi]. <https://www.zakatkedah.com.my/index.php/profil-lzkn/>. (Capaian pada 05 Jun 2017).
- "Senarai bantuan", [portal rasmi], <https://www.zakatkedah.com.my/index.php/senarai-bantuan/#1479712295382-b7997415-c228>. (Capaian pada 05 Jun 2017).
- "Setengah juta anak tak sah taraf". [portal rasmi]. (10/11/2016). <https://www.hmetro.com.my/node/180793>. (Capaian pada 04 Ogos 2017).
- "Sidang Dewan Rakyat ditangguh, 19 rang undang-undang diluluskan". (10/08/2017). <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/sidang-dewan-rakyat-ditangguh-19-rang-undang-undang-diluluskan-152020>. (Capaian pada 22 Ogos 2017).
- Siti Norlina Muhamad et. al. "Budaya Penyayang Dalam Kehidupan Masyarakat Islam: Antara Teori Dan Praktis". Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004). (Hotel City Bayview, Langkawi, 4-6 September 2004).
- Siti Shamsiah Md Supi. "Anak Tidak Syarie : Di Mana Kedudukannya". <http://www.ikim.gov.my/index.php/en/utusan-malaysia/7499-anak-tidak-syari-di-mana-kedudukannya>. (Capaian pada 9 November, 2015).

Siti Zalikhah Md Nor. *Pelindungan Kanak-kanak Dalam Islam : Perlaksanannya Menurut Undang-undang di Malaysia*. Edisi 1. Cet. 1. Kuala Lumpur : Nurin Enterprise, 1989.

Siti Zalikhah Md Nor. “Beberapa Aspek Mengenai Sabitan Hubungan Biologi Antara Anak dan Bapa Tanpa Nikah”. *Jurnal Hukum*. Jil. 25. Bhg. 2 (April 2008) : 183.

“Skim Bantuan Kebajikan – Bantuan Bulanan”. [portal rasmi]. <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=SnBhRGJjYVdIc1lodEJsZE51ekxtUT09>. (Capaian pada 31 Julai 2017).

“Soalan lazim – anak angkat”. [portal rasmi]. <http://www.jpn.gov.my/soalan-lazim/anak-angkat/#1458864851305-15b178cd-1b4f>. (Capaian pada 31 Julai, 2017).

Sophia Ahmad. “159,725 anak tak sah taraf didaftar sejak 2013 : JPN”. [portal rasmi]. (13/09/2016). <http://www.bharian.com.my/node/192319>. (Capaian pada 04 Ogos 2017).

“Statistik kutipan”. [portal rasmi]. <https://www.zakatkedah.com.my/index.php/statistik-kutipan/>. (Capaian pada 05 Jun 2017).

Suffian bin ‘Umar Buraq’ah. *al-Nasab Wa Mada Ta’thir al-Mustajaddad al-‘Ilmiyyah Fi Ithbatih*. Cet. 1. Riyadh : Dar Kanza Syibilia Lil Nasyri Wa al-Tauzi’, 1428H/2007M.

Sulaiman Masri. *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan*. Edisi 2. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., 2005.

“Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 14/2002 : Pelaksanaan Pendidikan Wajib Di Peringkat Rendah 2003”. (27 November 2002), [http://www.moe.gov.my/upload/galeri\\_awan/pekeliling/2008\\_BTMMK\\_126\\_28\\_61\\_7019.pdf](http://www.moe.gov.my/upload/galeri_awan/pekeliling/2008_BTMMK_126_28_61_7019.pdf). (Capaian pada 28 Oktober 2016).

Surat rasmi daripada Baitulmal Negeri Kedah. 18 Julai, 2017.

Surat rasmi HSB kepada penyelidik. 5 Januari, 2015.

Surat rasmi JPN Kedah kepada penyelidik. 12 Januari, 2015.

Surat rasmi JPN Putrajaya kepada penyelidik. 4 Februari, 2015.

Surat rasmi UUM kepada HSB. 30 Disember, 2014.

Surat rasmi UUM kepada JPN Kedah. 30 Disember, 2014.

Surat rasmi UUM kepada LKPI Kedah. 14 Januari, 2015.

- Suzailina Halid. “Kerajaan Negeri perlu bantu atasi isu pelajar keciciran sekolah”. (23/05/2017). <http://www.bharian.com.my/node/285660>. (Capaian pada 03 Julai 2017).
- Syed Omar Syed Agil. “Sejarah Kepemimpinan Dalam Sistem Pentadbiran Islam”. *Pengurusan dan Pentadbiran : Mencapai Kecemerlangan Melalui Penghayatan Nilai*, pynt. Syed Othman Al-Habshi dan Hamiza Ibrahim. Cet. 3. Kuala Lumpur : IKIM, 2003.
- Syeikh Ahmad Fisol Hj Omar. Ketua Pegawai Penguatkuasa, JAIK, Alor Setar, Kedah. Temu bual secara telefon oleh penyelidik. 29 Mac, 2016.
- Syeikh Fakhurrazi Yub. Ketua Bahagian Baitulmal Negeri Kedah. Temu bual secara telefon oleh penyelidik. 10 Oktober 2016
- Syeikh Muhammad al-Tahir bin ‘Asyur. *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*. Cet. 2. Urdun : Dar al-Nafais, 1421H/2001M.
- Syh Noorul Madiah Syed Husin. “Gelagat Perbelanjaan Perkahwinan Masyarakat Melayu Muslim Menurut Perspektif Syariah”. Latihan Ilmiah. Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2017.
- “Taman Seri Puteri”. [portal rasmi JKM]. <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=dS9TbzMvUDFmazl0aXVLOGpoRTVzQT09>. (Capaian pada 11 Julai 2017).
- Tivya Mariappan. “Selepas lima tahun, Sekolah Harapan tercapai matlamatnya - Pengarah JAIM”. (12/05/2015), <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/selepas-lima-tahun-sekolah-harapan-tercapai-matlamatnya-pengarah-jaim-59697>. (Capaian pada 10 April 2018).
- Umi Kalthum A. Karim. “Peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dalam Permasalahan Remaja”. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*. Vol. 17, No. 2 (1994) : 27 – 28.
- Undang-undang Malaysia. [portal rasmi]. [http://Www.Agc.Gov.My/Agcportal/Uploads/Files/Publications/LOM/MY/Akt a%20355%20%20Akta%20Mahkamah%20Syariah%20\(Bidang%20Kuasa%20Jenayah\)%201965.Pdf](http://Www.Agc.Gov.My/Agcportal/Uploads/Files/Publications/LOM/MY/Akt a%20355%20%20Akta%20Mahkamah%20Syariah%20(Bidang%20Kuasa%20Jenayah)%201965.Pdf). (Capaian pada 14 Mei 2017).
- Vimmy Yasmine Abd Razak. Temu bual telefon dengan penyelidik. 24 Ogos 2017.
- “Visi dan misi LZNK”. [portal rasmi]. <https://www.zakatkedah.com.my/index.php/visi-misi/>. (Capaian pada 10 Jun 2017).
- Wahbah al-Zuhaili. *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*. Juz. 7. Cet 3. Damsyik : Dar al-Fikr, 1417H/1996M.

- Wahbah al-Zuhaili. *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*. Jil. 10. Cet. 4. Damsyik : Dar al-Fikr, 1997.
- Wahbah al-Zuhaili. *Fiqh dan Perundangan Islam*. Terj. Ahmad Shahbari Salamon et. al. Jil. 7. Cet. 1. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. 2001.
- Wan Azmi Ramli. “Kebajikan Masyarakat : Masalah dan Cabaran”. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*. Vol. 12. No. 2 (Disember 1990) : 22.
- Wan Liz Ozman Wan Omar. *Pengurusan Islam Abad Ke-21*. Terbitan Pertama. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., 1996.
- Wan Mohd Nasir Wan Abd Wahab al-Madani Al-Azhari. *Pengenalan Asas Kepada Maqasid Syariah : Objektif Hukum-Hakam Islam*. Cet. 1. Shah Alam : PSN Publications, 2012.
- Wan Nurasmah Wan Din. Pembantu RPNH. Temu bual oleh penyelidik. RPNH, Alor Setar, Kedah. 6 Mei, 2014
- Yusliza Yakimir Abd Talib. “Rumah remaja terlanjur”. (05/05/2016). <https://www.hmetro.com.my/node/135692>. (Capaian pada 22 Ogos 2017).
- Yusuf al-Qaradhawi. *al-'Ibadat Fi al-Islam*. Kaherah : Maktabah Wahbah, 1995.
- Yusuf al-Qaradhawi. *Dirasah Fi Fiqh Maqasid al-Syariah*. Cet. 2,. Kaherah : Dar al-Syuruq, 1428H/2007M.
- Yusuf al-Qaradhawi. *Fatwa Masa Kini*. Jil. 7 dan 8. Cet. 1. Terj. Zaidi Jalil, Munawwar Muhammad dan Norman Mohd Nor. Kuala Lumpur : Pustaka Salam Sdn. Bhd., 1995.
- Yusuf al-Qaradhawi. *Fiqh : Ekonomi Islam*, Cet. 1, Terj. Mohamad Dahlan Haji Arshad. Kuala Lumpur : Blue-T Publication Sdn. Bhd., 2009.
- Yusuf al-Qaradhawi. *Madkhal li-ma`rifat al-Islam : Muqawamatuhi, Khasaisuhu Ahdafuhu, Masadiruhu*. Kaherah: al-Maktabah al-Wahbah, 1996.
- Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan. “Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka”. *Journal of Education Psychology & Counseling*, Vol. 1. Mac 2011 : 118.
- Zainul Rijal Abu Bakar. “Jangan Usik Perkara 121 Perlembagaan”. (23/02/2012). [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0223&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_04.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0223&sec=Bicara_Agama&pg=ba_04.htm). (Capaian pada 18 Ogos 2017).

- Zakaria Stapa et.al. "Pendidikan Menurut Al-Quran Dan Sunnah Serta Peranannya Dalam Memperkasakan Tamadun Ummah". (2012). <http://www.ukm.my/jhadhari/makalah/khas2012/JD005862%207-22.pdf>. (Capaian pada 18 Mac, 2015).
- Zaki al-Din Syaa'ban. *al-Ahkam al-Syariyyah Lil Ahwal al-Syaksiah*. Cet. 6. Banghazi : Jamiah Qar Yunus, 1993.
- Zakiyah Jamaluddin. "Kemiskinan Dan Keciciran Dalam Pendidikan". *Jurnal Kebajikan Masyarakat*. Vol. 37 (2011) : 15.
- Zanariah Abd Mutalib. "Anak Tidak Sah Taraf Hak Ibu". (22/02/2012). [http://www.malaysianbar.org.my/berita/komen\\_undang\\_undang/anak\\_tidak\\_sah\\_taraf\\_hak\\_ibu.html](http://www.malaysianbar.org.my/berita/komen_undang_undang/anak_tidak_sah_taraf_hak_ibu.html). (Capaian pada 18 Julai 2014).
- "123 bayi diselamatkan sejak lima tahun lalu". <http://www.sinarharian.com.my/nasional/123-bayi-diselamatkan-sejak-lima-tahun-lalu-1.432961> (Capaian pada 21 Disember, 2015).
- "3,980 remaja hamil anak luar nikah". (10/09/2016), <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/3-980-remaja-hamil-anak-luar-nikah-1.380841>. (Capaian pada 11 April 2018).
- "4,652 kes penderaan melibatkan kanak-kanak" (17/03/2017). [portal rasmi], <http://www.utusan.com.my/berita/parlimen/4-652-kes-penderaan-libatkan-kanak-kanak-1.458091>.(Capaian pada 14 Ogos 2017).
- "10,915 Anak Tidak Sah Taraf Di Kedah". *Sinar Harian*. 26 April 2015.